# ANWAR lawan GHAFAR

## Selepas Ghafar Letak Jawatan

EDISI KEDUA

Isbn 983-99829-4-X

# ANWAR lawan GHAFAR

## Selepas Ghafar Letak Jawatan

**AHMAD LUTFI OTHMAN**

Edisi kedua, Oktober 1993

Penerbitan Pemuda
28 Jalan Pahang Barat
Off Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

Cetakan Pertama 1993
Cetakan Pertama, Edisi Kedua Oktober 1993

© Hak cipta Ahmad Lutfi Othman

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, fotografi dan isi kandungan buki ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis.

ISBN: 983-99829-4-X

Aturhuruf: Azhar Mahmud
Muka Taip Teks: Times
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Diterbitkan oleh:
Penerbitan Pemuda
28 Jalan Pahang Barat
Off Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

Dicetak oleh
Cetak Khidmat & Niaga
101, Jalan Segambut Selatan
Kuala Lumpur

M
BHM
Hadiah
733868
10 FEB 1995
Perpustakaan Negara
Malaysia

Untuk:

**Pemimpin Umno,**
**berhati-hatilah bermain politik,**
**jangan gadaikan maruah ummah**

# KANDUNGAN


I. Pendahuluan 9
1. Siapa Boleh Sekat Pak Lah 27
2. Mengapa Anwar Sahaja Jadi Sasaran 47
3. Anwar Lawan Ghafar; Siapa Yang Perlu Disokong? 61
4. Mencari Seorang Bapa dalam Umno 85
5. Gandingan Pak Lah - Anwar; Mengapa Mustahil? 103
6. Pandangan Anwar Tentang Akhlak 115
7. Pak Lah Menggugat dalam Diam 125
8. Musa Kembali; Siapa Pula Yang Cemas? 135
9. Ghafar Akan Laksanakan Dasar Ekonomi Tengku Razaleigh? 165
10. Ghafar Tokoh Pendamai 185
11. Perebutan Kuasa Bukan Cerita Baru 197
12. Anwar dan Kudanya: Lebih Mudah Menunggangi Manusia dari Menunggang Kuda 203
13. Apa Lebihnya Anwar? Apa Kurangnya Ghafar? 215
14. Tanggapan Anwar Tentang Tamadun Ummah 235
15. Kemelut Ummah: Sikap Sebenar Anwar 247
16. Naib Presiden Perlu RM134 Juta? 261
17. Sanusi Curigai Pak Lah 271
18. Demi Kuasa Anwar Ketepikan Keadilan 285
19. Bolehkah Cakap Anwar Dipegang? 309
20. Ingatan Musa: Umno Parti Kampungan Bukan Elitis 323
21. Pemuda Era Anwar Menentang Penyelewengan: Jangan Jadi Cakap Tak Serupa Bikin Sudahlah! 335

22. Shahrir Bukan Budak Nakal Lagi 351
23. Yusof Noor Bukan Setakat Pengganti Wan Mokhtar 369
24. Ghafar Pertahankan Umno (Baru) 375
25. Kepentingan Menjejaki Latar Belakang Pemimpin 389
26. Pecah-Belah dan Perintah: Warisan Mahathir Yang Terpaksa Dipertahankan 405
27. Giliran Anwar Kuasai *Utusan Melayu* 427
28. Hasrat Ghafar Yang Tidak Tertunai 439
29. Keperluan *Check and Balance* Dalam Kabinet Anwar 441
30. Menjejaki Perletakan Jawatan Musa Hitam 447
31. Melayu Baru Hanya Dalih Untuk Ketepikan Ghafar? 455
32. Rencana M.G.G Pillai Yang Kontroversi Bukti Juak-Juak Anwar Melatah Bila Diusik 463
33. Selamat Tinggal Ghafar 467
34. Cara Umno Tangani Masalah Perpaduan 471
35. Apa Salahnya Umno Sebagai Parti Kampung 477
36. Hebatnya Pengaruh Ketua Perhubungan Umno Negeri Selepas Muhd Taib, Salamon MB Selangor? 485
37. Samad Ismail Cadang Tun Mustapha Ketuai Umno Sabah 491
38. Kisah *The Sun, The Observer, The Leader, Malaysian Industry* dan Kartun Layang 495
39. Korporat Yang Bukan Keparat 499
40. Isyarat Anwar Buat Rafidah Sikap Berkecuali Pun Anwar Tak Suka! 503
41. Syed Hamid: Antara Gantung Diri Dengan Tarik Diri Jawatan Setiausaha Agung Umno Bertukar Tangan Ke Mana Tok Mat Selepas Berjasa Kepada Anwar? 507
42. Mengapa Pm Tidak Sabarkan Usaha Singkirkan Ghafar? Sepatutnya Berilah Peluang Ghafar Bersara Dengan Baik 511
43. 1996: Najib Lawan Anwar? 513
44. CIA Restui Anwar? 517
45. Siapa Anwar Akan Lantik Jadi Menteri Kewangan? Kenapa Pilihanraya Umum Akan Dipercepat? 521

# PENDAHULUAN EDISI BARU

## SELEPAS GHAFAR LETAK JAWATAN SETELAH GHAFAR TARIK DIRI

"*Dan tiadalah kehidupan dunia itu selain dari main-main dan senda gurau sahaja dan sesungguhnya kampung akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Tidakkah kamu memahaminya.*" (maksud al-Quran 6:32)

Buku *Anwar Lawan Ghafar?* cetakan pertama, edisi pertama mendapat sambutan yang cukup membanggakan. Bukan setakat pembaca memberi reaksi, malah Mahathir pun tercuit dibuatnya. Malah dilemparkan tohmahan bahawa buku ini dihasilkan oleh penulis upahan, lebih menghinakan, penulis pelacur. Anwar turut mengesahkan buku yang menjangkakan dia akan menentang Ghafar ini ditulis oleh penulis upahan. Apa pun tafsiran yang dibuat, buku ini dihasilkan sepuluh bulan sebelum Anwar mengambil keputusan bertanding. Edisi pertama disiapkan pada 29 Oktober 1992, menjelang perhimpunan agung Umno 1992.

Namun apa yang berlaku hampir setahun kemudian begitu menakjubkan. Anwar yang berulang kali menafikan berita dia berusaha untuk mengetepikan Ghafar, tiba-tiba secara tersusun, penuh perancangan, dibantu ahli strategi yang cekap, berjaya menumbangkan Ghafar sebelum masuk medan pertarungan sebenar pada 4 November 1993. Ghafar hanya mendapat tujuh pencalonan selepas semua 153 Bahagian Umno bermesyuarat. Diasak oleh laporan media yang berat sebelah, Ghafar tidak berdaya lagi melakukan apa-apa, hatta untuk membersihkan namanya. Segala keburukan dan kelemahan didedah. Pada mulanya dijangkakan Ghafar akan terus bertanding mempertahankan jawatan, untuk menunjukkan kepada umum jumlah undi sebenar, undi yang tidak dipengaruhi oleh tekanan dan ugutan, lebih daripada apa yang dijangkakan.

Ghafar orang lama dalam politik, tetapi *lama* tidak memastikan keputusan yang dibuatnya tepat. *Lama* jugalah yang menjadi faktor negatif kepadanya semasa berkempen. Namun tidak pasti, apakah penarikan diri Ghafar dari bertanding itu dapat membantu Sanusi Junid ataupun Abdullah Ahmad Badawi. Tidak juga dapat dipastikan, apakah penarikan

dirinya itu disebabkan faktor tawaran atau ugutan? Apa pun sebabnya keputusan Ghafar itu harus dihormati. Setelah Umno "menyembelihnya" biarkanlah dia berehat dengan damai dan sejahtera. Tapi, tidak mustahil Ghafar akan membuat kejutan selepas ini; kejutan yang benar-benar mengejutkan, bukan seperti berita perletakan jawâtannya yang langsung tidak mengejutkan!

Edisi kedua buku ini ditambah dengan analisis mutakhir sehingga Jumaat, 22 Oktober 1993, jam 6.55 petang. Bab-bab baru itu bermula pada halaman 439. Segala kelemahan dalam tulisan-tulisan tersebut disebabkan masa yang begitu suntuk, tidak sampai dua minggu sebelum 4 November. Bayangkan dalam keadaan seperti itu - proses suntingan agak terabai - sedangkan proses yang perlu dilalui masih panjang, seperti atur huruf, filem dan seterusnya mencetak. Yang penting buku mesti sampai ke pasaran sebelum pemilihan.

Akhirnya jutaan terima kasih kepada semua pihak yang membantu, terutama kepada emak di kampung, Hajah Aishah Megat Hamzah, isteri dan putera yang masih kecil, Siti Hawa Samsam dan Ahmad Luqman Hakim, seterusnya kepada teman-teman sepejabat dan rakan-rakan dalam Kelab Penulis Politik Malaysia, juga sesiapa saja yang memberi sokongan. Bukti terima kasih saya kepada anda sekalian hanyalah dengan berazam untuk terus menulis buku-buku politik yang menyorot zaman yang lebih mencabar, di waktu Anwar menjadi TPM dan insya-Allah, seterusnya sebagai Perdana Menteri. Semoga kita beroleh manfaat dari buku ini.

AHMAD LUTFI OTHMAN
Jalan Pahang,
Kuala Lumpur.
Jumaat, 22 Oktober 1993



Sukar juga mencari pengganti yang sesuai. Ghafar Baba mungkin sesuai tapi ada masalah lain yang akan timbul. Anwar pula terlalu ramai musuh.



Anwar menunggu penuh debaran. Apakah beliau terpaksa berlawan dengan Ghafar demi survival politiknya.



Semua yang berada di barisan hadapan telah dan akan berhenti dari arena politik. Tengku Razaleigh yang terselindung di belakang Tun Hussein mungkin mempunyai peluang selepas ini.



Suasana penuh mesra antara Tun Razak dan isteri bersama Tunku dan isteri.





Pemimpin-pemimpin ini akan sentiasa diperhatikan. Amanah kepimpinan negara di bahu mereka.






Era pertarungan Tengku Razaleigh dengan Dr Mahathir dalam Umno sudah berlalu. Apakah persaingan antara Ghafar Baba dengan Anwar Ibrahim akan menuruti jejak langkah pertarungan Ku Li — Mahathir ini?







Dr Mahathir senyum puas.
Vincent Tan bertepuk gembira.
Apa sebab agaknya?



Siapa mangsa pukulan Dr Mahathir kali ini?



Selalunya sasaran Dr Mahathir tepat, tapi kali ini belum tentu?



Apa yang diamanatkan Mahathir sehingga Ghafar begitu teliti mendengarnya.



Nasihat orang kepada Anwar "Jangan tunjuk pandai dengan orang-orang tua."





Dr Mahathir sentiasa bersiap sedia menghadapi musuh-musuh politiknya, Ku Li sudah dihancurkan, siapa lagi selepas ini? Musa sendiri diam membisu berhadapan dengan Mahathir.



Allahyarham Tun Abdul Razak bercakap sesuatu dengan Allahyarham Tun Dr Ismail, di Sri Taman (kiri). Almarhum Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak dalam rombongan kemerdekaan ke London (bawah). Siapa pula regu selepas Mahathir — Ghafar ini?





"Siapa lawan siapa?".



Ghafar dan Abdullah Badawi masih sempa ketawa.



Siapakah pemimpin Umno yang akan menerima nasib seperti peninju ini. Sekiranya pertarungan dalam Umno semakin sengit?



Lambaian terakhir Dr Mahathir semakin hampir





Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru pemimpin Melayu bersatu demi perpaduan orang Melayu.







Hubungan Mahathir dengan Sultan Johor cukup erat dan mesra. Yang sedihnya, ramai juga sultan yang tidak berkenan dengan Mahathir. Mampukah PM selepas Mahathir mengatasi kelemahan ini?



Penyokong Anwar menyifatkan akan berlaku perbezaan jurang yang ketara antara generasi muda dengan Ghafar apabila Ghafar menjadi PM.



Bersedih tetapi tetap tabah. Ghafar menetap pilu wajah anak bongsunya, Kartini, yang meninggal dunia diserang asma.



Almarhum Tunku Abdul Rahman semasa kempen pilihanraya kecil Johor Bahru. Apakah sekiranya Ghafar diketepikan selepas ini, beliau akan bertindak seperti Tunku?






Dalam apa keadaan Abdullah Badawi tetap tersenyum. Pemimpin besar sentiasa tenang.



Ustaz Fadzil Mohd. Noor berbincang serius tapi penuh mesra dengan Ustaz Nik Abd. Aziz Nik Mat. Ahli-ahli PAS cukup sayang kepada kedua-dua pemimpin ulung PAS ini.



Ustaz Nik Abd. Aziz, Menteri Besar Kelantan bersama tetamu asing. Kelantan di bawah kepimpinannya semakin bergerak maju. Pemimpin Umno sewajarnya memberi peluang yang saksama kepadanya untuk mentadbir Kelantan.



Yang Dipertua PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor bersalaman dengan Menteri Besar Kelantan, yang juga Ketua Dewan Ulama PAS Pusat, Ustaz Nik Abd. Aziz Nik Mat. Di sebelah Nik Aziz ialah Ustaz Abdul Hadi Awang, Timbalan Yang Dipertua PAS Pusat.



Ustaz Nik Abd Aziz bersalaman dengan Pengerusi Eksekutif TNB, Tan Sri Ani Arope, Ulama ada caranya yang tersendiri bila berhadapan dengan masalah.

# 1

# SIAPA BOLEH SEKAT PAK LAH

Apabila Abdullah Badawi tidak dilantik sebagai anggota Kabinet selepas Pilihanraya Umum 1990, tidak ramai pihak yang menyangka masa depan saingan Anwar itu masih mempunyai cerah dalam Umno. Abdullah bukanlah tokoh kontroversi dan suka buat kecoh. Beliau dikenali sebagai pemimpin muda yang berpotensi dan boleh diharap untuk melaksanakan sesuatu amanah yang diberikan, tetapi personalitinya tidak cukup menarik seperti Anwar untuk menjadi "orang no. 1". Majalah luar negeri melaporkan pandangan bekas teman sepengajian bekas Menteri Pertahanan itu: *"Abdullah doesn't have a strong personality."* Wajahnya seperti menunjukkan seorang yang tidak suka melawan arus dan tidak mahu sengaja menimbulkan kegemparan yang tidak perlu. Walaupun Abdullah sering dikaitkan dengan Musa, tetapi imejnya tidak seradikal Musa. Ada pihak mengatakan, Abdullah lebih suka mengalah kepada tuntutan sekeliling, berbeza dengan Anwar, yang mahu menguasai suasana dan sering menimbulkan kontroversi.

Kalau Anwar sering dihubungkan dengan pembabitannya dalam aktiviti yang tidak menyenangkan Umno sewaktu memimpin ABIM, Abdullah pula dikaitkan dengan kedudukannya sebagai bekas penentang Dr Mahathir dan pemimpin kanan Team B. Kata orang, walaupun Dr Mahathir telah melantiknya sebagai Menteri Luar ketika nama Malaysia memuncak di pentas antarabangsa, tetapi Dr Mahathir belum dapat memaafkan Abdullah seluruhnya. *Malaysian Business* pernah mencatatkan pandangan Radzi Sheikh Ahmad terhadap personaliti Dr Mahathir: *"He's intolerant. Once he's judged you, made up his mind about you, you're finished. He does not look at the other side of the story."*

Bagaimanapun sebaik sahaja Umno diharamkan di mahkamah pada Februari 1988, beliau kembali menyatakan sokongannya kepada Dr Mahathir. Tidak kurang pula yang mendakwa Abdullah Badawi terlibat dengan Semangat 46. Beliau pernah menjelaskan: "Bagi saya penglibatan dalam Team B dahulu hanyalah berupa satu peristiwa dalam sejarah kerjaya politik saya. Peristiwa ini sudah ditinggalkan di belakang dan merupakan satu

pengajaran serta pengalaman yang bernilai semata-mata. Sebenarnya sebelum pemilihan Majlis Tertinggi lagi, saya telah menyatakan bahawa perbalahan yang berlaku antara Team A dan Team B itu mesti ada titik penyelesaiannya dan Perhimpunan Agung 1987 yang akan menjadi mahkamah parti dan akan membuat keputusan mengenainya. Saya telah patuhi keputusan itu dan mengiktiraf serta menerima pemilihan semula Dr Mahathir sebagai Presiden, Encik Ghafar Baba sebagai Timbalan Presiden dan Ahli-ahli Majlis Tertinggi lain. Saya memahami Umno ingin melihat "*the closing of ranks*" iaitu ingin berbaik semula dan terus bekerjasama. Saya hairan mengapa orang selalu menimbulkan perkara ini (meninggalkan Semangat 46), sedangkan dalam sejarah hidup saya sebagai ahli Umno, saya tidak pernah sekalipun meninggalkan Umno. Team B dahulu adalah *faction* dalam Umno pendaftaran lama. Apabila Umno diharamkan di mahkamah, ia didaftarkan semula pada 13 Februari 1988 dan terus wujud sehingga kini. Saya telah terlibat atas jemputan Presiden dalam mesyuarat yang pertama kali diadakan untuk memulakan usaha memulihkan semula Umno dan saya terus berada dalam Jawatankuasa Merangka Perlembagaannya."

Namun begitu Abdullah Badawi tidak seharusnya merasa rendah diri dengan pendirian politiknya menyokong Tengku Razaleigh - Musa Hitam satu waktu dahulu. Soal taat setia membuta tuli kepada kepimpinan parti bukannya perkara pokok, yang utama ialah berpegang kepada prinsip, dengan tidak melanggar disiplin dan perlembagaan parti. Kalau penentangannya terhadap Dr Mahathir kerana prinsip, pembabitannya itu harus dibanggakan. Sekurang-kurangnya dalam hal ini Abdullah boleh mengaku dia bukannya seperti kerbau yang dicucuk hidung. Yang benar katakan benar, yang salah mengakulah sahaja. Semua pihak memaklumi, protes terhadap Dr Mahathir bukan semata-mata didorong untuk merebut tampuk pemerintahan, tetapi banyak aspek dalam pentadbiran Dr Mahathir yang tidak berkenan di mata. Pengalaman Abdullah dalam Team B semestinya dapat meningkatkan martabatnya sebagai seorang tokoh politik yang berpendirian tegas dan tahu memilih mana yang benar. Tetapi sesetengah pihak mendakwa, "kenyataan-kenyataan Pak Lah dalam perhimpunan agung Umno 1991 masih terikat dengan slogan murahan menyokong pemerintahan Dr Mahathir, seolah-olah hendak menolak tuduhan bahawa beliau masih berkonfrontasi dengan Dr Mahathir; sikap seperti ini tidak begitu baik kerana ia melambangkan kelemahan jiwa Pak Lah sendiri. Pak Lah tidak sewajarnya menunjukkan bahawa dia tersilap ketika menyokong Team B dahulu."

Menyorot penglibatannya dalam politik, Abdullah Badawi dalam satu wawancara dengan *Utusan Malaysia*, 20 Mei 1984 menjelaskan bahawa dia ditarik masuk melalui kata dua oleh ahli-ahli Umno Kepala Batas. Mereka yang ketika itu sedang mencari seorang calon bagi mengisi kawasan Parlimen Kepala Batas dalam Pilihanraya Umum 1978 telah datang menemui Abdullah dan memberi kata dua kepadanya. "Saya masih ingat lagi kawan-kawan saya dari bahagian Kepala Batas berkata kepada saya, kalau Cik Lah nak masuk politik baiklah sekarang, tapi kalau masih nak tangguh-tangguh, lebih baik lupakan sahaja. Mereka berkata kepada saya, jika Cik Lah tidak mahu menerimanya, kami akan cari orang lain, tetapi lepas itu janganlah pula nak minta jadi calon kerana kekosongan ini akan kami isi dengan orang muda yang sedang kami cari. Pada saya, ini merupakan kata dua. Dan kata dua ini juga merupakan takdir Ilahi," katanya lagi. Bagaimanapun politik sebenarnya bukanlah sesuatu yang asing kepada Abdullah kerana bapanya seorang ahli politik yang

berpengaruh di Pulau Pinang: "Saya dibesarkan dalam persekitaran politik dan agama. Minat politik tumbuh sejak saya di bangku sekolah lagi. Dan semasa di Universiti Malaya, saya menjadi pemimpin pelajar dan Presiden GPMS."

Tentunya ada pihak yang boleh berkata kemasukan Abdullah dalam pentas politik tanahair tidak begitu menarik. Ia tidak menandakan kekuatan dalaman Abdullah untuk membangunkan umat. Abdullah terdesak oleh keadaan, dan dia patuh dengan kehendak itu. Mungkin ini satu imej yang tidak baik kepada pemimpin yang dikatakan akan berada di barisan depan menerajui negara. Pemimpin mesti berjiwa besar dan berani menempuh halangan dengan bijaksana dan tabah. Pemimpin mesti mempunyai kekuatan dan ketahanan dalaman yang ampuh serta daya saingnya teruji. Bagaimanapun kisah awal penglibatan Abdullah dalam politik ini bukannya sesuatu yang pelik. Ramai juga pemimpin dipaksa menjadi pemimpin dalam keadaan terdesak, tetapi selepas itu berjaya menonjolkan dan menyerlahkan kepimpinannya yang mantap. Yang penting keikhlasan dan kejujuran serta bersedia memperbaiki sebarang kelemahan dan kecacatan diri. Dari segi pendedahan tugas dalam parti, Abdullah bermula dari cawangan Bertam, Kepala Batas, kemudiannya menjadi ahli jawatankuasa bahagian Kepala Batas, seterusnya terpilih menjadi ketua bahagian. Beliau kemudian dilantik oleh parti menjadi Timbalan Ketua Perhubungan Umno Pulau Pinang di mana Ghafar Baba menjadi Ketua Perhubungan.

Ketika Abdullah menawarkan diri bertanding sebagai Naib Presiden Umno November 1990, ramai yang mempertikaikan kemampuannya untuk mengekalkan jawatan tersebut kerana difahamkan Dr Mahathir sendiri tidak menyukainya. Tidak banyak bahagian yang mencalonkan Abdullah; hanya 25 pencalonan sahaja yang diterimanya. *Harakah* 16 November 1990 melaporkan: "Adalah dipercayai bahagian-bahagian tidak mencalonkan Datuk Abdullah kerana takut dianggap derhaka kepada Presiden Umno, Dr Mahathir. Kekhuatiran Umno bahagian untuk mencalonkan Datuk Abdullah Badawi adalah kerana Dr Mahathir sendiri tidak memberikan kepercayaan kepada bekas Menteri Pertahanan itu untuk menyertai semula barisan Kabinet." Ketika ditanya oleh akhbar *Watan*, apakah beliau yakin ahli-ahli Umno masih menyokongnya untuk bertanding, Abdullah menjawab: "Ini terserahlah kepada mereka. Saya tidak dapat menyelami hati orang-orang Umno dan apa yang ada dalam fikiran mereka ketika ini. Apa yang boleh saya lakukan hanyalah bekerja dan berkhidmat. Terpulanglah kepada mereka sama ada mereka mahukan saya lagi atau sebaliknya. Dalam politik ini, bukan boleh sangat kita menentukan sikap orang kepada kita. Kita hanya boleh berkhidmat kepada mereka dan terserahlah kepada mereka menentukan sikap mereka kepada kita. Sepanjang perkhidmatan saya, saya memang mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh memalukan parti atau mencemarkan nama baik parti. Saya tidak mahu menjadi beban kepada Umno dan ahli-ahlinya."

Jawapan yang sama juga diberikan semasa beliau bertanding jawatan naib presiden, pada tahun 1984: "Saya ingin menawarkan diri untuk berkhidmat semata-mata, kerana pada saya perkhidmatan seseorang itu menjadi lebih berkesan apabila seseorang itu mempunyai kedudukan dalam parti. Saya tidak ada apa-apa janji. Kerja saya ialah memberi khidmat yang ikhlas kepada parti, bangsa, agama dan negara dengan segala kebolehan yang ada pada saya." Mengulas tentang poltik wang dalam Umno, Abdullah menjelaskan: "Pada saya,

kepercayaan dan sokongan yang hendak diberikan itu bukanlah barang yang boleh dijual beli, kerana ia adalah hak individu yang paling bernilai. Pemimpin yang diberi sokongan itu pula akan menjadi orang yang mempunyai pengaruh besar ke atas rakyat dan negara, jadi beliau mestilah diberikan sokongan secara ikhlas berdasarkan nilai-nilai seperti jujur, dedikasi, nasionalistik, kuat bekerja dan sebagainya."

Menjelang pertandingan 1990 itu, dilaporkan bukti bahawa Dr Mahathir sendiri tidak berkenan Abdullah terus aktif dalam politik dengan menawarkannya sebagai Pengerusi HICOM. Abdullah mengakui bahawa tawaran itu memang ada dan beliau menemui sendiri Dr Mahathir untuk menjelaskan sikapnya yang ingin menumpukan perhatian kepada parti, yang pada waktu itu masih di peringkat penubuhan semula. Peranannya untuk memulihkan keyakinan bekas pengikut Tengku Razaleigh - Musa Hitam supaya mereka turut menyertai Umno (Baru) tidak boleh dinafikan: "Pengikut-pengikut parti yang begitu ramai ketika itu, terutama Team B meminta nasihat daripada saya sama ada masuk semula Umno atau sebaliknya. Saya telah menasihatkan mereka supaya menyertai semula Umno, walaupun kebanyakan mereka menghadapi pelbagai rintangan dan halangan pada peringkat awal."

Dan dalam pertandingan sengit itu, Abdullah berjaya mendapat tempat kedua di belakang Anwar Ibrahim. Satu tepukan gemuruh oleh perwakilan Umno apabila Abdullah diumumkan berjaya mengekalkan kerusi naib presiden meskipun tanpa sebarang petanda bahawa ada sokongan dari Dr Mahathir. Malahan sewaktu ucapan perasmian, Dr Mahathir secara tidak langsung, tetapi jelas mesejnya, memberi sokongan kepada Anwar dan menggambarkan imej tidak baik kepada Abdullah Badawi dengan membidas semula Tengku Razaleigh dan kumpulannya yang menentang kepimpinan parti pada tahun 1987. Secara tidak langsung tentunya termasuk Abdullah Badawi sendiri, sebagai pemimpin ketiga Team B. Dr Mahathir menekankan, dalam para keempat ucapannya: "Liku-liku besar pada tahun 1986 tidak diduga oleh sesiapa pada ketika itu. Biasanya sebuah parti politik yang begitu berjaya dalam pilihanraya tidak akan menghadapi apa-apa masalah dalaman. Hanya kekalahan yang teruk sahaja yang memaksa parti membuat perubahan dan menukar kepimpinan. Tetapi sepertimana kita semua maklum, ada percubaan untuk menukar kepimpinan belumpun genap setahun selepas kemenangan besar parti kita dalam pilihanraya." Di akhir ucapannya, Dr Mahathir mengingatkan: "Hari ini kita akan memilih pemimpin-pemimpin parti. ... Undilah mereka yang mempunyai rekod khidmat yang baik."

Kemenangan Abdullah Badawi yang memperolehi 953 undi ini disifatkan oleh penulis Zakry Abadi, dalam bukunya ***Kualiti Kepimpinan***, sebagai memberikan kelebihan kepada "golongan yang berusaha mewujudkan kekuatan politik dan mempengaruhi ahli-ahli Umno dan rakyat supaya menimbulkan kesan-kesan yang negatif kepada kepimpinan Dr Mahathir dan masa depan politik Datuk Sri Anwar Ibrahim." Golongan yang dimaksudkan itu dijelaskan sendiri oleh Zakry iaitu golongan Ghafar Baba - Sanusi Junid dan golongan Musa Hitam - Abdullah Ahmad Badawi: "Percubaan awal mereka dengan mengekalkan kemenangan kepada Datuk Abdullah Ahmad Badawi di dalam jawatan naib presiden parti dan memaksa Dr Mahathir mengembalikan kedudukan Pak Lah di dalam kabinet dianggap satu kejayaan yang besar."

Seterusnya Zakry mencatatkan: "Kemenangan Datuk Abdullah di dalam mengekalkan kerusi naib presiden parti itu, sebenarnya ***kemenangan bagi orang-orang yang sabar dan setia.*** Datuk Abdullah merupakan lambang kesabaran dan lambang kesetiaan orang-orang Umno di dalam parti. Beliau merupakan salah seorang dari empat orang pemimpin Umno yang sabar dan setia menghadapi dugaan. Mereka termasuklah Encik Ghafar Baba, Datuk Sri Sanusi Junid, Datuk Mohamad Rahmat dan Datuk Abdullah sendiri, iaitu tiga orang pemimpin parti (kecuali Datuk Sanusi), yang mengikut sejarahnya pernah disingkir atau keluar dari pucuk kepimpinan parti atas beberapa faktor. Tetapi mereka tidak pernah kecewa dan merajuk lalu keluar dari parti dan memasuki parti lain atau menubuhkan parti baru. Berkat dari kesabaran dan kesetiaan tersebut itulah, keempat-empat tokoh politik ini, akhirnya terus berjaya mengekalkan kedudukan mereka di dalam Umno. Saya kira ini contoh yang baik bagi perjuangan orang-orang politik." (Rasanya Zakry tersilap besar dalam analisanya itu. Tokoh-tokoh yang disebutkannya tidak pernah disingkir atau keluar dari pucuk kepimpinan Umno. Encik Ghafar tidak terpilih sebagai Timbalan Perdana Menteri, lalu merajuk. Mohamad Rahmat tidak terpilih sebegai menteri kerana ada masalah peribadinya. Sanusi pula tidak dilantik semula sebagai Setiausaha Agung kerana penglibatannya dalam isu pengharaman Umno dan "kesihatannya yang terganggu ketika itu". Dan lagi kepimpinan Umno tidak sama dengan kepimpinan kerajaan).

Kolumnis terkenal, Haji Subky Abdul Latif (16 November 1990) juga berminat mengulas perkembangan Abdullah Badawi: "Datuk Abdullah bukan sekadar ditunjuk oleh pimpinan Umno yang diasaskan dalam tahun 1988 untuk jawatan tersebut (naib presiden), malah dalam dua kali sebelum Umno diharamkan dulu, beliau telah memenanginya. Dalam pemilihan pertama beliau menjadi Naib Presiden Umno dulu, beliau telah mendapat undi yang lebih banyak dari Encik Ghafar sendiri. ... Memang antara tokoh Umno sekarang mahu menyembelih Datuk Abdullah Badawi kerana beliau adalah antara orang yang berpotensi untuk lebih maju dalam kepimpinan Umno. Jika beliau berada dalam barisan kepimpinan, maka ada tokoh-tokoh yang terasa akan terhalang untuk maju beberapa tapak lagi ke depan. Bagi memastikan adanya laluan mudah, maka wajar Datuk Abdullah Badawi dibelasah dari awal-awal lagi.

"Datuk Abdullah adalah orang baik dan jujur dalam pendiriannya. Dia cuma bermasalah dengan pimpinan yang ada kerana memihak kepada Datuk Musa Hitam dalam pemilihan pimpinan Umno tahun 1987. Walaupun beliau memihak secara ketara, tetapi beliau tidak menyertai kumpulan yang membentuk Semangat 46. Ketika seluruh pasukan Team B termasuk Datuk Musa Hitam cuba menghidupkan Umno lama melalui usul di Parlimen, Datuk Abdullah Badawi sudah berada di pihak yang dianggap menang walaupun dia digugurkan dari menjadi Menteri Pertahanan. Walaupun beliau tidak dinilai oleh pimpinan yang menang, tetapi beliau telah menunjukkan kesetiaannya menyokong pihak yang menang kerana sayangkan partinya. Mungkin beliau banyak kelemahan, tetapi pendiriannya bertolak dari dua latar belakang. Pertama beliau adalah bekas pegawai tinggi kerajaan. Biasanya pegawai kerajaan bersetuju atau boleh berbeza pandangan atas apa jua masalah sebelum keputusan dibuat. Apabila keputusan dibuat, maka pegawai kerajaan hendaklah patuh kepada keputusan sekalipun pada mulanya dia tidak suka.

"Kedua, dia berpegang sangat kepada ajaran demokrasi. Dalam demokrasi dibenarkan setiap orang mempunyai pandangan yang berbeza. Tetapi masing-masing mesti tunduk kepada keputusan majoriti sekalipun majoriti itu hanya satu. Orang politik yang tidak diasuh dengan disiplin kakitangan kerajaan tidak semestinya terikat dengan kemahuan itu. Tidak semestinya mereka tunduk kepada keputusan dan tidak semestinya mereka mengakui kemahuan majoriti. Encik Ghafar sedikit sebanyak bersimpati dengan Datuk Abdullah. Dia rapat dengan Datuk Abdullah atas sebab Datuk Abdullah berpendirian setelah kumpulan yang disokongnya kalah, maka hubungannya dengan kumpulannya dulu adalah hingga waktu mengundi itu sahaja. Dr Mahathir memang sudah menyebutnya dari mula lagi. Orang-orang sudah membuat pendirian mestilah bersedia menerima akibat dari pendiriannya. Kalau mereka boleh bergembira kalau menang, maka mereka pun mesti juga sedia menghadapi segala akibat jika kalah.

"Dengan pendirian itu dia terpaksa mendera Datuk Abdullah sekalipun Datuk Abdullah menang dengan undi yang baik dalam pertandingan itu. Bukan beliau saja menang. Beberapa orang lagi rakannya menang, tetapi kumpulannya kalah. Dr Mahathir hanya mengakui kemenangan kumpulan. Dr Mahathir tidak akan menyesuaikan dirinya dengan perkembangan lain. Kalau penyokong-penyokongnya berpendapat bahawa Tunku Abdul Rahman dendam kepada Dr Mahathir, maka Dr Mahathir pun begitu jugalah dengan orang seperti Datuk Abdullah," demikian catatan Haji Subky. Menurut tulisan Haji Subky seterusnya, Abdullah menerima surat pemecatannya ketika beliau mempengerusikan satu mesyuarat di Kementerian Pertahanan. Abdullah terus menunjukkan kesetiaannya kepada Umno dengan menerima keputusan mesyuarat. Dia tidak ikut rakan-rakannya menentang Umno yang dipimpin oleh Dr Mahathir dan menubuhkan parti lain. Tetapi hampir namanya ditolak dari kawasannya.

Dalam buku ***Siapa Selepas Musa?*** (1981), penulisnya S.H. Alattas mengemukakan nama Abdullah Badawi sebagai tokoh utama pemimpin pelapis selepas Musa. S.H. Alattas merumuskan: "Dalam perbualan singkat dengan beliau (Abdullah) pun kita tidak akan meras puas dengan penerangan dan buah fikiran yang diperkatakannya. Kita dapat merasakan bahawa walaupun dalam masa yang singkat dapat kita ukur kemampuan pimpinan dan kematangan politik Abdullah Haji Ahmad. Dalam seriusnya beliau akan menyelitkan beberapa contoh sambil akan dikuatkannya pula hujah dan pandangan politiknya yang banyak berlandaskan hadith dan al-Quran sehingga seakan-akan terasa kepada kita bahawa kita telah berhadapan dengan seorang pemimpin yang bertaraf "imam". Kecerdasan dan kematangan serta kebolehannya memimpin adalah satu perkara yang patut dibanggakan oleh ahli Umno keseluruhannya. Apakah ia merupakan warisan dari Allahyarham ayahnya .... Allahyarham Haji Ahmad Badawi, bapanya pernah menjadi Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno ketika Tun Haji Sardun Zubir menjadi ketuanya. Memang sewajarnya, "kuah tumpah ke nasi". Kepada Allahyarham ayahnyalah Abdullah banyak terhutang budi kerana itulah gurunya dalam politik yang telah banyak mengasuh dan mendidik beliau di samping menjadi ayah yang kasihkan anaknya.

"Dengan sikap tegas dan jarang bercakap, jelas memperlihatkan bahawa beliau lebih banyak berbuat kerja dari bercakap banyak. Sebelum menyertai Umno pada tahun 1964,

beliau telah membuktikan kemampuan dan kejujuran beliau dalam memperjuangkan hak bangsa Melayu, melalui persatuan yang dianggotainya. Bagi tempoh dari 1962-64, Abdullah menjadi Presiden GPMS (Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung) yang banyak menitik-beratkan masalah pelajar-pelajar Melayu di samping beberapa perkara pokok yang perlu dilibatkan oleh pelajar dan pencinta kebudayaan dan bahasa Melayu. Pernah beliau memegang jawatan Pengarah dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dan mungkin kerana kepimpinan yang pernah ditonjolkan dan dibuktikannya semasa bekerja dan semasa menuntut menjadikan beliau terlantik sebagai Penolong Setiausaha semasa penubuhan Majlis Gerakan Negara (Mageran)."

Selanjutnya dalam buku ***Perdana Menteri Yang Kelima?*** (1984) S.H. Alattas sekali lagi menonjolkan Abdullah Badawi: "Saya percaya Abdullah mempunyai masa depan yang cerah kerana asas agama yang ada padanya. Dia berpelajaran, berkebolehan, ada bakat kepimpinan semulajadi. Tentu Dr Mahathir tidak mahu membubuh sampah dan kaca di bawah dagunya. Dr Mahathir perlukan seorang anak muda yang bersih, cekap dan disegani dan boleh dipercayai oleh rakyat. ... Seorang menteri bertanya kepada saya, kenapa saya memilih Dolah Badawi sebagai pemimpin selepas Musa? Jawab saya senang saja. Che Lah adalah seorang menteri yang komited dengan kementeriannya, orangnya lemah lembut dan berbudi pekerti. Ayah dan datuk neneknya alim-ulamak, air mukanya jernih dan tidak banyak cakap. Dia tidak akan bertanding sekiranya pertandingan itu (jawatan naib presiden, 1984) akan membawa perbalahan dan perpecahan dalam Umno. Cuba kita bertanya, berapa ramai pemimpin Umno yang berfikir begitu? Kebanyakannya berfikir mahu menang saja. Umno hendak hancur mereka tidak peduli." (*Asiaweek* 27 April 1984 melaporkan: "*Observes say the PM doesn't like Suhaimi's style and had asked Abdullah Badawi to run against him in 1982. When Abdullah declined, Mahathir turned to Anwar*).

Rosnah Majid (*Utusan Melaysia*, 20 Mei 1984) juga membuat komentar yang agak sama terhadap Abdullah Badawi: "Beliau tergolong dalam barisan pemimpin muda yang berpotensi. Di kalangan ahli-ahli Umno, beliau lebih dikenali sebagai seorang yang jujur, lemah-lembut dalam pertuturan dan perbuatan, tetapi tegas dalam pendirian dan serius dalam menjalankan kerja. Beliau mempunyai latar belakang agama yang kukuh bukan sahaja kerana mengambil Pengajian Islam sebagai bidangnya semasa di Universiti Malaya, tetapi memang beliau dilahirkan dalam keluarga yang kuat beragama." (Ada juga yang berpandangan: "*Abdullah Badawi has a BA in Islamic Studies but despite this he does not potray himself as a champion of Islamic causes.*")

Bagaimanapun Zakry Abadi mempunyai pandangan yang agak berbeza. Baginya, hati Abdullah Badawi amat keras. "Berbanding dengan ayahnya, Datuk Haji Ahmad Badawi dan berbanding dengan datuknya, Haji Abdullah Fahim, Datuk Abdullah kelihatan lebih sederhana sifatnya dan lebih toleran bentuknya. Allahyarham ayahnya lebih keras dan radikal. Malah Allahyarham datuknya juga lebih agresif lagi. Orang ramai amat menghormatinya, sekali gus orang amat takut dan hormat dengan kealiman dan tegur sapanya yang amat bermakna. Ada cerita menyebutkan bahawa jika tokoh ulama ini menegur seseorang taukeh kedai yang menjual barangnya dengan harga yang mahal, alamat bankraplah pekedai itu. Malangnya pengaruh keagamaan yang kuat dan berkesan itu, tidak

seluruhnya diturunkan kepada cucunya itu. Malah sifat-sifat keras dan radikal seperti yang pernah diperlihatkan oleh ayahnya, Datuk Haji Ahmad Badawi semasa menjadi pemimpin politik di Kepala Batas, juga tidak diturunkan kepadanya."

Zakry kemudiannya mendakwa Abdullah Badawi tidak pernah mengemukakan idea-idea yang baru, yang menarik dan yang boleh menimbulkan ransangan pemikiran: "Dalam banyak hal, beliau tidak menunjukkan potensi di dalam perjuangannya. Sebagai bakal pemimpin negara, rakyat mahu melihat apakah gagasan, pemikiran dan visi yang akan dibawa dan dilaksanakan kepada bangsa dan negara. Rakyat tidak mahu melihat seorang pemimpin hanya menyokong partinya saja atau melakukan tugas-tugas pentadbiran dan birokrasi saja, sebab bidang tanggungjawab kepimpinan bukan sekadar memeteraikan perjanjian atau menerima kunjungan hormat tetamu luar negeri sahaja, tetapi lebih jauh dari itu seseorang pemimpin yang berpotensi, perlulah menunjukkan kebolehan dan kewibawaan bagi mencetuskan idea-idea baru dan pemikiran-pemikiran yang konstruktif bagi pembangunan bangsa dan negara."

Dalam hal ini, dengan mengakui apa yang dikatakan "kelemahan" Abdullah itu, ada pihak mengingatkan: "Hanya menelurkan gagasan dan visi sahaja, seperti yang dilakukan oleh Anwar Ibrahim, terutama sewaktu menerajui Kementerian Pendidikan, dan kini laungan tentang konsep-konsep kewangan Islam, tidak akan membawa ke mana-mana sekiranya idea dan pemikiran itu hanya lunak didengar di majlis-majlis ilmu sahaja. Negara sekarang lebih memerlukan pemimpin yang tekun bekerja, tidak sibuk-sibuk dengan wawasan demi wawasan, sebaliknya menumpukan segala usaha meningkatkan tahap perlaksanaannya. Dan sememangnya kita sendiri memaklumi cara gaya Pak Lah." Persoalan cara gaya berpolitik Abdullah ini sering menarik perhatian. Lebih lapan tahun dahulu beliau telah menjelaskan: "*I have tried to explain that when you have a big dinner party somebody has to stay in the kitchen to do the cooking and wash the dishes. The success of the dinner party doesn't depend only on those who are outside receiving guests or those in the kitchen. It is team work.*" Seterusnya beliau berkata: "*My role is very much conditioned by the work I do. To get the job done I try to minimise the opposition and not step on too many toes ... I am not as noisy as some. My preoccupation: if you have a job, do it - and avoid friction.*"

Perlantikan Abdullah sebagai Menteri Luar ketika Malaysia menempa nama dalam bidang perhubungan antarabangsa, di mana Dr Mahathir sendiri terlibat secara langsung memberikan banyak kelebihan kepada Abdullah. Beliau sendiri menunjukkan keupayaannya dalam bidang diplomasi sejak sekian lama. Menteri Luar kini bukan lagi jawatan untuk "orang buangan", meskipun penumpuannya lebih kepada luar negara tetapi dengan stail dan keramahan Abdullah, ahli-ahli Umno tidak merasa terpisah jauh dengannya. Difahamkan Abdullah lebih mudah didekati daripada Anwar, terutamanya oleh ahli-ahli Umno Pulau Pinang. Mereka lebih suka singgah di pejabat Pak Lah daripada mengunjungi Anwar, dan pejabat Anwar pun, bukan calang-calang orang boleh masuk! Menurut Drs. Ilham Onn, *Mingguan Waktu*, 25 Ogos 1991: "Ramai juga mengadu, sangat sukar menemui Menteri Kewangan kerana terpaksa melalui berbagai proses tapis menapis. Malahan kata mereka, lebih mudah pula menemui Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi yang juga Naib Presiden dan senegeri dengan Menteri Kewangan. Bagi perwakilan Umno dari Pulau

Pinang, setiap kali mereka berkunjung ke Kuala Lumpur, mereka akan singgah ke pejabat Menteri Luar. Kata orang bertanya khabar, merisik berita. Datuk Abdullah dengar khabar telah mengarahkan Wisma Putra supaya membuka pintu kepada ahli-ahli Umno yang ingin menemui Menteri Luar."

Mengenai Anwar, Drs. Ilham Onn menulis: "Bagi mereka yang ingin menemui Menteri Kewangan, mereka hendaklah membuat temujanji. Kalau sekadar *"ambush"* dengan harapan untuk menemui menteri maka elok fikirlah semula rancangan itu. Beberapa orang "pengawal" beruniform terpacak di meja tetamu. Mata mereka liar memerhati lagak orang yang nak naik ke atas. Kepada mereka yang membuat temujanji, pengawal yang bertugas akan menelefon ke setiausaha menteri untuk mengesahkan temujanji itu. Kalau setiausaha itu menolak maka pulanglah dengan tangan kosong bersama seribu kekecewaan. Beberapa orang yang menjadi penyokong Menteri Kewangan terpaksa pulang kehampaan kerana matlamat kunjungan ke pejabat menteri itu berakhir dengan kekecewaan. Dengarnya seorang bekas Menteri Besar terpaksa menunggu dua minggu, itu pun belum dapat menemui menteri. Seorang setiausaha politik terpaksa menunggu sebulan sehingga masalah yang urgen sudah tidak lagi urgen. Seorang pegawai kanan sebuah industri kereta telah empat kali membuat temujanji tapi hingga kini belum berpeluang berjumpa dengan Menteri Kewangan."

Merujuk kepada pembabitan Malaysia dengan dunia antarabangsa, Abdullah Badawi menegaskan: "Kita tidak bersifat dan bersikap pasif. Kita perlu bergerak pantas dan bertindak bijak. Kita perlu mencari jalan mencipta sejarah baru dengan menerokai peluang-peluang kini terbuka. Kita khuatir kalau kita terus bersikap pasif, kita akan hanyut dibawa arus perubahan dan sejarah bangsa kita akan dicanaikan oleh pihak lain.

"Dasar luar sesebuah negara itu adalah hasil dari interaksi pelbagai faktor politik, ekonomi serta kebudayaan yang terdapat dalam negara tersebut. Sesungguhnya dasar luar adalah satu cerminan kepada dasar-dasar dan keadaan yang terdapat dalam sesebuah negara itu. Oleh itu, untuk membolehkan sesebuah negara berkeupayaan memainkan peranan berkesan dan penting di peringkat antarabangsa, kekuatan dalaman perlulah dibina dengan kukuh, sementara kekuatan yang ada terus dipertingkatkan. Kita juga perlu meluaskan pandangan dan melebarkan pandangan rakyat kita kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku di peringkat antarabangsa. Ini untuk membolehkan rakyat di negara kita secara keseluruhannya mempunyai keupayaan untuk melengkapkan diri membuat penyesuaian-penyesuaian yang perlu dalam menghadapi perkembangan-perkembangan semasa. Sesungguhnya kedaulatan dan penghormatan sesebuah negara di masa muka, tidak hanya terbatas kepada saiz negara, bilangan penduduk, kekuatan ketenteraan, dan kekayaan ekonomi, walaupun faktor-faktor tersebut masih menjadi ukuran penting. Negara yang kecil seperti Malaysia masih berkesempatan untuk muncul mendapatkan tempat utama di peringkat antarabangsa berasaskan kekuatan-kekuatan lain yang harus kita bina bersama.

"Bangsa kita berupaya mencipta sejarah untuk dikenali di peringkat antarabangsa jika kita dapat melahirkan cendekiawan dan ilmuan, usahawan dan teknologis, pekerja-pekerja mahir dan berdisiplin, yang bakal menjadi rebutan oleh dunia antarabangsa. Bangsa kita

harus bekerja kuat, mempunyai ketekunan dan dedikasi dan menghasilkan barang-barang yang berkualiti tinggi. Namun sebagai satu bangsa yang ingin menjadi agung, kita harus bercita-cita besar. Bangsa kita wajib membersihkan arang yang telah diconteng di kamus-kamus yang ditulis dan dicetak oleh pihak Barat yang mentafsirkan bangsa kita sebagai satu bangsa yang pemalas (*lazy Malays*). Bangsa kita harus mengembalikan keagungan sejarah menjadi satu bangsa yang gagah dan berani, berilmu dan berwibawa hingga dapat menembusi batas sempadan politik dan negeri, memimpin ummah yang lebih besar, berkeupayaan menerajui badan-badan antarabangsa dan menawarkan khidmat pimpinan kepada negara-negara membangun lain, yang sangat mengharapkan pertolongan.

"Untuk itu adalah menjadi satu tuntutan kifayah bagi kita menjamin dan berusaha ke arah melahirkan warga Malaysia yang berkeupayaan berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan dengan negara-negara luar. Adalah menjadi harapan negara supaya warga Malaysia, terutamanya di kalangan generasi muda, para belia dan pelajar untuk tampil ke hadapan berlumba dan berusaha menyambut cabaran ini," tegas Abdullah Badawi ketika berucap di Seminar Kefahaman Dasar Luar Malaysia, di Universiti Utara Malaysia.

Sebagai Menteri Luar, Abdullah Badawi dikatakan telah menjalankan tugasnya dengan cekap dan berkesan, sehingga Dr Mahathir sendiri menghormatinya. Difahamkan, walaupun Dr Mahathir dikenali sebagai pemimpin yang sukar melupakan tindakan negatif orang kepadanya tetapi sekiranya Abdullah Badawi terus menunjukkan kebolehannya yang konsisten, tidak mustahil hubungan mereka kembali erat seperti dahulu. "Dr Mahathir amat menghormati pemimpin-pemimpin muda yang dapat menjalankan tugas dengan cemerlang," ujar seorang penganalisa politik.

-barang
a harus
kamus-
gai satu
sejarah
embusi
bayaan
negara-

aha ke
secara
Malay-
dapan
cap di

asnya
mkan,
egatif
yang
amat
lang,"















Apakah ini undi untuk Abdullah Badawi? "Mungkin tidak"



Pertemuan pertama Dr. Mahathir dengan Allahyarham Tun Razak selepas Mahathir dipecat dari Umno. Ia berlangsung di kursus Pergerakan Pemuda Umno di Morib, Selangor, 1971. Mahathir juga sepatutnya bersikap lapang dada menerima orang-orang yang pernah menentangnya, seperti Pak Lah.

Abdullah Badawi menghulur gula-gula kepada Dr. Mahathir, sambil Musa Hitam ketawa memerhatikannya. Berjayakah Mahathir digula-gulakan?





Ghafar tidak ada, Anwar pun tidak ada. Tengku Razaleigh di sebelah Dr Mahathir, diapit oleh Musa.



Tengku Razaleigh bersama Tun Husein Onn di meja pelancaran wang siling Rancangan Malaysia Ketiga.



Abdullah Ahmad Badawi berbual mesra dengan Tengku Razaleigh. Rapatkah lagi mereka berdua?




Bila lagi pula nak rayakan kemenangan mengatasi Anwar?







Ketiga-tiga gambar di atas jelas menunjukkan wajah berseri Abdullah Badawi. Wajahnya seperti menunjukkan tanda kejujuran.



Apa yang ditunjukkan oleh Musa kepada Mahathir. Abdullah Badawi pun menunjuk ke arah yang sama.



Abdullah Badawi seperti memikirkan sesuatu sewaktu Tengku Razaleigh mengumumkan akan bertanding menentang Dr. Mahathir. Bagaimanapun semuanya menambahkan pengalaman Pemimpin yang berjaya selalu menempuh dugaan.







Dato' Abdullah bersama Putera Sihanouk (paling atas); bersama Math Ly (kiri); dan bersama Son San: Sumbangan Malaysia berharga dan besar ertinya kepada Kemboja

*Bebas siswi purdah*

# ULAMA2 PUJI DOLLAH BADAWI

23/5/86

**Oleh: HASSAN ASHAARI**

**KUALA LUMPUR – Para alim ulama, pemimpin-pemimpin pertubuhan dan masyarakat awam memuji dan menyambut baik keputusan bekas Menteri Pelajaran Datuk Abdullah Ahmad Badawi yang telah membebaskan 8 siswi purdah dan membenarkan mereka meneruskan pengajian di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tanpa syarat.**

Mereka menyifatkan tindakan tersebut sebagai bukan sahaja bersesuai dengan perwatakan Datuk Abdullah sebagai anak seorang ulama malahan memang bertepatan dengan konsep kerajaan yang mahu menerapkan ciri-ciri keIslaman dalam semua aspek kehidupan rakyat negara ini.

Bagaimanapun, mereka berpendapat tindakan membebaskan siswi purdah itu sepatutnya telah dilakukan sejak isu itu mula-mula meletus lagi dan tidak dibiarkan hingga pelajar-pelajar mengancam untuk membuat demontrasi.

Seorang bekas pemimpin pelajar, Ibrahim Ahmad berkata adalah dibimbangi trend yang demikian jika dibiarkan akan menyebabkan ada kalangan merasakan mereka boleh membuat ancaman kepada kerajaan dengan cara demonstrasi dan akhirnya kerajaan akan mengalah.

"Tapi, dalam kes purdah ini, tindakan yang telah diambil oleh Datuk Abdullah sememangnya merupakan sesuatu yang amat wajar, bijak dan dihormati oleh semua pihak," tegasnya.

Kata Ibrahim dari dulu lagi beliau tidak yakin bahawa Menteri itu sendiri yang mengarahkan supaya siswi-siswi purdah disingkirkan.

"Malahan, Datuk Abdullah sendiri menerusi pegawai akhbarnya ada membuat kenyataan akhbar mengatakan arahan seperti itu tidak pernah dikeluarkan. Apa yang disebut dalam pekeliling ialah pihak universiti harus menggunakan budi bicara sendiri dalam menghadapi isu purdah," tambahnya.

Ibrahim berharap arahan dari bekas Menteri Pelajaran itu akan dipatuhi oleh lain-lain universiti. "Tentulah tidak adil jika mereka di UTM dibebaskan tetapi di institusi pengajian tinggi lain terus menghadapi nasib malang," ujarnya.

Minggu lalu, Setiausaha Agung Persatuan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Ahmad Lotfi memberitahu arahan telah dikeluarkan oleh Datuk Abdullah menarik balik pengantungan yang dikenakan terhadap 8 siswi berpakaian purdah di UTM yang dikenakan hukuman gantung sejak September lalu.

Menurut Ahmad Lotfi, keputusan itu dibuat setelah Timbalan Naib Canselor bagi Hal Ehwal Pelajar (HEP), Prof. Madya Anuar Maarof mengadakan perbincangan mengenai perkara itu dengan Naib Canselor Tan Sri Ainuddin Wahid.

Sumber-sumber Kementerian Pelajaran berkata, arahan yang dibuat oleh Datuk Abdullah itu merupakan antara yang terakhir sebelum beliau berpindah ke Kementerian Pertahanan Isnin lalu.

Mufti Selangor, Haji Ishak Haji Baharum ketika menyambut baik tindakan Datuk Abdullah menggesa supaya arahan itu diselaraskan oleh semua institusi kerajaan.

"Tindakan untuk tidak mengenakan tekanan terhadap mereka yang berpakaian cara Islam mestilah dialu-alukan oleh semua pihak," tambahnya.

Beliau menyifatkan arahan oleh Datuk Abdullah sebagai kena pada masanya dan selari dengan konsep Islam yang sebenarnya. "Syukurlah isu tersebut telah dapat diselesaikan dengan baik," tambahnya.

Setiausaha Agung ABIM, Sidek Baba berpendapat isu tersebut sepatutnya telah diselesaikan sejak lama dulu tanpa menunggu ancaman demontrasi dari para pelajar.

"Larangan memakai purdah tidak pun termaktub dalam akta universiti. Jadi, masalah ini tidak sepatutnya timbul," tambahnya.



**Datuk Abdullah;** Tindakan bijak



**Ahmad Lotfi Othman;** Setiausaha Agung PMUTM



**Fuad Hassan;** Keputusan wajar



**Sidek Baba;** Setiausaha Agung ABIM

Beliau mengucapkan tahniah pada Datuk Abdullah kerana bertindak tegas menyelesaikan masalah itu. Ia bersesuai ajaran Islam.

Rakan sejawatnya, Fuad Hassan dari Majlis Belia Malaysia (MBM) berkata, keputusan yang dibuat oleh Datuk Abdullah itu tidak wajar dipersoalkan oleh mana-mana pihak jua pun.

"Ia mestilah diterima dengan semangat kesedaran Islam," tambahnya.

Naib Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Haji Hassan Salleh pula berkata, pihaknya telah memperjuangkan isu tersebut sejak lama dulu.

"Syukur ia telah hampir selesai. Bagi saya, ini merupakan satu kemenangan bagi perjuangan ke jalan Allah," katanya.

Haji Hassan menarik perhatian bahawa menegakkan hukum-hukum Islam adalah kewajipan semua pihak. "Jadi, bila ada pihak yang mahu melaksanakan konsep Islam, sokongan mestilah diberikan."

Ketua Satu Persatuan Penulis dan Peminat Sastera (PENTAS) Teluk Intan, Osman Abu Bakar pula mahukan satu penyelarasan dibuat di antara semua institusi pengajian tinggi dan lain-lain sektor kerajaan mengenai isu purdah.

"Jika tidak, percanggahan arahan dan pendapat akan terus timbul hingga merugikan orang-orang Islam," tambahnya.

# HUBUNGAN PM-PAK LAH ERAT

15/9/91



*Kemesraan terbayang di wajah dua tokoh UMNO ini*

**KUALA LUMPUR: Hubungan Datuk Abdullah Ahmad Badawi dengan Perdana Menteri semakin erat sejak dilantik semula menganggotai kabinet.**

Sebagai Menteri Luar yang baru menggantikan Datuk Abu Hassan Omar, Datuk Abdullah berjaya menjernihkan hubungan dengan Perdana Menteri.

Sebelum ini hubungan kedua-dua mereka agak renggang kerana Datuk Abdullah telah memihak kepada Team B di dalam pemilihan UMNO pada tahun 1987.

Para pemerhati politik berpendapat sejak kemasukan semula dalam kabinet Datuk Abdullah makin mendapat kepercayaan Perdana Menteri.

Selaku Menteri Luar, beliau berjaya menaikkan semula imej Dr.Mahathir dan Malaysia di seberang laut.

Para diplomat asing berpendapat Datuk Abdullah mempunyai stail bekerja tersendiri malahan beliau lebih banyak bekerja daripada banyak bercakap.

"Tepat sekali pemilihan beliau sebagai Menteri Luar yang baru" kata beberapa orang diplomat asing.

Perdana Menteri lebih percaya cara Datuk Abdullah menerajui dasar luar kerana dasar luar Malaysia adalah dasar Dr.Mahathir, oleh itu ianya sangat bersesuaian dengan cara Perdana Menteri, kata beberapa orang diplomat lain pula.

Hubungan semakin erat antara kedua-dua tokoh itu apabila Datuk Abdullah selalu mengiringi Perdana Menteri di dalam rangka kunjungan ke luar negeri.

Dalam bulan Julai lepas Perdana Menteri telah mengadakan lawatan ke Amerika Latin dan Datuk Abdullah turut sama di dalam rombongan itu.

Datuk Abdullah juga akan mengiringi Perdana Menteri yang akan melakukan kunjungan ke Mexico sebelum berucap di Bangsa-bangsa Bersatu, New York.

Datuk Abdullah akan menyertai rombongan Perdana Menteri dari Los Angeles pada 16 September. Bagaimanapun Perdana Menteri akan pulang semula ke tanahair pada 28 September, tapi Menteri Luar hanya kembali pada 5 Oktober.

Datuk Abdullah sekali lagi akan mengiringi Perdana Menteri yang akan menghadiri persidangan CHOGM di Harare, Zimbabwe pada 16 hingga 22 Oktober.

Tahun hadapan pula kedua-dua tokoh ini akan menghadiri persidangan NAM di Jakarta disamping sidang Kemuncak Negara-negara ASEAN di Singapura.

Semasa di New York, Perdana Menteri dijangka akan membuat beberapa pengumuman penting seperti pengiktirafan negara-negara Baltik yang merdeka, isu Kampuchea dan yang lebih penting ialah mengenai Permenant 5.

Isu Permenant 5 yang menjadi isu panas melibatkan soal Majlis Keselamatan yang mana anggotanya terdiri daripada kuasa-kuasa besar. Perdana Menteri dijangka akan menegur lima kuasa besar ini kerana peranan mereka yang dikatakan tidak demokratik.

Para pemerhati berpendapat dengan Datuk Abdullah berpeluang mengiringi Perdana Menteri ke luar negeri maka pengukuhan hubungan antara kedua-dua ini boleh dibuat dari masa ke semasa.

# Perjuangan parti lebih penting: Abdullah

BH 24/2/88

JOHOR BAHRU, Selasa — Umno tidak mampu menghadapi pergolakan dalam usahanya meneruskan perjuangan demi kepentingan bangsa, agama dan negara, kata Ahli Majlis Tertingginya, Datuk Haji Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata ahli dan pemimpin tidak boleh membiarkan permainan politik mengatasi perjuangan kerana pengalaman pahit yang dilalui sebelum ini sewajarnya menjadi pengajaran.

"Mereka tidak boleh mengalih perhatian atau leka dengan soal yang menghancurkan parti dan menjejaskan perpaduan," katanya ketika berceramah kepada pengundi kawasan undi Sungai Sebulong di Kampung Othman Saat di sini, malam tadi.

Beliau berkata, mereka hendaklah memberi sokongan dan kepercayaan kepada pucuk pimpinan untuk memulihkan Umno agar perjuangan parti dapat diteruskan.

"Kita hendaklah membulatkan tekad dan bersatu menyokong Presiden Umno (Baru), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Encik Ghafar Baba," katanya.

Datuk Haji Abdullah berkata, orang Melayu tidak semestinya hilang ikhtiar berikutan masalah yang dihadapi dan menganggap Umno sudah berkubur.

"Umno masih hidup dengan semangat perjuangannya yang diasaskan sejak 1946," katanya.

Beliau berkata, apa yang dihadapi oleh parti sebelum ini bukan berpunca daripada kesilapan perjuangannya atau bergiat sebagai badan subversif, tetapi berikutan keputusan Mahkamah Tinggi yang mengisytiharkannya tidak sah.

Menurutnya, mereka tidak perlu gusar mengenainya dan kini ia menjadi sebuah pertubuhan sah di segi undang-undang.

"Umno menghadapi masalah lebih besar, terutama lagi ia menjadi tonggak Barisan Nasional (BN). Kestabilan politik akan hancur jika Umno bergolak," katanya.

Beliau berharap, bekas ahli parti akan mendaftar semula apabila gerakan pendaftaran dijalankan.

Menurutnya, ada pihak mendakwa pendiriannya sudah berubah, tetapi apa yang penting beliau masih sayangkan Umno, lebih-lebih lagi ia adalah tempat bernaung untuk meneruskan perjuangan bangsa.

Beliau bersyukur kerana pucuk pimpinan memberi kepercayaannya dan memilihnya sebagai ahli Majlis Tertinggi.

"Saya akan tetap bersama dalam meneruskan perjuangan parti," katanya.

# 2

# MENGAPA ANWAR SAHAJA JADI SASARAN

Musuh tradisi Anwar Ibrahim, Sanusi Junid menafikan sekeras-kerasnya berita angin bahawa beliau terbabit sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan buku yang mengkritik Anwar, karangan Mohd Sayuti Omar, ***Anwar Ibrahim: Mimpi & Realiti***, terbitan Tinta Merah, 1990. Antara hujah yang Sanusi berikan, kalau pun beliau terlibat dalam menaja buku takkan beliau begitu naif untuk mengedarkan sama kad nama isterinya dalam buku tersebut. Difahamkan buku Sayuti itu diedarkan percuma dalam perhimpunan agung yang menyaksikan pertandingan merebut tiga jawatan naib presiden, di mana Sanusi turut menawarkan diri. Anwar, Abdullah Badawi dan Wan Mokhtar mempertahankan jawatan yang diwarisi dari kemenangan Umno (lama) 1987. Seorang rakan memberikan pandangan sinis: "Mungkin kad nama itu diedarkan sendiri oleh Sanusi supaya orang boleh percaya jika beliau menafikan pembabitannya selepas itu, itu pun satu taktik yang bijak juga." Bagaimanapun, penafian Sanusi itu tidak berjaya meredakan pasaran berita angin tentang permusuhan antara Sanusi dan Anwar. Sanusi selalu menyebut "Anwar pijak belakang kawan untuk naik ke atas".

Wajar juga kita meneliti buku Sayuti itu. Buku ini sememangnya diterbitkan sempena pertandingan naib presiden Umno. Meskipun secara umumnya ia tidak menyarankan kepada perwakilan perhimpunan agung Umno supaya menolak Anwar tetapi paling kurang ia berusaha meyakinkan pembaca bahawa Anwar banyak kelemahan. Buku itu turut menyorot penyertaan Anwar ke dalam Umno, yang menimbulkan kontroversi di kalangan pendukung gerakan Islam. Keputusan Anwar untuk aktif dalam politik Umno dilihat sebagai, "menjilat kembali segala ludah-ludahnya sebelum ini. Beliau menjilat bersama tahi ayam dan segala macam najis yang berkumpul di air ludahnya itu. ... Anwar berubah dan musnah kerana wang dan kuasa!" Penulis menyifatkan kata-kata Anwar untuk memperbaiki Umno dari dalam sebagai, "tinggal kata-kata sahaja. Anwar tidak mampu berbuat apa-apa. ... Sebaliknya yang berubah bukan sistem-sistem kehidupan, bukan sistem pemerintahan yang kufur itu, tetapi yang berubah ialah pemikiran, budaya dan peribadi

beliau sendiri. ... Perubahan drastik yang amat ketara kepada Anwar ialah di segi pakaian. Sewaktu dalam ABIM pakaian Anwar sungguh bersopan sekali. ... Beliau (kini) lebih senang mengenakan kot, longsuit dan necktie."

Sayuti seterusnya mengaitkannya dengan pemecatan lapan orang siswi Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kerana kesalahan mereka memakai purdah. "Anwar kini mula pandai berada di tengah-tengah majlis yang dikerumuni oleh bukan muhrim dan bersalam-salaman dengan perempuan tanpa alas. ... Sejak masuk Umno, bukan menyanyi sahaja katanya menari tengo dan caca pun dia sudah pandai. ... Cerita Anwar menari ini sudah heboh ke serata Malaysia. Mungkin juga telah dirakam di video. ... Sehingga hari ini kita belum terdengar lagi, yang Anwar mengemukakan apa-apa cadangan untuk mengubah sistem pendidikan negara yang sekular kepada Islam yang berteraskan kepada iman, tauhid dan taqwa." Tindakan Universiti Malaya yang menggunakan polis untuk menangkap dua orang pemimpin pelajarnya yang dikatakan mengetuai demonstrasi membantah konsert Sheila Majid, di bawah ISA, juga disentuh. Sayuti mempersoalkan tindakan Anwar membela Vijandran yang didakwa terlibat dengan video lucah. Anwar juga dikritik kerana sikapnya yang dikatakan egois dan memandang rendah orang lain, khususnya saingan terdekatnya.

Sayuti mengingatkan Anwar supaya "membukakan dirinya untuk dikritik dan sedia mendengar apa-apa teguran yang dibuat ke atas dirinya. ... Anwar kena insaf dan sedar itu semua. Bila berada di atas jangan lupa orang yang di bawah. Kerana orang di bawahlah yang mengangkat orang yang di atas. Kalau orang di bawah tebang batang, orang di atas akan tersungkur ke perut bumi." Anwar disaran menambahkan lagi ilmu-ilmu Islam: "Anwar tidak sepatutnya merasakan bahawa dirinya kini sudah cukup sempurna dan ideal sebagai seorang tokoh Islam. Disebabkan kelemahan Anwar dalam soal ini menyebabkan Anwar masih kabur dan kurang mengerti definisi dan juga konsep-konsep Islam sebenar." Sayuti secara tidak langsung menonjolkan dirinya sebagai pengikut Darul Arqam: "Anwar patut berjumpa dengan Ustaz Ashaari seperti dahulu, bermuzakarah dan berbincang dengan beliau." Beliau mencadangkan Anwar menggadaikan rumah besarnya untuk perjuangan Islam. Katanya, "tabung jihad perlu diisi oleh orang-orang seperti Anwar, bukan petani di kampung yang berpendapatan seringgit dua ringgit sehari". Selanjutnya Sayuti mencadangkan, "daripada pakai talileher lebih baik pakai kopiah macam dulu. Orang pun baru sedap hendak suruh Anwar jadi imam sembahyang. Anwar juga tidak payahlah bersalam dengan perempuan ajnabi. Itu semua haram. Seorang pemimpin Islam sangat takut kepada dosa kecil, apa lagi dosa-dosa besar. Jadi, kalau hari-hari Anwar duduk jamah tangan perempun bukan muhrim di depan khalayak umum, apakah hendak kita katakan kepada Anwar." Istilah "ekstrim" yang Anwar hubungkan dengan pendakwah hendaklah difikirkan kembali, kata Sayuti.

Sayuti menyifatkan stail dan budaya Anwar sebagai "budaya untuk membuncitkan perut sendiri". Dikatakan dalam kerjaya politiknya, Anwar banyak memikir dan menyusun strategi untuk kepentingan dirinya sehingga mengabaikan tanggungjawab kepada rakyat. Beliau lebih memikir serta mencaturkan macam mana hendak menguasai Umno, daripada memikir macam mana hendak mengubahkan dasar pendidikan negara yang lebih kemas dan mengikut keredhaan Allah. ... Tindakan Anwar membuat klik dan menyusun kemnya

tidak dapat dinafikan. Paling ketara berlaku di Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Mana-mana individu di UIA yang bercakap politik tidak memihak kepada Anwar akan dikenakan tindakan. Sesiapa sahaja yang menyokong parti-parti pembangkang akan dipanggil dan diberi kata dua. Pelbagai penekanan dan tindakan akan dibuat walaupun kesalahan yang dilakukan itu di luar bidang kuasa universiti. ... menyebabkan sesetengah pihak menganggap UIA itu ialah Universiti ABIM. Langkah pembersihan yang dilakukan itu bukan sahaja terbatas di universiti ataupun institusi pengajian tinggi tetapi turut terlibat ke jabatan-jabatan lain yang dikuasai oleh Kementerian Pendidikan."

Menurut Sayuti lagi, Anwar juga menguasai beberapa jabatan dan institusi lain termasuk Biro Tata Negara. "Anwar dikatakan telah menggunakan pegawai tertentu di biro berkenaan untuk kepentingan politiknya. Dalam mengejar pangkat, Anwar bukan hanya terbatas setakat itu sahaja. Beliau turut mengamalkan budaya samseng dan korupsi. Anwar sudah tidak dapat mengecualikan dirinya daripada turut sama menggunakan taktik-taktik kotor termasuk menggunakan wang seperti kebanyakan pemimpin Umno. Keadaan ini juga boleh meragukan kita semua bolehkah Anwar berjuang menghapuskan kezaliman, rasuah dan ketidakadilan yang dilaung-laungkan selama ini sedang apa yang berlaku di sekelilingnya sendiri pun dia tidak dapat mengatasinya." Sayuti mengaitkan Anwar dengan skandal kewangan yang didakwa telah dilakukan oleh dua orang kepercayaannya: "Anwar dikatakan telah menasihat kedua pegawainya itu meletakkan jawatan dalam masa 24 jam. Salah seorang yang dipecat katanya berangkat ke London untuk melanjutkan pelajaran. Kedua orang harapan Anwar ini dikatakan terlibat menipu sebuah syarikat ...: yang berjumlah ratusan ribu ringgit. Mereka telah menggunakan kedudukan Anwar untuk mempengaruhi syarikat berkenaan. ... Orang boleh meragui akan sejauh mana kejujuran dan kesungguhan Anwar dalam membanteraskan penyelewengan serta politik kotor dalam Umno."

Satu lagi stail yang didakwa lumrah pada Anwar ialah "suka mengembar-gemburkan sesuatu yang berhubung dengan dirinya. Anwar suka mengheboh-hebohkan, kononnya, apa yang beliau lakukan itu yang paling baik dan tidak boleh dibuat oleh pemimpin-pemimpin lain. Politik masuk bakul angkat sendiri ini telah menjadi amalan Anwar sejak dalam ABIM dulu lagi. ... Anwar juga mengamalkan budaya tinggal kawan dalam politiknya. Beliau hanya menggunakan seseorang itu semata-mata untuk kepentingannya sahaja. ... Ianya tak ubah seperti stail dan budaya politik Musa Hitam." Dalam mempersoalkan kemampuan Anwar melaksanakan Islam, Sayuti mempertikai kedudukan Umno dalam perjuangan Islam itu sendiri. Anwar juga dikritik kerana tidak mempunyai asas pendidikan Islam yang sempurna, yang hanya lulus dalam bidang Pengajian Melayu, Universiti Malaya: "Beliau bukan seorang yang hafal hadith. Kalau ada pun pengetahuan agama itu didapati secara membaca dan bukannya melalui pengajian khusus dalam bidang pentadbiran Islam. ... Siapakah guru Anwar? Siapakah yang menjadi model dan ikutan Anwar? Kita tidak tahu. Cuma apa yang kita dengar Anwar mempunyai ramai kawan-kawan dari orientalis Barat."

Melalui buku *Anwar Ibrahim: Mimpi & Realiti* itu, penulis merumuskan Anwar tidak mempunyai identiti dan wibawa sebagai seorang pejuang Islam? Anwar juga didakwa gagal membela nasib umat Islam di Pulau Pinang, tempat kelahirannya: "Sewaktu beliau baru masuk Umno dulu, beliau bukan main lagi bersemangat untuk membela dan mempertahankan

kuasa Melayu di Pulau Pinang. Tetapi kini semangat dan cita-citanya itu sudah hilang entah ke mana. Beliau tidak lebih dari menyaran dan melaungkan sahaja tetapi tidak pandai untuk berfikir bagi mengatasi apa-apa yang beliau sarankan itu." Ciri-ciri seorang Muslim seperti sentiasa bercakap benar, jujur dan tidak mungkir janji, yang seharusnya menjadi keperibadian Anwar dipersoalkan: "Apakah beliau tidak pernah berbohong? Tidak berdolak-dalik dalam sesuatu isu? ... Kita tidak tahu sudah berapa banyak Anwar berbohong. Paling ketara mengenai Akta Universiti. Sudah berapa kali Anwar berjanji hendak pinda atau mansuhkan akta berkenaan, tetapi sampai ke hari ini setitik nokhtah ataupun sepatah perkataan dalam akta berkenaan tidak terusik."

Demikianlah antara lain catatan yang menarik Sayuti Omar yang sempat saya nukilkan kembali, untuk renungan bersama. Saya tidak berhasrat membuat komentar melulu terhadap penulisan Sayuti itu. Sewajarnya kita semua menghargai setiap pandangan dan teguran, mana yang baik dibuat teladan. Sayuti berhak mengemukakan kritikan, hatta kecaman kepada Anwar. Mungkin ada antara pandangan Sayuti itu yang agak keterlaluan, tetapi itu bukan satu alasan untuk penyokong-penyokong Anwar menolak semua kandungan buku tersebut. Anwar telah diakui sebagai tokoh yang menarik dan boleh membuat orang ramai memberikan tumpuan kepadanya. Sementalahan pula Anwar kini berada di barisan depan kepimpinan negara. Anwar adalah menteri kanan dalam kerajaan. Kadang-kadang tugas yang diamanahkan oleh Dr Mahathir kepadanya lebih berat dari apa yang diberikan kepada Ghafar Baba. Ini bermakna tanggungjawab Anwar semakin berat. Tugas memimpin negara tidak boleh sama sekali dipandang mudah. Ia perlukan teguran dan pandangan-pandangan lain, walaupun agak pedih untuk diterima, seperti apa yang dilakukan oleh Sayuti itu. Sayuti mungkin membuat banyak kesilapan dalam analisanya, tetapi sebagai pemimpin yang sedang membina pengaruh tersendiri dalam Umno, Anwar harus berjiwa besar, berlapang dada, akur dengan kesilapan dan kesalahan.

Bagaimanapun kita tidak harus lupa, bukan Anwar sahaja yang mesti dikritik, yang mesti dihentam, yang mesti dimarahi, yang mesti ditegur apabila melakukan kesalahan dan kesilapan. Setiap pemimpin Umno, terutamanya di peringkat tertinggi mesti sentiasa dinilai dan dimuhasabah. Tidak wajar kita hanya menumpukan kepada Anwar sahaja; Dr Mahathir, Ghafar Baba, Abdullah Badawi, Sanusi Junid dan pemimpin-pemimpin lain juga mesti diperiksa. Mungkin ada pihak yang memberikan alasan bahawa pemimpin-pemimpin lain itu tidak banyak bercakap tentang Islam atau tidak pernah membuat kenyataan terbuka untuk memperjuangkan Islam seperti yang selalu disebut oleh Anwar. Alasan seumpama itu tidak mempunyai asas langsung. Benar, Anwar dikenali di seluruh dunia melalui perjuangan Islamnya dalam ABIM dahulu. Tetapi ini tidak bermakna pemimpin-pemimpin lain boleh dilepaskan begitu sahaja. Apakah selama ini Ghafar Baba mempunyai perancangan yang menyeluruh terhadap perkembangan perlaksanaan Islam di Malaysia? Apakah kita boleh melupakan ucapan-ucapan yang mempersenda-sendakan Islam oleh pemimpin-pemimpin utama kerajaan? Apakah sepanjang pembabitan Abdullah Badawi dalam politik, beliau meletakkan Islam sebagai dasar perjuangannya? Begitu juga dengan Sanusi Junid. Semua kita akan dihisab di akhirat tentang segala amalan yang kita lakukan di dunia ini, tidak kira kita siapa. Baik Anwar, atau Sanusi, mahupun Ghafar dan Abdullah Badawi tidak akan terlepas dari dipertanggungjawabkan di atas segala usaha dan kerja yang mereka lakukan

sepanjang diamanahkan memerintah Malaysia.

Saya berminat untuk mengulas beberapa pandangan Sayuti terhadap Anwar terutama yang berkaitan dengan pembabitan diri saya sendiri dengan isu-isu tersebut. Pertama mengenai isu pemecatan pelajar-pelajar UTM yang memakai purdah. Di waktu itu, bermula akhir tahun 1985, saya diamanahkan sebagai Setiausaha Agung Persatuan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (PMUTM) dan mengendalikan isu purdah ini secara khusus. Saya mengetuai satu jawatankuasa yang dibentuk bagi menentang perlaksanaan arahan melarang pelajar-pelajar UTM memakai pakaian yang menutup muka. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) telah menunjukkan kepada saya keputusan mesyuarat antara Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dengan semua TNC universiti-universiti tempatan dan Dekan HEP Insrtitut Teknologi MARA. Mesyuarat memutuskan bahawa purdah diharamkan pemakaiannya di kampus. Saya masih ingat, istilah yang digunakan ialah "purdah" dan "haram", bukan "menutup muka" dan "larangan". Bersama rakan-rakan pemimpin PMUTM saya berusaha membantah arahan ini melalui jalan rundingan. Sepanjang ingatan saya, kami berjumpa semua pihak yang terbabit, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pelajar-pelajar UTM berdiri teguh di belakang kami; lebih kurang tiga ribu tanda tangan berjaya kami pungut untuk kami sampaikan kepada Datuk Abdullah Badawi.

Pertemuan dengan Datuk Abdullah Badawi berjalan dengan baik dan mesra sekali. Kami diberikan jamuan yang agak enak dan mewah. Semasa makan, seorang rakan mengusik Datuk Abdullah: "Selalunya Menteri Pelajaran adalah antara jawatan terakhir yang disandang oleh calon Timbalan Perdana Menteri."

Datuk Abdullah tersenyum mesra dan menjawab: "Mungkin saya antara Menteri Pelajaran yang tidak akan ditawarkan jawatan itu."

Apabila perbincangan dibuka, saya mendahulukannya dengan meminta Datuk Abdullah menyelesaikan isu purdah. Selepas saya memberikan hujah-hujah berdasarkan tuntutan Islam dan faktor keselamatan, Datuk Abdullah mencelah sedikit memberikan pandangan. Kami memberi pandangan balas yang bercanggah dengannya. Datuk Abdullah menerima pandangan kami itu, setelah berbahas pendek. Saya sedikit terkejut. Kami menjangkakan isu purdah ini akan mencetuskan polemik panjang, tetapi Datuk Abdullah dengan wajahnya yang mesra mengambil keputusan yang mengejutkan. Beliau berjanji akan menyelesaikan isu ini dengan baik dan berusaha memanggil semula pelajar-pelajar yang telah dipecat itu. Saya yang ketika itu memegang sampul surat besar yang mengandungi tanda tangan pelajar-pelajar UTM yang membantah pemecatan tersebut agak segan menyerahkannya kepada Datuk Abdullah. Sebelum majlis bersurai, Datuk Abdullah bertanyakan apa yang saya bawa itu. Jadi, secara tidak formal saya menyerahkan sampul surat berkenaan, dengan disusuli jaminan beliau untuk meneliti kandungan bantahan tersebut. Sesungguhnya pertemuan pertama dengan Abdullah Badawi itu meninggalkan kenangan yang manis; tiada sebarang pertelagahan dan segala urusan perbincangan berjalan dengan baik. Sama ada Abdullah Badawi ingin memenangi hati kami, itu bukan soalan besar, yang penting, kami semua merasakan caranya menangani masalah tersebut, di hadapan kami, boleh dihargai.

Selang beberapa lama selepas pertemuan itu, saya dipanggil oleh TNC (HEP) ke pejabatnya. Agak hairan juga saya apabila diberikan ucapan tahniah oleh TNC. Rupa-rupanya perjuangan kami selama ini membantah arahan melarang pemakaian purdah berjaya separuh jalan. Apa yang saya maksudkan "separuh jalan" ialah kerana pihak atasan bersetuju membenarkan pelajar-pelajar yang telah dipecat, yang kebanyakannya berada di tahun akhir pengajian, menyambung kembali pelajaran mereka, tetapi pelajar-pelajar yang masih belum berpurdah tidak dibenarkan memakai purdah selepas itu. Saya terus membuat kenyataan akhbar mengalu-alukan langkah tersebut. Akhbar *Watan* menyifatkan tindakan itu sebagai tugas terakhir Abdullah Badawi yang dilaksanakan dengan cukup baik, sebelum beliau "diturunkan pangkat" ke Kementerian Pertahanan.

Bagaimanapun harapan kami dan pelajar-pelajar purdah tadi khususnya, berkecai apabila "arahan tidak bertulis" dari Abdullah Badawi itu, entah di mana silapnya, tidak dilaksanakan. Dan apabila Anwar menerajui Kementerian Pelajaran, setelah dua pertemuan antara pimpinan Barisan Bertindak Mahasiswa Negara (BBMN) dengannya diadakan, isu pemecatan pelajar purdah ini berlalu begitu sahaja. BBMN yang menggabungkan kepimpinan tertinggi Persatuan Mahasiswa Universiti-universiti (PMU) hanya diberi janji-janji manis oleh Anwar, tetapi sayangnya janji tinggal janji. Apakah Anwar terlalu lemah untuk memanggil semula puluhan pelajar-pelajar (termasuk UPM) yang dizalimi hanya kerana menutup muka mereka dengan secebis kain? Mungkin saya antara orang yang paling sedih apabila mengenangkan usaha Anwar dalam menangani isu ini; beliau seolah-olah tidak mampu berbuat apa-apa. Tetapi yang menimbulkan persoalan besar, dalam kes di UTM, mengapa arahan baru dari Abdullah Badawi itu tidak boleh dilaksanakan? Saya sendiri melihat draf cadangan peraturan baru yang dipersetujui oleh Abdullah Badawi itu. Walaupun dalam banyak hal lain saya menghormati Anwar, tetapi jika merujuk isu pemecatan pelajar purdah di UTM, jelas Anwar begitu lemah dan janjinya dimungkiri. Ada pihak menyifatkan tindakan Anwar itu didorong oleh rasa segannya kepada Dr Mahathir yang mempunyai sikap tersendiri dalam hal ehwal yang berkaitan dengan pakaian wanita ini.

Persoalan kedua ialah mengenai Akta Universiti. Seperti kata Sayuti, saya akui, memang Anwar berjanji, dengan ramai pihak, bahawa beliau akan meminda Akta Universiti dan memberikan kelonggaran kepada gerakan pelajar untuk menjalankan aktiviti yang lebih matang. Dalam pertemuan-pertemuan dengannya, Anwar hanya meminta pemimpin-pemimpin pelajar menyediakan draf cadangan pindaan tersebut seolah-olah selama ini Anwar tidak mengetahui di mana cacat dan celanya akta keramat itu. Walhal umum mengetahui, secara meluas, bagaimana penentangan Anwar sejak Akta itu diperkenalkan pada tahun 1971 dan kemudiannya dipinda dalam tahun 1975. Melalui akhbar kita dimaklumkan Anwar selalu menasihati naib-naib canselor supaya memberikan kelonggaran kepada gerakan pelajar, tetapi memadaikah hanya dengan nasihat, sedangkan peraturan yang telah dimaktubkan jelas mengikat dan mengongkong penghuni kampus. Benarlah seperti telahan Sayuti, akan terakam dalam sejarah bahawa Anwar hanya pandai memberikan janji dan jaminan, sedangkan Akta itu sedikit pun tidak terusik. Saya difahamkan, menjelang penukarannya ke Kementerian Kewangan, sebuah persatuan pelajar telah mengedarkan poster saiz A4 yang mencatatkan "Akta Universiti: Anwar Pembohong!"

Persoalan ketiga ialah penangkapan dua orang pemimpin Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya yang didakwa mengetuai demonstrasi menentang Konsert Sheila Majid pada 10 September 1989 di hadapan Dewan Tunku Canselor. Yang paling mengaibkan ialah penangkapan itu dilakukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Pihak polis digunakan untuk menyuraikan bantahan tersebut. Hampir 20 orang ditangkap dan sebahagian besar yang lain didakwa di hadapan mahkamah universiti. Kesemua mereka didenda lebih $7,000 oleh pihak universiti. Ketika itu Naib Canselor Universiti Malaya ialah rakan karib Anwar, Dr Syed Hussein Alatas. Difahamkan beliaulah yang meminta kerjasama pihak polis, termasuk Unit Tindakan Ringan masuk ke dalam kampus dan merempuh barisan mahasiswa/i yang terlibat dalam bantahan itu. Semasa perhimpunan agung Umno 1989, ada perwakilan Umno yang menyuarakan rasa tidak puas hatinya dengan tindakan menggunakan ISA ke atas pelajar. Yang mengejutkan ialah kenyataan Anwar, yang menyanggah fakta yang sudah jelas ini. Anwar menyifatkan berita itu sebagai fitnah akhbar pembangkang, *Harakah*. Saya sendiri yang turut ditahan pada 25 September, kerana didakwa menghasut pemimpin-pemimpin PMIUM tersebut, juga di bawah ISA, menghela nafas panjang mendengar penafian Anwar itu. Lagi sekali, Anwar berbohong! Saya mempunyai cukup bukti tentang penahanan mereka di bawah ISA dan kisah operasi pihak polis untuk menangkap dua orang lagi pemimpin tertinggi PMIUM, tetapi gagal.

Mengenai hal-hal lain yang disentuh oleh Sayuti, contohnya isu pakaian, rasanya pembaca mempunyai pandangan yang berbeza dengan Sayuti. Saya juga begitu. Soal bentuk pakaian tidak patut ditimbulkan sekiranya ia telah menutup aurat. Ramai pembaca yang ketawa membaca analisa Sayuti itu. Kata mereka, "bukankah lebih elok dilihat, isteri pemimpin manakah yang tidak menutup aurat dengan sempurna? Apakah isteri Abdullah Badawi menutup aurat?" Bagaimanapun saya bersetuju dengan ingatan Sayuti mengenai adat bersalaman tidak kira dengan wanita mana sekalipun. Perkara ini memang nampak kecil tetapi ia melambangkan komitmen seseorang dengan penghayatan Islamnya. Sebagai pemimpin besar Anwar akan lebih dihormati sekiranya menjaga perkara-perkara yang dilihat kecil tetapi mempunyai ketetapan yang jelas menurut Islam. Lagi pun perlu apa Anwar bersalam dengan wanita bukan muhrimnya? Apa faedah yang Anwat dapat? Apakah tidak bersalam dengan wanita bukan muhrim akan menunjukkan Anwar seorang fanatik agama? Tetapi, bagaimana pula dengan menteri-menteri lain? Apakah Sanusi atau Abdullah Badawi tidak bersalam dengan wanita bukan muhrim? Apakah Sanusi menjaga batas-batas pergaulannya selaras dengan ajaran Islam? Kenapa dalam hal-hal berkaitan hukum agama, perhatian kita hanya ditumpukan kepada Anwar? Apakah pemimpin-pemimpin Umno lain terlepas dari azab Allah di hari akhirat nanti? Tentunya tidak, oleh itu penilaian kita biarlah adil dan merata.

Kalau Anwar dikatakan mempunyai rumah besar, tengoklah sama rumah pemimpin-pemimpin kerajaan yang lain. Jangan hanya tinjau dari luar, tinjaulah apa isi rumah-rumah tersebut? Apakah salah berumah besar kalau ia dibina dari punca rezeki yang halal? Kita akui bahawa adalah lebih baik tokoh yang selalu bercakap untuk mengurangkan kemiskinan dan selalu bercakap tentang keadilan, seperti Anwar, mempunyai rumah yang tidak jauh berbeza dengan rakyat kebanyakan. Tetapi dengan rumah sepertinya rumahnya sekarang, rasanya ia bukan sesuatu yang patut dijadikan isu dalam percaturan politik Umno. Kalau

Anwar tidak berjaya menunaikan penegasannya untuk mengurangkan kemiskinan, menghapuskan pembaziran, menyeret mereka yang rasuah ke pengadilan; bagaimana komitmen Sanusi atau Ghafar atau Abdullah Badawi dalam hal ini? Bersungguh-sungguhkan mereka ini menentang kemungkaran dan penyelewengan dalam pentadbiran kerajaan? Benar, yang diamanahkan ialah Anwar dan Anwar mesti dipertanggungjawabkan di atas segala kecuaiannya, tetapi pemimpin-pemimpin lain tidak boleh melepaskan tangan. Kerajaan ditadbir secara kolektif. Kalau Anwar merasmikan Pesta Malaysia, yang jelas memupuk aktiviti maksiat, apakah Sanusi atau Abdullah Badawi bersikap tegas tidak melayani pesta budaya murahan seumpama itu?

Saya juga bersetuju dengan masalah yang ditimbulkan oleh orang-orang kepercayaan Anwar. Anwar mesti mengambil perhatian serius hal ini, silap-silap langkah orang-orang di kiri-kanannya inilah yang akan merosakkan masa depan Anwar. Sikap angkuh dan egois mereka boleh memalapkan sinar Anwar apatah lagi jika kenyataan-kenyataan iu merujuk kepada batang tubuh Anwar sendiri. Lihatlah bagaimana kenyataan Nasaruddin Abdul Jalil, bekas Setiausaha Sulit Anwar menjelang pertarungan April 1987: *"He (Anwar) may have only a degree in Malay studies, but he knows more about Islam than many other people. ... Do you know of anyone else who can face PAS men at a public forum and debate openly on religious matters. ... The number of ABIM members in Umno is less than one per cent, but we are a significant group because we work hard. ... In politics, you don't mark your time. You must move quickly when you see an opportunity."*



## Nik Aziz hadir mesyuarat Kewangan Negara

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Majlis Kewangan Negera diadakan di Kementerian Kewangan di sini baru-baru ini di mana Menteri-Menteri Besar dijemput hadir ke mesyuarat tersebut.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba bertindak selaku pengerusi mesyuarat Majlis Kewangan Negara itu.

Gambar menunjukkan Encik Ghafar, Menteri Kewangan Datuk Sri Anwar Ibrahim dan Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Aroff mempersilakan Menteri Besar Kelantan Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk menuman ringan selepas mesyuarat itu.

Anwar dan Ghafar nampaknya begitu menghormati Tuan Guru Nik Aziz. Baguslah kalau niat mereka benar-benar ikhlas.



Apa yang dibisikkan Anwar kepada Musa. Orang-orang kanan Musa, Ajib dan Shahrir sentiasa berwaspada.



Anwar juga rapat dengan Tengku Razaleigh tetapi mampukah Anwar menjalin semula hubungan dengan Tengku Razaleigh selepas ini, untuk memantapkan perpaduan Melayu - Islam?



Anwar bersama Harun Idris yang kini sudah meninggalkan Semangat 46.

**QUOTE**

**I HAVE not resigned my principles in entering politics through Umno. I didn't discuss any specific terms before joining....we discussed general principles. My views on the Societies Act and the ISA are still there. I have always had a good personal relationship with Datuk Seri Dr Mahathir. He has been open to harsh criticism from me, even when it was crudely expressed. Abim leaders have accepted my decision that I should become active in politics for the sake of national unity and continue my struggle for Islam. —** *Encik Anwar Ibrahim yesterday.*

# WHY I'M IN— BY ANWAR



STAR 30/3/82

**KUALA LUMPUR, Mon. — Encik Anwar Ibrahim said today he had chosen to go into politics because of the changes wrought by the new Goverment leadership.**

He said his basic reason was his trust and confidence in Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed and the changes made since he became Prime Minister. "More importantly, we share the same beliefs and ideals..."

These changes, with which he agreed, left him with "no alternative but to give him, his party and his Government my full support," he said.

Encik Anwar resigned on Saturday as leader of the Malaysian Muslim Youth Movement (Abim); as Abim leader he has been critical of several basic Government policies such as the Societies Act and the Internal Security Act.

He has long led the campaign against the Societies Act and heads the co-ordinating body of societies against the Act.

At a press conference today, Encik Anwar explained today why he was becoming active in politics through Umno and the Barisan Nasional.

Encik Anwar, a close personal friend of Datuk Seri Dr Mahathir, said he was not compromising his principles in joining a Government party whose policies he has criticised.

Encik Anwar said he was still against the ISA. "At the least, it should be reviewed," he said.

● TURN TO PAGE 5

ON PAGE 4

## School head Anwar

**ANWAR IBRAHIM will continue to act as the principal of Yayasan Anda, the private institution he founded in 1971 to provide education for students from poor families. Encik Anwar, who is chairman of the board, set up the school with six others.**

**UMNO chief Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed welcomed Encik Anwar into Umno and the Barisan Nasional yesterday, and said the party valued his services.**



Anwar dianugerahkan darjat kebesaran oleh Sultan Pahang.



Ramai musuh-musuh Anwar dalam Umno suka Anwar berselisih dengan Sultan Kelantan.



Perhubungan Anwar dengan Raja-Raja Melayu semakin terjejas dengan isu Kod Etika Raja-Raja.



Sultan Pahang dan isteri dalam satu majlis bersama rakyat.



Anwar sewaktu dikurung di bawah ISA di Kemunting, Perak.



Siapa lagi selepas Dr Mahathir kalau bukan Anwar? Tapi, bolehkah Ghafar, Musa, Pak Lah dan Sanusi menerimanya?

# 3

# ANWAR LAWAN GHAFAR SIAPA YANG PERLU DISOKONG?

Hasrat saya hendak menulis buku politik mengenai Umno pada mulanya tidak begitu dipersetujui oleh ramai teman-teman. Kata mereka, lebih baik saya tumpukan penulisan saya kepada perjuangan Islam.

"Jangan tulis yang mengarut Lutfi. Banyak lagi isu-isu lain yang boleh kau sentuh. Pasal Umno biarlah penulis-penulis yang sedia ada teruskan mengarut mereka," tegur seorang teman yang selalu ikuti tulisan saya.

Pada mulanya saya akur. Pergolakan dalaman Umno bukanlah bidang saya. Dan sebenarnya saya sendiri tidak pasti apakah saya mempunyai bidang tertentu untuk dikupas dengan mendalam dan menarik minat pembaca. Yang lebih penting dari itu, bagaimana tulisan itu boleh memberikan kesan positif, untuk menyedarkan atau sekadar memberi bahan berfikir.

"Aku percaya masyarakat kita mesti didedahkan dengan pandangan-pandangan lain setiap kali sesuatu isu itu diketengahkan. Jangan hanya disogokkan dengan satu aliran pandangan sahaja. Nanti masyarakat jadi beku dan jumud. Mereka tidak boleh berfikir dengan matang dan malas mencari idea-idea baru," saya cuba memberikan justifikasi sendiri.

"Lutfi, sekarang ini pembaca sudah tidak boleh hormat kepada penulis-penulis politik," teman saya ini tidak mahu mengalah.

"Pasal apa pula?"

"Kau tengoklah sendiri. Semua penulis yang aku baca tulisan mereka, yang aku tak baca tak tahulah apa isi buku mereka, semua memihak kepada satu-satu kumpulan atau

tokoh pujaan masing-masing. Masa berlaku pertandingan antara Mahathir dengan Tengku Razaleigh dulu, sama ada penulis itu sokong dan ampu tinggi-tinggi Dr Mahathir, dan seterusnya lanyak dan godam cukup-cukup Ku Li atau sebaliknya. Maaf cakaplah, aku langsung tidak terbaca satu buku yang tidak memihak, yang memberi analisa yang boleh dihormati," dia terus mengasak.

"Mungkin kau tak jumpa buku yang kau maksudkan itu. Kalaupun betul macam itu, apa salahnya seseorang penulis itu memihak. Bukankah sebagai seorang Muslim kita bertanggungjawab cenderung dan memihak kepada kebenaran. Malahan kita mesti mendukung dan memperjuangkannya." Saya agak bila saya bercakap begitu, tentu teman yang pernah memimpin gerakan pelajar ini mengalah.

Saya masih ingat lagi, ketika bersama-samanya di kampus dahulu, kami pernah dipanggil Naib Canselor untuk berbincang sesuatu. Waktu itu, kalau tidak silap, heboh dengan isu pemecatan pelajar purdah dan penyingkiran saya sendiri dari UTM. Bersama rakan-rakan pelajar dari universiti sekitar Kuala Lumpur, kami menganjurkan demonstrasi. Kebetulan Anwar baru saja menjadi Menteri Pendidikan menggantikan Abdullah Badawi.

"Bukan saya marahkan sangat awak semua anjurkan demonstrasi. Tetapi kenapa baru sekarang? Kenapa masa Datuk Abdullah jadi menteri dulu, awak boleh berunding dan berbincang? Ini mesti ada motif tertentu," hujah Naib Canselor. Nampaknya beliau cuba mengawal perasaan marahnya kepada kami.

"Yang saya bimbang awak dijadikan batu loncatan oleh pihak-pihak tertentu. Saya rasa ini bukan sikap pemimpin pelajar yang berwibawa," Naib Canselor berkenaan meneruskan leterannya. Saya ingin menjawab, tetapi hasrat itu saya pendamkan dulu bila melihat teman saya tadi, yang sebelumnya ada mencatatkan sesuatu membetulkan tempat duduk untuk memberi reaksi.

"Kami sudah jumpa Anwar, sudah beri masa kepadanya. Tapi kami tidak nampak Anwar serius dengan hal ini. Kalau kami 'nak mulakan proses yang sama seperti yang kami lakukan dengan Datuk Dollah, saya rasa itu pun bukan satu tindakan yang bijak. Bagi kami, Anwar melanjutkan tugas Datuk Dollah. Lagi satu Tan Sri, saya cukup tidak berkenan bila Tan Sri selalu tuduh kami menjadi alat pihak tertentu ataupun kami dijadikan seperti batu loncatan. Apa salahnya kalau kami dijadikan batu loncatan oleh mana-mana pihak pun sekiranya pihak berkenaan mahu memperjuangkan kebenaran dan keadilan. Kami rela dijadikan begitu seandainya natijahnya nanti untuk kebaikan perjuangan Islam," agak tersusun juga teman saya itu memberikan hujah. Kalaupun tidak pukul mati, tetapi sudah cukup untuk membuatkan Naib Canselor menukar topik perbincangan.

"Aku setuju, penulis dan sesiapa saja mesti memihak dan memperjuangkan kebenaran. Tapi buku-buku politik Umno yang aku baca, semuanya memihak dan memperjuangkan kumpulan dan tokoh-tokoh tertentu. Buktinya, apabila penulis berkenaan ingin beralih memberikan sokongan kepada musuh tokoh yang pernah disanjungnya, segala kelemahan dan keburukan tokoh pujaannya dahulu dibongkar. Walhal dulu, tokoh tersebut macam

malaikat. Ini yang aku tak setuju," rupanya pendirian teman saya itu masih kukuh.

"Bukan aku 'nak dakwa buku yang aku sedang tulis ini sebuah buku yang baik, yang menyimpang dari tradisi buku-buku politik yang ada. Kau pun tahu, aku masih baru dalam bidang ini. Banyak maklumat yang aku tak dapat. Banyak perkembangan terbaru dalam Umno yang tak mampu aku tanggap dengan betul dan tepat."

"Habis, yang kau terus 'nak tulis buat apa. Lebih baik orang macam kau analisa perjuangan gerakan-gerakan Islam di Malaysia. Topik seperti itu wajar diberikan keutamaan. Cuba sorot perjuangan PAS, ABIM, JIM, Arqam dan juga Tabligh," dia memberi cadangan. Memang saya akui, teman saya ini cukup tidak berpuas hati dengan analisa yang dibuat mengenai gerakan-gerakan Islam di Malaysia. Katanya, sudah sampai masanya perjuangan Islam di Malaysia dibedah oleh mereka yang terlibat sendiri dalam kancah perjuangan itu. Selama ini hanya dibiarkan kepada pengkaji yang tidak pernah terlibat dengan alam dakwah. Saya boleh bersetuju dengan pandangannya itu, tetapi tentulah saya bukan orangnya untuk menulis, apatah lagi menganalisa isu seberat itu. Pasal Umno boleh juga mengarut!

"Apa tajuk buku kau kali ini? Ya, lupa pula aku, macam mana jualan buku *Selepas Mahathir Peluang PAS* dulu?

"Boleh tahan, cuma lambat sedikit jualannya. Ramai kawan-kawan komen, bahannya agak berat. Isi menarik, kata mereka, tapi *cover*nya pudar. Tak boleh menggerakkan orang 'nak pegang dan belek buku itu. Gambar pun tak ada, kata mereka, sedangkan gambar boleh memberikan daya tarikan." Buku *Selepas Mahathir Peluang PAS* itu saya tulis sempena Muktamar Tahunan PAS di Kelantan, pertengahan Ogos lalu. Sambutannya agak sederhana tapi saya puas hati. Ada juga orang yang hendak baca pandangan saya. Ya, siapalah saya untuk mengulas perjuangan PAS.

"*Anwar lawan Ghafar*. Ada tanda soal di belakangnya," jawab saya sambil tersenyum. Saya pasti dia akan ketawa kerana, seperti katanya selalu, "kau ni, kalau tulis pasal politik tak lepas dari Anwar Ibrahim."

Memang betul, tetapi dia hanya tersenyum panjang. "Kau bantai Anwar macam kau siarkan gambar Anwar asyik tengok tarian di Pesta Malaysia dalam *Dunia Islam* tempoh hari? Kau pun satulah Lutfi, orang-orang Anwar ramai yang tak setuju kau kritik Anwar seorang sahaja. Sedangkan kalau dibandingkan Anwar dengan pemimpin yang lain, apa lebihnya mereka tu?"

"Nanti dulu kawan. Kau buat kesimpulan terlalu cepat. Belum baca, dan aku pun baru tengah susun buku itu, kau sudah jadi hakim," saya cuba mengusiknya.

"Oop, maaf. Aku terlanjur. Kau sokong siapa?"

"Laa ... tadi kau kata, kau tak suka baca tulisan yang memihak. Sekarang kau 'nak suruh aku memihak pula. Apa ni?" saya ingin mendengar reaksinya. Tak seronok pula kalau

terus jawab soalannya.

"Baiklah, baiklah. Tapi Lutfi, tak seronok pula baca buku-buku politik yang tidak memihak. Nanti buku kau tu hambar, jadi analisa akademik."

"Mana cakap kau yang boleh aku pegang. Sekejap mesti buat analisa yang kemas dan mempunyai fakta yang mendalam. Sekarang sudah bertukar." Saya tahu dia peminat setia Subky Latiff. Katanya, gaya Subky cukup menarik. Walaupun tulisan Subky tidak begitu banyak diasak dengan fakta dan maklumat, tetapi gaya penceritaannya menakjubkan. Itu yang pembaca mahu dari buku politik, katanya, bukan penuh dengan maklumat semata-mata.

"Jadi kau suka aku mengarut," saya memancing ideanya.

"Sekali sekala kau mengarut apa salahnya. Tapi ... kalau aku boleh beri pandangan, jangan lanyak Anwar lagi. Cukuplah kau godam dia dalam *Dunia Islam*. Lupakanlah pasal purdah, pasal Akta Universiti. Itu semua kecillah," hebat juga teman saya ini membela Anwar. Baru saya tahu, dalam diam-diam dia menjadi pengkagum Anwar.

"Aku bukan pengkagum Anwar macam kawan-kawan ABIM tu. Cuma, kalau aku diberi peluang memilih antara tokoh-tokoh Umno, kenapa aku perlu tolak Anwar," dia mahu membetulkan tanggapan saya.

"Tapi kau begitu marahkan Mahathir. Anwar dengan Mahathir satu kem. Mana boleh kau sokong Anwar tetapi tolak Mahathir. Anwar naik pun kerana peluang yang diberikan Mahathir," sekali lagi saya ingin menduganya. Kawan saya ini, kalau tidak dijolok, tidak terkeluar rasa hatinya.

"Nabi Musa dulu, siapa yang memeliharanya masa kecil?"

"Itu lain, kawan. Cakap kau tu sensitif sangat," terkejut juga saya dengan balasannya itu. Jadi, sebelum dia mengganyang Dr Mahathir, lebih saya perjelaskan segala persoalannya.

"Buku yang aku 'nak tulis tu ... sebenarnya aku bukan penulis tetapi lebih sesuai disebut penyusun. Kalau buku *Selepas Mahathir Peluang PAS* kawan-kawan komen pasal tak ada gambar, kali ini halaman bergambar lebih banyak dari tulisan aku. Aku juga selitkan banyak keratan akhbar supaya pembaca boleh melihat banyak tanggapan dan pandangan yang telah dibuat sebelum ini. Lagi pun pemilihan Umno tahun depan, tahun 1993. Nantilah dulu. Aku fikir, kalau aku 'nak analisa tentang kem-kem dalam Umno, lebih wajar diterbitkan pertengahan tahun depan. Bahan-bahan masih kurang," secara jujur saya menjawab kemusykilannya.

"Kau jual gambar dengan keratan akhbar ... itu saja?"

"Bagi aku, itu caranya yang lebih sesuai. Aku tak mahu memberatkan. Biar pembaca

*relax* sikit, tengok-tengok gambar lama. Macam kau kata selalu, buku politik ini pun satu hiburan juga. Jadi aku mahu mencari pengalaman baru."

"Okey tu ... macam mana pula isinya?" Rupanya kawan saya ini belum dapat lagi jawapannya. Dia mahu tahu juga, siapa yang saya sokong.

"Kalau aku sokong Anwar macam mana?"

"Apa kalau-kalau pula? Ini perkara besar, tak boleh kalau-kalau lagi. Kau mesti tetapkan pendirian, mahu sokong Anwar atau Ghafar?" Dia semakin ghairah mengasak saya. Itu memang tabiatnya. Biarkanlah.

"Kau tak percaya aku boleh sokong Anwar?"

"Kalau macam tu, baguslah. Akhirnya kau balik ke pangkal jalan ...," katanya sambil ketawa pendek. Saya tahu dia cuma mahu mengusik saya.

"Aku cuba bersikap adil, memberikan peluang yang saksama kepada semua tokoh-tokoh Umno."

"Bersikap adil bermakna menyokong kebenaran. Ini bererti menyokong Anwar," lagi suka dia mencelah. Benarlah dia sudah menjadi penyokong kuat Anwar, walaupun tidak pernah aktif dalam Umno, dan masih membenci Dr Mahathir.

"Memang aku tertarik dengan Anwar, sejak dulu lagi ...."

"Sudah aku duga," teman saya itu mencelah pantas. Gembira dia.

"Tapi aku juga tertarik dengan personaliti Pak Lah. Kau tentu ingat masa kita makan semeja dengan Pak Lah di Istana Tetamu dulu. Sukar bagi orang-orang Umno menolak Pak Lah, dia ada gaya tersendiri. Ghafar pun orang lama dalam Umno. Masing-masing ada kelebihan," saya sekadar menduganya.

"Tak boleh macam tu. Pembaca tak mahu pening. Sama ada kau sokong Anwar atau Ghafar. Apa kaitan dengan Pak Lah pula?"

"Sebenarnya Anwar lawan Pak Lah, bukan Ghafar." Saya tak pasti sama ada telahan saya itu tepat atau tidak, tapi baik juga untuk mendengar pandangan saya kawan tadi.

"Tunggulah buku aku tahun depan. Kalau ada pertandingan ...."

"Kau mesti sokong Anwar!"

"Anwar bukan malaikat, yang lain bukan pelesit. Berilah aku peluang buat perubahan dalam kancah buku politik. Aku bukan ahli Umno, tidak menjadi perwakilan yang mengundi.

Jadi perlu apa aku memaksa pandangan aku secara peribadi kepada kelompok yang punya tanggungjawab besar itu. Aku sekadar ingin memberi ruang untuk perwakilan Umno berfikir. Jangan menyokong atau mengundi seseorang dengan perasaan emosi dan mengenepikan pemikran yang waras," saya kembali serius.

"Baiklah, aku terima segala hujah kau. Tapi kau mesti ingat, Islam mesti menjadi pertimbangan utama. Orang PAS pun aku dengar sokong Anwar."

"Kalau orang PAS sokong Anwar, Anwar mungkin kalah nanti. Kesetiaan Anwar dalam Umno akan dipertikai. Itu boleh menjadi bahan yang baik untuk musuh Anwar menjatuhkannya."

"Jadi kau akan sokong Anwar?"

"Lagi-lagi itu yang kau 'nak tahu. Aku hanya boleh berjanji, aku akan cuba memberikan analisa aku nanti, bukan dalam buku *Anwar lawan Ghafar?* ini, berdasarkan kepentingan Islam secara menyeluruh, bukan kepentingan Anwar dan gengnya. Tapi kau kena ingat, kalau aku kritik Anwar tidak bermakna aku menyokong saingan Anwar." Dengan ingatan itu, saya meminta teman saya mengalih kepada topik baru untuk berbual.

"Kita main badminton malam ini, lama tak keluar peluh. Doktor nasihat aku bersenam, penyakit kencing manis aku makin teruk," secara serius saya mengajak dia menenangkan fikiran.

"Apa macam kita tukar kepada sukan berkuda," jawabnya juga dengan serius.

# Siapa ganti Mahathir?

Oleh **Lo Moi**

**SEBULAN** lalu, semasa merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO (B) bahagiannya di Kedah, Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan bahawa tidak perlu bagi sesiapa mendesaknya supaya berundur dari pucuk pimpinan parti dan kerajaan. Dia semacam meminta belas kasihan. Sifat garangnya diketepikan pada hari itu. Dr. Mahathir meminta supaya jangan diadakan pertandingan di peringkat-peringkat tinggi parti itu.

### Perlumbaan

Tapi perlumbaan, percakaran dan siku-menyiku dan tendang-menendang ke kerusi Perdana Menteri merangkap Presiden parti UMNO Baru masih tiada redanya. Malah bertambah memuncak.

Encik Ghafar Baba dengan nada selamba sahaja mematahkan cakap bossnya itu dengan menghujahkan bahawa bertanding tak mengapa. Elok diteruskan kerana itu adalah hak setiap ahli. Cuma nasihat beliau, yang kalah mesti akur kepada suara majoriti dan jangan bertindak memecahkan parti.

### Tukar tiang pagar

Anwar Ibrahim yang baru sembuh dari tendangan kuda tidak banyak bercakap pasal pertandingan ke tempat nombor satu. Bukan kerana mulutnya sudah pencong, cuma dia lebih meneliti keadaan. Dia lebih banyak bergiat menukar tiang pagarnya yang rosak atau yang patah. Dia menentukan supaya agihan rezeki koporat diperolehi oleh mereka yang disasar termasuk OKB tertentu. Maklum, dasar NDP (National Development Policy) atau Dasar Pembangunan Nasional banyak bergantung pada tindakannya sebagai Menteri Kewangan.

### Cabul prinsip demokrasi

Dalam pada itu anak buah di dalam parti UMNO Baru resah. Beribu surat layang sudah diedarkan. Sudah gamat jadinya hingga tak tahu lagi siapa pukul siapa. Mahathir sebenarnya sudah pecah rekod sebagai PM Malaysia yang paling tua dalam jawatan, tapi yang paling utama pula dalam usaha melupakan prinsip-prinsip demokrasi dan hak-hak demokratik rakyat. Dalam "Dilema Melayu" adatujuh perkara yang dibangkitkannya sebagai kemungkaran politik UMNO ketika itu yang dipimpin oleh Almarhum Tunku. Semua itu sudah dicabulnya sendiri.

Pada Mahathir dia tak perlu segera pergi. Buat apa? Dia masih bertenaga, .asih boleh berfikir dengan terang, cuma sesekali tersasul, macam di Kuching pada 24 Ogos yang lalu. Di kata satu parti memerintah di pusat dan di peringkat negeri lebih mudah dan lebih baik, katanya. Ini menandakan unsur autoritarian, unsur hendak terus bersultan di mata beraja dihati. Maklumlah, Raja pun sudah semacam mengalah.

### Mr. Nice Man

Dari segi umur, Encik Ghafar dengan Dr. Mahathir sama 67 tahun. Kalau di Jepun atau di Amerika ini muda lagi. Barangkali Mahathir nak test Ghafar, setakat mana staminanya. Tahan lama atau tahan sekejap. Kalau sekejap, Anwar akan mewarisi kerusinya. Dollah ada potensi dan boleh juga, tapi dia dilihat sebagai orang yang banyak senyum sahaja. Orang Penang kata dia "OK OK man" dan "Mr.Nice Man" (Di negeri Thai ada Chamlong yang digelar "Mr. Clean"). Cuma kalau Ghafar dapat mewarisi tempat Mahathir, Dollah ada can.

Ramai orang kata Ghafar tak boleh jadi PM kerana kekurangan beberapa ramuan pada dirinya. Ini belum tahu, belum cuba belum tahu. Saya pernah tengok dia cakap di U.N. sana. Boleh tahan juga dengung cakapnya. Cuma Ghafar bila mesyuarat jangan lekas sangat nak habis, nanti orang kata DPM tak baca kertas mesyuarat. Lagipun tradisi parti ialah jika apa-apa berlaku pada Mahathir adat berkata memang Ghafarlah yang akan mewarisi tempat itu.

Anwar, sebab itulah buat diam-diam dulu. Sebenarnya di dalam mengerenyam. Dia mesti bergantung pada bahu Mahathir sekurang-kurangnya sebentar lagi. Imejnya sebagai *protege* Mahathir tidak akan dapat dipadamkan. Lagipun, jika dia naik ke atas, kurang kemungkinannya dia akan bersalaman politik dengan Semangat 46. Kalau Ghafar naik belum tentu, sebab budaya UMNO lama itu agak tebal lagi dalam kamus politiknya.

Jadi, bila Mahathir nak berhenti? Itu bukan soalnya. Macam cerita *cowboy* dalam wayang, hero kadang-kadang terpaksa jatuh dari pelana. . .



# BERI SOKONGAN PADA ANWAR, DOLLAH

9/8/92



Oleh BAHA AZUWAN

**PERMATANG PAUH (PULAU PINANG): Timbalan Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba menggesa anggota UMNO Pulau Pinang memberi sokongan kepada dua pemimpin muda negeri ini untuk terus berkhidmat kepada parti.**

Menurut Encik Ghafar, dua pemimpin muda itu ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Berucap ketika merasmikan Perwakilan UMNO Bahagian Permatang Pauh di sini, Encik Ghafar berkata, anggota UMNO Pulau Pinang juga bertuah kerana mempunyai dua pemimpin muda yang berwibawa.

"Kedua pemimpin ini akan meneruskan perjuangan parti selepas ketiadaan saya dan Datuk Seri Dr Mahathir," katanya.

Beliau juga mengingatkan anggota UMNO supaya memelihara perpaduan dalam UMNO dengan baik.

Katanya, ini kerana UMNO adalah parti yang memelihara kepentingan orang-orang Melayu dan dalam masa yang sama menjadi tempat bangsa asing berteduh.

Beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, perjuangan dalam UMNO juga berterusan dan tidak ada kesudahannya.

Katanya, dengan memelihara perpaduan dalam parti, UMNO dapat meneruskan kesinambungan perjuangan orang Melayu dan memelihara perpaduan bangsa lain.

Encik Ghafar juga mengingatkan pemimpin UMNO supaya menjaga proses pemilihan yang berjalan dalam parti dengan baik atas semangat persahabatan.

## KEPENTINGAN

Beliau berkata, perjuangan dalam parti juga bukan untuk faedah diri sendiri sebaliknya perjuangan untuk kepentingan rakyat.

Sementara itu Ketua UMNO Bahagian Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap di majlis yang sama berkata, UMNO bahagian berkenaan akan memberikan sokongan kepada Encik Ghafar sebagai Timbalan Presiden Parti.

Katanya, sokongan tersebut akan diberikan untuk mempastikan kestabilan politik orang-orang Melayu terus dipelihara.

Beliau yang juga Naib Presiden UMNO berkata, anggota UMNO juga harus mempertahankan pemimpin yang ada sekarang untuk terus memimpin parti.

Datuk Seri Anwar juga berkata, kehadiran Encik Ghafar merasmikan Perwakilan UMNO Permatang Pauh akan memberikan kekuatan untuk anggota UMNO bahagian berkenaan untuk terus bekerja dengan lebih kuat.



Encik Ghafar Baba

# ANWAR JANGAN SALAHKAN ORANG LAIN

**KUALA LUMPUR**-Pergerakan Pemuda Semangat 46 berpendapat bahawa Menteri Kewangan,Dato'Sri Anwar Ibrahim tidak boleh menyalahkan sesiapa sekiranya beliau gagal membenteras penyelewengan dan pembaziran dalam agensi kerajaan.

Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda Semangat 46,Encik Ahmad Shabery Chik berkata,Dato'Sri Anwar tidak perlu menyalahkan sesiapa termasuk ahli-ahli UMNO sendiri sekiranya beliau gagal membenteras penyelewengan dan pembaziran dalam agensi kerajaan.

"Ucapan Dato'Sri Anwar itu memberi gambaran bahawa kegagalan Jawatankuasa Anti Penyelewengan yang ditubuhkan beberapa tahun lalu di mana Dato'Sri Anwar sendiri menjadi pengerusinya,tidak dapat membenteras penyelewengan dan pembaziran dalam agensi kerajaan semata-mata kerana ahli UMNOlah yang menghalangnya,"tegas beliau.

Encik Ahmad Shabery menegaskan demikian sebagai mengulas kenyataan Dato'Sri Anwar yang sanggup meletak jawatan sekiranya ahli-ahli UMNO tidak memberi sokongan terhadap tindakan beliau membenteras penyelewengan dan pembaziran dalam agensi kerajaan.

"Sebab itulah hingga kini penyelewengan dalam institusi kewangan seperti 'insider trading',penyelewengan Bank Bumiputera buat kali ketiganya baru-baru ini dan pembaziran melalui projek-projek yang tidak menguntungkan rakyat seperti pembinaan padang-padang golf secara besar-besaran,kerugian dalam syarikat Perwaja dan Hicom,pencemaran alam sekitar oleh projek-projek peranginan,kesemuanya tidak dapat dibenteras oleh Menteri Kewangan,"kata Encik Ahmad Shabery.

Encik Ahmad Shabery menjelaskan bahawa Dato' Sri Anwar sepatutnya berterus-terang mengaku yang beliau tidak begitu berminat untuk menghapuskan segala bentuk penyelewengan dan pembaziran itu.

"Dato'Sri Anwar juga sepatutnya mengakui bahawa beliau lebih berminat untuk memelihara survival politiknya lebih daripada survival rakyat dan negara keseluruhannya,"katanya.

Beliau menjelaskan bagaimana Dato' Sri Anwar hingga kini tidak melaksanakan janji-janjinya sebelum menyertai UMNO dahulu seperti untuk meminda Akta Pertubuhan,Akta Keselamatan Dalam Negeri,Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Sehubungan dengan itu,Pergerakan Pemuda Semangat 46 menyeru Dato'Sri Anwar supaya tidak bersikap kebudak-budakan dengan mengugut dan membuat kenyataan akan meletak jawatan sekiranya ada orang yang tidak menyokongnya membenteras penyelewengan dan pembaziran itu.

**MALAYSIA**

# Premiers in Waiting



"The race began last year," says an official of the New United Malays National Organisation (UMNO), dominant partner in Malaysia's ruling Barisan Nasional coalition. "It became so bad that the prime minister called a meeting of all division heads and told us: 'I'm still going to be around. I'm in good health.' " No one was directly challenging Premier Mahathir Mohamad for the party presidency or Deputy Prime Minister Abdul Ghafar Baba for the No. 2 spot. The contest last November was for the three vice-presidencies, seen as the essential stepping stone to the top when the two veterans retire.

The jockeying is heating up again. As Mahathir marks his tenth anniversary at the helm this week *(see box, next page)*, younger leaders are busily building support. UMNO branches are currently choosing representatives for division elections next year. They in turn will select some 1,700 delegates to elect a new leadership in 1993. At this stage Mahathir, 65, is expected to keep his party post — the UMNO president is traditionally prime minister — and contest the next general elections in 1994 or 1995.

But some think he could step down in mid-term, if only to allow his successor to grow into the job. An orderly transition is seen as important. Malaysia's rapid industrialisation under Mahathir owes much to foreign investment. What investors want, notes a financial analyst, is "continuity in the government and its policies."

There is no lack of potential successors. Waiting in the wings are deputy Ghafar, 66, and UMNO's three vice-presidents. Finance Minister Anwar Ibrahim, 43, is the country's fastest-rising politician. Abdullah Badawi, 51, came in from the political wilderness four months ago to rejoin the cabinet as foreign minister. Flamboyant Sanusi Junid, 48, is agriculture minister. Also mentioned: former deputy premier Musa Hitam, 57. He denies comeback plans, but associates say he's ready if the opportunity arises. Musa fell out with Mahathir in 1986 and later quit the party, but returned and was named Malaysia's special envoy to the U.N.

Finally, few observers are willing to write off Mahathir's archrival, Tengku Razaleigh Hamzah, 54. A prince of the Kelantan royal family, he lost a close race for the party presidency to Mahathir in 1987. Later he set up what he claimed is the real UMNO, Semangat 46, after the courts ruled the original party illegal. But Semangat fared poorly in last year's general elections. Says Razaleigh of a reconciliation: "In politics, anything can happen."

As deputy, Ghafar is the best-placed contender. Mahathir told Asiaweek in 1981 that "the rules of succession are fairly well set" — an UMNO president who steps down in mid-term hands power to the No. 2. Ghafar, who hails from Negri Sembilan but represents a Malaccan constituency, enjoys strong grassroots support among Malays and Chinese.

Backers say his chances have grown even better since being chosen to set up UMNO's first division in Sabah. That gives him the inside track for the East Malaysian state's 220 votes in a showdown. But time is not on his side. "If a young country like Malaysia were to be led by someone who's 70 or 80," argues an Anwar supporter, "there'd be too big a gap and difficulties in communicating."

Like Mahathir, Ghafar has had heart surgery, though it was preventive. His opponents see Ghafar as a "temporary" prime minister. Aside from his age they cite his schooling, which ended at primary level, though he later earned a teaching certificate. Detractors say he is a good second-in-command but lacks the vision and charisma to lead.

Anwar is often touted as the man to watch. As education minister he won the most votes for vice-president in last year's party polls. Backers point to his elevation to finance minister. Asserts one: "This is an important portfolio, a sign not merely of Mahathir's preference but of his confidence."

A student activist from Penang who was once detained for 22 months under the Internal Security Act, Anwar was a founder, along with Sanusi, of the



Photos: Chan Loo Tat

**Ghafar; Anwar; Abdullah: As Mahathir completes a decade as PM, some early jockeying for succession**

Muslim Youth Movement of Malaysia. "I'm still a very committed Muslim," he told Asiaweek. Mahathir named him a deputy minister shortly after he joined UMNO in 1982. But his rapid rise has earned him some enemies. "His performance doesn't match his charisma," says former welfare minister Shahrir Abdul Samad, a Musa loyalist. Some non-Muslims worry about Islamisation under an Anwar government. Outside Malaysia there's concern about his Malay nationalism. Counters a supporter: "He's very pious but his perception of Islam is practical. He realises this is a multi-racial society."


Photos: Chan Looi Tat
Sanusi; Razaleigh; Musa: For investors, a desire for continuity

If Ghafar becomes PM, Anwar may get left out. Abdullah and Sanusi are closer to the deputy premier. The well-liked Abdullah, also from Penang, finished a strong second in last year's party elections. Mahathir had kicked him out of the cabinet in 1987 for backing Razaleigh. Retaining the vice-presidency, says Abdullah, "was the sweetest victory in my entire political career. It proves to me that UMNO has a mind of its own." He has a well-earned reputation as a man of principle, and his fatherly image has disarmed potential enemies. But he is friends with Musa, who challenged Ghafar in the 1987 party polls.

Sanusi, from Kedah state, is seen as more acceptable to Ghafar. The economist and former banker controls a grassroots ministry with access to farmers and fishermen. Fluent in seven languages, he's been an UMNO member for 28 years and was a party secretary-general. Sanusi is known for his ideas and implementation skills. But, admits a supporter, "he's still portrayed as fierce and outspoken."

Some pundits speculate that Ghafar might invite Razaleigh to be his deputy — and bring Semangat back into the fold. "Ghafar could go down in history as the father of Malay unity," says an UMNO leader. One possible route to reconciliation, Razaleigh told Asiaweek, is amending the Societies Act to legalise the original UMNO. But the former finance minister doesn't see a return as long as Mahathir is in charge.

There's also speculation that Musa might bid for a top party post in 1993. "His supporters in Johore [his home state] are going all out," claims a Sanusi man. Says admirer Shahrir: "There's no real acceptance of any one of the three vice-presidents as the next deputy prime minister. That's why Musa's name keeps coming up." But the former deputy premier denies any ambition. The comeback talk, says Musa, is "good for my ego, but I'm retired."

Considered a long shot — for now — is International Trade & Industry Minister Rafidah Aziz, 47, Malaysia's leading woman politician. Going against the articulate Rafidah is her gender. Remarks a senior politician: "I don't think Malay society is ready to accept a lady yet." And what does the prime minister think of the succession race? A senior UMNO official says Mahathir has told the aspirants: "Stop politicking. If you're destined to be prime minister, you will be." ■

**PERSPECTIVE**

# A Hard Act to Follow



In a decade as Malaysia's prime minister, Mahathir Mohamad has rarely sat back. Soon after taking office on July 16, 1981, he introduced a Look East policy to have Malaysia emulate the achievements of Japan and South Korea. With Japan's help he launched the national car, the Proton Saga, in 1985. A shift from commodities to manufacturing has accelerated since the mid-1980s recession. Economic growth under him has averaged 6% a year.

Inevitably, his tenure has also been marked by controversy. A landmark 1983 amendment curbing the King's power to withhold assent to legislation sparked a constitutional crisis. Around the same time state-controlled Bank Bumiputra, then Malaysia's largest bank, was implicated in the collapse of Hongkong's Carrian Group. In 1987 the government, citing racial tension, detained more than 100 people without trial under the Internal Security Act. Increasing friction between the judiciary and the government led to the sacking of Salleh Abas, lord president of the Supreme Court, in 1988.


Chan Looi Tat
Mahathir: Controversial

Mahathir has made his mark internationally. In 1981 he launched a Buy British Last policy after Britain raised tuition fees for foreign students, and he considered quitting the Commonwealth. But in 1989 Kuala Lumpur hosted a Commonwealth Heads of Government Meeting. Keen to champion developing-nations causes, he has been a leading backer of anti-apartheid sanctions against South Africa. To combat the drug trade his government instituted a mandatory death penalty for traffickers.

Mahathir led his ruling coalition to election victories in 1982, 1986 and 1990, surviving Musa Hitam's 1986 resignation and Tengku Razaleigh Hamzah's 1987 leadership challenge. His biggest political problem at the moment is a strained relationship with the opposition government in Sabah state. As Mahathir enters his second decade as premier, he has set a typically ambitious goal: boosting Malaysia into the ranks of industrialised countries by the year 2020. ■



turut dinikmati oleh kanak-kanak yatim seluruh negara.
Foto : LOKMAN HAJI ABDULLAH

# SISWA 2 UGUT ANWAR

Watan 10/6/86

Oleh: SHAMSURY MAMAT



Anwar Ibrahim: Menteri Pelajaran

**KUALA LUMPUR – Persatuan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (PMUTM) mengugut akan 'menyusah' dan 'menjatuhkan' Anwar Ibrahim jika Menteri Pelajaran itu tidak melaksanakan Sistem Pendidikan Rabbani di negara ini.**

Setiausaha Agung PMUTM, Ahmad Lutfi Othman menarik perhatian, sebagai seorang pemimpin Islam dan berkedudukan sebagai Menteri Pelajaran, Anwar tidak patut memberikan sebarang alasan untuk tidak melaksanakan Sistem Pendidikan Rabbani.

"Lebih dari itu, Anwar sendiri selau mencanangkan tentang Sistem Pendidikan Rabbani," kata Ahmad Lutfi.

Ahmad Lutfi memberitahu pemberita kita, ingatan kepada Menteri Pelajaran itu dibuatnya bagi pihak 6,500 orang anggota PMUTM dalam sepucuk surat ucapan tahniah kepada Anwar sempena perubahan kedudukannya dalam kabinet.

Beliau kemudiannya menyerahkan salinan surat yang telah dihantar kepada Anwar Ibrahim. Antara lain, surat itu menarik perhatian, jika Menteri Pelajaran tidak mena-

LIHAT MUKA 2

rik balik arahan melarang siswi dari memakai purdah, maka PMUTM tidak ragu-ragu untuk melakukan sesuatu yang akan menyusahkan semua pihak termasuk Anwar sendiri.

Ahmad Lutfi juga berkata, jika Anwar tidak mengambil kira kepentingan umah dalam tindak-tanduknya, PMUTM ada caranya untuk menjatuhkan menteri itu.

Dalam melaksanakan dasar pelajaran negara, PMUTM menggesa Anwar supaya sentiasa berhubung dengan sarjana-sarjana Islam dan seluruh ulama sama ada dari kalangan yang tradisional atau moden.

Mengenai dakwah, surat PMUTM itu mengingatkan bahawa ia bukanlah monopoli Anwar Ibrahim seorang.

"Kami mahu supaya tidak dipandang ringan sumbangan dari PAS, IRC, Tabligh, ABIM dan Arqam," jelas Ahmad Lutfi.

Ahmad Lutfi berkata, walaupun pihaknya meragui beberapa tindak-tanduk Anwar, tetapi mereka masih menghormati beliau sebagai seorang individu yang masih peka dengan Gerakan Islami.

"PMUTM berharap Allah memberi petunjuk pada Anwar supaya dapat melaksanakan cita-cita yang diimpikannya sejak dahulu lagi," kata Setiausaha Agung itu.

Berikut disiarkan surat penuh PMUTM kepada Menteri Pelajaran Anwar Ibrahim.

SEBAT




DI MUKA 32

- WANITA MCA DESAK KELUAR BARISAN NASIONAL

ıengongkong pela-
nsyarah dan dika-

ɔeri kuasa yang ha-
r. Dewan yang di-
ıerta dalam Majlis
ıtanya juga dilan-
Dr. Chandra.
ıdak menolak ke-
gah Naib Canselor
Diraja Ungku Aziz
itu sebagai satu
uasa yang ada pada
etuju dengan pin-
gku Aziz) kerana ia
ıerkembangan dan
endiri. Malah saya
ran atau pindaan'
ıjejaskan kedudu-
handra.
hbar ini, yang me-
ıai berkata bahawa
enang dengan ura-
ı ini. Dr. Chandra
erajaan patut me-
ng semula Piagam
digubal dan dica-
oh akademik kira-

ıanyak menggaris-
ık, tanggungjawab

Sementara itu beberapa orang bekas penuntut di Universiti di sini, terus menyokong pindaan akta dibuat.

Seorang majistret dan bekas penuntut jurusan undang-undang di UM Roslan Abu Bakar berkata sewajarnyalah akta itu dipinda sesuai dengan keadaan. "Walaupun ada kebaikannya seperti mengajar pelajar berdisiplin, tetapi keseluruhannya ia masih merupakan batu penghalang ke arah melahirkan pelajar yang berani dan kritis". Perkara-perkara begitu patut didedahkan kerana pelajar bakal menjadi pemimpin," hujahnya.

Seorang lagi Pegawai Kemajuan UDA di sini, Tajuddin Mohammad juga bekas penuntut UM turut mengalu-ngalukan sekiranya kerajaan bersetuju untuk menimbang beberapa perkara bersabit dengan akta dan perlu dipinda. "Kita tidak nafikan pihak universiti membenarkan pelajar berforum, tetapi hakikat ia melalui satu proses yang sulit dan isu-isu yang dibincangkan tidak hangat kerana terlewat".

"Kita juga tidak menafikan sejak diperkenalkan akta lebih ramai penuntut Melayu berjaya dalam pelajar. Memang benar mereka lahir sebagai seorang intelek, tetapi dari segi kemasyarakatan mereka menjadi pemimpin yang lembab, pasif kerana tidak ada pendedahan sesama di kampus," ujarnya.

# tah buang pekerja lombong

Tindakan perbadanan itu juga memberi implikasi tidak sihat kepada negara dan keupayaannya sebagai syarikat terbesar mengendalikan masalah yang dihadapi, katanya, yang juga pengusaha perlombongan.

Beliau berkata, Biro Ekonomi UMNO kesal dengan kejadian itu, apatah lagi perbadanan itu dimiliki oleh Institusi Amanah Bumiputera.

Katanya, jawatankuasa kecilnya yang bermesyuarat di Kuala Lumpur Khamis lepas membuat beberapa keputusan mengenai masalah yang dihadapi termasuk akan menemui pengurusan perbadanan itu untuk membincangkan perkara berkenaan.

Biro juga akan membawa masalah ini kepada perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, katanya sambil menggesa pekerja terbabit menghubungi biro.

**C Oleh Mail**



UCAP TAHNIAH

[illegible]

OTHMAN



Penulis, paling kanan, ketika bertemu dengan Anwar bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin pelajar, 27 Mei 1986. Berbincang dengan Anwar memang seronok tapi sayangnya, ada keputusan yang dimungkiri.

## Langkah Kerajaan Kelantan sama saja dengan UIA

# ANWAR NIAT BURUK

**KUALA LUMPUR: Tindakan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim mengkritik tindakan Kelantan memendekkan waktu bekerja untuk kakitangannya di sepanjang bulan puasa memeranjatkan banyak pihak.**

Ini kerana, tindakan Kelantan ini adalah sama sahaja dengan langkah yang telah dan sedang diamalkan oleh Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang mana beliau adalah Presidennya.

Sehubungan dengan itu, tindakan Anwar itu dilihatkan sebagai untuk kepentingan politik dan berniat buruk sangka terhadap PAS dan pentadbirannya semata-mata.

Dato' Seri Anwar ketika berucap merasmikan pembukaan cawangan Sekolah Rendah China Keow Kuang di Butterworth baru-baru ini membidas tindakan Kerajaan Kelantan memendekkan waktu bekerja di bulan puasa kepada kakitangannya..

Menurut beliau, langkah ini tidak pernah dijalankan di negara ini dan hanya negara-negara Arab sahaja yang berbuat demikian.

"Bulan puasa adalah bulan untuk menguji kesabaran, ketahanan dan disiplin seseorang. Kita tidak boleh bertolakansur dengan keperluan kerja yang cekap dan kita mesti terus meningkatkan produktiviti kita," kata Dato' Seri Anwar.

Menurut maklumat yang Harakah terima, Rektor UIA, Dr. AbdulHamid A. AbuSulayman sendiri telah mengeluarkan satu pekeliling yang memberitahu semua kakitangan UIA bahawa masa kerja untuk mereka dipendekkan sepanjang bulan Ramadhan ini.

Salinan pekeliling tersebut telah dihantar kepada Dato' Seri Anwar sendiri selaku Prèsiden UIA.

Menurut Dr. AbdulHamid, tujuan UIA berbuat demikian adalah untuk memboleh kakitangan UIA mempunyai masa yang lebih untuk mengingati Allah melalui bacaan dan mendengar Al-Quran di samping membuat lain-lain ibadah.

Alasan yang diberikan ini adalah sama sebagaimana yang diberikan oleh Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat iaitu untuk membolehkan kakitangan mendekati Allah melalui bacaan Al-Quran dan lain-lain ibadah.



INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY

Our Reference (Rujukan Kami): IIU 1.2/12/39 Kit. V

Date (Tarikh): 27th February 1992

All Academic and Administrative Staff
Main Campus/Matriculation Centre
International Islamic University

Dear Brothers and Sisters,

OFFICE HOURS DURING THE FASTING MONTH OF RAMADHAN 1412H

In the coming glorious month of Ramadhan, I would like to take this opportunity to extend to you all my best wishes for a blessed Ramadhan.

2. As previously practised by this University, the working hours for all departments during the month of Ramadhan is adjusted accordingly as follows :-

(i) Monday through Friday - 8.00 a.m. to 2.00 p.m.

(ii) Saturday - 8.00 a.m. to 12.30 p.m.

During the working hours mentioned above, there shall neither be tea nor lunch break.

3. However, staff are allowed to perform their daily solat (Zuhur and Friday prayer) at the appropriate time. The above time adjustment is made with the view to provide more time for remembrance of Allah s.w.t., recitation or listening to the Holy Quran, and doing some charitable works.

Thank you. Wassalam.

A. AbuSulayman

Dr. AbdulHamid A. AbuSulayman
Rector

c.c. : Hon. President
International Islamic University

*Pekeliling yang dikeluarkan oleh Rektor UIA dan salinannya diberikan kepada Dato' Seri Anwar selaku Presiden universiti itu. Apakah UIA juga berkurang mutu kerjanya dengan pulang awal di bulan puasa?*

# Isu terima wang dari taukeh judi

# ANWAR DIMINTA BERSUMPAH

Oleh:
Tarmizi Mohd Jam

**Kuala Lumpur:** Tokoh 'Islamisasi' UMNO, Encik Anwar Ibrahim dicabar supaya mengadakan mubahalah (bersumpah mengikut syariat Islam) di masjid bagi menafikan dakwaan yang menyatakan bahawa beliau telah menerima wang dari taukeh judi Genting Highland, Tan Sri Lim Goh Tong ketika beliau mengetuai Pergerakaan Pemuda UMNO Malaysia beberapa tahun dahulu.

Cabaran ini dibuat oleh pengkritik bebas, Saudara Yahya Ismail yang telah bertanggungjawab menimbulkan isu tersebut dalam satu ceramahnya di Pulau Pinang baru-baru ini.

Dalam pertemuannya dengan Harakah, Saudara Yahya tetap bertegas akan mencabar Encik Anwar Ibrahim supaya membuktikan bahawa beliau tidak pernah menerima wang dari taukeh judi itu.

Beliau juga akan menjaja isu Anwar terima wang judi ini dalam ceramah-ceramahnya di seluruh negara bagi mendedahkan kepada rakyat siapakah sebenarnya bekas Presiden ABIM yang kini bersengkokol dengan kemungkaran yang terdapat dalam parti UMNO itu.

Saudara Yahya mendakwa bahawa beliau mempunyai bukti yang kukuh untuk mendedahkan isu ini kepada rakyat dan tidak gentar dengan sebarang tindakan undang-undang yang bakal diambil oleh Menteri Pendidikan itu.

"Saya cabar Anwar supaya mengaku sama betul atau tidak beliau menerima wang dari taukeh judi itu?" tanya beliau dengan tegas.

Bagi Saudara Yahya, beliau tidak akan meminta maaf kepada sesiapa pun dan terus bertegas dengan pendiriannya untuk mendedahkan isu ini kepada rakyat seluruhnya.

Menurutnya, Encik Anwar ketika menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pernah menerima wang dari seorang taukeh judi Genting Highland, Tan Sri Lim Goh Tong untuk Yayasan Gerak Bakti. Walaupun dalam ceramahnya, Saudara Yahya menyebut bahawa Encik Anwar menerima sebanyak $500,000 dari taukeh judi itu tetapi dengan penjelasan terbaru Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Najib Tun Abdul Razak yang telah membetulkan angka tersebut menjadi $250,000 adalah bukti yang sah pembabitan tokoh UMNO itu.

"Ini membuktikan bahawa Anwar memang menerima wang dari taukeh judi itu tetapi angka yang saya sebut sahaja yang tidak tepat," ujar beliau.

Dengan pendedahan ini, kredibiliti Encik Anwar sebagai seorang tokoh yang giat memperjuangkan Islam dalam UMNO terjejas di mata ahli-ahli UMNO dan umat Islam di negara ini.

Sementara itu, PAS Kawasan Permatang Pauh juga mencabar Encik Anwar Ibrahim selaku ahli parlimen kawasan itu bermubahalah di Masjid Besar Permatang Pasir dalam kawasan Permatang Pauh sebagai cara untuk beliau membersihkan namanya yang terbabit dalam isu menerima wang dari taukeh judi tersebut.

Menurut Setiausaha PAS Kawasan itu, Saudara Abdul Aziz Shafie, umat Islam di negara ini tidak berpuas hati dengan



*Saudara Yahya Ismail*

penafian akhbar yang telah dibuat oleh Encik Anwar itu kerana cara sedemikian amat mudah dilakukan oleh seseorang yang berpengaruh dengan hanya menggunakan pengaruh politiknya.

Beliau juga turut mencabar pejuang Islamisasi UMNO itu supaya membawa kes ini ke mahkamah dan meletakkan jawatan sekiranya beliau benar-benar terlibat dalam menerima wang dari taukeh judi Genting Highland, Tan Sri Lim Goh Tong.

# Selepas ini, Anwar Ibrahim?



Sekurang-kurangnya untuk tempoh lima tahun akan datang, Perdana Menteri Malaysia datangnya dari pemimpin utama UMNO. Usia Dr Mahathir Mohamad dan Encik Gafar Baba yang menginjak 66 tahun menandakan suatu peralihan kuasa di peringkat tertinggi akan berlaku tidak lama lagi. Mungkinkan setelah selesai pemilihan di peringkat bahagian UMNO pada tahun 1992 nanti, Dr Mahathir akan mengundurkan diri?

Dan apakah Anwar Ibrahim akan menjadi Perdana Menteri selepas Dr Mahathir? "Ia bergantung kepada nasib, kalau Ghafar Baba meninggal dunia dahulu, cerahlah harapan Anwar," kata seorang pemerhati politik.

Beberapa orang rakan Anwar dalam ABIM kini bertungkus lumus bagi memastikan "ketua" mereka terus sampai ke kemuncak. Secara terus terang mereka berkempen bahawa tokoh terbaik calon PM selepas Dr Mahathir adalah Anwar Ibrahim, berpengkalan di beberapa institusi tertentu yang didominasi oleh Anwar.

"Anwar telah membuktikan bahawa usaha mengislamkan UMNO tidak sesukar yang dijangka. Yang penting, digiatkan lagi sokongan dan dokongan kepada beliau dan jangan berputus asa kalau berhadapan dengan masalah, daya saing dan daya tahan hendaklah dipertingkatkan," ujar seorang penyokongnya.

> **Anwar telah membuktikan bahawa usaha mengislamkan UMNO tidak sesukar yang dijangka. Yang penting, digiatkan lagi sokongan dan dokongan kepada beliau.**

Kemenangan Anwar tidak bererti rakan-rakan seperjuangannya turut berjaya. "Rakan-rakan" Anwar seringkali dikaitkan dengan bekas tokoh-tokoh ABIM. Mereka ini banyak menghadapi masalah di peringkat UMNO bahagian.

Ada pihak yang beranggapan, dalam jangka waktu terdekat, sekurang-kurangnya untuk berhadapan dengan pilihanraya umum akan datang, cabaran utama kepada UMNO adalah PAS. Jikalau Kerajaan PAS di Kelantan berjaya memikat hati pengundi Melayu, dengan contoh yang baik dan berkesan, UMNO di Terengganu akan tergugat. Di kala itu tokoh yang mampu membendung kemaraan PAS hanyalah Anwar Ibrahim.

Apakah mendatangkan masalah kepada Anwar kalau pemimpin-pemimpin Semangat 46 berpindah ke dalam UMNO semula, sekiranya Ghafar Baba menggantikan Dr Mahathir?

"Kalau Ghafar naik, banyak lagi masalah yang menimpa Anwar. Tapi berdasarkan pengalaman 10 tahun dalam UMNO, saya rasa Anwar dapat melakukan sesuatu. Ketokohannya menyerlah sekali, dan Anwar nampaknya belum pernah gagal dalam kerjayanya," hujah seorang peminatnya.

"Walaupun Mahathir sentiasa menyokongnya tetapi yang memenangkan Anwar adalah kerana kerja kerasnya sendiri. Siapa menyangka percubaan pertamanya mencabar Ketua Pemuda UMNO berjaya? Begitu juga dengan pemilihan Naib Presiden UMNO 1987. Jumlah undinya melebihi undi yang diperolehi oleh Dr Mahathir, yang bertanding jawatan Presiden, sebanyak 90 undi," tambahnya.

Kejayaan Anwar bergantung kepada sejauhmana beliau dapat mempengaruhi lebih kurang 1,500 perwakilan dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1993 nanti. Tugas ini rumit tetapi mungkin juga mudah. Politik dalam UMNO ibarat suatu perjudian.

Ramai yang tidak menyangka Dr Mahathir boleh dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh Allahyarham Tun Hussein Onn; begitu juga dengan kenaikannya yang begitu cepat setelah diterima semula menganggotai UMNO pada tahun 1971.

Begitu juga nasib yang menimpa Tan Sri Ghazali Shafie. Lebih malang lagi Datuk Musa Hitam, tetapi mungkin selepas ini bintang beliau lebih cerah - siapa tahu? Pengunduran Datuk Musa dari

politik masih menjadi tanda tanya. Ramai yang tidak percaya, termasuk perwakilan UMNO, bahawa Datuk Musa benar-benar akan hilang terus dari pentas politik.

Soalnya, apakah Anwar dapat membawa imej dan wajah baru kepada UMNO? Pertarungan dalam UMNO semakin sengit dan tidak berakhlak lagi. Ia bukan sahaja berlaku di peringkat tertinggi malah lebih serius di peringkat bahagian. Politik adu domba, politik wang dan peras ugut, semakin menjadi-jadi. Kehadiran Anwar bukan semakin mengurangkannya malah kian 'sofistikated' kaedahnya.

Bolehkah kemenangan Anwar dihubungkan dengan penerimaan perwakilan UMNO kepada cara gaya "politik Islamnya"? Soalnya, apakah Anwar sendiri mengamalkan kaedah politik Islam atau turut memeriahkan budaya politik UMNO dan mengamalkan politik cantas? Apakah penolakan kepada Anwar boleh diertikan sebagai penolakan kepada Islam oleh perwakilan UMNO?

Dari segi badan-badan Islam, Anwar nampaknya semakin beruntung. Banyak pertubuhan dan individu tertentu yang menentang kemasukannya dalam UMNO sepuluh tahun lalu kini menyokongnya, atau pun bersikap "tunggu dan lihat". Contohnya, ABIM sendiri. Pemimpin-pemimpin ABIM, bukan setakat menyokong Anwar, malah Presidennya secara terbuka meminta ahli-ahlinya menyokong UMNO dan Barisan Nasional menjelang pilihanraya umum lalu.

"Biarlah Anwar dengan tugasnya dan kita dengan kerja kita. Kalau dia berjaya nanti, Insya Allah kita akan bantu," tegas bekas seorang penentang kuatnya.

Sebuah pertubuhan pelajar Islam Malaysia di Amerika, MISG, dan siswazahnya sudah boleh menerima dan meraikan peranan Anwar Ibrahim dalam UMNO dan pentadbiran kerajaan. Beberapa orang bekas pemimpinnya begitu giat merancangkan dan melaksanakan program untuk mempengaruhi mahasiswa yang 'komited' dengan Islam supaya menyokong Anwar.



Apakah boleh Anwar dan Dollah sehaluan dalam perjuangan mereka

| Bil. | Calon-calon Naib Presiden | Jumlah Undi | Pencalonan |
|---|---|---|---|
| 1. | Anwar Ibrahim | 1067 | 108 |
| 2. | Abdullah Ahmad Badawi | 953 | 25 |
| 3. | Sanusi Junid | 750 | 44 |
| 4. | Wan Mokhtar Ahmad | 735 | 35 |
| 5. | Muhyiddin Yassin | 582 | 48 |
| 6. | Abdul Rahim Thamby Chik | 452 | 10 |



Sanusi Junid

"Semakin ramai pegawai-pegawai kerajaan yang cenderung dan berminat dengan Anwar walaupun kumpulan mahasiswa yang menguasai kampus tempatan lebih mirip kepada PAS," ujar seorang pemimpin pelajar.

"Saya tidak yakin Anwar akan membuat perubahan ke arah Islam kalau dia memegang tampuk kerajaan. Dia hanya mementingkan kedudukan dan kuasa - inilah juga yang dilakukan oleh Dr Mahathir. Saya risau masa dan tenaga Anwar nanti, kalau Anwar berjaya jadi PM, akan terbuang begitu sahaja dengan krisis perebutan kuasa dalam UMNO dan kerajaan," hujah beliau lagi.

Beliau memberikan contoh tentang sikap membisu Anwar terhadap seribu satu penyelewengan yang dilakukan oleh kerajaan, seperti dalam kes UEM - Lebuhraya Utara Selatan, pemecatan bekas Ketua Hakim Negara dan Hakim-hakim Mahkamah Agung, penahanan di bawah ISA, puluhan kes penyelewengan ekonomi, isu Vijandran dan pita video lucah, tekanan yang dikenakan kepada mahasiswa dan tenaga akademik di universiti-universiti, dan berbagai lagi.

"Saya tak kisah sama ada Anwar akan jadi PM atau tidak. Bagi saya sekiranya parti-parti pembangkang dapat menumpukan usaha untuk memerintah negara ini dengan lebih teratur dan bijaksana, UMNO akan menghadapi zaman sukarnya. UMNO selepas era Dr Mahathir penuh dengan tanda tanya. Tidak ada lagi tokoh utama UMNO yang boleh 'ditakuti' apatah lagi dihormatinya oleh pemimpin-pemimpinnya. UMNO sekali lagi akan berpecah - perpecahan yang lebih hebat - dan pembangkang ketika itu mempunyai peluang yang cerah untuk menguasai kerajaan," tegas seorang pemimpin muda parti pembangkang.

Justeru itu agaknya Dr Mahathir telah menasihati para perwakilan UMNO jangan membiarkan UMNO terus berpecah, kerana tidak banyak manfaatnya menjadi Presiden atau Timbalan Presiden kepada parti yang tidak mempunyai apa-apa kuasa.

| Bil. | Ahli-ahli Majlis Tertinggi | Jumlah Undi | Pencalonan |
|---|---|---|---|
| 1. | Dr Mohd. Yusuf Noor | 1276 | 117 |
| 2. | Muhammad Mohd Taib | 1259 | 93 |
| 3. | Ramli Ngah Talib | 1251 | 93 |
| 4. | Mohamed Khalil Yaakob | 1232 | 104 |
| 5. | Syed Hamid Syed Albar | 1223 | 109 |
| 6. | Mohd Tajul Rosli | 1185 | 102 |
| 7. | Osman Arof | 1171 | 108 |
| 8. | Abdul Kadir Sheikh Fadzir | 1167 | 111 |
| 9. | Dr Siti Zaharah Sulaiman | 1113 | 94 |
| 10. | Anuar Musa | 1107 | 104 |
| 11. | Abu Hassan Omar | 1105 | 97 |
| 12. | Sabaruddin Chik | 1087 | 106 |
| 13. | Mohd. Isa Abdul Samad | 1077 | 106 |
| 14. | Dr Abdul Hamid Pawanteh | 1044 | 106 |
| 15. | Abdul Ghani Osman | 996 | 88 |
| 16. | Megat Junid Megat Ayub | 994 | 99 |
| 17. | Khalid Yunus | 986 | 76 |
| 18. | Drs Suleiman Mohamed | 977 | 71 |
| 19. | Raja Arifin Raja Sulaiman | 900 | 63 |
| 20. | Abdullah Fadhil Che Wan | 846 | 46 |
| 21. | Napsiah Omar | 796 | 90 |
| 22. | Zaleha Ismail | 792 | 62 |
| 23. | Nazri Aziz Yeop | 777 | 48 |
| 24. | Abdul Rahim Abu Bakar | 737 | 24 |
| 25. | Dr Ibrahim Saad | 724 | 60 |

Bagaimanapun, seperti tulisan seorang pengarang akhbar harian, "nasihat" Dr Mahathir sudah terlambat. Kem-kem yang diwujudkan sebelum Anwar masuk UMNO lagi, khususnya setelah pertarungan Ku Li - Musa Hitam telah menjadi suatu struktur yang kuat dalam tubuh UMNO.

Orang ramai tidak percaya kalau dikatakan dalam UMNO tidak ada kem. Pemusuhan antara Sanusi Junid dengan Anwar Ibrahim bukan perkara baru. Dan apakah Abdullah Badawi boleh melupakan dengan mudah tentang apa yang telah dilakukan oleh Anwar terhadapnya selama ini?

Kemenangan Abdullah Badawi adalah cabaran paling hebat kepada Anwar. Apakah tidak mungkin "Pak Lah" boleh bersatu dengan Sanusi untuk menamatkan kerjaya politik Anwar? Sedangkan Musa Hitam yang telah berkerat rotan berpatah arang dengan Tengku Razaleigh pun boleh berganding bahu bagi menghadapi "kezaliman" Dr Mahathir, inikan pula Sanusi dan Abdullah Badawi yang pernah menjadi teman karib dan tidak pula bermusuhan.Soalnya, calon yang bagaimana menjadi pilihan ahli-ahli UMNO? Apakah ciri-ciri kepemimpinan yang perlu ada pada tokoh-tokoh yang ingin mendapat tempat dalam UMNO? Rungutan tentang perlunya wang yang banyak untuk dilaburkan dalam UMNO membimbangkan kita. Sehubungan dengan itu, setiap tokoh yang bercita-cita untuk melonjak naik akan berusaha mendapatkan wang yang banyak, tidak kira dari sumber mana ia diperolehi. Jadi tidak hairanlah kalau ada pihak mendakwa "di belakang setiap pemimpin UMNO selalunya ada beberapa orang taukeh".

Yang membimbangkan adalah sikap ahli-ahli UMNO sendiri. Mereka boleh menerima pemimpin yang rosak akhlak, tidak amanah, hanya mementingkan kelompok sendiri dan berlaku zalim kepada pihak lain yang menentangnya. Contohnya, desakan dibuat supaya pemimpin-pemimpin pembangkang ditahan ISA hanya kerana perbezaan politik. Sikap diskriminasi pemimpin kerajaan pusat terhadap Kelantan, yang diperintah oleh pembangkang, dengan menarik balik subsidi baja seolah-olah mandapat restu ahli-ahli UMNO.

Kita juga tidak pernah mendengar teguran dan kritikan membina terhadap Majlis Tertinggi UMNO dalam perkara-perkara dasar seperti kehakiman, demokrasi, kebebasan media massa, agama dan seumpamanya semasa Perhimpunan Agung UMNO. Dr Mahathir kerap kali melakukan kesalahan (kesilapan?) ketika mentafsirkan sesuatu mengenai Islam dalam ucapan dasar dan ucapan penangguhannya, tetapi tidak pula pernah ditegur. Tidak ada tuntutan supaya rancangan 'Penerapan Nilai-nilai Islam' dipertingkatkan secara yang sewajarnya. Sokongan Malaysia terhadap usul mengenakan tindakan ketenteraan kepada Iraq juga langsung tidak dipertikai.

Apakah yang mampu dilakukan oleh Anwar berhadapan dengan suasana seperti ini? "Bagi Anwar, jangan cakap lagi soal itu, yang penting kuasa dahulu. Yang lain datang kemudian. Bukan mudah 'membaca' politik Malaysia ini. Alang-alang Datuk Musa pun boleh jatuh," kata seorang pengulas politik.

Ahli-ahli UMNO seharusnya bersifat lebih matang dan kritis. Politik "pak turut" yang diamalkan sekarang hanya akan mewariskan generasi yang tidak tahan uji, mudah mengalah dan tipisnya daya saing. Di kala itu, sesiapa pun yang menjadi Presiden UMNO, ia tidak akan terdaya melakukan apa-apa perubahan positif secara mendasar.

# Menjelang Pertarungan 1993

***UMNO adalah parti pragmatisme. Haluan dan matlamatnya mengikut peredaran masa. Soalnya, apakah nasib UMNO selepas era Mahathir? Benarkah ia akan berpecah sekali lagi?***



Razaleigh dan Musa: siapa lagi selepas mereka akan disingkirkan

UMNO adalah parti pragmatisme. Haluan dan matlamatnya mengikut peredaran masa. Parti itu dikuasai oleh pemimpin-pemimpin dan perkembagaan yang mengambil kepentingan semua pihak atau ideologi. Soalnya, apakah nasib UMNO selepas era Mahathir? Benarkah ia akan berpecah sekali lagi?

Dalam sejarah awal penubuhannya di Dewan Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur pada 1946, ia lebih bertumpu kepada ideologi dan konsep demokrasi. Ini selaras melalui kecenderungan penganjurnya, Allahyarham Datuk Onn Jaafar dan Pendita Za'aba.

Selepas mengamali perubahan dan menumpukan kepada masalah yang lebih realistik dengan amalan pragmatisme seterusnya, UMNO semakin mantap dan meluas. Berbagai-bagai pahit maung, kegetiran, tragis dan kejayaan dalam meneruskan matlamatnya menyebabkan ia terus hidup dan menjadi tunjang kepada kekuatan parti-parti kerajaan sehingga sekarang.

Kerana kemampuan, keupayaan dan kepentingan yang ada, parti itu kini juga telah berjaya mengumpul hampir 1.5 juta anggota seluruh negara dari berbagai peringkat. Parti ini juga berjaya menerajui kerajaan dalam mencapai kemenangan lapan pilihanraya umum.

Hambatan dan dasar perjuangan yang dimiliki oleh parti itu diterajui oleh beberapa pemimpinnya yang mengalami berbagai-bagai peristiwa dan sejarahnya sendiri. Ideologi berubah kerana pemimpin-pemimpin tertinggi ini. Keadaan ini sama dengan pemimpin-pemimpin parti lain dalam negara ini.

> **Pemimpin-pemimpinnya juga menghadapi pelbagai masalah yang disifatkan sebagai penuh tragis sehingga boleh mempengaruhi ideologi perjuangan parti.**

Pemimpin yang pertama adalah Datuk Onn Jaafar yang diikuti oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj dipilih sebagai pemimpin kedua, Tun Haji Abdul Razak Haji Hussein sebagai pemimpin ketiga, Tun Hussein Onn sebagai pemimpin keempat dan Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad sebagai pemimpin kelima.

Sepertimana juga hambatan dan masalah yang dihadapi oleh parti itu seperti yang disebutkan tadi, pemimpin-pemimpinnya juga menghadapi pelbagai masalah yang disifatkan sebagai penuh tragis sehingga boleh mempengaruhi ideologi perjuangan parti.

Misalnya, Allahyarham Datuk Onn Jaafar, dalam keadaan begitu diperlukan, akhirnya keluar dan menubuhkan parti yang berasingan, Parti Negara untuk menentang UMNO.

Begitu juga Almarhum Tunku Abdul Rahman, dengan jasanya sebagai Bapa Kemerdekaan, mengakhiri babak-babak terakhir juga sebagai pembangkang dengan dilantik sebagai Penasihat Parti Semangat 46.

Allahyarham Tun Hussein juga gagal dalam menunaikan cita-citanya apabila ada pihak yang menyebut Allahyarham begitu terkilan kerana gagal melihat UMNO bersatu padu semula. Beliau merasakan dirinya tidak popular apabila dicabar oleh Haji Sulaiman Palestin dalam satu perhimpunan Agung UMNO sehingga mengakibatkan dirinya mengundurkan diri.

Bagaimanapun, Allahyarham Tun Razak dirasakan agak selamat kerana meninggal dunia di London kerana penyakit Leukimia dan tidak terbabit dengan masalah perjuangan dan ideologi parti. Namun begitu, di saat-saat akhir hayatnya, kecenderungan perpecahan dalaman semakin serius. Krisis itu terpaksa ditanggung oleh Tun Hussein.

Pelbagai krisis yang dihadapi oleh pemimpin-pemimpin ini merubah ciri perjuangan mereka sepertimana Almarhum Tunku Abdul Rahman yang masih mahu mengekalkan nasionalisma Melayunya (melalui Perlembagaan Semangat 46).

Begitu juga dengan Allahyarham Datuk Onn yang kecewa kerana sebahagian anggota UMNO masih enggan menerima ideologi baru dengan penerimaan terhadap kaum lain dalam sebuah

parti politik sehingga menyebabkan beliau terpaksa menubuhkan parti barunya. Oleh itu, dalam UMNO menghadapi cabaran dan tentangan di masa-masa hadapan, Datuk Seri Dr Mahathir menghadapi cabaran yang berterusan dan disifatkan paling getir jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin sebelumnya.

Di zamannya, UMNO bergolak sehingga suatu tragedi dicatatkan, sebuah parti kerajaan terpaksa di bawa ke mahkamah sehingga parti pemerintah itu diharamkan kerana saman yang dibawa oleh 11 orang bekas anggotanya. Ada UMNO antara Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam pada tahun 1981 lagi.

Ketika itu, jutaan wang ringgit ditaburkan oleh pemimpin-pemimpin yang bertanding bagi jawatan tersebut kepada para perwakilan. Lantaran dari itu UMNO mulai diserang oleh penyakit politik sogokan. Di peringkat cawangan anggota UMNO disogokkan dengan rokok dari jenama terkenal dan sedikit wang serta jamuan makan semasa musim pemilihan jawatan diadakan di peringkat cawangan.

Sementara itu di peringkat Bahagian api di luar dari batas-batas masa tersebut. Persaingan menjaga kelompok semakin nyata dan melebarkan lagi perpaduan dan keutuhan dalam parti politik tersebut.

Masalah puak pernah ditimbulkan oleh Allahyarham Tun Dr Ismail Datuk Abdul Rahman. Semasa berucap dalam merasmikan Sidang Bersama Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO di Dewan Bahasa dan Pustaka pada Jumaat 29 Jun 1973, beliau begitu prihatin dan khuatir dengan masalah kepentingan dalam puak tertentu ini.



Pergolakan politik UMNO di zaman Tunku dikatakan lebih 'reda'dari di zaman Mahathir



Dalam ucapannya itu beliau menyebut: "Kita mesti menghindarkan penyakit berpuak-puak atau *factionism* ertinya satu golongan kononnya berhaluan ke utara, satu golongan lagi kononnya berhaluan ke Selatan, satu ke Timur dan satu ke Barat.

"*Factionism* sepertimana juga penyakit *warlordism* dalam negara Cina dahulu sebelum komunis berkuasa, manakala negara itu terbahagi kepada kawasan-kawasan tertentu yang dikuasai oleh *warlord* masing-masing; general ini berkuasa di utara, general itu berkuasa di selatan, ada general berkuasa di timur demikian pula ada general berkuasa di Barat."

Dalam beberapa perkara, Perhimpunan Agung UMNO yang baru lalu menunjukkan perubahan dan peralihan kepada politik sogok. Beberapa orang pemimpin yang bertanding terutamanya yang merebut kerusi Naib Presiden UMNO cuba tidak mengunakan wang dan projek untuk kemenangan peribadi masing-masing.

Apa yang ditekankan oleh mereka adalah pertandingan yang bersih dan menunjukkan keupayaan dan karisma kepemimpinan masing-masing. Bagaimanapun, keputusan yang diberikan oleh para perwakilan menunjukkan sesuatu yang tidak diduga.

Kemenangan Datuk Seri Anwar Ibrahim di tempat pertama, Datuk Abdullah Ahmad Badawi di tempat kedua dan Datuk Seri Sanusi Junid di tempat ketiga menunjukkan era baru dalam perkembangan UMNO ini.

Era baru lebih nyata kerana zaman *warlord* dalam keadaan berlainan tetapi fungsinya sama. Kali ini Datuk Seri

pihak mendakwa bahawa Dr Mahathir sendiri yang mahukan UMNO diharamkan.

Ekoran dari itu, UMNO berpecah sehingga beberapa orang anggota Majlis Tertingginya seperti Hajah Marina Yusuf, Datuk Haji Zainal Abidin Zin, Datin Paduka Rahman Osman, dan beberapa bekas menteri kanan seperti Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Rais Yatim, menubuhkan sebuah parti baru yang disebut Parti Semangat 46. Mereka mendakwa Semangat 46 adalah lanjutan dari UMNO asal.

Pertentangan dan masalah yang dihadapi UMNO itu lebih menonjol dan tidak mungkin ada berlaku kepada lain-lain parti politik iaitu "rasuah politik". Jika kita mahu melihat sejarah, percaturan politik wang dan sogokan ini tercetus begitu nyata sekali sejak peristiwa pertandingan jawatan Timbalan Presiden pula, wang ringgit kepada para perwakilan diagihkan di mana ia diasaskan oleh kesan pertarungan jawatan Timbalan Presiden sehingga kepada sogokan berbentuk lawatan keluar negara. Malahan lebih hina lagi ibadat umrah turut dinodai oleh sogokan politik bagi mencari tempat dan pengaruh.

Keadaan "rasuah politik" yang tidak hanya terbatas kepada jamuan, wang ringgit, kenikmatan nafsu nafsi, jaminan memperolehi sesuatu jawatan, malahan lebih dari itu jaminan mendapat kontrak dan pelbagai bentuk lesen menjadi begitu berleluasa selepas peristiwa pertandingan Timbalan Presiden 1981.

Selain itu, masalah besar yang dihadapi oleh UMNO adalah "puak-puak" atau menjaga kepentingan pengikut-pengikutnya sendiri. Ia bukan sahaja berlaku di musim menjelang pemilihan Perhimpunan Agung UMNO sahaja tet-

Anwar akan mempunyai kekuatan dan penyokong oleh ABIM. Datuk Seri Sanusi dengan MAYC, dan Datuk Abdullah dengan GPMS. Kesemua mereka akan bersaing dengan lebih hebat lagi dalam menghadapi Perhimpunan Agung UMNO 1993 akan datang.

Kesan dari persaingan ini, mengakibatkan anggota UMNO dengan sendirinya akan berpecah. Mereka yang berkepentingan tentunya mencari *god father* yang dijangka boleh naik dan menguasai UMNO di masa-masa akan datang.

Dalam persaingan tersebut, para pengikut dan "gurkha" tentunya tidak akan mendiamkan diri untuk menjaga kepentingan ketua masing-masing. Mereka telah merangka dan merancang masa depan "god-father" masing-masing agar terus menjadi ketua dalam Perhimpunan Agung UMNO 1993 ini.

Rancangan pertama yang dilakukan adalah melihat sokongan dan pilihan dalam pemilihan cawangan-cawangan pada tahun 1991. Selepas ini mereka akan menumpukan pula kepada tahun 1992 dengan mempastikan bahawa pemilihan bahagian akan diketuai oleh Ketua Bahagian yang menyokong pemimpin-pemimpin terbabit.


Tun Abdul Razak


Tun Hussein Onn


Dr.. Mahathir

Mereka telah meletakkan kepentingan peribadi dan isi masing-masing dalam menjaga kepentingan diri. Kerana itu, pemimpin-pemimpin UMNO yang dipilih mempunyai masalah besar dalam menentukan arus dan visi perjuangan politik masing-masing. Kedudukan mereka akan bertambah sukar kerana isu yang mahu diperjuangkan hanya berkisar kepada masalah kepentingan puak dan suku masing-masing.

Apa yang lebih penting, dalam satu kajian di peringkat Ph. D. oleh salah seorang pensyarah Universiti Malaya ditegaskan beberapa penemuan yang jelas menunjukkan bahawa gerakan belia adalah terlalu intim dan *functional* kedudukan dan peranannya dalam kancah "politiking" dan kepemimpinan negara khususnya melalui saluran UMNO.

Pertubuhan belia ini boleh memainkan peranan sebagai tempat latihan yang melahirkan sebilangan ramai tokoh-tokoh muda dalam UMNO; dan sebaliknya pula gerakan dan pertubuhan belia inilah juga tidak dapat tidak menjadi tempat atau kelompok penting tokoh berkenaan mendapatkan sokongan dan mengukuhkan kedudukan masing-masing.

Sehubungan itu keadaan semakin ketara apabila pemimpin-pemimpin yang dipilih ini meletakkan "pra sangka", "takut" dan "khuatir" di tahap yang paling tinggi sekali kerana kepentingan mereka akan terjejas andainya mereka kalah dalam Perhimpunan Agung akan datang.

Apabila mereka kalah, sudah pasti "orang-orangnya" juga akan menghadapi masalah dalam kerjaya dan kedudukan masing-masing. Keadaan inilah yang paling mendukacitakan diri dan perjuangan mereka semuanya.

Matlamat UMNO sebagai teras kepada Kerajaan Barisan Nasional akan tergoyah sekiranya pembangkang semakin padu dan kuat. Dalam penilaian yang diperolehi berdasarkan pilihanraya umum 1990 lalu, Barisan Nasional menghadapi zaman-zaman kegetirannya sedangkan pemimpin-pemimpin UMNO masing-masing masih terus bersendirian menentang antara satu sama lain.

Dalam pilihanraya umum 1990 lalu, Barisan Nasional memperolehi 3,003844 undi sedangkan Pembangkang memperolehi 2,030,439 undi. PAS memperolehi 376,304; DAP, 954,135; Semangat 46 hampir 700,000 undi. Perbezaan antara parti Pembangkang dan Barisan Nasional tidak sampai 500,000 andainya pembangkang termasuk juga PBS, PRM dan calon-calon bebas.

Sedangkan pada tahun 1986, pembangkang melalui DAP dan PAS mendapat 1,692,396 dan Barisan Nasional mendapat 2,649,238 undi. Perbezaan hanyalah 956,842. Sudah jelas persaingan sengit tentunya begitu dirasai dalam pilihanraya umnum 1995 kelak andainya pembangkang kekal dengan sistem yang diamalkan dua parti.

Rakyat boleh mengubah situasi ini. Kelantan dan Sabah sebagai contoh adalah rakyat yang disifatkan terlalu kritikal terhadap penentangan yang dilakukan kepada Barisan Nasional. Di beberapa negeri lain, seperti Pahang, Johor dan Selangor yang disifatkan kubu selamat Barisan Nasional khususnya UMNO telah menunjukkan perubahan. Ini terbukti apabila Semangat 46 mempunyai seorang ADUN di tiga-tiga negeri tersebut.

Seharusnya UMNO perlu menyedari hakikat rakyat yang semakin kritis terhadap penentangan mereka. Rakyat tidak lagi perlu disogok dengan pelbagai isu sepertimana yang boleh diterima oleh pemimpin-pemimpin UMNO ini.

Rakyat juga boleh menilai sejauhmana nilai-nilai pragmatisme yang mengikut arus berbanding dengan parti yang menyokong sesuatu ideologi secara jelas dan nyata. Umpamanya PAS sendiri semakin kukuh dengan ciri-ciri keIslamannya di samping PBS yang mempunyai parti suku kaum yang kuat dan PRM yang memperjuangkan hak-hak masyarakat bawahan.

Di sinilah penentuan kuasa yang akan dibawa oleh pucuk pimpinan UMNO akan datang. Bolehkah mereka percaya dengan ideologi Islam Datuk Seri Anwar Ibrahim, nasionalis/Islam Datuk Seri Sanusi dan sebagainya? Apakah tewasnya Tan Sri Wan Mokhtar bermakna UMNO tidak lagi memerlukan tokoh yang boleh membendung kuasa PAS di Pantai Timur. UMNO mungkin sedar hakikat tersebut. Mereka tentu mempunyai pelbagai strategi dan perubahan seperti meminda semula kawasan-kawasan pilihanraya umum pada masa akan datang. Bagaimanapun, bolehkah mereka meminda sikap rakyat yang semakin kritis ini?

# UTM PECAT PEMIMPIN PELAJAR



**Ahmad Lotfi:** Mangsa tekanan pihak pentadbir

**Oleh: SHAMSURY MAMAT**

**KUALA LUMPUR: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah memecat seorang pemimpin pelajarnya, demikian disahkan oleh Presiden Persatuan Mahasiswa UTM (PMUTM) Mohd. Zuki Mohd. Zin.**

Menurutnya, keputusan tersebut dibuat oleh Lembaga Senat UTM yang bersidang pada 2 dan 3 Jun lalu. Pemimpin pelajar yang dipecat itu ialah Setiausaha Agung PMUTM, Ahmad Lotfi.

Pihak PMUTM meskipun mengesahkan perkembangan ini tetapi enggan memberi apa-apa komen. Presidennya, Mohd. Zuki hanya berkata bahawa pihaknya merasa terlalu kecewa atas tindakan drastik itu dan akan membuat rayuan.

Serentak dengan itu, beliau mendakwa telah menerima surat perletakan jawatan dari lima Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang membantah keputusan Senat UTM.

Kelima-lima yang meletak jawatan ialah Setiausaha Sukan Saari Abdullah, Setiausaha Pelajaran dan Penyelidikan Kamali Murid, Setiausaha Kebajikan Ariffin Abdul Razak, Setiausaha Sosial dan Kebudayaan Zuraimi Kazil dan timbalannya Abdul Wahad Muda.

Pemberita kita yang meninjau ke pejabat PMUTM mendapati suasana muram dengan para siswa dan siswi membuat berbagai andaian berhubung pemecatan Setiausaha Agung mereka itu.

Mereka mendakwa tindakan itu sengaja diambil sebagai tekanan dari pihak pentadbir terhadap kegiatan PMUTM. "Adalah jelas di bawah pimpinan Ahmad Lotfi banyak kepincangan telah didedahkan demi kepentingan semua pelajar," kata siswa dan siswi yang ditemui.

Siswa dan siswi itu berkata, alasan gagal yang diberikan oleh pihak akademik masih boleh dipersoalkan memandangkan Ahmad Lotfi menghadapi masalah kesihatan ketika peperiksaan akhir diadakan baru-baru ini.

Seorang siswa yang mendakwa sama sepengajian dengan Ahmad Lotfi berkata, mengikut amalan biasa seseorang yang gagal di tahun akhir tidak dipecat sebaliknya diturunkan dari ijazah kepada diploma.

"Saya berpendapat, adalah tidak adil menghukum seorang pelajar tahun akhir yang banyak berjasa kepada UTM dengan memecatnya," tegas siswa itu.

Ahmad Lotfi pula ketika ditemui berkata, surat pemecatannya tidak memberikan penjelasan yang nyata. "Alasan yang diberikan ialah 'gagal' tanpa penjelasan," ujarnya.

Menurut Ahmad Lotfi, beliau tidak mengambil peperiksaan akhir kerana pada waktu itu sedang menghadapi masalah kesihatan yang serius. "Saya telah pun menjelaskan keadaan itu kepada pihak hal ehwal akademik sebanyak dua kali dengan mengemukakan pengakuan doktor tetapi tidak diendahkan," jelasnya.

Kata Setiausaha Agung PMUTM itu, adalah tidak benar dakwaan mengatakan beliau sengaja lari dari menghadapi pemeriksaan. "Saya tahu tujuan saya belajar di sini. Saya bukan sengaja mencari alasan tetapi benar-benar uzur pada waktu itu," tambahnya.

Dua minggu lalu, Ahmad Lotfi mengutus surat kepada Anwar Ibrahim menegaskan bahawa pihaknya akan me-

**LIHAT MUKA 30**

**RO DAN KONTRA BUKU KASSIM AHMAD**

**DARI MUKA 1**

nyusahkan menteri itu jika gagal melaksanakan Sistem Pendidikan Rabbani di negara itu.

Dalam surat itu, Ahmad Lotfi juga mengingatkan Anwar Ibrahim bahawa pihaknya ada cara untuk menjatuhkan tokoh politik itu jika beliau tidak mengambil kira kepentingan ummah dalam tindak tanduk.

Setiausaha Agung PMUTM itu juga menuntut Anwar supaya menarik balik larangan memakai purdah di kalangan siswi di UTM.

# 4

# MENCARI SEORANG BAPA DALAM UMNO

*Faktor penyatu dalam sesebuah parti politik amat perlu dan mustahak sekali. Di samping kebolehan mengeksloit isu-isu yang mengandungi unsur-unsur ancaman yang tinggi dengan menerapkan konsep pelindung, seorang ketua parti hendaklah memperlihatkan dirinya sebagai seorang bapa. Imej seorang bapa ini menjadi lebih penting ketika parti dilanda krisis dalaman, dengan itu setiap pihak yang berbalah mempunyai tempat mengadu hal. Bagaimanapun, sekiranya ketua parti sudah menyebelahi mana-mana pihak yang berselisih itu, dan menanggalkan imej bapa, maka amat sukar sekali krisis dalaman hendak didamaikan. Ahli-ahli Umno boleh menilai kembali sikap dan perlakuan yang dimainkan oleh Dr Mahathir dalam konteks ini. Bukan lagi imej seorang bapa tidak ada pada dirinya, malah dialah yang dikatakan menghasut pemimpin-pemimpin Umno yang lain berpecah, justeru itu menyelamatkan kedudukan Dr Mahathir sendiri. Ahli-ahli Umno kini memerhati dengan serius, apakah Ghafar Baba, Anwar Ibrahim ataupun Abdullah Badawi mempunyai ciri-ciri kebapaan. Untuk lebih memudahkan pemahaman kita terhadap konsep bapa dalam Umno, dibentangkan kembali pandangan Subky Latif, bukan mengenai Dr Mahathir dan perkembangan terkini dalam Umno, tetapi pandangan ini dipetik dari buku* Suka Duka Politik Tun Razak, *1976. Meskipun tulisannya ini merujuk khusus kepada Almarhum Tun Razak, di saat-saat akhir hayatnya, ia bukanlah bertujuan untuk menyamakan Tun Razak dengan Dr Mahathir. Kedua-duanya berbeza jauh. Namun, apa yang ingin dijelaskan ialah pentingnya konsep bapa itu difikirkan dengan serius:*

Bila Tunku Abdul Rahman Putera mengumumkan yang beliau hendak meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan pemimpin Umno dalam tahun 1970, memang ramai orang yang mendukung perjuangannya merasa terharu. Tetapi bila beliau mengumumkan bahawa Tun Razak adalah gantinya yang mutlak, maka rasa terharu itu tadi reda dengan sendirinya. Penerimaan Umno dan orang ramai di negara ini terhadap Tun Razak tidak dapat dipertikaikan lagi. Pilihan tunggal untuk ganti Tunku itu segera mendapat pengiktirafan di dalam dan di luar negeri. Tun Razak tidak perlu diperkenal lagi di mana-mana saja.

Imejnya sebagai ahli politik, diplomat dan seorang pemimpin rakyat yang bekerja keras untuk negara, agama dan bangsa adalah terlalu tinggi.

Pemilihan Tunku dan restu rakyat itu adalah terlalu baik bagi Malaysia memulakan satu babak baru dalam politik negara. Seluruh rakyat adalah bersatu di belakang beliau. Hal ini terus berlaku dalam apa jua rancangannya seperti melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, mewujudkan Rantau Damai, Bebas dan Berkecuali bagi Asia Tenggara serta pembentukan Barisan Nasional. Penerimaan rakyat kepada pimpinan Tun Razak dapat dibuktikan dari undi lebih 80 peratus yang didapati oleh Barisan Nasioal dalam Pilihanraya Umum 1974. Meskipun ramai pihak yang tidak puas hati dengan pemilihan calon-calon, tetapi kesetiaan rakyat kepada parti yang memerintah tetap tak berubah, mereka terus memberikan sokongan kepada parti pimpinan Tun Razak. Di dalam Umno sendiri tidak terdapat gejala yang cuba mempertikaikan kepimpinan beliau. Ini diakui sendiri oleh Tunku Abdul Rahman dalam sebuah rencana di *The Star* dalam bulan Jun, 1975 bahawa Tun Razak tidak punya saingan dalam parti untuk jawatannya.

Sifat yang ada pada Tun Razak itu adalah sebaik-sebaik martabat yang diperoleh oleh seorang pemimpin untuk membolehkan beliau mengendalikan politik negara dengan bebas dan tegas. Keistimewaan yang didapati oleh Tun Razak itu adalah satu anugerah yang sukar didapati oleh kebanyakan pemimpin-pemimpin politik di dunia. Bagaimanapun keistimewaan itu tidak lama dimilikinya. Jun 1975 adalah permulaan kepada krisis kepimpinannya. Pimpinannya mula dipertikaikan oleh anggota partinya dan oleh pemerhati-pemerhati dalam dan luar negeri. Kesilapan besar yang dibuat oleh Tun Razak dalam bulan Jun itu ialah beliau tidak lagi sanggup menjadikan dirinya seorang "bapa" kepada partinya, tetapi dia lebih mahu menjadikan dirinya seorang pemimpin yang memihak. Umno mengadakan Perhimpunan Agung Tahunannya dalam bulan Jun itu. Perhimpunan itu terlalu penting kerana ia mengadakan pemilihan anggota Majlis Kerja Tertinggi untuk tempoh tiga tahun akan datang. Sebelum itu Umno berhadapan dengan satu rupa kekosongan bagi tempat nombor dua dalam pucuk pimpinan.

Persiapan telah lama dibuat oleh tokoh-tokoh yang ingin merebut kedudukan di samping Tun Razak itu. Hampir setahun sebelum Jun lobi melobi sudah mula berjalan. Datuk Hussein Onn yang jadi Timbalan Presiden Umno, juga Timbalan Perdana Menteri dikira tidak berakar dalam parti. Oleh yang demikian kedudukannya belum dapat dipastikan sama ada beliau boleh tahan lama di kerusi itu atau tidak. Kedua, beberapa ketika sebelum perhimpunan bulan Jun itu beliau diserang penyakit yang tidak diumumkan, tetapi kononnya merbahaya. Ramalan yang timbul ialah kejadian itu menyebabkan bahawa beliau tidaklah diyakini dapat kuat dan sihat untuk memegang jawatan yang tinggi dan penting itu. Lapan orang tokoh, Encik Ghafar Baba, Tengku Tan Sri Razaleigh, Datuk Harun Idris, Tan Sri Jaafar Albar, Datuk Hamzah Abu Samah, Dr Mahathir Mohamad, Tan Sri Ghazali Shafie dan Tan Sri Ghazali Jawi - telah bertanding untuk merebut tiga jawatan Naib Presiden Umno. Tiga nama yang menang dalam pemilihan itu layak untuk menduduki tempat di samping Tun Razak. Dan siapa antara tiga itu bergantunglah kepada keadaan dan pertimbangan yang dibuat mengikut keadaan-keadaan masa. Apa yang menarik perhatian ialah Tun Razak sebagai sifatnya Presiden parti itu mempunyai calon-calonnya sendiri.

Beliau sebagai seorang anggota parti berhak untuk memilih siapa yang beliau suka dan beliau berhak untuk berbuat sesuatu untuk membolehkan calonnya menang.

Lama sebelum perhimpunan Jun itu, orang-orang yang diketahui mengelilingi Perdana Menteri itu telah menyampaikan maklumat secara langsung mahupun tidak, agar Umno memilih Encik Ghafar Baba, Tengku Tan Sri Razaleigh dan Dr Mahathir. Perkhabaran itu tiba ke pengetahuan kebanyakan ahli Umno tetapi mereka tidak sah apakah perkhabaran itu benar-benar datangnya dari lubuk hati Tun Razak. Dalam ucapan dasar Tun Razak pada perhimpunan itu, orang ramai hadir mendengar dengan sah bahawa benar Tun Razak mahukan tiga nama itu menang. Beliau memuji tiga nama itu dan tidak pula menyebut tentang jasa dan kebaikan lain-lain calon. Peserta perhimpunan itu bersorak tanda tidak setuju bila Tun Razak menyebut nama-nama itu. Keputusan pemilihan, ternyata perhimpunan itu memilih tiga nama yang disebut itu. Jelaslah bahawa hingga ke saat itu ahli Umno secara majoriti masih menyokong secara hakiki akan kehendak Tun Razak. Dari satu segi jelaslah Tun Razak mendapat kemenangan dari tindak-tanduknya itu. Tetapi kebijaksanaan Tun Razak dan keunggulannya sebagai pemimpin yang tidak memihak mulai dipertikai oleh ramai anggota Umno. Pertama, orang mulai meragui bahawa Tun Razak tidak membincangkan ucapan dasar dengan pemimpin-pemimpin dalam Majlis Kerja Tertinggi parti. Dan kedua, beliau dengan sendirinya menjadikan dirinya memihak atau ketua bagi satu kumpulan tertentu dalam partinya sendiri. Tentang yang pertama, kiranya Tun Razak membincangkan kandungan ucapan dasar itu dalam MKT, sudah pasti Datuk Harun Idris, Datuk Hamzah, Tan Sri Ghazali Jawi, Tan Sri Jaafar Albar dam Tan Sri Ghazali Shafie yang masing-masing menjadi anggota MKT, tidak akan bersetuju dengan ucapan dasar yang demikian rupa.

Apakah pemimpin-pemimpin itu sanggup pula membiarkan Tun Razak tidak menyebut nama mereka sama dalam ucapan itu? Sedangkan perbuatan itu adalah merugikan mereka sendiri. Dan dari segi yang lain apakah mereka tidak sedar bahawa ucapan seperti itu boleh memecahbelahkan Umno sesama sendiri? Berdasarkan sikap Albar, Tan Sri Ghazali Shafie dan lain-lain yang selalu kritis itu, maka saya tidak fikir mereka ada melihat ucapan itu sebelum ia diucapkan. Dan apakah baiknya bagi Umno, sebagai sifatnya sebuah pertubuhan politik demokrasi dan pimpinan yang kolektif dapat membiarkan perkara seperti itu diputuskan oleh seorang berdua sahaja. Ucapan dasar pemimpin sebuah pertubuhan politik adalah mencerminkan dasar parti pada keseluruhannya. Pucuk pimpinan lazimnya bangun berucap untuk mempertahankan ucapan itu. Dan bagaimana sikap MKT dan Umno seluruhnya dapat membiarkan dasar ditentukan oleh pemimpin utama sahaja? Kita tidak mempersoalkan kemampuan seseorang pemimpin untuk menggariskan dasar yang diciptanya. tetapi Umno adalah pertubuhan demokrasi. Ia harus kolektif. Dan bagi diri Tun Razak sendiri bertolak dari ucapan itu, dengan sendirinya, dia meletakkan dirinya di bawah garis kedudukan seorang "bapa" kepada Umno, sedang beliau layak menjadi "bapa" kepada pertubuhan itu. Hasil dari ucapan itu orang-orang yang tidak setuju dengannya tentulah kecewa. Apakah mereka kecewa itu harus dibiarkan begitu saja. Kalau kejadian itu dapat dikatakan sebagai satu krisis, bagaimana mereka harus menyelesaikan krisis itu?

Pertubuhan politik seperti ini, istimewa bagi bangsa Asia yang mudah tersinggung, adalah perlu mempunyai "bapa". Inilah yang berlaku kepada Mahatma Ghandi dan Nehru bagi India. Mao Tze-tung bagi China atai Ho Chi Minh bagi bangsa Vietnam. Pemimpin-pemimpin ini telah meletakkan diri masing-masing pada satu tempat yang istimewa dalam parti masing-masing. Mereka tidak memihak kepada mana-mana kumpulan dalam partinya. Kiranya berlaku krisis sesama anggota parti, maka mereka boleh datang mengadu kepada ketua parti yang tidak memihak itu bagi mendapatkan pertimbangan. Mao Tze-tung telah menunjukkan contoh yang baik dalam krisis pimpinan Peking waktu Lin Piao berpengaruh semasa kempen Revolusi Kebudayaan yang terkenal itu. Mao menyedari bahwa ramai yang tidak tertarik dengan gaya pimpinan Lin Piao. Tentunya ramai di antara pemimpin Peking cuba mendapatkan sokongan Mao. Tetapi Mao tidak pula segera memihak kepada kumpulan anti-Lin itu kerana persoalan yang mereka hadapi adalah perlumbaan pengaruh antara orang-orang di bawah Mao. Kalau Mao memihak kepada anti-Lin, sedang Lin disokong oleh Pengawal Merah dan oleh sesetengah anggota komunis, maka ia boleh menyulitkan kedudukan. Mao hanya menjahanamkan Lin sesudah Lin bergerak untuk membunuhnya. Perbuatan itu satu jenayah politik, maka Mao beroleh sokongan bila dia bertindak menentang Lin Piao.

Dalam kes Umno ini, kepada siapa orang-orang yang dikecewakan oleh ucapan Tun Razak itu hendak mengadu kerana Tun Razak sudah melibatkan diri dalam percaturan itu. Dalam keadaan seperti ini mudah pula mendorongkan orang-orang yang kecewa tadi membuat perbandingan bahawa kejadian serupa itu tidak pernah berlaku dalam pimpinan Tunku Abdul Rahman dulu. Krisis adalah perkara yang tidak mudah dielakkan oleh mana-mana pertubuhan. Lazimnya klrisis dapat diselesaikan sesama sendiri. Dalam keadaan pihak yang bertentangan tidak dapat bertolak ansur, orang ketiga atau orang tengah yang dihormati oleh kedua-dua pihak boleh menyelenggarakan satu usaha gencatan permusuhan. Dalam krisis pucuk pimpinan Umno ini umpamanya, jalan keluar hanya dengan mengadukan masalah masing-masing kepada ketua parti itu, Tun Abdul Razak. Tun Razak mestilah meletakkan dirinya di atas dari segala kumpulan dan krisis. Pandangannya yang tepat dan cepat akan dihormati oleh semua pihak dan mereka boleh didamaikan.

Kalau Tun Razak, bertolak dari Perhimpunan Jun 1975 itu sudah memihak kepada satu kumpulan tertentu, sudah tentu pihak-pihak yang lain tidak mungkin lagi dapat mengadukan masalah kepadanya bagi mendapatkan pertimbangan. Jalan terbuka bagi pihak yang tidak puas hati ini, hanya satu: mengemukakan pula masalah itu kepada lain pihak, logiknya ahli-ahli parti di berbagai tempat. Oleh kerana perbuatan mengadukan kepada rakyat itu satu perbuatan politik, maka tentulah timbul berbagai-bagai persoalan dan antaranya mempertikaikan keutuhan Tun Razak sebagai pemimpin. Ada dua kemungkinan timbul dari perkembangan ini. Satu, ada pihak yang tidak sedia mendengar hujah-hujah yang mempertikaikan pemimpin utama itu dan satu pihak lagi akan menerima cerita itu. Wajar atau tidak perbuatan itu dibuat oleh orang-orang yang tidak senang dengan ucapan Tun Razak itu sudah tidak menjadi perkara besar lagi, tetapi yang pokoknya perbuatan itu sudah merosakkan imej dan nama baik beliau sendiri. Dan bertolak dari kejadian itu juga sudah ada orang Umno yang sudah tidak setia kepadanya.

Kalau beliau tidak berpolitiking dalam ucapannya itu, perbuatan mempertikaikan kepimpinannya itu tentu tidak berlaku, dan beliau terus diterima sebagai "bapa" baru bagi Umno dan akan kekal sebagai faktor penyatu bagi perjuangan yang dikepalainya sendiri. Dalam negara yang membangun seperti Malaysia ini faktor penyatu terlalu penting bagi memastikan kejayaan rancangan pembangunan dan lain-lain projek kerajaan. Perlu kita tinjau perkembangan lain yang menyerlahkan faedah dan manfaat yang didapati dari faktor penyatu itu. Dalam babak pertama Umno lahir ialah disebabkan oleh cabaran projek Malayan Union yang dicipta oleh British. Orang Melayu dewasa itu boleh dikatakan tidak bersatu. Tetapi Malayan Union berjaya menyatukan seluruh orang Melayu, dan mereka serentak memekikkan salam "Hidup Melayu" yang kemudiannya memekikkan salam "Merdeka". Lepas itu timbul perjuangan mencapai kemerdekaan. Isu ini dengan sendirinya menjadi faktor penyatu juga. Perjuangan kemerdekaan memang mudah menyatukan rakyat kerana di mana-mana juga di dunia manusia tidak rela dibelenggu oleh penjajahan.

Bagaimanapun yang lebih penting selain dari itu sendiri ialah wujudnya seorang tokoh yang tidak dipertikaikan oleh pengikut-pengikutnya. Watak dan kemampuan yang ditunjukkan oleh Tunku Abdul Rahman Putera itu dewasa itu dan hingga ke hari akhirnya sebagai pemimpin parti adalah satu bentuk faktor penyatu yang sukar didapati. Beliau telah menunjukkan contoh-contoh yang baik sebagai faktor penyatu dan imej seorang bapa yang buat sekarang tidak diwarisi oleh Tun Razak. Tunku dalam pimpinannya berjaya menjadi sikap antikomunisnya sebagai faktor penyatu lagi sehingga tidak siapa lagi berani dan berminat untuk menyokong komunis dan anasir-anasirnya. Apakah sikap itu betul atau tidak adalah suatu hal yang lain, tetapi yang pokok Tunku dengan segala senang hati telah berjaya menyatukan anggota partinya dan rakyat negara ini pada keseluruhannya untuk menentang komunis. Akibat dari dasarnya itu, parti-parti yang sepatutnya tidak antikomunis seperti DAP, PSRM dan sebagainya juga terpaksa bersusah payah bagi membersihkan nama yang mereka tidak ada kena mengena dengan komunis.

Konfrontasi Indonesia, sama ada ia disukai atau tidak oleh Tunku adalah satu bentuk faktor penyatu yang telah menolongnya membentuk Malaysia dan mendapat kemenangan besar dalam Pilihanraya Umum 1964. Krisis juga banyak berlaku dalam Umno di bawah pimpinannya. Krisis dengan guru-guru Melayu yang dipimpin oleh Cikgu Md Nor Ahmad tahun 1958, krisis dengan Aziz Ishak dan krisis dengan Dr Mahathir tahun 1969 adalah antara contoh krisis yang menyulitkan pimpinan beliau. Tetapi tanyalah dari pihak-pihak yang terlibat itu bahawa setiap orang dari mereka ada menerima surat atau panggilan dari Tunku yang berupa rayuan dan nasihat secara terbuka. Tunku menunjukkan dirinya sebagai seorang bapa dan meminta mereka untuk mengelakkan sebarang perkara yang difikirkan oleh Tunku boleh menjejaskan perpaduan. Saya tidak bertujuan untuk mengulas apakah hujah-hujah Tunku kepada orang-orang itu betul, tetapi yang pokoknya setiap orang dari mereka diberi peluang oleh Tunku berfikir lagi dan menentukan sikap. Tunku nanti akan bertindak sama ada tepat atau tidak, sesudah orang-orang di bawahnya itu tidak lagi sedia menerima arahannya.

Dalam pimpinan Tun Razak adalah agak berlainan dan punya cara tersendiri. Tun Razak mendengar maklumat-maklumat yang disampaikan kepadanya oleh penasihat-

penasihatnya dan terus bertindak. Apakah beliau sempat membuat tinjauan lanjut selain dari melalui penasihat-penasihat adalah suatu yang boleh dipersoal. Adakah Tun Razak membuat tinjauan yang teliti terhadap penggantungan keahlian seorang kuat Pemuda Umno Perak, yang bersikap membidas Tan Sri Ghazali Jawi menggantung keahlian orang itu atas nama Tun Razak. Banyak kejadian-kejadian lain yang boleh disebutkan untuk menguatkan hujah ini. Dari pimpinan yang lemah ini sekarang orang sudah tidak segan-segan lagi menyuarakan pendapat yang menghujah kewibawaan beliau. Dan dalam Perhimpunan Agung Jun 1975 itu sendiri sudah terdapat suara liar yang seolah-olah memprotes beliau. Kalau minit perhimpunan itu dicatit minit demi minit, maka akan tersua bahawa ada syor Presiden Umno telah ditolak oleh perwakilan dan ada suara-suara sumbang yang menjejaskan pimpinan beliau.



Ghafar sentiasa simple. Mungkin ini menyebabkan orang tidak yakin dengannya.



Semangat 46 kritik Dr Mahathir kerana tidak lanjutkan perjuangan Tun Razak. Mungkin Ghafar bersedia meneruskan cita-cita Tun Razak.



Bagaimana peluang Musa kalau Ghafar jadi PM?



Ghafar bersama Tun Hussein Onn, Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin utama parti-parti komponen BN pada 15 Julai 81.



Ghafar di sebelah Mahathir dalam mesyuarat pertama BN selepas Umno diisytiharkan tidak sah. Mulanya, Liong Liong Sik menjadi pengerusi.

Ghafar lebih disukai Samy Vellu dari Anwar, agaknya.





Benarkah pasangan Mahathir — Ghafar tidak serasi?



Meskipun hubungan Mahathir — Ghafar nampak mesra dan berjalan dengan baik tetapi ramai percaya Mahathir tetap tidak yakin dengan Ghafar.





**I said I would stay even if I won by one vote. As you can see I got more than one.**
— Datuk Dr Mahathir Mohamad, on his victory margin after the Umno general election





Duduk pun berlainan meja, begitu juga dengan visi masing-masing.



Mahathir sudah diframekan, diangkat ke sana-sini.

DM

# Fokus

## Impian Orang Malaysia



**Y.T.M. Tunku Abdul Rahman**
**Perdana Menteri yang Pertama**
*Ucapan dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-22 di Hotel Merlin, pada 23 Jan., 1971.*

"Saya sedar dalam UMNO pada hari ini ada banyak orang baru, di antara mereka ialah orang-orang yang bukan asal UMNO dan bukan berhati perut UMNO. Setengah-setengah daripada mereka datang daripada parti lain yang sudah lenyap kerana dasar parti-parti itu tidak dapat sambutan dari orang Melayu. Mereka menyeludup masuk ke dalam UMNO untuk menumpang kekuatan UMNO. Antara mereka ada yang memuji-muji menteri yang telah kita pecat kerana belot dan derhaka kepada parti.... Orang-orang yang seperti ini saya sifatkan sebagai musuh dalam selimut. Jaga-jagalah mereka, kerana mereka cuba menjaga lampu baru untuk mendapatkan lampu lama yang ajaib itu dan dengan mencuri lampu lama yang ajaib ini mereka dapat menguasai parti kita dan seterusnya memegang kuasa dalam negara Malaysia kita ini.

"Sebagai pesanan saya yang terakhir kepada saudara-saudara seperjuangan janganlah terpedaya atau termakan dengan diayah-diayah orang yang hendak memecah-belahkan parti kita dan menghancur-leburkan dari dalam setelah gagal hendak menghancurkannya dari luar. Jagalah baik-baik kepada lampu ajaib yang lama itu yang telah memberi hikmat besar selama ini bagi kita dan negara kita. Ahli-ahli UMNO yang jujur, jikalau ada apa-apa cadangan yang berfaedah dan baik untuk muslihat rakyat dan negara, maka sampailah cadangan-cadangan itu kepada ketua-ketua UMNO, dan janganlah pecahkan UMNO kepada tua dan muda atau baru dan lama."



**Allahyarham Tun Haji Abdul Razak b. Hussein**
**Perdana Menteri yang Kedua**
*Ketika membentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan di Dewan Rakyat, pada 23 Feb., 1971.*

"... Kita juga mesti sedar bahawa di tengah-tengah masyarakat kita pada hari ini terdapat satu generasi baru, terdiri daripada mereka yang telah menjadi dewasa selepas kita mencapai kemerdekaan. Mereka tidak tahu latar belakang politik yang terdapat ketika kita memperjuangkan kemerdekaan negara dan dengan sebab itu tidak faham kompromi-kompromi yang telah dipersetujui pada masa itu di antara kaum-kaum bagi menjayakan perjuangan kita....

"... Saya yakin dan tidak ragu-ragu lagi apa yang kita mesti buat sekarang. Begitu juga saya yakin apa yang diingini oleh seluruh rakyat negara kita di atas segala-galanya ialah supaya suasana harmoni antara kaum kekal terpelihara dan juga supaya negara kita mara terus untuk memenuhi hasrat mencapai perpaduan dan kemakmuran dalam suasana aman dan damai...."

• • •



**Datuk [Tun] Hussein Onn**
**Perdana Menteri yang Ketiga**
*Perutusan Tahun Baru 1979, melalui Radio dan Televisyen Malaysia, pada 31 Dis., 1978.*

"Matlamat utama kerajaan dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan ialah bagi memelihara dan seterusnya meningkatkan perpaduan melalui penggunaan satu bahasa. Bukanlah tujuan dasar ini hendak menghapus dan memusnahkan sama sekali bahasa, kebudayaan dan adat resam rakyat bukan-Bumiputera. Demikianlah juga dengan

matlamat utama pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Dasar ini bertujuan mengimbangkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan rakyat berbilang kaum, yang menjadi faktor utama mengeratkan perpaduan negara. Ia tidak sama sekali bertujuan merampas hak dan harta kepunyaan rakyat bukan-Bumiputera.

"Saya sukalah menegaskan di sini bahawa kerajaan akan terus melaksanakan DEB ini, sehingga matlamat yang dihasratkan itu dapat dicapai sepenuhnya. Sebarang langkah dan tindakan yang bertujuan untuk membantut dan melambatkan pencapaian matlamat ini akan hanya melanjut dan memanjangkan jangka masa pelaksanaan DEB.

"Kepada orang Melayu dan rakyat Bumiputera yang lain, saya sukalah juga menegaskan bahawa DEB bukanlah merupakan kata sakti yang boleh membawa kemakmuran dan kebahagiaan hidup. Tanpa usaha secara bersungguh-sungguh, penglibatan mereka dalam projek dan rancangan DEB itu, tidak akan mendatangkan sebarang faedah dan manfaat kepada kaum Bumiputera. DEB tidak akan memberi apa-apa makna atau membawa sebarang perubahan kepada keadaan hidup kaum Bumiputera pada masa akan datang, jikalau kaum Bumiputera sendiri tidak rajin berusaha. Segala peluang dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan akan menjadi sia-sia, jikalau kaum Bumiputera tidak mengusahakannya secara aktif, jujur dan bersungguh-sungguh."

* * *



**Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad**
**Perdana Menteri Malaysia**

*Ucapan semasa merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda UMNO dan Pergerakan Wanita UMNO di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, pada hari Khamis 1 Julai, 1976.*

"... Sungguhpun UMNO mempunyai hasrat dan matlamat yang besar bagi bangsa, agama dan negara, tetapi semakin lama semakin kecil perkara-perkara yang menarik minat dan tindakan dari ahli UMNO. Minat dan tindakan pula tidak ditujukan kepada pembangunan tetapi ke arah keruntuhan dan kejatuhan sesuatu atau seseorang.

"Jikalau *trend* ini berterusan UMNO akan menjadi semakin lemah. Jikalau UMNO menjadi lemah maka kesannya akan dirasai bukan sahaja oleh generasi yang akan mewarisi pertubuhan ini, iaitu pemuda dan pergerakannya dalam UMNO.

"UMNO tidak wujud untuk pemimpinnya. Semua pemimpin adalah sementara. Mereka akan pergi dan akan diganti oleh pemimpin yang baru. Tetapi pemimpin dan pimpinan adalah penting bagi pertubuhan. Sementara pemimpin tidak perlu dipertahankan semata-mata kerana dia pemimpin, dia juga tidak perlu dilemahkan dengan sengaja. Tidak ada kebaikan dari kepemimpinan yang lemah; sepertimana tidak ada manfaat dari pertubuhan yang lemah.

"Oleh itu adalah penting untuk semua pihak, khususnya mereka yang akan mewarisi pertubuhan ini, menentukan supaya UMNO kekal dengan kepemimpinan dan keahlian yang kuat. Untuk menjamin kekuatan ini perkara yang kecil perlu diketepikan. Soal peribadi juga tidak penting. Yang penting ialah hasrat dan tujuan UMNO ditubuhkan dan apakah pemimpin memperjuangkan hasrat ini. Yang penting ialah sokongan dan kepercayaan kepada perjuangan dan keupayaan parti.

"Masalah peribadi, masalah siapa dahulu siapa kemudian, siapa naik siapa turun adalah perkara kecil. Kita perlu ketepikan perasaan kita terhadap perkara ini. Kita perlu tumpukan perhatian dan tenaga kita semata-mata kepada perjuangan untuk menjayakan cita-cita bangsa, agama dan tanahair.

"Setiap anggota UMNO, Pemuda ataupun Wanita, perlulah memahami dan mengamalkan sikap ini. Kita perlu pada ketika itu menghidupkan balik semangat perpaduan seperti yang telah lahir pada masa kita berjuang untuk mencapai kemerdekaan dahulu. Saya suka mengingatkan janganlah sekali-kali kita khayal dan menyangka bahawa kemerdekaan yang telah kita capai itu akan berkekalan secara automatis. Kekal atau tidak kemerdekaan kita bergantung pada kesedaran kita dan sikap bertanggungjawab dalam tiap-tiap sesuatu yang kita lakukan.

"Tiap-tiap satu generasi mempunyai tanggungjawab terhadap zamannya. Oleh sebab itu adalah mustahak untuk setiap generasi mempunyai kepemimpinan yang selaras dengan zamannya. Ini perlu kerana kepemimpinan serta aspirasi sesuatu generasi akan dapat difahami oleh generasi itu sahaja. Saya yakin dan percaya generasi muda dalam UMNO tahu apakah peranan yang perlu mereka mainkan bagi mengukuh dan mengembangkan parti UMNO. Saya percaya mereka mempunyai kesedaran dan keyakinan terhadap diri sendiri untuk meneruskan perjuangan yang telah dirintis dan diusahakan oleh generasi lama.

"Saya telah menyebut beberapa kali bahawa minat orang-orang muda terhadap UMNO adalah kurang pada masa ini. Generasi muda dalam UMNO perlulah membuat kajian mengapa keadaan ini berlaku. Adakah ini kerana UMNO sudah menjadi sombong dan bongkak dan tidak memperjuangkan lagi kepentingan orang di luar UMNO? Atau adakah kerana masyarakat kurang faham tentang cara dan peranan yang dimainkan oleh UMNO? Mungkin juga generasi baru ini mempunyai minat dalam bidang lain dan menganggap politik sebagai tidak lagi penting. Mungkin mereka berpendapat bahawa hak dan kedudukan mereka sudah terjamin untuk selama-lamanya kerana mereka akan dipertahankan oleh kerajaan yang sentiasa bersimpati dengan mereka...."

# Abdullah: Saya tidak dibeli oleh sesiapa

18/10/87 - UM

SEGAMAT 17 Okt. — Naib Presiden UMNO, Datuk Abdullah Ahmad Badawi secara terus - terang memberi pengakuan bahawa beliau tidak pernah dipujuk atau dibeli oleh sesiapa dalam mengembalikan perpaduan dalam UMNO.

Katanya, apa yang dilakukannya itu sebagai menyahut seruan presiden parti, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang mahu mengembalikan perpaduan dalam UMNO dan menghindarkan team A dan team B dalam parti.

Berucap di hadapan lebih 200 orang ahli UMNO bahagian Segamat ketika menutup kursus pentadbiran UMNO bahagian Segamat di dewan sekolah tinggi di sini petang semalam, Datuk Abdullah berkata, apa yang diharapkan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir itu adalah juga menjadi prinsip perjuangannya selama ini.

"Apa yang saya lakukan ini adalah terbit dari keikhlasan hati sendiri yang cintakan perpaduan dan kedamaian dalam UMNO dan menghindarkan perpecahan sesama sendiri," ujarnya.

Bekas Menteri Pertahanan itu menyeru ahli-ahli UMNO kembali bersatu serta meningkatkan perpaduan bagi menghadapi berbagai cabaran yang didapati sekarang.

Katanya: "Jika kekuatan yang ada sekarang tidak diperolehi, kemungkinan, kita gagal menghadapi sebarang gegaran yang datang dari musuh sama ada dari dalam atau luar Barisan Nasional.

## Khianat

Menyentuh tentang tindak-tanduk MCA yang sekarang berada dalam komponen Barisan Nasional beliau menyifatkannya sebagai mengkhianati kawan dalam Barisan.

"Ini jelas sekali dari beberapa isu yang sengaja ditimbulkan oleh MCA sejak akhir-akhir ini termasuk mengadakan pakatan bersama dengan DAP untuk menggugat kerajaan," katanya.



DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI

Beliau menegaskan perbuatan MCA seperti ini sebagai hilang taraf dan mengkhianati kawan dalam Barisan setelah perjuangannya terkeluar dari falsafah perjuangan parti.

"Kita tidak perlu banyak bertolak ansur dalam masalah seperti ini, kita harus menentang serta menghapuskan musuh-musuh sebelum mereka menghapuskan kita," jelas Datuk Abdullah yang disambut dengan tepukan gemuruh dari ahli-ahli UMNO.

Beliau menambah, bagi ahli-ahli UMNO yang ada sekarang tidak perlu bertanya lagi apakah sumbangan yang UMNO telah berikan, sebaliknya bertanya kepada diri sendiri sejauh mana tugas-tugas peningkatan perjuangan UMNO yang tuan-tuan laksanakan.



TIMBALAN Presiden MCA, Datuk Lee Kim Sai membincangkan sesuatu dengan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang di perhimpunan menentang perlantikan guru-guru besar yang tidak fasih berbahasa Mandarin di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina (SRJKC).

Turut kelihatan ialah ahli Jawatankuasa Pusat Gerakan yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Encik Ong Tin Kin. Perhimpunan diadakan di Kuil Then Por, Kuala Lumpur awal minggu ini.

UMNO

# MOVE TO RESTORE PRIMACY

**The two weeks following the decision that made UMNO unlawful have changed the Malaysian political scene. Most analysts agree that the PM appears to have consolidated his position.**

BY 6.15pm on February 4, both counsel had finished their closing arguments. The packed courtroom hushed as Justice Datuk Harun Mohammed Hashim picked up his pen and commenced writing. He continued steadily for about 20 minutes and then, clearing his throat, came up with an electrifying judgement which, in hindsight, turned out to be more than what either side had bargained for.

Eleven disgruntled supporters of the so-called Team B faction in the United Malays National Organisation (UMNO) had instituted a suit against the party to declare the April 24 UMNO elections null and void. (In those elections, the Team B faction led by Tengku Razaleigh Hamzah and Datuk Musa Hitam failed narrowly to unseat incumbent president and Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad).

Harun went one step further. He ruled that UMNO itself was unlawful because 30 of its branches had not been registered under the Societies Act.

In the immediate moments of the post-judgement tumult, both inside and outside the courtroom, it appeared unclear as to who actually won. As one lawyer put it, 'The plaintiffs who got their claims dismissed were smiling while the defendants looked grim.'

As most analysts saw it then, the law regarding an illegal society was quite clear. Such a society could not use its old name, logo or symbol. In addition, all its assets were to be frozen immediately, to be placed under the Official Assignee to be disposed of as he (the official assignee) saw fit.

Given UMNO's political dominance since 1957, it was by any standards, a body blow. The thing was to revive the party, or as Kok Lanas MP Datuk Abdullah Ahmad put it, to 'restore its primacy in Malaysian politics'.

Tengku Razaleigh's allies moved first. Four days after the court decision, the country's first Prime Minister, Tunku Abdul Rahman, celebrating his 85th birthday, announced that he had initiated moves to register a new party to be called UMNO Malaysia. Included in his pro-tem committee were such people as Tun Hussein Onn,



**MAHATHIR: Heads UMNO Baru**

the country's third Prime Minister, and other Team B stalwarts like lawyer Marina Yusoff, former foreign minister Datuk Rais Yatim and former deputy ministers Rahmah Osman and Zainal Abidin Zin.

The Tunku apparently felt that 'nothing was being done about re-registering the party.' To his mind, he was merely 'initiating steps to rejuvenate the party until such time as fresh polls to elect new office-bearers could be held.' He had written a letter, he explained, to Tengku Razaleigh urging him to take steps to do the same but Razaleigh had demurred, stating that he 'might be misunderstood'. Thus, said the Tunku, he 'had to do something'.

The plan almost immediately ran into heavy weather. Even as most critics acknowledged that both former Prime Ministers were not motivated by any desire to return to power, they questioned the very idea of any registration of the party without the co-operation of the existing leadership. Said Abdullah, 'It looked too much like the seizing of an opportunity.'

On his part, the Tunku did send a letter to Prime Minister Mahathir inviting him to join his efforts in restoring UMNO. This letter Mahathir has confirmed receiving on Feb 12. But as he pointed out in his reply to the Tunku declining the invitation, former UMNO leaders were already working 'unpublicised' to form the new party and he could not possibly be involved in two pro-tem committees at the same time.

**FRESH APPLICATION.** In a mid-February press conference, former defence minister, Datuk Abdullah Ahmad Badawi explained it thus: 'It's not true that we didn't do anything at all. We started working almost immediately after the decision. We consulted many lawyers. What we were looking for was a solution that could not be challenged in court ... because then the problem would never end.' (Abdullah Badawi, who aligned himself with the Razaleigh-Musa faction was an elected vice-president in UMNO's Supreme Council).

One day after the Tunku's application, Mahathir's committee sent in its own application to register a new political party, UMNO '88. As Mahathir explained later, 'Both applications (his and the Tunku's) were rejected because the old UMNO had yet to be deregistered. When that happened, we sent in a fresh application for the setting up of the new UMNO.' That was on February 13. The Registrar of Societies accepted it three days later.

The two weeks changed the Malaysian political landscape. For one thing, most analysts agreed that the PM appeared to have consolidated his political position, isolating his foes in the process. Says former supreme councillor Datuk Shahrir Abdul Samad, 'Razaleigh moved too early.' Agrees Aliran's Dr Chandra Muzaffar, 'It (the formation of UMNO Malaysia) was not a good idea at all. They (the Razaleigh allies) were afraid that they would be left out of the leadership's new party so they thought they would move first.'

Apparently, that was the reasoning behind the Tunku's pre-emptive strike. The move backfired because firstly, it was hasty, without even a consensus among Team B leaders.

Indeed, several prominent Team B leaders — Musa, Abdullah Badawi, Datuk Kadir Sheikh Fadzir, Shahrir and Datuk Radzi Sheikh Ahmad — publicly disassociated themselves from the move, setting off an avalanche of dissent in the process.

More important, according to analysts, it failed because any move to rejuvenate UMNO without the existing leadership's participation was, given the reality of Malaysian politics, doomed to fail. And most party members simply wanted to see UMNO revived. As a former supreme councillor put it, 'I may have my differences with the PM but if he can restore UMNO then I'll support him. And the moves have to come from the leadership. If

it comes from anyone else, then what you'll get finally are two parties.'

In any case, Mahathir's supporters covered all fronts. Some opposition parties, notably the Democratic Action Party, had called for the PM's resignation in view of the fact that 'he heads an unlawful party'. Fearing perhaps the possibility of a parliamentary motion of no-confidence, the PM's aides organised demonstrations of support.

**PSYCHOLOGICAL EFFECT.** Countrywide pledges of support poured in for the Prime Minister, culminating in an assembly where more than three quarters of all Barisan Nasional MPs and state assemblymen solemnly swore loyalty to the Prime Minister, live over television. The fact that erstwhile Mahathir foes such as Musa and Abdullah Badawi, among others, were among the pledgers had, undoubtedly, great psychological effect.

On another front, the 11 were attacked as the 'destroyers of UMNO'. Education minister Anwar Ibrahim condemned those who 'openly or secretly supported the 11' as those 'who lusted for power'.

These people, said Anwar, 'must be exposed and held responsible'. Mahathir himself did not mince his words.

Spoken in the national language, the attacks were even more devastating. The word repeatedly used to describe UMNO's illegality was *diharamkan* which, while being technically correct, is also the word used to describe things forbidden by Islam; things that the Malays, as Muslims, find abhorrent. As one Razaleigh ally observed sourly, 'It's usually used in reference to pork or alcohol.'

Abdullah has this view. 'Mahathir,' he says, 'has now got an opportunity that most leaders can only dream about, to fashion a party in his own image. He didn't ask for it, no doubt, but it got served to him on a silver platter.' Indeed, quite a few of his supporters think that Mahathir should avail himself of this opportunity, to get rid of all his enemies in UMNO. One menteri besar told **Malaysian Business** that he didn't see any reason why 'the whole UMNO could not be composed entirely of Team A people'.

So far, nothing has been revealed but it seems clear that Mahathir does not intend to allow all his foes in. Said the Prime Minister: 'Not all members of the old UMNO will be automatically admitted. Loyalty to the party will be the paramount consideration.'

He added that 'those who have worked to destroy UMNO and caused it to become unlawful, of course, will not be accepted.'

The attrition has already begun. None of the former Team B supreme councillors ex-



**LAST year's UMNO elections**



**MUSA: Veiled support for PM**

cept former vice-president Abdullah Badawi were retained in the 34-man Supreme Council of the New UMNO. (Nine Team B members had been elected to the Supreme Council in the now-unlawful 1987 assembly).

In any case, it appears that Team B's unity is cracking at the seams. When this was put to a Musa Hitam ally by **Malaysian Business**, the reply was an ambiguous 'it would seem so'.

Abdullah Badawi, in his press conference, was more forthright: 'In terms of Team A and Team B, there has been a major realignment. The issues now are very different from April 24. And if we start to apportion blame, we cannot resolve the problem.' When asked whether the rivalry could ever be buried, Abdullah Badawi replied simply: 'We may decide to forgive and forget.'

Musa Hitam's endorsement of the Prime Minister was more veiled. Said Musa, 'I support Dr Mahathir's efforts in restoring UMNO and I also agree that loyalty to the party, not, say, to the individual, is important for choosing future members.' Musa went on to say that he intended to apply for membership in the new UMNO, adding 'I'm confident that I will be accepted.'

Mahathir loyalists seemed to welcome his statement — it even inspired information minister Datuk Mohamad Rahmat to 'salute Musa for his stand'.

At the time of writing, the 11 appear to have fallen back on the courts as a remedy — they have filed an appeal to the Supreme Court challenging Harun's decision. Indeed, legal sources told **Malaysian Business** that the whole affair could get stuck in the courts, response followed by counter suit, unless 'Mahathir takes it to parliament to put the party above legal action by some form of retrospective legislation.'

Most analysts consider Mahathir on top right now. Still, his foes do not appear to have given up hope, one even likening it to 'a game of poker'. Said he, 'We haven't played all our cards yet.' But as one political scientist put it, 'It's ironic. I think all they (presumably Razaleigh allies) wanted was another shot at the poll. Now they might never get the chance.'

**— By S Jayasankaran** MB

# 5

# GANDINGAN PAK LAH - ANWAR; MENGAPA MUSTAHIL?

Tugas memimpin Umno bukannya mudah. Semua pemimpin-pemimpin Umno mengerti hal ini. Memimpin Umno bererti memimpin kerajaan kerana Umno adalah tunggak utama kerajaan yang memerintah sekarang. Ia memerlukan dukungan dari kepimpinan yang mantap, tahan uji, mampu menghadapi cabaran, tidak mudah goyah pendirian, dan dengan itu secara tidak langsung ia juga memerlukan satu pasukan yang baik, seimbang dan harmonis. Inilah masalah yang melanda Umno sekarang. Umno tidak kurang dengan pemimpin yang boleh ahli-ahlinya hormati. Rasanya Umno tidak perlu lagi mengundang tokoh-tokoh luar untuk memimpin Umno sekiranya pemimpin-pemimpin yang ada boleh dan mampu bekerja dalam satu pasukan yang baik.

Selepas pengunduran Tun Hussein, dan Presiden Umno disandang oleh Dr Mahathir, ahli-ahli Umno terpaksa membuat pilihan siapakah yang akan menjadi Timbalan Presiden Umno, sama ada Musa Hitam atau Tengku Razaleigh Hamzah. Kedua-duanya ada kelebihan dan tentu juga kedua-duanya ada kelemahan. Tentulah hasrat majoriti ahli-ahli Umno ingin melihat gandingan antara mereka untuk terus menyumbangkan khidmat kepada Umno dan negara. Hasrat itu bukan sesuatu yang mustahil, ia perkara normal. Terpilihnya Musa Hitam tidak bererti Tengku Razaleigh mesti disingkir. Begitu juga sebaliknya. Tetapi seperti yang telah dirakam dalam sejarah, bukan sahaja Tengku Razaleigh dipinggirkan, akhirnya kedua-dua mereka, Musa dan Razaleigh, terkeluar dari barisan kepimpinan Umno. Salah siapa? Apakah ahli-ahli Umno mahukan perkara ini berlaku? Melihat perkembangan dalam Umno sekarang, tidak mustahil ramai ahli-ahli Umno yang seronok dengan suasana itu, terutamanya mereka yang berangan-angan menjadi pemimpin. Kosongnya kerusi yang di atas, secara otomatik peluang untuk mengisi saf kepimpinan terbuka. Lagipun setiap kali berlaku pertandingan sengit di peringkat tertinggi, perwakilan-perwakilan Umno akan mendapat durian runtuh dari pihak yang bertarung. Justeru itu semakin ramai perwakilan tidak suka dihubungkan dengan kumpulan tertentu supaya mereka boleh menjadi kuasa penentu, yang tentu semakin "mahal harganya".

Kini sekali lagi Umno berhadapan dengan masalah seumpama itu. Untuk memudahkan perbincangan, kita ketepikan dahulu andaian bahawa Musa dan barangkali Razaleigh akan bergiat semula dalam Umno. Kita tumpukan kepada dua orang tokoh muda dari Pulau Pinang, Anwar Ibrahim dan Abdullah Badawi, yang mempunyai peluang yang cerah di hari muka. Mungkin akan dipersoalkan "monopoli utara" dalam kepimpinan Umno, iaitu Perdana Menteri yang pertama dan keempat pun orang utara. Apakah Perdana Menteri kelima dan keenam datangnya juga dari utara? Orang Johor yang mengimpikan Perdana Menteri kelima, iaitu Musa Hitam, sekian lama memendam rasa. Orang Kelantan sudah terlepas peluang. Bagaimanapun, kata orang, tiada yang mustahil dalam politik.

Sejauhmana faktor wilayah ini boleh mempengaruhi kecenderungan perwakilan-perwakilan Umno sukar untuk dipastikan, memandangkan ketiga-tiga Naib Presiden Umno yang ada sekarang adalah orang utara. Mungkinkah ia akan sedikit terubat apabila Ghafar Baba terpilih dahulu, walaupun dalam waktu yang terbatas, sebagai Perdana Menteri, mewakili wilayah selatan sekali lagi, selepas Tun Hussein Onn. (Atau, barangkali Ghafar lebih sesuai dikatakan mewakili wilayah tengah). Tidak mustahil perwakilan Umno, dalam pemilihan akan datang, memikirkan kembali gandingan naib-naib presiden yang ada, dengan menampilkan seorang lagi muka baru, bukan dari wilayah utara, untuk memperlihatkan komposisi yang seimbang. Mungkin persoalan yang timbul ialah siapakah tokoh berkenaan? Antara yang disebut ialah Muhammad Taib dan Muhyidin Yassin, dan tidak mustahil nama Yusuf Noor mewakili Pantai Timur. Sekali lagi, secara tidak sengaja, nama Musa Hitam disebut (lihat bab "Musa Kembali; Siapa Cemas?").

Sama ada terpilihnya Ghafar Baba sebagai PM atau tidak, tumpuan selepas ini, adalah kepada dua tokoh "anak-anak Tanjung" ini. Walaupun Sanusi berada dalam barisan yang sama, tetapi peluangnya untuk melepasi Anwar dan Abdullah Badawi agak sukar. Lagipun Sanusi baru sahaja satu penggal diamanahkan sebagai Naib Presiden, dan prestasinya sebagai Setiausaha Agung Umno sebelum itu tidaklah begitu cemerlang. Meskipun begitu, cita-cita Sanusi tidak pernah luntur, kebetulan Sanusi lebih rapat dengan Ghafar Baba. (Pemimpin-pemimpin Arqam begitu yakin Sanusi boleh menjadi TPM selepas ini). Ghafar secara terbuka dalam perhimpunan agung Umno memuji Sanusi dan Sanusi pula, dalam perhimpunan yang sama, menafikan bahawa beliau adalah dari kem Ghafar Baba. Penafian itu tidak penting. Dr Mahathir sendiri menafikan krisisnya dengan Musa Hitam dan kemudiannya berpeluk-pelukan dengan Musa di hadapan para wartawan untuk membuktikannya. Selang beberapa hari, Musa menghantar surat letak jawatan. Tetapi dalam kes Sanusi ini, kalaupun Ghafar menjadi PM, sukar juga untuk Ghafar melantik Sanusi menjadi timbalannya yang boleh diterima oleh semua pihak dalam Umno.

Lebih mudah bagi Ghafar memilih Abdullah Badawi kerana Abdullah mempunyai pengaruh yang mantap dan teruji dalam Umno, dan Abdullah Badawi tidak mempunyai ramai musuh seperti Sanusi. Hatta dengan Anwar sekalipun, hubungan antara mereka boleh dijernihkan, sekiranya ada kepentingan lain yang lebih besar. Dikatakan Anwar selalu berkereta bersama Abdullah ketika menghadiri majlis-majlis anjuran Umno di mana mereka terlibat. Ramai yang menyifatkannya sebagai satu lakonan politik yang menarik. Namun begitu, biarlah pada peringkat permulaan ini persefahaman itu dikatakan lakonan, ia lebih

baik daripada langsung tidak boleh mempamerkan sebarang aksi yang boleh ditafsirkan sebagai penyesuaian antara mereka berdua, seperti yang berlaku pada Sanusi dan Anwar. Mana tahu apa yang dikatakan lakonan itu bertukar menjadi kenyataan, demi kepentingan orang-orang Melayu, bukan setakat di Pulau Pinang, tetapi di seluruh negara. Tentunya ramai ahli-ahli Umno yang gembira dengan suasana seperti itu. Mereka tidak perlu memilih antara Anwar dengan Abdullah Badawi seperti mereka terpaksa memilih antara Tengku Razaleigh dan Musa.

Mengapa Abdullah Badawi dan Anwar tidak boleh digandingkan? Apa penghalang besar yang memisahkan mereka? Apakah benar ahli-ahli Umno dan rakyat Malaysia umumnya tidak boleh menerima bahawa pemimpin utama Umno dan kerajaan (sekiranya Umno terus berkuasa) selepas Dr Mahathir dan Ghafar adalah anak-anak Pulau Pinang? Apakah benar Abdullah Badawi begitu cemburukan kedudukan dan kuasa yang dimiliki oleh Anwar, yang sering disifatkan kenaikannya begitu drastik sekali. Menurut laporan ***Malaysian Business***, 16 April 1987: *"Jealous no, confrontational yes," Badawi says of his relationship to Anwar. "Our relationship goes back to 1971, when I was the director of youth (at the Ministry of Culture, Youth and Sports), and Anwar was a student activist," says Badawi. "I was in charge of training courses for graduates. It was my job to see that students didn't demonstrate, and if they did, I have to handle it. Anwar was at the other end. We had fairly serious disagreements over certain matters. I felt most unhappy over what I had to do, and so did he."* Dalam majalah itu juga dilaporkan: *"If given a choice, I think the delegates will choose both of them," says a deputy minister. "But if they are asked to choose either one, I think many will put Badawi as their first choice, simply because he is more senior and has a clean record of service to the party."*

Zakry Abadi dalam bukunya ***Kualiti Kepimpinan*** mendakwa dasar krisis antara Abdullah Badawi dengan Anwar agak mudah dan *simple*. Ia bermula, menurut Zakry, dari keputusan Dr Mahathir menggantikan Abdullah Badawi sebagai Ketua Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang, selepas "pertarungan 1987" dengan Anwar Ibrahim. Jawatan tersebut disandangnya selama lebih sepuluh tahun: "Ketika Dr Mahathir menyingkirkan Abdullah dari Kabinet akibat sokongannya kepada Team B, beliau tidak lagi menjadi menteri dan kedudukannya sebagai Ketua Perhubungan Umno Negeri mula dipertikai. Ini kerana tanpa jawatan menteri, beliau sewajarnya mengosongkan kerusi Ketua Perhubungan itu .... Pada masa itu keadaan menjadi amat genting sekali kerana lapan daripada 12 bahagian Umno di negeri itu dikatakan masih menyokong Abdullah, sementara tiga bahagian saja yang menyokong Anwar, sementara satu lagi berkecuali." Menurut cerita Zakry, Abdullah amat tidak berpuas hati dengan perlantikan Anwar kerana sokongan terhadapnya masih kuat. Dakwa Zakry seterusnya, Abdullah Badawi pernah menegaskan kepadanya bahawa beliau akan "main kotor" sekiranya pihak lain "main kotor" dalam isu perlantikan Ketua Perhubungan itu.

Kalaulah itu faktor utama perselisihan antara Abdullah Badawi dengan Anwar, ia bukanlah suatu usaha yang sukar untuk menghubungkan mereka berdua. Abdullah dan Anwar sebagai pemimpin sudah tentu berjiwa besar. Sekiranya ada niat di hati mereka untuk memusnahkan kerjaya politik saingan masing-masing, tidak mustahil kedua-duanya

akan terlepas jawatan yang direbut itu. Apakah untuk menyumbangkan khidmat bakti kepada negara mesti menguasai kerusi Perdana Menteri dahulu? Mungkin jawapan yang diberikan ialah tidak. Kalau begitu, kenapa setiap Naib Presiden yang ada dikatakan bercita-cita untuk menjadi PM? Memang betul, setiap ahli politik wajar bercita-cita tinggi, tetapi sekiranya usaha mencapai cita-cita itu mengundang musibah lebih besar, terutama kepada nasib bangsa dan negara, adalah wajar ia dihentikan. Jadi, mungkin cita-cita besar (ada pihak menyifatkannya sebagai nafsu besar) kedua-dua tokoh ini, menjadi penghalang utama persefahaman antara mereka. Rasanya Anwar tentu tidak dapat menerima kedudukannya sebagai TPM di bawah Abdullah, bagaimana pula dengan Abdullah? Sekiranya Anwar terpilih sebagai PM beliau mungkin lebih cenderung kepada tokoh-tokoh selain Abdullah dan Sanusi, mungkin nasib Muhammad Taib lebih cerah. Jika Abdullah lebih bernasib baik, mungkin Sanusi dipertimbangkannya, bukan Anwar.

Segala-galanya yang disebutkan itu hanyalah andaian dan jangkaan. Dan menjadi penyakit orang-orang Umno ialah kegemaran mereka membuat andaian dan menyebarkan spekulasi. Sebab itu budaya surat layang merebak dengan cepat dalam Umno. Hendak salahkan masyarakat tak kena juga. Bukankah akhbar-akhbar kita dikawal dan dipastikan tidak tersiar berita-berita yang benar sekiranya dirasakan memberikan natijah buruk kepada menteri-menteri tertentu. Jadi di mana mahu mereka dapat maklumat yang sahih. Walaupun diketahui apa yang disebarkan melalui surat layang banyak yang mengarutnya, tapi siapa yang boleh menafikan bahawa banyak juga cerita menarik yang benar mengenai aksi-aksi dalam bilik tidur Umno. Dari cakap-cakap yang didengar, amat sukar menjangkakan akan terbentuk regu Abdullah Badawi - Anwar; dan jangan mimpilah gandingan Anwar - Sanusi! Dengan itu, dalam keadaan biasa, umum akan hanya percaya kalau Anwar terus berselisih dengan Abdullah dan Sanusi. Sukar hendak diyakinkan bahawa Anwar akan berdamai dengan saingannya itu. Bagi mereka, Umno akan terus bergolak dan kem-kem dalam Umno mustahil dileburkan. Kata mereka, Dr Mahathir sendiri yang memulakannya dan dia sendiri yang mahukan keadaan itu terus wujud demi survival Dr Mahathir sendiri. Namun apa yang dicetuskan oleh Dr Mahathir itu bukannya sesuatu yang patut dianggap tradisi parti. Era Dr Mahathir akan berlalu. Ahli-ahli Umno tentunya mengambil pengajaran dari "pertarungan 1987" yang mengakibatkan perpecahan yang paling serius dalam zaman Melayu moden ini. Walaupun ada isu-isu besar yang melatari pertarungan itu, tetapi umum lebih senang dengan andaian bahawa ia sebenarnya didasarkan kepada perselisihan tradisi antara Dr Mahathir dengan Tengku Razaleigh. Apakah ia akan berulang di antara Abdullah Badawi (yang kebetulan pernah menjadi regu Tengku Razaleigh) dan Anwar Ibrahim (yang dikatakan anak emas Dr Mahathir)?

Kedua-dua tokoh Tanjung ini ada imej yang bersih dan menarik. Anwar dan Abdullah Badawi boleh meneruskan dan memantapkan lagi rancangan penerapan nilai-nilai Islam. Komitmen Anwar dengan perjuangan Islam sudah terbukti. Begitu juga latar belakang Abdullah Badawi, beliau lahir dari keluarga ulama besar. Walaupun Abdullah tidak pernah terlibat dengan gerakan Islam, seperti pembabitan Anwar dalam ABIM, ramai pihak menjangka di bawah pimpinannya, Islam tidak akan diketepikan. Imej Islam pada Abdullah lebih baik daripada Ghafar dan juga Musa. Abdullah Badawi juga mempunyai hubungan yang baik dengan pemimpin-pemimpin Semangat 46. Demi menguatkan Umno peranan

Abdullah Badawi antara yang terpenting untuk diperhatikan. Tidak mustahil ahli-ahli Semangat 46 akan beralih kepada Umno ketika Presiden Umno bukan lagi Dr Mahathir, dengan usaha Abdullah Badawi dan Ghafar Baba. Umno walaupun nampak kuat tetapi faktor Semangat 46, parti yang dikira mampu menggugatnya sekiranya isu-isu menjelang pilihanraya menyebelahi pembangkang, hendaklah diambil kira oleh pemimpin-pemimpin tertinggi Umno. Dan tokoh yang dapat menjalin hubungan persefahaman itu adalah Abdullah Badawi.

"Ahli Umno perlu memikirkan masak-masak sebelum menolak Anwar ataupun Pak Lah. Tersingkirnya Musa dan Tengku Razaleigh harus menjadi peringatan. Bukan bermakna menghalang pertandingan, tetapi siapa yang menang harus ingat, dia bukan menang segalanya, dan pihak yang kalah tidak kalah semuanya. Biarpun sekarang Anwar dan Pak Lah seperti bukan dalam satu team, itu bukan masalah besar. Mereka boleh digandingkan kalau penyokong-penyokong mereka mahu begitu," seorang teman memberi ingatan. Tapi saya tidak pasti, siapa yang akan menghiraukan ingatannya itu.



Selepas Mahathir, inilah tokoh-tokoh yang akan menggantinya. Itupun kalau Umno masih berkuasa.







Mangsa di Iraq.

*‘Pemimpin-pemimpin kerajaan di Malaysia mesti berani dan bijaksana menghadapi percaturan politik antarabangasa.’*




Mangsa di Bosnia.







Ramai beranggapan bahawa Anwar Ibrahim dan Abdullah Ahmad Badawi hanya berlakon menunjukkan kemesraan. Untuk kepentingan negara kenapa lakonan ini tidak boleh menjadi kenyataan.

# DOLLAH PECAH TRADISI

Watan 21/7

**KUALA LUMPUR – Datuk Abdullah Ahmad Badawi memecah tradisi dan mencipta rekod bila beliau muncul sebagai Naib Presiden UMNO yang tidak diberikan sebarang tugas tertentu oleh pucuk pimpinan parti.**

**Oleh: LOKMAN HJ. ABDULLAH**

Bagaimanapun, Datuk Abdullah yang ditemui selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini Jumaat lalu berkata beliau tidak pasti sama ada Naib-naib Presiden sebelum ini terdapat yang dikecualikan dari mengetuai mana-mana biro.

"Tapi, sepanjang yang saya tahu setiap Naib Presiden akan diberi tugas tertentu," tambahnya.

Namun demikian, Datuk Abdullah menegaskan beliau menerima keputusan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi dengan penuh keinsafan. "Lagipun, saya sendiri terlibat dengan mesyuarat itu," ujarnya.

Menurut Datuk Abdullah, semua lapisan ahli UMNO mestilah juga menerima hakikat itu dan menginsafi bahawa Presiden parti telah menggunakan kuasanya mengikut perlembagaan.

Bercakap kepada pemberita kita, Datuk Abdullah juga menyifatkan pengumuman-pengumuman yang dibuat oleh pucuk pimpinan mengenai perlantikan pengerusi-pengerusi perhubungan negeri dan biro-biro sebagai menunjukkan 'puak yang menang mengambil segala-galanya'.

Kata Naib Presiden itu, beliau tidak kecewa terhadap apa yang berlaku dan berharap semua pihak terus memberi sokongan kepada mereka yang telah diberi tanggungjawab.

"Ahli-ahli Majlis Tertinggi atau siapa saja yang dilantik oleh pucuk pimpinan untuk mengetuai negeri-negeri dan biro-biro parti harus diberi kesempatan untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara," tegasnya.

Bagaimanapun, Datuk Abdullah menarik perhatian bahawa adalah menjadi harapan seluruh ahli parti untuk melihat setiap kumpulan diberikan kesempatan untuk melibatkan secara langsung dalam kegiatan parti.

"Mereka berharap, dengan tindakan demikian masalah masalah mereka dapat turut diperjuangkan," jelas Ketua UMNO Bahagian Kepala Batas itu.

Tempat Datuk Abdullah sebagai Ketua Perhubungan UMNO Pulau Pinang diambilalih oleh Menteri Pendidikan, Anwar Ibrahim. Seorang lagi Naib Presiden, Datuk Haji Wan Mokhtar kekal sebagai Pengerusi Biro Agama dan Ketua Perhubungan UMNO Terengganu.

Datuk Abdullah ialah Naib Presiden yang kedua. Ketika mengumumkan perlantikan-perlantikan baru di mesyuarat Majlis Tertinggi Jumaat lalu, Presiden Parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Muhamad tidak menamakan bekas Menteri Pertahanan itu ke mana-mana biro.

Ditanya perasaannya setelah namanya tidak disebut untuk sebarang tanggungjawab dalam parti, Datuk Abdullah berkata dengan yang demikian jelaslah padanya bahawa pucuk pimpinan tidak lagi mengkehendakinya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa sebagai seorang yang telah diberi tanggungjawab oleh para perwakilan beliau akan terus memain peranan menyumbang bakti kepada UMNO dan terus mempertahankan maruah agama, bangsa dan tanahair.

"Saya yakin, walaupun tidak lagi berada dalam kerajaan dan tidak juga diberi tugas tertentu namun tetap akan dapat menyumbang tenaga," tambahnya.

Beliau juga mengulangi pendirian akan terus mempertahankan UMNO dan tidak sekali-kali membiarkannya diperalatkan oleh sesiapa." Setiap ahli masing-masing ada peranan untuk parti kita," tegasnya.

• LIHAT MUKA 30

# Guru mesti Berjiwa Pendidik

Tanggungjawab guru sebagai pendidik dan penyampai ilmu pengetahuan tetap ada dan tidak kurang pentingnya daripada zaman dahulu. Malah dari segi profesionalisme, keupayaan dan kemampuan guru pada hari ini lebih tinggi dengan adanya segala kemudahan latihan. Cuma, yang membezakannya mungkin guru tidak diperlukan lagi berperanan seperti dahulu, kerana ada golongan-golongan lain yang juga boleh berperanan sebagai pemimpin, penasihat dan pembimbing masyarakat.

Untuk meninjau perkembangan inilah Editor *DM*, JALIL A. RAHMAN dan Penolong Editor, N.Z. ABIDIN telah mengadakan temubual dengan Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI, baru-baru ini. Berikut adalah sedutan temubual tersebut.




**DM: Guru pernah diharapkan sebagai penggerak untuk mencapai integrasi nasional menerusi tugas mereka. Bagaimanakah ini boleh dilakukan dengan lebih berkesan?**

**DAAB:** Pada pandangan saya, kalau seseorang guru itu mempunyai kesedaran dan rasa tanggungjawab terhadap peranannya, serta melaksanakan segala-segalanya dengan baik, sepertimana yang dilatih; dan kalau dia berusaha untuk meningkatkan taraf profesionalismenya, saya percaya matlamat itu akan tercapai.

**DM: Pada keseluruhannya sikap masyarakat terhadap guru jauh berubah berbanding dengan zaman penjajah dan selepas merdeka. Mengapakah ini berlaku?**

**DAAB:** Pada suatu masa dahulu, guru dianggap sebagai orang yang terpelajar, yang berkelulusan tinggi kerana yang menjadi pegawai lain di sesuatu tempat pada waktu itu amat sedikit; yang ada ialah mata-mata dan penghulu. Pegawai-pegawai kerajaan ini sangat berpengaruh di kampung-kampung. Jadi, dalam situasi itu guru telah muncul sebagai pendidik kepada anak-anak, pembimbing dan penasihat kepada masyarakat; kerana dialah yang boleh dianggap sebagai orang yang terpelajar di kalangan orang yang bekerja dengan kerajaan. Tetapi, sekarang banyak individu lain yang dianggap sebagai pemimpin masyarakat seperti pegawai daerah, pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam bidang pertanian, bidang kejuruteraan dan sebagainya. Di samping itu, ahli-ahli yang berhormat bertambah ramai, baik di peringkat negeri, ataupun parlimen. Ini semuanya meramaikan lagi pemimpin yang terpelajar. Dalam konteks inilah nampaknya peranan guru semacam sudah berkurangan, kerana sudah ada suatu 'perkongsian' dengan kumpulan-kumpulan lain.



**DM: Jadi, perubahan ini bukan berpunca daripada sikap guru?**

**DAAB:** Perubahan ini adalah perubahan *historical*. Dalam situasi yang berlainan pada masa sekarang, mungkin guru tidak diperlukan lagi berperanan seperti dahulu, kerana ada orang-orang lain yang juga boleh melaksanakan peranan itu. Yang keduanya, oleh kerana guru mengetahui ada orang lain yang boleh memainkan peranan itu, mungkin mereka sendiri tidak lagi mahu mengambil perhatian berat terhadap hal-hal demikian, walaupun ada sebilangan kecil yang masih aktif. Ada guru-guru dahulu yang aktif dalam politik sudah menjadi pemimpin masyarakat ataupun ahli politik yang terkemuka.

**DM: Oleh kerana perkembangan perindustrian, ekonomi dan sosial yang begitu pesat, kaum guru seolah-olah tertekan sehingga tidak bertanggungjawab seperti dahulu. Betulkah ini berlaku?**

**DAAB:** Itu tidak betul. Tanggungjawab guru sebagai pendidik, sebagai penyampai ilmu pengetahuan tetap ada pada hari ini dan tidak pernah kurang pentingnya daripada zaman dahulu. Yang kita bincangkan tadi ialah berhubung dengan kurangnya peranan guru dan imej yang berbeza dalam konteks mereka sebagai pemimpin masyarakat, sebagai penasihat kepada masyarakat, dan sebagai aktivis untuk kehidupan masyarakat. Dahulu pegawai-pegawai kerajaan dalam kawasan luar bandar hanyalah terdiri daripada guru, penghulu dan mata-mata. Inilah tiga golongan yang tahu lebih banyak hal yang berlaku. Jadi, orang kampung sentiasa meminta bantuan, nasihat dan pertolongan daripada mereka.

**DM: Sekarang peranan guru semacam tidak ketara sangat. Kalau dahulu mereka sanggup datang pada hari minggu misalnya, membuat kerja-kerja sukarela, tetapi sekarang tidak lagi. Apa pandangan Datuk mengenai hal ini?**

**DAAB:** Dalam hal ini, bilangan guru sekarang lebih banyak daripada dahulu. Jadi kegiatan mereka dahulu itu boleh dibahagi-bahagikan. Dahulu bilangan guru kecil, maka mereka terlibat dalam segala-galanya. Sekarang, soal sama ada mereka boleh meluangkan masa untuk kegiatan-kegiatan yang lain, tergantung pada situasi. Pada pandangan saya, soal peranan guru tidak ketara, sebenarnya tidak timbul. Kita lupa, dari segi profesionalisme guru, sebenarnya kemampuan dan keupayaan mereka pada hari ini lebih tinggi dengan adanya segala kemudahan latihan.

**DM: Kejayaan atau kemunduran murid sentiasa dikaitkan dengan usaha guru. Ibu bapa menyalahkan guru bila anak mereka mundur, sebaliknya, membelakangkan guru bila anak mereka maju.**

**DAAB:** Saya tidak tahu ada sikap yang sebegitu. Tetapi, saya beranggapan ibu bapa hari ini lebih mengetahui selok-belok dunia pelajaran, lebih mengetahui akan masalah, peluang dan keperluan pelajaran. Ertinya, ibu bapa hari ini lebih menyedari tentang masalah, keperluan dan peluang yang ada dalam alam pelajaran anak-anak mereka.

**DM: Guru sentiasa dipengaruhi oleh satu-satu perkembangan. Misalnya, bila berlaku pertukaran menteri, mereka terpaksa mengalami perubahan walaupun belum sempat hendak mematangkan sistem yang baru diperkenalkan. Bukankah itu bererti mereka yang menanggung beban?**

**DAAB:** Sebagai contoh KBSR dimulakan oleh Datuk Musa, diteruskan oleh Datuk Sulaiman; saya tidak mengubahnya, ia berjalan sampai sekarang. Saya tidak fikir dasar baru yang saya bawa pada hari ini, yang berkaitan dengan program-program itu, memerlukan masa yang begitu panjang untuk memahami dan melaksanakannya. Apa yang kita perlukan ialah perubahan dari segi penekanan kepada aspek-aspek tertentu dalam pelaksanaan dasar pelajaran kita.

Semua kakitangan swasta ataupun awam sentiasa menghadapi perubahan. Tetapi sebelum dilaksanakan, sebarang perubahan yang hendak dilakukan mestilah dibincangkan terlebih dahulu supaya sesuai dengan kehendak-kehendak perkembangan masa kini.

**DM: Dengan harapan yang begitu tinggi yang kita letakkan pada guru sepatutnya ganjaran untuk mereka juga harus berpatutan. Tetapi sekarang mereka tidak mendapat layanan, gaji dan faedah sampingan yang setimpal berbanding dengan kakitangan kerajaan lain.**

**DAAB:** Yang pentingnya, guru perlu menghayati peranannya sebagai guru dengan lebih bererti dan berhasil; dengan itu barulah dia mencapai kepuasan bekerja. Jadi dalam hal ini, kepuasan bekerja tidak ada hubungkait dengan kemudahan material. Biasanya orang yang bertugas di kawasan pedalaman ada *mission*, dia menjalankan sesuatu dan benar-benar merasakan bahawa kerjanya itu memberi satu kepuasan. Ada orang yang bekerja dalam makmal, bertungkus-lumus mencucuk tikus putih berulang kali sepanjang tahun. Kita berasa pelik, tetapi dia tahu dia sedang membuat sesuatu dan akan menghasilkan sesuatu daripada kajiannya. Dia paling seronok dengan kerja itu. Walaupun begitu ini tidak bermakna kita tidak boleh berbuat apa-apa untuk memperbaiki lagi kerjaya guru, baik dari segi kenaikan pangkat mahupun dari segi kemajuan kerjayanya termasuk latihan-latihan lanjutan. Kita mestilah berusaha supaya melahirkan suatu minat dan kepuasan untuk mereka bekerja.

**DM: Jadi, ertinya orang yang hendak menjawat jawatan guru itu mesti benar-benar sanggup.**

**DAAB:** Mesti berjiwa pendidik. Guru jenis itulah yang akan benar-benar berjaya bukan mereka yang jadi guru sebagai *last choice* atau pilihan terakhir.

**DM: Kalau begitu mengapakah guru-guru pelatih dan juga guru-guru yang sedang berkhidmat masih disekat ataupun kurang berpeluang untuk melanjutkan pelajaran?**

**DAAB:** Perkara seperti ini tidak akan terjadi lagi sekarang sebab kita sudah ubah sistem dahulu. Sesiapa yang hendak melanjutkan pelajaran, kita tidak menghalangnya lagi.

**DM: Jika ramai yang berbuat begini, tidakkah pula berlaku kekurangan guru secara mengejut?**

**DAAB:** Tidak. Sistem dua semester latihan maktab perguruan akan meramai dan mempercepatkan pengeluaran guru apabila ditokok-tambah dengan pengambilan 50 peratus ke atas bilangan pengambilan biasa itu.

**DM: Soal guru menceburkan diri dalam bidang-bidang lain, seperti perniagaan pernah disentuh. Sejauh manakah guru diberikan keizinan untuk berbuat demikian?**

**DAAB:** Apabila guru yang berniaga sudah dianggap sebagai *business man*, itu ertinya ia mengganggu profesionnya. Dari segi peraturan memang salah untuk berniaga kerana kita sudah mempunyai tugas dan tanggungjawab. Saya sendiri kenal secara peribadi seorang guru yang menjadi tauke ayam di Kedah. Setiap hari berpuluh-puluh ekor ayam dihantar ke pasar selepas waktu subuh. Kemudian dia pergi mengajar. Apabila saya tanya mengenai hal ini, dia menjawab bahawa itu adalah cara yang halal untuk menambahkan pendapatannya. Kebetulan ini tidak menjejas kerjanya sebagai guru. Apa yang ditegah ialah berniaga terlalu banyak dan besar sehingga kita terkenal sebagai usahawan dan bukan sebagai guru lagi.

**DM: Bagaimanakah pula mereka yang terlibat dalam politik?**

**DAAB:** Tidak ada siapa yang boleh menafikan sejarah bahawa guru sebagai penggerak dalam politik tanahair, guru sebagai penggerak semangat kebangsaan dan guru sebagai penyumbang utama dalam gerakan nasionalisme yang telah membawa kita ke arah perjuangan untuk menuntut kemerdekaan sehingga berjaya. Kalau kita tidak mengharapkan guru-guru yang berada di kawasan luar bandar yang ada kebolehan, yang ada kemampuan untuk memberi kepemimpinan dalam politik, siapakah lagi yang kita hendak harapkan? Hari ini kita masih terikat dengan sejarah kita itu.

**DM: Akhir sekali, apakah pesanan Datuk kepada guru-guru semua, khususnya mengenai tugas dan tanggungjawab mereka?**

**DAAB:** Kita mesti menyedari bahawa apa juga tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita mestilah dilaksanakan dengan penuh komitmen. Hasil daripada kecemerlangan khidmat kita itu tidak akan dapat dilihat kalau tidak ada komitmen kepada tugas dan tanggungjawab.

Satu lagi, saya harap guru dapat menyedari bahawa peranan mereka itu bukan sekadar satu peranan, tetapi satu sumbangan yang paling bermakna dan berkesan ke arah memajukan sesuatu masyarakat, membasmi kemunduran, membasmi buta huruf dan membasmi kemiskinan. Dengan memberi ilmu kepada seseorang, kita mengajar dan mendidik supaya dia menjadi baik. Itulah satu cara untuk membawa dia ke tahap yang lebih bahagia. Akhirnya kalau peranan guru dilihat dari sudut negara ada hubungkaitnya dengan perpaduan, gurulah yang boleh mengasuh anak-anak kita supaya cintakan tanahair dan bangsa dan supaya ingin berkhidmat kepada masyarakat. Kita akui, gurulah yang dapat menanamkan semangat patriotisme di kalangan mereka bagi mewakili masyarakat hari esok. ●

# 6

# PANDANGAN ANWAR TENTANG AKHLAK

Tulisan ini adalah satu percubaan ringkas membicarakan persoalan akhlak dalam pengertiannya yang luas menurut tanggapan Islam. Akhlak di dalam Islam merupakan intisari utama dalam pendidikan itu sendiri dan asas pembentukan peribadi insan yang terpuji. Masyarakat umumnya menyedari akan masalah keruntuhan akhlak sama ada di sekolah-sekolah, di pusat-pusat pengajian, di kalangan belia-belia atau masyarakat amnya; namun masih terdapat kecenderungan untuk membahaskan masalah moral ini dari sudut terbatas di mana pengertian akhlak dan disiplin difaham secara *superficial* dan dangkal, separuh jalan atau bersifat sementara sahaja. Sesuatu natijah yang berguna akan hanya diperolehi sekiranya masyarakat, terutama para pendidik bersedia untuk membahaskan persoalan ini dengan sikap terbuka dan berupaya pula untuk membebaskan diri dari pengertian akhlak secara sempit, sebagai satu ruang kecil dalam pembentukan peribadi pelaja-pelajar; dan yang hanya menyentuh soal-soal lahiriyah sahaja.

Perlulah ditekankan bahawa andainya masalah tersebut dianggap penting dan mendesak sekali, maka seharusnya terdapat keterbukaan dalam membahaskan masalah dan mendapatkan natijah baru sebagai panduan penyelesaian yang lebih berkesan dan bermakna. Semua pihak - penggubal dan pelaksana dasar, pendidik, ulama dan pelajar - haruslah diharap dapat membahaskan persoalan tersebut. Sesungguhnya tidak mungkin dimimpikan sesuatu penyelesaian sekiranya permasalahannya tidak jelas dan polemik diadakan dalam keadaan serba terkongkong. Kita anjurkan agar takrif akhlak tidak dibatasi dan supaya dihentikan percubaan memonopoli atau membolot tafsiran sama ada melalui amaran atau peraturan. Masyarakat haruslah dianjurkan untuk sama-sama memikirkan persoalan sesuai dengan tradisi ilmu dan kebebasan berfikir yang selamanya menjadi lambang kemegahan masyarakat Islam.

---

(Tulisan ini merupakan kertas kerja yang dibentangkan oleh Anwar Ibrahim di Simposium Pendidikan Islam, anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia, 1978)

Istilah akhlak yang berasal dari istilah Arab *khuluq* (jama') membawa pengertian kelakuan, tatatertib, maruah; bahkan ia mencakup seluruh perbuatan lahiriyah yang dihasilkan dari dorongan batiniyah di dalam diri manusia. Makna akhlak atau moral (Latin: *mores*) mempunyai kaitan dengan istilah *adab* menurut tafsiran yang luas. Pengertian pendidikan dan pembelajaran itu pada hakikatnya ialah usaha menetapkan atau menganjurkan adab. Dalam hubungan ini Prof. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas menyarankan: *"The fundamental element inherent in the concept of education in Islam is the inculcation of adab (ta'dib) for it is adab in the all-inclusive sense I mean as encompassing the siritual and material life of a man that instills the quality of goodness that is sought after."*

Pandangan tersebut diasaskan kepada Hadis Nabi Muhammad (SAW) yang bermaksud: "Tuhan telah mendidik aku; dan Ia telah mendidik aku dengan sebaik-baik pendidikan."[1] Sekiranya konsep ini difahami seperti mana yang sewajarnya, maka tidaklah dinamakan pendidikan andainya pengajaran akhlak dan adab diabaikan. Hinggakan di dalam Islam ditekankan bahawa risalah kerasulan itu sendiri adalah bagi menyempurnakan akhlak yang tinggi dan mulia. Firman Allah (SWT), bermaksud: "Dan sesungguhnya kamu (Muhammad) benar-benar berbudi pekerti (akhlak) yang mulia." [2]

Juga sepertimana yang dijelaskan dalam Hadis Nabi Muhammad (SAW), bermaksud: "Sesungguhnya aku diutus demi menyempurnakan akhlak." Justeru itu juga, ulama-ulama Islam sering menetapkan kewajipan akhlak sebagai memenuhi maksud pendidikan sebenarnya. Hujjatul Islam Imam al-Ghazali menetapkan agar pembersihan jiwa dari akhlak yang rendah sebagai tugas pertama dalam deretan adab dan tugas pelajar. Menurutnya: "... ibadat hati dan mengisi batin dengan ilmu tidak pula sah tanpa lebih dulu membersihkan hati dari najis akhlak yang keji dan sifat-sifat kotor."

Sabda Nabi (SAW), bermaksud: "Dirinya Agama atas kebersihan - iaitu kebersihan lahir batin."[3] Dr. Mohd. 'Athiyah al-Abrasyi menjelaskan tujuan utama dari pendidikan Islam ialah: "... pembentukan akhlak dan budi pekerti yang sanggup menghasilkan orang-orang yang bermoral, laki-laki mahupun wanita, jiwa yang bersih, kemahuan keras, cita-cita yang benar dan akhlak yang tinggi, tahu erti kewajipan dan perlaksanaannya, menghormati hak-hak manusia, tahu membezakan buruk dengan baik ... dan mengingatkan Tuhan dalam setiap pekerjaan yang mereka lakukan."[4] Krisis sosial dan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat secara meluas ini sebenarnya berpunca dari lunturnya keyakinan agama sebagai pegangan dan panduan tetap bagi masyarkat.

Masyarakat yang berabad lamanya dilatih dan diasuh untuk menerima nilai-nilai dan norma-norma hidup tetap yang diyakini sebagai sesuatu yang mampu mengatur hidup masyarakat kini telah dicabar oleh nilai-nilai baru kehidupan Barat. Malangnya, pendidikan sekular Barat yang berjaya mencabar kekuatan hidup beragama dalam keadaan umat yang lemah dan lesu gagal mengemukakan garis atau panduan akhlak yang baru dalam mengatur dasar akhlak yang kuat. Ini disahkan antara lain oleh Prof. Harold H. Titus yang menekankan bahawa: "Pendidikan telah memisahkan dirinya dari warisan rohaniah dari zaman silam tetapi gagal menyediakan satu penggantian yang memuaskan. Akibatnya orang-orang

terpelajar sendiri turut kehilangan pendirian dan keyakinan atau nilai disamping tidak mempunyai satu pandangan duniawi yang menyeluruh." [5]

Akibatnya amat parah sekali bagi masyarakat terutama yang menerima anjuran Barat untuk menolak nilai hidup beragama dan tradisi tetapi gagal menyediakan penyelesaian atau mengemukakan pilihan lainnya. Dan di kalangan masyarakat kita sendiri yang begitu ghairah sekali mempertahankan dan memajukan nilai-nilai Barat tidak cuba pula mengkaji karya-karya ahli fikir dan tokoh-tokoh pendidikan Barat sendiri, yang turut membidas perkembangan ke arah kebendaan secara pesat dan melulu tanpa merasa cemas terhadap kebiadaban yang kian meluas di dalam masyarakat.

Di antara pengkritik terkemuka terhadap sistem pendidikan kini ialah Ivan Illich yang menganggap sekolah sebagai *the "sacred cow"*. Menurutnya, sekolah-sekolah telah berkembang sebagai *"a formidable forklore"*, sekadar mempertahankan kepentingan golongan yang diwakili oleh pemimpin politik dan industri dan oleh itu memperkuatkan kepercayaan masyarakat tentang: "*... the scholastic ideology which reduces education to a combination of classrooms, curricula, funds, examinations and grades.*" [6]

Percubaan untuk membahaskan persoalan akhlak secara yang lebih meluas ialah kerana masalahnya jua adalah mencakup masalah masyarakat. Pelakuan di sekolah-sekolah setidak-tidaknya akan menggambarkan atau mencerminkan masalah akhlak masyarakat seluruhnya. Usaha membanteras jenayah dan kelemahan disiplin di sekolah ada hubungannya dengan soal asuhan di rumah dan di sekolah, nilai-nilai yang dipupuk dalam masyarakat dan sebaran am; suasana yang diwujudkan dan peraturan yang dikenakan.

Jika diteliti kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana Barat berhubung dengan masalah akhlak dan disiplin ini, natijah umum didapati termasuklah apa yang diistilahkan oleh Herbert Marcuse sebagai *the great refusal* - satu penolakan meluas terhadap sistem kebendaan atau yang dianggap mereka sebagai menekan itu.

Menurut Laporan Suruhanjaya Mengenai Belia yang disentuh oleh pemerintah Kanada pada tahun 1971; pemuda-pemuda seolah-olah mencabar nilai-nilai yang sedia ada dalam masyarakat. Laporan tersebut menambah: *"This refusal which ranges from all the way from disenchantment to rejection, is manifest in many ways - the growing absenteeism in high schools, the decline in University enrolment (relative to predictions), the demand of storefront or street services and, especially, the marked increase of all classes of young people."* [7] Dalam kajian lainnya T. Roszal membicarakan mengenai kecenderungan ke arah counter-culture - kebudayaan baru yang mencabar sama ada bentuk keganasan atau dalam kebudayaan sensate yang mengakibatkan generasi muda khayal dengan dadah atau asyik dengan "kebudayaan popular". [8]

Tidak pula dimaksudkan bahawa analisa mengenai "jurang generasi" dan "penolakan meluas" di Barat itu berkaitan secara langsung dengan masalah pelajar dan belia Malaysia; namun perkembangannya seolah-olah menampakkan bahawa gejala tersebut akan kita alaminya sekiranya persediaan kita kurang dan penyelesaian yang dikemukakan itu lemah.

Ia akan sekurang-kurangnya harus menyakinkan kita bahawa persoalan akhlak dan disiplin tidaklah harus dibataskan semata-mata kepada masalah yang dihubungkan dengan rambut, pakaian, ponteng, taat kepada guru serta peraturan sekolah dan universiti sahaja.

Filasuf Muhammad Iqbal merumuskan kritikannya terhadap sistem pendidikan Barat kerana mengakibatkan krisis akhlak di kalangan belia. Dorongan kebendaan terlalu tebal dan lantaran itu mengenepikan pertimbangan rohani dan moral. Beliau bermadah di antara lain: *"My complaint against mentors of the school is this: To eaglets they impart the lesson of earthliness. The worthless men, untrue to themselves, servile to others ..."*

Iqbal meyakini bahawa sistem pendidikan sekular penjajah bertanggungjawab menimbulkan intelegentsia baru yang di samping mengenepikan atau mencemuhkan nilai-nilai tradisi termasuk dasar akhlak dan kerukunan hidup beragama telah menimbulkan sikap baru yang mendewakan kebudayaan dan cara hidup Barat. [9]

Ditinjau dari kenyataan-kenyataan di atas adalah amat mencemaskan sekali bila difikirkan bahawa terdapat di kalangan tokoh-tokoh pendidikan kita dengan mudahnya merasa puas dengan sistem pendidikan Barat dan setià mempertahankan seolah-olah ia merupakan sesuatu yang tetap dan sempurna. Bahkan mereka sinis terhadap falsafah dan idealisme tanpa mengedai bahawa pendidikan bagi sesuatu masyarakat haruslah diasaskan pada falsafah, dan masyarakat pula, khususnya di kalangan muda-mudinya mestilah diasih kearah pencapaian idealisme dalam masyarakat.

Lantaran itu, andainya kita ingin menyelamatkan masyarakat dan pelajar dari masalah akhlak termasuklah permissiveness yang menggunakan istilah liberalisme untuk mengia dan mengesahkan apa sahaja - maka kefahaman akhlak mestilah mencakap pengertiannya yang tradisional secara meluas. Akhlak harus dipupuk dan hanya terbina dalam suasana yang sihat. Dalam hubungan ini filasuf Aristotle sendiri pernah menekankan: *"It must be laid down then that every virtue or excellence has the effect of producing a good condition or that of which it is a virtue or excellence, and of enabling it to perform its function well ... If then this is universally true, the virtue or excellence of man will be such a moral state as makes a man good and able to perform his function well."* [10]

Sesungguhnya *moral state* itu bukanlah sesuatu yang nisbi atau relatif sifatnya dan harus sentiasa dirobah atau berulang kali direka kerana sekiranya ini dilakukan maka ia akan mengakibatkan kekacauan dan krisis nilai dalam masyarakat berterusan. Di dalam Islam moral state itu adalah sesuatu yang tetap berdasarkan ajaran wahyu dan pengalaman hidup para Rasul. Pertentangan dengan *moral state* yang dangkal, tidak rasional "permissive" berlaku sejak awal dalam sejarah Islam kerana *dichotomy* faham akhlak Islam dan faham akhlak masyarakat Jahiliyyah.

Amatlah mengelurukan bagi kalangan yang cuba menyederhanakan persoalan moral ini sebagai sesuatu yang mempunyai persamaan di dalam semua ideologi atau kebudayaan. Meskipun semua masyarakat boleh mengakui tentang adanya faham atau moral tetapi ini tidak pula bererti bahawa faham akhlak itu di tekankan sebgai dasar atau intisari kebudayaan

tersebut. Tidaklah sekali-kali bermakna untuk dipertahankan moral yang tidak didasarkan kepada pertimbangan rasional atau dasar 'akal (aqliyah) semata-mata untuk mencapai maksud toleransi di antara kaum atau agama.

Di kebelakangan ini, sementara penyakit sosial tambah mencemaskan, maka terdapatlah pula saranan agar dimulakan pendidikan moral di sekolah-sekolah. Namun, pengertian moral yang dikemukakan masih dalam pengertian longgar dan hanya berlandaskan kepada tanggapan-tanggapan baru hasil saduran dan gubahan pemikiran. Sebarang percubaan bagi menyelesaikan masalah akhlak secara terbatas dan tidak bersandarkan dasar yang tegas dan tetap sepertimana yang dianjurkan oleh agama sudah tentunya merupakan percubaan sia-sia belaka. Prof. A.K. Brohi menegaskan: "*... unless morality is sactioned by religious consciousness or by religious law, it is impossible to found it on such a flimsy foundation as the ever-shifting sands of a more dialectical argument.*" [11]

Adalah mengecewakan sekali sekiranya masyarakat manusia boleh membelakangkan warisan agungnya yang telah berjaya menggariskan satu dasar akhlak dan kehdupan mulia. Sarjana Jepun, T. Izutsu menyebut bahawa perkembangan akhlak di kalangan orang-orang Arab sesudah Islam amat besar pengertiannya kerana munculnya prinsip akhlak buat pertama kalinya yang cukup konsisten untuk disebut sebagai prinsip. Menurutnya, perkembangan tersebut: "*... was unprecedented event in the spiritual history of the Arabs. In Jahilliyah there were, as we have seen, a number of recognised moral values. But there were just as membro disjecta, without any definite underlyiny principle to support theam; they based almost exclusively on an irrational sort of moral emotion, or rather, a blind and violent passion for the mode of life that has been handed down from generation to generation as a priceless tribal asset. Islam made it possible for the first time for the Arabs to judge and evaluate all human conduct with reference to a theoretically justifiable moral principle.*" [12]

Perubahan besar yang dicetuskan oleh Islam dari peringkat awal lagi tercerna dari kekuatan akhlak dan rohani mereka - kekuatan jiwa yang menguasai tindakan manusia. Akan jelas permahaman mengenainya jika dilihat kenyataan tersebut sebagai fenomena sosiologis yang utama di ketika itu dan kemampuan dorongan darinya di sepanjang masa. Inilah perubahan yang dicetuskan melalui dorongan dan pengaruh al-Quran di setiap jiwa dan pemikiran Muslimin di zaman kemuncaknya. Mereka boleh digolongkan sebagai masyarakat yang menjiwai dan menghayati al-Quran dan justeru itu disebut oleh Sayyed Qutb sebagai aljil ul Qur'ani yul farid (generasi al-Quran yang unik). [13]

Justeru itu, perbincangan mengenai akhlak bukanlah sesuatu yang mungkin dilakukan secara terpisah dari kenyataan hidup masyarakat seluruhnya dan nilai-nilai murni yang wajar dipupuk sebagai kenyataan falsafah hidup beragama di dalam masyarakat. Pemupukan nilai-nilai murni yang wajar dipupuk sebagai kenyataan falsafah hidup beragama di dalam masyarakat. Pemupukan nilai-nilai murni tidaklah harus ditandai dengan peraturan-peraturan yang menunjukkan pengertian disiplin secara dangkal; atau slogan hidup beragama tanpa kesungguhan, atau saranan hidup beragama semata-mata berhubungan dengan *rituals* - ibadah menurut tafsiran yang amat terbatas sekali.

Di dalam Islam, dasar pendidikan mesti juga merujuk kepada contoh ideal - peribadi Rasulullah par excellence sepertimana yang dianjurkan di dalam al-Quran, yang bermaksud: "Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri tauladan yang baik[14] Maka ilmu yang diterapkan dalam sistem pendidikan haruslah faham ilmu yang didasarkan kepada iman dan, "... tujuan menuntut ilmu itu hanya bagi mengasuh, memupuk, menjelmakan kebaikan yang bermaksud keadilan dalam diri insan sebagai insan itu sendiri, dan bukan hanya mengasuh, memupuk dan menjelmakan insan sebagai warganegara, atau sebagai sebahagian kecil, atau serpihan, atau sebagai sebilangan belaka golongan insan bermasyarakat."[15]

Lantaran itu, perbicaraan mengenai soal akhlak dalam bidang pendidikan akan tentunya berhubung dengan sistem hidup (nizamul hayat) Islam itu sendiri - sistem hidup yang didirikan atas paksi tauhid dan yang mampu mencetuskan satu dasar akhlak, peraturan sosial, ekonomi dan kenegaraan. Perbicaraan mengenai sistem-sistem keadilan sudah semestinya merujuk kepada dasar moral. Kerana sesungguhnyalah, menurut Islam, keadilan itu akan hanya mampu ditegakkan sama ada dibidang hak asasi atau ekonomi atas dasar dan prinsip akhlak. [16]

Ditinjau dari pemahaman Islam, saranan mengenai pendidikan akhlak akan hanya bermakna sekiranya merujuk kepada pendidikan agama atau tujuan dan falsafah pendidikan Islam itu sendiri. Usaha-usaha penempelan mata pelajaran "agama" tidak mungkin akan memenuhi maksud pendidikan yang dapat menghasilkan manusia baik, berakhlak mulia dan sempurna seperti yang diistilahkan sebagai *al insan us Salih, al insan ul Kamil.* Namun begitu, usaha-usaha perlulah dijalankan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat serta menginsafkan kita bersama mengenai peraturan akhlak sebagai menyempurnakan tugas orang-orang yang beriman seperti yang difirmankan di dalam al-Quran, bermaksud: "Allah telah menjanjikan kepada orang-orang beriman dan yang beramal saleh, (bahawa) untuk mereka pengampunan dan pahala yang besar." [17]

Kesedaran ini hendaklah dipupuk melalui tazkiyah iaitu latihan yang bersungguh-sungguh dalam menghayati Islam dan kerukunan hidupnya, maksud al-Quran: "Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya). Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya. Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan (tazkiyah) jiwanya itu. Dan sesungguh rugilah orang yang mengotorinya." [18] Juga firman Allah yang bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepada-Nya, dan berjihadlah pada jalan-Nya, supaya kamu mendapat keberuntungan."[19]

Ini bermakna bahawa suasana di sekolah dan di pusat pengajian amnya - di kalangan pelajar dan tenaga pengajar, mestilah dijadikan sebagai suasana beramal, pergaulan dan pembelajaran menurut tradisi ilmu Islam. Dalam soal ini pun, ulama-ulama terdahulu telah menggariskan anjuran secara terperinci mengenai tanggungjawab dan tugas murid dan guru. Al-Ghazali menganjurkan agar guru-guru menunjukkan sikap kasih sayang dan ikhlas terhadap para pelajarnya, melarang secara halus, memberikan pelajaran menurut ukuran

faham murid dan menunjukkan contoh tauladan yang baik kerana: "Bila amalannya berlain dengan ilmunya, hilanglah wibawanya." [20]

Filasuf Ibn Khaldun pernah mengingatkan tentang contoh teladan para pendidik yang memberi kesan yang amat besar sekali kepada para pelajar. Menurutnya: *"... human beings obtain their knowledge and character qualities and all their opinions and virtues either trough study, instruction, and lectures, or through invitation of teacher and personal contact with him. The only difference here is that habits acquired through personal contact with a teacher are more strongly and firmly rooted."* [21]

Kalangan yang insaf harus tampil agar dapat menimbulkan suasana akhlak yang sihat dalam keluarga mereka dan pusat-pusat pengajian mereka melalui contoh peribadi dan golongan serta mempesatkan lagi kegiatan dakwah di kalangan masyarakat amnya.

## Notakaki

1. Sila lihat pengantar buku *Aims of Islamic Education* ed. Syed Muhammad an-Naquib Al-Attas terbitan Universiti Malik Abduk Aziz, Jeddah-Mekah dan buku karangan beliau juga *Islam and Secularism*, ABIM, Kuala Lumpur, 1978.
2. Surah Al-Qalam: 4
3. *Al Ihya' Ulumud Din* Jilid 1 terj. Maisir Thaib, A. Thaher Hamidy, HA Hanifah Z. Pustaka Indonesia, Medan 1973. hlm. 137.
4. *Al Tarbiyat ul Islamiyah* (Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam) terj. H. Bustami A. Gani dan Djohar Bahry, Bulan Bintang, Jakarta, 1970. hlm 108. Juga Ahmad Shalaby, *History of Muslim Education*, Dar al-Kashaf, Beirut, 1954 hlm. 174 - 176 (*Sejarah Pendidikan Islam* terj. H. Muchtar Jahya dan M. Sanusi Latief. Pustaka Nasional, Singapura. 1976. hlm 270-273)
5. Harold H. Titus *Living issues in Philosophy* New York, 1953 h. 420 - 421. Prof. Khurshid Ahmad mengemukakan pandangan tersebut dan beberapa pandangan lainnya untuk menggambarkan sikap cemas tokoh-tokoh pendidikan Barat sendiri terhadap sistem pendidikan mereka. Lihat *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*, ABIM, K. Lumpur 1974.
6. Ivan D. Illich, *Celebration of Awareness*, Penguin 1970, hlm. 107 - 109. Sanggahan Ivan Illich terhadap sistem persekolahan yang dianggapnya mengongkong kebebasan masyarakat, maka dipertahankan tindakan pelajar-pelajar membantah sistem pendidikan kerana: *"... the intuition that schooling has vulgarised education, that the school has become anti-educational and anti-social."* hlm. 109-110. Di halaman 92, Ivan Illich menegaskan: *"... I submit that one of the reasons for the awakerning frustration in the majorities is the progressive acceptanca of the liberal myth, the assumption that schooling is as assurance of social integration."*
7. D. Hunter, P. Bovrdron, and V. Kelly, *Its Your Turn: - A Report to the Sercretary of State by the Committee on Youth*, Information, Ottawa, 1971 hlm. 4.
8. T. Roszak, *The making of a Counter culture: Reflections on the Technocratic Society and its youthful opposition*, Doubleday: New York 1969. C. Reich pula menyebut tentang "Conciousness III" sebagai usaha membina cara hidup sendiri dan kebudayaan baru dalam bukunya, *The Greening of America*, Random House, New York, 1969, hlm. 291.
9. Syed Abu Hasan Ali Nadwi, *Glory of Iqbal*, tr. Mohammad Asif Kidwai, Academy of Islamic Research and Publication, Lucknow, 1973, hlm. 59-69.
10. Saduran dari Louis G. Locke, W. M. Gibson dan George, *Aims Readings for Liberal Education*,

Holt, Rinehart and Winston, New York, 1967, hlm. 627.

11. Lihat A.K. Brohi, *Islam in the Modern World*, Publishers United Ltd., Lahore, 1975, hlm. 25.
12. *The Meccan Crucible*, FOSIS, London, 1978, hlm. 143-147.
13. Sayyid Qutb, *Ma'alim fi-t-Tariq* Cairo, 1966 (terjemahan Inggeris, Milestones, Kuwait 1974). Dr Zakaria Bashier menambah: *"The quality of the Qur'anic guidance itself was intrinsically conducive to the creation and fostering of all that could be beautiful or desirable in a human personality. It is guidance which in both form (language) and content is precise and persuasive."*
14. Al-Ahzab: 21
15. Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas, *Islam - Fahaman Agama dan Asas Akhlak*, ABIM, Kuala Lumpur 1977. hlm. 71-72.
16. Mengenai hak asasi, lihat umpamanya karangan Abdul Ala Maududi, *Human Right in Islam*, The Islamic Foundation, London, 1976 dan *Islamic Law and Constitution*, Islamic Publication Ltd., Lahore 1977. Di bidang ekonomi pula, terdapat kupasan oleh Muhammad Umar Chapra, *Economic System of Islam*, University of Karachi, Karachi, 1971. Sayyid Qutb mengupas persoalan sosio-ekonomi dan politik secara lebih meluas lagi dalam Sayyid Qutb *al-'Adalat al-ijtima'iyya fil-Islam* terj. John B. Hardie, *Social Justice in Islam*, Washington, 1955.
18. Surah Al-Syamsy: 7-10
19. Surah Al-Maidah: 35
20. Al-Ghazali *op. cit* Bab V: Adab pelajar dan pengajar; Ahmad Shalaby *op. cit.* Bab 3 dan 4; Mohd. 'Athijah al-Abrashy *op. cit* Bab 11.
21. Ibn Khaldun, *The Muqaddimah*, terjemahan Frantz Rosental ed. NJ Dawood, Routledge and Kegan Paul, London, 1967, hlm. 425 -426.

# Moral dalam Pimpinan



Bulan yang lepas Dewan Budaya telah memaparkan pendapat Sdr. Adam A. Kadir dan Tan Sri Hajjah Aishah Ghani berhubung dengan isu politik wang. Bulan ini Dewan Budaya menyiarkan dua lagi pendapat berhubung dengan isu tersebut. Sdr. Anwar Ibrahim, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Sdr. Dasir Osman, dari Pulau Pinang telah menyatakan pendapatnya berhubung dengan hal ini dan telah dirakamkan oleh Editor Dewan Budaya, Wan Omar Ahmad. Berikut disiarkan kedua-dua pendapat tersebut.

SEBENARNYA soal isu politik wang ini telah banyak dibicarakan. Saya melihatnya sebagai satu persoalan akhlak, persoalan moral. Tidak ada asas moral untuk kita memimpin, mentadbir sekiranya semangat kita luntur, akhlak kita rendah dan gejala apa yang disebut sebagai politik wang, rasuah, penyalahgunaan kuasa ini berhubung dengan apa yang diistilahkan sebagai kerendahan akal budi. Jadi yang agak memperihatin kita ialah kerana perkara ini mulai menular dalam parti selain daripada rasuah dalam pentadbiran kerajaan, masyarakat dan yang lebih merunsingkan ialah ada sebahagian pimpinan parti dipelbagai peringkat, yang mula *permisive*, mengalah — menerima ini sebagai suatu kenyataan dan kemudian memberikan alasan atau *rasionalise* kerana menurut faham mereka nilai sudah berubah, masyarakat kian sofistikated dan oleh itu hal yang demikian boleh berlaku. Jadi soalnya bukan sekadar untuk membicarakan hal ini tapi yang lebih penting apabila kita membicarakannya, kita sebenarnya meningkatkan kesedaran iaitu mendedahkan pengkhianat dan orang-orang yang rendah akhlak serta menunjukkan bahawa kepura-puraan masih berlaku. Dan sekiranya ini dibiar untuk terus berleluasa, masyarakat akan hancur. Akan berlaku apa yang disebut sebagai keruntuhan akal budi atau *degeneration* moral dan etika.

Saya tahu sebahagian daripada rakan-rakan kita merasa persoalan yang seperti ini tidak perlu untuk dibicarakan kerana sukar untuk dikenal pasti, sukar menjatuhkan hukuman ataupun akan merugikan kedudukan peribadi masing-masing. Kalau kita terlalu sibuk dengan isu politik wang nanti beberapa usahawan tertentu yang nak memperkuatkan atau yang sering diistilahkan sebagai *political fund* tidak akan berani mengunjung kita. Tapi soal asas bagi saya ialah apa asas moral bagi orang ini untuk terus memimpin dan berpura-pura mendukung cita-cita rakyat, membela nasib masyarakat, membawa masyarakat ke arah satu ideal yang lebih baik. Apa guna semuanya ini kalau mereka terus membicarakan soal amanah, soal kebersihan dalam pentadbiran, soal keadilan sosial sekiranya mereka sendiri mengalah dengan perkara-perkara ini.

Sekarang ini apakah tindakan yang boleh dilakukan. Dalam soal ini saya sealiran dengan Perdana Menteri bahawa tindakannya bukan semata-mata berbentuk *legislation* ataupun melalui perundangan. Bukan semata-mata mengadakan peraturan. Tetapi yang lebih penting ialah menimbulkan kesedaran masyarakat dan pendukung parti, pencinta agama dan bangsa yang mesti menolak dengan tegas golongan tersebut. Menolak di peringkat cawangan, bahagian dan kebangsaan. Menolak kepura-puraan yang masih berterusan. Menolak rasuah, menolak pembaziran, menolak keangkuhan kuasa. Inilah budaya yang sebenarnya yang kita nak tonjolkan. Gagasan pemuda dalam perkara ini sangat tegas dan kita telah pun mengemukakan kepada Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri bahawa pimpinan mesti bertindak tegas. Sekarang ini pun ada kes-kes tertentu yang kita sudah ketahui dan ketara justeru itu tindakan perlu diambil.

Oleh kerana tema atau teras penekanan kita seharusnya pendidikan, oleh yang demikian inilah yang diperbanyakkan iaitu kuliah-kuliah umum, kursus-kursus khas di peringkat bahagian, negeri dan kebangsaan dan menggilap kembali semangat, meningkatkan kembali kesedaran tentang idealisme perjuangan. Masalahnya ialah masalah hakisan semangat, luntur akhlak. Ini pokoknya. Golongan muda sepatutnya menjadi golongan yang sedar dalam masyarakat yang boleh membawa perubahan-perubahan. Golongan inilah yang mesti menentang segala macam maksiat dan kemungkaran. ■

# Kini Giliran Musa Hitam - Anwar Ibrahim

Oleh Pemerhati Politik

Biarpun ada nasihat supaya jawatan-jawatan tertinggi dalam UMNO tidak dipertandingkan, tetapi suasana dalam UMNO hari ini seperti sudah menyediakan suatu medan pertarungan yang tidak kurang sengitnya, khususnya di peringkat jawatan Naib Presiden. Dr Mahathir dan En Ghafar mungkin diberikan laluan mudah untuk mengekalkan kerusi masing-masing. Pertandingan untuk merebut dua jawatan tertinggi ini, pasti akan menghancurkan terus UMNO yang ada sekarang, kerana UMNO tidak mampu lagi menghadapi keretakan dan perpecahan di peringkat tertinggi.

Munculnya kembali Datuk Musa Hitam yang tewas hanya 40 undi kepada En Ghafar pada tahun 1987 dulu, akan mencorakkan politik tanahair lebih berwarna-warni. Pengaruhnya terutama di negeri Johor, dan beberapa teman Majlis Tertinggi UMNO yang masih setia dengannya, merupakan platfom yang cukup sesuai untuk membuat come back dalam UMNO.

Menurut mereka yang berkerja keras untuk mempastikan Datuk Musa Hitam tewas dalam pemilihan April 1987, sikap yang ditunjukkan oleh Datuk Musa akhir-akhir ini seolah-olah menunjukkan hubungannya dengan Dr Mahathir sudah mulai mesra dan tidak ada masalah besar lagi.

Akhbar-akhbar dan media elektronik yang begitu kuat mengecam Datuk Musa dulu dilihat memberikan publisiti yang berlebihan kepada tokoh yang dikatakan akan menggugat kedudukan tokoh-tokoh muda yang mula berangan-angan untuk menduduki jawatan tertinggi dalam UMNO dan kerajaan.

Dilihat urutan kerjaya politik pemimpin-pemimpin UMNO, tokoh yang benar-benar hidup berpolitik dan tidak banyak melibatkan diri dengan alam perniagaan ialah Datuk Musa. Oleh itu untuk memperkecil-kecilkan kemampuan Datuk Musa meraih tempat yang selesa dalam UMNO dalam pemilihan yang akan datang, bukannya suatu sikap yang baik bagi musuh-musuh politik Datuk Musa.

Imej Datuk Musa yang dikatakan tidak pernah mempunyai pendirian yang tetap, sekali menentang Dr. Mahathir, sebelumnya bermusuh dengan Tengku Razaleigh, kemudiannya menyatakan kesediaan untuk masuk UMNO tetapi menarik balik, dan akhirnya kembali kepada



Datuk Musa Hitam

UMNO; dieksploit sepenuhnya untuk memberi gambaran beliau bukannya seorang pemimpin yang bersikap tegas dan berprinsip.

Dalam masa yang sama, seorang lagi Naib Presiden UMNO, En Anwar Ibrahim, dikatakan mula menjalinkan hubungan dengan Datuk Musa. Meskipun dilihat mereka ini berbeza pegangan politik terutama mengenai wawasan masa depan politik negara, dan mempunyai penyokong setia yang berbeda dan saling bermusuhan, tetapi dalam keadaan sekarang, menurut pemerhati politik, kedua-dua tokoh itu tidak mampu untuk bertarung lagi. Jalan kompromi mesti dicari.

Anwar Ibrahim dikira sudah mampu membina empayar pengaruhnya dalam UMNO. Tetapi, musuhnya terlalu ramai. Umum mengetahui Anwar tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan tokoh-tokoh tertinggi UMNO selain Dr Mahathir, Daim Zainudin, Rafidah Aziz dan Najib Tun Razak. Masalahnya dengan En Ghafar masih berlarutan, begitu juga dengan Datuk Yusuf Noor dan Mohamad Rahmat. Sanusi Junid yang agak tertinggal itu pun masih menyimpan dendam terhadap Anwar.

Di Pulau Pinang sendiri, pengaruh Datuk Abdullah Badawi, juga seorang lagi Naib Presiden UMNO, jika ditinjau dari pemilihan di peringkat bahagian UMNO Pulau Pinang menunjukan 'orang-orang' Datuk Abdullah lebih ramai yang menguasai kedudukan penting. Hasil kompromi yang diterajui sendiri oleh En Anwar meletakkan 'orang-orang' Anwar di bawah 'orang-orang' Datuk Abdullah.



Encik Anwar Ibrahim

Walaupun begitu, pemimpin-pemimpin UMNO ini tentunya menyedari bahawa wadah UMNO tidak lagi seperti dulu, di mana setiap pemimpin UMNO di peringkat tertinggi seolah-olah sudah menempah kerusi kabinet. Kekuatan parti-parti lawan seperti PAS dan Semangat 46 boleh menggugat keselesaan pemimpin-pemimpin UMNO selama ini. Kalau dulu, sebahagian pemimpin UMNO kecuali di Kelantan, Terengganu dan Kedah, melihat pertandingan merebut ketua bahagian lebih sengit daripada pilihanraya umum.

Kemenangan BN di Pantai Merdeka dan pertambahan undi yang tidak begitu membanggakan bagi calon PAS seolah-olah menafikan kekuatan Semangat 46. Dr. Mahathir sendiri menegaskan bahawa keputusan pilihanraya itu membuktikan kegagalan pakatan PAS-Semangat46-DAP. Pemimpin-pemimpin UMNO suka menggolongkan sekali DAP dalam kerjasama Angkatan kerana isu ini dapat menarik undi orang-orang Melayu kepada UMNO.

Apa pun perkembangan politik semasaa yang berlaku, UMNO terus dibayangi perpecahan yang lebih menggerunkan. Kompromi yang berjaya dilakukan antara tokoh-tokoh UMNO hari ini tidak menandakan mereka bersatu. Berkemungkinan mereka sedang bersiap sedia untuk bertarung dalam pusingan yang lebih hebat lagi daripada pertarungan Dr Mahathir - Tengku Razaleigh. Tetapi kita sendiri tidak pasti apakah di masa itu pemenangnya masih berpeluang menjadi Perdana Menteri ataupun sekadar Ketua Pembangkang di parlimen.

# 7

## WAWANCARA PILIHAN
# PAK LAH MENGGUGAT DALAM DIAM

*Nampaknya Datuk akan mempertahankan kerusi Naib Presiden. Bagaimana kalau Datuk dicalonkan sebagai Timbalan?*
Kita ada orang-orang lama, dan abang-abang tua lagi di atas. Biarlah mereka mendahului.

*Ada juga mahu Datuk dan Anwar Ibrahim sama-sama memegang Naib Presiden, sebagai persediaan masa depan. Tetapi kedua-duanya datang dari Pulau Pinang. Nanti berlaku monopoli dari utara. Apa komen Datuk?*
Walau apapun situasinya saya yakin orang Umno tahu apa yang mereka perlu lakukan dalam pemilihan nanti.

*Tapi pengaruh kedaerahan nampaknya wujud dengan kuat dalam Umno?*
Ya, memang ada juga.

*Pemerhati politik sekarang menduga sudah berlaku dua team dalam Umno sekarang. Team Mahathir/Ghafar/Anwar dan team Razaleigh/Musa/Abdullah Ahmad Badawi. Keduanya dilihat sebagai menuju ke satu pergelutan kekuatan yang bertembung pada April ini (1987). Datuk tentu tak boleh anggap ini sebagai main-main spekulasi sahaja. Bagaimana?*
Pemerhati politik memang ghairah meng*team*kan pemimpin-pemimpin Umno. Kerana mereka ingin melihat persaingan hebat. Kewujudan *team* lebih berupa bikinan orang ramai daripada usaha orang-orang berkenaan. Soal adanya kumpulan-kumpulan ahli menyukai pemimpin-pemimpin tertentu atau sebaliknya setengah-setengah pemimpin disenangi atau tidak disenangi oleh kumpulan-kumpulan tertentu adalah perkara yang biasa berlaku apabila adanya pemilihan. Apa yang lebih penting ialah semua ahli Umno berpegang kuat kepada perlembagaan, prinsip dan matlamat perjuangan Umno.

***Ada orang menganggap pada peringkat ini Datuk sudah bersiap-siap secara mental dan politik untuk menjadi Presiden Umno dalam satu dua penggal lagi. Tidakkah Datuk mempunyai anggapan yang sama?***

Saya tidak mempunyai anggapan yang sama. Yang pentingnya kepada saya ialah bekerja kuat dengan jujur dan berhasil. Selepas itu terserahlah kepada ahli-ahli Umno untuk menentukan tahap kepimpinan yang sesuai untuk saya. Mementingkan hasil kerja mestilah mendahului mengejar *ambition* atau cita-cita tinggi.

*Tetapi Anwar Ibrahm nampaknya semakin rancak dan mencengkam pengaruh di kalangan generasi muda terutama yang religius. Bagaimana peluang Datuk? Kalau Datuk tewas tidakkah ia mempunyai kesan yang jauh dalam karier politik*

Bagi sesiapa juga kejayaan atau kegagalan dalam tindakan yang mereka ambil sudah tentu akan memberikan kesan dalam hidup mereka tidak kira kesan yang baik atau sebaliknya. Kalau kita menoleh kembali ke dalam sejarah Umno ramai yang sudah disingkir tetapi kemudiannya kembali ke dalam arena politik. Dr Mahathir dan Datuk Musa masih ada tempat walaupun mereka pernah disingkirkan. Ghafar Baba yang dianggap orang sudah hampir hendak bersara tiba-tiba kembali mengambil peranan yang lebih aktif berbanding dengan orang yang sedang aktif. Siapa sangka Datuk Musa yang sedang sedap duduk di kerusi TPM dan dijangka orang yang paling dekat dengan kerusi PM akan bertindak meletakkan jawatan? Dan lagi, siapa sangka Tun Hussein, anak Datuk Onn yang sudah dilupakan orang tiba-tiba muncul kembali dan dalam masa yang singkat terus menjadi Perdana Menteri! Dan sebelum itu tidak pernah orang menjangka Tun Razak dalam usianya yang masih muda akan kembali ke rahmatullah. Begitu juga dengan Datuk Harun seorang tokoh yang dijangka akan menjadi calon Perdana Menteri telah menerima nasib yang kita semua maklumi. Dalam politik Umno banyak berlaku perkara-perkara yang memeranjatkan. Banyak berlaku perkara-perkara yang tidak disangka. Kita perlu mengambil iktibar dari setiap kejadian tersebut. Semua orang ada peluang untuk maju dalam politik mereka. Tetapi kita hanya boleh beriktibar, yang menentukan ialah Allah (SWT).

***Kita akhir-akhir ini menghadapi banyak krisis. Apakah ciri-ciri yang patut ada pada pemimpin tertinggi negara ini bagi membawa negara ini ke arah kemakmuran dan menjadi bangsa yang dinamik pada masa depan?***

Kita menghadapi banyak masalah tetapi bukan krisis. Masalah-masalah itu boleh diselesaikan dengan kesungguhan politik dan ketegasan. Jika pemimpin berwibawa, bersih, cekap dan amanah maka tindakannya tentu berhasil. "Lain cakap lain bikin" atau "Cakap tak serupa bikin" adalah sikap dan gaya kerja yang tidak boleh ada pada pemimpin.

***Bagaimana dengan sistem politik di Malaysia sekarang. Kita terdedah kepada kempen politik Umno, MCA dan MIC serta lain-lain komponen BN hampir sepanjang tahun. Pemimpin-pemimpin kita lebih banyak menghabiskan masa mereka untruk berkempen dan mempertahankan imej mereka. Barangkali ini berbeza dengan Singapura yang mengamalkan sistem politik seperti satu parti.***

Bekerja, berpolitik atau berkempen adalah kerja-kerja yang mesti dijalankan dan tak boleh kita mengelakkan daripadanya. Yang penting ialah membahagikan masa dengan wajar kepada kerja-kerja itu. Kalau tak berpolitik dan berkempen kita tak dapat kuasa. Tetapi kalau berpolitik dan berkempen sepanjang masa maka masa yang didapati tidak memberi erti dan tiada menghasilkan pembangunan yang dicita-citakan. Bagi saya memberikan lebih perhatian kepada tugas-tugas rasmi sebagai menteri adalah juga menepati kehendak dan perjuangan parti. Jika kita sibuk dengan politiking itu belum lagi bererti kita sudah membuat sesuatu untuk memenuhi kehendak perjuangan parti. Permainan politik seperti itu sebenarnya adalah untuk kepentingan peribadi. Seseorang ahli politik yang mengetuai sebuah kementerian perlu memberikan perhatian melaksanakan dasar-dasar kerajaan supaya tidak timbul tindakan yang bertentangan dengan dasar parti yang memerintah. Kita tentu biasa mendengar orang mengeluh bahawa dasar kerajaan itu baik tetapi pelaksanaannya lemah dan menyeleweng. Bila berlaku kelemahan dan penyelewengan dalam pelaksanaan dasar maka ini boleh dianggap sebagai disebabkan oleh kurangnya perhatian dan bimbingan daripada menteri yang bertanggungjawab.

***Apa kritikan Datuk mengenai peranan media tempatan hari ini.***
Umumnya saya nampak media kita baik dan bertanggungjawab tetapi ada juga trend ke arah mengambil pendirian memihak kepada golongan-golongan tertentu dan dengan secara halus memperkecilkan usaha-usaha golongan yang lain. Saya berpegang kepada pendapat bahawa *a media should be responsible to the people.* Yakni media mesti bertanggungjawab kepada rakyat yang dahagakan maklumat yang cukup tepat dan benar. Ia juga mesti adil dan saksama, tidak memihak atau *bias* dalam pengolahan atau *treatment* mengenai berita-berita yang diterima ataupun dalam liputan kegiatan organisasi atau pemimpin yang tertentu. Kecenderungan memihak yang ditunjuk oleh sesetengah media biasanya lebih daripada apa yang patut. *Tendency* mereka memihak kepada kumpulan-kumpulan tertentu sehingga bersikap *apologetic* dan *defensive* terhadap kenyataan-kenyataan dan tindakan-tindakan kumpulan-kumpulan dan orang-orang tertentu baik yang dalam *establishment* atau bukan *establishment* adalah buruk. Sikap ini saya kesali.

***(Wawancara ini disusun dari majalah Era, No. 41, 1987)***

## II.

***Ada dakwaan mengatakan perlantikan Datuk sebagai Menteri Luar sebagai usaha untuk mengurangkan pengaruh dan merenggangkan hubungan Datuk dengan Umno.***
Bagi saya pandangan ini tidak wajar kerana ia seolah-olah mempersoalkan kejujuran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membuat perlantikan itu. Kerajaan kita mempunyai peranannya di luar negera. Sudah tentu ada orang yang mesti melaksanakannya. Saya tidak fikir dengan tugas-tugas dan tanggungjawab di kementerian ini akan memisahkan saya dengan Umno.

***Bagaimana Datuk mengatur waktu untuk Umno nanti?***
Saya yakin dapat mengagihkan waktu yang cukup untuk Umno. Saya juga yakin dapat mengaturkan beberapa rancangan supaya saya dapat terus mendekatkan diri kepada Umno. Lagi pula sebagai salah seorang Naib Presiden tentulah saya mempunyai peranan kepada parti yang mesti saya laksanakan. Saya juga yakin orang-orang Umno sendiri tentulah mengharapkan agar saya dapat melaksanakan tugas baru saya di kementerian ini dengan baik. Tentunya mereka juga sedar tugas saya ini memang memerlukan saya lebih banyak berada di luar negara lebih kerap daripada dahulu.

***Selepas pemilihan Majlis Tertinggi Umno lalu semua pihak mengharapkan akan wujud suasana baru iaitu zaman bekerja. Bagaimanakah Datuk mahu mengurangkan politiking di kalangan orang Umno ketika ini?***

Saya berpegang kuat kepada prinsip Kepimpinan Melalui Teladan. Saya akan kekalkan apa yang saya lakukan selama ini. Saya rasa semua orang Umno telah memahami stail yang saya amalkan selama ini. Barangkali apa yang saya lakukan selama ini baik untuk mengurangkan politiking yang berlebihan dalam Umno. Bagaimanapun politiking itu tetap wujud. Mana boleh kita mengharapkan sesebuah parti politik tidak ada langsung suasana itu. Namun, kalau ia dilakukan secara berlebihan sehingga boleh menjejaskan kedudukan dan kekukuhan parti, ini mestilah dielak sama sekali. Bagi saya jika mahu berkhidmat kepada parti, dalam apa peranan sekalipun hendaklah terlebih dahulu pastikan bahawa kita telah berkhidmat kepada parti dan anggota-anggota Umno mengenali kita. Jika kita mahukan sesuatu sehingga terpaksa berhempas pulas memperkenalkan diri, itu susahlah. Masalahnya, jika orang belum mengenali diri, bagaimana kita boleh mengharapkan untuk diberi kepercayaan oleh orang untuk memimpin mereka. Saya yakin orang Umno telah cukup matang menghadapi masalah begini. Mereka sudah tahu siapa pemimpin-pemimpin yang sebenarnya mereka mahukan, sama ada pada peringkat cawangan, bahagian dan pusat.

***Bulan Mei nanti adalah mesyuarat cawangan-cawangan Umno. Apakah suasana yang Datuk harapkan daripada mesyuarat itu nanti memandangkan ia boleh memberi kesan kepada mesyuarat bahagian-bahagian pada 1992 dan MKT Umno 1993 nanti?***

Walaupun perkara ini betul teorinya, tiga tahun adalah jangka masa yang panjang. Berasaskan perkembangan semasa dan faktor-faktor lain boleh mempengaruhi sikap orang-orang Umno sendiri, banyak perkara boleh berlaku dam fikiran orang juga boleh berubah. Jadi tidak perlulah kita melihat pemilihan cawangan dalam konteks MKT Umno 1993. Jika kita mahu dilihat demikian bermakna kita berkempen terlalu awal. Ini akan membawa kepada timbulnya suasana yang tidak baik. Tahun 1993 masih jauh lagi dan apalah faedahnya berkempen sekarang. Kita baru menerima amanah daripada Perhimpunan Agung Umno untuk memimpin Umno. Oleh itu kerja harus didahulukan dan bukannya berkempen.

*(Wawancara ini disusun dari Watan, 16 Mac 1991)*





Anwar (kanan, membelakangkan kamera) semasa berkempen mempertahankan kerusi Ketua Pemuda Umno, dalam perjumpaan dengan wakil-wakil dari Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.



Berkekalankah hubungan Anwar dengan Najib kalau Anwar tidak terpilih sebagai PM?



Ghafar bersama Tengku Razaleigh.



Musa sudah mengalah kepada Ghafar.



Pengerusi tetap UMNO, Tan Sri Sulaiman termenung panjang. Benarkah Anwar akan lawan Ghafar?



Diberitahu Tun Hussein menasihati Dr Mahathir supaya melantik Tengku Razaleigh menjadi TPM tahun 1981.



Meskipun Tengku Razaleigh kini tersingkir dari Umno, tidak mustahil beliau gagal untuk menjadi PM.



Siapa yang memandang ke hadapan? Hanya Tun Husain dan Ghafar. Tun Husain telah meninggal yang tinggal ialah Ghafar.



Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhamad Taib mengiringi Dr Mahathir (kiri) dan Sultan Selangor (bawah). Siapa yang menjadi pilihan beliau, antara Anwar atau Ghafar?






Najib sudah bersedia, Annuar Musa macam mana? Ada hati Annuar Musa nak bertanding sedangkan Umno Kelantan terus berkecamuk?



# 阿都拉潛伏班底山

「喲！又是你？你真的永遠不give up（放棄）的嗎？」拿督阿都拉鑽出他那輛淺藍色的英建車，劈頭就不客氣地這樣招呼我。

「嘿嘿……拿督我只是跑步經過這兒而已，並非特地來纏著你呀！」

阿都拉巴達威用肩上的毛巾擦了擦額頭的汗，低頭望了望身上也是淺藍色的運動裝，再打量一下我幾乎同樣的裝束，也許覺得好笑，終於笑了。

「又會那麼巧？」

濃密鬍子下紅紅的唇一撇一撇，笑得很有男性魅力，像誰？啊！有些兒像「亂世佳人」中的奇勒蓋勃………。



阿都拉巴達威抗議道，有華文報叫我巴達威，怎麼對呢？我是阿都拉，巴達威是我父親，把父親名字用在我身上，This is not fair！

我的確是從山下排屋區跑步上來班底山高貴住宅區，在阿都拉巴達威靠山臨谷的豪華洋樓附近跑徘徊步，等他回來。

他每早都到公園晨運，而且親身駕第二部車子代步。

那時他正「投閒置散」，輕鬆自在。（如今呢？好難……嘛！）

「我知道你無事不登三寶殿，一定有什麼要求！」

「是，拿督，又是請你到報社接受專訪的事兒！」

「又是這檔事兒？我那天都說過啦，到你們報社去，不很好吧？為什麼不來我Office呢？」

「Office都去過啦，還蒙你提供了個頭條……」

兩個月前，阿都拉接受我的獨家專訪，大談「首相繼承人問題不存在」，以巫統副主席身份澄清了江湖甚囂塵上的種種揣測，傳言。

兩年前，我代表先生周報，也是闖進這間房子（經過大約20通電話東南西北追蹤的成果），趁他載小女兒去上跆拳道課前，閃電專訪了他20分鐘，從他口裡套出「教育部長有絕對權力收回委調教職員的成命」的說法。

那一陣子，華小拒受不諳華文教師到任高職，鬧得舉國沸騰，最重的是，當時的教育部長安華一再重申：「公共服務局調派教員，成命發出後，連教育部長也無權收回。」

我就這關鍵，追到了阿都拉，請他憑曾經擔任教育部長的經驗，對新任教長的話置評。

他先未察覺，後來知我「針對」安華，卻也淡淡帶過：「不要緊，誰做教長都好，都可以收回成命的……」

但，從他緊鎖的眉頭，可以看出他已經開始不勝其煩。

但，人一旦熟絡了，肯定好談得多，像現在，巫統副主席站在車子旁，談得像多年老友：

「喲，說起首相繼承人那篇專訪，你不是答應我，翻譯給我看的嗎？」

「我……還抽不出時間，對不起，拿督，不過，那份報紙都送了給你，封面頭條彩色圖照，圖文並茂，引人注目！」

「這樣更糟，人人都知道我在講首相的事情，我本人卻不知道你寫的是不是我講的，還有，首相會有人翻譯給他看的，而我始作俑者，仍蒙在鼓裡，This is not fair（這不公平）！」

「是，是……」

「這樣吧，」阿都拉點點頭：「我進去準備好，就要出門，你去多跑幾個圈再回來，看看怎樣。」

我急忙跑下山，回家取了車，帶備「資料」再去到他家門，他正坐著司機駕的13號寶馬房車，徐徐退出閘門。

我上前去，他搖下車鏡，我遞上另一篇專訪的剪報：「拿督，到報社進行訪問的形式是這樣的！」

「又是我看不懂的東西，」還是掃了幾眼！微微一笑：「李金獅談些什麼？」

我略加解釋。

阿都拉凝神深思，雙眸閃了閃，看起來，這時穿上黑色西裝的他，神采註重外添兩分俊逸，端的有型有款。

「嗯……」他微微點頭：「還好，這樣吧，你先把李金獅這篇，連同首相那篇一併譯給我看先，再決定要不要去報社接受訪問吧！」

見我沉吟著：「小心為要，我很怕報章寫得不翔實……你們華文報還好，不過，哦，我記起了，有華文報叫我巴達威，怎麼對呢？我是阿都拉，巴達威是我父親，把父親名字用在我身上，This is not fair！」

說到後來，阿都拉輕笑著我只好陪著笑，聯想起：新聞部長莫哈默拉末也有同樣的奇遇。

「再聯絡，我得趕時間呢！」

13號寶馬急馳而去，留下我喃喃著：

「聽說巫統最高理事會今天開會談內閣重組問題，由首相主持……大局。」□

方悟

# 8

# MUSA KEMBALI
## SIAPA PULA YANG CEMAS?

Untuk mencari pasangan atau regu dalam politik tidak semudah yang disangka. Regu Almarhum Tunku Abdul Rahman dengan Tun Razak, kemudiannya Tun Razak dengan Tun Dr Ismail, seterusnya Tun Razak dengan Tun Hussein dan selepas itu Tun Hussein dengan Dr Mahathir, meskipun kelihatan mantap dan serasi tetapi banyak juga masalah yang timbul antaranya. Dan apabila regu Dr Mahathir - Musa Hitam, atau lebih dikenali sebagai 2M, ramai pihak merasakan inilah kombinasi yang paling serasi. Di kala itu ramai orang memikirkan bahawa yang menjadi teraju utama negara ialah Dr Mahathir bersama Musa, bukannya PM seorang, seperti lazimnya. Gambar kedua-dua tokoh harapan bangsa ini digandingkan. Penganalisa politik menyifatkan kemenangan cemerlang BN dalam Pilihanraya Umum 1982 banyak berpunca dari faktor kepimpinan 2M. Menurut Dr Jomo dan Shabery Cheek, pimpinan baru Dr Mahathir - Musa diperkenalkan oleh akhbar sebagai pimpinan 2M, sebagai permulaan era baru: "Kedua-dua mereka menuntut di universiti tempatan dan datang dari rakyat biasa, tidak seperti Perdana Menteri yang terdahulu yang datang dari keluarga bangsawan atau kerabat diraja, mendapat pendidikan lanjutan dari luar negeri. Pemerintahan baru itu telah membebaskan ramai tahanan politik di bawah ISA oleh pentadbiran terdahulu. Beberapa perubahan polisi baru diperkenalkan seperti sistem kad perakam waktu, penggunaan lencana tanda nama oleh kakitangan kerajaan, masa yang sama antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan yang utama ialah slogan "bersih, cekap dan amanah" untuk pentadbiran, memberi kesan bahawa pimpinan 2M begitu serius membanteras pecah amanah dan lain-lain penyelewengan, di samping menekankan keberkesanan dan tanggungjawab dalam pentadbiran."

Dari segi sejarah, kedua-dua mereka bersahabat sejak tahun 1960-an lagi. Menurut Nurshumiza Yusof, dalam bukunya *Siapa Selepas Mahathir*: "Kedua-duanya sudah lama mengenali satu sama lain. Kedua-duanya bukan saja menempuh gelora politik sendirian bahkan dua serangkai ketika itu kurang disenangi oleh Tunku Abdul Rahman. Akibat dari kelantangan, Dr Mahathir telah dipecat dari Umno, hasil keputusan mesyuarat Majlis

Tertinggi yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri, tanpa kehadiran Tunku. Datuk Musa yang memegang jawatan Pembantu Menteri kepada Timbalan Perdana Menteri juga dipecat dari jawatannya. Datuk Musa berlepas ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran. Dr Mahathir pula sebaliknya bertindak semakin lantang mengkritik kepimpinan Tunku, sehingga mendapat label "ultra" atau pelampau. Kebetulan pula beliau sangat popular di kalangan pelajar universiti dan sering diundang untuk memberikan ceramah. Di waktu inilah juga persahabatannya dengan Anwar Ibrahim, yang ketika itu menjadi pemimpin mahasiswa Universiti Malaya mulai terjalin. Meskipun Dr Mahathir memerlukan kawan untuk meneruskan perjuangan, Musa yang sepatutnya menjadi sahabat seperjuangan sebaliknya berada jauh di luar negeri."

Kini, setelah menempuh liku-liku politik yang mencabar, bermula dari perletakan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri awal 1986, kemudiannya gagal mempertahankan jawatan Timbalan Presiden Umno pada tahun 1987, tidak menyertai Semangat 46 bersama Tengku Razaleigh, meletakkan jawatan Ketua Penaja Umno (Baru) Segamat, masuk Umno (Baru) ketika Dr Mahathir dirawat di Hospital Besar Kuala Lumpur, dan akhirnya mengumumkan persaraan dari kancah politik, namun tidak ramai yang percaya Musa benar-benar mengundurkan diri dari politik. Di kala orang membincangkan dengan serius pengganti Dr Mahathir yang tidak jelas ini, nama Musa timbul tenggelam. Teraju kepimpinan Umno yang sepatutnya diisi oleh Musa ataupun Tengku Razaleigh tiba-tiba kehilangan mereka berdua sekali gus. Kini Tengku Razaleigh sudah menjadi Presiden Semangat 46. Ghafar masih dikira sebagai pemimpin sementara menunggu hujan teduh. Politik Umno seperti kehilangan seri tanpa Musa. Namun ramai pula menyalahkan Musa, bagi mereka tindakan Musa selama ini menyebabkan Umno terus berpecah dan bergolak. Musa tidak mengambil pendirian yang tetap, sering membuatkan ahli-ahli Umno keliru. "Musa terlalu banyak politiking," kata bekas penyokongnya.

Semakin ramai yang mengharapkan Musa benar-benar berpegang dengan kenyataan yang dibuatnya sendiri, kerana gelagat politiknya yang sukar dibaca, semakin ramai juga yang secara diam-diam merasakan peluang Musa kembali aktif dalam Umno terbuka. Pemimpin-pemimpin muda yang disebut-sebut, iaitu Anwar dan Abdullah Badawi, mempunyai kelebihan dan keistimewaan tersendiri, tetapi dirasakan belum cukup kuat ketahanan dan pengalaman untuk menerajui Umno dan negara. (Majalah *FEER* juga merasakan begitu, lihat artikel tentang Musa). Musa sudah berulang kali menegaskan bahawa dia sudah bersara dari politik, tetapi cakap orang politik hendaklah juga ditafsirkan dari sudut politik. Musa mungkin tidak akan menawarkan diri bertanding apa-apa jawatan, tetapi orang-orang yang suka kepadanya akan cuba mencari ruang untuk menjemput semula Musa. Namanya kembali disebut secara serius apabila dilaporkan oleh *Malaysian Business*, majalah yang ada kaitan langsung dengan Umno kem Anwar, bahawa satu pertemuan eksklusif, antara tokoh-tokoh utama Umno seperti Abdullah Badawi, Sanusi Junid, Mohamad Rahmat Muhyidin Yasin, Shahrir Abd. Samad, Tamrin Ghafar diadakan di Singapura. Meskipun ada antara tokoh-tokoh tersebut menafikan, berita penafian itu boleh diterima dan boleh juga ditolak, jika difahami senario politik hari ini.

*Watan*, 23 Februari 1992 melaporkan: "Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam disebut-sebut bertanding salah satu jawatan Timbalan Presiden atau Naib Presiden Umno, dalam pemilihan Majlis Kerja Tertinggi Umno 1993. Ada yang berkata Datuk Musa bakal menjadi *political option* sekiranya berlaku kemelut dalam pemilihan Timbalan Presiden jika ada pertandingan menentang Encik Ghafar. Tetapi bagi jawatan Naib Presiden, Datuk Musa mungkin menjadi pilihan utama, di samping merancakkan lagi percaturan merebut jawatan itu di kalangan tiga orang tokoh Naib Presiden yang sedia ada. Pendapat ini meletakkan Datuk Musa sebagai pemimpin yang mempunyai *bargaining power* di kalangan kem-kem yang wujud dalam Umno dan kem yang disebelahinya bakal mendapat kemenangan dalam percaturan itu. Dalam melobi, pengikut Anwar Ibrahim mendakwa Datuk Musa menyebelahi pemimpin tersebut berdasarkan pertemuan antara kedua pemimpin yang pernah diadakan sebelum ini. Manakala Abdullah Badawi dikaitkan hubungan antara murid dengan guru yang seiring dan tidak pernah berbalah pendapat. Begitu juga dengan Sanusi sebagai rakan seperjuangan yang masih akur dengan rentak politik Datuk Musa. Dalam erti kata lain salah seorang Naib Presiden sekarang ini bakal terkeluar dalam pemilihan tahun hadapan dan tidak mustahil mendesak seorang dari mereka bertanding jawatan Timbalan Presiden menentang Encik Ghafar Baba. Untuk mendapat pencalonan dari mana-mana bahagian bukan masalah besar bagi Datuk Musa, tetapi sifat pemimpin itu lebih suka penonjolannya didatangkan dari rakyat, maka beliau terpaksa mencari satu platform untuk membolehkan dirinya muncul sebagai pemimpin rakyat. Datuk Musa yang tiga tahun berdiam diri dari arena politik negara kerana melaksanakan tugas sebagai Duta Khas ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mahukan satu kejutan supaya cakap beliau untuk bersara dari politik tidak menjadi ungkitan. Menurut beberapa pemerhati politik, Datuk Musa akan menggunakan cara yang sama sebagaimana beliau menyertai Umno dengan menjadikan Resolusi Melayu Johor sebagai platform. Tetapi kali ini platform yang diperlukan Datuk Musa bukan lagi bersifat kenegerian, sebaliknya melibatkan Melayu secara menyeluruh. Kemungkinan rangka untuk tujuan ini sedang dicipta dan menanti masa sesuai."

Selepas itu dilaporkan mesyuarat Umno bahagian Segamat, di mana Musa selaku ketuanya, pada 3 Julai 1992 mengeluarkan satu deklarasi tidak akan membenarkan Musa bersara dari politik. Menurut Jamaluddin Aziz (*Watan*, 12 Julai 1992) yang mengulas mesyuarat tersebut: "Sesungguhnya Umno bahagian Segamat melambungkan bola untuk membolehkan Datuk Musa terus beraksi dalam gelanggang. Kini tidak ada sebab bagi Datuk Musa hendak berundur atau memencilkan diri apabila Umno Segamat sudah menjadikannya satu deklarasi. Timbalan Ketua Bahagian Haji Osman Jais berkata, Datuk Musa mengetahui bahawa Umno Segamat akan membawa usul menghalang beliau bersara dari politik. "Beliau tidak menghalang atau membangkang usul tersebut kerana ia datang dari orang ramai, malah Datuk Musa sendiri berkata terpulang kepada Umno Segamat," kata Osman. Seorang perwakilan yang sempat ditemui memberitahu tentang sekeping surat Datuk Musa kepada Haji Osman Jais yang menyatakan pendirian beliau terhadap Umno Segamat. Perwakilan itu memberitahu bahawa Datuk Musa bersetuju dengan sebarang keputusan yang diambil oleh mesyuarat Umno bahagian Segamat. Ketidakhadiran Datuk Musa (di mesyuarat itu) menimbulkan seribu satu macam pertanyaan, lebih-lebih lagi kehadiran Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi merasmikan mesyuarat

agung itu. Jika benar Datuk Musa mendapat pencalonan bertanding jawatan Naib Presiden Umno, mungkinkah beliau akan menjadi regu kepada Datuk Abdullah Ahmad Badawi pada tahun depan?" (Mesyuarat perwakilan Umno Segamat selalunya dirasmikan oleh pembesar Umno. Tengku Razaleigh sebelum bertanding dengan Musa dulu pernah merasmikannya, begitu juga pada 27 Februari 1987; Tengku Razaleigh berucap: "Saya 'nak menumpang tuah Datuk Musa, mana tahu kalau-kalau Datuk Musa menang, saya tumpang menang sama." Ghafar Baba juga pernah. Malah Dr Mahathir sebelum menjadi Presiden Umno pun pernah juga).

Persoalan besar sekarang, bolehkah ahli-ahli Umno, khususnya di luar Johor, menerima semula kemasukan Musa untuk memimpin Umno? Bolehkah Musa diyakini dapat mentadbir negara dengan tabah, tidak mudah merajuk dan membuat karenah politik yang tidak perlu, dan meneruskan rancangan penerapan nilai-nilai Islam? Sesungguhnya selama ini imej Musa mengenai Islam antara yang terburuk di kalangan pemimpin tertinggi Umno. Bagi pendukung gerakan Islam, Musa boleh bertindak apa sahaja menghalang kemaraan perjuangan Islam. Mungkin sangkaan ini tidak betul, tetapi itulah andaian yang dibuat. Di samping itu, dapatkan hati Dr Mahathir dilembutkan, mengenangkan kritikan dan kecaman pedih yang dihalakan oleh Musa kepadanya selama ini, di dalam dan di luar negeri (rujuk kenyataan Musa di Hong Kong). Dan seterusnya bolehkah Dr Mahathir yang dikenali sebagai orang yang sukar memaafkan kesalahan orang lain melupakan segala-galanya? Di samping itu, selain tokoh-tokoh Umno Johor, bolehkah pemimpin-pemimpin kanan Umno, seperti Ghafar, Anwar, Abdullah Badawi dan Sanusi memberikan laluan mudah kepada Musa, sedangkan mereka sendiri sudah dekat dengan kemuncak kerjaya politik masing-masing? Mungkinkah, sebagai satu strategi menghadapi peningkatan Anwar, Ghafar bersama Abdullah Badawi dan Sanusi akan membentuk satu *team* dengan Musa? Musa pernah dituduh menaja Syed Hamid Albar menentang Anwar sebagai Ketua Pemuda Umno. Tetapi, siapa yang lebih memerlukan siapa? Apakah Ghafar bersama Abdullah Badawi dan Sanusi tidak mempunyai kekuatan untuk melemahkan kedudukan Anwar seorang itu? Walhal, Musa yang lebih memerlukan tokoh-tokoh saingan Anwar ini. Lagi satu, walaupun Musa rapat dengan Pak Lah, dan tidak ada sebab yang besar untuk bermusuh dengan Ghafar, sekiranya Anwar boleh memberi laluan yang lebih selesa kepadanya, apakah penghalang besar untuk Musa menyebelahi kem Anwar?

"Kumpulan saingan Anwar mesti memikirkan strategi bersama untuk menentang Anwar yang didukung kuat oleh Dr Mahathir. Dalam hal ini Sanusi boleh menjadi penganjurnya. Musa hendaklah melupakan tindak-tanduk Sanusi kepadanya selama ini. Sanusi juga harus menerima hakikat bahawa Pak Lah berada di atasnya, maknanya Sanusi jangan terlalu berangan-angan akan dilantik oleh Ghafar menjadi TPM. Orang-orang Musa rasanya boleh menerima Pak Lah sebagai pemimpin mereka. Benar atau tidak, siapa yang dianggap bekas orang Musa, kini dilabelkan sebagai orang-orang Pak Lah. Mereka sering dianaktirikan oleh Anwar dengan mendapat restu Dr Mahathir. Apa pun faktornya, ingat peranan yang boleh dimainkan oleh Sanusi. Sanusi adalah lawan sebenar Anwar," seorang teman memberikan ulasannya.

Meneliti tahap-tahap awal penglibatan Musa dalam politik, ia boleh dianggap menarik. Dalam wawancaranya dengan *Utusan Malaysia*, 31 Mei 1981, Musa menjelaskan: "Sebenarnya sejak di bangku sekolah lagi saya selalu menggambarkan diri saya sebagai seorang yang mahu aktif dalam politik. Maklumlah saya tinggal di Johor Bahru di mana Johor Bahru waktu itu merupakan pusat pergolakan politik kerana Umno dilahirkan di sini dan ibu pejabat Umno juga terletak di bandar itu. Saya masih ingat semasa saya berumur dalam lingkungan 15 dan 16 tahun, saya melawat Dewan Undangan Negeri Johor. Di sana saya melihat bagaimana Datok Sardon Jubir berucap berapi-rapi sambil mengetuk-ngetuk pembesar suara yang besar kerana beliau membuat bantahan atas pembesar suara itu tidak berjalan dengan baik. Saya juga masih ingat dalam pilihanraya perbandaran Johor Bahru, saya turut mengikuti ucapan Allahyarham Tun Dr Ismail kerana ucapan itu dibuat di hadapan sekolah saya, Sekolah Rendah Tambatan Tinggi Nong Chik. Selepas Tun Dr Ismail turun saya mendapatkan beliau dan terus bertanyakan beberapa soalan. Saya juga melihat kehebatan pertandingan di antara Allahyarham Datuk Onn Jaafar dan Allahyarham Datuk Sulaiman Abdul Rahman dalam satu pilihanraya di Batu Pahat."

Musa pernah bergiat dalam GPMS dan dipilih sebagai setiausaha bagi benua Asia, sekretariat Mahasiswa Antarabangsa. Dengan itu beliau berpeluang menjelajah seluruh dunia. Semasa mengarah satu seminar bagi ketua-ketua pelajar Asia di Colombo, Musa berjumpa dengan Perdana Menteri Sri Lanka, Bandaranaike: "Inilah pertama kali saya berjumpa dengan seorang Perdana Menteri dan menteri-menteri dari sebuah negara sedang membangun. Dalam pertemuan di rumahnya, Perdana Menteri Bandaranaike telah berbual panjang dengan saya dan selepas itu membawa saya dengan keretanya ke Parlimen dan memperkenalkan saya dengan menteri-menterinya." Musa juga pernah berdebat dengan Lee Kuan Yew di atas pentas forum di Universiti Malaya. Antara kerjayanya dalam Umno yang banyak membantu ialah tugasnya sebagai setiausaha kerja. Beliau terlibat dalam proses penyusunan semula ibu pejabat Umno di mana jentera pentadbiran telah diperkenalkan dengan satu sistem pentadbiran yang lebih kemas hingga ke peringkat bahagian dan cawangan. "Saya bernasib baik kerana konsep setiausaha kerja di waktu itu berlainan dari konsep sekarang. Di waktu itu saya lebih bebas bukan setakat terlibat dalam persediaan mesyuarat agung tahunan, tetapi saya juga diarahkan merasmikan mesyuarat bahagian. Saya juga diarahkan mewakili Umno dalam majlis dialog, perbahasan politik dan juga ucapan-ucapan politik," cerita Musa kepada *Utusan Malaysia*.

Menjelang pertandingan antara Tengku Razaleigh dengan Musa Hitam merebut jawatan Timbalan Presiden Umno, 26 Jun 1981, suatu pertandingan yang paling mendebarkan dalam kerjaya Musa, S. H. Alattas melontar sebuah buku dengan tajuk yang menggemparkan *Siapa Selepas Musa?* Ketika itu tiada siapa berani meramalkan siapa pemenangnya, tetapi S. H. Alattas memeranjatkan perwakilan kerana telah memastikan bahawa kemenangan di pihak Musa. Menurut S. H. Alattas, yang juga suka digelar Nujum Pak Belalang: "Musa Hitam menurut firasat: mukanya tenang bersih, dahinya luas, matanya besar jernih. Tidak ada cacat cela dan kekurangan sifat di mukanya. Dadanya bidang, tingginya sedang. Orangnya berhemah tinggi, seorang ahli politik yang matang, mempunyai semangat, berani, cekal hati dan tenang, tidak terburu-buru dan tamak. Memang tepat sekali Dr Mahathir memilih pasangannya. Orang yang duduknya sama rendah, berdirinya sama

tinggi. Kalau jodoh pertemuan (perkahwinan) inilah pasangan yang bahagia. Seperti telaga di bawah bukit, sependapat, mudah berunding, sama-sama tahu apa yang mereka mahu dan ke mana arah yang dituju."

Dr Mahathir menyokong penuh Musa dalam pertarungan itu. Musa mendapat 722 undi, sementara Tengku Razaleigh, 517. Pertandingan berulang lagi pada tahun 1984, Dr Mahathir secara jelas mendukung Musa; Musa menang 744 berbanding 501. Harun Idris mendapat 34 undi. Difahamkan Dr Mahathir telah memberi amaran kepada Tengku Razaleigh supaya jangan bertanding Timbalan Presiden, bagaimanapun tidak dihiraukan oleh Tengku Razaleigh. Dari pandangan Dr Mahathir, pencalonan Tengku Razaleigh untuk kali kedua itu adalah cabaran ke atas kepimpinan beliau sendiri. Rombakan Kabinet berikutnya menyebabkan Tengku Razaleigh dipindahkan ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Abdullah Badawi, orang kanan Musa dinaikkan ke Kementerian Pelajaran. Musa kekal di Kementerian Dalam Negeri. Di Perhimpunan Agung Umno, 1985, perbualan mengenai renggangnya hubungan Dr Mahathir - Musa hangat dibincangkan, tetapi kedua-dua mereka menafikannya. Lima bulan kemudian, pada 27 Februari 1986, Musa menghantar surat perletakan jawatan dari Kabinet. Difahamkan Dr Mahathir dan Musa tidak mempunyai kata sepakat dalam banyak polisi, termasuk Dasar Pandang ke Timur, projek mewah, rancangan penerapan nilai-nilai Islam dan tidak puas hati Dr Mahathir terhadap peranan yang dimainkan oleh Musa dalam kes Memali dan krisis di Sabah semasa ketiadaan Dr Mahathir. Musa juga menghadapi masalah besar dengan Sultan Johor, Sultan Mahmud Iskandar Shah, yang baru sahaja dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong. Musa pernah dimalukan di hadapan umum, di Masjid Negara (Julai, 1984), ketika Hari Raya. Yang di-Pertuan Agong meminta Musa bangun dan memohon ampun secara terbuka darinya. Siaran langsung TV ketika itu diputuskan tetapi tidak bagi radio. Ia ada kaitan dengan krisis perlembagaan yang melibatkan Raja-Raja Melayu.

Dalam suratnya kepada Dr Mahathir, yang kemudiannya disebarkan secara meluas, Musa memberikan lima sebab penting mengapa dia meletakkan jawatan: "Pertama, prinsip saya berkhidmat, dan menjalankan tugas berasas kepada kepercayaan penuh, komitmen dan dengan sukacita saya sendiri. Komitmen sudah merosot kerana tidak dipercayai dan kegembiraan sudah menjadi duka. Kedua, walaupun saya buat sesuatu dengan cara apa pun, saya akan berbuatnya dengan takut-takut ditohmah atas motif kepentingan politik saya sendiri. Ketiga, kenyataan-kenyataan umum beberapa orang menteri dan saudara sendiri (Dr Mahathir) atas "pihak-pihak tertentu yang cuba memecah belah, menjatuhkan kerajaan serta kita tahu siapa dia di dalam dan di luar parti" yang mencemarkan nama baik saudara (Dr Mahathir) sebagai Perdana Menteri dan kata-kata khusus bahawa *"Doctor cannot work together with Musa anymore but cannot do anything because Musa is too powerfull now ...."* Semua ini menekan fikiran saya. Tambah lagi aktiviti-aktiviti komando-komando dengan rancangan-rancangan khusus mereka merisau fikiran saya atas potensi dan bahaya kita berpecahg belah dan saya dilibatkan. Keempat, lagi lama saya terus memegang jawatan, lagi hebat tohmah menohmah berterusan. Kalau saya terus bekerja kuat, ini akan disalah tafsir, kalau sebaliknya, lebihlah lagi. Sebenarnya, saya bercadang meletakkan jawatan sebaik saya pulang dari Davos, Switzerland. Tetapi saya telahpun meminta supaya lawatan saudara ke Johor pada 20 dan 21 Februari disambut secara besar-besaran dan

dijayakan. Kelima, dengan saya meletakkan jawatan sekarang, ini akan membolehkan saudara percaya penuh bagi membantu saudara berhadapan dengan rakyat nanti. Ini akan mengekalkan juga perpaduan parti dengan saya sendiri tidak menentang saudara atau mengecam saudara." Musa juga berkata, beliau sudah letih dengan mainan politik wang dan penyalahgunaan kuasa dalam Umno.

Seluruh negara terkejut dengan pengumumannya itu. Dr Chandra menyifatkannya sebagai *"indicates that there is a serious leadership crisis in Umno and the government. Umno and the government should opt for a more open and democratic approach to the challenges facing in the nation. It this approach that has characterised Datuk Musa's leadership. He is one of the more sober and rational leaders in power today. It would be a pity if as a result of this conflict, his services are lost to the nation"*. "Orang kanan Musa", Abdullah Badawi (1987) mengulas: "Kalau saya ditanya apakah wajar beliau bertindak begitu. Jawabnya tidak wajar. Tapi apa juga tindakan yang diambil ada risiko dan kesan buruk-baiknya. Setiap apa yang berlaku, apatah lagi dalam perkara yang besar mendatangkan masalah. Sedikit sebanyak, perletakan jawatan oleh Datuk Musa ada menimbulkan masalah. Bukanlah pula saya bermaksud untuk mempersalahkan Datuk Musa dalam perkara ini. Datuk Musa sendiri tentulah ada pertimbangannya sendiri sebelum dia membuat sesuatu tindakan. itu adalah hak Datuk Musa yang lebih arif dan mengetahui. Hak tersebut perlulah dihormati."

Musa pula meninggalkan negara ke Makkah, menunaikan umrah, dan kemudiannya meneruskan penerbangan ke London. Berikutan mesyuarat tergempar MKT pada 28 Februari, delegasi empat orang menteri besar dihantar ke London untuk memujuk Musa. Musa hanya menerima semula jawatannya sebagai Timbalan Presiden Umno dan Ahli Parlimen. Meskipun umum menjangkakan Musa akan melakukan serangan dan cabaran besar terhadap Dr Mahathir, tetapi Musa tetap *low profile*. Dalam Pilihanraya Umum 1986, Musa terus terpilih sebagai calon Umno. Selepas itu bermulalah era paling menarik dan mendebarkan dalam sejarah politik Umno, apabila Musa dan Tengku Razaleigh berganding menentang Dr Mahathir. Masing-masing saling merasmikan mesyuarat Umno Gua Musang dan Segamat. Seperti umum memaklumi mereka tewas dengan majoriti tipis. Bagaimanapun Abdullah Badawi mengekalkan kerusi naib presiden. Hanya sembilan calon Team B, yang bertanding merebut 25 kerusi MKT, berjaya. Musa mengingatkan, "jagalah Umno baik-baik". Pada 25 Jun 1987, seramai 12 orang ahli Umno mengambil tindakan mahkamah dengan mendakwa seramai 78 daripada 1,479 perwakilan yang mengundi adalah perwakilan tidak sah. Dan oleh kerana sekiranya ada perubahan undi di kalangan 22 orang perwakilan yang menyokong Dr Mahathir dan Ghafar sudah cukup untuk memenangkan Tengku Razaleigh dan Musa, maka mereka meminta pemilihan baru dibuat. Rasanya tidak perlu dijelaskan perkembangan berikutnya hingga Umno diharamkan, penubuhan Umno (Baru) dan seterusnya. Yang jelas Musa tidak terus memisahkan dirinya dengan Umno, dia seperti cuba membuktikan bahawa segala tindakannya itu tidak terkeluar dari kerangka Umno. Menjelang Pilihanraya Umum 1990 yang menyaksikan kebangkitan Semangat 46, Musa mengambil sikap tidak menyusahkan Dr Mahathir. Sekiranya Musa menyebelahi Tengku Razaleigh, tidak mustahil Umno boleh tergugat di Johor. Orang-orang Musa, seperti Shahrir, juga bertindak seperti Musa, walaupun mereka tidak bertanding. Dari segi ini, agak sukar pihak lain hendak

mempertikai kesetiaan Musa kepada Umno; mereka cuma membantah gaya kepimpinan Dr Mahathir dengan alasan-alasan yang munasabah. "Kalau betul-betul Musa hendak menyusahkan Dr Mahathir, sebaik sahaja Musa letak jawatan sebagai TPM, beliau boleh gembelingkan penyokong-penyokongnya, yang ketika itu lebih ramai dari penyokong Dr Mahathir sendiri, untuk menentang Dr Mahathir. Tetapi Musa tidak berbuat begitu. Dia menunggu sampai pemilihan, lebih dua tahun selepas beliau letak jawatan, di mana pengaruhnya semakin menurun," komen seorang penyokongnya.

Apa pun yang diperkatakan tentang Musa, peluangnya masih ada memandangkan pengganti Dr Mahathir dan Ghafar, semuanya muda-muda belaka dan kemampuan mereka - Anwar dan Abdullah Badawi - mentadbir Malaysia boleh dipertikai. Sekiranya Musa kembali aktif, yang untungnya - walaupun tidak pasti berapa untungnya - ialah kumpulan saingan Anwar, atau lebih khusus lagi Abdullah Badawi. Kalaupun era Musa sudah berakhir, Musa akan dikenang oleh orang-orangnya kerana membantu mereka menjatuhkan Anwar. Tengku Razaleigh dalam wawancaranya dengan *Harakah*, 12 Oktober 1992, ketika ditanya tentang kemungkinan Musa kembali menerajui negara, berkata: "Semua perkara mungkin dalam politik. Pertama, saya rasa sekarang pemimpin yang ada tak akan beri jalan pada orang lain untuk menonjol di hadapan. Kedua, sikap Mahathir sendiri, sama ada dia mahu selain daripada yang ada sekarang, yang tidak menggugat kedudukan dia dan selamat baginya, mengapa pula 'nak ajak orang yang pernah mencabar dan menggugat kedudukannya. Apatah lagi orang dalam parti tak mahu kepada orang luar campur tangan. Sebab itu Umno tidak begitu menerima orang-orang bekas Semangat 46 masuk partinya sekarang. Jadi, saya tidak fikir Datuk Musa dapat laluan mudah dalam susunan pimpinan yang ada sekarang melainkan Mahathir sendiri 'nak bawa dia masuk. Tapi Mahathir juga kena fikir, barangkali Umno tak terima bulat-bulat apa yang dia 'nak buat. Ini kerana orang bawahannya dah bekerja sekian lama, dan beri taat setia kepada dia sebagai pemimpin, apa pula dia 'nak beri jalan kepada Musa yang sudah derhaka kepada dia dulu. Ia boleh menyebabkan pemberontakan terhadap Mahathir. Tentu Mahathir tak mahu semua ini, dia pun 'nak jaga periuk nasi dia juga. Tak tahulah kalau ada peraturan di belakang tabir."



Siapa Memerintah Malaysia

# Datuk Musa Hitam Masih No. 2!

DM Fokus

**Datuk Musa Hitam adalah ahli majlis tertinggi UMNO, naib presiden UMNO dan timbalan presiden UMNO, yang secara tradisinya timbalan perdana menteri Malaysia. Dapatkah beliau mengekalkan kedudukan itu dalam pemilihan akan datang?**

Datuk Musa Hitam memulakan kerjayanya sebagai seorang pegawai tadbir tanah dalam Perkhidmatan Awam negeri Johor pada tahun 1959. Pada tahun 1964, beliau menjadi pegawai eksekutif di Syarikat Jarden Wough dan setahun kemudian meletak jawatan untuk menjadi setiausaha politik kepada menteri Perhubungan ketika itu disandang oleh Datuk Sardon Haji Jubir (sekarang Tun Haji Sardon).

Datuk Musa Hitam dilahirkan pada 18 April, 1934 di Johor Bahru. Beliau mendapat didikan di Sekolah Melayu Air Molek, Johor Bahru dan melanjutkan pelajaran ke English College Johor Bahru selepas Perang Dunia II. Beliau kemudian melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya hingga memperoleh Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1958.

Pada tahun 1965, beliau dilantik menjadi setiausaha kerja UMNO Malaysia dan pada tahun 1968, bertanding dalam pilihanraya kecil Dewan Rakyat kawasan Segamat Utara, dan menang.

Datuk Musa memenangi lagi kerusi kawasan tersebut dalam pilihanraya umum 1969 dan dilantik menjadi menteri muda kepada timbalan perdana menteri. Oleh kerana sikap yang berterus terang beliau terhadap isu pada masa itu, Datuk Musa disingkirkan dari jawatannya. Beliau meninggalkan tanahair untuk melanjutkan pengajian di Universiti Sussex, United Kingdom. Kembali ke Malaysia dalam tahun 1971, beliau menjadi pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya. Setahun kemudian, beliau dilantik menjadi pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 1972. Diri saat ini kerjaya politik dan kepemimpinan beliau kembali bersinar.

Datuk Musa kembali ke dalam Kabinet pimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak pada tahun 1973, sebagai timbalan menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Dalam pilihanraya umum 1974, Datuk Musa menang tanpa bertanding bagi kerusi Dewan Rakyat kawasan Labis. Kawasan ini ialah yang telah diubahsuai dari kawasan Segamat Utara.

Datuk Musa dilantik menjadi menteri sepenuhnya untuk Kementerian Perusahaan Utama sehingga tahun 1977. Beliau dilantik menjadi menteri pelajaran pada tahun 1981. Beliau menjadi timbalan perdana menteri sejak bulan Jun, 1981 hingga sekarang, beliau juga menteri Hal-Ehwal dalam Negeri.

Datuk Musa pernah memegang jawatan pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan Parlimen Komanwel di peringkat antarabangsa; dan masih menjadi pengerusi Jawatankuasa Persatuan itu untuk cawangan Malaysia hingga sekarang. Beliau juga menjadi ahli Jawatankuasa Kerja UNESCO. Dalam kegiatan Pertubuhan Parlimen Komanwel, Datuk Musa turut menghadiri persidangan di Malawi, India, Mauritius, Canada, Jamaica dan New Zealand.

Beliau juga menghadiri mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Pertubuhan itu di Singapura pada tahun 1972; di Pulau Cayman pada tahun 1973; di Sierraleone tahun 1977; di Pulau Pinang tahun 1978; di Australia pada tahun 1979.

Datuk Musa juga menjadi timbalan ketua Perwakilan Malaysia ke Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York pada tahun 1967; sebagai ahli perwakilan ke Perhimpunan yang sama pada tahun 1972.

Beliau mengetuai perwakilan Malaysia ke Persidangan Khas Ketujuh Pertubuhan tersebut pada tahun 1975; mengetuai perwakilan Malaysia ke Persidangan Khas UNCTAD tentang barangan utama di Geneva pada tahun 1977; mengetuai perwakilan Malaysia ke Persidangan GATT MTM di Tokyo pada tahun 1973 dan menghadiri Simposium Antarabangsa UNESCO tentang Bahasa dan Kebudayaan di Ottawa, Canada, pada tahun 1972.

Datuk Musa pernah mengetuai Rombongan Galakan Pelaburan Malaysia ke Jepun pada tahun 1973; ke Eropah Barat pada bulan September, 1973, dan bulan Jun, 1974, dan ke A.S. pada tahun 1974.

Selain dari itu beliau mengetuai perwakilan Malaysia ke Persidangan Khas Negara-negara Berkecuali tentang Barangan Utama di Dakar, Senegal pada tahun 1975; menyertai perwakilan Malaysia ke Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Jepun, Australia, New Zealand di Kuala Lumpur pada tahun 1977; menyertai Persidangan Menteri-menteri Ekonomi Negara-negara Asia di Pattaya, Thailand, pada tahun 1977; menyertai dialog Asia-A.S. di Manila, pada tahun 1977.

Datuk Musa juga turut hadir dalam Perhimpunan Agung Ke-20 UNESCO di Paris, pada tahun 1978; menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Kerja UNESCO di Paris pada bulan September, 1979, bulan April, 1980 dan bulan Oktober, 1980.

Datuk Musa juga mewakili Malaysia ke Persidangan Menteri Pelajaran Negara-negara Tenggara Asia di Sri Lanka, pada tahun 1978; menghadiri Persidangan Menteri-menteri Pelajaran Tenggara Asia (SEAMEC) di Chiengmai, Thailand, bulan Januari, 1979; dan di Manila pada bulan Januari, 1980; di Sri Lanka, bulan Ogos, 1980; dan di Singapura, bulan Januari, 1981.

Beliau pernah melawat negara-negara Arab, Jordan, Mesir, Saudi Arabia dan negara-negara Asia Tenggara, Korea Selatan, Thailand, Indonesia, Burma dan Brunei pada tahun 1982. Beliau melawat London dan PBB pada tahun 1983.

Beliau ialah ahli Majlis Tertinggi UMNO; naib presiden UMNO dan timbalan presiden UMNO Malaysia.

Beliau kahwin dengan Datin Maria Musa dan mempunyai tiga orang anak.

*Masalah Mahathir – Musa dalam UMNO*

# DUDUK DI LUAR LEBIH BAIK DARI DALAM?



**Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad**
Ramai penyokong



**Datuk Musa Hitam**
Kerana bosan ingin bersara?

Oleh: DINSMAN

SEMASA

**KEBENARAN satu soal lain. Apabila dua parti politik yang bermusuhan terhadap sesuatu peristiwa, masalah kebenaran akan menjadi satu soal lain. Dalam politik kebenaran kadang-kadang tidak penting. Yang penting ialah orang ramai percaya atau tidak. Dan kebenaran pula hari ini semakin mempunyai banyak sudut. Demikianlah antara yang pernah dituliskan.**

Dr. Mahathir boleh menulikan, boleh mengatakan dia tidak tahu menahu tentang surat Datuk Musa sebelum rombakan kabinet 1984. Majalah itu pun tahu dan melaporkannya. Tapi dalam masa yang sama majalah itu terus juga menceritakan cerita yang telah dinafikan itu dengan lebih terperinci [illegible]

[illegible]

**Kata Kassim, UMNO sekarang tak sama dengan UMNO dulu. Memang betul. Malaysia sekarang pun tak sama dengan Malaysia dulu. Mahathir-Musa sekarang dengan Mahathir-Musa dulu pun ketara benar tak samanya. Tetapi apakah pula Kassim Ahmad sekarang dengan Kassim Ahmad dulu masih sama? Nampaknya macam tak sama juga. Sekarang "masalah penyatuan kembali masyarakat Islam melebihi segala-galanya" bagi Kassim. Dulu masalah lain yang menjadi perjuangan utama bagi Kassim, bukan masalah "perpaduan masyarakat Melayu-Islam".**

Kita yang memang menghormati Kassim [illegible] UMNO itu. [illegible]

[illegible]



Beribu-ribu orang yang berkumpul di setiap perhimpunan menyambut PM antara bukti bekas punya ramai sokongan.

[illegible]

Datuk Musa sendiri dalam surat perletakan jawatannya kepada Dr. Mahathir dilaporkan ada menulis: **"Saudara juga telah saya maklumkah beberapa kali bagaimana saya ingin bersara oleh karena saya bosan dengan 'politik wang' (di mana saya menyatakan tidak mampu bertanding lagi) dan penyalahgunaan kuasa bagi kepentingan politik dan sebagainya."**

[illegible]

**Dan bayangkanlah rakyat Malaysia yang tak terlibat dengan permainan politik wang dan permainan penyalahgunaan kuasa! Bagaimana mereka? Tidak terlibat di dalam permainan tetapi terlibat di dalam akibat. Inilah [illegible] yang dikatakan kes naya besar-besaran! Dan inikah dia yang dikatakan ada golongan penindas dan ada golongan tertindas? Duduk di dalam gelanggang permainan memang tidak nampak. Tapi cuba duduk di luar gelanggang.**

**Kassim Ahmad pernah bekas Pengerusi PSRM sudah lama duduk di luar gelanggang. Apakah dia sudah terlalu derita melihat permainan tindas-menindas dan kes naya besar-besaran ini maka kini dia mengambil keputusan melompat ke tengah gelanggang untuk menamatkan permainan? Tentulah dia tahu bahawa permainan ini bukan sebarang permainan. Menamatkan permainan ini bukanlah kerja.**

Dr. Mahathir sendiri tak lama dulu pernah berkata mengenai politik wang: **"Berikan saya sokongan, saya akan bertindak."** [illegible]

[illegible]

LIHAT MUKA 35



Dr Mahathir sudah menyerah kalah kepada Musa, tapi siapakah yang dicarinya itu? Rais Yatim yang sudah bakar jambatan hanya memerhati sahaja.









**Take good care of Umno.**
— Datuk Musa Hitam, on stepping down from the Umno deputy presidency



How that contest would go depends primarily on who Mahathir chooses as his interim deputy. Current frontrunners are party vice-presidents Ghafar Baba and Wan Mokhtar. Musa loyalist Abdullah Badawi, though, may be a surprise choice if Mahathir wants to temporarily satisfy the pro-Musa camp. But Mahathir, who has privately told associates he wants to continue until 1989-90, will most probably back a longer-term deputy in 1987. While Daim and Sanusi are close to him they have a small grassroots base and are both from his own state, Kedah. Another name is that of Anwar Ibrahim, but at 38 his youth is against him. In the end, Mahathir may well leave the choice to the party delegates.

There is one more card in the pack, however: Razaleigh. Word is that if Musa does not enter the fray Razaleigh will go for the No. 2 slot. If Musa does opt to contest, then UMNO may well face a three-cornered fight for the presidency next year. Either way, the divisions in Malaysia's top political party aren't likely to be mended anytime soon. ■

# The Musa enigma

## Ex-deputy premier keeps political options open

By Doug Tsuruoka in Kuala Lumpur

Sitting back in a chair in his private office in downtown Kuala Lumpur, Datuk Musa Hitam is a study in well-dressed congeniality. One usually finds him wearing a custom-tailored safari suit or a fashionably dark blazer and expensive silk tie. Suave and savvy, Musa also has an uncanny ability to put people at ease with his openness. But the youthful — almost boyish-looking — 58-year-old former deputy prime minister also has a way of fielding questions which raises almost as many questions as he answers.

Nothing less, however, should be expected from a political acrobat who was once in line to succeed Datuk Seri Mahathir Mohamad as Malaysia's prime minister. And though Musa, who hails from the politically important state of Johor, has announced that he is retiring from politics and allowed his last government post — as special envoy to the UN — to lapse in March 1992, he is not to be taken lightly.

Musa still has droves of sympathisers in the ruling United Malays National Organisation (Umno), who hope that he will someday lead them out of the political wilderness by becoming prime minister. Rumours concerning his political future, in fact, swirled even before he returned from his two-year stint in New York. One persistent report had Musa accepting a high cabinet post, preparatory to making an end-run for the top job after Mahathir.

This is the latest gossip in the life of a man once considered the major player in Malaysian politics. Musa is also a successful businessman who jointly owns several local companies. He has also held a succession of posts within the government and the ruling party that would do any prime minister proud.

Musa rose quickly from a low-ranking government officer in 1959 to Umno executive secretary in 1965 and later deputy president. He was elected to his first parliamentary seat from Johor in 1968, followed by stints as deputy chairman of Umno Youth, the party's youth wing, and chairman of the Federal Land Development Authority, the government's giant agricultural cooperative. As a cabinet member he won high marks, moving through primary industries and the more powerful education portfolio to become home affairs minister and deputy premier from 1981 until he resigned in February 1986.

Despite this, some consider the notion of a Musa comeback far-fetched. This view is based on the sometimes unforgiving nature of Malaysian politics. Musa, who had long harboured prime ministerial ambitions, broke with Mahathir during a struggle for control of Umno in the mid-1980s. Some observers say Musa would have automatically succeeded Mahathir if only he had waited. But Musa could not wait. He opposed Mahathir on such issues as the Look-East Policy, which rejected the West and encouraged Malaysia to look to Asian nations such as Japan for guidance; and he attacked Mahathir's plans to build the Proton national car. Privately, Musa also made it known that he "disliked" Mahathir's abrasive political style. "He knew that if he stayed on he would be nothing," says a longtime friend.


Musa: waiting in the wings.

After resigning as deputy prime minister, Musa briefly portrayed himself as an independent flirting on the sidelines of the party. At the time, Mahathir faced an even stiffer challenge from Tunku Razaleigh Hamzah, a former finance minister who left Umno to form the opposition Semangat '46 nearly five years ago.

The face-off between Musa, Mahathir and Razaleigh was part of a long simmering feud within Umno. Musa eventually teamed up with erstwhile rival Razaleigh in a bid to unseat Mahathir as Umno leader (and prime minister). Things came to a head during the 1987 party elections when Mahathir narrowly defeated Razaleigh for the Umno presidency. Razaleigh challenged the election in court, leading to the celebrated Supreme Court decision whereby Umno lost its status as a registered party. Undaunted, Mahathir launched Umno Baru (New Umno) as Malaysia's dominant political party. Musa at first refused to join the reconstituted party, but again unnerved political circles in February 1989 by throwing his support to both Mahathir and Umno Baru. A grateful — and some say, suspicious — Mahathir, appointed him UN envoy the following year.

Musa's alliance with Mahathir struck many as Machiavellian. For Mahathir, it eliminated any chance that his opponents would rally around Musa and Razaleigh to pose a serious threat to his leadership. There was also the implication that Musa would be rewarded by Mahathir for his re-defection.

But by the end of 1989, it became clear that Musa was still considered an outsider by Mahathir and his immediate political circle. When Musa was given the UN job in 1990 it was considered proof that Musa had committed a major political blunder and allowed himself to be neutralised in a high diplomatic post without any power base.

Anti-Mahathir forces who had hoped Musa would join forces with Razaleigh have long criticised his accommodation with Mahathir, saying that it destroyed his chances of becoming prime minister. "Musa is dead," says a former senior official of Semangat '46. Others disagree, saying that Musa's return to Umno was a masterstroke which may still succeed. They note that Musa reached an accommodation with Mahathir shortly after the latter suffered a mild heart attack in January 1989.

But Musa's unexpected October 1990 departure from politics mystified even Mahathir, who pleaded with him to stay. Musa did not seek re-election to his Kota Tinggi parliamentary seat in Johor during the October 1990 general elections. Only Musa knows what led to the decision. Now that he has returned from his UN assignment, the wily Johorean is playing coy — soft-pedalling suggestions that he harbours any more ambitions.

Musa's enemies are also doing their best to shoot down any notions of a Musa comeback. "If there is one thing that Mahathir cannot stand it is Musa Hitam," says one source close to the prime minister. Critics say Mahathir can hardly trust a man who so blithely changes political allegiances. But behind the attacks lie barely concealed fears that Musa, an accomplished tactician, will soon emerge as a serious threat to other cabinet members eye-

ing the prime minister's seat. "Musa is capable of doing things that the others only dream about," says one longtime friend. Such speculation has intensified in the wake of a power struggle within the cabinet over the succession to Mahathir should the prime minister, who has served for 10 years and underwent a coronary bypass operation in 1989, decide to retire.

Among those seen as possible successors is Deputy Prime Minister Abdul Ghafar Baba. His elevation would vacate the deputy prime minister's slot. Those angling for the second spot include Finance Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim. But he is a political foe of Ghafar and will find it difficult to become deputy if Ghafar moves up since whoever becomes prime minister can use his control of the party to handpick the deputy. Others say Anwar is determined to sideswipe Ghafar in a direct bid to become prime minister.

Foreign Minister Abdullah Badawi — an Umno vice-president — is also considered a dark horse to replace Ghafar as deputy prime minister if Ghafar moves up or is forced to retire because of succession struggles within the cabinet.

How Musa fits into this puzzle is far from clear. He is friendly with Badawi, a former supporter who has since thrown in his lot with Mahathir. Others see Musa as a peacemaker shrewdly biding his time while calling for party unity. They say Ghafar's age and limited international exposure would work against his candidacy, and that, faced with the prospect of another debilitating intra-party quarrel by younger contenders like Anwar and Badawi, Umno would turn to Musa.

Word that Musa plans to publish a biography has also set the rumour mills humming. Truly retiring politicians, so the story goes, publish autobiographies; still active politicians publish biographies. Mahathir himself has not given any indication whether he considers Musa to be history or a trump card he is holding in reserve. Musa, perhaps typically, refuses to be pinned down on any of these subjects. ■

MALAYSIA

## Will he or won't he?

**In one of his few interviews since stepping down from his UN post, Datuk Musa Hitam told REVIEW correspondent Doug Tsuruoka about his future plans and clarified — if somewhat cryptically and evasively — the speculation surrounding his political future:**

**Can you categorically state that your political career is at an end?**

Do I have to use the word "categorically?" I have been very categorical a number of times in interviews with other periodicals but again and again I am asked to be categorical. They don't seem to believe me. What can I say? Yes, I am retired and I am serious about retirement.

**Various rumours have you accepting another high-ranking cabinet post. Is there any truth to this?**

No. These are rumours. Rumours are rumours!

**Would you accept the post of prime minister if it were offered?**

[Musa laughs] Prime minister? Who would want to offer me that? And why should it be so? There must be something seriously wrong with the political situation in this country for this to happen. And I do not foresee such a situation. Anyway, the very idea of an "offer" is flattering. Thanks.

**Is that a yes or a no?**

Neither, since I do not foresee such a situation. There is an abundance of talents that could fill in from amongst the present crop of leaders. I am fully confident of Umno. As in the past, faced with any situation, it would be able to rise to the occasion.

**Supposing the situation really demands it. Would you reject it outright?**

Well, certainly I would not wish to be branded as unpatriotic in such circumstances, which I still consider most unlikely. Anyway, let us cross the bridge when we come to it.

**Do you have any specific retirement plans?**

Nothing specific really, except to enjoy retirement. Get to know my country, to begin with. It is amazing how much more natural I find it to be to travel within Malaysia without the paraphernalia of officialdom. It is a great country. Secondly, to enjoy my family and friends. I have a few business links, very few, but even these are on a non-executive basis. I read a lot now, I mean journals and that sort of stuff, not official papers as before, and keep in touch with friends in politics, business and academia. In other words, I am just having a very relaxed life now and [am] very much enjoying it. ■

MALAYSIA

# Disarray in the ranks

## Sabah leader under increasing pressure

**By Michael Vatikiotis in Kuala Lumpur**

Every day for the past month, Sabah Chief Minister Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan has sat in a court in his state capital of Kota Kinabalu hearing evidence that he was involved in a corrupt act. His brother Jeffery, suspected of plotting to take Sabah out of Malaysia, has been detained under the Internal Security Act. Early next month, another Sabah court will hear a plea to overturn a state law outlawing party hopping. If the plea succeeds, Pairin's ruling party could well be split, forcing a snap state election.

The pressure on Pairin's government is unrelenting. His Parti Bersatu Sabah (PBS) pulled out of the National Front, the ruling coalition at national level, in 1990, and allied itself with federal opposition coalition, Semangat '46. The National Front has made no secret of its desire to regain control of the state. The question is whether the PBS will hold up and fend off the early elections Kuala Lumpur is hoping for.

Signs of strain are appearing. At the party congress last July, a group led by secretary-general Datuk Joseph Kurup made a bid for senior positions in the PBS. Kurup, also state finance minister, however narrowly failed to wrest the deputy presidency from incumbent Datuk Bernard Dompok.

Rather than freezing Kurup out, Pairin retained him as secretary-general, a move which upset PBS hardliners who regard Kurup as the federal government's Trojan horse. A PBS source said hardliners suspect Kurup has Kuala Lumpur's tacit backing to make a bid for the party leadership. If the corruption case later disqualified Pairin from office, Kurup, as deputy president, would have been well placed to become party leader. Pairin is charged with awarding a US$600,000 government contract for a shophouse project to a company in which his relatives were involved.

Kurup's defeat dashed hopes of early elections, observers say. But in the wake of the congress, some PBS members are not ruling out a split in the party. "The assumption is that the hardliners are not satisfied with Kurup's retention and would like to see him out," said James Ligunjang, a PBS assemblyman. However, Ligunjang

# 9

# GHAFAR AKAN LAKSANAKAN DASAR EKONOMI TENGKU RAZALEIGH?

Ramai pihak membuat andaian bahawa antara faktor Dr Mahathir tidak begitu berkenan dengan Ghafar Baba ialah ketidakmampuan Ghafar melanjutkan idealisme Dr Mahathir menjadi Malaysia sebuah negara maju. Meskipun telah digariskan secara umum tentang hasrat itu melalui Wawasan 2020, tetapi aspek perlaksanaan dan cabaran serta halangan yang akan mendepani pemimpin utama kerajaan nanti tidak mampu dipikul oleh orang seperti Ghafar. Ghafar dikira layak untuk berdepan dengan pengundi kampung sahaja. Ghafar hanya diakui ketrampilannya merayu pengundi untuk menyokong BN dengan bahasa yang mudah difahami. Maknanya, di peringkat bawahan faktor Ghafar cukup penting dan kekuatan Umno selama ini pun terletak kepada sokongan golongan tersebut.

Dr Mahathir tentunya menyedari hakikat itu. Untuk menolak begitu sahaja peranan Ghafar selama ini, dalam membantu kerjaya politik Dr Mahathir sendiri, tentunya satu langkah yang boleh disifatkan sebagai "tidak mengenang jasa". Dalam pada itu, perlantikan Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri, selepas perletakan jawatan Musa Hitam, juga menyelamatkan Ghafar dari masalah-masalah yang agak besar untuk diselesaikannya sendiri. Jadi, semuanya ada timbal balik. Tetapi, apakah kerana itu Dr Mahathir boleh dengan mudah mengenepikan Ghafar sebagai penggantinya, hanya atas alasan Ghafar tidak begitu menghayati dan boleh meneruskan aspirasi Dr Mahathir tentang kemajuan dan perindustrian? Kata orang, Anwar pun tidak sehebat mana, untuk melanjutkan idealisme Dr Mahathir itu. Mungkin jawatannya sekarang sebagai Menteri Kewangan boleh membantu, tetapi adakah itu memadai untuk mengisi kekosongan dalam waktu yang amat dekat ini. Ramai orang terasa beberapa kejanggalan dalam kenyataan Anwar mengenai kewangan, yang menunjukkan kelemahan-kelemahan yang tidak sepatutnya dilakukan. Bagi Dr Mahathir sendiri pun, apakah benar beliau telah berjaya membangunkan Malaysia, melebihi dari apa yang pernah diusahakan oleh Perdana Menteri sebelumnya?

Bagaimanapun, sekiranya dianalisa secara menyeluruh, demi kebajikan masyarakat terbanyak, tidak semua projek-projek perindustrian tajaan Dr Mahathir mesti diteruskan. Banyak juga yang mengarutnya dan telah dihanguskan berbilion-bilion ringgit hanya untuk menaikkan imej Dr Mahathir dalam perlaksanaan projek-projek industri beratnya. Lagi pun dari sudut kepentingan orang Melayu, dasar ekonomi Dr Mahathir, bagi sesetengah pihak, perlu dikaji semula. Ini bermakna, pengganti Dr Mahathir, tidak kira sama ada Ghafar, atau Anwar, atau Abdullah Badawi, harus melakukan kajian mendalam sebelum meneruskan wawasan Dr Mahathir tentang idaman negara majunya itu. Jadi, andaian bahawa hanya Anwar yang boleh melanjutkan impian Dr Mahathir boleh dipertikai, dan kalau pun benar, mengapa pula perlu pengganti Dr Mahathir hanya melanjutkan sahaja dasar-dasar ekonomi Dr Mahathir sekiranya tidak banyak manfaat yang dapat diperolehi darinya. Dan sekiranya segala pertimbangan yang akan dilakukan oleh Anwar mengambil kira perspektif Islam, istilah-istilah "kemajuan" dan "pembangunan" itu sendiri perlu dibahaskan lagi. Apakah apa yang kita anggap "kemajuan" selama ini sememangnya satu kemajuan?

Tidak sedikit contoh yang kita boleh tonton, apa yang didakwa sebagai "kemajuan" itu sebenarnya hanya menguntungkan sebilangan kecil rakyat, sedangkan kerana projek-projek "kemajuan" itu sendiri, banyak kemusnahan berlaku. Rasanya amat menarik kalau kita teliti pandangan Tengku Razaleigh Hamzah, Presiden Semangat 46, yang juga bekas Menteri Kewangan dalam hal ini. Kata orang, kalau kita hendak menilai keburukan yang ada (dengan niat untuk mengambil pengajaran dan iktibar) tanyalah kepada musuhnya. Dan sekarang, Tengku Razaleigh masih merupakan musuh politik terdekat kepada Dr Mahathir. Penilaian Tengku Razaleigh terhadap usaha-usaha kemajuan perindustrian tajaan Dr Mahathir ini diharap dapat membantu pengganti Dr Mahathir melihat dengan lebih jujur dan saksama masalah pembangunan dan kemajuan.

Menurut Tengku Razaleigh, meskipun zaman Dr Mahathir hendak dikenali juga sebagai zaman kemajuan paling hebat, "titik permulaannya tercetus pada zaman Tunku, Tun Razak dan Tun Hussein lagi. Bukan semuanya tub-tub maju. Lagipun yang dikatakan maju sekarang di muka luar sahaja. Siapa yang kaya? Siapa orang kaya baru? Negara ini ditadbir secara kesinambungan, tidak boleh seseorang itu mendabik dada mendakwa bahawa orang lain semua salah."

Beliau berpendapat, Tunku dan rakan-rakannya tidak dapat menumpu masa ke arah pembangunan sebaik sahaja mencapai kemerdekaan, maklumlah, masa itu kita baru merdeka dan pengaruh British masih kuat. Kedua, yang paling penting adalah masalah keselamatan negara. Sebahagian besar wang ringgit, masa dan tenaga lebih dicurahkan untuk menghapuskan ancaman terhadap negara. Ada juga rancangan yang dijalankan oleh Tunku, tapi usaha itu tidak terlaksana sepenuhnya sebagaimana yang diharapkan. Hanyalah selepas tahun 1960, apabila diisytiharkan tamatnya darurat dan boleh bergerak tanpa permit, barulah Tunku dapat memikirkan cara untuk membawa pembangunan kepada rakyat. Bukan sahaja sekadar mempelbagaikan ekonomi tradisi dari getah kepada kelapa sawit atau koko, tetapi Tunku juga telah merancangkan bagaimana untuk mengindustrikan negara. Dalam tahun 1963 pula datang konfrontasi, tetapi Tun Razak telah berusaha meneruskan

pelbagai rancangan untuk mempelbagaikan ekonomi negara di samping menyediakan pelbagai kemudahan awam. Pada tahun 1965, dianjurkan Kongres Ekonomi Bumiputera.

"Pada masa itu, mereka tak sebut soal sama ada, ada *vision* atau tidak. Mereka telah meletakkan batu asas. Tunku Abdul Rahman, Tun Razak tidak bercakap dengan istilah seperti "nak adakan industri berat" yang terlingkung dengan maksud ada kilang simen, kilang pasang kereta, kilang besi waja. Tunku dan Tun Razak telah buat lebih awal, tanpa susah payah guna istilah "industri berat". Cuba lihat kilang pasang kereta yang berpuluh-puluh pada zaman Tunku. Sampai sekarang ada kilang-kuilang itu. Wang kerajaan tidak banyak dibelanjakan. Swasta pun begitu. Bukan seperti sekarang; Perwaja buat projek tetapi rugi. Dulu ada kilang simen seperti Tasek Cement, APAC. Kesemuanya dalam tahun 60-an lagi. Kalau nak panggilkan itu semua sebagai industri berat memang boleh. Ingatlah kembali: Perwaja menelan belanja $1,600 juta, tetapi rugi. Dulu pun sudah sedia ada *Malayawata, Southern Iron Works, Amalgamated Steel Mill.* Tunku telah mengasaskannya," tegas Tengku Razaleigh.

Bagaimanapun beliau mengakui ramai juga orang-orang Melayu yang tidak puas hati dan tidak setuju dengan dasar-dasar kerajaan sehingga tercetusnya tragedi 13 Mei 1969. Kata Tengku Razaleigh, "Akhirnya mereka menyimpulkan, walaupun negara maju dan makmur, orang Melayu tak dapat banyak manfaatnya. Seolah-olah orang Melayu ketinggalan dalam arus pembvangunan. Jadi atas kesedaran itu, Tun Razak pernah memberi amanat: "Apa guna dasar memajukan negara, kalau orang kita tak dapat faedah dari usaha-usaha kita itu. Jadi, kalau kita ingin memajukan negara, kita mesti ingat, orang kita mesti mendapat bahagian dan semua pihak mesti mendapat agihan yang adil." Itu katanya yang saya kira anaknya sendiri pun tidak mengerti," jelas bekas Menteri Kewangan itu. "Saya masih ingat kata-kata Allahyarham Tun Razak yang beliau ingin melihat pembangunan di negara ini secara menyeluruh. Beliau tidak mahu kesilapan seperti yang berlaku di Indonesia, Thailand dan Filipina diulang di Malaysia. Di negara-negara itu pembangunan terlalu banyak ditumpukan di bandar-bandar terbesar sahaja seperti Jakarta, Bangkok dan Manila. Malangnya apa yang cuba dielakkan oleh Allahyarham Tun, berlaku juga di negara kita pada masa ini. Tumpuan pembangunan yang terlalu besar di ibu kota Kuala Lumpur semakin terasa. Sebaliknya pembangunan di tempat lain masih pada tahap yang perlahan," katanya lagi.

Selanjutnya Tengku Razaleigh berkata, kita memang mahukan negara ini maju. "Tapi saya kritik dasar liberal sekarang, kerana mengenepikan DEB, walhal dasar itu telah meletakkan syarat-syarat di mana orang Melayu dan kepentingan orang Melayu mesti dijaga untuk kebajikan kita masa depan. Sekarang nasib baik negara kita berkembang dengan pesat. Bila ekonomi kita meleset baru kita tahu di mana duduknya orang Melayu. Dalam masa 20 tahun DEB berjalan, dengan pelbagai syarat yang kita kenakan, ternyata orang Melayu hanya baru mendapat 20 peratus milik negara dan itu pun bersama badan-badan amanah seperti Pernas, ASN dan lain-lain. Setakat ini kita cuma dapat kumpul 100 bilion ringgit dalam tempoh 20 tahun. Saya bimbang dengan dasar liberal ini dan tanpa ada syarat 30 peratus sekurang-kurangnya untuk Melayu kita akan menemui malapetaka ekonomi. Sebaliknya, sebagai contoh, pemodal asing dalam masa dua tahun, bukan 20 tahun, sudah kumpul 52 bilion ringgit. Pemimpin sekarang bercakap untuk mencipta pendapatan yang

tinggi sebanyak US$10,000 dalam tahun 2020. Kita tidak menolak cita-cita itu boleh berjaya kerana pendapatan per kapita ialah pendapatan purata. Pendapatan purata tinggi tidak bermakna seluruh rakyat negara itu kaya. Kalau pendapatan seorang *billionaire* katakanlah $1,000 juta dicampur dengan pendapatan 9 orang miskin yang papa kedana dan yang tidak mempunyai apa-apa pendapatan, ia boleh menghasilkan gambaran yang salah kerana pendapatan purata bagi setiap orang dari 10 orang ini ialah $100 juta sesudah $1,000 juta dibahagi 10. Oleh yang demikian pendapatan per kapita yang tinggi tidak bermakna rakyat kita sejahtera. Sebaliknya jurang pendapatan antara yang kaya dengan yang miskin akan bertambah luas.

"Baru-baru ini syarikat tertentu dibenarkan disenaraikan di Bursa Saham. Saya kira tak sampai 5 syarikat yang menjadi milik orang Melayu. Sekarang isu tanah. Orang datang membeli tanah kita kerana nilai ringgit kita jatuh. Kita lihat contohnya di Johor. Semua sekali dibolot oleh orang asing. Keadaannya tak ubah seperti di tebing Sungai Jordan - kawasan Jordan punya tapi orang lain yang memiliki tanah. Walaupun mereka bukan rakyat Malaysia tetapi mereka boleh miliki tanah dan duduk di sini. Apalah nak kata tentang keselamatan negara pada masa hadapan. Betul kita sudah maju, tapi kita tidak mendapat bahagian dari kemajuan itu. Jadi maju buat apa? Kuasa belian ringgit Melayu masih belum sampai ke mana. Inilah yang orang Inggeris kata, "*progress at whatever cost*". Lihatlah bangunan-bangunan pencakar langit. Siapa yang punya? Berhubung dengan kondominium, bukan saja di Kuala Lumpur, malah di semua negeri. Siapa punya? Orang Melayu tak mampu beli. Setiap satu unit berharga setengah juta ringgit. Sedangkan rumah murah pun orang Melayu tak mampu nak beli, inikan pula kondominium. Soalnya, untuk apa? Dasar liberal ekonomi seperti yang dilakukan sekarang bahaya dan justeru membimbangkan. Banyak modal datang dari luar negara, khususnya Jepun. Kita mahu mempelbagaikan pelaburan dari negeri luar supaya tidak terikat kepada mana-mana pihak sebab ia ada kaitan dengan keselamatan negara. Apakah kita mahu dikuasai oleh kuasa baru. Kita bimbang kalau dasar liberal ini berlanjutan orang kita hilang hak," tegas Tengku Razaleigh.

Dalam ucapan dasarnya dalam Perhimpunan Agung Semangat 46 Kelima pada 31 Ogos 1992, Tengku Razaleigh menyatakan, belum pun sempat DEB mencapai matlamat sepenuhnya ia telah dihapuskan: "Sebenarnya DEB tidak berakhir pada tahun 1990 sebagaimana yang diumumkan secara rasmi. Ia sudah lama berakhir iaitu sejak awal tahun 1980-an lagi, apabila Tun Hussein Onn bersara. Sejak itulah usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan saham ekuiti orang Melayu terbantut. Pelajar-pelajar Melayu miskin turut menjadi mangsa apabila biasiswa untuk mereka terbatas. Subsidi untuk petani Melayu di kampung dikurangkan. Kononnya tidak mahu orang Melayu mempunyai mentaliti subsidi. Mereka lupa, kerajaan Jepun, Amerika Syarikat dan di Eropah juga terus memberi subsidi kepada petani-petani mereka. Sebaliknya, kerajaan mensubsidikan projek-projek besar seperti Perwaja, Proton dan Kedah Cement.

"Kini dasar baru diperkenalkan menggantikan DEB. Ia dipanggil Dasar Pembangunan Nasional. Tumpuan besarnya ialah bagaimanakah hendak meningkatkan pertumbuihan ekonomi terutama di bidang perindustrian tanpa mengira golongan manakah yang untung. Kita tidak menentang perindustrian, tetapi kita beranggap sesebuah negara akan bertambah

kuat sekiranya terdapat keseimbangan dalam pembangunan perindustrian dan pertanian. Malangnya ini tidak berlaku di negara kita. Perhatian kerajaan semakin berkurangan terhadap dasar pertanian menyeluruh yang boleh membangunkan sektor itu seiring dengan sektor lain. Ini termasuk soal pembangunan industri berasaskan sumber pertanian, ataupun rancangan menyeluruh mengenai buruh pertanian, peneroka Felda, nelayan, penanam padi dan pekebun kecil. Soalan kita, apakah dasar ini boleh memelihara kepentingan majoriti rakyat, atau hanya memelihara kepentingan segelintir pemodal; dalam dan luar negeri yang sudah kaya raya? Kesan yang paling jelas daripada perbelanjaan boros kerajaan ini ialah kenaikan harga barang yang mendadak. Kita tidak percaya dakwaan kerajaan yang kadar inflasi hanya antara 4 hingga 5 peratus setahun. Rakyat jelatalah yang lebih mengetahui kerana merekalah yang paling menderita menanggung kos hidup yang tinggi," hujah Tengku Razaleigh.

Beliau mendakwa Dasar Pembangunan Nasional yang mengabaikan sektor pertanian mengakibatkan kebanyakan orang-orang Melayu semakin tertinggal. Nasib mereka bertambah malang apabila tanah-tanah mereka dijadikan sasaran utama pengambilan tanah oleh syarikat-syariikat besar sejak Akta Pengambilan Tanah dipinda baru-baru ini. Di rancangan Felda, peneroka yang miskin itu, terus menanggung beban hutang sepanjang hidupnya, tetapi yang anehnya, menurut Tengku Razaleigh, hutang-hutang yang ditanggung oleh syarikat-syarikat besar seperti Perwaja dan Proton dilangsaikan walaupun ia berjumlah beribu-ribu juta ringgit. "Dasar ekonomi yang sepatutnya orang kaya membantu orang miskin berubah menjadi orang miskin membantu orang kaya. Rakyatlah yang menyara projek-projek mewah kerajaan. Rakyatlah yang malang kerana mereka juga terpaksa bertungkus lumus menyara hidup menteri-menteri dan Perdana Menteri yang menaikkan gajinya sendiri sehingga seratus peratus," tegas Tengku Razaleigh.

Dasar pembangunan yang dikatakan tidak seimbang dan menguntungkan segelintir rakyat itu juga mengabaikan rakyat bukan Melayu yang hidup melarat di bandar dan di desa. Apa yang dikatakan pencapaian besar orang-orang bukan Melayu di bidang ekonomi, bukan bererti pekebun sayur Cina di Perak dan pekerja estet India di Negeri Sembilan yang menikmatinya. Mereka yang susah tetap susah, tanpa mengira Melayu, Cina atau India. Nikmat terbanyak daripada dasar kerajaan hari ini hanyalah dirasai oleh taukeh dan *tycon* yang mempunyai hubungan intim dengan pemimpin-pemimpin Umno. "Siasatlah sendiri, siapakah yang menjadi broker pembelian senjata daripada Great Britain yang berjumlah lebih $5,000 juta itu? Siapakah yang akan mendapat kontrak terbesar membina lapangan terbang baru Sepang yang bernilai lebih $25,000 juta itu? Siapakah raja judi terbesar di negara ini?" soal Tengku Razaleigh.

Skandal-skandal kewangan yang berlaku di zaman Dr Mahathir mesti dipastikan tidak berulang, dan tentunya ada permintaan supaya ia diselongkar kembali, begitu juga dengan sikap nepotisme yang amat ketara dalam mengagih-agihkan khazanah kekayaan negara, seolah-olah milik keluarga atau kelompok sendiri. Lidah rasmi Semangat 46, *Media Malaysia*, September 1992 merakamkan: "Kalau MIC dapat 10 juta saham Telekom Malaysia, berapa pula MCA, Umno Baru dan OKB (orang kaya baru) lain dapat? Kalau Menteri Kewangan boleh mengagihkan khazanah negara seperti mengoyakkan roti canai,

apa gunanya Akta Pencegahan Rasuah 1972 dihidupkan?" Tentunya umum masih ingat, ketika isu MAIKA menjadi perbualan umum, *Far Eastern Economic Review*, 28 Mei 1992 melaporkan Perdana Menteri, Dr Mahathir sebagai berkata, "Saya tidak boleh campur tangan dalam hal ini sebab saya juga tidak mahu kaum bukan Bumiputera yang lain menyoal bagaimana kami mengagihkan saham-saham di kalangan masyarakat kami."

"Skandal Maika, skandal pembelian senjata, skandal janakuasa TEN, skandal *insider-trading* dan pelbagai isu lain terus timbul," kata Tengku Razaleigh. PERNAS yang ditubuhkan untuk membantu usahawan Melayu terpaksa berhutang beratus juta ringgit daripada institusi kewangan Jepun. "Wang sebanyak itu bukannya digunakan untuk mencapai matlamat tadi, tetapi untuk membeli saham UMBC milik orang yang berkuasa ketika itu. Harapkan pagar, pagar makan padi. Akhirnya usahawan-usahawan Melayu entah ke mana dan dalam sekelip mata orang tadi sudah bergelar bilionaire. Penyelewengan juga mudah berlaku dalam negara yang tidak mempunyai alat berkesan membasmikannya. Dulu kita mendengar Jawatankuasa Kabinet Anti-Penyelewengan ditubuhkan. Kini ia hanya menjadi bahan ketawa dan momokan dunia. Masakan tidak, bagaimanakah Jawatankuasa Kabinet ini boleh menyiasat penyelewengan orang lain sekiranya mereka sendirilah yang patut disiasat terlebih dahulu? Kita mempunyai Biro Pencegah Rasuah. Namun, umum percaya bahawa biro ini duduk di bawah telunjuk Perdana Menteri. Kita juga terkejut apabila hampir 100 projek di bawah Rancangan Malaysia Keenam baru dilancarkan tahun lepas, kenapa hanya dalam masa setahun sahaja kerajaan sudah kehabisan wang? Lebuhraya diswastakan, kononnya penswastaan dapat meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos. Kini baru beberapa tahun beroperasi, PLUS mengumumkan kenaikan kadar tol sebanyak 50 peratus. Kononnya kos pembinaan meningkat lebih $2,000 juta, atau, hampir sekali ganda daripada kos asal kontrak," jelas Tengku Razaleigh.

Apabila Anwar dilantik sebagai Menteri Kewangan, ramai umat Islam ingin melihat tindakan Anwar yang tegas terhadap industri perjudian yang semakin berkembang di negara ini kerana lesen judi di bawah kuasa Menteri Kewangan. Subky Latif (*Harakah*, 18 Mac 1991) mengulas: "Mungkin dulu sebagai budak sekolah dan sebagai tokoh Pemuda Umno, maka mudah bercakap untuk mengharamkan judi dan memansuhkan riba. Tetapi sebagai Menteri Kewangan tidaklah boleh bercakap sebagai budak sekolah dan sebagai Ketua Pemuda. Setakat ini tidak ramai yang percaya dia (Anwar) akan mengharamkan judi. Bukan dia tidak mahu tetapi tidak terdaya untuk melaksanakannya kerana Umno tidak berpendirian begitu. Jika lesen judi diteruskan juga maka samalah dia dengan saudagar judi dan kaki judi. Bila seorang kaki judi, kadang-kadang dia bertanggungjawab pada dirinya dan keluarganya. Tetapi bagi saudagar judi, dia melibatkan sekalian yang berjudi dan kaum keluarga orang yang berjudi. Manakala orang yang membenarkan lesen judi dikeluarkan akan bertanggungjawab terhadap kaki judi juga dan keluarganya serta saudagar judi dan tanggungjawab atas dirinya sendiri. Jadi kaki judi tadi jenis makhluk yang busuk, maka saudagar judi lagi busuk. Maka menteri yang meluluskan lesen judi adalah maha busuk. Kaki judi jika insaf dan bertaubat, maka dosanya mungkin terampun. Tetapi bagi saudagar judi yang insaf, taubat bergantung jika sekalian yang berjudi di bawah urusniaganya bertaubat sama. Tetapi bagi menteri yang melesen judi itu jika nantinya bertaubat, ia bergantung pula kepada saudagar judi dan kaki judi lainnya bertaubat juga."

Seterusnya Subky mencatatkan perihal Anwar ini: "Jika Tun Tan Siew Sin menjadi menteri yang mengeluarkan lesen judi, taubat dan tidak taubat sama saja. Tetapi, bagi seorang yang dari kecil mahu mengharamkan judi, bila berjanggut dan beruban tidak jadi membatalkan semua lesen judi pada ketika dia berkuasa, sudah tentulah dia dikagumi. Berdasarkan rekod di Kementerian Pendidikan, tidak ada sekolah yang dapat menjadi macam Yayasan Anda, dan sekolah-sekolah agama tidak dibela, orang terfikir apakah yang dapat diubah di Kementerian Kewangan? Umat Islam di negara ini tidak terkejut jika lesen judi diteruskan di bawah menteri baru. Orang akan terkejut jika lesen judi dibatalkan. Dan saya harap dia akan membatalkan lesen judi supaya saya terkejut dan orang lain ikut terkejut. Mungkin judi dirasakan terlalu remeh. Tetapi judi adalah dosa besar. Mungkin tidak sampai ke situ yang difikirkan oleh beliau (Anwar) bila dia hendak sangat jadi Menteri Kewangan." Anwar juga tidak begitu gemar dengan penglibatan Umno secara langsung di dalam perniagaan seperti yang ditunjukkan semasa era Daim Zainuddin. Tetapi apakah dayanya? Sekarang ramai orang bercakap bahawa Anwar menggunakan kedudukannya sebagai Menteri Kewangan untuk "membeli undi" dengan mengagih-agihkan peruntukan saham yang begitu lumayan menerusi dasar penswastaan dan juga projek-projek yang bernilai jutaan ringgit. Orang-orang yang ada hubungan baik dengannya sudah pun kaya raya sekarang. Sukar juga untuk memastikan kebenaran dakwaan itu, tetapi yang orang sebut, Anwar tidak ada bezanya dengan Menteri-menteri Kewangan yang terdahulu. "Menteri Kewangan yang lain tidak begitu faham Islam seperti Anwar. Jadi saya rasa kesalahan Anwar lebih besar dari mereka," seorang teman lama yang sentiasa mengikuti perkembangan Anwar memberi pandangan.

Semasa mengulas belanjawan sulung Anwar, Shabery Cheek berkata: "Anwar berbeza dengan Menteri Kewangan yang lain sebelum ini yang membentangkan ucapan belanjawan mereka secara serius dan tumpuan sepenuhnya diberikan kepada soal prestasi ekonomi dan langkah kerajaan memperbaikinya. Anwar telah mengambil kesempatan daripada ucapannya untuk menghentam musuh-musuh politik beliau. Kata-kata kesat seperti jumud dan kembiri politik dilemparkan dalam ucapan belanjawan tersebut dan beliau juga beberapa kali memuji orang tertentu yang digemarinya sehingga ke peringkat yang boleh memalukan. Anwar telah memulakan era baru dengan mempolitikkan segalanya termasuk belanjawan. Saya bimbang sekiranya perkara seperti ini diteruskan, negara kita akan dicemuh dan kita akan dianggap tidak lagi mempunyai pemimpin ekonomi yang benar-benar berwibawa. ... Pada pandangan saya belanjawan kali ini merupakan belanjawan taukeh judi kerana mereka sudah tentu sedang berpesta menerima belanjawan ini."

Tengku Razaleigh juga menegur kerajaan tentang dasar bahasa, lama sebelum *Utusan Malaysia* mempopularkannya: "Dulu rakyat disuruh belajar di aliran Melayu dan mereka dijanjikan bahasa Melayu akan menjadikan bahasa yang mampu bersaing dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Entah apa mimpinya, kini pemimpin negara mula mengagungkan kembali bahasa Inggeris. Katanya, dengan menggunakan bahasa Inggeris kita akan lebih maju, kerana nilai komersilnya yang tinggi. Saya tidak menafikan faedah kita belajar bahasa Inggeris dan juga lain-lain bahasa di dunia, tetapi apa akan terjadi kepada rakyat yang sudah memilih aliran Melayu? Mereka ini kebanyakannya datang dari kampung dan tidak berpeluang mendapat pendedahan yang baik dalam bahasa Inggeris. Akibatnya

mereka inilah yang akan ketinggalan mundur di bawah dasar bahasa yang baru ini. Malah yang lebih menyedihkan kita, mereka ini pula diminta berlatih dan mempertingkatkan kemahiran bahasa Inggeris dalam masa yang singkat. Mereka terpaksa berbuat demikian dalam keadaan serba kekurangan, terutamanya dari segi guru dan kelengkapan. Tanggapan yang mengatakan sesebuah negara akan maju apabila lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris boleh dipertikaikan. Korea dan Jepun membuktikan yang mereka maju bukan kerana bahasa Inggeris. Begitu juga Jerman, Perancis, Itali dan Sweden. Mereka juga amat maju tetapi mereka juga tidak mengutamakan bahasa Inggeris.

"Mereka yang ghairah mempertahankan bahasa Inggeris ini menggunakan hujah bahawa kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sudahpun kukuh kerana ia telah dimaktubkan dalam perlembagaan negara. Kata mereka, oleh kerana sudah kukuh, maka tak payahlah kita sibuk nak perjuangan sangat bahasa Melayu lagi. Apa maknanya kukuh kalau ia tidak didaulatkan. Di Singapura, bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara itu, tetapi apalah maknanya kalau ia sekadar hiasan, sedangkan dalam kehidupan seharian bahasa itu tidak dipandang bernilai lagi. Di negara kita, hingga kini, tahap penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi, ilmu pengetahuan, saintifik dan perdagangan masih jauh dari matlamat yang dirancang. Ini mencerminkan kurangnya kesungguhan di pihak yang berkuasa. Kalau menonton TV kebanyakan rancangannya masih dalam bahasa Inggeris. Hingga kini masih banyak buku-buku mengenai pelbagai bidang ilmu belum diterjemahkan ke bahasa kita untuk meningkatkan kualiti pembacaan dan pemikiran rakyat yang terdidik dalam bahasa Melayu. Ada pula yang berpendapat mutu keluaran universiti kita hari ini merosot kerana mereka tak tahu bahasa Inggeris. Bagi saya, mutu mereka merosot bukannya kerana tak tahu berbahasa Inggeris. Sebaliknya ia lebih disebabkan oleh dasar kerajaan yang banyak mengongkong perkembangan intelektual mereka. Kegiatan mereka disekat, forum-forum serius tidak digalakkan, perhubungan mereka dengan gerakan pelajar luar negeri juga dihalang. Bagaimana fikiran dan bakat mereka hendak berkembang? Kalau membaca akhbar dan menonton TV pun, pemikiran mereka dihina dan disempitkan, kerana semuanya dipenuhi oleh propaganda murahan kerajaan. Tidak ada ruang kritik, polemik dan perbahasan serius mengenai sesuatu topik yang menyentuh keperluan rakyat atau sesuatu buah fikiran. Oleh yang demikian, sekiranya mahasiswa kita beku, jangan salahkan bahasa Melayu. Mereka beku kerana dasar kerajaan yang lebih rela mereka begitu."



Yang di Pertuan Agong mengucapkan tahniah di atas perlantikan Ghafar sebagai TPM. Bila pula sebagai PM?



Ghafar sebagai pengerusi rapat umum di padang Bandar Hilir, Melaka di satu perhimpunan mengisytiharkan tarikh kemerdekaan. Sesungguhnya Ghafar cukup berpengalaman dalam politik. Dalam hal ini Ghafar lebih hebat dari Anwar.



**GHAFAR Baba melambaikan tangan kepada mereka yang mengucapkan selamat jalan kepada beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa di Subang malam tadi.**

# Misi dagang pertama Malaysia ke Eropah Timur berlepas

KUALA LUMPUR 30 Sept. — Misi perdagangan ulung Malaysia ke negara-negara Eropah Timur berlepas malam ini dengan diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba.

Ghafar mengetuai 50 delegasi yang terdiri daripada ahli-ahli perniagaan dan politik tempatan yang buat pertama kalinya akan melawat Hungary, Poland dan Romania.

Menteri Pertanian Dato' Sri Sanusi Junid dan Menteri Penerangan Dato' Mohamed Rahmat turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang bagi mengucapkan selamat jalan kepada rombongan tersebut.

Ghafar yang ditemui para pemberita sejurus sebelum berlepas berkata, lawatan tersebut bertujuan meneroka peluang perdagangan di samping merapatkan jurang politk antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan.

"Hungary, Poland dan Romania menjadi pasaran ekonomi yang penting dan ini akan menjadikan hubungan Malaysia dengan mereka lebih bermakna," ujarnya.

Ghafar berkata, negara-negara tersebut memang pernah meminta Malaysia menghantar rombongan melawat mereka.

"Dalam dialog antara ahli perniagaan kedua-dua negara nanti, kita akan cuba memperkenalkan minyak kelapa sawit dan peralatan elektronik di samping melawat kilang-kilang mereka dan cuba mempelajari teknologi yang mereka miliki" katanya.

Malaysia, katanya, boleh membeli jentera pertanian atau pengangkutan awam daripada negara-negara tersebut.

Sebelum ini, perdagangan Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur adalah sangat kecil, katanya.



Keupayaan Ghafar dalam hubungan antarabangsa kerap kali dipertikaikan. Mungkin dengan bantuan Pak Lah, ia dapat dipertingkatkan.



Tengku Razaleih dan Musa seperti sudah menyerah kalah. Mahathir pula seakan membaca ikrar. Untuk siapa? Ghafar, relax sahaja.



Ghafar bersama Datuk Harun Idris dan Tun Abdul Razak dalam majlis Perayaan Umno 25. Harun Idris yang menentang Tun Razak sudah ke tepi. Yang tinggal hanya Ghafar.



Ghafar di Johor Bahru. Sayang, pengundi Johor Bahru tidak termakan dengan kempennya.



Mampukah Anwar atau Ghafar menghadapi karenah Lim Kit Siang?





Bukan sahaja Anwar yang pandai melancarkan buku, Ghafar apa kurangnya? Kelihatan Ketua Pengarah DBP, Haji Jumaat Mohd Nor menyampaikan lukisan bertajuk "Tak Melayu Hilang di Dunia" kepada Ghafar selepas melancarkan buku "Pendekar Kundur".







Ghafar berpeluk tubuh, senang hati nampaknya menunggu giliran selepas Mahathir.





Ucapan tahniah untuk Ghafar. Mahathir seperti sedang menyosongkan kerusinya.



Apa yang diketawakan? Nasib rakyat atau nasib pemimpin-pemimpin Umno yang ghairah merebut jawatan?




Wajah-wajah gambira seperti ini terlalu sukar dijelmakan kembali dengan penuh ikhlas — dalam percaturan politik Umno. Ghafar masih ada, tanyalah kepadanya.



Mesyuarat pertama parti Perikatan dengan PAS ke arah menubuhkan kerajaan campuran, pada 27 Februari 1973. Tokoh penting politik Malayu yang kelihatan di sini ialah Tun Dr Ismail, Tun Razak, Datuk Asri dan Ghafar.

**MALAYSIA**

*Umno promises Muslims it will curb some gambling*

# Over the odds

**By Suhaini Aznam and Nick Seaward in Kuala Lumpur**

Although Islam, Malaysia's official religion, forbids gambling among its followers, Malaysian punters of any stripe can bet at three racecourses, make or lose a small fortune at the Genting Casino and, since the 1950s, invest their hopes and hard-earned dollars in government-licensed lotteries.

However, the contradiction is not lost on the new United Malays National Organisation, or Umno (Baru) — the dominant party of the ruling National Front coalition — and on 3 March, Deputy Prime Minister Abdul Ghafar Baba assured the party's supreme council that the government would move to curb gambling.

While there is no federal ban on Muslims betting on horses or the lotteries (the government runs the oldest of these, the Social Welfare Lottery, established in 1950), Muslims are barred from the Genting Casino in Pahang by order of the Sultan of Pahang, who is the state's religious leader. The Genting Casino, which draws mainly non-Muslim Malaysians and Singaporeans, is Malaysia's only such gambling establishment.

Gambling is a lucrative business, and licensed operators are among Malaysia's top taxpayers. Magnum Corp., one of the country's three big gambling companies, told the *Business Times* recently that it pays 27% of its turnover in gaming tax — in addition to 40% of its profits in income tax. Meanwhile, police estimate that M$5 billion (US$1.8 billion) changes hands in illegal gambling each year.

The opposition Parti Islam and other Islamic purists have often asked why a Muslim-led government allows gambling, but their voices have fallen on deaf ears — until now. Ghafar's recent announcement on the subject came after three weeks of intense anti-gambling campaigns published in the *Utusan Malaysia*, an Umno-owned daily newspaper known for keeping an even hand between political factions, unlike the Umno-owned New Straits Times Press group of publications, which are closely identified with Finance Minister Datuk Daim Zainuddin and his allies.

Although never actually named, the campaigners' target was, ultimately, Daim, who is responsible for issuing gambling licences and whose nominees and business allies manage at least three gambling companies.

On 7 March, Daim announced a freeze on new gambling licences, a withdrawal of 70% of existing slot machine licences and stricter controls on private lottery draws. His deputy told parliament that Daim would announce the government's policy on gambling soon.

Although the main thrust of Daim's crackdown is aimed at slot machine operations, the explosion of gambling activity that seems to have brought the issue to a head has taken place in the lottery business, where an Umno-controlled company has launched one of the two new lotteries now competing directly with the federal government's popular Social Welfare Lottery.

Through a network of business alliances, nominees and front companies, Umno has built up a strong presence in the gambling business over the past few years. This presence is centred on two publicly listed companies, Ayer Hitam Tin Dredging Malaysia and Sports Toto. The former is run by Daim's nominees and the latter is linked by cross-holdings to companies owned by Umno's investment holding company, Fleet Group.



**Daim: target of campaigners.**

Ayer Hitam owns a 51% stake in Daimaju Enterprise, which in turn effectively holds an 80% stake in Sababumi (Sandakan). Another Umno nominee-controlled company, Aokam Tin, which has a 22% holding in Ayer Hitam, also holds a 25% stake in Daimaju. Sababumi holds the exclusive rights to operate three and four-digit lotteries in Sabah, together with on and off-course betting on horse races. It is also selling tickets for a Sabah Sweepstakes, with a top prize of M$2 million — half a million higher than the Social Welfare Lottery.

In a statement by its chairman, Mohamad Noor Mohamad Dom, Ayer Hitam said it expects a profit of M$12 million a year from the Sabah operations. However, Sandakan does not even have a racecourse yet.

Sababumi started construction of a racecourse in October 1988. The project is now way behind schedule, and few people in Sandakan are even aware of the impending advent of horse racing in their town — let alone the intended location. Vincent Tan See Yin — a Kuala Lumpur-based entrepreneur who has been advising Ayer Hitam on its diversification plans — has been telling investors that completion is expected soon.

The construction of the racecourse is crucial to Ayer Hitam as it exploits a loophole through which the company gains access to the lottery market. It emerged in parliament recently that only two types of lotteries are permitted in Malaysia: the Social Welfare Lottery, administered by the Social and Welfare Services Board Act; and sweepstakes lotteries organised by Malaysian horse-racing clubs and administered by the Racing Club (Public Sweepstake) Act, 1965. However, due to a quirk of history, the federal government currently has no controls over the setting up of turf clubs in Sabah or Sarawak.

Another company, Ascot Sports, is operating three off-course betting shops in the Kuala Lumpur area but does not have a racecourse in Malaysia — either completed or under construction. Ascot is a joint venture between Vincent Tan Chee Yioun (no relation to the other Vincent Tan) and Grand Metropolitan International Racing of Britain, and uses British and Australian horse races as its betting medium. On 7 March, Daim announced that Ascot would not be permitted to open any new outlets.

Tan, a long-time Daim ally, is the ultimate controlling shareholder of Sports Toto Malaysia, which holds a licence to run a numbers game, on condition that it pays a 3% royalty and turns over 10% of its annual pre-tax profits to the National Sports Council. The company was privatised by the government in 1985 and taken public in 1987, at which stage it was the fastest-growing gambling operation in the country.

In February, Sports Toto belatedly revealed that it had acquired a 4.33% stake in Magnum Corp. in late 1988. Magnum runs the largest four-digit operation in the country and is controlled by the investment arm of Umno's main National Front partner — the Malaysian Chinese Association. Together, Magnum and Sports Toto have an annual turnover estimated at about M$800 million.

All eyes are now on licensed casino operator Genting to see which lucky bumiputra (indigenous Malaysian, mainly Malay) investor gets chosen to purchase a 30% share in Genting's gaming and resort-based division. This division traditionally accounts for around 75% of Genting's profits, which last year came to M$219.8 million on a turnover of M$480.7 million. Cynical investors are saying openly that a share of these profits will be too much of a prize for Umno to resist. ■

**ECONOMIES 2**

*Finance Ministry tests Anwar's principles*

# Political springboard

Kita akui, seperti kata Dr Siddiq, "Merekalah yang telah membintangi babak sejarah era Mahasiswa Menggugat, era yang mencatatkan serangkaian aksi mahasiswa meledakkan protes dan tuntutan umat, dari sudut-sudut pidato, hinggalah ke demonstrasi di jalan-jalan raya." Namun apakah beliau tidak melihat begitu banyak sekatan yang dikenakan kepada mahasiswa dan tenaga akademik, tidak terkecuali

malah semakin terkongkong, di zaman Encik Anwar Ibrahim? Lupakah dengan Akta Polis yang diperkukuhkan, begitu juga dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Rahsia Rasmi dan akta keramat, Akta Universiti? Rasanya perlu diingatkan juga tentang penahanan dua orang pemimpin pelajar di bawah ISA hanya kerana demonstrasi membantah konsert.

Bagaimanapun kita menghormati pandangan ABIM yang ditegaskan pada tahun 1983 mengenai "hak asasi yang merupakan isu besar yang sentiasa hangat di sepanjang sejarah - isu yang telah mencetuskan siri revolusi-revolusi besar dunia, isu yang melahirkan deklarasi demi deklarasi, namun hingga hari ini manusia rata-rata masih gelisah dengan hak asasinya yang terus menerus tergugat."

Jelas Dr Siddiq, "Rakyat Malaysia juga tidak terkecuali dari ikut merasakan bahawa hak-hak asasi mereka dalam keadaan tidak selamat kerana adanya akta-akta tertentu seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dalam Negeri 1960, Peraturan-Peraturan Perlu (kes-kes keselamatan) 1975 dan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981." Cukupkah setakat kenyataan seumpama itu khususnya apabila ISA terus dipinda berulangkali hingga mahkamah langsung tidak berperanan lagi.

Kita masih dapat memahami sikap dan sokongan ABIM kepada bekas presidennya, Encik Anwar Ibrahim yang kini menjadi menteri terkanan dalam kerajaan, tetapi bagaimana sikap mereka dengan Dr Mahathir? Berhadapan dengan Encik Ghafar Baba, Datuk Musa Hitam, Datuk Abdullah Badawi dan juga Datuk Sanusi Junid; kita memahami sindiran tajam kepada tokoh-tokoh itu hanya kerana mereka ini dikira berupaya menyekat kemaraan Encik Anwar kepada kedudukan tertinggi dalam kerajaan.

Sayang seribu kali sayang, semasa dunia menyaksikan pelbagai penyelewengan yang dilakukan oleh Dr Mahathir, ABIM kehilangan suara. Rakyat yang amat prihatin dengan kebenaran dan keadilan mencari-cari suara ABIM kerana badan dakwah itu dikenali satu waktu dulu sebagai jurubicara masyarakat. Polisi non-partisannya telah dirempuhnya sendiri, kritikannya kepada PAS semakin terasa sementara simpati dan sangka baiknya kepada pemimpin utama UMNO semakin ketara.

Ucapan dasar terbaru ABIM membuktikan bahawa ABIM tidak malu-malu lagi untuk memberikan sokongan terbuka kepada parti pemerintah yang ada. Lebih dari itu, mereka membuat kesimpulan bahawa perpecahan dalam UMNO adalah



Bersuara untuk siapa?

disebabkan perubahan ke arah Islam yang dilakukan oleh Dr Mahathir.

"Perubahan-perubahan ke arah trend keislaman inilah sebenarnya yang melatari kemelut perpecahan paling besar dalam sejarah parti pemerintah, gara-gara yang dicetuskan oleh elemen sekular dalam parti dengan restu dan dokongan tokoh-tokoh tua yang merasa *secular heritage*nya tergugat," tegas ucapan tersebut.

Paling menonjol apabila ucapan dasar itu menyinggung masalah pilihanraya umum akan datang, yang membayangkan kedudukan ABIM terhadap perkembangan Islam sekiranya parti pemerintah terancam kedudukannya nanti.

"Apakah warna kehijau-hijauan ini akan dapat terus menghijau, atau akan segera bertukar warna kembali kering menguning semula seperti sebelumnya? Apakah ruang dakwah Islamiah yang terbuka ketika ini akan terus terbuka lagi, atau segera tertutup seperti dulu.

"Saudara-saudara sedang berhadapan dengan persoalan besar, apakah pentadbiran sekarang - dengan segala kelemahan dan kekuatannya - memerlukan alternatif? Kalau memang ada alternatif yang lebih baik, tentulah persoalannya menjadi mudah. Tetapi apakah ada alternatif yang sebenar-benar alternatif? Atau cuma bersiap sekadar untuk menambah kerusi, bukan untuk memerintah atau memberi alternatif."

Rupa-rupanya sikap ABIM seperti juga Dr Mahathir - langsung tidak menghormati kehadiran pembangkang. Apakah negara kita tidak memerlukan parti pembangkang yang kuat khususnya dari parti Islam dengan membiarkan parti pemerintah berbuat apa saja dengan majoriti empat perlima di Parlimen sekarang ini? Dalam masa yang sama, PAS seolah-olah disindir, "Tetapi soalnya, apakah ada wadah yang mempunyai kredibiliti yang masih utuh sebagai wadah politik Islam?"

Apakah ABIM tidak melihat kehadiran tokoh-tokoh pembangkang Islam di Parlimen memberi manfaat kepada perkembangan Islam itu sendiri, dan sanggup melihat Ahli-ahli Parlimen atau ADUN yang tidak berakhlak luhur memenuhi dewan-dewan perundangan yang begitu penting itu?

Sekurang-kurangnya dalam hal ini, Dr Shamsul Amri Baharuddin dari UKM lebih jujur menyorot keperluan parti-parti pembangkang. "Pada peringkat negeri mereka(pengundi) hendak menegakkan kerajaan PAS di Kelantan sebagai alternatif kepada kerajaan Perikatan/BN. Pada peringkat parlimen mereka perlu mempunyai saluran langsung melalui Ahli Parlimen Perikatan/BN setempat yang sebenarnya adalah menteri-menteri kabinet dari Kelantan. Dengan cara ini para pengundi berkenaan berpendapat bahawa kepentingan mereka pada peringkat negeri dan pusat dibela."

Meskipun pemimpin ABIM cuba menjustifikasikan tindakannya berbaik-baik dengan kerajaan dengan alasan "kita ingin menghayati semula kebebasan ini (atas dasar hak dan kewajiban warganegara) tanpa dihantui oleh kebimbangan dianggap antikerajaan atau pengampu kerajaan", tetapi umum memaklumi sikap ABIM yang sebenarnya untuk memastikan bahawa Encik Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri selepas ini dan kedudukan mereka dalam institusi kerajaan dan badan berkanun terjamin.●



*Encik Anwar . . . dislikes the fussy procedures and protocols one has to observe or adjust to; things like formal programmes and closing and opening ceremonies.*

# Anwar's keeping the faith

STAR 26-2-86

IT was early morning and the people of Ulu Selangor kampung were busy preparing the grand welcome for the honourable Agriculture Minister.

Just as the boys were polishing *their kompang* drums, there was a stir. Shock and amazement ran through the village. The Minister had casually strolled into the community hall 40 minutes early!

"They were delighted to see me but they were also terribly disappointed that I arrived early and ruined their grand welcome because the *kompang* boys were not ready," recalled Anwar Ibrahim with a chuckle.

The incident illustrates how different life has become for him since the days when he was president of the Malaysian Muslim Youth Movement (Abim). Then he could walk into any village and mingle freely and not worry about upsetting drum beaters.

But when he joined Umno and the Government in 1982, Encik Anwar, 38, had to make the transition from vociferous government critic to Minister and member of the leadership.

His critics accused him of selling out for personal gain, but in three years he has become identified as one of the new breed of young politicians being groomed to take over the helm.

He has also won much respect and approval as the dynamic Umno Youth leader. Despite his direct role in the Government, he has continued to be a critic whose views are sought on national policies and current issues, thanks to his position as Umno Youth leader.

Learning the ropes has not been easy but till now he finds pomp and ceremony a little disconcerting.

"I prefer to be myself. I dislike the fussy procedures and protocols one has to observe or adjust to; things like formal programmes, closing and opening ceremonies and arriving at certain times," he said.

With his dislike for fuss, Encik Anwar directed his Ministry to cut down excessive fanfare, receptions. He has also banned the giving out of souvenirs at official functions, unless these are held in rural areas and the people insist on presenting him with bananas or papayas.

"But otherwise, this sort of thing can be excessive and burdensome on the people," he said.

Position and power surely must have affected him, as he said, "some adjustments are necessary because in a big party like Umno, you have to observe certain etiquette, ethics and discipline in the party."

"But this has not inhibited me in any way from expressing my views frankly and openly on all issues, be it at Umno or Cabinet meetings and even with the Prime Minister," he added.

● TURN TO PAGE 4

# SETTING THE STAGE FOR '93

**By Nizam Mohamed**

NO CLEAR line of succession in Umno emerged from the just concluded vice-presidential race. And the delegates to the general assembly are to be congratulated for this.

The alternative would have been a second echelon with only one realistic contender for deputy president if a choice had to be made in the next three years.

The delegates, it seems, would have none of that.

"They set aside the geographical factor to elect the three whom they saw as the strongest candidates," a party official said.

"They were obviously thinking of succession. In such a frame of mind, delegates can be quite independent."

A division leader puts it another way. "The delegates weeded out the three who looked least likely to be deputy president anytime soon or ever."

Among the losers, Tan Sri Muhyiddin Yassin appeared to have the most potential for national leadership. That could have been as much an advantage as a disadvantage.

A minister's aide knows the Johor Mentri Besar to be a man respected by his peers. But he is also aware of the trouble with peers: "Each considers himself to be first."

By most accounts, pledges of support were easily given to Tan Sri Muhyiddin, but not all were honoured. And his campaign did not strike observers as being guided by a firm hand.

A campaign worker, in retrospect, sees the problem: "He was contesting with the blessing of Datuk Musa Hitam. He was with Datuk Seri Anwar Ibrahim. He was his own man. He was a lot of other things that only sounded contradictory because they were not well conveyed."

Some of his people now accuse Datuk Seri Anwar's supporters of not delivering the votes.

A delegate believes that they are only partly right: "Anwar has two levels of supporters. The core are very intent on making the situation as good as possible for him to go up. They would consider it an advantage if the other two vice-presidents are mentris besar. They would vote for Muhyiddin, and I think they did. The others are more flexible."

The timing of the contest also seems to have affected the chances of Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, but in a different way.

The Terengganu Mentri Besar has never been viewed as a candidate for national office. His stature is that of a religious scholar, state leader and representative of the conservative east coast.

In the closing stage of the campaign, the word was that Tan Sri Mokhtar had appeased Kelantan delegates who charged him with being indifferent to their plight.

Reports from the ground on the eve of polling suggested that his appeal for "a last term" had won enough sympathy to give him a fighting chance for third place.

And an upset was also indicated.

Datuk Seri Anwar, who received a record number of nominations, was no longer the front runner. An independent survey group found "Wan Mokhtar peering over his shoulder."

Tan Sri Muhyiddin had slipped badly, and Malacca Chief Minister Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik was not even discussed.

Datuk Seri Sanusi Junid, who is said to have begun his campaign of service to the rural folk and party members since 1988, was reported to be in the lead.

And Datuk Abdullah Ahmad Badawi, whom so many had written off at the start, was put just behind the Agriculture Minister.

How accurate were the reports? Did they pinpoint the positions of the candidates on the morning of polling day? No one could tell for sure. Just as nobody could determine exactly how much the presidential address influenced the voting.

A parliamentary secretary allied to Datuk Seri Anwar does not think that the Umno president's remarks onwhat a leader should be and how a campaign should be conducted had much impact.

He believes that "the delegates had already decided, and the speech would have only affected a few, if any at all."

Datuk Seri Sanusi's supporters think otherwise.

So what does the outcome show?

By the reckoning of most, the more significant revelation was the re-surfacing of Datuk Abdullah as a force to be reckoned with.

His supporters acknowledged that he received a lot of sympathy. But, as an aide noted: "It was the quality of sympathy that made the difference. Without respect, the sympathy would not have translated into votes."

Another aspect of the result being analysed is the implications of the defeat of most of Johor's candidates, including Tan Sri Muhyiddin.

Does this strengthen the possibility of Datuk Musa's return?

This is only one of the many questions that may not be properly answered until the next party elections in 1993.

As was the case last week, the character and outlook of delegates and their perception of what the party needs will count for a lot in 1993.

Dr Mahathir, when opening the assembly on Friday, told the delegates: "What is the use of becoming the leader of Umno, complete with high-sounding titles, if in the end the party loses in the elections and cannot continue its struggles?"

That, apparently, was a major concern of the delegates themselves.

And there is no immediate reason to believe that the delegates will be too different in 1993.

# Muhyiddin a good choice to replace Musa

JOHOR BARU, Fri. — Many Johoreans are said to regard Mentri Besar Tan Sri Muhyiddin Mohamed Yassin as a possible replacement for Datuk Musa Hitam at the national level.

This may be seen from the endorsement Tan Sri Muhyiddin received from all 18 divisions in Johor one of the three posts of vice-president.

"With Datuk Musa not wanting to contest for vice-president, the next obvious choice is Tan Sri Muhyiddin," a state Umno official said.

"He has helped to reunite Johor Malays under the present Umno, and has proven his capability as Mentri Besar. He deserves to try for vice-president."

Having obtained 48 nominations, the second-highest after Datuk Seri Anwar Ibrahim's 108, Tan Sri Muhyiddin does seem to stand a good chance of winning.

Tan Sri Muhyiddin's campaign has been simple. It is based on his performance in the party and the government, and that Johor Umno had always had a representative at the top.

With Datuk Musa quitting as Deputy Prime Minister and later losing his deputy presidency, Johor Umno "no longer had a presence at the top," a party leader said.

Tan Sri Muhyiddin acknowledged this, saying that Datuk Musa had "*buka jalan* (opened the way)" for him.

Tan Sri Muhyiddin has carefully cultivated a good relationship with Datuk Musa, resulting in the former Deputy Prime Minister "surrendering his men" to him after the Johor Malay Unity Forum.

While many of Datuk Musa's supporters are reported to be backing Tan Sri Muhyiddin, there are some who privately disagree with his leadership style and his economic programmes.

"Certain leaders are unable to accept Tan Sri Muhyiddin as the possible successor to him (Datuk Musa)," an observer said.

Another factor that may affect Tan Sri Muhyiddin's support in Johor is his teaming-up with Datuk Seri Anwar who has a "strained relationship" with Datuk Musa.

He believes that Tan Sri Muhyiddin can secure at least 80 per cent of the Johor votes but doubts if the Mentri Besar can deliver half of that to Datuk Seri Anwar.— By K.T. Arasu

# 13

# APA LEBIHNYA ANWAR? APA KURANGNYA GHAFAR?

Dari sudut mana pun kita hendak melihat percaturan politik Umno di masa akan datang, ia akan terikat kepada satu persoalan besar, "siapa yang akan mati dahulu, Dr Mahathir atau Ghafar?" Persoalan hidup mati tidak boleh dibuat main-main tetapi inilah realiti dalam Umno sekarang, tiga orang Naib Presiden Umno, Anwar, Abdullah dan Sanusi akan menghayun langkah untuk mara menerajui Umno berdasarkan faktor kematian Dr Mahathir dan Ghafar. Kalau kita tidak mahu gunakan istilah mati, elok sahaja ditukar, "siapa yang hidup lama, Dr Mahathir atau Ghafar?" Persoalan ini ditimbulkan kerana umum mengetahui antara Dr Mahathir dengan Ghafar ada perbezaan besar, dan mereka tidak dapat mencapai kata sepakat untuk memilih pengganti selepas mereka. Orang yang menjadi kepercayaan Ghafar mungkin Dr Mahathir tidak berkenan, begitu juga sebaliknya. Umur mereka juga sebaya, menghampiri 70 tahun.

Ketiga-tiga naib presiden dari utara ini asalnya orang kepercayaan Dr Mahathir. Sanusi dan Abdullah Badawi lebih rapat dengan Dr Mahathir dan menjalankan usaha memprojekkan Dr Mahathir semasa pemerintahan Tun Hussein Onn. Ada pihak mendakwa mereka bertanggungjawab "menyisihkan" Tun Hussein sekiranya ada peluang untuk berbuat demikian dengan menonjolkan Dr Mahathir. Anwar ketika itu masih menentang Umno dan lebih dikaitkan dengan PAS. Haji Subky Latif pernah cenderung untuk meletakkan Anwar sebagai pemimpin utama PAS selepas Asri. Tetapi apabila Anwar dipelawa sendiri oleh Dr Mahathir ke dalam Umno, dari hari ke hari, hubungan Dr Mahathir dengan Abdullah Badawi terjejas. (Marina Yusoff, bekas ahli MKT pernah menjelaskan: *"When he (Anwar) was ABIM President, we in the Umno Supreme Council discussed ways to handle him. When Mahathir suggested that Umno woo him (before PAS does), we thought it a good idea, and supported the move. But scarcely did we realise that someone like him, who was on the other side all this while, would come up so quickly")*. Sanusi yang menjadi Setiausaha Agung Umno tentunya mempunyai peluang yang terus terbuka untuk mendampingi Dr Mahathir. Justeru itu agaknya Abdullah Badawi memilih untuk merapati

Musa Hitam setelah menyedari Dr Mahathir terlalu asyik dengan Anwar. Pembabitannya dengan Team B rasanya bukanlah disebabkan persefahamannya dengan Tengku Razaleigh. Beliau terpaksa berbuat demikian demi survival politik. Jadi, secara tidak langsung, hubungannya dengan Anwar juga terjejas dengan teruk. Peningkatan Anwar dalam Kabinet terlalu cepat dan dalam masa yang sama Abdullah Badawi diketepikan; Sanusi pula tersekat, tidak dapat melangkah dengan lebih jauh lagi. Bagaimanapun tidak pula dinafikan pembabitan Abdullah Badawi dengan Team B ada kaitan dengan stail pemerintahan Dr Mahathir.

Hanya Allah (SWT) yang mengetahui, antara Ghafar dengan Dr Mahathir, siapa yang lebih lama hidup. Tetapi jangan lupa, soal hidup mati melibatkan semua orang, termasuk Anwar, Abdullah dan Sanusi. Kata orang, "kita tidak tahu siapa 'nak jalan dulu." Rasanya tidak seronok membincangkan masa depan politik Malaysia dengan mengaitkan faktor kematian Dr Mahathir dan Ghafar, tetapi apa 'nak buat, itulah hakikatnya. Sekiranya Dr Mahathir menyenangi Ghafar, apa salahnya beliau menyerahkan jawatan PM kepada Encik Ghafar yang sudah lama berkecimpung dalam Umno itu. Takut kempunan pula nanti. Dalam pada itu kita kena ingat bahawa jawatan PM itu bukan seperti harta pusaka yang boleh diwariskan dengan begitu mudah. Harta pusaka pun, kalau silap agihkan, buruk akibatnya, boleh bertetak boleh bergolok. Umno yang berbangga dengan tradisi Melayu, yang hormatkan orang-orang tua, yang lebih rela tumbuk dinding daripada tumbuk orang yang dimarahi, tentulah amat sukar untuk mengenepikan orang lama Ghafar ini. Apatah lagi tokoh yang dikatakan ingin menyingkirkannya ialah orang muda dan masih baru dalam Umno, Anwar Ibrahim. Faktor orang lama walaupun bukanlah faktor utama, tetapi ia antara faktor yang penting. Inilah yang memeningkan kepala juak-juak Anwar.

Isu pertembungan Anwar dengan Ghafar hangat dibicarakan apabila tercetusnya krisis di Mara, kebetulan Pengerusi Mara ialah Tamrin Ghafar. Menurut bekas wartawan *Watan*, Shahbudin Hj Husin, (November 1991), Ketua Pengarah Mara, Haji Ridzuan Abdul Halim memihak kepada Anwar: "Dalam isu Mara itu, sebenarnya Haji Ridzuan hanya diberi tugas khas membuat kertas kerja mengenai Pusat Pembangunan Mara dan tugasnya sebagai Ketua Pengarah pula dijalankan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Awam memandangkan usaha menyiapkan kertas kerja bukannya mudah. Tetapi Haji Ridzuan dikatakan melihat pertukaran itu bermotif politik dan mengancam kedudukannya, lalu beliau mengadu kepada Anwar sedangkan sepatutnya tanggungjawab Ketua Pengarah Mara adalah kepada Menteri Perusahaan Awam. Anwar kemudian ketika berucap di Konvensyen Umno Melaka telah mendedahkan mengenai penyelewengan dalam agensi kerajaan dan bertegas akan membanterasnya. Ucapan itu segera dikaitkan dengan isu pertukaran Ketua Pengarah Mara. ... Serangan Anwar terhadap Mara yang dipengerusikan oleh Tamrin sebenarnya adalah peluru yang ditujukan kepada Ghafar."

Umno baru sahaja menghadapi perpecahan yang ketara. Tengku Razaleigh dilabelkan sebagai tokoh yang tidak sabar menjadi PM. Kalau Tengku Razaleigh bersabar menunggu, kata Dr Mahathir, peluangnya akan sampai juga. Begitu juga dengan Musa Hitam. Dia didakwa tidak sabar menunggu Dr Mahathir berhenti. Orang-orang yang tidak sabar ini akhirnya ditimpa kerugian, sama-sama melepas. Dalam Perhimpunan Agung Umno 1990,

Dr Mahathir mengingatkan: "Lambat laun kepimpinan terpaksa diganti. Amatlah sedih dan mendukacitakan jika proses menggantikan pemimpin-pemimpin ini menghancurkan parti. Tiga orang Presiden mengetuai parti Umno tanpa sebarang cabaran yang bersungguh-sungguh. Tidak adanya cabaran tidak bererti pemimpin dahulu tidak ada kelemahan sama sekali. Tidak adanya cabaran adalah kerana tokoh-tokoh yang berkebolehan dalam parti tidak sanggup mencabar pemimpin yang sedia ada pada masa itu. Perpaduan parti dianggap lebih penting daripada cita-cita besar mana-mana tokoh. Apabila ada individu daripada barisan pemimpin tinggi yang bercita-cita besar, individu yang mengutamakan cita-citanya lebih daripada parti, maka berlakulah kekecohan yang boleh memusnahkan parti." Kalau hujah yang sama hendak dipakai dalam konteks Ghafar - Anwar ini, siapakah gerangan tokoh yang tidak sabar itu? Tidak mungkin Ghafar, kata penyokong Ghafar. Dari segi tradisi, Ghafarlah pengganti Dr Mahathir.

Apakah semestinya pula Anwar? Penyokong Anwar akan berhujah, sejarah penglibatan Anwar dalam Umno membuktikan Anwar tidak gelojoh. Kalau Anwar tidak sabar untuk menjadi PM tentu Anwar akan masuk Kabinet semasa dipelawa oleh Tun Razak dulu. "Lagipun," kata penyokong-penyokong Anwar, "bukan masalah sabar atau gelojoh, tetapi siapa yang lebih layak? Sanggupkah kita berPMkan Ghafar, yang tidak menampilkan ketrampilan yang sewajarnya, setelah Malaysia menempa nama dan imej yang baik di bawah kepimpinan Dr Mahathir."

"Kalau Anwar masuk Kabinet di zaman Tun Razak, bersama Sanusi Junid, Tun Razak akan melayani anak-anak buahnya, yang dikira berkeupayaan memimpin dan mentadbir dengan baik, sama adil sama rata. Belum tentu Anwar akan diangkat dengan begitu mudah menjadi menteri kanan seperti yang dilakukan oleh Dr Mahathir. Anwar memang telah lama menunggu saat yang sesuai untuk masuk Umno di waktu dia boleh menjadi asset yang berharga kepada Umno terutamanya untuk menentang PAS," jawab penyokong Ghafar.

Kalau hendak berhujah antara penyokong kedua-dua belah pihak, ia tidak akan mencapai kata sepakat, seperti sukarnya mencapai kata sepakat antara Ghafar dengan Anwar. Yang lebih tertekan tentunya Anwar. Melahirkan penentangan terhadap seseorang yang lebih lama dan lebih kanan dalam Umno, tanpa alasan yang munasabah, seperti dalam kes Anwar lawan Ghafar ini membawa risiko besar kepada Anwar. Mungkinkah Anwar akan dicap sebagai penderhaka, seperti label yang diberikan kepada Musa Hitam ketika meletakkan jawatan dahulu. Walaupun Anwar pernah menegaskan dia lebih rela dipanggil pelampau dari seorang yang dikatakan dayus, tetapi istilah penderhaka terlalu berat untuk ditanggung. Senator Azman Attar pernah menimbulkan persoalan cita-cita besar Anwar secara terbuka ketika Azman menyampaikan ucapan alu-aluan di majlis penutupan konvensyen Umno Wilayah Persekutuan, akhir Oktober 1991: "Kita dengar khabar-khabar angin mengatakan Datuk Seri Anwar mahu jadi Timbalan Presiden. Betul ke? Tapi dari tengok wajah Datuk Seri Anwar, muka dia muka rezeki." Anwar yang menutup konvensyen itu, yang perasmiannya dilakukan oleh Ghafar sendiri, menegaskan: "Kita kena sokong Presiden dan Timbalan Presiden. Dengan ini suara-suara sumbang itu akan mati dengan sendiri. Saya sokong penuh kebijaksanaan Encik Ghafar yang mahu kita kurangkan politiking.

Perdana Menteri senang tinggalkan negara dan keadaan terurus dengan baik di bawah jagaan Encik Ghafar. Datuk Seri Dr Mahathir senang tinggal rumah tangga, tidak seperti Senator Azman yang ada banyak rumah." Anwar membuat penafian mengenai hubungannya yang dikatakan renggang dengan Ghafar. Bagaimanapun secara tidak langsung Anwar membuat serangan kepada Ghafar dengan membangkitkan masalah di Mara, merujuk kepada majlis ulang tahunnya yang ke-25. Ghafar ketika merasmikannya berkata, selaku Ketua Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan beliau tidak campur tangan siapa yang hendak dijemput ke konvensyen itu. "Saya langsung tidak pertikai siapa kena jemput dan siapa tak kena jemput," katanya lagi. Ucapan Ghafar ini dilihat sebagai sindiran terhadap Anwar yang dijemput merasmikan majlis penutup konvensyen itu, dan Ghafar seolah-olah mengesahkan Anwar adalah musuh politiknya.

Jika ditinjau penglibatan awal dalam Umno, semasa Anwar menawarkan diri bertanding merebut jawatan Ketua Pemuda Umno, bukan Dr Mahathir seorang sahaja yang tidak berkenankan Haji Suhaimi. Rata-rata dalam Umno juga berpendapat Haji Suhaimi perlu ditukar. Tiba-tiba, sekonyong-konyong datanglah Anwar, dan dia bertanding ketika Haji Suhaimi sudah tidak begitu popular dan kewajaran Anwar bertanding mudah dicari. Begitu juga semasa Anwar bertanding sebagai Naib Presiden Umno, pada tahun 1987. Jika tidak diambil kira soal Team A dan Team B pun, apabila Ghafar bertanding menentang Musa, untuk jawatan Timbalan Presiden Umno, satu kekosongan berlaku di peringkat naib presiden. Dengan itu, bermakna Anwar tidak nenentang naib presiden yang ada, iaitu Abdullah Badawi dan Wan Mokhtar. Anwar bersama Rais Yatim, Ramli Ngah Talib dan Harun Idris mencuba nasib mengisi tempat Ghafar. Apatah lagi kalau hendak ditinjau dari perspektif Team A dan Team B. Dalam Team A, Anwar sudah menduduki tempat ketiga di bawah Dr Mahathir dan Ghafar Baba. Walaupun Wan Mokhtar juga tersenarai dalam Team A tetapi umum memaklumi Wan Mokhtar bukan aktor penting politik Malaysia.

Keadaan yang Anwar hadapi sekarang jauh berbeza. Tiada sebab yang jelas mengapa Anwar perlu melonjak naik ke atas lagi. Anwar baru sahaja menerajui Kementerian Kewangan. Masih banyak perkara yang perlu dipelajarinya. Dan tentulah Anwar memerlukan lebih banyak masa untuk membuat perubahan di situ. Jadi, mengapa perlu terburu-buru mendaki ke puncak sebagai TPM? Apa salahnya Ghafar? Ghafar sentiasa memperbaharui "ikrar taatsetianya" kepada Dr Mahathir. Kata Ghafar (1986): *"I've always supported the leadership. I've never betrayed any leader."* Ghafar pernah meredakan ketegangan dalam Umno apabila dia bersedia memegang jawatan TPM dahulu. Difahamkan Dr Mahathir lebih berminat kepada Anwar, tetapi memandangkan Anwar boleh menyebabkan banyak lagi masalah, dan membenarkan telahan orang-orang Musa bahawa selama ini Dr Mahathir lebih menyenangi Anwar daripada Musa, maka terlantiklah Ghafar. *Malaysian Business* 1 Januari 1987, yang memilih Ghafar sebagai *Man Of The Year* melaporkan pandangan pemerhati politik: *"The PM had to tread cautiously to avoid compounding the problem. Thus his choice had to be somebody who was seen to be nuetral and yet worthy of respect. Ghafar, out of government and an Umno veteran, fitted the bill perfectly. Who could argue with the PM then?"* Dr Chandra mengulas: *"He's made some pretty sensible statements especially on ethnic issues."* Bagi Dr Jomo pula: *"He's got great public relations. In spite of publicly supporting so many government policies, somehow he was avoided antagonising people. Maybe that's the secret of his staying power."*

Dr Mahathir tentunya tidak boleh melupakan jasa Ghafar yang satu ini. Ghafar banyak membantu kempen-kempen Barisan Nasional, khususnya di kampung-kampung. Walaupun rakyat Malaysia sudah maju dam tahap pendidikan mereka semakin tinggi, tetapi kekuatan Umno tetap berada di kampung-kampung, bukannya kepada golongat elit atau korporat Melayu yang tidak berapa kerat itu. Bahasa Ghafar mudah difahami dan mesejnya jelas. Ramai juga pihak yang memperlekehkan stail kempen Ghafar, tetapi itulah yang memikat pengundi-pengundi kampung. Dr Mahathir pun terpaksa mengaku kalah dalam hal ini. Tengok sahajalah penglibatan Ghafar yang begitu berstamina dalam kempen pilihanraya kecil. (Bagaimanapun Ghafar tentunya tidak boleh lupa yang beliau diserang tebuan ketika berceramah di Bukit Payong). Tiada siapa boleh menafikan bahawa tanpa pembabitan Ghafar secara sepenuh masa dalam kempen-kempen seumpama itu, maruah Umno mungkin terjejas. Gaya Ghafar juga begitu sederhana dan mudah, lagaknya seperti bukan seorang TPM. Datuk K Pathmanaban menceritakan pengalamannya ketika hendak menonton wayang di Panggung Rex. Beliau melihat Ghafar, ketika itu Ketua Menteri Melaka, memandu kereta sendiri dan mencari tempat letak kereta, kemudiannya berbaris bersama orang ramai untuk mendapatkan tiket. Ramai juga orang hairan mengapa Ghafar tidak mempunyai sebarang gelaran. Anwar pun sudah terima "Datuk Seri" dari Sultan Pahang. Khir Johari mendedahkan bahawa beliau bersama Senu Abdul Rahman dan Ghafar berjanji tidak akan menerima sebarang darjah kebesaran sehingga mereka bersara dari politik.

"Dari segi jangka panjang kempen stail Ghafar tidak laku lagi. Sampai bila 'nak jaja pembangunan api, air dan jalan sahaja. Sampai bila Ghafar boleh memperlekehkan pemikiran masyarakat Melayu. Dan kenyataan-kenyataan Ghafar mengenai Islam kadang-kadang cukup berbahaya, boleh menyinggung masalah aqidah. Ghafar mungkin sesuai untuk masa sekarang, tetapi zaman semakin berubah. Aku tak dapat bayangkan bagaimana imej Umno di kalangan masyarakat intelektual ketika Ghafar menjadi presidennya," tegur peminat Anwar.

Satu lagi kelebihan Ghafar ialah sebagai tokoh pendamai terutamanya bila menghadapi persengketaan atau perselisihan antara parti-parti komponen BN. (Aliran ketika mengulas perlantikan Ghafar sebagai TPM, menyatakan: "*Given the circumstances, Encik Abdul Ghaffar Baba is the correct choice as Deputy Prime Minister. He is essentially a consensus-builder and inclined towards the politics of reconciliation. His accommodative style, humility and common sense would serve the nation well at this point in time.*" Tengku Razaleigh menyatakan: *If it were anyone else Umno would have been split*"). Harus diingat, kemenangan calon-calon Umno banyak bergantung kepada sokongan pengundi-pengundi bukan Melayu. Di banyak kawasan, kemenangan Umno menewaskan PAS dan Semangat 46 disebabkan majoriti pengundi bukan Melayu memberikan undi kepada Umno. Sekiranya dicongak jumlah undi di kalangan orang-orang Melayu sahaja, majoriti pengundi Melayu memilih PAS atau Semangat 46. Meskipun keadaan ini tidak berlaku di semua tempat tetapi cukuplah dengan beberapa kawasan tertentu yang membantu kemenangan majoriti dua pertiga BN. Pengalamannya sebagai Setiausaha BN tidak boleh dipandang remeh. Begitu juga dengan parti-parti komponen BN di Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, untuk membandingkan antara Ghafar dengan Anwar, tentulah penyokong Anwar tidak begitu

bergembira. Imej Anwar yang pernah terlibat dengan gerakan Islam ABIM dan hubungannya dengan isu-isu Islam seperti merentangkan satu penghalang untuk Anwar menanggapi dengan jayanya fenomena kemajmukan rakyat Malaysia.

"Imej Dr Mahathir di kalangan orang-orang Cina, sebelum menjadi PM pun teruk juga. Dr Mahathir pernah mengkritik Tunku Abdul Rahman kerana sikapnya yang terlalu memberi muka kepada orang Cina. Akibatnya pernah Dr Mahathir dilabelkan sebagai pelampau Melayu. Tetapi sekarang bagaimana? Siapa tokoh-tokoh korporat yang rapat dengan Dr Mahathir dan selalu menemani Dr Mahathir ke mana sahaja, kalau bukan tokoh-tokoh Cina? Hinggakan dasarnya tentang perniagaan dikatakan lebih liberal dan terbuka. Dan Dr Mahathir sekarang dicop sebagai PM yang membelakangkan aspirasi orang-orang Melayu. Mungkin perkara ini boleh berulang kepada anak emasnya, Anwar. Semasa Anwar menjadi Menteri Pendidikan, rasanya Anwar tidak menyinggung perasaan orang-orang Cina secara keterlaluan kecuali kes menjelang Operasi Lalang, Oktober 1987. Kini, bila Anwar diamanahkan sebagai Menteri Kewangan, apa dasarnya yang menakutkan orang-orang bukan Islam. Judi pun semakin berleluasa," leter bekas penyokong Anwar.

"Label nasionalis atau pelampau Melayu jauh bezanya dengan label pejuang Islam. Nasionalis boleh berubah dengan keadaan semasa dan mudah diumpan dengan kebendaan. Tetapi tidak bagi Islamis. Sikapnya mungkin boleh disesuaikan menurut keperluan, namun prinsip asas tetap terpelihara. Dalam pemikirannya tetap kepentingan umat Islam yang diutamakan. Orang-orang bukan Islam faham hakikat ini," jawab penyokong setia Anwar.

Juak-juak Ghafar tentunya tidak boleh mengalah begitu sahaja dengan dakwaan bahawa Ghafar tidak seradikal dan seagresif Dr Mahathir: "Apa gunanya radikal dan terlalu *ambitious* kalau nasib orang-orang Melayu terus ketinggalan. Lebih baik kita mencari PM selepas Dr Mahathir seorang tokoh yang sederhana, lebih berhati-hati, dan menumpukan masanya untuk memantapkan dasar-dasar Dr Mahathir. Saya tidak setuju kalau orang kata Tun Hussein Onn pemimpin yang lemah. Tun Hussein menjadi PM pada ketika yang tepat. Banyak masalah yang ditinggalkan oleh Tun Razak, yang mesti diselesaikan segera. Dan Tun Hussein adalah orang yang paling sesuai untuk tugas-tugas seperti itu. Bayangkan kalau Tun Hussein seperti Dr Mahathir, mahu buat perubahan demi perubahan, tanpa memikirkan masalah yang bakal menimpa, dan tidak berusaha menyelesaikan masalah yang bertimbun. Begitu juga dengan peranan Ghafar selepas era Dr Mahathir. Ghafar tidak perlu dan rasanya tidak akan melancarkan dasar-dasar atau projek-projek baru yang tidak munasabah, yang dibuat hanya untuk prestij sahaja. Ghafar perlu melaksanakan begitu banyak perancangan Dr Mahathir yang hanya molek di atas kertas. Kalau diberi kepada tokoh muda yang radikal, contohnya Anwar, tidak mustahil Anwar akan disibukkan dengan projek-projek baru dan menyapu masalah-masalah yang ditinggalkan oleh Dr Mahathir ke bawah karpet. Sekiranya itu berlaku, ia tidak membawa banyak manfaat kepada negara."

Selain daripada masalah yang berkaitan dengan pentadbiran kerajaan, faktor sokongan politik orang-orang Melayu kepada Umno juga penting. Selain saingan tradisi daripada PAS, yang kini sudah menguasai Kelantan, dan menjadi pembangkang yang kuat di Terengganu, kekuatan Semangat 46 di bawah kepimpinan Tengku Razaleigh tidak boleh

ditolak begitu sahaja. Ini bermakna kedudukan Umno, walaupun dilihat agak mantap, boleh tergugat sekiranya isu-isu menjelang pilihanraya umum akan datang memihak kepada pembangkang. Ditambah pula dengan kempen-kempen, yang bermula dari sekarang, tentang pengabaian kerajaan pimpinan Dr Mahathir terhadap masa depan orang-orang Melayu di celah-celah gemuruh Wawasan 2020. Anwar yang dilihat mewarisi gaya kepimpinan Dr Mahathir tentunya akan terus ditentang oleh Semangat 46, mungkin dengan serangan yang lebih agresif. Difahamkan Anwar turut mewarisi gaya Dr Mahathir seperti sikap pilih kasih dan politik cantas, ramai orang-orang Abdullah Badawi diketepikan.

"Kalau Ghafar boleh melunakkan pengaruh Semangat 46, apa kita lupa peranan yang dilakukan oleh Anwar menghadapi kebangkitan PAS pada awal tahun-tahun 80-an. Siapa yang berani berdepan dengan pemimpin-pemimpin tertinggi PAS di pentas-pentas debat, kalau bukan Anwar? Ingat dulu, Anwar pernah menjadi hero ceramah anjuran Umno di Kuala Lumpur bertajuk "PAS tuduh Umno kafir, Anwar jawab". Orang-orang Umno jangan lupa suasana seumpama itu. Sambutan orang ramai khususnya golongan terpelajar terhadap PAS semakin meningkat. Mereka tidak berminat untuk mendekati Umno kerana asas Islam dalam Umno cukup lemah kalau di dalam Umno tidak ada tokoh seperti Anwar. Rancangan penerapan nilai-nilai Islam yang dilancarkan khusus untuk melemahkan pengaruh PAS juga hanya berjaya dengan pengawasan Anwar. Walaupun dalam Umno ada ramai lagi ulama seperti Wan Mokhtar, Yusuf Noor dan Abdul Hamid Othman, tetapi mereka ini tidak pernah terlibat dengan gerakan Islam, seperti Anwar. Cakap-cakap mereka tidak boleh mempengaruhi golongan muda yang menganggotai jamaah Islam, tapi hujah Anwar berbisa. Tengok, ABIM yang satu waktu dulu pernah menjadi ancaman kerajaan hingga dicadangkan pengharamannya, kini secara menyeluruh sudah mendukung Umno. Kalau Anwar tersingkir, Umno akan hadapi masalah besar menghadapi kebangkitan Islam hari ini, apatah lagi kalau yang memimpin Umno itu orang-orang seperti Ghafar atau Musa Hitam," leter panjang pengkagum Anwar.

"Anwar melambangkan jiwa orang-orang muda hari ini, tangkas dan berani. Dunia sekarang adalah dunia orang muda, orang yang sanggup mencabar zamannya, bukan waktu untuk bernostalgia lagi. Anwar juga melambangkan kedinamikan. Ghafar bukannya terlalu tua untuk menjadi PM tetapi pemikiran dan gaya kepimpinannya tidak diyakini boleh menempuh cabaran zaman. Kalau rakyat tidak boleh yakin dengan pemimpin, itu keadaan yang tidak stabil. Ghafar melambangkan jurang generasi yang besar. Mungkin Ghafar boleh dibantu terus oleh Pak Lah ataupun Sanusi tetapi sebagai orang no. 1 Ghafar mesti mempunyai pendirian yang tegas, mantap dan tersendiri. Ghafar mesti membuktikan dari sekarang, semasa menjadi TPM, sikapnya terhadap perkembangan Islam. Orang ramai ragu dengan komitmen Islam pada batang tubuh Ghafar. Paling kurang hendaklah menyamai komitmen yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir," pandangan seorang anak muda, di sebuah kampus. Difahamkan kumpulan yang berpihak kepada Ghafar melancarkan kempen "jangan tengok yang nombor satu, tetapi lihatlah nombor dua". Tokoh nombor dua yang dimaksudkan itu ialah Abdullah Badawi.

"Apakah Islam membenarkan amalan pilih kasih, nepotisme, menyekat peluang orang lain yang dikira tidak secucuk dengannya, mengaku diri sendiri yang hebat dan orang

lain semuanya lemah, seperti yang dilakukan oleh Anwar sekarang. Anwar rapat dengan Dr Mahathir, tetapi apakah Anwar menegur segala salah laku Dr Mahathir ketika menguruskan kekayaan negara. Islam bukan milik Anwar dan kawan-kawannya, bekas ABIM itu sahaja. Bukan kita tidak tahu apa Anwar buat di Universiti Islam, semuanya berpunca dari amalan pilih kasih Anwar. Memang betul kata orang, Anwar suka heboh-hebohkan kerja yang dia buat walaupun kejayaannya tidak seberapa," marah seorang lagi bekas penyokong Anwar.

Satu lagi hujah penyokong Ghafar ialah kesetiaan kepada parti. Kesetiaan Anwar kepada Umno disangsikan. Anwar adalah bekas penentang kuat Umno di bawah presiden-presiden sebelum Dr Mahathir. Dan kemasukannya ke dalam Umno hanyalah kerana Anwar tertarik dengan gaya kepimpinan Dr Mahathir. Umno, bagi Anwar, adalah batu loncatan untuknya mendapatkan kekuasaan. Oleh kerana hanya Umno dapat menjamin seseorang itu menjadi PM, buat masa ini, maka Anwar tidak ada peluang lain. Pengorbanannya kepada Umno boleh dipersoalkan. Hanya lima bulan selepas aktif dalam Umno, Anwar menunjukkan belangnya merebut kerusi Ketua Pemuda Umno. Anwar tidak pernah merasa susah sebagai seorang ahli Umno. Ini tentunya berbeza dengan pengalaman Ghafar, yang meredah pahit maung bersama Umno. Kecintaan Ghafar kepada Umno tidak pernah dipertikai, malahan dari sudut ini Ghafar jauh mengatasi Dr Mahathir. Kalau sekiranya Ghafar menjadi PM dan Presiden Umno ketika krisis 1987, Ghafar tentu tidak tergamak meminta peguam mengharamkan Umno, seperti yang dilakukan oleh Dr Mahathir. Khir Johari mengisahkan hal Ghafar: "*Ghafar is very much a party man. He will loyally abide by party decisions. Take his Melaka posting. He wanted to come up to federal level but the leadership needed him there. So he stayed.*" Menurut Abdullah Ahmad bekas penasihat Allahyarham Tun Razak yang berpengaruh: "*Tun Razak used him as a barometer for Malay feelings. He would always ask for the "Ghafar's gut feeling" because he (the Tun) believed that was how the grassroots felt.*"

# Kepemimpinan Anwar terus diterima: Dr M

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kejayaan Encik Anwar Ibrahim mengekalkan jawatan Ketua Pemuda Umno menunjukkan lebih ramai perwakilan terus menerima kepemimpinan beliau.

Katanya keputusan itu harus diterima oleh semua pihak dengan hati terbuka.

Beliau juga menolak anggapan bahawa pertandingan antara Encik Anwar dan Syed Hamid Albar itu adalah pertandingan *proxy*.

Menurut Perdana Menteri beliau amat gembira kerana pertandingan itu berjalan dalam suasana meriah dan persahaba-

# *Pemuda tak tolak stail kepimpinan Anwar – Sanusi*

KUALA LUMPUR 18 Sept. — Setiausaha Agung UMNO, Datuk Sri Sanusi Junid menyifatkan kemenangan Encik Anwar Ibrahim memimpin Pemuda UMNO sebagai bukti pergerakan itu tidak menolak stail kepimpinannya yang berbaik dengan pucuk pimpinan.

Katanya, kemenangan Encik Anwar itu juga membuktikan salahnya kritikan - kritikan kononnya Encik Anwar 'tidak berani' bertindak tegas kerana hendak menyenangkan hati pucuk pimpinan.

"Sungguhpun Encik Anwar berada dalam kerajaan, beliau tetap lantang bersuara dan tidak hilang bisanya," tambah Datuk Sri Sanusi semasa mengulas kemenangan Encik Anwar yang berjaya mengalahkan Syed Hamid Albar dalam pemilihan pucuk pimpinan Pemuda UMNO semalam.

Datuk Sri Sanusi mengingatkan, oleh kerana Encik Anwar berada dalam kerajaanlah yang menyebabkan beliau berjaya memimpin Pemuda dengan lebih berkesan.

"Perwakilan telah membuat keputusan yang bijaksana," ujarnya.

# Kadri pertikaikan ketegasan Anwar

KUALA LUMPUR, Jumaat — Wakil Johor hari ini mempertikaikan ketegasan Menteri Pelajaran, Encik Anwar Ibrahim dalam melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Ketika membahaskan usul pelajaran oleh Pergerakan Pemuda, Encik Kadri Sabran, berkata kenyataan Encik Anwar mengenai Akta 21 (2) sering berubah.

"Apabila Encik Anwar menghadapi masyarakat Cina beliau bersetuju akan menimbang untuk memansuhkan akta itu."

"Tetapi apabila menghadapi masyarakat Melayu, Encik Anwar menegaskan bahawa beliau akan mempertahankan akta berkenaan," katanya.

Beliau meminta Encik Anwar supaya bersikap tegas dalam membuat kenyataannya supaya matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan tercapai.

"Encik Anwar tidak perlu bimbang ekoran daripada ketegasannya kerana seluruh ahli Umno akan menyokong Encik Anwar sebagaimana kami menyokong Datuk Musa ketika beliau menolak penubuhan Universiti Merdeka tidak lama dulu," jelasnya.

## TOKOH KITA



# ANWAR IBRAHIM BERPERANAN 'TUAH DAN JEBAT'

*KEBANYAKAN orang mempunyai strategi perjuangan yang stereotype. Tetapi, tidak begitu dengan beliau. Kerana itulah beliau sering dituduh tidak lantang lagi dan dikaitkan pula dengan alasan-alasan yang menjejaskan imejnya.*

*Memanglah Anwar Ibrahim sekarang bukan harimau, tetapi beliau adalah 'kancil'. Bagi beliau, adakalanya beliau perlu menjadi Jebat dan adakalanya pula perlu menjadi 'Tuah'.*

*Perjuangan beliau sekarang dilakukan secara senyap-senyap, mengikut keperluan masa dan keadaan dan tidaklah bermakna matlamat serta tujuan asal perjuangannya itu sudah kehilangan arah. Ini bermakna, tuduhan ke atas beliau selama ini tidak benar. Beliau mula berpendidikan rendah di Bukit Mertajam dan kemudiannya di Maktab Melayu Kuala Kangsar dan pa'da tahun 1967 memasuki Universiti Malaya.*

*Bekas Pengasas dan Presiden ABIM ini mula memasuki UMNO pada tahun 1982 dan memenangi kerusi Parlimen Permatang Pauh dalam pilihanraya tahun itu. Beliau buat pertama kali menduduki kabinet Dr. M sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dari situ mula melangkah setapak demi setapak sebagai Menteri Penuh.*

*Pertandingan kali ini merupakan ujian kedua bagi Anwar untuk mengukur sejauh mana kepercayaan Pemuda terhadap strategi 'senyap-senyap'nya itu. Tapi, dilihat dari ketokohan beliau yang terserlah di dalam dan luar negeri dari sejak berada di luar dan dalam kerajaan, adalah diyakini Mahkota Pemuda akan terus dijunjungnya.*

*Namun, sepatah kata Anwar: "Saya serahkan segalanya pada pertimbangan perwakilan dan kehendak Ilahi".*

# Cendekiawan, tokoh2 UMNO optimis Anwar menang

# Malek Bennabi: Dari Sudut Pandangan Anwar Ibrahim

TEMA dominan yang sering terdapat dalam karya Malek Bennabi, ialah betapa perlunya mencambahkan idea. Beliau memberi alasan bahawa kemahiran dan kecekapan mengembangkan dan menyuburkan idea ialah tanda perkembangan kecendekiawanan dan tamadun yang penting. Semasa menghuraikan peranan idea dalam perkembangan tamadun, beliau dengan berani merumuskan bahawa sesuatu tamadun tidak mungkin maju tanpa keluhuran idea yang membimbingnya.

Saya bersetuju dengan Syekh Diraz dari al-Azhar dalam kata pengantar buku *The Quranic Phenomena*, apabila beliau memuji Malek Bennabi kerana kejujuran penilaian, semangat keyakinan, ketepatan istilah dan keindahan gaya bahasanya. Selain kesan kecendekiawanannya yang mendalam, perbicaraan tentang Malek membawa makna yang bersifat sungguh peribadi kepada saya.

Ciri-ciri yang ada pada karya Malek menjadikan beliau salah seorang kecendekiawanan terpelajar di dalam dunia Islam. Saya dapati karyanya benar-benar memperlihatkan dirinya secara menyeluruh. Bagi saya, beliau bukanlah cendekiawan atau petapa yang semata-mata tertawan oleh kebahagiaan kesedarannya, dan tanpa hubungan yang akrab dengan kepercayaannya. Apa yang pasti, penanya melambangkan kepercayaan, keyakinan dan strategi ideologinya. Paling penting, beliau sentiasa mengingatkan kita terhadap perjuangan rohaniah evolusi peribadi dan evolusi kolektif yang tidak terelakkan.

Tamadun tidak menjadi agung, memperoleh kuasa atau pudar disebabkan oleh perubahan alam secara misteri. Sesuatu tamadun merupakan terjemahan idea-idea kepada keupayaan kecendekiawanan dan kaedah material untuk mengurus alam sekeliling seseorang. Idea memungkinkan penggunaan kuasa, idea merupakan alat amali untuk hidup di dunia, dan idea akan mempertikaikan sama ada kita telah memperoleh matlamat kita atau menggagalkan keupayaan kita.

Malek memberitahu kita bahawa mereka yang tidak mempunyai kekuatan moral untuk menguasai idea yang membimbing tamadun tidak hanya akan mengulangi sejarah, malah berada dalam suasana yang tidak berkaitan dengan perjalanan masa depan mereka. Al-Quran, iaitu *raison d'etre ummah*, tidak hanya merupakan sebuah seruan, malah suatu imperatif untuk kita berfikir dan menimbangkan sesuatu, untuk berbincang dan berhujah, untuk menggunakan idea-idea bagi membentuk sejarah. Ia merangkumkan kita dalam tanggungjawab untuk mengubah dunia melalui kuasa idea. Walau bagaimanapun, perdebatan dan kemurnian intelek tidak mendapat perhatian dalam dunia Islam masa kini seperti ketika Malek bertarung dalam ketiadaan intelek empat dekad lalu.

Malek hidup ketika dunia Islam dibelenggui kolonialisme. Keunikan pengalaman Malek dalam zaman itu ialah keupayaannya untuk tidak tunduk kepada kekejaman kolonialisme dan tidak terpujuk untuk menafikan identiti dirinya. Kejujuran jiwa dan raga inilah yang memungkinkan beliau memiliki kekuatan intelek yang hebat untuk merumuskan sebilangan idea, sama ada yang berbentuk sejarah mahupun yang mutakhir.

Malek melihat orang Islam pada zaman kolonial dan berkata dengan lantang bahawa mereka telah membina penjajahan mereka sendiri dan *colonisibilite* (kebolehjajahan). "Engkau yang menjajah dirimu sendiri." Keadaan fikiran kita selepas penjajahan pun tidaklah lebih baik daripada keadaan semasa Malek Bennabi. Kini kita mesti mempunyai kekuatan moral untuk memaklumi bahawa kemerdekaan politik telah memakai wajah baru dan menukar namanya tanpa mengubah perhubungan asasi.

Kita telah merentasi sempadan pendudukan fizikal tanah air tetapi fikiran kita adalah tempat yang paling subur untuk memusnahkan ideologi-ideologi asing. Cabaran yang dikemukakan oleh Malek Bennabi seperti yang ditunjukkan melalui persaingan antara kemerdekaan politik dengan kemerdekaan intelektual, masih memerlukan jawapan. Kita masih perlu membuktikan bahawa kemerdekaan politik adalah sama dengan pembebasan fikiran kita.

Kemerdekaan sebenar menunggu kita apabila kita berhenti menyatakan bahawa masalah kita disebabkan oleh orang lain. Kemerdekaan sebenar mengambil tugas mengubah perkara-perkara untuk diri kita dan menjadi arkitek untuk masa depan kita melalui usaha idea kita. Kemerdekaan sebenar akan menjelang apabila kita sedar bahawa *ummah* ialah terutamanya konsep moral tentang bagaimana kita dapat hidup bersama-sama dalam suasana kebebasan pengaliran idea di kalangan masyarakat lain.

Apabila Malek berhujah tentang kemerdekaan intelektual, beliau tidak menjauhkan diri daripada tradisi intelektual Barat. Sebaliknya, beliau memberikan analisis yang tajam sesuai dengan tradisi intelektual Barat secara yang mengagumkan, dan beliau memaparkan dinamika dalaman tradisi tersebut. Beliau menghuraikan resiprositi sosial yang menjadi tuntutan kesarjanaan di Barat. Oleh itu, haruslah difahami bahawa kemerdekaan kecendekiawanan Islam tidak sama dengan pemencilan daripada dunia ilmu yang lebih luas. Malah, wacana yang majmuk adalah penting sebagai titik

---

Teks ucapan yang disampaikan dalam Seminar Antarabangsa Malek Bennabi pada 1 – 4 September, 1991 di Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya. Teks ini diterjemahkan dan disesuaikan oleh Zahidan Abd. Aziz.

permulaan dan juga keaktualannya.

Tidak syak lagi, idea-idea Malek telah melalui ujian zaman dan sesuai pada hari ini seperti juga empat dekad yang lalu. Walau bagaimanapun, apa yang penting ialah sama ada kita memahami atau tidak kesesuaian idea-idea ini. Contohnya, adalah hak kita untuk bertanya: Apakah kita mengetahui peranan idea dalam kemajuan tamadun kita? Apakah intelek Islam lebih lengkap untuk mengendalikan masalah-masalah mutakhir? Adakah pesanan Malek menimbulkan erti moral baru dan kekudusan intelektual dalam diri kita?

Tiada apa yang hendak ditakutkan daripada idea, walau apa pun sumbernya. Kita tidak menolak Barat mahupun kemodenan, tetapi kita mempersoalkannya, dan akan menyumbang kepada kedua-duanya melalui pemecutan intelektual tamadun kita. Ini haruslah menjadi kaedah yang kita gunakan untuk melampaui tradisi dengan sintesis yang aman. Adalah jelas bahawa perjuangan suara hati naluri sebenarlah yang akan membebaskan intelek kita bagi suatu pemikiran yang konstruktif.

Keadaan sosial di merata-rata dunia Islam ialah kemuflisan moral, kemiskinan, buta huruf, totalitarianisme dan kebekuan. Kebebasan fizikal sahaja bukanlah ubat untuk semua penyakit ini. Hanya melalui kekayaan intelek Islam, yang melebihi sumber-sumber kewangan, dapat kita mencapai matlamat menuju perkembangan sosial dan darjat yang dihormati di kalangan pelbagai bangsa.

Pemerintahan kuku besi (despotisme) tidak hanya terdapat dalam istilah politik. Kedangkalan mental selama berkurun-kurun juga telah melahirkan totalitarianisme intelektual dalam dunia Islam. Hal ini sangat ketara dalam sikap kita yang enggan menerima perubahan. Keadaan ini tidak lebih daripada sebuah keinsafan yang terselindung. Para cendekiawan Islam yang meratapi hilangnya kebebasan intelektual sebagai alasan kelemahan mereka haruslah diingatkan tentang perjuangan intelektual di tempat-tempat seperti Eropah Timur. Hakikatnya ialah resapan keadaan yang tidak bermaya ini telah mengatasi kemahiran kita, dan kita merupakan saksi hidup terhadap kehancuran kita yang perlahan tetapi beransur-ansur. Berlawanan dengan suasana penerusan tamadun, kita hanya melengkapkan peralihan kita daripada pengguna yang pasif kepada pengguna yang leka.

Penyesuaian terhadap perubahan memerlukan kemahiran mental. Ia memerlukan perubahan bentuk intelek kita. Sedang kita bersedia untuk menyalahkan orang-orang Islam dalam isu yang remeh-temeh, kita tetap curiga dan berdiam diri dalam masalah-masalah pokok yang dihadapi oleh *ummah*. Suara intelek Islam, yang dianggap oleh Malek sebagai suara ummah sebenar, disekat. Kita berdiri, bersedia untuk berkorban demi kebenaran wacana dalam kemuncak kecekapan politik. Ini kita lakukan dengan menambahkan usaha dalam memperbaiki asas kehidupan di kalangan dunia Islam. Kita dapati amat sedikit sekali kekukuhan intelektual dalam menghadapi masalah jurang ekonomi yang teruk, ketidakadilan sosial, asas pendidikan, keperluan asas hidup, kebebasan peribadi dan isu-isu lain yang lebih penting. Dalam gelanggang intelektual ini, kita tidak lebih daripada bangkai bernyawa yang nasibnya ditentukan oleh kuasa orde sejagat sepenuhnya.

Ummah akan mengikuti petunjuk yang membimbingnya dan menepati perjuangan suara hati nalurinya apabila ia menjadi masyarakat yang mengambil berat terhadap kebajikan diri, kerana ini juga bermakna ia mengambil berat terhadap semua manusia. Kemerdekaan sebenar wujud apabila kita boleh menghidupkan idea dan bertolak ansur, serta menggalakkan dan menggiatkan perkembangan manusia yang mempunyai idea. Kebebasan dan kemerdekaan sebenar tidak akan wujud tanpa kita memusnahkan segala halangan yang kita cipta sendiri. Musuh kita semua ialah pembatasan imaginasi kita, hilang keyakinan dan halangan yang kita kenakan terhadap perjuangan rohaniah kita.

Malek mengutarakan kemerdekaan sosial dan ekonomi sebagai sesuatu yang bergantung kepada kemerdekaan idea. Katanya: "Masyarakat yang tidak membina idea yang membimbingnya, tidak dapat mewujudkan sama ada keperluan penggunanya atau peralatannya sendiri. Ini tidaklah bermakna bahawa sesebuah masyarakat itu maju kerana idea yang dibawa dari luar atau yang dipaksakan. Kita mesti menemukan semula keaslian intelektual kita sebelum kita memperoleh kembali kemerdekaan politik dan ekonomi kita."

Kata-kata Malek ini mempunyai pengertian yang dapat terus dimanfaatkan. Ia memberikan rangsangan yang segar untuk perkembangan idea dalam dunia Islam. Ia merupakan pemberi ingatan yang tetap bahawa sesuatu tamadun lahir bukan melalui alat tetapi melalui rangka idea kerana alat hanyalah abdi kepada pengaruh ideologi.

Malek bertahan sebagai bukti bahawa manusia yang mempunyai idea adalah penting dan akan mempercepat tamadun. Sudah menjadi kenyataan bahawa kesempitan pandangan kitalah yang menyebabkan Malek diabaikan kerana beliau menulis dalam bahasa Perancis. Kenyataan yang lebih menonjol ialah bahawa beliau telah diabaikan kerana beliau merupakan pemikir individu dan bukan penggerak ideologi. Kedua-duanya tidak merupakan alasan yang mencukupi untuk mengetepikan pemikiran yang asli.

Malek mengingatkan kita bahawa masa lalu, masa kini dan masa depan digabungkan pada saat ini. Pada ketika ini kita mesti memulakan pembinaan semula tamadun Islam. Perlulah kita berfikir agar kita boleh melakukannya secara praktik dan wajar. Hanya melalui iman, dapat kita bertemu idea yang membimbing untuk membebaskan minda kita. Hanya dengan melihat ke dalam diri kita secara kolektif berhubung dengan dunia hari ini, dapat kita menghadapi cabaran masa kini dan menggelar diri kita anggota ummah yang bebas.

Intelek yang berjiwa hamba tidak boleh berkembang hingga mencipta idea yang teruji. Ia tidak boleh dianggap sebagai katalis yang merangsang evolusi sosial. Inti pati kata-kata Malek Bennabi sebenarnya, ialah bahawa tradisi intelektual tidak boleh menyerah kepada kuasa politik mahupun kepada prestij ideologi. Tradisi itu berdiri sendiri, dipertahankan oleh kuasa iman yang teguh. Bagi saya, ini ialah amanat yang berupa harapan yang paling tinggi, atau ketahanan Islam dalam menghadapi warisan penjajah. Yang demikian, meskipun dalam kesukaran kita kini, Malek telah menggariskan strategi bagi kemandirian (*survival*) umat Islam. Strategi ini amat memerlukan penerimaan masyarakat untuk membuktikan kebenarannya. DB

# Umno Terpaksa Mengembangkan Komitmen Islamnya



**Sememangnya sebagai sebuah parti yang tidak mendakwa dirinya sebuah parti Islam yang bermatlamat negara Islam, tentulah komitmennya tidak sepenuhnya kepada tuntutan Islam**

**DUNIA ISLAM:** ***Perubahan keislaman dalam Umno berdasarkan dua faktor. Sekiranya faktor luaran atau tekanan dari luar lebih kuat daripada kesedaran dalaman, rasanya perubahan keislaman itu mungkin hanya fenomena sementara.***

**MUHD ABU BAKAR:** Kita sedar bahawa Umno dari segi sejarahnya merupakan sebuah organisasi yang pragmatis. Ertinya ia kuat ditentukan oleh keadaan-keadaan semasa dan situasi *ad hoc* atau seumpamanya. Sebab itu di zaman kemunculannya, ia lebih merupakan reaksi dan jawapan kepada Malayan Union. Dan dalam tahun 50-an, 60-an, ia juga berinteraksi mengikut keadaan apabila adanya tuntutan-tuntutan daripada PAS, parti-parti lain dan seumpamanya. Dan dalam tahun-tahun akhir 60-an dan 70-an, ia juga berinteraksi mengikut keadaan apabila, dengan berlakunya 13 Mei, ia menuntut supaya parti itu menggerakkan jenteranya memenuhi tuntutan-tuntutan ekonomi dan sosial orang-orang Melayu.

Oleh itu, kita boleh andaikan bahawa dalam tahun akhir 70-an, 80-an, ia juga mungkin bergerak mengikut selera massa dan seumpamanya. Itulah pragmatisme. Terdapat kebaikan dan keburukannya. Kalau tuntutan semasa itu meminta dan menghendakinya menjurus kepada sesuatu yang tidak bercorak Islam, maka kemungkinan ia menjadi sesuatu organisasi yang tidak bercorak Islam. Kalau tuntutan semasa itu menekankan keislaman maka kemungkinan ia melentur mengikut kehendak-kehendak Islam. Atas dasar pragmatismenya ia terpaksa membentukkan diri mengikut selera semasa.

Dan saya agak optimis memandangkan keadaan hari ini, berdasarkan pengamatan saya tadi bahawa apabila pengislaman itu membawa kepada pengislaman yang semakin meluas, maka tuntutan massa semestinya menyebabkan Umno terpaksa tunduk kepada realiti Islam yang sedang berkembang. Apatah lagi Umno sedikit sebanyak hari ini ditentukan oleh fikiran-fikiran jangka panjang melebihi pertimbangan semasa atau polisi *ad hoc* lamanya. Sebagaimana yang kita sedar ada aspek-aspek yang mulanya diberi penekanan secara *ad hoc* tetapi telah diperkekalkan, barangkali atas perkiraan-perkiraan jangka panjang, atau setelah menyedari realiti-realiti yang berkembang.

Sebab itu kita dapati Umno sendiri tidak boleh berganjak lagi daripada komitmen Islam yang minima dahulu. Ertinya mahu tidak mahu ia terpaksa mengembang komitmen Islamnya daripada tahap yang minima kepada tahap yang lebih daripada minima. Inilah yang kita dapat lihat hari ini. Contohnya, pada asalnya hanya terdapat Bank Islam. Hari ini kaunter-kaunter Islam dibuka oleh Bank Bumiputera. Dan kalau dahulu tak ada Takaful, sekarang sudah ada Takaful.

***Cukupkah sekadar perubahan bersifat institusi?***

Sememangnya sebagai sebuah parti yang tidak mendakwa dirinya sebuah parti Islam yang bermatlamat negara Islam, tentulah komitmennya tidak sepenuhnya kepada tuntutan Islam. Itu jelas. Tapi dalam masa yang sama ia terpaksa memenuhi tuntutan dan selera massa sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Maka berlakukah perubahan-perubahan di peringkat institusi. Tetapi kita juga mesti sedar bahawa perubahan di peringkat institusi mahu tidak mahu akan membentuk suasana secara tidak langsung sehingga kita dapati sebahagian daripada wanita-wanita Umno umpamanya, telah terdedah kepada pengaruh-pengaruh Islam yang lahir daripada institusi-institusi yang dibentuk oleh parti itu.

Sebab itu saya selalu memperihalkan pendakwahan ini seperti air yang turun dari

langit yang membersihkan sesuatu keadaan dan air ini di mana sahaja ia turun, di paya di bukit, di gunung, apabila amaunnya banyak, ia akan mengalir dengan pesat. Akhirnya ia membesar dan semuanya ini akan bertemu sebagai satu aliran. Ertinya kalau PAS banyak memberikan penekanan kepada penubuhan institusi Islam, pengislaman proses politik, pembentukan Negara Islam, dan ini semua mewujudkan persekitaran dan kesedaran Islam, maka pembabitan pihak-pihak lain sama ada Umno ataupun Berjasa ataupun Hamim, yang tidak semestinya sama, turut serta memberi penyokongan secara sedar atau tidak sedar, secara langsung atau tidak langsung sehingga keseluruhan jentera-jentera yang dibentuk oleh persekitaran ini akan muncul sebagai sistem sokongan kepada proses pengislaman.

Tadi saya telah menyebutkan tentang bank, Takaful dan seumpamanya, yang mana pelanggannya datang dari masyarakat besar. Dan masyarakat besar adalah masyarakat yang sentiasa terdedah kepada berbagai pengaruh dalam dan luar negara. Dan parti-parti yang berkenaan tidak selama-lamanya boleh mengawal selera mereka ini, tidak boleh selama-lamanya menentukan pengaruh luar. Ertinya massa dalam suasana demokrasi, massa sebagai sebahagian daripada dunia berkembang pesat akan sentiasa terdedah kepada berbagai pengaruh. Faktor-faktor negatif dari dalam dan luar akan menghalakan mereka kepada kemurnian Islam. Faktor kejatuhan komunisme umpamanya akan menyedarkan mereka bahawa sistem-sistem politik yang tidak berorientasikan keagamaan itu mengalami kehancuran. Dan ini membentuk kehendak baru dalam pemikiran mereka. Jadi dengan sendirinya faktor tolakan dan faktor tarikan ini akan beroperasi dan berinteraksi sehingga mewujudkan persekitaran yang saya sebutkan tadi.

***Sejauh mana isu Negara Islam dimainkan dalam persekitaran politik Malaysia sekarang?***

Kita mesti sedar bahawa pengislaman semestinya membawa kepada peningkatan kepada pengislaman itu. Isu-isu seperti penubuhan Negara Islam, idea pembentukan Orde Islam dan seumpamanya mungkin dihadapi secara terbuka seperti yang dilaku oleh PAS. Dan bagi parti tersebut ia mahu tidak mahu mesti memperkenalkan diri dalam bentuk itu. Kalau tidak, ia tidak lagi dianggap sebagai sebuah organisasi kepartian Islam.

**Bagaimana pula dalam 30, 40 tahun akan datang, dengan adanya persiapan dan persediaan seperti hari ini, dengan generasi hari ini awal-awal lagi telah didedah kepada Islam**

Tetapi dalam persekitaran dan proses politik yang saya sebutkan tadi, serta menerusi pengislaman dan pendakwahan itu, akan muncul juga Orde Islam. Iaitu apabila orang-orang dari semua peringkat menuntut supaya semua sektor kehidupan ini menjurus kepada Islam. Istilah "Orde Islam" mungkin tidak digunakan, tetapi proses itu akan mengalir ke arah itu. PAS menyebut *target* dan sasarannya lebih awal dan berusaha mengikut program yang telah ditekankan.

Keadaan satu lagi berlainan: tanpa apa-apa persiapan yang konkrit dalam tahun 50-an, 60-an dan 70-an, tanpa adanya program-program di peringkat institusi yang meluas seperti hari ini dalam bentuk pendakwahan dan pengislaman, kita masih dapat melihat buah-buah Islam dalam tahun 80-an, 90-an. Bagaimana pula dalam 30, 40 tahun akan datang, dengan adanya persiapan dan persediaan seperti hari ini, dengan generasi hari ini awal-awal lagi telah didedah kepada Islam menerusi sekolah menengah agama, pertubuhan-pertubuhan sukarela dakwah, dan politik kepartian. Pihak-pihak ini awal-awal lagi telah mencanangkan politik Islam, ekonomi Islam, idea Negara Islam, Orde Islam, dan seumpamanya. Itulah yang menyebabkan saya merasa lebih optimis sekarang sedangkan dalam tahun 50-an, 60-an dulu, mereka tidak pernah didedah kepada Islam secara menyeluruh, secara bersistem seperti hari ini - dan generasi terlibat hari ini masih menunjukkan komitmen kepada Islam.

***Sebahagian pihak melihat perubahan keislaman dalam Umno dengan sinis kerana ia berkembang selari dengan fenomena penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, monopoli kekayaan negara kepada kelompok tertentu.***

Saya percaya bahawa penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa sememangnya telah lama wujud, barangkali semenjak tahun 50-an, 60-an dahulu lagi. Tetapi pada masa tersebut, barangkali pendedahan tidak dibuat begitu rupa sehingga terbukti kesalahan orang-orang yang berkenaan. Setengah mereka itu dimaafkan, setengah tokoh-tokoh itu barangkali disingkan dan jenayah mereka didiamkan.

Tetapi hari ini pendedahan mula dilakukan, masyarakat dan pihak-pihak tertentu melihat dengan lebih kritis penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang dimaksudkan itu. Dan kadang-kadang usaha yang dilakukan menyebab mereka berkenaan dibawa ke muka pengadilan. Semuanya menjadi bukti bahawa kesedaran Islam sedikit sebanyak telah memainkan peranan sehingga membolehkan pengadilan se-



Setakat mana perubahan keislaman yang mereka lakukan?

umpama itu dibuat dan barangkali ini juga terhasil oleh sensitiviti yang semakin meluas di kalangan pihak-pihak yang terlibat sama ada di kalangan peguam bela, peguam cara, para hakim, kerajaan pada umumnya dan masyarakat sendiri.

Dalam erti kata lain, sekalipun penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa sedia wujud pada masa dahulu dengan sebab tidak ada sensitiviti Islam ataupun sensitiviti yang seumpama itu, maka pembongkaran tidak dibuat sebagaimana yang cuba dilakukan pada hari ini. Namun begitu, kita juga tidak boleh menafikan hakikat bahawa nafsu manusia ataupun jenis manusia-manusia tertentu masih sukar untuk dibendung. Naluri mereka masih gagal diuruskan oleh pengislaman yang ada pada hari ini.

Apakah pendakwahan atau pengislaman hari ini tidak cukup untuk membentuk peribadi atau personaliti? Dengan demikian, kita boleh mengatakan bahawa tahap pendakwahan dan pengislaman itu perlu dipertingkatkan lagi sehingga manusia-manusia seperti ini boleh dibentuk sebegitu rupa, sehingga jumlah orang yang lahir sebagai penjenayah atau seumpamanya dapat dikurangkan. Untuk kita menutup sepenuhnya penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa boleh dikatakan suatu pekerjaan yang mustahil kerana perkara-perkara seperti itu terdapat dalam semua zaman, sentiasa menjadi satu petanda sesuatu perkembangan zaman yang berkenaan.

Tetapi apa yang harus dilakukan ialah, mengurangkan jumlah jenayah dan mengurangkan jumlah manusia yang kuat ditentukan oleh nafsu-naluri yang jahat itu. Dan untuk itu, saya rasa pembentangan Islam yang lebih yang membolehkan mereka ini sedar tentang jenayah mereka, tentang hukuman Allah di hari akhirat, atau dalam erti kata lain supaya keimanan mereka dapat dipertingkatkan wajar dilakukan.

***Meskipun sekiranya matlamat penubuhan Negara Islam disepakati antara Umno dan PAS, apakah ada kemungkinan ia akan bersama akhirnya nanti kerana pendekatan dan pengisian yang dilakukan oleh kedua-dua pihak jelas berbeza.***

Perkara seperti ini sememangnya telah berlaku dalam perkembangan antara kedua parti tersebut. Pertama, parti-parti itu mahu tidak mahu terpaksa memberi pemberatan kepada program keislaman sekalipun program keislaman mereka itu tidak semestinya sama atau serupa.

Berhubung dengan idea Negara Islam,



Kpemimpinan Dr. Mahathir diragui kerana skandal dan penyelewengan kewangan

sebagaimana yang disebutkan tadi, kita sedar bahawa kerjasama seumpama itu mungkin boleh berlaku tanpa semestinya istilah-istilah seumpama itu digunakan untuk menamakan pencapaian politik yang berkenaan. Saya merujuk kepada keadaan sebelum daripada ini, ketika mana Umno dan PAS mempunyai perbezaan dan juga persamaan. Persamaannya terletak pada komitmen masing-masing kepada perjuangan kemelayuan pada satu ketika dahulu. Titik pertemuan ini telah menyebabkan mereka ini sanggup bekerjasama dalam Kerajaan Campuran, dan Barisan Nasional. Daripada keseluruhan pembabitan parti-parti berkenaan terdapat 50 peratus barangkali kesamaan antara mereka.

**Persamaannya terletak pada komitmen masing-masing kepada perjuangan kemelayuan pada satu ketika dahulu..**

Kesamaan inilah yang menyebabkan mereka sanggup bekerjasama sebagaimana yang saya maksudkan tadi, iaitu ekoran meletusnya 13 Mei 1969 apabila Dato' Mohd Asri dan Tun Abdul Razak mengasaskan Barisan Nasional dan Kerajaan Campuran untuk menyatupadukan orang-orang Melayu, membela nasib orang-orang Melayu dan sebagainya. Perkembangan kedua-dua parti itu telah menunjukkan berlakunya beberapa transformasi asas di mana persamaan antara keduanya tidak lagi tertumpu kepada persamaan-persamaan dari segi kemelayuan dan kebangsaan mereka tetapi juga persamaan dari segi keislaman mereka. Apakah berdasarkan daerah persamaan yang baru ini mereka tidak boleh bekerjasama?

Dalam kerangka seperti inilah saya boleh memikirkan kemungkinan kedua-dua pihak itu berinteraksi bagi mewujudkan apa yang saya sebut tadi, Orde Islam, tanpa semestinya mereka yang berkenaan menyebut bahawa objektif mereka adalah Negara Islam.

Tentulah sebelum keadaan seperti ini boleh diwujudkan akan berlaku perbahasan-perbahasan hangat antara parti berkenaan dan juga di kalangan pemimpin-pemimpin dalam parti itu. Akan berlaku polemik besar, barangkali di dalam PAS sendiri atau di dalam Umno. Hal ini juga telah berlaku dahulu ketika mana PAS memasuki BN dan Kerajaan Campuran. Misalnya ada bahagian-bahagian dalam kepemimpinan PAS yang tidak bersetuju, yang kemungkinannya membentuk organisasi ataupun mengadakan pergerakan-pergerakan mereka sendiri.

Jadi sebelum keadaan ini wujud, sebelum idea seperti ini boleh diteroka dengan lebih serius, saya harapkan suatu keadaan yang lebih konkrit wujud sebagai prasyarat kepada perkembangan seperti itu. Dan prasyarat ini mungkin akan muncul seandainya pengislaman dalam masyarakat berlaku dengan rancak, kesedaran Islam dalam masyarakat berlaku dengan baik, permintaan massa yang beragama Islam khususnya, dan juga orang-orang bukan Islam umumnya, masing-masing mempunyai

kecenderungan ke arah pembentukan Orde Islam.

Paling tidak orang-orang bukan Islam tidak lagi mencurigai idea-idea yang bercorak Islam. Ertinya, kalau orang-orang Melayu yang beragama Islam itu mempunyai komitmen yang besar, kefahaman yang baik, disokongi pula oleh ketiadaan halangan dan bantahan daripada orang-orang bukan Islam atas kesedaran baru mereka, maka saya rasa itu boleh mempercepatkan proses pembentukan Orde Islam tadi.

Dan Orde Islam ini tidak semestinya diberi label Negara Islam dan seumpamanya. Malah hari ini pun, semua pihak termasuk kerajaan dan Umno sendiri begitu ghairah menggunakan ungkapan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam. Dan setakat ini mereka tidak mendapat kritikan pun. Jadi idea Negara Islam itu sudah ada. Maknanya, Malaysia semacam terpaksa mengemukakan dirinya di peringkat antarabangsa, dalam politik tempatan dan domestik, sebagai Negara Islam.

Bila semua pihak sewenang-wenangnya menggelarkan Malaysia sebuah Negara Islam maka itu adalah suatu persekitaran yang agak menyenangkan.

***Apakah perpecahan dalam Umno hingga wujudnya Team A dan Team B, dan seterusnya parti Semangat 46, disebabkan faktor keislaman yang dibawa oleh beberapa orang pemimpin Umno?***

Saya boleh mengandaikan sahaja kerana tidak mempunyai bahan yang kukuh dan bukti-bukti yang konkrit. Memang ada pendapat bahawa sebahagian daripada sebab yang membawa perpecahan dalam Umno, yang melahirkan Team A, Team B, sedikit sebanyak berkaitan dengan orientasi keislaman dan kehadiran pemimpin yang berjiwa Islam dalam Umno itu sendiri.

Sebab itu sebagai reaksinya kita dapati lahir golongan yang mahu mengembalikan Umno kepada zaman lamanya, mahu mengembalikan Umno kepada orientasi sekular lamanya. Saya mempunyai contoh-contoh yang konkrit untuk menunjukkan bahawa golongan-golongan ini semenangnya tidak begitu senang dengan orientasi-orientasi tertentu di dalam kepimpinan sesetengah pihak di dalam Umno itu sendiri.

Tapi kita juga tidak boleh menafikan bahawa ada juga faktor lain, faktor peribadi yang terlibat sama dalam persengketaan itu. Seandainya orientasi keislaman dipertingkatkan, kita tidak boleh menafikan kemungkinan pergeseran serupa berlaku lagi dalam Umno.

***Antara ciri pokok politik Malaysia ialah kemajmukan rakyatnya, berbilang bangsa dan berbilang agama. Sejauh mana faktor ini mempengaruhi program-program pengislaman dan pendakwahan?***

Halangan-halangan biasanya lebih banyak ditempuh di peringkat institusi. Kadang-kadang idea penubuhan institusi ini terpaksa berdepan dengan tuntutan ramai sama ada di Parlimen atau dalam bentuk penyuaraan dalam akhbar. Ia juga memerlukan pengubahan akta-akta tertentu. Ia juga memerlukan wang daripada Perbendaharaan dan seumpamanya.

Jadi untuk mengubah institusi supaya ia bercorak keislaman sepenuhnya dalam masa yang singkat, sentiasa menghadapi masalah walaupun kita sedar banyak institusi-institusi Islam yang dibentuk pada masa lalu seperti Bank Islam, Universiti Islam. Dan itu pun dibuat dengan suatu jaminan bahawa sistem bank yang lain atau universiti yang lain itu tidak berubah. Maknanya ia sekadar mengisi sahaja, bukan mengambil alih.

Bagi saya perubahan di peringkat individu, di peringkat manusiawi jauh lebih mudah. Apabila perubahan di peringkat individu dan manusia itu berlaku, maka pada masa akan datang tuntutan supaya institusi diubah juga akan meningkat. Contohnya, hari ini bukan sedikit golongan yang terdiri daripada anak-anak orang Umno yang berada di seberang laut dan di universiti tempatan yang lebih berorientasikan Islam daripada ibu bapa mereka. Manakala anak-anak pemimpin dan orang-orang PAS pula, yang berada di seberang laut dan universiti tempatan, lebih kuat komitmen Islam daripada ibu bapa mereka. Ini adalah satu saham masa depan kita. Mereka ini semestinya lebih lantang daripada ibu bapa mereka. Dan mereka ini akan mengisi kepimpinan masa depan.

Kedua, suatu keistimewaan yang ada pada negara kita ialah orang-orang Melayu beragama Islam walaupun hakikat ini sedikit sebanyak membantut pengaliran Islam kepada bukan Melayu yang bukan beragama Islam, disebabkan mereka melihat Islam sebagai fenomena orang Melayu. Pertahanan Islam melibatkan pertahanan orang Melayu dan sebaliknya. Jumlah orang Melayu yang beragama Islam ini hanya sekadar beberapa juta orang sahaja. Seandainya berlaku sesuatu yang drastik dan dramatik terhadap mereka, maka itu akan mengubah demografi, mengubah struktur politik keseluruhannya.


Massa perlu digerakkan ke arah pemahaman Islam tulen

Kita tidak mampu berdepan dengan keadaan seperti di Indonesia atau China, di mana kehancuran sejuta, dua juta daripada bangsa mereka itu masih tidak menjejaskan keadaan keseluruhan. Tetapi kalau hal yang sama berlaku di negara kita, ia akan menjejaskan keseluruhan kehidupan bernegara, keseluruhan kehidupan bermasyarakat, keseluruhan program keislaman kerana orang-orang Melayu yang sama ini jugalah yang menjadi rakyat kepada negeri-negeri yang berlainan, dari kalangan mereka jugalah yang menjadi ahli PAS, Umno, Berjasa, Hamim, dari mereka yang sama akan bangkit bersatu sebagai satu kaum apabila berlaku krisis besar.

Malah hari ini pun kita dapat melihat bagaimana dalam satu keluarga sudah wujud sebahagiannya menganggotai Umno, sebahagian menganggotai PAS, sebahagian menganggotai ABIM, sebahagian pula bergerak dalam pergerakan-pergerakan Islam yang lain. Barangkali keadaan seperti ini sukar didapati di negara-negara lain, di mana satu-satu keluarga itu akan berada dalam satu-satu keadaan sahaja seperti dalam politik pembangkang sahaja atau kerajaan sahaja. Dan setiap kali berlakunya permusuhan kepada anggota yang berkenaan, keseluruhan keluarga itu juga akan turut dimusnahkan sebagaimana yang berlaku di Iraq, di negeri China dan sebagainya.




Tengku Razaleigh semasa merasmikan perhimpunan agung Semangat 46, tahun 1992. Turut mendengar ucapannya ialah Lim Kit Siang dan Ustaz Fadzil Mohd Noor. Mampukah Tengku Razaleigh menyatukan PAS dan DAP dalam satu barisan menentang BN?

# 14

# TANGGAPAN ANWAR TENTANG TAMADUN UMMAH

Ketika kita menghampiri penghujung millenia kedua Era Bersama, kira berdepan dengan dua imej pada 1992. Pada satu sudut, tahun ini ulang tahun ke-500 penemuan dunia baru oleh Cristopher Columbus. Di segi sejarah dunia, peristiwa itu juga menandakan permulaan era baru, Laut Mediterranean yang menjadi pusat tamadun, bermula dengan zaman Greek, Roman dan kemudian Islam, mula menghadapi kemerosotan sebagai pusat kuasa politik perdagangan dan kebudayaan. Columbus mencetuskan permulaan penguasaan Eropah dan Atlantik sebagai pusat dunia selama 500 tahun. Tetapi bagi kita, tahun ini sebaliknya adalah ulang tahun ke-500 kejatuhan Granada ke tangan Ferdinand of Argon dan Isabella of Castille. Sesungguhnya, penerokaan Colombus tidak mungkin berlaku tanpa kejatuhan kerajaan Granada.

Columbus sendiri menyaksikan kejatuhan kerajaan Islam terakhir di Eropah. Dia menulis kepada Ferdinand dan Isabella yang pada waktu itu menjadi hanya bakal penaung dan penajanya: "Pada hari kedua Januari 1492m ... di kota besar Gradana, saya menyaksikan panji-panji diraja tuanku ditegakkan di menara Alhambra, kubu kota itu, dengan menggunakan kekuatan tentara dan saya menyaksikan raja Islam datang ke kota itu dan mengucup tangan tuanku." Dengan kejatuhan Gradana, tamadun Islam terputus hubungan dengan Eropah dan tidak mempunyai pengaruh langsung dalam peradaban moden yang sedang muncul. Dunia Islam mengikuti bentuk pembangunannya sendiri, tidak menghiraukan perkembangan besar-besaran di Eropah dan terjerumus dengan sikap berpuas hati dengan pencapaian sedia ada. Seni dan ilmu kemanusiaannya tidak mendapat nafas baru daripada kebangkitan kuat usaha intelektual yang ketengahkan oleh aliran Humanisme. Bidang sains semakin merosot dan sarjana kita seolah-olah hampir jahil mengenai kosmologi baru yang dicetuskan oleh Revolusi Copernicus.

---

(Tulisan ini adalah sedutan ucapan Anwar di UIA, pada 29 Ogos 1992)

Oleh itu, kita sudah melalui kejumudan selama 500 tahun. Tamadun umat Islam suatu masa dulu berada di pusat dunia tapi secara perlahan-lahan tersisih. Tidak syak tamadun baru Moghul lahir di India dan mewariskan kepada dunia hasil seni bina dan muzik yang tinggi nilainya. Perkembangan Othmaniyah sedang bermula. Sewaktu zaman kemuncak hingga penghujung abad lalu, empayar itu berpengaruh sehingga ke Vienna. Malah menurut sejarawan William McNeil, kehebatan Empayar Othmaniyah paling sedikit dikenali atau diiktiraf oleh dunia. Di segi keluasan dan kependudukan di bawah kuasanya, ia lebih besar daripada penaklukan Alexander The Great dan Genghiz Khan ketika masing-masing berada di puncak kekuasan. Malah tiada gabungan empayar lain yang mampu bertahan lama - pemerintahan 600 tahun tanpa gangguan. Bagaimanapun, kedua-dua empayar Moghul dan Othmaniyah, walaupun sungguh tinggi pencapaian mereka dalam bidang seni dan budaya, hanyalah kuasa yang tersisih dalam sistem dunia yang sedang membangun.

Mereka tidak pernah menjadi rakan dalam pembinaan era moden. Sulaiman *"the Magnificent"* dilaporkan berkata: "Sesiapa yang menguasai laut menguasai dunia." Beliau adalah di antara kuasa maritim yang pertama dalam era baru, yang pengaruhnya terletak pada kekuasaannya di laut. Tetapi kekalahan Othmaniyah dalam pertempuran laur Perang Lepanto pada 1571 meleyapkan segala harapan untuk menebus pengusiran Islam dari Sepanyol dan cita-cita untuk mengembalikan penguasaan Eropah oleh sebuah kuasa Islam. Tidaklah menguntungkan atau jujur di segi intelektual untuk memberi gambaran muram mengenai keadaan masa kini dunia Islam selepas kejatuhan Granada. Kita tidak perlu mempelajari sejarah dunia daripada sudut pandangan mereka yang menang. Lakonan semula di Boston mengenai kedatangan Columbus dibantah dengan tunjuk perasaan oleh kalangan masyarakat asli Amerika (Indian) kerana ketibaan bangsa Eropah juga mencetuskan pembunuhan kejam dan pemusnahan kebudayaan pribumi. Sejarah juga boleh ditulis daripada sudut pandangan pihak yang kalah dan yang menjadi mangsa.

Kita tidak perlu berasa rendah diri dengan pencapaian kita. Sebahagian besar penghasilan dalam tamadun Islam belum lagi diketengahkan. Ketika pemerintahan Granada menyerahkan kunci kota itu kepada penakluknya, Sinan, seorang arkitek teragung dalam sejarah, baru berusia dua tahun. Dia sezaman dengan ahli seni dan arkitek ketika Renaissance di Itali. Ketika ahli seni dan arkitek lain cuba mengembalikan semangat Promethean dalam keantikan klasik, arkitek Othmaniyah itu sebaliknya berusaha memanisfestasikan ajaran Tauhid kepada konsep ruang. Orang Moghul pula berjaya menghasilkan Taj Mahal, satu daripada keajaiban dunia, dan muzik mereka masih dimainkan di zaman moden ini. Kita juga menyaksikan kemuncak penerokaan falsafah Islam dalam zaman Safavid dengan sintesis falsafah Mulla Sadra ketika permulaan kebangkitan Eropah.

Di dunia Melayu pula, kedatangan Islam memulakan era baru. Walaupun Melaka jatuh kira-kira 20 tahun selepas Granada, kreativiti intelek dan falsafah di dunia Melayu mencapai kemuncaknya hanya pada abad ke-17 di Aceh, melalui karya Hamzah Fansuri dan Nuruddin al-Raniri. Dan hingga ke abad lalu, kita mempunyai tokoh seperti Raja Ali Haji yang mempunyai pengaruh besar mencakupi teologi, sejarah dan bahasa. Walaupun begitu, kebekuan dan kepupusan mula berlaku. Ini lebih ketara di bidang sains dan teknologi. Teknologi membawa kekuasaan. Umat Islam dengan pedih menyaksikan jurang

kekuatan teknologi sewaktu bertembung buat kali pertama dengan sebuah kuasa Eropah moden ketika Nepoleon menjejakkan kaki di Mesir pada 1798. Ia adalah permulaan pergerakan Imperialisme Barat ke Dunia Islam.

Ketika Islam tersingkir daripada sejarah dunia, proses penyisihan yang sama semakin ketara di lapangan masyarakat Islam sendiri. Tamadun Islam adalah tamadun berasaskan ilmu. Seperti kata Franz Rosenthal, "dalam tamadun Islam, ilmu adalah kemenangan," dengan demikian ulama mempunyai fungsi utama, bukan saja dalam bidang keilmuan tetapi sebagai penegak moral dalam masyarakat. Walaupun ketika kejatuhan dan keruntuhan pengetahuan di kalangan masyarakat Islam, kekuatan moral ulama kita memberi kesan dan pengaruh yang kuat ke atas pelbagai kuasa dalam masyarakat. Ini membolehkan keseimbangan dikekalkan antara kuasa-kuasa yang bertentangan supaya masyarakat Islam pada umumnya memanifestasikan keadilan, ketertiban dan rahmat.

Bagaimanapun, dengan kemerosotan dalam perdagangan dan kegiatan ekonomi, kemiskinan dan kepapaan mula muncul sebagai ciri penting masyarakat Islam. Kegiatan pembelajaran, seni dan sains terjejas. Umum tidak lagi boleh diharap menyertai secara bijak dalam urusan masyarakat sebagai rakyat yang bertanggungjawab dan berpengetahuan. Di kalangan sarjana, sikap kekolotan dan kebekuan mula berakar umbi ketika mereka cuba melindungi masyarakat daripada cabaran luaran dan kemusnahan dari dalam. Doktrin taqlid, diamalkan manakala inovasi, perubahan dan pertanyaan dicurigai. Dalam keadaan sedimikian, sarjana kita semakin tersisih daripada aspek praktikal hidup seharian dan mereka menumpukan tenaga mengumpul dan menyalin semula karya-karya agung zaman silam untuk pengetahuan umum. Memang tidak dinafikan ini penting, tetapi untuk menjadikan masyarakat lebih dinamik, kegiatan intelektual mestilah lebih daripada sekadar pengulangan.

Usaha kita untuk menghidupkan semula semangat berfikir dan perbincangan sihat adalah satu tugas besar. Ia memerlukan perubahan mental dan sikap sepenuhnya. Sarjana perlu mendapatkan semula tempat utama mereka di dalam masyarakat. Ini tidak mungkin tercapai tanpa menunjukkan kekuatan intelek dan pertaliannya dengan masyarakat. Mereka perlu bersaing dengan pelbagai pengaruh untuk memenangi hati dan pemikiran ummah. Jika sebilangan besar sarjana kita hanya menumpukan kepada perkara-perkara syariah, ini bermakna bidang-bidang sains dan seni lain tidak mempunyai kepimpinan moral. Sebagai contoh konkrit, isu hukum hudud dalam syariah mendapat perhatian kebanyakan ulama sehingga mereka tidak sempat menangani isu-isu lain yang lebih penting yang dihadapi ummah. Sudah tentu kemiskinan lebih utama daripada jenayah, dan sudah pasti keprihatinan kita terhadap penderitaan dan kebuluran di banyak negara umat Islam memerlukan lebih perhatian, pemikiran dan tenaga untuk membantu mereka.

Dalam kebudayaan kita, ketiadaan kepemimpinan moral ternyata sekali dalam bidang kesusteraan imaginatif dan seni pentas. Ini adalah mengejutkan kerana kebudayaan Islam sudah menghasilkan mengilhamkan antara karya-karya seni teragung yang pernah dinikmati manusia. Puisi al-Rumi tiada tandingannya hingga ke hari ini. Maulana agung itu memilih sajak sebagai medium untuk menyampaikan kebenaran nilai kerohanian. Perlu diingat juga, karyanya mencapai tahap pencapaian paling tinggi di segi estetika. Karyanya bukan saja

menawan imaginasi umat Islam tetapi juga adalah pengaruh besar dalam kebangkitan zaman romantik sastera Eropah. Pengaruh kesusteraan imaginatif dalam membentuk pemikiran dan sentimen rakyat adalah besar. Malah di beberapa bidang, ia hanya boleh dilakukan melalui kesusasteraan. Seseorang itu mungkin boleh mempelajari sejarah kekalahan suatu bangsa melalui novel-novel Naguib Mahfouz daripada membaca berjilid-jilid sejarah karya sarjana di bidang itu. Pada pengetahuan saya, hanya Hamka sebagai yang tergolong dalam kelompok ulama yang secara langsung dan serius membabitkan diri dalam sastera imaginatif. Beliau menggunakan novel sebagai medium untuk mengkritik kejumudan sosial dan mencadangkan perubahan.



Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat tetap tenang menghadapi apa juga serangan dan tohmahan yang dihadapkan kepadanya dan Kerajaan Kelantan.





Tengku Razaleigh sudah selesai mengundi Ghafar pun begitu
Musa pula bersiap melangkah.



Tengku Razaleigh merasmikan Debat Agung Ekonomi di Universiti Malaya.



Ghafar gelak besar di sebelah Tengku Razaleigh. Siapa yang digelakkannya itu?



Tengku Razaleigh berbincang serius dengan Dr Syed Husin Ali. Turut mendengar, Dr Chan Man Hin, Pengerusi DAP. Mampukah Gagasan Rakyat menggugat keutuhan BN dalam pilihanraya akan datang?





Gambar Tengku Razaleigh sewaktu kecil, jasanya kepada orang-orang Melayu tidak boleh dilupakan.







Pairin bersama Mahathir; tikaman dari belakang sukar diampun.



Ustaz Fadzil Mohd Noor bersama-sama dengan Dr Syed Husin Ali dan Dr Sanusi Osman. Kerjasama pembangkang semakin mantap.



Ustaz Fadzil Mohd Noor disambut mesra oleh Tengku Razaleigh. Kedua-dua pemimpin ini mempunyai kekuatan tersendiri untuk berhadapan dengan Barisan Nasional.



Rais Yatim semasa berucap merayakan 46 tahun UMNO (asal) dan (di bawah) bersama pemimpin Gagasan Rakyat. Sanggupkah beliau terus bersama Tengku Razaleigh memperjuangkan UMNO (asal)?





Anwar semasa berucap di perasmian Seminar Kebangsaan Wawasan 2020 di Ipoh. Benarkah hanya Anwar yang mampu menjayakan Wawasan 2020 selepas era Mahathir?



Anwar semakin bergaya. Ramai wartawan mendakwa Anwar sekarang sudah sombong. Benarkah dakwaan ini, atau Anwar amat menjaga masa dan tidak mahu menghabiskan waktu untuk perkara-perkara tidak berfaedah?

# 15

# KEMELUT UMMAH
## SIKAP SEBENAR ANWAR

Kami berhasrat untuk memanjangkan persoalan penjajahan dengan maksud menangkis serangan Barat dan serpihan-serpihan yang dijangkiti darinya. Kaum Muslimin perlu membersihkan pemikiran dan kebudayaan bahkan seluruh kehidupan masyarakat dari bencana bawaan penjajah ini, sebelum dapat mengisi jiwa, fikiran dan kehidupan mereka dengan cara hidup Islam.

Mungkin ada yang menempelak kita, kerana terus mengungkit keganasan dan kegagalan penjajah; pada hal menurut pandangan mereka, penjajah telah lama pergi diusir keluar oleh penduduk tempatan yang rata-rata telah memberontak terhadap mereka. Dunia Islam sendiri pun telah berjaya membebaskan diri dari belenggu penjajahan dan jeritan "merdeka" bersemarak di seluruh pelusuk rantau. Tegas mereka, kini adalah masa untuk bersikap pragmatik, mengisi kemerdekaan dan membangunkan negara. Dan usah dikeluhkan kisah duka yang lalu, jangan ditangisi kepahitan hiudp lama yang dideritai, tetapi, ayuh, majulah ke hadapan dengan penuh hemat, bergerak ke zaman gemilang ke alam baru dengan sikap *futuristic*.

Benar, slogan sebegitu memang menarik, mudah mempesonakan namun mengelirukan. Tetapi dendang khayalan mereka pasti tidak akan kekal lama, kerana hasilnya nanti tidaklah selunak suara yang diperdengarkan. Sebenarnya, adalah mustahil bagi negara-negara berkenaan menelurkan hasil yang diidamkan oleh rakyat yang telah berhempas pulas berjuang dengan harga darah dan air mata, selagi cita-cita dan hasrat mereka untuk mewujudkan satu masyarakat Islam tulen dan selagi dikaburi makna kemerdekaan dan kebebasan itu semata-mata dari segi perubahan ketuanan politik lahiriyah sahaja. Sebab itulah perlu dibezakan fahaman kita dengan fahaman yang lazim diterima oleh nasionalis

---

Dipetik dari ucapan Presiden ABIM, Anwar Ibrahim, di Muktamar Sanawi Keempat, bertajuk "Jelaskan Wadah Perbaharu Tekad" pada 7 Disember, 1975.

asuhan penjajah, yang di antaranya hanya menentang penjajahan di bibir, tetapi tetap mewarisi sikap, pemikiran dan falsafah hidup mereka. Kecaman mereka terhadap penjajah hanya tertumpu kepada soal projek pembangunan dan pengabaian penjajah berbanding dengan kejayaan cemerlang mereka. Ataupun, di antara negara-negara Dunia Ketiga terdapat satu kecenderungan untuk senantiasa mengungkit akan kecuaian pihak penjajah semata-mata untuk menutup kelemahan-kelemahan besar mereka setelah berdekad-dekad merdeka.

Oleh itu, kita membongkar kembali dasar dan rencana penjajah di negara-negara Dunia Ketiga, khususnya di negara-negara Islam (dalam pengertian majoriti penduduknya adalah Muslimin) kerana jenayah politik dan kebudayaan mereka, terutamanya terhadap Islam mengasingkan Islam dari masyarakatnya dan menghilangkan maruah dan harga diri di kalangan umatnya atas nama "modenisma" dan "emansipasi". Kita menyelidiki faktor yang mendorong kebencian mnelulu mereka terhadap Islam hingga ke inti persoalannya. Kita meneliti setiap langkah dan muslihat jahat mereka, untuk mengetahui cara mereka menyogokkan faham permusuhan tersebut sama ada secara terbuka atau senyap dan berselindung.

Dalam bukunya *Islam at Crossroads* yang sangat bernilai itu, Muhammad Asad menerangkan permusuhan tersebut dilancarkan di bawah "Bayang Salib". Pertemuan Eropah dengan Islam ialah di peringkat "Bayi Eropah", peringkat pembentukan dan penyatuan Eropah yang ulung dalam sejarah, juga adalah untuk menghadapi Islam. Oleh itu, "Eropah moden yang dilahirkan dengan semangat Salib" dengan konsep baru "Peradaban Barat" sebagai gagasan mereka dalam menentang Islam. Permusuhan tersebut diteruskan tanpa reda sedikit jua pun; satu serangan ganas yang didorong semata-mata oleh kerana prasangka buruk dan jahil. Mereka tidak dapat terima kemungkinan munculnya satu angkatan Islam yang dianggap mereka sebagai golongan biadap sepertimana yang diasuh oleh para rahib gereja itu, untuk mara dan mengatasi mereka dengan semangat agama dan peradaban cemerlang. Sejak tersentak bangun dari kebekuan oleh kemaraan angkatan Islam di Abad Pertengahan, Eropah tidak dapat membebaskan dari rasa terhina. Eropah juga menyedari akan kemampuan dan kegigihan cita-cita jihad kaum Muslimin dalam perjuangan mereka menentang kafir penjajah di zaman-zaman berikutnya. Oleh itu Eropah dapat memperhitungkan kemungkinan bangkitnya semula kaum Muslimin membawa cahaya dari pancaran iman yang tidak pernah malap menentang kezaliman dan keangkuhan manusia. Tidak juga mereka sangsikan kehalusan budi, ketinggian akhlak, kekuatan ummah dalam perjuangan terus menerus bagi menegakkan kebenaran dan keadilan.

Kita mengungkit kembali permusuhan tersebut kerana penjajah dalam ertikata yang sebenarnya belum berakhir. Pada zahirnya sahaja sudah tampak, iaitu penerusan penjajahan ekonomi, pemunggahan kekayaan yang tidak ternilai yang dibawa keluar atas nama pelabur asing dan kerjasama dalam usaha pembangunan. Mitos pelaburan asing, kerjasama, bantuan tenaga dan teknik telah cukup banyak dibongkar. Dunia Ketiga masih bergelut menentang pemerasan ekonomi serta penindasan oleh negara-negara kaya, Barat terutamanya. Mengikuti sidang-sidang antarabangsa seperti UNCTAD, ketetapan yang dikemukakan oleh Dunia Ketiga di Majlis Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau pembongkaran muslihat badan-badan seperti Bank Dunia, AID, peranan syarikat multi-nasional seperti

ITT, Northrop dan lain-lain sudah cukup untuk menunjukkan tentang jenayah politik, ekonomi dan sosial yang dilakukan dengan sewenang-wenangnya sahaja.

Walaupun begitu, masih terdapat banyak negara yang memberi keizinan dan berterima kasih kepada pencabulan hak rakyat jelata ini atas alasan kenyataan hidup dan langkah pragmatik bagi menjamin kemajuan dan pembangunan negara. Tidak pula dihiraukan selain dari keluhan bermusim terhadap pemerasan ke atas tenaga buruh dengan upah yang serendah mungkin sebagai satu sistem perhambaan moden dan terhormat. Mereka terus memejamkan mata dan memekakkan telinga terhadap keburukan yang dipaparkan, skandal-skandal besar yang melibatkan syarikat-syarikat tersebut dalam jenayah politik dan sosial mereka dan kesan keruntuhan akhlak yang bertambah. Hal ini semua tidak akan merisaukan mereka asalkan golongan kecil di sekeliling mereka tetap segar dan subur dan di samping itu kegelisahan rakyat dapat dibendung dan cukup terkawal melalui undang-undang keras yang menakutkan rakyat dan menafikan hak-hak asasi manusia. Perlu dijelaskan bahawa bukanlah Islam itu untuk Timur atau Barat tetap untuk mencari keredaan Allah. Penentangan terhadap Barat hanya kerana sifat-sifat permusuhan dan muslihat mereka, jua.

Kita terus memerangi Barat kerana penerusan penjajahan dalam bentuk lainnya, yang nyata lebih merosakkan dari keganasan politik dan rampasan ekonomi yang telah dijelaskan. Ini yang disebut sebagai penjajahan *methodological* dalam bentuk ilmiyahnya dan penjajahan kebudayaan yang dipupuk dengan tekunnya melalui sistem pendidikan sekular mereka. Di bidang inilah umat Islam hampir terlantar rebah kerana kejayaan mereka menawan pemikiran dan jiwa Muslimin. Intisari pendidikan tersebut ialah menghasilkan cerdik pandai Muslim yang dapat mewarisi sistem hidup mereka, mengkagumi kebesaran dan kehebatan mereka dan sebaliknya menganggap Islam sebagai agama "peribadi" semata-mata, dan memadamkan cahaya perjuangannya, sejarahnya dan peraturan hidupnya. Bagi mereka, anak-anak peribumi dapat mengekalkan agama mereka secara nominal pada nama sahaja tanpa *ruh ud'din* dan *ruh ul jihad*. Inilah dasar yang hanya mungkin dengan sikap menyerah sikap hamba, sikap pendewaan kepada Barat; sikap yang mungkin kerana kejahilan akan agama sendiri dan kejahilan akan agama dan sejarah Eropah.

Demikian keadaan Dunia Islam kini dengan golongan inteligentsianya yang telah tercabut akar tradisi dan sejarahnya dan tersisih dari masyarakatnya. Merekalah jurucakap baru mempertahankan nilai murni Barat (biasanya dengan sedikit-sedikit variasi, pindaan supaya sesuai dengan iklim tempatan!); jaguh dan laskar penjajah bentuk baru yang ternyata lebih berkesan. Dengan angkuh mereka berani mencemuhkan Islam, memadamkan nur Islam, mematahkan tunas Islam dan menari menurut lenggok dan rentak gendang yang dipalu oleh bapak penjajah mereka dan guru-sarjana orientalis mereka semenjak berabad lamanya itu. Kini, kecaman-kecaman terhadap Islam dan penganut-penganutnya sebagai fanatik, jumud, pelampau, fatalis dan usang tidak lagi perlu dilemparkan oleh penjajah akan tetapi oleh murid-murid mereka yang setia. Merekalah yang cuba meyakinkan umat Islam bahawa mereka ketinggalan zaman dan terkebelakang kerana agama mereka. Perkara ini sebenarnya sudahpun terjawab oleh Amir Shakib Arsalan pada tahun-tahun 1930an lagi, "mengapa kaum Muslimin mundur dan mengapa kaum selain mereka maju?"

Tekanan mereka sedikit berlainan sekarang ini. Berhadapan dengan masalah-masalah sosial dan desakan ummat, mereka lantang berbicara sebagai jaguh Islam, ingin memodenkan Islam, menyesuaikan Islam dengan zaman sains dan teknologi, berusaha mewujudkan perpaduan Islam, tapi syariat Islam hanya di bibir, kuasa digunakan dengan seenaknya untuk kepentingan diri dan puak, kemungkaran dan maksiat berleluasa, kezaliman bermaharajalela. Pokoknya Islam yang mahu diketengahkan adalah Islam versi mereka yang akan dapat memperteguhkan kedudukan dan bukannya menebalkan iman. Berwaspadalah kita terhadap kata-kata manis yang mempersonakan sebagai madu yang bercampur dengan racun!

Bagi mereka, dasar atau ideologi yang wujud di muka bumi hanya kapitalisma, sosialisma, komunisma atau gabungan cebisan utama ideologi-ideologi tersebut - sekali lagi untuk disesuaikan dengan semangat nasionalisma yang memuncak dalam iklim tempatan! Agama bagi mereka adalah sekular, harus disesuaikan dengan keadaan dan zaman. Dari itu, akan dibicarakan soal rohani dan agama di upacara lainnya. Pertimbangan mereka adalah menurut kehendak nafsu dan tertumpu kepada pembangunan benda, berfalsafahkan benda meskipun, tidak akan terlupa sekali-kala diselitkan soal pembangunan rohani dan akhlak.

Inilah kejayaan terbesar Barat - *as-salibiyya* Kristian, zionisma Yahudi, materialisma Komunis - kejayaan mereka yang bererti satu tragedi dan bencana terbesar yang menimpa Muslimin. Dan pada kenyataannya, kejayaan singkat mereka itu adalah merupakan satu bencana bagi kemanusiaan seluruhnya kerana cuba memadamkan sinar nur Islam yang suci, *dinul haq* yang mengemukakan risalah penyelesaian bagi masyarakat manusia. Bencana dari pengaruh kebendaan sesuai dengan semangat ***dajjal*** tanpa mata rohani (mengingatkan kupasan Muhammad Asad) yang telah menampakkan bekas di Barat dan tempias-tempiasnya di Timur, krisis nilai dan jiwa yang dahsyat yang sedang dialami mereka; krisis yang diakui oleh filsauf mereka sebagai "awan mendung" yang menyelubungi dunia mereka. Mungkin ada yang berhujjah mempertahankan gejala ini sebagai ketentuan yang mesti dilalui oleh semua peradaban menurut peringkat-peringkat sepertimana yang dikupas oleh Arnold Toynbee atau mungkin juga ada yang hanya menempelaknya sebagai *Sprenglerian Pessimism*. Tetapi kenyataan krisis ini sukar dinafikan: entah *counter culture*, entah *keresahan biasa*; tetapi Barat kebingungan, merebut kejayaan benda tanpa matlamat suci dan oleh itu, mereka parah dan meraung kesakitan dan pasti akan meledak pecah lagi! Betapa pun penyelesaian yang disarankan oleh sarjana-sarjana Barat, ahli sosiologi - antropoloji seperti Sorokin dan Mannheim, ahli psikologi seperti Sigmund Freud dan Eric Fromn; mereka umumnya menerima kenyataan tentang "krisis besar", "krisis nilai" dan "kepercayaan" yang dihadapi, akibat dari kemusnahan tradisi dan agama.

Maka tidak hairanlah sekiranya tokoh-tokoh Islam yang jujur senantiasa mengingatkan bahaya besar jarum halus penjajah - *al-isti'mar al-dakhili*, bentuk penjajahan dalam yang berjaya menamatkan semangat peradaban Barat secara dangkal tetapi cukup untuk merangkum seluruh pemikiran dan sikap Muslimin. Golongan penjajah dan saki-baki mereka di kalangan peribumi yang terpesona dengan jampi sarapah mereka mesti diperkenalkan kepada masyarkat; agar dapat dinilai setiap dasar yang diutarakan mereka. Masyarakat Islam yang sihat ialah masyarakat yang senantiasa bersedia dan berwaspada;

bersikap kritis terhadap diri masyarakat dan pimpinan mereka lebih-lebih lagi terhadap setiap pencabulan ke atas hak dan kebebasan mereka. Tidak mungkin direlakan diri dipaksa atau fikiran dibelenggu supaya tetap terkebelakang dan terhina. Sewajarnya masyarakat yang sedar itu bertindak tanpa jemu bagi membebaskan diri dan umat sepenuhnya dari kongkongan penjajahan dan jurubicara mereka lainnya!

Kita tegaskan bahawa penjajahan dalam apa bentuk juapun sekarang ini hanya mungkin dengan kerelaan dan syubahat dari kalangan pimpinan dan cerdik pandai Muslimin sendiri. Demikian juga dalam rumusan yang dibuat oleh filsauf Malik ben Nabi dalam *Le Vocation de Islam* bahawa pimpinan Muslim harus dipersoalkan dan dipertanggungjawabkan di atas setiap bentuk penjajahan yang terjelma dalam dunia Islam! Terdapat di antaranya kalangan yang pura-pura muncul sebagai nasionalis ulung tetapi sebenarnya adalah pembelot kepada cita-cita pembebasan kerana membiarkan sahaja penjajahan diteruskan atau seolah-olah tidak berdaya mencabarnya. Sementara mengecam penjajah, mereka juga paling kejam terhadap golongan masyarakat yang memperjuangkan Islam dan merekalah yang pertama menjalankan satu sistem pemerintahan, ekonomi, pendidikan dan undang-undang selaras dengan kehendak penjajah secara begitu menyeluruh bersesuaian dengan acuan inteligentsia yang dirangka oleh perencana pendidikan imperialis seperti Stamford Raffles, Cromer, Mac Caulay, Snouck Hurgronje dan lainnya. Dalam pada itu pula mereka pura-pura bertindak mempertahankan keutuhan dan perpaduan masyarakat Islam; ingin menegakkan syiar Islam dan sebagainya; tetapi peribadi dan tindakan mereka sudah cukup untuk menunjukkan keadaan yang bertentangan.

Kalangan ini terus bermaharajalela dan dapat mengekalkan kekuasaan kerana diberi "pengesahan" oleh sebahagian dari ulama yang diistilahkan oleh Hujjatul Islam al-Ghazali sebagai *ulama-ad-dunya*. Mereka telah melupakan amanah dan tanggungjawab besar mereka sebagai "pewaris para Nabi", dengan membiarkan diri diperalatkan atau bersyubahat dengan golongan yang nyata engkar dan zalim. Malahan, di peringkat yang paling melampau umpamanya, kita dengar bahawa regim Komunis Russia sendiri mendapat restu beberapa "ulama rasmi" mereka bagi menjalankan propaganda khusus untuk masyarakat Islam di Soviet dan sebagai bahan propaganda untuk negara-negara Islam; atau mengenai ulama yang mendukung ketetapan Habib Bourguiba untuk tidak mewajibkan puasa di bulan Ramadhan atas alasan negara berada dalam keadaan darurat kerana sedang berlumba-lumba mengejar kemajuan; atau mengenai ulama yang menganggotai Parti Komunis Indonesia (PKI) atau mendukung kabinet NASAKOM (Nasionalis - Agama Komunis) di sebuah negara di mana Muslimin merupakan lebih 90 peratus penduduknya. Malah ada yang sanggup mempersendakan kesucian al-Quran dalam menganjurkan "persatuan" ummah tanpa menekan syarat dan tujuannya. Hal ini semua di*sah*kan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran secara sewenang-wenangnya seperti yang terdapat dalam surah al-Mumtahanah ayat 8, bermaksud: "Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil."

Secara yang lebih halus ialah kupasan konsep taat tanpa dijelaskan syarat dan untuk siapa, dikupas bahagian kecil Islam yang tidak menggugat kedudukan mereka dengan

meninggalkan bahagian pokok. Mereka sering memetik dan menggunakan sebahagian ayat 559 dalam surah al-Nisa yang bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman taatilah Allah dan taatilah Rasul(Nya) dan ulil amri (pemimpin) di antara kamu." Mereka berhenti setakat itu sahaja, tanpa menamatkan ayat tersebut. Dalam ayat tersebut jelas dinyatakan syarat-syarat dan kedudukan taat tersebut. Allah menyatakan dalam al-Quran, maksudnya: "... kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu maka kembalilah ia kepada Allah dari hari kemudian yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya. (al-Nisa: 59)

Dari ayat di atas nyata sekali iaitu syarat taat ialah jika seseorang ulil amri itu taat kepada Allah dan jika ada perselisihan antara pengikut dan ulil amri, maka tempat rujuknya ialah al-Quran dan hadis Rasul (SAW). Dan dalam satu hadis lagi Junjungan Besar kita Rasulullah (SAW) bersabda, maksudnya: "Jangan ditaat kepada seorang makhluk yang bergelumang dengan maksiat terhadap khaliq (Allah)." Malah seringkali juga, mereka diguna untuk mengemukakan pendapat-pendapat *dakwah secara hikmah* dan *muizah hasanah*. Ini tidak lain, melainkan sebagai dalih kelalaian mereka atau bagi mengecam dan menentang angkatan Islam lainnya.

Di kalangan ulama-intelek Islam sebeginilah sering timbul golongan *apologetics* dan sikap berma'af dan mengalah terhadap peradaban Barat. Seyyed Hossein Nasr dalam *Islamic Studies* menganggap bahawa aliran rasionalisma dan apologetik ini telah diseludup oleh faham sekular Barat dan mereka ingin memperkenalkan Islam agar bersesuaian dengan kacamata Barat. Bahkan terdapat kecenderungan untuk memperkecilkan atau menafikan aspek Islam yang dianggap sebagai tidak lagi bersesuaian dengan fikiran moden. Di India umpamanya, Sayyid Ahmad Khan, Syed Amir Ali mempelopori langkah mensekularkan pendidikan bersama-sama dengan ulama-ulama yang sefaham seperti Maulana Abdul Kalam Azad, sementara Ali bin Raziq, Shaikh Khalid, Taha Hussein kesemuanya dari Mesir menyarankan pemisahan di antara agama dari kehidupan duniawi dan dengan itu mengiktiraf faham sekular sebagai satu ciri sah di samping agama. Penyelewengan mereka yang disebut ini dikupas oleh Maryam Jameelah dalam *Islam and Modernism*.

Tokoh-tokoh dan ulama-ulama yang mengelirukan ini sering ditonjol-tonjolkan kepada umum sebagai pakar (authority) dalam bidang masing-masing tetapi ulama-ulama yang jujur dan ikhlas sengaja diketepikan atau ditenggelamkan sama sekali. Pergerakan Islam adalah bertujuan menjelaskan kedudukan sebenarnya agar jangan kita terus kecewa dengan harapan-harapan dari kalangan yang mustahil dapat dipenuhi. Pandangan sebegini akan senantiasa muncul terutama di kala umat Islam mulai cuai dan bersikap acuh tak acuh terhadap apa jua perkembangan yang berlaku di sekitarnya. Baru-baru ini sahaja timbul pula anjuran sekularisasi untuk kaum Muslimin Indonesia tetapi telah segara ditumpaskan dengan hujjah-hujjah tajam mengenai sekularisasi oleh Professor Dr. H.M. Rasjidi. Sepertimana yang telah dijelaskan, faham tersebut adalah pengalaman masyarakat Eropah dan asing bagi Islam; "tidak lebih dari kenyataan khayalan jiwa yang sedang mengelamun dalam kecuaian mimpi."

Akan tetapi, faham tersebut berjaya diterapkan kepada masyarakat Islam dan mencabar setiap aspek kehidupan dan prinsip kesatuan (unitary) Islam, dan akibatnya, menurut Seyyed Hossein Nasr, "dunia Islam kini menghadapi bahaya syirik (polytheism), yakni, menjadi idea-idea moden Eropah sebagai tuhan-tuhan (sekutu) di samping Allah."

Keriuhan dan kejauhan golongan yang kuat memperjuangkan perubahan ke arah Barat pada hakikatnya tidak berasas sama sekali kerana tidak menampakkan satu kemajuan cemerlang berbanding dengan kejayaan yang pernah dicapai di bawah pimpinan Islam sebelumnya. Tokoh dari dunia Islam yang paling diagung-agungkan oleh dunia Barat dan golongan sekular iaitu Mustapha Kemal Ataturk, tidak pun menunjukkan satu keistimewaan selain dari meroboh satu sistem pimpinan Sultan Abdul Hamid yang sudahpun hampir terkulai itu. Dengan tiupan semangat nasionalisma yang dipupuk oleh filasuf sekular Ziya Golk Alp, dan dengan stratigi yang diatur dari "luar" sebagai anggota Masuniyyah atau Freemason atau pertubuhan yang diumumkan oleh Rabiyah Alam al-Islam telah berjaya menumbangkan pemerintahan Uthmaniyyah, satu pemerintahan jumud dan sudah tempang ciri keIslamannya. Meskipun begitu *"The Sick Man of Europe"* ini mahu dileburkan oleh Barat kerana sekurang-kurangnya ia masih melambangkan kekuatan darul Islam dan oleh kerana itu, tidak mungkin dapat dibentuk sebagai negara boneka bagi Eropah. Setelah berjaya rancangannya dengan menggunakan tariqah Islam, Mustapha mula menggubal undang-undang memaksa dengan kejamnya agar dihapuskan pengaruh Islam kerana dianggapnya bertujuan memundurkan Turki, satu langkah ganas yang telah memutuskan hubungan Turki dengan sejarah kegemilangan Islam dan dengan *dar-al-Islam*; dan memulakan satu zaman baru, zaman sekular Turki yang dengan riang dianggap oleh Barat sebagai bermulanya zaman "moden" Turki!

Kegigihan Turki Muda ini dicanang luas sehingga nasionalis-nasionalis lainnya turut mengkagumi kejayaan mereka dan menerima tindakan mereka memisahkan agama dan negara sebagai satu tindakan perlu juga. Di Indonesia, seorang nasionalis muda Sukarno telah mula menghebahkan kejayaan Turki Muda sejak tahun-tahun 30-an lagi meskipun pandangan-pandangannya yang dimuatkan dalam majalah *Pandji Islam* itu dipatahkan oleh Muhammad Natsir yang mengulas dari sudut Islam. Polemik Sukarno - Natsir mengenai persoalan agama dan negara, sekularisma Turki Muda, masih amat relevan sehingga sekarang ini sebagai mewakili pandangan sekularis dan Islam. Malangnya, di atas sebab-sebab yang disebutkan terdahulu kecuaian inteligentsia ulama dan penganutnya maka sejarah pahit Turki itu berulang lagi dan setelah berkuasa Presiden Sukarno telah melupakan pengorbanan pejuang-pejuang Islam serta janji-janjinya terhadap Islam. Begitulah juga dengan negara-negara Islam lainnya termasuk negara Arab yang belum pernah bersatu dalam sejarah selain dari di bawah panji-panji Islam. Faham sekularisma yang sudah berakar di Barat dan dipelopori oleh Turki di kalangan dunia Islam telah menjalar dan menyemai benihnya dengan berkesan di negara-negara Islam lainnya.

Ditinjau semula alasan mereka dalam meninggalkan Islam, ternyatalah kejahilan mereka tentang agama sendiri. Dan kehebohan untuk memodenkan negara dan menuju ke Barat itu tidak juga berhasil selain dari diri mereka menjadi alat percaturan kuasa asing sahaja. Sukar bagi kita, untuk bayangkan kemungkinan negara Islam diterima sepenuhnya,

sebagai anggota keluarga negara-negara Barat, walaupun negara-negara tersebut telah kebarat-baratan hampir sepenuhnya. Buktinya ialah Turki yang sudah berusaha menjadikan dirinya Eropah pada jasad dan ruh, tetapi masih tidak dianggap sama oleh Eropah, selain dari mengancam maruah dan keutuhan negaranya, sebagai boneka kuasa Barat di bawah telunjuk Amerika Syarikat sebagai anggota NATO. Nasib yang sama, dialami oleh negara-negara Arab, yang lebih mengutamakan *qaumiyah 'Arabiyah* dan *Ishtirakiyah Arabiyyah* mereka, sementara merendahkan kedudukan Islam dengan melupakan pesanan Rasulullah (SAW).

Akibatnya ialah malapetaka besar bagi mereka, dan bagi umat Islam seluruhnya; perpaduan di kalangan mereka tidak wujud dalam ertikata yang sebenarnya. Dan harapan mereka untuk mengembalikan hak rakyat Palestin yang sah dari rampasan Zionis Israel yang didukung oleh imperialis Amerika Syarikat kian tipis. Bantuan yang telah dijanjikan oleh Komunis Russia telah tidak dipenuhi dan langsung meninggalkan negara sahabat di saat-saat kritis. Juga Pakistan yang pada mulanya membawa harapan besar bagi kebangkitan Islam dengan sejarah perjuangan yang gigih dan tokoh-tokoh berkaliber seperti Muhd. Iqbal Ali Jinnah dan Abul A'la al-Maududi. Malangnya Pakistan yang *raison di' etre*nya adalah Islam turut juga membelakangi agama dan memperkenalkan ideologi asing dan membangkitkan semula semangat perkauman sempat. Kelemahan ini diambil kesempatan oleh musuh dan akhirnya Pakistan dipecah dan hampir dileburkan. Laungan kejayaan di lapangan ekonomi mereka juga harus disangsikan, Negara-negara yang memilih untuk menuju ke Barat ini tidak dapat dikatakan berjaya selain dari menyerah negara sebagai medan rebutan pedagang asing. Rencana pembangunan negara yang diumumkan dengan matlamat-matlamat menarik, berhasil untuk menambahkan kekayaan golongan kecil di sekeliling mereka, dan rakyat jelata, rata-rata tambah melarat dan papa kedana. Apa yang sebenarnya berlaku ialah usaha-usaha membangun sambil meroboh; pelaksanaan sistem riba, pemerasan, perjudian, rasuah dan pelacuran atas nama pembangunan. Jadinya rata-rata apa yang berlaku ialah pembangunan ekonomi, kemajuan sains dan teknologi sambil meruntuhkan mutu kemanusiaan, modenisasi yang membawa kepada dehumanisasi. Tidak keterlaluan jika dirumuskan bahawa tidak ada suatu pun kemajuan yang dapat dibanggakan oleh golongan ini setelah memegang tampuk pemerintahan Islam sekian lama.

Tidaklah dimaksudkan untuk mewarnakan suasana alam Islam dengan sebegitu gelap dan penuh tragedi. Kenyataan tidak pula dipaparkan untuk meratapi kelalaian dahulu atau merasa lemas dari bingung dalam menghadapi masa depan. Di sebaliknya, kita akui kepincangan yang wujud dalam masyarakat serta kekuatan dan muslihat musuh yang lebih besar berbanding dengan kekuatan pendukung Islam, agar kita lebih waspada dan lebih kuat berusaha menegakkan kalimah Allah dengan tenaga raksasa dengan izin Allah (SWT). Kita akui bahawasanya arus faham sekular itu telah menjalar meluas ke seluruh pelusuk dunia Islam terutamanya di kalangan para inteligentsia dan pimpinannya. Kita juga akui akan wujudnya Kuasa Besar Kapitalis dan Komunis yang berjaya mengumpulkan hampir seluruh negara-negara di dunia ini di bawah sayap telunjuk mereka. Dari keadaan bermusuh-musuhan, mereka sekarang cendurung bergerak ke arah *hegemony*, satu kerjasama yang mereka sebut sebagai *detente* dengan mengakui *status quo* dalam bidang pengaruh masing-masing. Negara-negara kecil lainnya, termasuk negara Islam, akan kesesakan nafas dibuat

oleh mereka sekiranya tidak tunduk kepada rencana utama mereka! Jadi terkeluar dari ideologi yang mereka anuti, dan prinsip-prinsip kemanusiaan (tidak terlepas juga dari Deklarasi Hak Asasi Manusia PBB yang tidak lagi bernadi itu), peraturan hidup sekarang sama ada di gelanggang dunia antarabangsa atau negara adalah berdasarkan aturan golongan biadab, hukum rimba: *"might is right!"* (yang berkuasa pasti benar!) dengan sedikit perbezaan tekanan dan rentak.

Kekuatan zahir menusia tidak harus menggoncang keyakinan atau menggugat kedudukan kita, kalangan yang "pragmatik" dalam pengertian sempit, dikongkong oleh kepentingan kebendaan dan didorong oleh kecintaan kelebihan kepada dunia (*hubbu 'Ddunya*) sahaja yang akan mengiktiraf kekuatan sedemikian, kerana ini bererti kemenangan mereka dalam mengekalkan kekuasan tanpa perlu berjuang lagi. Pada mereka soal kebenaran, soal prinsip hidup boleh diubahsuai dan digadai menurut keadaan. Golongan ini juga rata-rata berpendapat (mungkin berdasarkan pengalaman peribadi yang tidak dapat mengawal syahwat dan runtuhan nafsu), bahawa *permissiveness*, kemaksiatan seperti rasuah, perjudian dan pelacuran adalah satu kemestian dalam hidup dan mustahil akan dapat dihapuskan. Inilah masyarakat perpinggiran yang telah tempiasan faham *agnostic* dan *mulhid* (altheist) yang telah kehilangan nilai keruhanian, moral dan etika dan kehilangan idealisma. Menurut mereka, kedurjanaan hidup manusia yang penuh tragedi ini adalah satu realiti; faham yang mirip kepada saranan psikologis Sigmund Freud dan failasuf Neitzche.

Untuk menghayati Islam bererti membebaskan diri dan pemikiran dari dibelenggu oleh fahaman dan pengertian hidup yang terpesong sama ada yang kita warisi sejak berzaman, disogokkan oleh penjajah atau oleh golongan yang berkuasa. Justeru kerana itu bidang pergerakan kita harus diperluas, supaya meliputi semua segi yang boleh disalurkan dengan berkesannya, melalui program tarbiyah dan penyebaran risalah. Sudah berkali-kali kita membuat saranan supaya disegerakan reformasi pendidikan yang bertujuan untuk menimbulkan *al insan al Kamil*, mendekatkan diri dengan khaliq. Kita jelaskan bahawa dengan memasukkan satu mata pelajaran "agama" bukanlah satu penyelesaian. Pendidikan Islam harus menjadi bahagian yang integral dari seluruh sistem pendidikan. Harus ada kesedaran tentang ketidakmampuan sistem yang dicedok dari Barat untuk memenuhi maksud manusia universal dan sempurna - satu kenyataan yang diakui oleh ahli fikir Barat sendiri yamg mula mencemuhkan falsafah kebendaan yang menjadi intisari dasar tersebut. Kesedaran ini sekurang-kurangnya akan memaksa kita untuk lebih giat mengasuh anak-anak muda ini dengan didikan Islam yang sebenarnya. Tanpa ini mereka akan menurut sahaja gelombang dan hanyut seperti mana yang berlaku di kalangan generasi muda di Barat. Sistem ini telah menimbulkan masyarakat muda yang gelisah - membenci kebudayaan materialisma dan bertindak menyisihkan diri darinya.

Amat penting sekali kesedaran ini bagi mengelakkan masyarakat kita dari turut mengekori tragedi yang sedang dialami di Barat. Mereka harus difahamkan bahawa falsafah pendidikan liberal di Barat dipertahankan meskipun pemuka-pemuka Islam pada zahirnya juga antipenjajah. Manakala mereka menginsafi kelemahan besar sistem pendidikan sekular ini, mereka akan terus giat mengisi kekosongan selama ini dengan melatih dan mempelajari Islam dan tidak membiarkan diri menjadi hasil acuan yang telah ditentukan oleh Barat.

Mereka akan kembali mendapatkan diri dengan masyarakatnya dan sejarahnya yang sudah terputus itu. Mereka akan sedar bahawa tenaga muda Islam harus disatukan dalam satu wadah dan tidak terus berkecai dengan dasar sekularisma yang sengaja memisahkan golongan didikan agama dan golongan didikan secara sekular.



Anwar semasa Presiden ABIM bersama Ustaz Ashaari Mohamed, Sheikhul Arqam. Anwar punyai peranan yang besar dalam arus kebagkitan Islam di negara ini. Tapi ramai yang mempersoalkan peranannya semasa menjadi menteri kanan dalam kerajaan, Anwar dikatakan tiada lagi menghiraukan perkembangan gerakan Islam kecuali ABIM. Walaupun beliau pernah bersahabat baik dengan pemimpin-pemimpin tertinggi PAS tetapi PAS terus ditekan.



Semoga Allah memberikan kekuatan kepada umat Islam dan menyelamatkan kita dari azab api neraka.



Terserlah wajah keibuan pada Wan Azizah Wan Ismail, isteri Anwar.



Anwar ditemani Sabaruddin Chik bersama keluarga di Pesta Malaysia.



Anwar sedang bergambar. Beliau diakui sebagai tokoh yang kacak.



Anwar dengan pelajar Malaysia di Britain.



Bagaimana nasib anak-anak Malaysia sekiranya Anwar jadi PM?



Anwar diupacara pengislaman orang asli.



Anwar sentiasa menang. Beliau belum menempa kekalahan. Mungkin justeru itu Anwar tidak gementar hadapi siapa sahaja, termasuk Ghafar.



Imej kepemudaan dalam diri Anwar masih kukuh. Apakah ini bermakna Anwar terlalu muda untuk jadi PM?



Gembira sungguh Dr Mahathir berjumpa kawan-kawan Anwar.

# 16

# NAIB PRESIDEN PERLU $134 JUTA?

Khabarnya, politik wang dan Umno tidak boleh dipisahkan. Kedua-duanya seiring - demi kuasa. Dan yang lebih menarik, dalam setiap pertandingan Umno, tidak ada penulis-penulis buku politik yang popular menghuraikan istilah politik wang ini. Kita tidak tahu kenapa atau barangkali penulisnya tidak tahu wujudnya politik wang di dalam Umno. Sehingga akhirnya, di Perhimpunan Agung Umno yang ke-36, Presidennya, Dr Mahathir Muhamad dalam ucapan dasarnya terpaksa menyebut satu para khas mengenai politik wang.

Apa kata Dr Mahathir? Katanya, pihaknya telah melihat penggunaan wang untuk menjayakan pertandingan merebut jawatan dalam Umno baik di peringkat cawangan, atau bahagian atau pusat. Saguhati dihantar kepada ahli dengan kiriman salam daripada si polan si polan. Kadang-kadang sampul khas digunakan dengan ucapan "salam sejahtera" daripada orang yang berkenaan. Ramai ahli Umno dibawa makan angin keluar negeri. Banyak juga majlis jamuan diadakan, lengkap dengan syarahan kecil dan doa. Hotel-hotel mewah mendapat pelanggan yang ramai. Begitu juga bas-bas persiaran, mendapat tempahan sepanjang tahun.

Apa katanya lagi? Tiap sesuatu mempunyai permulaannya. Penggunaan wang bermula dengan penempatan wakil-wakil ke perhimpunan agung di hotel-hotel mewah. Dahulu, wakil-wakil ke perhimpunan agung mencari tempat tinggal sendiri di hotel-hotel kecil, tetapi kerana undi mereka diminati oleh calon-calon Majlis Kerja Tertinggi, maka mereka diberi layanan yang istimewa. Selepas itu, berlakulah perlumbaan menggunakan wang. Kita tidak boleh menyalahkan pemberi sahaja. Penerima juga bersalah. Mereka mendesak, bahkan secara halus mengugut bakal calon supaya memberi layanan istimewa kepada mereka. Jika tidak, maka kesannya mungkin buruk kepada calon. Itu dalam ucapannya di perhimpunan agung ke-36.

Dalam ucapannya dalam perhimpunan Umno yang ke-35, Dr Mahathir juga ada menyentuh pasal politik wang. Kata Dr Mahathir, Umno sekarang memasuki era baru, era di mana kepentingan diri sendiri nampaknya diberi keutamaan yang lebih dari kepentingan parti. Dengan semakin ramai orang Melayu yang menjadi kaya, rebutan jawatan dibuat dengan menggunakan wang yang banyak. Sekali lagi saya ingin memberi amaran. Penggunaan wang dan rebutan jawatan akan menghancurkan Umno dan melemahkan orang Melayu.

Katanya lagi, sekiranya ini berlaku, satu hari nanti *millionaire* sahaja akan memimpin Umno. Pada waktu itu Umno bukan lagi parti politik. Ia akan menjadi persatuan orang kaya. Dan sudah tentu rakyat umum tidak lagi akan menyokongnya.

Ketika itu, mungkin ada pemimpin Umno atau ahlinya yang sedar dengan teguran Presidennya itu. Atau, barangkali buat-buat tidak sedar kerana sudah seronok dengan jamuan percuma, lawatan percuma, sehingga kadangkalanya mendapat "perempuan percuma" juga. Dan yang lebih hebatnya, dapat menunaikan umrah secara percuma kerana menyokong seseorang. Mungkin calon yang menang ini mahu meneruskan amal jariahnya kepada ahli-ahli yang kurang berkemampuan!

Satu peristiwa mengenai politik wang ini berlaku dalam mesyuarat pemilihan UMNO bahagian pada tahun 1986. Seorang calon Ketua Bahagian di Negeri Sembilan khabarnya telah mengeluarkan wang sebanyak $100,000 untuk menarik undi. Dia telah membawa beberapa orang perwakilan bersiar-siar di sekeliling Kuala Lumpur, menjamu makan di hotel-hotel ternama dan membelanjakan apa sahaja yang lalu di hadapan mata. Barangkali, ketika itu kalau ada "upacara lelong Pusat Islam atau lelong tingkap Masjid Negara" juga mereka akan membelinya. Selepas menggunakan wang yang begitu banyak, dan mendapat keyakinan undi dari penyokong-penyokongnya, keputusan yang diperolehi adalah kalah! Teruk menjamu tetapi hasil kosong. Dan barangkali sehingga kini, kalau dia diberi peluang untuk menghentam yang perlu dihentam, sudah pastilah perwakilan Umno bahagian itu yang akan dijadikan sasarannya. Tetapi sayang, dia tidak mempunyai peluang untuk menghentam!

Sebenarnya ini bukan kelemahan calon Ketua Bahagian itu. Dirinya mungkin telah berusaha bersungguh-sungguh dan yakin dengan penat lelahnya itu akan berhasil. Tetapi keyakinan itu pudar kerana Ketua Umno yang memenangi bahagian itu berkemungkinan besar menggunakan wang yang lebih banyak dari dirinya. Mungkin dia hanya membawa sekitar Kuala Lumpur sedangkan lawannya telah membawa perwakilan ke Medan atau Hadyai. Mestilah perwakilan terhutang budi kepada yang berbelanja banyak.

Itu baru satu bahagian. Ada 133 bahagian Umno di seluruh negara, tidak termasuk Sabah sekarang. Kalaulah satu bahagian untuk menjadi seorang calon Ketua Bahagian memerlukan wang sebanyak $100,000, bagaimana keadaannya dengan 133 bahagian Umno? Seandainya dianggapkan hanya dua orang bertanding merebut jawatan itu, bermakna $100,000 x 133 x 2 = $26,600,000, satu jumlah yang terlalu besar untuk dibazirkan begitu sahaja.

Itu baru penggunaan di peringkat bahagian. Belum lagi di peringkat cawangan dan Majlis Kerja Tertinggi. Dan ditambah pula dengan kemasukan 20 bahagian baru di Sabah serta 12 kawasan baru, berikutan pindaan Perlembagaan mengenai persempadanan baru kawasan pilihanraya. Tentunya sekarang masing-masing sibuk mengira berapa wang yang mereka dapat menjelang pertandingan 1993 nanti. Ini kena tanya kepada ahli-ahli Umno sendiri.

Kalau dikira-kira, kita tentu tertanya-tanya berapakah keseluruhan wang yang digunakan untuk bertanding di peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Kerja Tertinggi Umno? Misalnya, pada tahun 1987 lebih satu juta ahli Umno menghadiri mesyuarat di berbagai peringkat. Lebih 160,000 Jawatankuasa Cawangan dari 8,000 cawangan bersedia untuk mesyuarat bahagian. Mereka perlu berjumpa sekurang-kurangnya sekali sebelum mesyuarat tahunan (20 ahli bagi setiap 8,000 cawangan). 3,724 Jawatankuasa Bahagian (28 bagi setiap satu bahagian untuk 133 bahagian) terpaksa berjumpa sekurang-kurangnya dua kali sebelum mesyuarat bahagian. Bagi MKT 42 ahli terpaksa bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali sebelum perhimpunan Agung. Mesyuarat ini semuanya tidak melibatkan apa-apa pertandingan. Sekiranya tiap-tiap tahun ada pertandingan, sudah pasti berbilion ringgit terpaksa digunakan untuk merebut kuasa.

Khabarnya, salah seorang pemimpin tertinggi Umno telah memberitahu ada calon yang memerlukan wang sebanyak $134 juta untuk bertanding merebut jawatan Ahli Majlis Kerja Tertinggi Umno pada tahun 1993. Di manakah sumber kewangan calon ini untuk mendapatkan wang sebanyak itu? Bagaimana pula dengan calon-calon yang tidak mempunyai wang langsung untuk berkempen? Secara logiknya, sukar orang-orang tertentu di dalam Umno untuk mengekalkan jawatan atau merebut apa jua jawatan dalam Majlis Kerja Tertinggi.

Kita tidak dapat membayangkan andaian lucu, apakah Sanusi Junid terpaksa memberi subsidi baja kepada lebih seribu perwakilan Umno? Dan sebanyak mana pula harga baja itu? Anuar Musa terpaksa menunggu di stadium untuk mengambil kutipan tiket perlawanan bola sepak? Apa akan terjadi kepada 'Pak Lah' yang bekerja sebagai Menteri Luar (kekadang terpaksa menghantar derma ke Bosnia dan Somalia)? Begitu juga dengan Najib Tun Razak yang saban hari terpaksa memakai seragam hijau? Secara logik, memangnya memeningkan. Atau lebih baik menjadi Tok Mat atau Hussain Ahmad yang tentunya akan diberikan jawatan percuma (1993 belum tentu).

Bagaimana pula dengan Br. Anwar Ibrahim? Dia sedang duduk di kementerian yang penuh dengan wang. Apakah dia juga akan memberi saham-saham tertentu untuk orang-orang politiknya di bahagian-bahagian. Ataupun dia akan terus dengan perjuangan ideal untuk membanteras kemungkaran? Tepuk dada tanyalah iman, jangan tanya selera, nanti punah. Kes Br. Anwar agak berbeza kerana cerita dan sejarahnya boleh dibuat secara berasingan. Apatah lagi kedudukannya sebagai pengerusi anti penyelewengan dalam jabatan-jabatan kerajaan dan Pengerusi Badan Perunding Islam (BPI), di mana ahli BPI ini terdiri dari ulama yang lebih mengetahui Islam darinya, seperti Yusuf Noor!

Bagaimanapun - sewaktu kita terkejut dengan jumlah ratusan juta ringgit yang hangus kerana pertandingan - ada orang-orang Umno yang kurang bersetuju dengan wang sebanyak $134 juta ini. Menurut mereka, $134 juta adalah tidak mencukupi. $134 juta boleh selesai dalam masa seminggu kalau bersiar-siar di Logano, Switzerland. Atau boleh habis tiga saat kalau pergi ke Las Vegas. Mereka mahu lebih lagi dan boleh digunakan dalam masa sebulan. Atau sekurang-kurangnya sebelum menjelang pilihanraya umum bagi ahli-ahli Umno yang suka berjimat cermat terutamanya yang merasakan dirinya sudah tidak mempunyai harapan dalam pemilihan masa-masa akan datang. Mereka mahu taubat dan tidak akan berpolitik lagi!

Mengenai cerita taubat, ini ada satu perumpamaan yang menarik. Cerita ini dipetik dari *Tales Of The Derwishers* mengenai seorang pengutip sampah dengan minyak wangi. Suatu ketika seorang pengutip sampah sedang berjalan di tempat orang menjual minyak wangi. Dia bertaubat tidak mahu lagi mencium bau-bau busuk yang dikecapi selama ini sebaliknya mahu mencium bauan yang wangi-wangi. Sebaik sahaja dia tercium bau minyak wangi itu, tiba-tiba sahaja dia jatuh pengsan. Ramai orang yang mengubatinya tetapi gagal. Dia masih tetap pengsan. Akhirnya, seorang rakan yang juga pengutip sampah menghampiri rakannya yang pengsan itu lalu mendekatkan sesuatu yang berbau busuk di hidungnya. Tiba-tiba sahaja pengutip sampah yang pengsan itu terbangun lalu menjerit: "Nah, ini dia bau wangi-wangian yang sebenarnya!"

Masalah yang lebih perit lagi adalah ahli-ahli Umno yang kalah bertanding atau "salah memilih kuda" (sekarang ini cerita jatuh kuda menjadi semakin popular). Peristiwa ini pernah berlaku terhadap salah seorang Naib Ketua Pemuda Umno di salah sebuah bahagian di Negeri Perak. Apabila dia dikenal pasti menyokong salah seorang pemimpin tertinggi Umno Pusat, segala "bisnes" hampir ranap. Kereta jaguar terpaksa dijual. Rumah banglownya menghadapi masalah dan dipotong api dan air kerana hampir lima bulan tidak dibayar. Wang dan projek yang diperolehinya sebelum itu, hilang begitu sahaja. Dan dia kini menghadapi masalah untuk bangun semula dan berkira-kira "mencari kuda" yang bagus sekarang! Puncanya kerana ketuanya tidak sehaluan dengan "kuda" di peringkat pusat atau tidak mendapat wang yang lebih!

Sekiranya ahli-ahli Umno masih tidak sedar dengan keburukan politik wang, jalan menuju kehancuran hampir pasti. Umno tidak akan bermaya menghadapi apa jua rintangan kerana ahli-ahlinya sudah tidak bersemangat tanpa wang. Umno akan menghadapi krisis kepemimpinan kesan dari masalah wang. Pemimpin yang tidak mempunyai wang boleh menghadapi kesukaran untuk naik atau mudah terjatuh. Kalau jatuh pun mungkin tidak akan bangkit semula. Dan yang pastinya, kegusaran Dr Mahathir boleh menjadi kenyataan dalam masa yang terdekat ini.

Sebenarnya, kita tidak tahu dari mana asal usulnya politik wang dalam Umno ini. Ada yang berpendapat semasa pertembungan antara Musa Hitam dengan Tengku Razaleigh Hamzah semasa merebut jawatan Timbalan Presiden. Ada yang berkata lebih awal dari itu lagi, sewaktu era Tun Razak. Tetapi yang pastinya bukan zaman Jepun kerana Umno belum wujud dan juga bukan zaman menentang Malayan Union kerana Umno masih miskin.

Hakikat yang harus diterima adalah Umno dan politik wang tidak boleh dipisahkan lagi melainkan kalau ada pemimpin yang "tulang kering" atau "akal rendah" sahaja yang bersedia untuk tidak menggunakan wang.

M Noor Azam, menjelang sidang agung Umno, Jun 1974 juga menganalisa hubungan wang dan kekuasaan politik ini. Katanya penggunaan wang ribuan ringgit untuk menjamu selera para perwakilan yang menghadiri mesyuarat untuk menjamin seseorang pemimpin dapat menjadi ketua parti di peringkat negeri mahupun nasional, nampaknya tidak salah di sisi undang-undang dan perlembagaan parti. Maka tidak adalah tindakan yang dapat atau perlu diambil. Bagaimanapun beliau merumuskan bahawa pemimpin yang tegak dan mendapat kekuasaan dengan menggunakan wang untuk membeli kuasa, adalah pemimpin yang tidak mendapat sokongan rakyat, tidak berakar tunjang pada rakyat dan parti. Pemimpin yang *membeli* dengan mudah pula akan *dibeli*. Akhirnya yang kaya, meskipun tak punya kekuasaan politik, akan menguasai yang punya kekuasaan. M Noor Azam, yang kini seorang ahli perniagaan, mengajak pembaca bersama-sama menyanyi:

Oh pemimpin, oh pemimpin
Mengapa kau korup
Bagaimana aku tak korup
Aku nak cari banyak wang.

Oh wang, oh wang
Mengapa pemimpin nak cari kau
Bagaimana dia tak cari aku
Dia nak beli kuasa.

Oh kuasa, oh kuasa
Mengapa pemimpin nak beli kau
Bagaimana dia tak beli aku
Rakyat tak mau undi dia.

Oh rakyat, oh rakyat
Mengapa kau tak mahu undi pemimpin
Bagaimana kami nak undi
Dia jual bangsa dan negara.

Oh bangsa, oh negara
Mengapa pemimpin jual engkau
Bagaimana dia tak jual kami
Wang sumber kekuasaan duniawi.

*(Tulisan ini diusahakan oleh seorang teman, bekas wartawan sebuah akhbar politik yang terkenal. Sayang beliau keberatan untuk mencatatkan bersama namanya).*


SENARAI PENUH PENCALONAN DARIPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO



Photos: Chan Looi Tat — Asiaweek

PROFILES / ABDULLAH BADAWI

## The Frontline Diplomat

Since Merdeka, only two UMNO members from the state of Penang have been elected to the party's supreme council. The first was Ahmad Badawi, one of UMNO's founders and a prominent religious figure in his time. The other: his son Abdullah, today at 44 a minister in the Prime Minister's Department.

Although politics runs in his family — Abdullah grew up in a home where Malaysia's first leaders Tunku Abdul Rahman and Tun Abdul Razak were frequent visitors — he started out in the civil service in 1964 after graduating in Islamic studies from the University of Malaya. "It was good to learn how the government worked," says Abdullah, married with three children. "But even then I was already thinking of entering politics. People in Penang wanted me to do so, too. They said: Come home or we're going to forget you."

So home he went, winning a Penang parliamentary seat in 1978. Prime Minister Hussein Onn was then Penang UMNO chief, a post he assumed upon the death of Abdullah's father. Hussein invited Abdullah to be parliamentary secretary to the Federal Territory Ministry, a portfolio he also held. Later, Abdullah became deputy UMNO chief in Penang under party veteran Ghafar Baba and in late 1980 he made deputy federal territory minister as well. But 1981 was the big year for Abdullah. He took over the party's top slot in his home state, was elected to the supreme council, and in the cabinet of new Premier Mahathir became minister in the Prime Minister's Department. Says Abdullah of his meteoric rise from MP to full minister in just three years: "It's a real windfall. I feel quite dazed."

Now Abdullah is Mahathir's frontline man, articulating for the innovative PM his pet policies: Look East, privatisation, Malaysia Inc., leadership by example, among others. And as the minister in charge of religious affairs, he is also responsible for the country's gradually increasing Islamisation. Indeed, Abdullah seems better known by the issues he identifies with than by any outstanding personality traits. "Abdullah doesn't have a strong personality," says a former college mate. "But he is very level-headed, very reliable." Adds prominent oppositionist Lee Lam Thye: "He's a no-nonsense type, quick to act." Observers note, however, that Abdullah meticulously seems to avoid controversy, taking care not to upset powerful people. Says Abdullah: "My role is very much conditioned by the work I do. To get the job done I try to minimise the opposition and not step on too many toes... I am not as noisy as some. My preoccupation: if you have a job, do it — and avoid friction."

ANWAR IBRAHIM

## Charisma & Controversy

In March 1982, when Prime Minister Mahathir Mohamad persuaded charismatic Anwar Ibrahim to join the mainstream of Malay politics by becoming an active member of UMNO, observers hailed it as a major political coup. Anwar, leader of the fundamentalist Muslim youth movement ABIM, was until then the most vociferous and perhaps the most credible of UMNO's Malay critics. "After years of trying to change the system from the outside," he says, "I decided that I should work within the system and in some ways provide UMNO with an outsider's perspective." Two years later Anwar, 36, is now fully entrenched as an insider and drawing flak from all sides — in part, no doubt, because he has been touted as a future PM.

Politics runs in the blood of Penang-born Anwar. His father, Ibrahim Abdul Rahman, was an UMNO MP for two terms, and several other family members are party activists. Anwar began taking interest in politics during his days at the University of Malaya. In 1971 he headed the Malaysian Youth



Council and established ABIM, the group that was to be his main political vehicle. In 1974 he was at the forefront of the student demonstrations in support of poor padi farmers in Kedah, which led to his detention for 18 months without trial.

In 1981, Anwar jumped into controversy again when he led opposition to politically restrictive changes to the Societies Act. When he joined UMNO he vowed to continue that fight inside the government. Within weeks, he had clinched a parliamentary seat and become deputy minister in the PM's department; he also narrowly won the leadership of UMNO's vocal Youth Wing. When another amendment to the Societies Act was tabled displaying only cosmetic changes, Anwar fought it again. The draft bill was hastily withdrawn and finally a comparatively liberal bill was brought in.

Despite that success, Anwar's opponents and even some of his former associates maintain that his performance in government has been disappointing, that he has compromised too much. "One would have thought that Anwar would be different from most other cabinet members because of his background and some of his earlier concerns," says Dr. Chandra Muzaffar, president of the reformist group Aliran. "But unfortunately he doesn't seem to be developing that way." Anwar himself admits he has changed a bit from his fiery days on the other side of the fence. "My stand on issues like poverty, social welfare, human rights etc. is not different from what it was two or three years ago," he says. "You can say perhaps my perspective has changed — but not my stand." For Anwar, more controversy may yet be round the corner.



Photos: Chan Loo Tat — Asiaweek

NAJIB RAZAK

## A Fast-Rising Son

He is his father's son. When Malaysian Prime Minister Tun Abdul Razak died unexpectedly in London in 1976, he left behind a grieving nation and a family political legacy it seemed only one person could continue: eldest son Mohamed Najib. And so it came to be: Najib succeeded his father at 22 as MP for Pekan in Pahang, peninsular Malaysia's largest state, and as one of Pahang's four chieftains. Then followed a set of political records. From being the country's youngest MP, Najib graduated to become its youngest deputy minister when he was tapped for the Energy, Telecommunications & Posts ministry (he would later serve as deputy minister in the Education and Finance departments as well). In 1981 Najib was elected to UMNO's supreme council, the youngest of its members. A year later he would return to Pahang as state mentri besar (chief minister), which his father also once was, again the youngest in the country in that position.

"My rise in politics," says Najib, 30, "has been beyond my expectations." He doesn't deny that having his father's name to conjure with opened doors, but, he adds, "I am under a microscope. I have to live up to certain expectations. I am conscious of this even today."

Soft-spoken but capable of hearty laughter when the moment so demands, Najib is indeed well-connected. His father apart, Najib is also related to another former Malaysian premier, Tun Hussein Onn. His wife is related to Tengku Ahmad Rithauddeen, minister of Trade & Industry. One of the guests at Najib's wedding in early 1977 was Pahang Sultan Ahmad Shah, currently Malaysia's King.

Not surprisingly, Najib's background has helped shape his style. He speaks with a clipped British accent acquired during his days as an economics student at the University of Nottingham. His palate is as comfortable with roast beef as it is with satay. And he is not averse to drawing on a good cigar after a fine meal.

But Najib can be as earthy as he is urbane. He apparently enjoys tremendous rapport with his constituents. "My family always had great sensitivity for the people," he explains. "My father had a great sense of this, that we were there because the people wanted us to be there. He never spoilt us." Najib's moderate manner, moreover, has helped heal past rifts between the Pahang sultan and the state leadership.

Sour-grape grouses about his youth apart, few have anything negative to say about Najib. "He is bright, sober, straight-thinking, very mature for his age," says an UMNO supreme councillor. "If he bides his time he can go far." Najib seems to agree. Say he: "Politics is a marathon. You have to pace yourself."

RAIS YATIM

## Keeping his Own Counsel

Mild-mannered and urbane, 42-year-old Land and Regional Development Minister Rais Yatim is among the more unconventional members of Prime Minister Mahathir Mohamad's cabinet. He writes short stories and poems in his spare time and he lugs weighty photographic equipment with him wherever he goes, from far-flung rubber estates to government office blocks in downtown Kuala Lumpur, "because I don't want to miss a good shot." Aside from his political ambitions, he says with a chuckle, "I would like to see a book in print that tells the story of my friends in the corridors of power with illustrations by Rais Yatim."

Born in Jelebu, Negri Sembilan, Rais was trained as a teacher at Kuala Lumpur's Language Training Institute. After teaching Malay for three years in the U.S., he lectured in Jelebu for a couple of years before enrolling for a law degree at the University of Singapore. Lawyer Rais began taking a keen interest in politics and in 1974 was one of the nearly two dozen young leaders whom Premier Tun Abdul Razak inducted as UMNO candidates at the 1974 parliamentary elections.

He served for two years as parliamentary secretary in the Youth and Culture ministry before climbing the ladder to become deputy law minister in 1976 and deputy home minister in 1977. In 1978 he stepped down from his federal government post to take up the chief ministership of his home state Negri Sembilan. "I learned a lot of basic things in politics, particularly grassroot problems in my four years in Negri," he says. "It was like going through a political training school."

So impressive was his performance as chief minister that the party and federal government took note. In 1981 Rais came



within five votes of clinching one of three vice-presidential seats in UMNO. In April 1982 he moved to Kuala Lumpur as land and regional development minister.

Rais's detractors say his role in the government in the past two years has been very low-key and that he has tried to stay clear of headlines. Rais doesn't see anything wrong in that. "I have been too busy with my ministry and have little time to get involved in controversies," he says. "I think deeds speak louder than words. If only politicians wouldn't speak at the wrong time, politics would be more tolerable." Unlike several other young UMNO leaders who have chosen to identify closely with top leaders and benefit from their support, Rais has deftly stayed clear of the cliques and clans. Says he: "My adherence to Dr. Mahathir's government is total. But I am not in anyone's group. Whether it will be a liability or an asset only time will tell. I am by nature an independent-minded person."

SANUSI JUNID

## Fluent in Trouble

A reporter who recently called the office of Sanusi Junid, Malaysia's minister for national & rural development, to ask for an appointment was told he would be informed later if his request would be granted. Pleasantly surprised was the journalist when Sanusi's secretary rang back within only half an hour to say the minister would be available that very afternoon.

Sanusi Junid doesn't like to waste time. An unpretentious man who steps out of his office to usher in visitors personally, Sanusi, 40, moved quickly when he assumed his portfolio in 1981. His task: remove the inefficiency and corruption in agencies overseen by his ministry. Among them were the trust fund MARA, the community development program KEMAS and numerous cooperatives, including Bank Rakyat. Cleaning out the latter proved particularly satisfying for Sanusi, a banker by training. As a parliamentary backbencher, he had often criticised the way Bank Rakyat was being managed. His was a voice, moreover, that continuously championed the rights of rural folk.

Sanusi's, in fact, is a classic story of a country lad who made good in the big city. "My father was a lorry-driver, my mother a tailor," he explains. "I am a kampong boy, from a padi field in Kedah. Because of my background I never thought I'd become a minister." His forceful parliamentary style, however, caught the attention of Prime Minister Hussein Onn, who made him deputy minister for land & regional development



Photos: Chan Looi Tat — Asiaweek

in 1978. Two years later he was deputy home minister, and when fellow Kedahan Mahathir Mohamad became premier, Sanusi took up his current post and was elected to UMNO's supreme council as well.

Sanusi's tough policies have earned him a reputation as a troubleshooter. But some UMNO members feel the tag "troublemaker" is more appropriate. "He is too blunt, over-aggressive and abrasive," says a fellow supreme councillor. "He has no tact, talks too much and steps on too many toes." Indeed, Sanusi is noted for his sharp tongue, which he can utilise in several languages: he is fluent in English, Malay, Tamil and German, and is a student of Mandarin, Japanese and Arabic.

"Whether I am troubleshooter or a troublemaker is beside the point," counters Sanusi. "I just sack a few chaps here and there and then I receive criticism. When you remove people with good connections you are bound to get fired at from left and right. But the leadership of this government is such that once you do things right you get the backing. If you care about your popularity you cannot make things work. Maybe for a while you will become very unpopular, but at the end of the day people will understand what you are doing."



SHAHRIR SAMAD

## A Confident Go-Getter

When he was an economics student in the early 1970s, Shahrir Abdul Samad wrote an essay on management for a business journal. In the same issue was an article by Musa Hitam, then Malaysia's deputy trade and industry minister. Musa apparently read Shahrir's piece, kept the writer and his views in mind and later invited the fellow Johorean to be his political secretary. So began Shahrir's career in government.

Shahrir worked for Musa for several years before becoming political secretary to two premiers, the late Tun Abdul Razak and Tun Hussein Onn. In 1978 he won the Johore Bahru parliamentary seat, served as parliamentary secretary in the Prime Minister's Department and was later promoted to deputy finance minister. When Mahathir became PM in 1981, Shahrir was transferred to the Trade & Industry portfolio as deputy minister, thus taking up a post his mentor Musa had once held. Finally, in a cabinet government reshuffle last year, Shahrir was made federal territory minister, at 34 the youngest member of the cabinet.

"The advantage of being young," says Shahrir, "is that you can learn from your mistakes. If you are capable youth either doesn't matter or becomes an advantage." As federal territory minister, Shahrir sees to the administration and development of Kuala Lumpur, duties that were to be expanded when the island of Labuan off the coast of Sabah achieved federal territory status last week.

How good a job is Shahrir doing? "He is a go-getting kind of guy," says former top oppositionist Dr. Tan Chee Khoon, who has long argued that the federal territory post is a superfluous one whose functions are adequately covered by the Datuk Bandar, Kuala Lumpur's de facto mayor. "He's managed to move things about a bit, though it's still too early to judge." Adds environmentalist Gurmit Singh, who has often discussed pollution in the capital with Shahrir: "He's certainly got a different attitude towards the job. He's made some [positive] statements on environment. We're just waiting to see if they'll be implemented."

Indeed, some observers say Shahrir's social commitment is suspect. "He's basically a political animal," says one analyst. Adds a senior UMNO official: "Though young, he's been in politics a long time. But he's now beginning to look a little jaded." Moreover, while Shahrir in person is disarmingly open, some of those who know him say he can be quite arrogant at times. Counters Shahrir: "I don't think I am arrogant, nor have I been over-ambitious. But I *am* outspoken and self-confident. And I have no ambition other than to do a good job." ■

# 17

# SANUSI CURIGAI PAK LAH

Apabila seorang teman, bekas pemimpin pelajar, kini aktif dengan Pemuda Umno, mengetahui saya sedang menyusun buku tentang kemungkinan Anwar Ibrahim terpaksa menentang Ghafar, dia cepat-cepat minta saya ke pejabatnya. Saya pun memang sudah lama tidak berjumpa dengannya. "Apa yang hang 'nak tulis?" tanyanya seperti tidak sabar-sabar lagi. "*Anwar lawan Ghafar*," jawab saya pendek.

"Salah tu, sekarang tak timbul isu itu," dia menyanggah.

"Habis, Anwar sudah berbaik-baik dengan Ghafar ke? Tak syoklah macam ni," saya mengusiknya.

"Bukan macam tu. Geng yang tidak setuju dengan Anwar ramai dalam Umno. Kenaikan Anwar dalam Umno terlalu drastik. Bukan sedikit peluang orang lain yang tersekat. Walaupun mereka sendiri tidak bersatu tetapi mereka boleh bersama menjatuhkan Anwar. Kedudukan Anwar sebagai Naib Presiden mungkin tergugat. Kumpulan ini akan menaja seorang calon yang sesuai untuk menggantikan tempat Anwar. Ghafar tentu boleh bantu dari belakang."

"Siapa orangnya?"

"Mungkin salah seorang dari Menteri Besar. Kelab Menteri-menteri Besar ini, dalam Umno, hebat juga pengaruhnya. Mereka kuasai Perhubungan Umno negeri-negeri."

"Tapi, bukankah tiga orang calon Naib Presiden yang tewas pada tahun 1990 dulu adalah Menteri Besar dan Ketua Menteri?" Seronok juga berbahas dengan teman saya ini.

"Dahulu mereka tidak sepakat. Muhyidin dan Rahim Thamby Chik masih awal untuk

bertanding jawatan penting itu. Kena rujuk sama dengan MB-MB lain yang juga bercita-cita besar seperti Muhammad Taib, Ramli Ngah Talib dan Khalil Yaakob."

"Bukankah Muhammad Taib lebih cenderung untuk menjadi regu Anwar. Jadi macam mana Anwar boleh dikalahkan?"

"Tidak mustahil Muhyidin boleh mencuba sekali lagi. Walaupun ramai orang kata dia lebih suka Anwar tapi hubungannya dengan Musa juga rapat. Hang tentu ingat masa Muhyidin bertanding tahun 1990 dulu, dia buat kenyataan sokong Musa sehari sebelum pemilihan. Muhyidin kata, kalau Datuk Musa masih mahu meneruskan karier politiknya, dia akan beri sokongan. Lagipun waktu itu Anwar tengah naik, jadi bila Muhyidin cuba pisahkan dirinya dengan kem Anwar, itulah akibatnya. Sekarang suasana sudah berbeza."

"Susah juga MB-MB 'nak capai kata sepakat kalau calon mereka mempunyai misi untuk jatuhkan Anwar. Aku rasa tak boleh jadi macam tu. Lebih baik kumpulan yang menentang Anwar pilih Yusuf Noor, Ahli MKT yang dapat undi paling tinggi. Yusuf Noor pun rapat hubungannya dengan Ghafar. Hang pun tau, Mara yang diketuai oleh anak Tamrin, berada di bawah kementerian Yusuf Noor. Macam-macam projek yang Yusuf Noor sudah atur menjelang pertandingan Naib Presiden. Dia pun baik juga dengan Sanusi," saya cuba menguji pendapat.

"Mad, bila hang sebut pasai Sanusi, ini ada cerita baik."

"Aku tahu, Sanusi memang musuh Anwar dari dulu. Walaupun pemimpin-pemimpin pelajar sekitar pertengahan tahun-tahun 70-an menganggap Sanusi dengan Anwar regu terbaik menjadi pemimpin negara, tapi itu cerita lama." Saya masih ingat cerita teman lama Anwar mengenai hubungan Anwar - Sanusi.

Mereka berdua, yang bersama-sama dalam ABIM, mula berkrisis apabila Anwar menasihati Sanusi supaya keluar ABIM akibat kritikan-kritikan terbuka perwakilan ABIM dalam muktamar, terutamanya dari Ustaz Ashaari Muhammad, Syeikhul Arqam sekarang. Puncanya, Sanusi kerja bank, terlibat secara langsung dengan riba. (Tidak pasti apa pandangan tokoh-tokoh ABIM terhadap kerja-kerja di bank riba ini sekarang kerana ramai anak-anak buah Anwar memegang jawatan tinggi di bank-bank terbesar di Malaysia). Cerita kedua mengenai tuduhan Sanusi termakan budi Allahyarham Tun Razak apabila orang-orang ABIM melihat Sanusi menukar keretanya. Ketika itu, kemasukan Sanusi ke dalam Umno dilihat sebagai usaha meneruskan perjuangan dan aspirasi gerakan pelajar. Sanusi, yang diketahui umum perangai panas barannya itu, terus mencari orang yang dikatakan menyebarkan berita tersebut di pejabat ABIM. Kata sumber-sumber tertentu, Sanusi membawa senjata tajam, dan di hadapan Anwar sendiri, Sanusi menikam orang berkenaan. Bukan tikam betul-betul, saja tikam dinding melepaskan geram! Cerita ketiga mengenai tangkapan ISA akibat tunjuk perasaan petani di Baling. Sanusi juga dituduh bertanggungjawab menyebabkan Anwar dikurung ISA. Ketika itu difahamkan ada orang kuat Anwar di Perak berkempen secara jelas: "Kalau tangan ini yang menaikkan Sanusi, tangan inilah juga yang akan menjatuhkannya!"

Bagaimanapun bagi bekas pemimpin-pemimpin pelajar pertengahan tahun 70-an tentu masih terkenang siapa tokoh-tokoh pujaan mereka yang dirasa sesuai menggantikan Tun Razak dan Tun Dr Ismail. Siapa lagi kalau bukan Anwar Ibrahim dan Sanusi Junid? Dalam kabinet bayangan pelajar, Anwar disandangkan jawatan Perdana Menteri, di mana sifat-sifat keperibadiannya tidak jauh berbeza dengan Tun Razak. Sanusi pula, digambarkan sebagai Timbalan Perdana Menteri, yang dihubungkan dengan sifat-sifat Tun Dr Ismail, yang garang dan tegas itu. Keserasian Anwar dengan Tun Razak pula dilihat dari segi kelembutan dan ketenangan yang ada pada mereka berdua. Tapi itu cerita lama, orang-orang Umno tak mahu lagi dengar cerita-cerita nostalgia macam itu.

"Maksud aku, Sanusi yang 'nak sangat tengok Anwar jatuh. Jadi tak mustahil dia akan bentuk *team* yang lebih mantap untuk sukarkan peluang Anwar kekal di kerusi Naib Presiden. Sebab itu aku kata, tahun depan bukan masalah *Anwar lawan Ghafar* tapi akan terbina satu *team* yang menyatukan musuh-musuh Anwar, seperti pernah bercantumnya musuh-musuh Dr Mahathir pada tahun 1987," teman saya itu meneruskan dakwaannya.

"Tapi silap-silap hari bulan, Sanusi sendiri yang terpelanting. Nanti, orang yang ditajanya pula, contohnya Yusuf Noor, yang akan mengecewakannya. Sanusi kena ingat, antara dia, Anwar dan Pak Lah, Sanusilah yang dikatakan masih berpijak di dahan yang rapuh walaupun Ghafar di belakangnya. Ghafar bukan pemimpin yang kuat macam Dr Mahathir. Cakapnya boleh ditolak dan boleh diterima dengan mudah, tanpa hujah yang kuat," tiba pula giliran saya berhujah.

"Itu yang aku 'nak cerita. Sanusi sedar perkara ini. Tiga Naib Presiden dari utara sukar untuk dikekalkan. Pak Lah sudah ada kekuatan sendiri. Anwar bertakhta di lubuk emas dan menjadi anak emas Dr Mahathir pula; pengaruh Anwar di kalangan generasi muda Umno tidak boleh dicabar lagi. Tapi yang lebih Sanusi takut, yang lebih Ghafar takut, ialah gabungan antara Pak Lah dengan Anwar. Gabungan ini tidak mustahil. Gaya politik Pak Lah lurus, beliau mudah berbaik semula dengan orang yang pernah bermusuh dengannya. Anwar pun kena fikir, kalau sasaran ditumpukan kepada Pak Lah, tidak semestinya Anwar selamat. Tapi Anwar harus pastikan, selepas ini tiada tindakan politik cantas terhadap Pak Lah. Kalau betul-betul Anwar "nak putihkan mata Ghafar dan Sanusi, bina betul-betul hubungan antara mereka dia dengan Pak Lah."

"Betul juga tu. Kalau betul-betul Anwar boleh bersatu dengan Pak Lah, boleh ucap selamat tinggallah pada Sanusi. Kata orang, mimpi naik botlah Sanusi. Jadi, Sanusi kecut perut juga dengan Pak Lah."

"Sanusi pun satu, dia boleh selamat kalau dia terima Pak Lah sebagai orang kedua selepas Ghafar. Maknanya, kalau Ghafar jadi PM, Sanusi mesti sokong Pak Lah sebagai TPM, bukan dirinya sendiri. Sanusi mesti ukur setakat mana kekuatan dan pengaruhnya. Sanusi mesti akui Pak Lah lebih kuat, lebih mantap dan lebih berpengaruh dari dirinya. Ini tidak, Sanusi sudah pasang angan-angan jadi TPM selepas Ghafar. Pak Lah pun rasanya tidak boleh terima hakikat seperti itu. Sanusi dipilih jadi Naib Presiden baru satu penggal, Pak Lah sudah tiga penggal. Sanusi mesti fikir masak-masak strategi politiknya."

Seterusnya teman saya tadi merangka teorinya berkaitan masa depan Sanusi, Anwar dan Abdullah Badawi. Walaupun dia menyokong kuat Anwar, tetapi dia masih berhati-hati, katanya, jadi orang Pak Lah pun baik juga kalau Anwar tersepit. Bagaimanapun, jangkaannya tentang *team* Pak Lah - Anwar boleh terbentuk bagi menentang *team* Ghafar - Sanusi rasanya tidak mustahil, kalau Ghafar - Sanusi tak beri peluang kepada Pak Lah, tapi bolehkah pula Anwar meletakkan Pak Lah di atasnya?

"Berapa banyak tapi daa ...," saya mencelah. Rupanya di kalangan pendukung Umno sendiri sukar membuat ruusan tentang sikap pemimpin mereka sendiri.



Sanusi semasa menjadi Setiusaha Agung Umno, Hubungan dengan Ghafar semakin rapat.



Sanusi juga dikenali sebagai menteri yang kretif. Tapi, apa yang dicatatnya itu? Mungkin strategi baru menghadapi Anwar.



Pening nampak Sanusi. Mahathir umumkan perletakkan jawatan Musa Hitam pada 23 Mac 86. Di sebelahnya, Dolah Badawi, Mungkin ini regu barunya.



Daim Zainudin gelak besar di sisi Sanusi Junid, Siapa lebih rapat dengan Daim? Sanusi atau Anwar?



Sanusi memeluk erat Mahathir selepas Mahathir dan Ghafar menang pada 24 April 1987. Seerat itukah hubungan mereka sekarang, apabila Anwar sudah menjadi anak emas Mahathir?



Mahathir memberi amaran kepada Sanusi Junid? "Jangan kacau Anwar," mungkin itu agaknya.



Sudah terlambat.... Persaingan antara Anwar dan Sanusi tidak dapat diredakan lagi walaupun Siti Hasmah masuk campur.



Strategi mesti terus diatur...

# Mengubah Wajah Desa

Pelbagai usaha telah pun dilaksanakan oleh kerajaan untuk membangunkan luar bandar. Sungguhpun begitu masih ada dakwaan mengatakan banyaknya kampung-kampung yang masih terbiar. Di samping itu, timbul pula tuduhan bahawa kerajaan hanya menumpukan terhadap pembangunan luar bandar menjelang pilihanraya.

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai hal ini; *DM* telah mengadakan wawancara dengan Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar baru-baru ini.




**DM: Datuk, dalam usaha kerajaan membangunkan luar bandar, setakat ini sebanyak manakah kemajuan yang telah dicapai?**

DSJ: Sejak negara merdeka sehinggalah sekarang, pembangunan yang telah dicapai di luar bandar adalah jelas. Kini wajah luar bandar sudah berubah dengan adanya rancangan pembukaan tanah, pembangunan infrastruktur dan pemodenan sektor pertanian. Cara hidup masyarakat luar bandar juga sudah banyak berubah.

**DM: Dalam usaha membangunkan luar bandar, apakah faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh kerajaan? Apakah faktor perpaduan kaum, politik dan keselamatan negara, misalnya, diambilkira?**

DSJ: Kerajaan memberikan perhatian terhadap kemudahan asas dan pendapatan rakyat. Faktor perpaduan antara kaum tidak begitu penting kerana tidak ada pertelingkahan antara kaum di luar bandar. Ini kerana, lazimnya, bagi satu-satu kawasan itu terdapat hanya satu kaum ataupun satu kaum menjadi golongan majoritinya. Masalah perpaduan wujud apabila terdapat penduduk yang berbilang kaum, dengan setiap kaum mempunyai jumlah yang cukup ramai seperti di bandar-bandar ataupun di pusat-pusat pengajian tinggi. Kita juga dapati masyarakat luar bandar terus bersatu-padu walaupun pembangunan di tempat mereka tidak memuaskan, syaratnya janganlah ada hasutan politik di tempat itu. Pertimbangan utama kerajaan dalam membangunkan luar bandar adalah berlandaskan keperluan rakyat.

**DM: Walaupun jelas usaha membangunkan luar bandar telah banyak diambil, masih terdapat banyak dakwaan tentang adanya kampung-kampung yang terbiar. Apa jawapan Datuk terhadap dakwaan begini?**



DSJ: Dakwaan adanya kampung-kampung yang terbiar tidak dapat dielak disebabkan oleh beberapa faktor. Pertamanya ialah adanya kampung-kampung yang baru diwujudkan di kawasan pedalaman. Keduanya ialah, adanya kampung-kampung yang kecil dan terpencil di kawasan pedalaman yang jauh terpisah dari kampung-kampung lain yang lebih besar. Ketiga ialah, adanya kampung-kampung yang masih dalam proses mendapatkan kemudahan jalan, air dan elektrik (JAL).

Kerajaan telah melancarkan rancangan Hala Cara Baru pembangunan kampung dan luar bandar di mana kampung-kampung kecil disatukan ke dalam kumpulan yang lebih ekonomik. Dengan penyatuan kampung-kampung kecil ini, bekalan kemudahan JAL akan diadakan, di samping kemudahan-kemudahan lain seperti dewan, madarasah dan tadika.

**DM: Apakah dengan adanya projek kampung tersusun, kerajaan yakin penduduk di kampung-kampung berkenaan akan memberikan kerjasama dan dapat mengubah sikap?**

DSJ: Kampung tersusun adalah sebahagian daripada rancangan Revolusi Desa. Rata-ratanya, penduduk di kampung-kampung terpencil agak keberatan untuk dipindahkan ke kampung baru, yang akan dibangunkan. Mereka enggan meninggalkan tanah mereka walaupun hasilnya tidak seberapa. Contohnya, walaupun hasil tanah mereka dipajak kepada orang lain seumur hidup, tetapi mereka cukup berpuas hati kerana memiliki geran tanah tersebut. Dalam hal ini, kita mestilah mengubah sikap, iaitu daripada milik kepada hasil. Memang usaha ini memakan masa tetapi sikap sebegini tidak akan menahan projek Revolusi Desa.

**DM: Lazimnya berdasarkan apakah sesebuah kampung itu diberi keutamaan untuk dibangunkan?**

DSJ: Pertamanya pihak Kementerian perlulah mengesan kampung manakah yang jauh ketinggalan dari segi pembangunan. Kemudiannya kita kesan kampung-kampung yang secara sukarela ingin menjadi contoh dalam projek membangunkan desa. Saya percaya, setelah kampung berkenaan membangun dengan pesatnya, penduduk di kampung lain juga akan bersemangat untuk menjayakan projek Hala Cara

DM APRIL 1986

Baru ini.

**DM: Salah satu bidang yang difikirkan terbiar ialah pembangunan mental atau cara berfikir. Sejauh manakah usaha kerajaan membina mentaliti penduduk luar bandar supaya mereka tidak mudah diperalatkan oleh mana-mana pihak.**

**DSJ:** Masyarakat yang mudah diperalatkan ialah masyarakat yang terlalu banyak masa lapang ataupun masyarakat yang hidup secara yang tidak produktif. Di bawah program Hala Cara Baru ini, kami cuba mengubahkan semangat penduduk luar bandar yang dikenali sebagai program Revolusi Semangat dalam konteks merevolusikan desa. Erti Revolusi Semangat ialah menghidupkan semangat bergotong-royong, semangat berdikari dan semangat bekerjasama di antara penduduk luar bandar. Setelah tersemainya semangat ini, bolehlah kita mengadakan program untuk mengubahkan kampung.

Usaha Revolusi Semangat ini diuruskan bersama dengan Institut Sedar dan Institut Kemahiran Mara, yang menyediakan pelajar-pelajar dalam bidang konkrit dan kimpalan. Kini terdapat seramai 100 orang pelajar yang bekerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) daripada 116 buah kampung dalam 22 buah kawasan. Di bawah projek ini, para belia bergabung tenaga dengan JKKK dengan bantuan teknik dari Institut Kemahiran Mara untuk bersama-sama mengerjakan usaha bergotong-royong menjadikan kampung sebagai taman yang produktif.

**DM: Apabila bercakap tentang luar bandar di Semenanjung, ia lebih bermaksud terhadap masyarakat Melayu (Islam) yang dikatakan masih terdesak. Bagaimanakah Datuk melihat kemajuan mereka berbanding dengan kemajuan masyarakat bukan Melayu? Dan sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh agama dalam mencapai kemajuan ini?**

**DSJ:** Apabila dikatakan masyarakat Melayu di kampung terdesak, sebenarnya terdapat dua desakan di sini. Pertamanya ialah desakan untuk mempunyai infrastruktur seperti air, elektrik, jalan, tadika dan dewan. Keduanya ialah terdesak dari segi pendapatan. Contohnya ialah, apabila harga getah, kelapa sawit, dan sayur-sayur turun, atau apabila tanaman padi tidak menjadi, ini semuanya menimbulkan desakan. Disebabkan itulah kerajaan cuba mempelbagaikan sumber pendapatan penduduk luar bandar seperti membangunkan kerja kraftangan dan memajukan industri kampung.

Mengenai peranan agama dalam pembangunan kerajaan memandang ia sebagai satu unsur yang boleh menyatupadukan masyarakat. Nilai-nilai yang baik yang disarankan oleh agama perlulah diamalkan di dalam masyarakat. Kesimpulannya, agama merupakan sumber inspirasi terhadap pembangunan.

**DM: Di Sabah dan Sarawak juga masyarakat luar bandarnya dikatakan masih terbiar berbanding dengan masyarakat bandar. Sejauh manakah benarnya perkara ini?**

**DSJ:** Di Sabah dan Sarawak, masyarakat luar bandarnya juga sama dengan keadaan di Semenanjung. Yang menimbulkan masalah ialah saiz negerinya yang begitu besar dengan jumlah penduduknya yang kecil dan tinggal berselerak. Masalah mereka menjadi besar kerana mereka tinggal di kampung-kampung yang kecil.

**DM: Di samping itu, ada tuduhan bahawa kerajaan hanya memberi perhatian penuh terhadap masyarakat luar bandar apabila hampir masa pilihanraya. Apa jawapan Datuk terhadap tuduhan begini?**

**DSJ:** Tuduhan begini adalah tidak benar. Ini kerana sejak ditubuhkan, Kementerian ini telah pun membelanjakan sekitar $3,000 juta untuk pembangunan di luar bandar. Ini tidak termasuk perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kemajuan Tanah, Kementerian Pertanian serta agensi-agensi kerajaan yang lain. Kebanyakan orang lebih banyak memperkatakan tentang pembinaan jambatan Pulau Pinang atau projek kereta nasional—Proton Saga misalnya, sedangkan usaha membangunkan desa yang memakan belanja yang jauh lebih besar tidak begitu ketara pada kacamata mereka. Ini kerana, pembangunan di luar bandar tidak menjadi isu. Dan sudah menjadi lumrah alam, orang lebih suka kepada perkara-perkara yang boleh menjadi isu. Tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan telah banyak membelanjakan wang untuk pembangunan luar bandar, tetapi disebabkan program pembangunan itu berselerak, tidak tertumpu di suatu tempat, maka usaha tersebut tidak nampak.

**DM: Dengan bantuan kerajaan, masyarakat luar bandar boleh bergiat memperbaiki keadaan mereka sendiri. Sejauh manakah hal ini boleh dilakukan?**

**DSJ:** Untuk mengubah kehidupan masyarakat desa, pertamanya mereka perlulah meningkatkan daya berfikir. Untuk itu, Kementerian ini mempastikan bahawa rangkaian tadika didirikan di luar bandar. Di bawah Kementerian ini telah didirikan sebanyak 8,000 tadika dengan 140,000 orang murid. Di samping itu kemudahan biasiswa juga diberi dengan kerjasama Mara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pelajaran. Bagi belia-belia yang masih menganggur, tenaga mereka bolehlah digemblengkan ke dalam program Hala Cara Baru bagi menjayakan projek Revolusi Desa.

Di kalangan graduan desa yang masih menganggur, pihak Kementerian akan memberikan tawaran untuk mengikuti kursus yang membolehkan mereka berdikari, iaitu mempunyai pekerjaan sendiri. Kementerian juga telah memulakan satu program baru, iaitu memberi peluang kepada penyelia-penyelia Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS) untuk mengikuti Kursus Pengurusan dan Penyediaan Makanan di Institut Teknologi Mara. Dalam tahun ini sahaja kita akan melatih seramai 100 orang guru KEMAS untuk mengajar wanita desa mengenai teknik mempelbagaikan masakan dan penyediaan makanan. Dan dalam bidang industri kampung pula, kerajaan ada menyediakan peruntukan untuk membeli mesin.

**DM: Akhir sekali, bagaimanakah Datuk meramal kemajuan luar bandar pada masa hadapan, dengan mengambilkira segala program pembangunan yang masih dan akan dijalankan?**

**DSJ:** Saya yakin bahawa projek Hala Cara Baru ini akan dapat mengubah kehidupan masyarakat desa. Apabila penduduk kampung begitu ghairah untuk memajukan kampung mereka, masalah pembangunan desa mungkin tidak wujud lagi. Pembiayaan untuk menjayakan Revolusi Desa ini bukanlah satu masalah kerana *bond* yang dikeluarkan oleh kerajaan pada hari ini akan mendatangkan hasilnya dalam masa 10 hingga 15 tahun akan datang. Kita kini sedang melalui proses *hire purchase of village development*. ●

# ANWAR KEMPEN DI KEDAH

**ALOR SETAR: Lawatan Naib Presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim ke negeri Kedah dan Perlis pada 2 dan 3 Ogos yang lalu banyak ditafsirkan oleh penganalisa politik sebagai pembuka tirai untuk kempen politik 1993.**

Sepatutnya beliau tiba di waktu pagi 2 Ogos bagi merasmikan mesyuarat Tahunan Dewan Perniagaan Melayu cawangan Kedah tetapi telah mewakilkan Timbalan Menteri Kewangan Haji Ghani Othman.

Setibanya di lapangan terbang di Kepala Batas Datuk Seri Anwar disambut oleh Datuk Hanafi Ramli, ADUN Tunjang yang menganjurkan majlis Sepetang Bersama Anwar Ibrahim di Jitra.

Jemputan bahagian Kubang Pasu ini memberi makna bahawa bahagian ini menyokong beliau walaupun ada ahli-ahli jawatankuasa UMNO bahagian yang memang menyokong Datuk Seri Sanusi.

Para pemerhati politik merasakan penganjuran majlis sedemikian rupa sewaktu ketiadaan Menteri Besar yang juga Timbalan Ketua Bahagian Kubang Pasu mempunyai motif.

Menteri Besar berada di Terengganu mengiringi Sultan Kedah yang berkenan mencemar duli berangkat melakukan lawatan ke Terengganu.

Kubang Pasu adalah bahagian yang penting dan sangat simbolik di Kedah kerana Ketua bahagian ialah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad manakala Menteri Besar selaku timbalannya.

Dalam ucapannya Datuk Hanafi banyak memuji kepimpinan Datuk Seri Anwar.

Datuk Hanafi ialah bekas EXCO kerajaan negeri tetapi telah melepaskan jawatan itu untuk menerima jawatan Timbalan Pengerusi PERNAS.

Apa yang menjadi bualan hangat ialah tindakan Datuk Hanafi melepaskan jawatan EXCO sedangkan di dalam pilihanraya umum yang lalu, beliau telah bertanding di Tunjang.

Para penyokong Senator Saad Man merasakan jika Datuk Hanafi tidak berminat menjadi EXCO maka adalah wajar membiarkan Saad bertanding dalam pilihanraya bagi membolehkan dia menjadi EXCO.

Adalah difahamkan Saad yang baru dilantik menjadi Senator dijangka akan dilantik menjadi Pengerusi LPN.



*Datuk Seri Anwar Ibrahim*

# 18

# DEMI KUASA ANWAR KETEPIKAN KEADILAN

Akhbar *Mingguan Waktu* terbitan Nurin Enterprise telahpun diharamkan. Ada pihak-pihak tertentu merasa pelik, bagaimana akhbar mingguan yang mula diterbitkan pada 28 Julai 1991 itu boleh ditamatkan permit penerbitannya pada akhir Disember 1991 kerana Nurin Enterprise adalah kepunyaan orang yang rapat dengan Anwar. Diberitakan antara punca utama *Mingguan Waktu* diharamkan kerana laporan berita yang dimuatkan di dalamnya menunjukkan kegagalan Dr Mahathir memimpin Malaysia. Untuk tatapan kita bersama, di bawah ini kami sertakan, laporan tajuk utama *Mingguan Waktu* keluaran sulung, "Sepuluh tahun memimpin negara: MAHATHIR GAGAL", oleh Alias Hashim:

*Sepanjang tempoh 10 tahun menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dianggap telah gagal dalam kepimpinannya dan banyak membawa kerugian kepada rakyat Malaysia. Anggapan ini telah dibuat oleh beberapa tokoh pembangkang yang telah ditinjau pendapat mereka setelah genap 10 tahun kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri. Bagaimanapun menurut tokoh-tokoh pembangkang tersebut ada juga kebaikan dan kejayaan yang telah dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir sepanjang tempoh kepimpinannya sejak 16 Julai 1981.*

*Pengerusi Badan Perhubungan Semangat 46 Negeri Kelantan, Haji Rozali Isohak menganggap Datuk Seri Dr Mahathir telah berjaya membawa pelbagai perubahan kepada masyarakat Malaysia. Beliau berharap Datuk Seri Dr Mahathir akan terus membawa perubahan kepada masyarakat Melayu dan rakyat Malaysia keseluruhannya. Haji Rozali yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan turut berharap supaya hubungan antara Kerajaan Pusat pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir dengan Kerajaan Negeri Kelantran pimpinan Menteri Besar Haji Nik Aziz Nik Mat akan terus diperbaiki. "Saya gembira apabila hubungan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri bertambah baik dan saya harap ianya akan berterusan," katanya yang juga Ahli Majlis Tertinggi Semangat 46.*

*Ketua Pergerakan Pemuda Sosialis DAP, Encik Lim Guan Eng berpendapat bahawa Datuk Seri Dr Mahathir telah gagal sepanjang kepimpinannya sebagai Perdana Menteri sejak 10 tahun lalu. "Kegagalannya amat nyata sekali terutamanya dalam usaha untuk menghapuskan rasuah, tentang keluhuran undang-undang dan kegagalannya mengasingkan politik dari perniagaan," kata Encik Lim. Beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Melaka menjelaskan bahawa kegiatan rasuah berlaku dengan berleluasa dalam kerajaan dan sektor swasta. "Sebagai contoh, sekiranya kita hendak memohon pinjaman bank, kita perlu membayar komisyen untuk orang-orang atasan dalam kerajaan. Kejadian ini berlaku pada semua kaum," katanya lagi.*

*"Datuk Seri Dr Mahathir melaung-laungkan slogan Kepimpinan Melalui Teladan tetapi tidak pada menteri-menterinya yang turut membawa contoh yang buruk pada pegawai-pegawai kerajaan. Apa yang saya lihat kejadian rasuah semakin meruncing jika dibandingkan dengan 10 tahun dahulu," tegas Encik Lim. Beliau menambah bahawa di zaman kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir keluhuran undang-undang tidak begitu dihormati dan ini terbukti melalui pemecatan Tun Mohd Salleh Abbas sebagai Ketua Hakim Negara. "Datuk Seri Dr Mahathir juga gagal mengasingkan politik dari perniagaan, politik wang tercetus di zaman Mahathir. Umno terlibat dalam perniagaan seperti UEM, Fleets Group dan Renong. Begitu juga dengan MCA menghadapi pelbagai skandal termasuk dalam koperasi pengambil deposit dan MIC dengan masalah kerugian besar dalam Maika," kata Encik Lim.*

*Beliau menegaskan bahawa slogan Bersih, Cekap dan Amanah (BCA) tidak banyak mendatangkan perbezaan dalam pentadbiran kerajaan sebaliknya ia bertambah teruk. "Tradisi menukar pemimpin yang diamalkan dalam Umno, Timbalan Presiden menggantikan Presiden, tetapi selepas ini pengganti yang nyata selepas Datuk Seri Dr Mahathir tidak ada. Encik Ghafar tidak pasti naik. Mungkin Datuk Seri Anwar Ibrahim akan naik kerana amalan politik rampas dan cantas berlaku zaman kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim," jelasnya. "Bagaimanapun saya menyokong saranan Datuk Seri Dr Mahathir supaya rakyat Malaysia terutamanya golongan muda bersatu padu untuk mewujudkan bangsa Malaysia, tetapi Datuk Seri Dr Mahathir cakap tidak serupa bikin. Dia seharusnya mengharamkan Umno, MCA dan MIC kerana parti-parti itu adalah parti yang satu kaum yang jelas berbau perkauman," kata Encik Lim.*

*Ahli Majlis Tertinggi Semangat 46, Hajah Ilani Datuk Ishak pula menganggap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada keseluruhannya telah membawa banyak kerugian pada masyarakat Malaysia. "Saya tidak setuju dengan kepimpinan beliau, sepanjang 10 tahun menjadi Perdana Menteri beliau lebih banyak membawa kerugian dari kebaikan pada masyarakat Malaysia," katanya. "Sebagai seorang Perdana Menteri pada peringkat awalnya, memang beliau sangat disenangi dan dikagumi oleh rakyat, tetapi apabila slogan-slogan yang diperkenalkan oleh beliau telah tidak dipertahankan, malah berlaku sebaliknya, maka rakyat menjadi tidak suka kepada beliau," tambah Hajah Ilani. Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Semangat 46 Negeri Kelantan itu juga menjelaskan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir mempunyai sifat kurang menghormati rakyat.*

*"Sikap tersebut menyebabkan Datuk Seri Dr Mahathir memerintah melalui kekerasan dan kekerasan itu tidak bermakna memegang bedil tetapi memerintah melalui undang-undang yang keras dari segi peraturan yang mengongkong, menggunakan ISA secara berleluasa yang merupakan satu tanda hitam dalam sejarah Malaysia," tegasnya. "Bagaimanapun bukan semua yang dilakukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir tidak elok, Bandaraya Kuala Lumpur makin cantik di bawah kepimpinan beliau. Datuk Seri Dr Mahathir juga menitik beratkan kesihatan, rakyat lebih gemar kepada kesihatan," tambah Hajah Ilani. Menurut Hajah Ilani lagi, Datuk Seri Dr Mahathir juga telah berjaya memperkenalkan nama negara di kaca mata dunia. "Saya tidak hendak sentuh beliau dari segi peribadi, sebab sebagai manusia, Datuk Seri Dr Mahathir ada kebaikan dan ada keburukan pada dirinya, tetapi pada keseluruhannya kepimpinan beliau sepanjang 10 tahun adalah terlalu lama, jadi eloklah disingkatkan sahaja," katanya.*

Begitulah adanya laporan utama *Mingguan Waktu* yang dikatakan amat tidak disukai oleh Dr Mahathir dan antara punca menyebabkan permit *Mingguan Waktu* ditamatkan. Adapun ia disiarkan kembali di sini sebagai muqadimah sebelum kita membincangkan lebih lanjut sikap pemimpin utama Umno berhadapan dengan isu-isu kebebasan dan hak asasi manusia. Imej Dr Mahathir dalam isu-isu seumpama ini agak buruk meskipun di awal pemerintahannya beliau seperti menunjukkan komitmennya terhadap kebebasan dengan membebaskan tahanan-tahanan ISA dan beberapa pendekatan lainnya. Ketika berucap di Dewan Rakyat, pada hari Rabu, 28 Oktober 1987, jam 3:30 petang, Dr Mahathir menjelaskan perkembangan ini: "Semenjak 1981 Kerajaan telah cuba mengelak daripada mengawal terlalu ketat kegiatan dan gerak-geri rakyat yang mungkin boleh menyebabkan berlakunya ketegangan antara kaum dan antara agama. Pihak Kerajaan telah membebaskan kebanyakan daripada mereka yang berada dalam tahanan sebelum tahun 1981. Kerajaan telah meluluskan lebih banyak permohonan mencetak akhbar dan majalah. Kerajaan telah membenarkan laporan dan rencana, yang dahulu ditakrif sebagai hasutan, disiarkan dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Kegiatan kebudayaan yang dahulu ditegah atau dihadkan, telah diberi kelonggaran. Perhimpunan, seminar, dialog dan juga *rally* yang dahulu dianggap sebagai menghasut, tidak diambil tindakan oleh Kerajaan. Badan-badan politik, sosial dan profesional bebas membuat bermacam-macam tohmahan dan tuduhan melulu yang bercorak perkauman kepada Kerajaan. Kerajaan percaya bahawa rakyat Malaysia, terutama pemimpin-pemimpinnya, sudah dewasa dan tahu membendung diri sendiri tanpa kawalan oleh Kerajaan. Kerajaan percaya bahawa mereka ini sedar bahawa ketenteraman dan kestabilan negara kita perlu dipelihara dengan rapi. Kerajaan percaya bahawa mereka sedar bahawa pembangunan Malaysia dan kesejahteraan rakyatnya bergantung kepada ketenteraman dan kestabilan. Kerajaan juga berpendapat bahawa rakyat tidak akan dipengaruhi oleh kegiatan dan tohmahan orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini."

Rakyat dikejutkan, dan dunia antarabangsa tertumpu ke Malaysia, apabila ISA digunakan untuk menahan tanpa bicara lebih 100 orang dalam Operasi Lalang, bermula 27 Oktober 1987. Sehari selepas itu tiga akhbar berpengaruh, *Sin Chew Jit Poh, The Star* dan *Watan* digantung penerbitan. Kemudiannya, umum menyaksikan pindaan demi pindaan dilakukan terhadap akta-akta yang berkaitan dengan kebebasan seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Polis dan Akta Keselamatan Dalam Negeri sendiri, yang bertujuan

bagi menyempitkan lagi ruang kebebasan yang tinggal sisa itu. Skandal-skandal kewangan yang melibatkan ribuan juta ringgit tentunya belum dilupakan. Misteri kes UEM dengan projek Lebuhraya Utara Selatan masih segar di ingatan. Permit akhbar *The Star* hanya disambung semula pada 26 Mac 1988, selepas berlaku rombakan di peringkat pengurusan editorial. Almarhum Tunku berhenti dari menjadi Pengerusi Lembaga dan kolum mingguannya ditamatkan. Yang paling dahsyat dan mengejutkan ialah musnahnya kebebasan kehakiman dengan penyingkiran Tun Salleh Abas dan dua orang lagi hakim Mahkamah Agung. Sebelum itu satu siri kempen Dr Mahathir memburuk-burukkan hakim-hakim, khususnya di Mahkamah Agung. Sesungguhnya tragedi yang menimpa badan kehakiman di negara kita cukup buruk dan memalukan, dan ia mengambil masa yang panjang untuk memulihkannya semula.

Dalam wawancaranya dengan *Malaysian Business*, 1 Januari 1988, yang menganugerahkannya sebagai *Man Of The Year*, Dr Mahathir menekankan: "*I do not like using the ISA. I tried to be liberal. It was no appreciated. People talked about the Prime Minister being weak. You know you can't be nice to some people. That's why I made that analogy about the monkey being given flowers. Unable to appreciate their beauty the monkey simply tears them to bits.*" Semasa menjustifikasikan tindakan Operasi Lalang itu di Parlimen, Dr Mahathir mendakwa ada pihak-pihak tertentu, khususnya pemimpin pembangkang yang tidak menghargai sikap liberal kerajaan: "Mereka sebaliknya menggunakan peluang daripada pendirian Kerajaan ini untuk memperalatkan isu-isu sensitif untuk kepentingan mereka dan dalang-dalang mereka. Mereka tidak mempedulikan kesan buruk akibat daripada sikap tidak bertanggungjawab ini. ... Negara tidak mampu mengalami rusuhan kaum. Negara kita mengalami kemelesetan ekonomi dan ramai daripada tenaga kerja kita menganggur. Jika kemelesetan ekonomi ditokok dengan keadaan politik yang tidak stabil dan rusuhan kaum pula berlaku, negara ini akan menjadi huru-hara. Rakyat akan hidup dalam ketakutan dan terus menderita. Pembangunan dan kemajuan negara dan rakyat akan terjejas. Peristiwa-peristiwa yang kita lihat di Asia Barat, Asia Selatan dan Ireland Utara akan menimpa kita."

Ketika ditanya oleh *Malaysian Business* tentang Kehakiman Malaysia yang telah secara benar atau salah cuba menonjolkan suatu imej kehakiman yang benar-benar bebas, Dr Mahathir menjawab: "Label tersebut telah dibesar-besarkan dari yang sepatutnya. Saya tidak fikir kehakiman itu benar-benar bebas. Ia sepatutnya hanya adil dan saksama. Terdapat *kambing hitam* di mana-mana kumpulan yang mahukan kebebasan seumpama itu. Tetapi apakah ia? Sekiranya anda mahu benar-benar bebas, anda akan lupa tentang tugas anda untuk berlaku adil dan saksama. Anda hanya berminat untuk menjadi sangat bebas dan untuk menjadi demikian, anda terpaksa membesar-besarkan satu perkara yang kecil. Anda terpaksa membuktikan bahawa anda boleh menghentam kerajaan, contohnya. Tetapi dengan melakukan demikian anda kehilangan kebebasan kerana kini anda menurut aliran orang ramai. Anda tidak lagi bebas. Anda tertakluk kepada pendapat umum. Seorang hakim yang baik seharusnya tertakluk untuk melakukan keadilan. Itu saja, bukannya untuk menunjukkan kebebasan. Pada masa-masa lalu, kita tidak pernah menyoal keputusan-keputusan yang bertentangan dengan kerajaan. Tetapi apabila orang berkata bahawa "... sekiranya untuk mendapatkan satu keputusan yang bertentangan dengan kerajaan, pergilah ke satu mahkamah

tertentu ...", maka mahkamah itu tidak boleh dianggap sebagai mahkamah yang adil." Sebelum itu, dalam wawancara dengan majalah *Time*, 24 November 1986, Dr Mahathir menjelaskan: "Jika kami sering sahaja mendapati pihak mahkamah mengenepikan kehendak kami dengan penafsirannya sendiri, dan jika penafsiran mereka bertentangan dengan sebab-sebab mengapa kami membuat undang-undang tersebut, maka kami akan mencari jalan untuk membuat undang-undang yang boleh ditafsirkan menurut kehendak kami."

Bagi mereka yang memerhatikan perkembangan ini dengan teliti, terutama yang arif tentang hal ehwal dalaman Umno, tentu dapat menjawab dengan baik soalan yang berbunyi: *"Is it Malaysia's Emergency? Or is it Mahathir's Emergency?"* Keadaan yang dihadapi oleh Dr Mahathir ketika itu, akhir tahun 1987 hingga awal 1988, dalam beberapa hal didakwa mempunyai kesamaan dengan apa yang dihadapi oleh Indira Ghandi, rujuk *Demokrasi Zaman Mahathir* (Pemuda PAS Pusat, November 1988): "Pada 17 Jun 1975, Mahkamah Tinggi di Allahabad membuat keputusan bahawa kemenangan Indira Ghandi dalam pilihanraya tidak sah sebab beberapa kesalahan di bawah undang-undang pilihanraya. Akibatnya, beliau tidak layak menjadi Perdana Menteri untuk penggal; kedua dan ditahan mengambil bahagian dalam pilihanraya selama 7 tahun.

"Oleh yang demikian, Indira Ghandi sebagai Perdana Menteri sejak penggal pertama mengisytiharkan darurat pada 25 Jun 1971 (12 hari selepas keputusan mahkamah) dan menahan beribu-ribu ahli politik dan juga meminda Perlembagaan India dalam kadar tiap-tiap lapan puluh hari. Selepas itu beliau melancarkan satu kempen media massa memburuk-burukkan kehakiman dan menggunakan beberapa kuasa yang beliau ada sebagai eksekutif mengenai kehakiman untuk melemahkan institusi kehakiman. Sebelum kempen ini dilancarkan beliau juga telah campur tangan dalam tradisi kehakiman Mahkamah Agung India mengenai kenaikan pangkat hakim-hakim menjadi Hakim Besar Mahkamah Agung. Sewajarnya, hakim yang terkanan akan menyandang jawatan itu. Tetapi Indira Ghandi telah melantik hakim yang ketiga dalam hirarki hakim-hakim menjadi Hakim Besar. Dengan itu beberapa hakim Mahkamah Agung telah meletakkan jawatannya dan Menteri Undang-undang India juga membuat kempen antara peguam-peguam yang patuh kepada kerajaan bahawa pihak kehakiman mestilah menunjukkan taatsetia kepada Indira Ghandi, begitu juga dengan fahaman politik mereka." Gordon P. Means dalam *Malaysian Politics: The Second Generation* juga mengulas tentang hal ini: *"The big difference in Mahathir's actions, as compared to those of Indira Ghandi, was that he acted decisively before the court had passed judgement on the pending case which had the potentiality of dislodging him from office. His anxiety over the outcome of that decision must have been looming large when he decided to invoke the ISA detention orders. It appears that it also may have coloured his views on the proper role of the Courts in matters that have important political implications."*

Siapa pun Perdana Menteri selepas Dr Mahathir, sikapnya terhadap isu-isu kebebasan dan hak asasi manusia ini adalah penting untuk diberikan perhatian serius. Menggunakan alasan keselamatan negara untuk menahan tanpa bicara musuh-musuh politik adalah langkah politik rimba yang mesti dihapuskan. Kita tidak mahu demokrasi di Malaysia menjadi demokrasi yang dikawal oleh golongan elit untuk kepentingan mereka. Demokrasi terkawal

ini mengekalkan institusi-institusi demokrasi seperti parti-parti politik, Parlimen dan perbahasan Parlimen sebagai simbol-simbol yang tidak bererti langsung dari segi kenyataan. Ini dapat diibaratkan sebagai keadaan di mana kulit dikekalkan tetapi isi dikikiskan. Hidup dan matinya sistem demokratik bergantung kepada kesanggupan rakyatnya mematuhi beberapa peraturan asas. Menurut Dr Chandra Muzaffar, antara peraturan-peraturan yang penting adalah penerimaan gesaan dan rayuan (*peaceful persuasion*) sebagai pendekatan yang sah kepada perubahan politik. Namun begitu, gesaan dan rayuan bergantung kepada beberapa pra-syarat. Pertama, kemungkinan berlakunya perubahan tanpa keganasan mesti diyakinkan. Rakyat jelata perlu diyakinkan bahawa parti yang memerintah dapat digantikan melalui cara-cara demokratik. Adalah menjadi tanggungjawab pemimpin-pemimpin sendiri untuk membuktikan kepada orang ramai yang mereka tidak akan menghalang perubahan ini. Ini dapat dilakukan secara memberi peluang yang secukupnya kepada mereka yang memperjuangkan perubahan agar dapat mereka sampaikan pandangan-pandangan mereka kepada umum. Kedua, dalam usaha mengawal politik keganasan, pihak kerajaan perlu berhati-hati agar nilai-nilai demokratik tidak terjejas. Mereka yang dianggap ancaman kepada keselamatan negara harus dibawa ke muka pengadilan.

Antara pemimpin utama yang menonjol dalam isu-isu keadilan dan hak asasi ini, khususnya sebelum terlibat secara aktif dalam kerajaan ialah Anwar Ibrahim. Pembabitannya dalam ABIM yang menjuarai isu-isu keadilan tidak boleh dinafikan, isu-isu seumpama itulah yang menjulang namanya ke seluruh dunia. Malahan penangkapan Anwar di bawah ISA hampir dua tahun itu juga mempunyai hubungan yang rapat dengan sikapnya yang tegas terhadap rasuah, kemiskinan dan kebebasan bersuara. Penolakannya terhadap ISA dan Akta Universiti sudah diketahui umum, tetapi malangnya, seperti yang telah dijelaskan, semasa Anwar menjadi Menteri Pendidikan, Akta Universiti langsung tidak diusik, dan dua orang pemimpin pelajar yang didakwa menganjurkan demonstrasi menentang konsert dikurung di bawah ISA.

Selain itu beberapa orang guru yang ditahan di bawah ISA dan mempunyai kaitan dengan PAS tidak dilayan dengan adil ketika Anwar menjadi Menteri Pendidikan. Akhbar *Harakah* pernah melaporkan: "Sebelum Menteri Pendidikan menyertai Kabinet penguatkuasaan ISA sudah dirasakan cukup zalim. Menteri itu sendiri menanggung pengalaman pahit itu kira-kira 15 tahun lalu. Kini orang yang ditahan di bawah ISA dikatakan tidak seramai dulu tetapi tekanan dan penindasan ISA yang ada kian menyiksa. Tiga orang guru yang merengkok di Kem Tahanan Kemunting kini dibuang kerja oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan kerana tindakan disiplin. Mereka dikenakan tindakan kerana tidak datang mengajar. Seorang guru itu dari Cemur, Perak, tinggal empat tahun lagi hendak pencen. Dua orang lagi guru muda yang terlibat adalah dari Parit. Ketiga-tiga guru tersebut yang dalam keadaan terkurung sudah tidak lagi dapat memberi nafkah kepada keluarga. Bukan mereka ponteng dari sekolah tetapi mereka tidak dapat ke sekolah kerana dikurung di bawah ISA. Belum pernah sebelum ini ISA mengakibatkan penamatan perkhidmatan kakitangan kerajaan yang ditahan. Di bawah Menteri-menteri Pelajaran sebelum ini, ramai juga guru-guru kena ISA, tetapi gaji mereka berjalan terus. Tetapi tahanan ISA sekarang, bukan sekadar dikurung tanpa bicara, kerja pula kena buang."

*The Star*, 2 Oktober 1985 melaporkan sikap Anwar terhadap ISA: *"Umno Youth leader Anwar Ibrahim said today that the International Security Act (ISA) should not be used against people whose ideologies differed from that of the Government or Umno's. He said the ISA was an important weapon against elements such as the communist terrorist who posed a threat to the country's stability. However, it should not be used against people who did not share Umno or the Government's views. "A Government which takes such actions against its critics is a weak and a bankrupt government," he said. "The present government is very liberal and tolerant in its attitude and will not simply act against anyone critical of its policies," he said."* Apakah Anwar hanya bijak mengungkapkan tetapi tidak pula dari segi amalan? Umum boleh menilai bahawa penahanan tanpa bicara zaman Dr Mahathir di bawah ISA langsung tidak ada kaitan dengan elemen pengganas komunis, tetapi bagaimana pula sikap Anwar? Tragedi berdarah di Memali yang berlaku tidak sampai dua bulan selepas kenyataan Anwar di atas juga merupakan satu protes terbuka Allahyarham Ustaz Ibrahim Libya terhadap ISA; Allahyarham tidak bersedia dikurung tanpa bicara dan bersedia mempertahankan diri sehingga terkorban bersama 13 orang anak-anak muridnya.

*Harakah*, Ogos 1989 juga melaporkan pandangan Pemuda PAS terhadap Anwar mengenai isu keadilan: "Anwar Ibrahim tidak layak merasmikan Persidangan Serantau Mengenai Hak-Hak Asasi Dalam Islam. Beliau tidak layak berbuat demikian kerana beliau adalah salah seorang pemimpin terkanan pemerintahan negara ini yang banyak menindas dan menekan rakyat serta hak asasi mereka. Demikian dinyatakan oleh Naib Ketua Pemuda PAS Pusat, Saudara Mohamad Sabu .... "Meletakkan Anwar Ibrahim merasmikan persidangan tersebut adalah satu tindakan yang mempersenda-sendakan hak asasi di dalam Islam. Siapa yang tidak tahu bahawa Naib Presiden Umno itu sama-sama merestui Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), beliau juga merestui peristiwa penangkapan tanpa bicara 27 Oktober 1987 lalu, beliau merestui Akta Rahsia Rasmi dan beliau juga merestui pemecatan yang penuh penipuan serta penganiayaan ke atas Ketua Hakim Negara yang dipecat, Tun Salleh Abas," kata beliau yang telah dua kali dizalimi di bawah ISA."

Mengenai pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi (OSA), Dr Chandra Muzaffar, 22 November 1986, membidas sikap Anwar: *"It is obvious from Anwar Ibrahim's clarification that he is trying to defend an indefensible piece of legislation. Including an administrative order to the Act is a meaningless, cosmetic concession. By confining the power to classify any document or information as an official secret to the Minister and senior government officers and by consigning such secrets to a special file, the fundamental weaknesses of the Act remain unchanged. .... It is a pity that Anwar has not understood the real reasons for the people's objections to the amendments. It is one, the overwhelming power that the amendments bestow upon the executive; two, the weakening of the legislature's authority and three, the ousting of the Judiciary's jurisdiction which the people are concerned about. It is mischievous of Anwar to suggest that OSA will not affect the flow of information from the Government to the people. By its very nature, the amendments will restrict information flow. It will make the Government less accountable. If the Government only wants to protect information that threatens the nation's security, then Anwar should look at how other democratic countries define security .... Finally, if Anwar wants a society that is knowledgeable and values the free flow of information, he should first help to get rid og OSA. The he*

*should propose a Freedom of Information Act. For only such an Act will encourage the free flow of information and help create a thinking, knowledgeable society."*

Bagi pencinta keadilan, mereka tentunya belum lupa isu keadilan terakhir yang diperjuangkan oleh Anwar ialah penentangan terhadap pindaan Akta Pertubuhan 1981. Anwar Ibrahim telah dilantik sebagai Penyelaras Persidangan Cadangan Pindaan Akta tersebut, yang melibatkan banyak pertubuhan, antaranya ABIM, Aliran, CAP, Jami'yah Dakwah Selangor dan Wilayah Persekutuan, Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, Persatuan Jurutera Malaysia, Pekerja Pemuda Kristian, Persatuan Ulama Malaysia, Majlis Belia Malaysia, Sahabat Alam Malaysia dan Persatuan Kakitangan Akademik UKM. Ketika itu, Ghazali Shafie menjadi Menteri Dalam Negeri, sementara Sanusi Junid sebagai timbalannya. Antara fasal yang ditentang ialah kuasa berlebihan yang diberikan kepada Pendaftar pertubuhan, penafian hak untuk merayu di mahkamah, penentuan "pertubuhan politik", sekatan ke atas perhubungan dengan pertubuhan luar negara, dan kehilangan kelayakan ke atas individu yang pernah terbabit dengan jenayah untuk memegang jawatan.

Dalam memoranda bantahan ditegaskan: "Kebebasan berpolitik yang kian merosot merupakan sebahagian dari corak pemerintahan yang merbahaya. Selama lebih sepuluh tahun yang lalu, Parlimen, parti-parti politik, kesatuan sekerja, mahasiswa-mahasiswa, ahli-ahli akademik, golongan profesional, akhbar dan warganegara biasa telah dikenakan sekatan-sekatan yang bertambah. Kita kini hampir di dalam keadaan untuk lebih mengagung-agungkan lambang semata-mata meskipun tidak mempunyai makna lagi. Kongkongan ke atas kebebasan berpolitik tidak akan dapat menolong untuk mempertahankan sistem demokrasi dari ancaman totalitarianism komunis. Kerana sesungguhnya, sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas pertubuhan yang sebenarnya adalah bentuk tindakan yang mudah diambil kesempatan oleh komunis untuk mempengaruhi rakyat bahawa sistem demokrasi kita adalah palsu dan ianya dipergunakan untuk mengekalkan kuasa golongan-golongan penguasa dengan mengorbankan kebebasan rakyat. Lagipun, apabila pertubuhan yang mewakili berbagai-bagai kepentingan diganggu dan dihalang daripada memainkan peranan yang wajar, individu dan kumpulan-kumpulan yang mempunyai rasa tanggungjawab ke atas kemajuan negara mungkin merobah dengan menjalankan kegiatan-kegiatan bawah tanah. Aktiviti-aktiviti begini tentunya akan menggugat kestabilan sosial."

Anwar tentunya masih ingat dengan segar lagi perkara ini kerana ia merupakan detik-detik akhir sebelum Anwar melangkah masuk Umno. Reaksi Anwar terhadap sikap kerajaan yang berkeras dengan pendiriannya untuk meluluskan akta itu: "Rayuan-rayuan dari 48 pertubuhan, Majlis Peguam, pertubuhan-pertubuhan lainnya bukan sahaja tidak dilayan bahkan telah dimomokkan dengan angkuh sekali. Persoalan penting yang dikemukakan dalam rayuan dan memoranda telah tidak dijawab." Apakah Umno telah mengubah sikap Anwar terhadap isu hak asasi manusia dan *karamah insaniah* ini? Apakah usaha memastikan kuasa terus berada dalam genggaman dan hormatnya terhadap Menteri Dalam Negeri, Dr Mahathir Mohamad menyebabkan "persetankan ISA, persetankan OSA, persetankan segala-galanya"?

Sikap Anwar terhadap laporan skandal BMF juga pernah ditegur oleh Aliran: *"Aliran disagrees with the view expressed by Anwar Ibrahim, the Umno Youth leader, that the government publish the report by dropping portions that may invite libel actions. Why should the government do this when it is possible to make the entire report public by tabling is as a command paper in Parliament? ... It is absurd of Anwar Ibrahim to argue that Umno Youth cannot ask the government to publish the report ini full "when the guilt of the people named in the report had not been proven". Whether certain individuals are guilty or not is for the Court to decide, not for Umno Youth to determine. ... Instead of playing his usual game of "hunting with the hounds and running with the hares" Anwar Ibrahim should have the courage and integrity to adopt an honest, upright position on the BMF report."*

Pihak yang mendakwa komitmen Anwar terhadap keadilan semakin merosot selalu merujuk kepada tindakannya semasa berada di Kementerian Pendidikan. Tetapi, mungkinkah Anwar tidak bersedia meminda Akta Universiti hanya kerana takut usaha seumpama itu akan memberikan tamparan hebat kepada Dr Mahathir, menteri yang bertanggungjawab terhadap pindaan akta tersebut pada tahun 1976 dahulu? Dalam pada itu, tentulah tidak adil kita menjadikan Anwar sebagai sasaran dengan membebaskan Abdullah Badawi, Ghafar Baba dan Sanusi Junid. Sanusi juga mempunyai rekod tersendiri kerana pernah menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri. Ghafar Baba sebagai TPM tentunya tidak dapat lari dari memikul tanggungjawab bersama Dr Mahathir. Kita tidak pasti apakah Abdullah Badawi pernah mengkritik langkah-langkah tidak demokratik Dr Mahathir semasa berkempen bersama Team B dahulu. Bagaimanapun, harapan tetap tertumpu kepada Anwar, beliau masih belum terlewat untuk membuktikan komitmennya terhadap isu-isu keadilan ini, begitu juga Abdullah Badawi yang dikenali dengan sikap kelembutan dan ketenangannya.

Sikap parti-parti pembangkang dalam hal ini jelas, termasuk juga Tengku Razaleigh Hamzah. Beliau menegaskan: "Sekiranya kita berkuasa, kita akan pertahankan kebebasan akhbar dan pengaliran maklumat di negara ini. Pindaan OSA yang ada akan dihapuskan. Kita tidak mahu mana-mana wartawan dipenjarakan kerana mendedahkan kepincangan yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Wartawan harus diberi ruang yang lebih besar mengamalkan kemahiran profesional mereka. Kita akan berikan nafas baru dalam konsep penyiaran radio dan TV. Daripada alat propaganda, kita akan jadikan radio dan TV sebagai alat pendidikan dan pemberi maklumat yang berkesan. Kita akan membenarkan pandangan kritis masyarakat disiarkan, sekalipun ia datang daripada pembangkang. Kita yakin Malaysia akan menjadi sebuah negara yang lebih dihormati sekiranya kita menjadi pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat di rantau ini. Kita mahu melahirkan masyarakat berilmu yang berbudaya tinggi, kritis pemikirannya dan tinggi sifat ingin tahunya. Kita mahu, satu masa nanti, Malaysia akan melahirkan wartawan terbaik, ahli akademik terbaik, novelis terbaik, penerbit terbaik dan penyiar terbaik di rantau ini dan seluruh dunia amnya."

Rais Yatim pula mengulas: "Kadangkala kita hairan, kenapa, misalnya, undang-undang zalim seperti ISA kini tidak ditentang oleh juak-juak Perdana Menteri yang pernah ditangkap dan ditahan tanpa bicara kira-kira 18 tahun lalu. Kenapa yang seorang boleh menjadi menteri tapi rakan perjuangannya yang bernama Hishamuddin Rais tidak dibenarkan pulang ke tanahairnya? Yang seorang kononnya ditangkap dan ditahan kerana merancang

tunjuk perasaan di Baling dan di Padang Selangor Club. Hishamuddin pula berhubung dengan menaikkan semangat setinggan di Tasek Utara. Bukankah menangkap dan menahan seseorang itu tanpa bicara salah di sisi agama kita dan salah di sisi keluhuran undang-undang? Isunya ialah tindakan tangkap dan tahan tanpa bicara adalah sebesar-besar ketidakadilan yang boleh dilakukan oleh mana-mana pihak walau apa pun alasan yang diberi. Sudahlah begitu, di negara ini terdapat setengah dozen undang-undang yang mengizinkan tangkap dan tahan tanpa bicara. ... Kalau benar-benar tak mahu mengambil nilai positif dan hak asasi manusia sejagat, ayuh ambillah nilai Islam pula. Kemudian tanya; tindakan penjara ke atas mereka yang tidak dihakimkan dengan melibatkan saksi yang cukup, apa hukumnya?"

Wajar juga kita beri perhatian kepada pandangan Dr Chandra mengenai demokrasi dan keselamatan negara: "Negara kita sendiri telah membuktikan bahawa undang-undang yang ketat bukan faktor dalam mengekalkan keselamatan. Wujudnya kestabilan sekian lama kerana kemewahan ekonomi, mobiliti sosial kumpulan-kumpulan tertentu, peningkatan taraf hidup beberapa golongan rakyat miskin dan birokrasi yang cuba memenuhi tuntutan orang ramai. Selain kesemua ini, adanya cara-cara dan amalan-amalan demokratik, meski terkawal, telah memberi peluang kepada rakyat untuk menyuarakan pandangan mereka berhubung berjenis-jenis isu. Semua ini merupakan faktor-faktor wujudnya kestabilan. Nyata sekali tidak perlu kita mengawal demokrasi untuk menjamin keselamatan dan kestabilan. Yang penting ialah azam kerajaan untuk menghapuskan punca-punca ketidakstabilan sosial. Itulah sebabnya kita menganggap penindasan dan kekejaman, rasuah dan penyelewengan sebagai musuh-musuh sebenar yang perlu dihapuskan. Dengan menghancurkan kebebasan tidak bererti kita telah berjaya memusnahkan kuasa-kuasa yang boleh mengancam keselamatan masyarakat. Sebaliknya dengan menghancurkan kebebasan kita mungkin memperkuatkan kuasa-kuasa yang menjejaskan kestabilan."

# Newspaper ban: A drastic step




By TAN SRI DR TAN CHEE KHOON

THE Press in Asia has had its ups and downs as in most advanced countries.

In the communist countries in Asia namely, the Soviet Union, China, Vietnam, etc., it is rigidly controlled but elsewhere in Asia, the treatment varies.

India, for example, has been liberal in its treatment of the Press. Only under rare circumstances is the Press subject to any great deal of control.

This is because there is an intelligent readership and the judiciary is fearless and impartial, and will not hesitate to strike down any unfairness on the part of the executive.

In the Philippines, the Press was very free before former President Marcos declared martial law. After that, however, the Press was docile and became his tool.

Under President Aquino, martial law was lifted and the Press is free once again.

Until the events of Oct 28 last year, when four newspapers namely *The Star, Sunday Star, Sin Chew Jit Poh* and *Watan* were all suddenly banned, we were also fairly free.

Until that fateful day, we could be justifiably proud of the Press freedom that we enjoyed.

True, most Asian newspapers have one restriction or another slapped on them but we could still criticise the Government and the newspapers would carry the news.

To ban a newspaper is a very grave step on the part of any government. It gives the government a very bad name as the news is carried round the world in a matter of hours.

Freedom of the Press is a fundamental freedom which we all cherish and we had hoped and prayed that the Home Affairs Ministry would lift the ban on all the four papers.

The damage done to the newspapers and to the Government is great. The newspapers gave employment to hundreds of people. The closure of a newspaper means that the people would lose an avenue for expression of their views.

The Government on the other hand will have to rule in the void, not getting the feedback which is so necessary if the people are to be ruled wisely and fairly.

It is then necessary that the newspapers be allowed to go about their business without any interference from the Ministry of Home Affairs or the police.

In almost 40 years of public service, especially when I was an MP and a State Assemblyman, I have often been asked why I have not been questioned by the police or the Home Affairs Ministry or, worse still, why I have not been locked up.

The answer was fairly simple. I did not believe in doing anything illegal especially with regard to the Internal Security Act (ISA). I am aware that the long arm of the law will catch up with me if I do anything foolish.

Thus, right at the start I was aware that before I read any secret letter it would have been already read by the Special Branch.

As for my telephone, there is no hope for saying anything secret; there's probably someone listening in all the time.

During my days as MP, my friends too have wondered how I have been able to stay clear of the Special Branch.

The reason is simple. I have not gone out of my way to look for news from civil servants. Once I got such a parcel in the mail, I read it but kept it in the drawer and did nothing with it.

When the case of Lim Kit Siang being charged with the Official Secrets Act came up, I decided to send the parcel to the Home Affairs Ministry.

It was then that the Special Branch came to see me and I told them all that happened to me. They were satisfied with my story and left me alone.

In the eight years that I have written for *The Star* and *Nanyang Siang Pau*, I too have not been visited by the Special Branch. I am, of course, aware that what I have written sometimes is not too pleasing to the Special Branch and the Home Affairs Ministry.

I do not fall foul of the printing laws of the land — that is what I have to take care of. Often what I write is vetted very carefully by one or two close friends and that is how I have kept the long arm of the Special Branch at bay.

The newspapers, on the other hand, have their own problems. There is the problem of ownership. Most newspapers in our country started with foreign ownership.

The Straits Times Group of papers were foreign-owned and the top posts were filled by foreigners.

With Independence, the foreigners began to sell out and today the NST Group is not only local-owned but also locally staffed.

In the case of *The Star*, it is owned by the MCA — through proxies, of course. At one time there was the danger of an Alliance Minister buying into *The Star* and that was when the Tunku became a shareholder and chairman of *The Star* as well.

Of the vernacular newspapers, they were weak in the beginning and poor as well, hence nobody paid any attention to them. But as their circulation grew, they began to be attractive as a business proposition.

The Chinese newspapers in this country were often built around Chinese businessmen. Thus the *China Press* was founded by Tun H. S. Lee.

Then, there was *Sin Chew Jit Poh* which, in the immediate post-war era, became a powerful paper when it was owned by the Aw Par family based in Singapore and Hong Kong.

Today, however, it is in the hands of the receivers and has been bought by a self-made Sarawakian tycoon who is an SUPP Senator. It was banned as well but that did it no good.

That leaves the *Nanyang Siang Pau* which is now the largest of the three. It has been so successful that it has been coveted by envious eyes.

The banning of *The Star, Sin Chew Jit Poh* and *Watan* did give the Mahathir Administration a bad image. Fortunately the ban was revoked towards the end of last month.

When the ban was imposed in October, the Government was bombarded with protests from all over the world.

But, to be fair to the Mahathir Administration, its record in the matter of Press freedom has been fair, even better than most of its predecessors.

It allowed many new papers to be registered and in a country of annual registration, at least it allowed most of the old newspapers to be re-registered without too much difficulty.

I gather that three of its most vocal critics, namely *Aliran, Rocket, Mimbar Sosialis* were re-registered at the beginning of this year without too much difficulty.

I do hope the Home Affairs Ministry will give three warnings to every newspaper before banning the paper.

This is only fair and the newspapers should be given a chance to correct their mistakes before the drastic step is taken to prohibit them from publishing.

# ANWAR HITS OUT AT 'ARROGANT INTELLECTUALS'

STAR 22-8-87 m/s 2

**By MAN YUKE FOONG**

KUALA LUMPUR, Fri. — Education Minister Anwar Ibrahim hit out today at a "small group of arrogant intellectuals" which he claimed was trying "to force its views down the throats of the people and the Government."

He said this group felt that the Government must listen and accept its views, "if not, the Government is wrong."

This group had the arrogant attitude that it has the right to force others to accept its opinions,he told reporters after opening a book fair at the Putra World Trade Centre.

He was commenting on Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad's statement on Monday that a group of intellectuals was trying to make use of former leaders and the Press to gain power.

Dr Mahathir had also said that this group "of so-called intellectuals wanted to change the Constitution for its benefit" and that if this was to happen, "the people would lose their democratic rights."

Although he did not name the group, Dr Mahathir was apparently referring to Aliran which had held a conference on the Federal Constitution during the weekend in which it called for a review.

Encik Anwar said that while elected representatives formulated policies, this did not mean the Government did not listen to others.

He said: "We do listen and give others the freedom to express their opinions. But when it comes to governing, naturally, those who have the power say that as elected representatives, they have the right to formulate policy.

"I believe the attitude of exchanging views within and outside the Government is important and should be respected.

"But in speaking up, there should not be this new arrogance that their views must be accepted," he said.

Encik Anwar said Dr Mahathir was not opposing all intellectuals but only this particular group.



*Writer Abdul Samad Said giving a book to Encik Anwar at the fair yesterday. The exhibition and sale on Level Four of the PWTC, end on Aug 30.*




Akhbar *Star* pernah digantung permit penerbitannya (atas). Skandal BMF yang pernah disiasat oleh tiga orang tokoh ini masih menjadi tanda tanya. Ramai pejuang keadilan tidak berpuas hati dengan sikap Anwar dalam isu-isu seperti ini.





Ketua Polis Negara, Tun Sri Haniff Omar bersalaman dengan Tun Salleh Abbas di Universiti Malaya.



Tun Salleh Abas yang teraniaya kerana kerakusan Dr Mahathir mengekalkan kuasanya sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno. Apakah Anwar Ibrahim akan memulihkan kewibawaan badan kehakiman yang teruk terjejas ini?



Anggota tribunal yang mengusulkan pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas. Apa Anwar buat?

# SYABAS - LAPAN PROJEK YANG BROTHER ANWAR TURUT MEMBERI JASA


ANWAR IBRAHIM

Saudara Pengarang,

Syabas diucapkan kepada Brother Anwar atas kenyataannya baru-baru ini mengenai sumbangan PAS ke atas umat Islam dan rkayat Malaysia iaitu katanya, 'hampir ke angka zero kalau tidakpun kepada kosong.'

Di sini biarlah saya nyatakan sumbangna PAS yang 'hampir ke angka zero' itu iaitu menyelamatkan jutaan ummat Islam dari jatuh ke ambang kebinasaan iaitu rosak Dua Kalimah Syahadah.

Dengan kekuatan tenaga dari ulama-ulama PAS serta ahli-ahli dan penyokongnya mengadakan kuliah, ceramah dan terbitan buku, maka kita lihat sekarang, masyarakat Islam sudah menyedari perkara-perkara yang merosakkan Islam.

Tidak kedengaran lagi suara-suara sumbang seperti 'politik suku agama suku', 'hukum Islam tidak sesuai lagi zaman moden ini', 'hukuman zina dan potong tangan adalah zalim' dan pelbagai lagi.

Kalau adapun dari BOSS saudara kita ini iaitu Dr. Mahathir. Sekarang kita tengok dan lihat pula jasa-jasa dan projek UMNO mengenai Projeknya yang dijaja di merata tempat iaitu ISLAMISASI sejak kemasukan saudara kita ini ke parti itu pada tahun 1982. Oleh kerana rutangan terbatas, maka saya nyatakan di sini cuma LAPAN sahaja yang terbesar dan terkenal. Antaranya:

(1) Kalau sebelum projek dan kemasukan saudara kita ini ke dalam UMNO, tidak ada berlaku pembunuhan beramai-ramai ke atas ummat Islam tetapi sejak adanya Islamisasi ala Brother Anwar, seramai 15 orang sudah dibunuh. Satu di Lubuk Merbau dan 14 lagi di Memali. Semuanya di negara BOSS Brother Anwar. Ini dinamakan Projek Islamisasi Bahagian Pembunuhan.

(2) Kalau sebelum Brother Anwar masuk UMNO dan sebelum Projek Islamisasi di jalankan, permainan TOTO cuma satu pertaruhan saja, tetapi dengan adanya Projek ini, ditambah BUKAN ditiadakan iaitu 2 pertaruhan lagi diadakan. Satu kejayaan untuk Projek Islamisasi ala Brother Anwar. Begitu juga dengan kasino. Sekarang ini sedang dirancang satu lagi di Tioman. Projek ini kita namakan Projek Islamisasi Bahagian Perjudian.

(3) Kalau dulu Rangkaian TV yang sememangnya banyak rancangan maksiat cuma ada 2 rangkaian sahaja, tetapi dengan adanya projek Islamisasi ala Anwar ini, ditambah satu lagi iaitu TV3.

Semakin banyak rancangan muzik disiarkan. Sebagai memenuhi tuntutan Projek ala Anwar ini. Projek ini kita namakan Projek Islamisasi Bahagian Hiburan.

(4) Kalau sebelum Brother Anwar dan Islamisasi diadakan, tidak ada orang yang berani pertikaikan Fatwa, tetapi sejak berjalan projek ini, sudah ada orang yang sememangnya tiada layak untuk mengeluarkan fatwa maupun mempertikaikannya berani mempertikaikannya dan mengeluarkan fatwa berdasarkan akal fikiran semata-mata.

Beliau adalah BOSS Anwar sendiri. Satu kejayaan Projek ala Anwar iaitu melahirkan orang yang tidak tahu hukum hakam agama tapi mahu bertempik fasal hukum-hakam agama. Ini dinamakan Projek Islamisasi ala Anwar bahagian Fatwa.

(5) Kalau sebelum adanya Projek Islamisasi ini, hanya Tingkatan 1 sahaja ada mata pelajaran muzik, tetapi sejak adanya projek ini, diperbanyakkan lagi bukan di TIADAKAN iaitu dari Sekolah Rendah (darjah satu). Pelajaran agama dan Jawi tidak diperbanyakkan. Satu lagi kejayaan projek ala Anwar. Ini kita namakan Projek Islamisasi Bahagian Muzik.

(6) Kalau dulu tangkapan ISA paling banyak kurang daripada 10 orang tetapi sejak adanya projek Islamisasi ini, seramai lebih 100 orang ditangkap ISA hampir sekaligus dan tidak mustahil ianya ditambah lagi yang sememangnya projek ini adalah projek 'TAMBAH'. Bukan tambah ke arah kebaikan tetapi ke arah kesesatan dan kebinasaan.

(7) Kalau dulu sebelum projek ini dijalankan, tempat menjual arak bebas cukai cuma di Penang saja tetapi dengan adanya projek ini ianya ditambah lagi iaitu di negeri BOSS Brother Anwar sendiri, Langkawi.

Begitu juga tempat maksiat ditambah lagi. Samada di Pangkor, Langkawi dan puluhan lagi. Ini Projek dinamakan Projek Islamisasi ala anwar Bahagian Maksiat (pelacuran, arak, dan lain-lain).

(8) Kalau sebelum Anwar ada dalam UMNO, penyelewengan yang kecil sahaja berlaku dan kurang melibatkan Kabinet, tetapi sejak adanya projek ini, Penyelewengan demi penyelewengan berlaku oleh Kabinet seperti Projek Lebuhraya, Jambatan Penang, Dayabumi, Usahasama Nelayan Laut Dalam dan puluhan lagi.

Semuanya melibatkan anggota Kabinet yang Brother Anwar sendiri ada di dalamnya. Projek ini kita namakan Projek Islamisasi ala Anwar Bahagian Penyelewengan Anggota Kabinet.

Inilah antara Projek-projek Islamisasi ala Anwar yang dibanggakan oleh ahli-ahli UMNO yang sememangnya membawa ke arah kebinasaan dan kesesatan bukannya ke arah kebahagiaan dan ke arah kebenaran. Semoga Brother merenung dan menganalisa semula projek-projeknya itu kerana semuanya itu akan dibawa ke alam BARZAKH.

**MUSTADH'AFIN 024,**
**Pelindung,**
**Beserah, Pahang.**



*At the meeting yesterday . . . From left: Encik Anwar, Che Johan, UMSU president Zulkifli Yusuf and UMSU Suara Siswa chief editor Mohamed Saad Hashim*

# Students' views to get fair attention

**KUALA LUMPUR, Tues. — All proposals and views submitted by students on the Universities and University Colleges Act 1975 will be given fair consideration by the Government, Education Minister Anwar Ibrahim said today.**

**He said the National Student Action Front representing the six local universities and Institut Teknologi Mara (ITM) had been given the mandate to prepare a report on the matter.**

**"We will give due attention to the report," he told reporters after meeting a 12-man delegation from the action front in his office this morning.**

**Encik Anwar said during the one-hour meeting, the students gave their views openly on matters like the *purdah* issue and the lack of students unions' participation in orientation programmes.**

**He said he would look into their problems and find ways to resolve them as soon as possible.**

**University of Malaya Students Union deputy president Che Johan Chepa, who also acted as the delegation's spokesman, said the action front submitted a three-page memorandum to Encik Anwar.**

**He said the memorandum urged the Government to abolish Section (iii) of Article 15 and 16 of the Act as soon as possible.**

**Among other things, he said Section (iii) of Article 15 and 16 refrained students from holding funds, making Press statements and associating with other organisations.**

**He said such restrictions should be abolished because they prevented students from playing an active role in society.**

**He said the memorandum also urged Encik Anwar to look into the *purdah* issue and the lack of students unions' participation in universities' orientation programmes.**

**Later in the afternoon, Encik Anwar had another meeting with the Deputy Vice-Chancellors (Student Affairs) of the six local universities and ITM Dean of Student Affairs.**

**He said he briefed them on the students' problems.**

**"I also urged them to ensure more students unions' participation in their orientation programmes," he added.**

**Meanwhile, Gerakan Youth chief Dr Koh Tsu Koon expressed hope today that the Act would be amended soon to "liberalise and debureaucratise" the university administrations.**

**The amendments should allow for greater and more meaningful participation of the academic staff in decision-making, Dr Koh said.**

**He also hoped that the amendments would boost the morale of the teaching staff and thereby improve the quality of education in all the local universities.**

**He commended Encik Anwar for "taking so seriously" the call to amend the Act.**

**PAS, on the other hand, doubted that Encik Anwar was serious about amending the Act.**

**Its vice-president Ustaz Nakhaie Haji Ahmad said today Encik Anwar's statement that he would "study the matter" was merely an excuse to deter critics.**

**"Encik Anwar is in a dilemma as to what to do. He has to think about the matter carefully as his boss (Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) introduced the Act and if he tries to amend it, it is tantamount to going against the boss' wishes," Ustaz Nakhaie said.**

**"It is an irony for him to say he will study the Act now because he opposed it before he joined the Government. Does this mean that he did not study the Act carefully when he opposed it before," he added.**

KUALA LUMPUR, Mon. — Education Minister Anwar Ibrahim has directed university vice-chancellors to implement the Universities and University Colleges Act "judiciously" with a view to giving more liberty to academicians and students.

He said the Ministry did not want the Act to be used as an excuse to protect or cover up the shortcomings of the universities regarding education, academic performance or student activities.

Encik Anwar said that there were several quarters which wanted the Act amended.

"Only certain provisions which are felt to threaten the interests of the academicians should be amended," he told reporters after a three-hour meeting with vice-chancellors today.

"However, amendment does not mean we will allow lazy students to hide behind the Act, defend careless lecturers who do not carry out the task of educating, or tolerate indiscipline," he said.

"We will not compromise on discipline," he added.

Encik Anwar added, however, that any decision to amend provisions in the Act could be made only after getting the views of all concerned.

Amendments to provisions which touched on policy or on implementation of the Act, where necessary, must be debated more thoroughly before any proposals could be made, he said.

Today's meeting was the first of a series of discussions Encik Anwar will have with academicians, scholars and student leaders and his Ministry officials on the Act.

Encik Anwar said he would meet other interested groups within the week.

He said other than uni-

# Brother ghairah nak jadi PM

Seluruh orang yang mengikuti perjalanan Anwar Ibrahim semasa memimpin ABIM, mereka merasakan kiranya wajar pemimpin belia Islam itu menceburkan diri dalam politik, maka PAS saja jadi medan baginya.

Menjadikan ABIM sebagai badan politik yang baru adalah tidak wajar kerana ia dikira langkah memecahkan jamaah Islamiyyah. Memecahkan jamaah seperti itu salah besar dalam Islam. Kecualilah harakah Islamiyyah itu tidak diiktiraf oleh beliau sebagai jamaah Islamiyyah.

Tetapi Anwar masuk UMNO. Mengapa?

Dia tidak berbincang terlebih dahulu dengan pemimpin Islam dalam negeri kecuali orang-orang bawah yang boleh dicorakkannya dan mereka yang bergantung atas karismanya. Kalaupun ada orang dan pemimpin Islam yang dirundinginya ialah mereka yang tinggal di Amerika dan England yang tidak tahu suasana di Malaysia dan sejauh mana pula mereka itu terlibat dengan gerakan Islam tidak diketahui.

Kalau orang-orang yang dirundinginya itu adalah tokoh harakah Islam, adakah mereka itu sendiri sudah berjuang? Kalau berjuang memadaikah bergiat di negara orang? Apakah sumbangan masing-masing bagi menegakkan order Islam dalam negara mereka sendiri?

Matlamat Anwar ialah kuasa. Dia tidak sedia jadi pembangkang dan tidak sedia jadi orang kalah. Menang bagi ukurannya ialah berkuasa. Menang tidak terletak pada melibatkan diri dalam perjuangan itu sendiri.

Kerana tidak mahu ada sejarah kalah dan tak mahu jadi pembangkang, dia memikirkan memasuki UMNO. Dia dinasihatkan oleh oran luar , kalau mahu berkuasa masuklah UMNO. Dia pun masuk.

Dr. Mahathir memberikan jalan kepadanya. Jalan yang dilaluinya agak jauh dan berliku-liku pada mulanya.

Beberapa tahun sebelum dia masuk UMNO, dia merancang untuk mengadakan satu khemah belia Islam peringkat antarabangsa dibawah anjuan WAMY. Rancangan itu besar. Tetapi kerajaan Malaysia tidak membenarkannya walaupun pegawai-pegawai WAMY sendiri sudah berada di Malaysia untuk melaksanakannya.

Pemimpin WAMY yang terkemuka ketika itu, Totonji telah bertemu dengan Dr. Mahathir bagi merundingkan khemah kerja itu. Pertemuan itu berlangsung lebih singkat dari masa yang ditetapkan. Bunyinya tidak banyak kemajuan. Yang jelas ialah program itu dibatalkan.

Sesudah itu kerap benar tokoh Islam antarabangsa menjadi tetamu Anwar. Allahyarham Prof. Ismail Faruqi boleh dikatakan tiap-tiap bulan muncul di Kuala Lumpur.

Lepas itu Anwar mengumumkan untuk melepaskan pimpinan ABIM kerana hendak melanjutkan pelajaran. Syura ABIM menolak hasratnya itu kerana cara itu semacam berbau sekular. Dia memimpin badan itu lagi.

Tidak lama lepas itu Khemah Kerja WAMY tadi diadakan di Morib. Ia dapat kerjasama kerajaan. Banyak Mercedez kerajaan dipinjamkan kepada ABIM mengendalikan projek itu. Anwar sendiri dapat sebuah motokar untuk membawanya ke Morib.

Serjana-serjana luar negeri yang datang itu berperanan untuk mendekatkan Anwar dengan Dr. Mahathir. Mereka memberikan nombor telefon Anwar kepada Mahathir.

Dalam perkembangan itulah Anwar melihat peluangnya ada untuk merebut kuasa melalui UMNO. Mahathir sedia memberikan jalan kepadanya tetapi Anwar mistilah pandai memainkan peranannya. Mahathir ada tujuan dan Anwar pun ada tujuan. Mungkin mereka tidak ikhlas sama sendiri, tetapi masing-masing ada kepentingan.

Tiba-tiba Anwar memberitahu tokoh-tokoh ABIM yang boleh ditundukkannya bahawa dia hendak masuk UMNO. Dia dijanjikan menjadi Menteri Pelajaran. Dari situ dia boleh pergi lebih jauh. Dalam masa sembilan tahun selepas masuk UMNO dia boleh menjadi Timbalan kepada Dr. Mahathir. Ketika itu kalau Mahathir berhenti, dialah akan jadi gantinya.

Tetapi bagaimana kalau dalam masa sembilan tahun itu dia gagal

dan UMNO tidak memberi jalan kepadanya? Dia tidak akan merasa malu untuk kembali kepada ABIM dan menyembah lutut orang ABIM bagi menyatakan kegagalannya. Lepas itu dia akan mengorak gerak kerja baru. Tetapi ABIM hendaklah membenarkannya pergi ketika itu juga.

Ramai tokoh ABIM yang tidak setuju. Tetapi tidak ada antara orang ABIM itu yang kerja keras sepertinya. Oleh itu dia boleh marah tiap-tiap seorang dari mereka.

Mahu tidak mahu dia pun dilepaskan. Kepada tokoh-tokoh ABIM yang sudah masuk PAS yang cuba menasihatkannya, dia memberitahu "Ana memang budak degil."

Bila dia masuk UMNO, dia mengunjungi tiap-tiap tokoh UMNO. Lepas Dr. Mahathir, Datuk Musa. Lepas itu En. Ghafar segera memberi tugas baru kepadanya, "Pergi ke Kelantan, Terengganu dan Kedah."

Negeri-negeri itu tempat kuat PAS. Tugas pertama Anwar ialah untuk menyerang PAS. Dia jadi peluru bagi UMNO untuk membunuh PAS.

UMNO hendak memberinya kerusi di Kedah iaitu di Kulim Bandar Baru. Bagi menggantikan Datuk Kadir Shaikh Fadzil. Sebabnya tempat itu kepunyaan ayahnya dulu. Ayahnya jadi anggota parlimen sebelum dikalahkan oleh Mustafa Hussein dari Gerakan tahun 1969.

Dia menang besar. Dr. Mahathir tidak memberinya jawatan Menteri Pelajaran seperti yang diharapkan oleh pengikut ABIM. Pelajaran pertama yang didapatinya ialah menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Beberapa bulan lepas itu dia bertanding merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO. Dia menang sepuluh undi. Ini memberikan peluang kepadanya jadi ahli Majlis Tertinggi UMNO. Bila kabinet dirombak lepas itu dia jadi menteri penuh tetapi portfolianya ialah Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dia bergaul dengan artis dan merakamkan jasa P. Ramlee.

Lepas itu dia menjadi Menteri Pertanian. Kononnya atas permintaan pengikutnya kerana tak sesuai tokoh belia Islam diberikan peranan menjadi hiburan dan sebagainya. Di kementerian Pertanianlah dia menganjurkan perlawanan menangkap tikus. Satu idea yang menarik.

Bila berlaku pertentangan atas perletakan jawatan Datuk Musa Hitam dari kabinet, Anwar dijadikan menteri pelajaran, satu portfolia yang mendekatkan seorang Menteri kepada kerusi Perdana Menteri.

Tokoh-tokoh UMNO yang sekanannya atau lebih dahulu masuk kabinet daripadanya mulai ketepi kerana antara mereka itu menunjukkan kecenderungan untuk menyokong Datuk Musa. Justru itu Anwar bertambah kanan dalam kabinet dan UMNO.

Dia berjaya membawa orang-orangnya untuk menjadi anggota parlimen dan ADUN. Bagaimanapun tokoh-tokoh ABIM yang pernah berkata tak tahu politik cuba masuk UMNO menjelang pilihanraya, tetapi mereka tak dapat payung terjun lalu tak diterima jadi calon. Masuk UMNO dulu dan tengoklah kalau ada peluang kemudian.

Bagaimanapun di banyak kawasan, ahli-ahli UMNO yang mirip ABIM atau guru-guru lebih diterima jadi calun. Setakat ini dianggarkan sekitar 30 peratus orang Anwar sudah ada dalam parlimen dan Dewan-dewan undangan negeri.

Kebanyakan tokoh Pemuda adalah menyokongnya. Inilah kekuatannya untuk membantunya menjadi calon Naib Presiden UMNO. Sudah banyak bahagian Pemuda mencalonkannya. Kalau dia bertanding sebagai Naib Presiden, tokoh Pemuda yang masuk dalam perwakilan akan memberikan undi kepadanya.

Ketika yang sama dia juga berbaik dengan Datin Paduka Rafidah Aziz. Rafidah Aziz pun menerima arahan dari Dr. Mahathir. Wanita yang masuk dalam perwakilan perhimpunan agung akan mengundinya juga.

Adakah undi itu cukup wallah wallam. Tetapi dia sudah ada penyokong. Tetapi dia belum boleh bertanding untuk Timbalan Presiden. Kerusi itu akan jadi sasarannya tahun 1990.

Baik Ghafar Baba menang atau kalah, Anwar akan bertanding Timbalan Presiden tahun 1990. Dr. Mahathir diduga tidak akan meletakkkan jawatan selagi Anwar tidak dipastikan boleh menggantikannya. Kecualilah perhimpunan mengatakan Dr. Mahâthir misti pergi dulu.

Sekarang sekalian ahli UMNO tahu cita-cita Anwar itu. UMNO bagi Anwar ialah kenderaan yang boleh membawanya kepada citacitanya. Yang penting baginya bukan cita-cita UMNO, tetapi UMNO sebagai kenderaan. Tetapi kenderaan seperti UMNO itu memerlukan zat-zat yang sesuai dengannya saja. Kalau Anwar mampu menjadi zat yang sesuai tadi, maka barulah kenderaan itu berkesan baginya.

Sekarang ini orang ramai hendak menghalangnya kerana mereka rasa Anwar tidak UMNO seperti mereka. Anwar tak peduli.

# 19

# BOLEHKAH CAKAP ANWAR DIPEGANG?

Agak ramai juga yang berkata, Anwar tidak boleh dipegang dengan kata-katanya. Anwar pandai berbelit dan bermain dengan kata-kata. Bagi pihak penyokong Abdullah Badawi pula merasakan selemah-lemah Pak Lah, beliau tidak begitu suka memberi janji-janji kosong dan jaminan tidak berasas, hanya untuk mendapat publisiti. Tuduhan terhadap Anwar ini tentulah tidak patut. Tidak boleh dipegang dengan kata-kata seolah-olah bermaksud menuduh Anwar selalu berbohong. Dalam isu pertukaran Ketua Pengarang Kumpulan *Utusan Melayu*, antara yang menjadi tumpuan ialah, siapakah yang berbohong, Dr Mahathir atau pemberita *Utusan Malaysia* di Jakarta? Akhirnya diumumkan bahawa *Utusan* yang berbohong kerana menuduh DR Mahathir sengaja memilih untuk bercakap dalam bahasa Inggeris dalam satu rancangan TV di Indonesia. Hukumannya berat sekali. Tiga orang kanan *Utusan* tersingkir secara terhormat. Jadi apabila Anwar dituduh selalu berbohong, ia sesuatu yang malang. Imejnya boleh pudar. Kalau seseorang itu tidak boleh dipegang dengan kata-katanya, apa lagi yang boleh mengikatnya. Manusia bukannya ada ekor yang boleh ditarik ekornya. Lainlah dengan kuda, itu pun tidak boleh ditarik ekornya sesuka hati, nanti ditendang buruk padahnya. Bagaimanapun agak menarik kalau kita perhatikan terjemahan bebas wawancara khas *Malaysian Business* bersama Anwar Ibrahim selepas beliau dilantik menjadi Menteri Pendidikan:

**Apa perasaan saudara mengenai perlantikan baru yang boleh dikatakan sebagai satu bayangan konotasi politik dalam jawatan Menteri Pendidikan ini.**

Ia hanya pertukaran tugas. Mengenai konotasi politik, sebenarnya saya tidak tahu-menahu mengenai hal itu. Terdapat orang yang berjaya dari pendidikan tetapi terdapat juga orang yang gagal. Tapi ia satu pertukaran yang menyenangkan. Saya sedang belajar dengan cepat dan saya ingin membuat beberapa perubahan terutamanya dengan mendengar dan bercakap. Saya tidak fikir perancangan dan polisi pendidikan semestinya diputuskan bulat-bulat oleh Kementerian Pendidikan. Ia sepatutnya disepakati oleh para pendidik, ahli akademik dan profesional serta disokong oleh kementerian. Jadi, saya banyak menghabiskan masa untuk

mendengar ... dan terdapat banyak isu. Mereka bercakap mengenai kemorosotan mutu akademik, kemerosotan disiplin di sekolah, polisi sistem pendidikan yang lebih liberal, dan ada juga yang bercakap mengenai pendemokrasian di institusi-institusi pengajian tinggi .... Ia memberi lebih faedah kepada saya secara peribadi.

**Seorang tokoh akademik berkata bahawa "sebab utama Akta Universiti diwujudkan ialah kerana adanya orang seperti Anwar Ibrahim". Apa komen saudara?**
Saya tidak fikir itu benar kerana Akta itu diperkenalkan pada tahun 1971 dan dipinda pada 1975. Pada 1971, saya menjadi pemimpin pelajar, 1975 saya dalam tahanan. Malahan sebelum itu, terdapat beberapa peruntukan ... saya masih ingat lagi dengan jelas ... perkara-perkara seperti kelulusan yang bersesuaian, yang mengawal kebebasan akademik; bagaimanapun itu semua tidaklah begitu muktamad seperti perubahan pada tahun 1975. Sekarang ada beberapa hal yang saya tidak setuju. Terdapat ahli akademik dan pelajar yang menggunakan akta itu untuk menutup kegagalan mereka sendiri. Orang ramai bercakap mengenai kemerosotan mutu akademik, kekurangan penyelidikan, kemerosotan pencapaian pelajar ... saya tidak fikir akta itu boleh digunakan untuk mengukur perkara-perkara ini.

Tetapi saya boleh katakan akta itu perlu disemak semula; ia sepatutnya lebih liberal; ahli akademik perlu dibiarkan sendiri untuk menumpukan terhadap penyelidikan dan membuat kenyataan mereka sendiri agar mereka berasa lebih rileks untuk mengeluarkan pandangan mereka dalam isu-isu akademik dan kebangsaan. Begitu juga pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar memang secara semulajadi begitu kritikal terhadap pembangunan. Kita sepatutnya bersikap liberal untuk bertoleransi dan saya tidak fikir kita perlukan peraturan-peraturan yang ketat seperti pindaan 1975. Malahan sekarang pun, saya telah mengarahkan semua Naib Canselor supaya bersikap lebih liberal dalam tafsiran mereka terhadap akta itu sementara satu kajian yang menyeluruh mengenai implikasi semakan itu ... peruntukan apa yang perlu dipinda. Saya fikir itu adil.

**Orang ramai cenderung untuk melabel saudara sebagai antipembangunan sebelum ini. Bagaimana sekarang?**
Lebih baik saya katakan saya seorang yang kritikal terhadap isu-isu kemiskinan, pentadbiran yang lemah dan pecah amanah. Saya tetap seperti dahulu.

**Dahulu saudara seorang pengkiritik. Sekarang saudara di pihak kerajaan. Bolehkan saudara menerima dengan lebih baik kedudukan pengkritik dalam masyarakat?**
Ya, perlu saling menerima. Pengkritik patut menerima halangan-halangan dan masalah-masalah praktikal, realiti dan tanggungjawab mereka yang berada dalam kerajaan. Adalah perlu wujud perasaan saling menghormati antara mereka di dalam masyarakat. Bagi diri

saya, saya yakin perlu diadakan dialog antara kedua-dua pihak dan saya pernah melakukannya. Contohnya, dengan Persatuan Pengguna Pulau Pinang. Mereka membuat persediaan rapi dan kami berbincang sepanjang hari mengenai beberapa isu berkaitan. Atau ABIM dan ramai ahli akademik dari universiti. Atau isu-isu seperti kemiskinan dan pemulihan tanah. Saya telah berbincang dengan ramai orang antaranya ... Husin Ali, Jomo, Tengku Shamsul, David Gibons dan dua minggu lepas (sehingga waktu wawancara diadakan) saya telah berbincang dengan ramai profesor ... termasuk yang mengkritik kerajaan. Bagaimanapun sesetengah orang lebih kritikal. Apa yang anda harapkan? Apakah mereka fikir saya mengubah semuanya yang mereka rasa menekan di dalam akta itu?

**Ia adalah kerana saudara begitu kritikal terhadapnya sebelum ini ... Akta Keselamatan Dalam Negeri, contohnya?**

Saya tidak fikir begitu. Saya memang menentang perbuatan itu; saya begitu prihatin terhadap cara perlaksanaannya. Saya rasa terdapat penganiayaan ... pemimpin pelajar ... orang ditangkap kerana perbezaan politik. Tetapi, anda tahu, terdapat beberapa masalah yang kami hadapi. Pertamanya, militan komunis yang kita hadapi. Kemudian mungkin kamu ingin tahu mengapa kami menangkap pemimpin tertentu PAS di bawah ISA? Ini kerana mereka secara terbuka menggalakkan rusuhan, mereka memanggil kami kafir. Kritik dari para elit yang liberal menyebut, "bawa mereka ke mahkamah terbuka supaya pengadilan dapat dilakukan". Tetapi bagaimana boleh membawa mereka dibicarakan di mahkamah terbuka dengan beribu-ribu orang berteriak "Allahu Akbar" di luarnya?

**Mungkin saudara ingin menerangkan dengan lebih lanjut hubungan antara PAS dan Umno.**

Saya telah bercakap dengan mereka. Mereka takut untuk berbincang dengan kami kerana takut penyokong-penyokong mereka tidak akan menerimanya. Itulah yang terjadi dalam dialog atau muzakarah antara Mahathir dan Yusof Rawa. Mereka tidak boleh menerangkan kepada penyokong-penyokong mereka. Saya ke Pulau Pinang untuk mengatur perjumpaan terakhir; kesemuanya mesti secara diam-diam, secara rahsia. Kenapa? Kerana mereka tidak boleh menerangkan perkara ini kepada pengokong-penyokong mereka. Kenapa mereka perlu begitu takut untuk berjumpa kami? Kit Siang boleh datang dan berjumpa kami bila-bila masa ... walaupun hakikatnya beliau memang penentang kuat kerajaan. Tetapi mereka tidak boleh, kerana mereka telah memberitahu penyokong-penyokong mereka bahawa kami kafir, kami membelakangkan Islam. Mereka seolah-olah akan bergaduh.

**Adakah saudara dianggap boleh diterima oleh PAS?**

(Terhenti sebentar) ... Saya tidak fikir begitu. Saya bertolak ansur dengan mereka. Saya kata ... anda boleh berbincang dengan saya, anda boleh tidak bersetuju dengan saya ... tidak mengapa ... cuma jangan berbunuh sesama sendiri. Itulah keseluruhan idea, intipati utama dialog itu.

**Bagaimana dengan status Umno sekarang, perpecahan antara Dr Mahathir dan Datuk Musa?**
Iya, ini memang amat malang, ia sesuatu yang tragis. Saya tidak mahu membuat sebarang andaian mengenainya ... tetapi saya mengekalkan hubungan baik dengan kedua-duanya.

**Bagaimana dengan krisis Sabah dan PBS?**
Ia suatu situasi yang sukar. Dalam pilihanraya yang baru berlangsung, masyarakat bukan Melayu secara umumnya menyokong PBS tetapi orang Melayu berasa tidak patut menyokong PBS pada saat Islam sedang berkembang di Sabah ... kerana tiada wakil Islam yang mencukupi dalam PBS ketika itu. Bagaimanapun, kita terperangkap. Jadi, adalah bagus ... biarkan rakyat membuat keputusan ... dengan meyakinkan mereka mendapat dua pertiga majoriti bersama wakil Islam. Jadi, pada senario sekarang ini, tiada siapa boleh berkata, dengan membenarkan PBS memasuki Barisan, kita telah mengabaikan orang Islam di Sabah. Itulah dilema kita. Apabila anda berada di dalam kerajaan, anda kena mengambil berat kedua-duanya.

**Terdapat persepsi meluas mungkin oleh akhbar luar, bahawa pentadbiran kerajaan ini telah mendapat kritikan dalam pelbagai isu seperti rasuah dan ketidakcekapan pentadbiran, perkara yang sama pernah saudara kritik sebelum ini. Apa komen saudara?**
Anda perlu lebih khusus. Saya tidak nafikan terdapat rasuah. Tetapi terdapat banyak tuduhan yang tidak tepat. Ahli perniagaan yang gagal mendapat tender atau kontrak biasanya akan menuduh mereka yang mendapatnya melakukan rasuah. Dalam keadaan ini, adalah sukar untuk mengira bagaimana rasuah itu berlaku. Bagaimanapun, saya percaya kempen-kempen menentang rasuah perlu dipertingkatkan. Saya percaya Badan Pencegah Rasuah perlu diperkuatkan. Ini tidak bermaksud kami begitu bertolak ansur atau rileks terhadap perbuatan rasuah. Apa yang pihak media luar negara cuba ambil tahu, situasinya agak kompleks. Memang Dr Mahathir seorang yang kritikal; beliau telah menunjukkan sikap tidak setuju terhadap banyak polisi Barat. Apabila mereka mengkritik penerapan nilai-nilai Islam, beliau mengingatkan mereka tentang *Spanish Inquisition* .... Apabila tiba hal perdagangan, beliau meminta mereka untuk bertanggungjawab terhadap perlindungan kepada perusahaan dalam negeri. Terdapat banyak kritikan, yang kebanyakannya telah membangkitkan perasaan bermusuhan dengan media luar negara yang kemudiannya mereka menjadi begitu mahir terhadap apa yang berlaku di Malaysia. Tetapi saya rasa media perlu bersikap lebih liberal. Kerajaan perlu bersikap lebih bertolak ansur.

**Encik Anwar, secara jujur, adakah saudara percaya bahawa sesetengah rencana oleh *Asia Wall Street Journal* baru-baru ini adalah sebahagian daripada kempen yang dibuat untuk menjatuhkan kerajaan?**
Sengaja dibuat, saya tidak pasti tetapi perasaan untuk menentang kerajaan sudah tentu ada

... terhadap beberapa rancangan. Pertama, kita adalah kerajaan yang kuat di antara negara-negara Dunia Ketiga dengan satu reputasi pencapaian kemajuan. Pada masa yang sama kita mengambil pendirian untuk berdikari dari Barat. Dan kita telah mengambil beberapa rancangan yang tidak menyerupai ciri-ciri Barat. Salah satu daripadanya ialah Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam. Oleh itu, pada pendapat mereka rancangan itu mestilah kasar dan menekan ... kerana mereka tidak tahu apa yang sedang berlaku. Mereka melabelkan kesemuanya Islamik .... Saya telah membaca banyak majalah dan surat khabar - dari Amerika Syarikat hingga ke Australia - dan akan dapat dilihat kebencian mereka ... bagaimana mereka telah menerima maklumat yang salah. Ia sama ada kita tidak bertolak ansur atau fanatik atau membuat perkara-perkara ini untuk meredakan kebangkitan Islam di negara ini. Mereka tidak boleh memahami kedudukan sebenar apa yang kita buat di sini ... yang sebenarnya tidak langsung menafikan kedudukan bukan Islam di negara ini.

Ambil kes BMF sebagai contoh. Saya menyifatkannya sebagai satu peristiwa yang tragik ... satu daripada skandal membabitkan wang dalam jumlah terbesar pernah berlaku dalam abad ini di negara ini. Tetapi kami tidak duduk diam. Satu siasatan menyeluruh dijalankan dan laporannya diumumkan kepada masyarakat. Boleh anda namakan negara-negara Dunia Ketiga yang lain yang bersedia untuk melakukannya? Sudah tentu ada sebilangan yang tidak berpuas hati. Mengapa? Kerana mereka ingin melihat Perdana Menteri dan menteri-menteri kanan yang lain untuk terlibat sama ... kerana mereka telah mempunyai kedudukan politik dan itulah yang berlaku ... beberapa pemimpin terlibat dalam rasuah dan mereka perlu dilibatkan sama walaupun mereka tidak mempunyai sebarang bukti untuk menyokong pendirian atau tuduhan mereka itu. Saya tidak berminat dengan kedudukan politik. Saya lebih berminat dengan kebenaran dan mereka yang bertanggungjawab dihukum. Saya tidak peduli jika beberapa individu atau golongan tertentu pergi sama ada secara berpuas hati atau tidak.

**Tetapi bagaimana pula layanan terhadap Tan Sri Ahmad Noordin? Ramai orang rasa beliau telah difitnah.**
Kita memang berterima kasih kepadanya. Saya secara personal berterima kasih kepada Tan Sri Ahmad Noordin ... beliau telah melakukan kerja yang cemerlang. Tetapi terdapat juga masalah ... orang ramai menjadi begitu emosional dengan isu itu. Dokumen itu bukan satu hukuman, ia hanya satu laporan. Mengapa orang ramai tidak boleh menerima keadaan itu? Sama ada Ahmad Noordin atau penyokong-penyokongnya atau para pengkritik tidak patut memikirkan laporan itu sebagai begitu sempurna. Ini tidak bermakna semua tuduhan itu benar. Ia hanya laporan akauntan. Terdapat beberapa kenyataan tidak tepat dari beberapa menteri. Tetapi adakah ini bermakna kerajaan secara moralnya telah merosot atau bercakap tanpa prinsip? Anda perlu memberi penghargaan pada tempatnya ... kami menunaikan janji kami ... kami menerbitkan laporan itu. Tetapi kami mengambil masa, kami perlu pastikan bahawa ia adalah sahih dan betul terhadap semua tuduhan yang dilemparkan. Dan tiada siapa dapat menafikan bahawa ... ramai orang yang tidak bersalah tetapi menerima akibat yang tidak baik. Sama juga keadaannya kerajaan yang ingin menghukum mereka yang bertanggungjawab dan melindungi mereka yang tidak bersalah. Ia dilakukan bukanlah sekadar atas desakan ramai atau tekanan dari pihak tertentu.

**Encik Anwar, soalan yang terakhir. Sekarang ini, seolah-olah wujud perasaan meragui kerajaan secara umum. Mengapa?**
Mungkin ahli-ahli perniagaan. Mereka seolah-olah meragui kerajaan sekarang; tetapi tiga tahun lalu, mereka adalah orang suruhan kepada kebanyakan ahli politik. Mereka tidak bercakap mengenai prinsip-prinsip, tiada soal moral terbabit. Apa yang penting ialah apa yang mereka dapat, bila tidak dapat, mereka mengutuk. Saya bukannya ingin membela mana-mana individu atau sikap melampau yang mereka lakukan, tetapi saya rasa seseorang perlu diberi peluang yang adil untuk menerangkan kedudukan sebenar. Ia bukan sekadar apa yang masyarakat rasakan secara umum; tetapi satu kebenaran. Siapa mereka ini dan apakah yang mereka perkatakan? Apa yang mereka perkatakan adalah mengenai tender atau mutu kontrak; kalau mereka mendapat tanah atau sesuatu yang mereka perolehi dari seseorang, lalu mereka menyokong orang itu.

Perkara-perkara seperti itu adalah dahsyat. Saya sendiri susah hati. Anda tahu apa sebabnya? Saya tiada kaitan langsung dengan kontrak atau tender. Saya menolak untuk dikaitkan dengan itu semua, dalam Kementerian Pertanian dan sekarang. Orang datang berjumpa saya untuk mendapat kontrak .... Saya kata, pergi jumpa pegawai yang berkaitan. Kalau mereka merayu, saya akan beri perhatian dengan bertanya jawatankuasa yang berkaitan, lembaga berkaitan tender. Jika mereka tuduh terdapat rasuah, saya kaji dan jika benar berlaku, saya serahkan kepada pihak BPR untuk membuat keputusan. Sekarang tersebar luas soal meragui kerajaan datang dari siapa? Saya pergi banyak tempat dan saya tidak fikir ia datang dari kampung-kampung. Sudah tentu terdapat pengaruh PAS, tetapi kebanyakan pembangkang di bandar. Kemudian, mungkin golongan elit yang liberal. Mereka memang sentiasa mengkritik: Ketika saya di kampus, saya pernah bersama mereka dalam keadaan tertentu. Beritahu saya, akta mana yang mereka pernah setujui, beritahu kami rancangan mana yang popular, beritahu kami Perdana Menteri mana yang mereka sukai atau sokong? Tetapi mereka lebih lantang sekarang. Kerana Dr. Mahathir bersikap liberal. Jadi, orang berasa lebih bebas untuk mengeluarkan pendapat mereka.

Sekarang, golongan yang lebih kritikal selain dari golongan ini ialah ahli-ahli perniagaan, ataupun mereka yang bermasalah dan kebanyakannya dibuat sendiri. Lihat senarai pinjaman mereka dengan beberapa bank. Mereka menyusahkan diri mereka sendiri dan meminta kerajaan untuk menjamin mereka. Saya tidak berkata semua tuduhan itu tidak adil. Terdapat sungutan yang berasas, tetapi secara keseluruhan, ini adalah kerana mereka tidak mendapat kontrak. Apa yang kami lakukan? Kami tidak mempunyai banyak kontrak lagi sekarang.

# ISU MEMALI:

# ANWAR MAHU LETAK JAWATAN

**KUALA LUMPUR: Anwar Ibrahim berkata, beliau akan meletakkan jawatan dan meninggalkan Barisan Nasional jika para pemimpin PAS dapat memberi bukti sahih terhadap dakwaan mengatakan kerajaan merancang tragedi Memali yang meragut 18 nyawa, 19 November tahun lalu.**

Kata Ketua Pemuda UMNO Malaysia itu, dalam usaha mahu mendapat kerusi PAS telah memutarbelitkan hakikat sebenar dengan membuat berbagai tuduhan dan tohmahan liar.

"Mereka berkempen di sana sini menuduh kerajaan sengaja merancang untuk menyerang orang-orang kampung di Memali," tambahnya.

Berucap dalam satu majlis ceramah di hadapan lebih 5,000 penyokong UMNO di masjid [illegible] Seberang Marang, 10 km dari sini hujung minggu lalu, [illegible] menegaskan beliaulah orang pertama yang akan bangun menentang jika didapati benar kerajaan benar-benar terlibat dalam tragedi itu.

"Prinsip saya tidak berubah. Saya tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk kezaliman. Sebab itu, jika PAS dapat [illegible]kan dakwaan mereka, saya rela meletakkan jawatan [illegible]ggalkan Barisan Nasional," tegas Ketua Pemuda yang [illegible] Menteri Pertanian itu.

Kata Anwar, apa [illegible] berlaku ialah pihak berkuasa bertindak untuk me[illegible] ketenteraman umum. "Bagaimanapun, proses tersebut telah diputarbelitkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab."

**OLEH: SHAMSURY MAMAT**

Anwar berkata, dari video yang dilihat adalah jelas bahawa Allahyarham Ibrahim Libya telah memperalatkan penyokong-penyokongnya dalam kegiatan untuk menentang kerajaan.

"Adalah jelas terdapat di kalangan pemimpin PAS yang seolah-olah langsung tidak menghargai nyawa sesama manusia," tambahnya.

Sebelum itu, Anwar juga membidas PAS kerana menjadikan agama sebagai topeng perjuangan. "Mereka sebenarnya memperkatakan tentang kerusi dan bukannya ayat 'kursi' seperti yang sepatutnya," ujarnya.

Kata Anwar, PAS juga telah menyelewengkan pengertian perkataan 'jihad'. Mereka mengajak rakyat menentang kerajaan tanpa apa-apa alasan hingga mencetuskan ketegangan di kalangan masyarakat.

"Demi perpaduan ummah dan kebaikan semua pihak, saya menyeru kepada [illegible]-rakan dalam PAS supaya menghentikan perbuatan [illegible]mpama itu," tegasnya.

Sementara itu, di AL[illegible] SETAR pemberita kita memetik Setiausaha Perhubu[illegible]n PAS bagi negeri itu, Ustaz Halim Arshad sebagai berkata bukti bahawa kerajaan terlibat dalam tragedi Memali akan diketahui jika kerajaan membentuk sebuah Suruhanjaya Diraja bagi menyiasatnya.

"Jika Anwar benar-benar jujur beliau hendaklah men[illegible]n kepada Perdana Menteri supaya suruhanjaya [illegible] dibentuk dengan segera," tambahnya.

## CATATAN HUJUNG

# Cukup Sampai Di Sini Anwar



**Oleh AHMAD LUTFI OTHMAN**

Hari itu saya diberitahu oleh rakan-rakan di pejabat, pelajar-pelajar Universiti Malaya akan mengadakan demonstrasi, lebih kurang pada pukul 2.00 petang, dihadapan bangunan Kementerian pendidikan, Pusat Bandar Damansara.

"Sekarang ini cuti panjang 'kan? Lagi pun berani ke pelajar UM demo, nanti kena kurung pula, mengarutlah, itu acah saja kot?"

"Tapi dia orang sudah beritahu *press*, 500 orang pelajar akan turut mendesak Anwar Ibrahim pecat rakan karibnya, Dr Syed Hussein Alatas," celah rakan saya, seorang pemberita.

"Lebih baik desak Anwar letak jawatan, sampai bila 'ndak mainkan *student*. Akta Universiti tidak pinda-pinda juga, yang cukup sakit hati Anwar suka tabur janji, lembut gigi dari lidah," marah rakan yang lain.

"Apa kata kalau *student* buat macam DAP serang Lim Keng Yaik, tulis poster besar-besar, Anwar tak boleh diharap lagi untuk pulihkan kebebasan di universiti," rungut seorang bekas pemimpin pelajar UTM yang kebetulan ada bersama saya waktu itu.

"Soalnya sekarang, macam mana dengan demonstrasi petang ini, ada siapa yang 'ndak pergi tengok. Jangan kena tangkap ISA lagi cukup."

Saya cuba menghubungi beberapa orang pemimpin pelajar Islam UM, untuk mendapat kepastian. Mereka pun tidak dapat mengesahkan, hanya dengar cerita begitu sahaja. Dari nada bercakap, nampaknya mereka sendiri tidak berminat untuk berdemonstrasi. Bayangkanlah, bulan September tahun lepas, empat orang rakan mereka diburu ISA. Rumah digeledah tengah malam, dua dapat ditangkap dan di hantar ke Batu Cantonment dekat Batu Caves.

Persatuan Mahasiswa UM, dari sumber-sumber, tidak bersetuju dengan cadangan demonstrasi itu, walaupun yang dikata akan mengetuai demonstrasi nanti ialah Setiausaha Agungnya sendiri. Seorang aktivis PMUM memberitahu saya, "Kami ada banyak cara lain untuk perjuangan pelajar."

Tanpa menunggu untuk mendapatkan maklumat sahih (kerana bagi saya, demonstrasi tercetus sendiri, bukan sangat berpunca dari perancangan) saya terus ke Pusat Bandar Damansara. Sampai sana, sudah melewati jam 2. Suasana lengang, tidak ada tanda-tanda demonstrasi sudah dijalankan ataupun hendak dilangsungkan. Yang ramainya pemberita. Pelajar tidak dapat dipastikan, kalau adapun tidak melebihi lima orang. Anwar belum tiba, kata pegawainya, dia hadir mesyuarat kabinet.

"Hai, datang juga hang, macam mana dengan janji dulu, 'ndak belanja makan tengahari," tegur seorang yang rasa-rasa saya kenal. Ya, dia salah seorang dari empat orang pegawai polis Cawangan Khas yang menahan saya di Balai Polis Brickfield 25 September tahun lalu.

Sambil membalas senyum mesranya, saya sempat melihat lebihkurang enam orang lagi pegawai polis di tengah-tengah kumpulan wartawan, yang berpakaian preman. Hampir kesemua mereka terlibat dalam operasi menahan pelajar UM tempoh hari. Sebentar kemudian, muncul sepuluh orang anggota Unit Tindakan Ringan, siap bercotar dan bersenjata pemedih mata.

"Tak 'kan begini ramai polis, pelajar ... batang hidung pun tak nampak," kata saya kepada pegawai polis tersebut. Dia hanya senyum (memang dia suka senyum nampaknya).

(ii)

Isu Naib Canselor UM semakin menarik minat. Akhbar *Utusan Malaysia* begitu prihatin dan memberikan fokus utama, ada beranggapan ia bersangkut dengan saingan yang semakin hebat dalam UMNO - antara Anwar Ibrahim dan Ghafar Baba - *Utusan Malaysia* nampaknya menyebelahi Ghafar. Dan diceritakan dalam pasaran berita angin, Ghafar semakin kukuh mendapat sokongan, sementara Anwar semakin banyak pula ditimpa masalah. Ada juga pihak ketiga yang ingin memecahkan Anwar dengan Daim. Kumpulan Datuk Musa melalui Datuk Shahril Samad secara terbuka tidak berpuas hati dengan kepemimpinan Mahathir-Anwar-Daim, mereka tidak pula merangkaikan sama Ghafar Baba.

Syed Hussein Alatas nampaknya semakin mendatangkan masalah kepada Anwar. Golong-an akademik yang pro kepada musuh-musuh politik Anwar mengambil kesempatan ini. Lagipun Syed Hussein bercakap dan bertindak yang bukan-bukan. Tidak semena-mena Syed Hussein berkata, "Hang Tuah tidak lebih dari seorang gangster yang menggunakan kekuatannya untuk memenuhi nafsu Sultan. Dia juga pernah menculik puteri raja Pahang dan mengkhinati rakan karibnya, malah membunuh salah seorang darinya." Bagaimanapun ramai yang boleh memahami apa yang tersurat dari kenyataan itu.

(iii)

Apabila menerima kenyataan dari Dr Wan Abdul Manan Muda (USM) mengenai pemberhentian secara mendadak perkhidmatan Profeseor Dr Syed Husin Ali oleh pihak berkuasa UM, saya cuba mendapatkan keterangan sebenarnya dari Syed Husin sendiri.

Kata Syed Husin, beliau telah menulis kepada Naib Canselor pada 3 Mac 1990 (hari di mana beliau menerima jawatan sebagai Presiden Parti Rakyat Malaysia) untuk memohon persaraan awal bermula September 1990.

Dr Wan Manan sendiri menyatakan, "Memandangkan beberapa tanggungjawab akademik perlu disempurnakan sebelum bersara, Syed Husin memberikan masa enam bulan untuk membereskan tugas-tugas akademik yang belum diselesaikan demi kepentingan akademik dan pelajar."

Lima orang pelajar di peringkat sarjana dan Ph.D berada di bawah penyeliaan Dr Syed Husin, yang sebahagiannya belum selesai lagi.

Menurut Akta Pencen, orang yang meminta persaraan awal berhak menentukan tarikh persaraannya, bukan pihak majikan seperti yang berlaku kepada Dr Syed Husin.

Turut menerima nasib yang sama ialah Prof Madya Dr Sanusi Osman, pensyarah Sains Politik, UKM, yang juga dipilih baru-baru ini sebagai Setiausaha Agung PRM.

Difahamkan pihak atasan di Kementerian Pendidikan sendiri yang memainkan peranan utama menyingkirkan dua tokoh ini, atas hujah melanggar Akta Universiti.

Sekali lagi, "Apa yang Anwar sumbangkan kepada kebebasan akademik dan suasana yang lebih harmoni di universiti?"

DUNIA ISLAM, 15 MEI 1990

# UNGKU AZIZ BANTAH ANWAR



**Anwar Ibrahim:** Terpaksa kerana janji



**Ungku Aziz:** Tidak suka pelajar berpolitik?

## *Cadangan pinda Akta Universiti jadi punca*




**KUALA LUMPUR – Naib Canselor Universiti Malaya, Prof. Diraja Ungku Aziz dikatakan tidak senang dengan ura-ura kerajaan untuk meminda Akta Universiti kerana beliau beranggapan tidak ada cacat celanya akta tersebut sejak pindaan dibuat pada tahun 1975 dulu.**

Oleh: SAMAD ABD. RAHMAN

Serentak dengan itu, Prof. Ungku Aziz telah tidak hadir ketika Menteri Pelajaran, Anwar Ibrahim mengadakan pertemuan dengan Naib-Naib Canselor semua Universiti dan Pusat Pengajian Tinggi di pejabatnya baru-baru ini.

Universiti Malaya bagaimanapun menghantar seorang wakilnya, Prof. Dato Haamah Hj Omar bagi pihak Prof. Ungku Aziz.

Watan juga diberitahu bahawa Prof. Ungku Aziz pernah berhujah dengan Anwar Ibrahim mengenai perkara pindaan akta. "Pada dasarnya, Anwar bersetuju dan berpandukan dengan pendapatan Prof. Ungku Aziz, tetapi kerana 'janji', mahu tidak mahu Anwar terpaksa melakukan sesuatu," kata satu sumber dari salah satu Pusat Pengajian Tinggi di sini.

Dipercayai beberapa pihak lain dari kalangan akademik juga tidak setuju dengan cadangan meminda akta tersebut apatah lagi tuntutan perwakilan pelajar yang menggelarkan mereka sebagai Barisan Bertindak Mahasiswa Negara (BBMN) baru-baru ini adalah dalam bab 15 dan 16, yang mana membolehkan mereka 'berpolitik'.

Sumber itu menambah, sejak pindaan dibuat beberapa kesan baik diperolehi dan pada kalangan pelajar tidak menampakkan sebarang masalah yang boleh menyekat perkembangan mereka. "Rasanya akta yang ada tidak menjejaskan langsung penglibatan pelajar pada dunia luar, malah lebih ramai lagi lahir pemimpin pelajar yang berdisiplin".

"Malah itu pelajar-pelajar masih bebas untuk menyampaikan kehendak mereka melalui saluran-saluran yang dibenar. Jadi tidak ada alasan akta yang diperkenalkan pada tahun 1975 (Pindaan) itu mengongkong kegiatan mereka seratus peratus," jelas sumber itu. "Atas alasan ini juga Prof. Ungku Aziz dipercayai tidak bersetuju ia dipinda".

Menurut beberapa orang pensyarah pula, Anwar dikatakan terpaksa 'memujuk' Naib-Naib Canselor memikirkan apakah langkah yang patut dibuat oleh beliau mengenai akta. Ini berikutan pandangan Prof. Ungku Aziz ada asas dan kebenaran yang patut diterima.

Sebelum ini, kira-kira 12 orang perwakilan pelajar dari pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Pelajaran di pejabatnya di sini. Hasil pertemuan itu, jurucakap perwakilan pelajar Che Johan Che Pa berkata, Menteri Pelajaran akan mengkaji segala tuntutan mereka termasuk soal pakaian, mengiktiraf majlis perwakilan pelajar dan seterusnya bab Pindaan Akta perkara 15 dan 16.

## Tidak siapa yang boleh dikecualikan — Anwar

# Pemuda tuntut tokoh2 politik terjebak rasuah disingkir



"TUNGGU! Tunggu! Belum nyanyi lagu UMNO lagi," Ketua Wanita UMNO Datin Paduka Rafidah Aziz menegur juruacara majlis perasmian Perhimpunan Agung [illegible] yang menamatkan majlis sebelum lagu UMNO 'Bersatu, [illegible]ikan.



ENCIK ANWAR IBRAHIM

KUALA LUMPUR 26 Sept. — Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia mahukan kerajaan membanteras segala bentuk rasuah politik dan rasuah moral dengan menyingkirkan tokoh politik termasuk menteri yang didapati salah melakukan penyelewengan itu.

Ketuanya, Encik Anwar Ibrahim menegaskan pergerakan menuntut supaya tokoh-tokoh politik yang terjebak dengan rasuah politik, rasuah moral, kemaksiatan dan rendah akhlak disingikirkan daripada kedudukan mereka.

"Tidak ada sesiapapun yang harus dikecualikan, tidak mengira kedudukan pangkat dan kekayaan sama ada pemimpin politik, pegawai atau pengusaha.

"Kami berani menyingkirkan sesiapa tanpa mengira sama ada wakil rakyat, anggota Majlis Tertinggi UMNO atau menteri yang melakukan segala bentuk penyelewengan, rasuah, kepura-puraan dan maksiat," tegasnya dalam ucapan dasar beliau di Perhimpunan Agung Ke-34 pergerakan tersebut di Dewan Bahasa dan Pustaka hari ini. **Lihat ucapan penuh di muka 3).**

Ucapan dasarnya yang bertemakan 'Perkukuh tekad perjuangan', menyentuh soal politik wang dan rasuah moral, pembinaan tamadun bangsa, memahami sejarah perjuangan, kebangkitan Islam, azam dan tekad budaya, pembangunan insan dan prinsip pertanggungjawaban.

Encik Anwar menarik perhatian tentang krisis yang kian menonjol dan menimbulkan masalah dalam parti-parti politik termasuk UMNO iaitu politik wang, mabuk kuasa serta perasaan tamak untuk mencari kekayaan.

Beliau memberi amaran sekiranya moral dan akhlak diketepikan, maka soal perjuangan, dasar penerapan nilai-nilai Islam, soal keadilan dan kesejahteraan akan menjadi 'omong-omongan' dan slogan kosong semata-mata.

Yang lebih asasi lagi, menurutnya, ialah dasar yang meletakkan UMNO sebagai pewaris perjuangan suci untuk menjamin wujudnya politik dan pentadbiran yang bersih akan dipersoalkan.

"Keyakinan ini mudah terhakis sekiranya rakyat mulai sinis atau mencurigai kesungguhan pemerintah dan parti dalam usaha membanteras rasuah," ujarnya.

Beliau berkata Pemuda UMNO bertambah insaf bahawa keutuhan tunggak pemerintahan boleh digugat dengan hebatnya dari dalam dan juga semakin sedar bahawa sekukuh manapun kekuatan komponen itu, ia masih dapat digugat dan dihancurkan oleh kebodohan dan kebebalan perasaan manusia yang mementingkan diri sendiri.

Mengenai hak istimewa bangsa Melayu, Ketua Pemuda UMNO meminta rakyat berhati-hati terhadap mereka yang nakal kerana muslihat politik sempit dan oleh itu ingin memadamkan ataupun mendustakan sejarah.

"Janganlah kita terperangkap oleh jargon-jargon baru yang tidak difahami atau terdorong untuk menonjol diri sebagai juara pelbagai kaum semata-mata untuk memancing beberapa undi sahaja.

"Kita takut kalau-kalau nanti, yang dikejar tidak dapat, yang dikendung berciciran, atau kerana terdorong untuk menerima tepukan, nanti akibatnya yang 'menang sorak kampung tergadai'.

Beliau menjelaskan soal Islam sebagai agama Persekutuan, hak keistimewaan orang Melayu, bahasa dan kebudayaan serta kedudukan raja-raja Melayu telah diterima bersama oleh rakyat semua kaum di negara ini.

Beliau mendedahkan tentang satu perkembangan baru atas nama wadah Islam iaitu bahaya slogan-slogan yang diucapkan tetapi tidak disusuli dengan tradisi keilmuan dan amalan yang dituntut oleh agama Islam.

"Kita bimbang bahawa gejala negatif ini menular dengan pantas di tengah-tengah masyarakat kita, menimbulkan satu kelas "clergy" baru yang akan membantutkan kecerdasan berfikir masyarakat dan memonopolikan ilmu dan kegiatan agama di bawah naungan para rahib baru," kata beliau.

# Dosa dan krisis para cendekiawan dunia ketiga

**RUSTAM A. SANI**

**MENULIS**



DATO' Sri Anwar Ibrahim telah mengemukakan suatu dakwaan yang begitu garang terhadap para cendekiawan dunia ketiga.

Ideologi Marx, menurut beliau, begitu kuat mempengaruhi pemikiran para cendekiawan itu hingga sebahagian besar persepsinya tentang pembangunan masyarakatnya sendiri telah diwarnai oleh ideologi tersebut.

Sebahagiannya, pengaruh Marx itu terjelma secara terang-terangan. Sebahagian lagi pula pengaruh itu terserap secara tidak langsung dan halus, sehingga hampir keseluruhan perspektif ilmu-ilmu tertentu –, seperti 'ekonomi pembangunan' – di pengaruhi sepenuhnya oleh ideologi tersebut.

Beliau amat yakin bahawa marxisme kini telah benar-benar mati dan terkubur. Jika ideologi yang begitu berbahaya telah mati, maka apakah lagi yang digusarkannya? Jawapannya ialah bahawa unsur-unsur ideologi tersebut berkemungkinan diseludupkan kembali ke dalam pemikiran kita dalam bentuknya yang tidak terang-terangan.

Banyak bahagian dalam pemikiran Anwar Ibrahim itu tidak dapat saya terima. Namun demikian, saya turut memperkongsi keprihatinan beliau akan masalah kecendekiawanan dunia ketiga.

Para cendekiawan itu bukan sahaja sering menghadapi penderaan dan penyisihan oleh ahli politik negaranya sendiri yang naif dan tidak toleran. Mereka malah terus menerus menghadapi risiko 'penjajahan mental' yang mungkin datangnya dari pelbagai arah yang tidak disangka-sangkannya.

Marxisme sebagai teori sosial mulanya terjelma sebagai reaksi berbentuk humanisme sekular terhadap kepincangan sosial yang dilahirkan oleh perubahan sosio-ekonomi yang pesat di Eropah pada akhir abad kesembilan belas hingga awal abad kedua puluh.

Pemikiran itu kemudiannya diterapkan di beberapa negara, diperkembangkan menjadi sistem kenegaraan dan pentadbiran.

Sistem kenegaraan itulah yang telah melaksanakan dasar-dasar ekonomi dan sosial yang keras, yang terlibat dalam percaturan perang dingin – dan akhirnya kalah dalam percaturan itu. Model 'sistem kenegaraan' itulah juga yang telah diterapkan oleh beberapa negara dunia ketiga -- yang rata-rata, selepas kemerdekaan politiknya, terpaksa terus bertungkus lumus mencari jalan keluar dari cengkaman order dunia yang diteruskan oleh negara-negara bekas penjajahnya.

Nyatalah bahawa para intelektual dunia ketiga itu malah tidakpun peka akan perbezaan asasi antara pemikiran Marx sebagai teori sosial dan model sistem kenegaraan yang cuba mereka contohi itu. Oleh itu tidaklah ada usaha pemahaman yang mendalam – apa lagi usaha merumuskan kembali pemikiran Marx itu secara intelektual untuk kondisi sosialnya yang khusus dalam konteks gejolak dunia yang dialaminya pada waktu itu.

Akan tetapi, di kalangan negara-negara dunia ketiga yang secara dangkal menerapkan sistem ekonomi kapitalis liberal Barat (antara 'pendakwah' ulungnya adalah Samuel Huntington yang pandangannya dipetik oleh Anwar), tanpa penyesuaian yang sewajarnya juga, krisis ekonominya tidaklah kurang parahnya.

Pada sekitar tahun 1970an – dengan pelbagai perubahan pesat dalam percaturan politik sejagat yang begitu hebat – sekali lagi para cendekiawan dunia ketiga terpaksa mencuba mencari suatu alternatif lagi terhadap pilihan yang disediakan untuknya oleh situasi perang dingin itu – yakni antara 'marxisme' dan 'kapitalisme/demokrasi liberal.'

Di beberapa negara Islam, alternatifnya tentulah Islam. Oleh kerana tidak ada negara Islam yang wajar dijadikan 'model', maka karya beberapa cendekiawan Islam dijadikan sumber pengungkapan ideologi yang amat ideal sifatnya.

Soal apakah terdapat usaha dan kemampuan intelektual untuk memperdalami, mengkhazam, dan menyesuaikan, pemikiran para cendekiawan itu untuk negara dan situasi khusus masing-masing tidaklah dapat dipastikan.

Situasi sejagat malah menjadi lebih rumit lagi pada awal dasawarsa 1990an ini – yakni dengan berakhirnya perang dingin, dengan 'matinya' Marxisme, dengan bermaharajalelanya dasar luar dan kepentingan sedunia Amerika Syarikat, dan dengan terbentuknya 'tata baru dunia.'

Sekali lagi para cendekiawan di negara-negara tertentu di dunia ketiga mengalami kekeliruan dan kesukaran menanggapi keadaan dan sekitaran sosio-politiknya yang rumit itu.

Belum pun sempat dia memahami sepenuhnya 'theoretical marxisme' -- sehingga tidak dapat membezakannya dengan sistem kenegaraan Soviet, terpaksalah pula dia menghadapi 'godaan' sistem ekonomi kapitalis liberal yang juga tidak difahami dan diyakininya.

Namun demikian -- kerana kadangkalanya sebagai cendekiawan dunia ketiga – upaya pengungkapan kembali 'ideologi' alternatifnya juga masih belum cukup tuntas dan mendalam.

Oleh itu dia menjadi tidak yakin akan kefahamannya sendiri akan realiti politik dan sosiologi sejagat yang baru itu. Dia masih memerlukan sebilangan para penulis dan serjana dari beberapa sudut dunia tertentu -- yang sebenarnya bukanlah 'gergasi' pemikiran dunia bagi persoalan tersebut -- untuk mentakrifkan dunia ini untuknya.

Mungkin sahaja Marxisme sudah terkubur. Namun kemacetan pemikiran dan krisis keyakinan diri kita sendiri -- untuk menghadapi sebarang sumber dan aliran pemikiran lain yang mungkin akan sama sahaja menyesatkan seperti marxisme itu – sebenarnya masih hidup segar bugar di kalangan kita.

Itulah krisis intelektual golongan cendekiawan di dunia ketiga.

# 20

# INGATAN MUSA

## UMNO PARTI KAMPUNGAN BUKAN ELITIS

Tiga puluh sembilan tahun yang lalu Umno lahir di negara ini untuk menentang penjajah, memerdekakan negara, mengembalikan taraf ketuanan bangsa Melayu serta memulihkan keagungan agama Islam. Umno ditubuhkan demi kepentingan agama, bangsa dan tanahair yang kita cintai. Sejak tahun 1946 hingga ke hari ini, Umno adalah lambang kekuatan politik Melayu dan kekuasaan Melayu. Kedudukan ini wujud akibat cabaran Allahyarham Datuk Onn Jaafar bahawa selagi bangsa Melayu berpecah-pecah dalam politik, selagi politik Melayu bersifat kenegerian selagi itulah bangsa Melayu tidak akan muncul sebagai satu kuasa politik yang gagah dan kukuh di negara ini. Sebab itulah kita sentiasa mementingkan perpaduan dan semangat setiakawan dalam parti kita. Oleh kerana itulah juga maka Allahyarham Datuk Onn sentiasa mengingatkan seluruh ahli Umno, bahawa jika orang Melayu benar-benar cinta, kasih dan sayang kepada bangsa, agama dan tanahairnya hendaklah mereka mengutamakan kepentingan ramai dan bukannya kepentingan diri sendiri.

Memang kita sedia maklum bahawa Umno tidak mempunyai syurga dan neraka bagi mereka yang menyokong atau mengkhianati perjuangannya. Umno juga tidak mempunyai hukum-hukum tauhid dan ibadat untuk mempastikan proses perjuangan yang bersih lagi berkesan. Namun demikian, Umno mempunyai undang-undang tubuh, adat dan etika. Umno bergerak berlandaskan nilai dan susila yang wujud dalam institusi mesyarakat Melayu. Parti kita ini mempunyai satu tekad politik yang murni. Memang bukan seluruh orang Melayu menganggotai Umno. Tetapi, seluruh orang Melayu di negara ini adalah beragama Islam. Ahli Umno dan orang Melayu di luar Umno percaya Allah Subhanahu Wataala yang satu. Kita sama-sama mengakui bahawa Muhammad itu Pesuruh Allah. Kita mempercayai Rukun Islam dan Rukun Iman yang yang sama. Kita mengenal serta mengamalkan hakikat hidup yang serupa. Kita menyedari pengaruh dosa dan kesalahan terhadap jiwa dan akal. Kita sama-sama sedar tentang pengaruh kejahatan dan kebajikan dalam menghadapi sakaratil-maut. Oleh itu, kalau 39 tahun yang lalu ahli Umno dan

seluruh bangsa Melayu dengan rela hati menyatupadukan tenaga dan pemikiran untuk mewujudkan satu kuasa politik Melayu yang hakiki sehingga terhalau penjajah dari bumi ini dan hingga agama Islam serta syiar Islam dapat dipulihkan martabatnya, maka tidak haruslah kalau hari ini kita merelakan diri kita untuk dipecah-belahkan oleh perbezaan politik. Maka tidak haruslah juga kita merelakan percaturan kuasa memisahkan kita sehingga kita lupa bahawa bersatu itu teguh, dan bercerai itu roboh.

Saudara-saudari adalah pewaris kepada perjuangan Umno dan perjuangan Melayu. Kita tahu bahawa pewaris sesuatu perjuangan tidak disekat oleh hukum-hukum faraid seperti pewaris sesuatu harta pusaka. Namun demikian beberapa pedoman dan etika perjuangan memang sudah termaktub di dalam institusi budaya hidup dan budaya politik bangsa Melayu. Misalnya, janganlah kita berlagak sebagai juara, kalau kejuaraan itu kita perolehi dengan cara yang bertentangan dengan amalan dan falsafah perjuangan yang kita hayati di dalam Umno. Jangan pula kita mendabik dada sebagai pemain pedang yang lincah kalau kita belum pintar menilai dan menghayati kebenaran dari semua sudut, baik dari sudut hati mahupun dari sudut mata. Sebab itulah saudara-saudari, kalau hari ini ada di kalangan pucuk pimpinan politik Melayu yang tergolong sebagai orang yang dayus, kalau hari ini wujud pucuk pimpinan politik Melayu yang tergolong sebagai orang yang menyeleweng, dan kalau hari ini ada pucuk pimpinan politik Melayu yang ekstrimis, saya seru mereka supaya balik ke pangkal jalan perjuangan mereka. Kalau hari ini ada pucuk pimpinan Melayu yang boleh disifatkan sebagai ahli politik yang sesat, renungilah bintang-bintang di langit sebagai arah pedoman ke jalan kebenaran yang dituntut oleh Allah. Seluruh pemimpin Melayu dan bangsa Melayu harus tahu, tiada sesiapa yang boleh menyelamatkan bangsa Melayu dari segala bentuk perpecahan dan kemungkaran melainkan bangsa Melayu itu sendiri.

Kalau kita memang bercita-cita untuk menyelamatkan bangsa Melayu dan perjuangan Melayu dari segala bentuk perpecahan dan kemungkaran, kita harus bersihkan gelanggang politik kita dari orang-orang yang dayus, dari golongan yang sesat, dari kumpulan yang menyeleweng, dari golongan yang ekstrimis dan dari kalangan yang oportunis. Kita tidak mahu ciri-ciri negatif seperti ini wujud di dalam perjuangan kita. Perjuangan bangsa Melayu dan Umno harus kita bebaskan dari cengkaman orang yang tamak, rakus dan haloba kuasa. Kita tidak mahu golongan seperti ini wujud kerana kita tidak mahu parti kita jadi pincang. Kita harus tumpaskan golongan seperti ini demi kestabilan politik Umno dan politik Malaysia pada keseluruhannya.

Hari ini Umno merupakan satu parti yang teguh kerana kekukuhan akar tunjang dan akar umbinya. Parti kita mewakili segenap lapisan bangsa Melayu, baik eksekutif, usahawan, buruh, petani mahupun nelayan. Minat dan sokongan terhadap Umno terdapat di mana-mana sahaja di Tanah Semenanjung ini, dari desa ke kota, dari gunung ke lembah, dari hulu hingga ke hilir. Oleh itu, hasil perjuangan kita bukan sahaja harus dinikmati, malahan perlu dihargai oleh seluruh orang Umno dan orang Melayu, tanpa mengira status masyarakat mereka. Faedah perjuangan Umno perlu diakui dan dihargai oleh rakyat jelata berbilang keturunan di seluruh negara. Perlu kita pertahankan matlamat ini kerana kalau kita lalai, apatah lagi kalau kita gagal mempertahankan cita-cita ini. Saya khuatir Umno akan

kehilangan corak kekampungnnya, orang Melayu akan lebih jauh hati terhadap Umno, dan sekali gus Umno akan jadi pertubuhan bercorak elitis di mana survivalnya akan didorong oleh faktor kebendaan, bukan lagi atas kesedaran nasionalisme Melayu dan semangat kebangsaan Malaysia.

Tidak harus kita merasa malu atau segan apabila saya mengatakan Umno itu bercorak kekampungan ataupun Umno itu adalah parti kampung. Saya sifatkan Umno sebagai satu parti kampung kerana sebilangan besar cawangan Umno adalah di kampung-kampung. Orang-orang kampunglah yang mempunyai minat yang besar terhadap Umno serta memberi sokongan yang jitu kepada Umno. Di kampung-kampunglah kita dapati ciri-ciri budaya politik dan budaya Melayu yang masih lagi subur. Walaupun hari ini Umno mempunyai sebuah bangunan pencakar langit yang indah tersergam sebagai ibu pejabatnya saya harap konsep, falsafah serta corak perjuangan parti kita ini tidak berubah, dari corak kekampungannya, tetapi kekal dengan ciri-ciri yang progresif, dinamis lagi pragmatis. Inilah hakikat sebenar tentang corak perjuangan parti kita. Biarpun apa yang akan dikatakan terhadap perkara ini, corak kekampungan Umno bukan bermakna kekolotan, bukan bermakna sesuatu yang kuno, bukan pula berkaitan dengan unsur-unsur kemunduran. Umno adalah satu parti kampung kerana dari latar belakang kekampungan inilah maka lahir dalam perjuangan Umno ciri-ciri perjuangan yang penuh semangat musyawarah, ciri-ciri tanggungjawab secara kolektif, ciri-ciri perjuangan dengan penuh muhibah dan semangat kejiranan serta setiakawan. Lebih penting dari itu, oleh kerana corak kekampungannyalah maka Umno mewarisi semangat pengorbanan serta semangat bergontong-royong dalam ertikata yang seluas-luasnya.

Terserahlah kepada saudara-saudari untuk mencorakkan suasana dan menggerakkan zaman perjuangan Umno di masa akan datang. Kalau hari ini sebilangan besar saudara-saudari berjuang dengan lagak mewah ala-elitis, maka akan terbentuklah satu parti Umno yang berimej mewah dan terpisah dari rakyat jelata dan sebilangan besar penyokong-penyokong Umno di luar bandar di masa akan datang. Kalau hari ini saudara-saudari mengambil satu tekad untuk perjuangan secara korup, maka akan lahirlah pemimpin yang rasuah dan Umno yang rasuah coraknya di masa akan datang. Kalau hari ini saudara-saudari memilih corak perjuangan ala-askar upahan ataupun mercenaries, maka akan lahirlah pemimpin ala-mercenaries di mana komitmen dan kesetiaan perjuangannya adalah kepada orang yang mampu menawarkan ganjaran, upahan yang paling mahal, bukan komitmen kepada Umno, bangsa Melayu ataupun rakyat jelata seluruhnya.

Dalam pada itu, saudara-saudari harus sentiasa berpegang teguh kepada prinsip moral dan budaya perjuangan bangsa Melayu. Dalam menegakkan keadilan sosial dan menumpaskan rasuah, jangan sekali-kali kita berusaha menudung bangkai gajah. Jangan kita berbuat sesuatu yang merugikan umpama dagang lalu ditanakkan, kera di hutan disusukan, sedangkan anak di rumah mati kelaparan. Jauhkan diri dari salah perhitungan, kalau tidak saudara-saudari akan jadi lebai malang, menang sabung, kampung tergadai. Janganlah hendaknya perjuangan itu sekadar untuk memenuhi kepuasan intelektual saudara-saudari walaupun kepuasan politik yang diharap-harapkan oleh seluruh masyarakat masih lagi jauh dari berjaya.

Serulah dan ingatkan seluruh bangsa Melayu bahawa mereka mempunyai warna kulit yang sama, mereka mengadap kiblat yang sama dan mereka sama-sama berhadapan dengan timbang-neraca syurga dan neraka bila kita berhimpun di Padang Mehsyar kelak. Setiap orang Melayu itu adalah bersaudara biar atas asas bangsa atau agama. Sebab itu, perlulah dicari jalan damai, mudah-mudahan kita beroleh rahmat dari Allah. Saudara-saudara dan seluruh bangsa Melayu harus sama-sama menyedari bahawa kuasa yang ada di tangan Umno hari ini bukannya satu kuasa yang akan dijadikan senjata untuk menindas mana-mana pihak di negara ini. Kuasa itu digunakan sebagai sumber utama untuk membela bangsa Melayu dan bangsa Malaysia. Oleh itu, kuasa politik janganlah dijadikan bahan pertarungan politik, baik politik antara Umno sesama Umno, baik pertarungan politik antara Umno dengan lain-lain komponen Barisan Nasional mahupun pertarungan politik antara Umno dengan lain-lain parti Melayu di negara ini.

Kuasa politik negara ini yang berteraskan kuasa politik Umno adalah umpama nur atau sinar, seperti matahari atau bulan, seperti lampu elektrik ataupun lilin yang wujud untuk memberi cahaya kesejahteraan perpaduan serta kemakmuran. Memang kuasa dunia adalah sesuatu yang sementara dan tidak sempurna. Namun demikian, seluruh ahli Umno, bangsa Melayu dan rakyat jelata harus tahu bahawa kuasa ini penting dalam menentukan baik-buruknya dan hidup-matinya bangsa Melayu, agama Islam dan seluruh rakyat. Moga-moga berbahagialah ahli-ahli Umno, bangsa Melayu dan rakyat jelata Malaysia yang mahu mengerti dan menyedari hakikat ini. Saya menegaskan perkara ini kerana sekarang wujud satu trend atau aliran dalam Umno di mana perjuangan politik itu dijadikan alat untuk mendapatkan kuasa demi kepentingan kuasa itu sendiri, bukannya perjuangan mendapatkan kuasa demi kepentingan ramai. Walaupun aliran mendapatkan kuasa demi kepentingan kuasa itu sendiri ataupun *"power per se"* ini belum lagi berleluasa, saudara-saudari harus sentiasa berwaspada. Saudara-saudari perlu menyedari perkara ini. Saudara-saudari harus memainkan peranan untuk menentang aliran sedemikian. Jangan sekali-kali saudara-saudari membiarkan, apatah lagi menghalalkan *trend* perjuangan seperti ini.

Dalam mencapai tekad politik ini, seluruh ahli Umno dan sesiapa sahaja yang tergolong sebagai bangsa Melayu, harus mempunyai arah-pedoman (sense of direction) dan arah-matlamat (sense of purpose) yang tepat. Perkara ini penting kerana keadaan kucar-kacir dalam perjuangan politik bangsa Melayu hari ini adalah akibat hilangnya arah-pedoman dan arah-matlamat di kalangan orang-orang Melayu itu sendiri. Hilangnya arah-pedoman dan arah-matlamat ini adalah akibat orang-orang Melayu bercakaran sesama sendiri kerana mabuk kuasa, dan kesempatan ini sengaja digunakan oleh anasir-anasir oportunis politik melalui berbagai helah bagi mengelirukan orang-orang Melayu. Memang pahit bagi kita mengakui hakikat ini. Tetapi, kegetiran rasa ini boleh jadi lebih merbahaya kalau generasi muda Melayu enggan menerimanya dan enggan pula mencari ubat penawarnya. Akhirnya orang-orang Melayu sendiri juga yang binasa! Jangan saudara-saudari lupa, Umno adalah pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang cogankata perjuangan adalah Bersatu yang cogankata perjuangan adalah Bersatu, Bersetia, Berkhidmat. Renunglah apa sikap, apa tindakan dan apa tanggungjawab yang harus diambil berasas fahaman kata-kata itu, Bersatu, Bersetia, Berkhdimat. Gunakanlah kata-kata ini semua sebagai asas dorongan kita mempelopori perjuangan kita yang suci-murni ini.

*(Tulisan ini merupakan sedutan ucapan Musa Hitam ketika merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda Malaysia dan Pergerakan Wanita Umno Malaysia, 26 September 1985).*

# THE PM'S ILLNESS

## GH director lied about PM's condition



**Political commentator and a medical doctor himself, TAN SRI DR TAN CHEE KHOON advises Dr Mahathir to step down for his own good. The PM's "chest pains" were much more serious than what the public was made to believe.**

The war in the Far East gave rise to a new word SNAFU, that is Situation Normal All F . . . Up, which was coined by the GIs of the American Army in the China-Burma-Theatre of the War in the Far East. The GIs were bored with the army's daily press releases stating that the situation was normal when in actual fact it wasn't.

This reminds me of the recent illness of the Prime Minister. On the morning of the Jan 18, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad had chest pains and was rushed to the Kuala Lumpur General Hospital. I remember in 1981, shortly after Dr Mahathir succeeded Tun Hussein Onn as Prime Minister, he fainted while taking a ride on an elephant during a tour of Kedah. His medical attendants did not pay too much attention to this fainting spell of the doctor at that time. Here one must remember that the Prime Minister is at the same time a senior physician with a mind of his own. And like most doctors, he is a poor patient. He should have been thoroughly examined to find out whether he should go slow then.

It is well known that Dr Mahathir has set a very hectic pace for himself of late. During his recent visit to Europe and the United States he would rise at 0700 hours and his diary would take him right up to 2300 hours. Many of those who accompanied him were much younger, but could not stand the pace. A person with such a life-style should have a thorough examination at least once a year, but as far

continued overleaf

Printed by Atass Printing & Paper-Products, 90-K, Lorong Perak, 11600 Pulau Pinang.
Published by Aliran Kesedaran Negara, P.O. Box 1049, 10830 Penang. Office Phone: 04-871608

**THE PM'S ILLNESS continued**
**from back page**

as I know he does not find time for the luxury of such an examination.

When he was stricken with chest pains he was rushed to the hospital where he was placed in the Cardiac Care Unit (CCU). He was found to have a cardiac infarct with a low blood pressure, which in a patient with a heart attack is often not a good sign. Yet the news bulletin issued the next day stated that he was comfortable and walking about in his room when in fact, he was ordered to bed.

The government must remember that in the case of a VIP in hospital with a serious ailment it is difficult to keep the secret of the VIP's illness within the hospital. There will be many doctors attending to the patient. There are nurses, attendants, amahs, laboratory technicians, all of whom will know what is wrong with the patient. How can the hospital keep all these people quiet? They have friends and relatives and in a moment of weakness they will talk. In any case, they will talk when they see the patient lying in bed while the news bulletin issued by the hospital authorities proclaims loud and bold that the patient is comfortable, walking about in his room and eating his meals well.

The same sort of news was issued by the hospital authorities almost everyday since Jan 18. One can understand now why the government may not want to reveal the whole truth regarding the health of the Prime Minister to the people of this country. If the whole truth cannot be told, one would hope that something akin to the truth had been told. But the medical bulletins ignored the fact the Prime Minister had a serious heart attack which later necessitated a by-pass operation. The government has lost all credibility, certainly amongst the doctors.

The director of the Kuala Lumpur General Hospital Dr C. Fonsecka must know that the medical bulletins issued under his name made him a laughing stock amongst doctors in this country. How can a patient who has had a heart attack be walking about in his room? Is he a superman? If it was decided that the heart attack be hidden from the people of this country, at least the story put out by Dr Fonsecka should be plausible. Dr Fonsecka has missed the first lesson in public relations, which is that his story must tell the truth. How can the government expect the people of this country, especially the doctors, to believe any medical bulletin when it has told a lie about the Prime Minister's illness. There was no need to tell a lie.

The illness was a straight forward one. There was no need to hide it from the public. In any case, I was told the next day that the Prime Minister had low blood pressure when admitted. The day after, on Friday, I was told that an American doctor had flown in to advise on Dr Mahathir's condition. By the end of the week, the decision had been made to operate on him in Kuala Lumpur.

He had been offered two choices. One was to be flown to the United States and the other to be operated in Kuala Lumpur by local doctors. It is to Dr Mahathir's credit that he chose to be operated in Kuala Lumpur by local doctors. It is refreshing to know that he has faith in our own doctors and that their operation was successful. I do hope that when the King's birthday honours are given out by the middle of this year the doctors involved will be suitably rewarded.

Now that we are told that the operation has been successful and Dr Mahathir is recuperating at home, the question that is on the lips of most Malaysians is WHAT NEXT? Is he going to carry on as usual and run the risk of another heart attack (which could be bad for him) or is he going to be sensible and put his house in order and then resign his post? That way he may live a few more years and enjoy the peace and comfort that he is entitled to. Since 1981 he has led a strenous life after taking over from Hussein. I have often wondered how he manages at this pace. Any lesser mortal may well have succumbed to the pressures of his office but Dr Mahathir is alive and kicking!

In deciding his own future Dr. Mahathir can look to the examples of his own colleagues. There is the example of Tun Hussein who stepped down soon after his by-pass operation. He was wise to resign and has lived more than seven years and may he have many more years of useful life ahead. There is also the example of his deputy, Ghafar Baba, who too had a by-pass operation and has continued as Deputy Prime Minister. But with due respect to Encik Ghafar, the office of Deputy Prime Minister is not the same as that of Prime Minister in terms of pressure and responsibility.

More than 10 years ago, I was admitted to the University Hospital after a stroke and there I met the late Tan Sri Manikavasagam. He had just been through a by-pass operation and asked me whether he should retire from office. I told him that he should certainly retire and spend the rest of his days tending to the flowers in his garden. Alas, he did not listen to my advice and a few months later, passed away after a massive heart attack.

If Dr Mahathir should retire, there may well be a tussle for the Prime Ministership. In order to avoid this, it would be sensible for Encik Ghafar to assume the Prime Ministership as a stop gap measure for about two years. After that, he should let the younger contestants fight it out among themselves. The general election may be due by late 1990 and this may have some impact upon the fight within UMNO Baru. This scenario of course takes into consideration candidates like Datuk Musa Hitam, Datuk Abdullah Badawi and Encik Anwar Ibrahim. There are also the claims of yet another candidate Tengku Razaleigh Hamzah. He is outside UMNO Baru but will tussle for high office. We are in for stirring times and let us hope that the winner will have respect for democracy and the judiciary and will not just pay lip service to human rights and fundamental liberties. ●

*Wawancara A.F. Yassin dengan Datuk Abdullah Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.*

# Di Pulau Pinang tidak ada Jengka, Kejora, MADA, KADA, Ketengah...

**S: Masalah orang Melayu Pulau Pinang nampaknya berlarut-larut diperkatakan sejak tahun 60-an atau mungkin lebih awal lagi. Saya ingin mendapatkan pandangan Datuk apa sebenarnya masalah itu.**

J: Di mana-mana pun masalah ada selagi ada pembangunan dan yang dihasrat belum tercapai. Saya rasa di semua negeri terdapat masalah orang Melayu. Cuma, di Pulau Pinang masalah ini lebih dipercakapkan kerana ia adalah masalah kedudukan minoriti orang Melayu, masalah yang lahir dari perbandingan orang Melayu dengan orang bukan Melayu. Kalau dilihat dalam segi taraf hidup, orang Melayu di Pulau Pinang tidaklah meleset sangat. Ada kemajuan. Kemudahan banyak juga.

Masalahnya ialah perbandingan orang Melayu dan orang bukan Melayu yang mengambil bahagian dalam ekonomi. Dan Pulau Pinang bukan negeri pertanian. Ia negeri perdagangan. Belum menjadi kebiasaan orang Melayu berdagang. Di negeri-negeri lain, pertanian masih menjadi unsur ekonomi yang utama bagi penduduknya. Jadi, Pulau Pinang giat dalam perindustrian, sementara orang Melayu umumnya belum terdaya merebut peluang-peluang yang terdapat dalam bidang perindustrian dan perdagangan. Mereka belum mampu menerima kemudahan, misalnya yang terdapat di kompleks baru KOMTAR (kompleks Tun Abdul Razak). Kita tahu kemudahan itu ada, tetapi tidak tercapai oleh kebanyakan orang kita. Itulah antara masalah yang menyebabkan orang Melayu tidak senang hati. Pembangunan fizikal begitu pesat sedangkan tanah-tanah orang Melayu banyak yang terjual dan di atas tanah yang terjual diadakan rancangan perumahan. Ini bererti beramai-ramailah orang bukan Melayu masuk. Kawasan ini dalam segi tradisinya kediaman orang Melayu. Tentunya ini ada kaitannya dengan pencairan kekuatan politik orang Melayu di kawasan itu dan ia pun menjadi masalah politik di Pulau Pinang.

Umumnya, masalah orang Melayu di Pulau Pinang boleh disimpulkan sebagai berikut: Orang Melayu di Pulau Pinang kurang keupayaan untuk merebut peluang-peluang yang terdapat dari pembangunan negeri yang pesat dalam bidang industri dan perdagangan.

**S: Apakah kurang keupayaan ini menyentuh sikap orang Melayu sendiri atau memang mereka tidak diberikan kemudahan untuk mengatasi kekurangan.**

J: Kebanyakan orang Melayu tinggal dalam kawasan pertanian, hidup dengan pertanian dan memperoleh pendapatan dari pertanian. Jika dibandingkan dengan sektor perindustrian dan perdagangan pendapatan dari pertanian sangat rendah. Jadi, bagaimanakah orang-orang pertanian tradisional hendak menerima peluang yang baru? Yang saya



katakan ini adalah dalam segi harta kekayaan yang ada pada orang Melayu. Dalam segi kebolehan pula, nyata sekali orang yang selama ini terlatih dalam kerja-kerja pertanian tidak mungkin dengan begitu cepat menjadi pedagang. Sebaliknya, wajah fizikal negeri Pulau Pinang boleh bertukar dengan cepat: Hari ini bendang, tetapi tidak sampai setahun ia boleh menjadi kawasan kilang. Manusia tidak boleh diubah dengan cepat begitu.

**S: Masalah orang Melayu Pulau Pinang ini unik. Nampaknya orang Melayu perlu ditingkatkan pembangunannya melalui kerajaan pusat, padahal di negeri-negeri lain usaha peningkatan datangnya dari kerajaan negeri.**

J: Sdr. tidak boleh membuat kesimpulan yang begitu umum. Sebenarnya, kerajaan pusat telah banyak memberi kemudahan kepada orang Melayu di negeri-negeri selain Pulau Pinang. Di Pulau Pinang mana ada Jengka; mana ada Kejora; mana ada MADA, KADA; mana ada Ketengah. Tidak ada satu pun. Itulah sebabnya saya telah menggesa supaya satu-satu rancangan mesti diadakan. Yang positif yang telah dibuat dan diakui oleh kerajaan ialah dalam bidang perusahaan. Bidang perniagaan boleh dibantu. Dalam bidang pertanian, tidak ada tanah di Pulau Pinang, yang boleh dibuka seperti Felda atau Felcra. Inilah baru Datuk Musa mencadangkan supaya diadakan satu lembaga ala MADA untuk membantu memulihkan tanah-tanah sawah yang ter-

biar di Pulau Pinang. Alhamdulillah, itu satu keputusan yang sangat baik, dan akan memberi kesan yang sangat baik bagi orang Melayu Pulau Pinang.

Koperasi Pulau Pinang sudah diambil alih oleh Jabatan Perdana Menteri, dan diberi kemudahan dan bantuan kepegawaian. Tetapi dalam segi pembangunan orang Melayu seluruhnya, sebagaimana yang kita lihat di negeri-negeri lain, itu bukan hanya usaha kerajaan negeri masing-masing. Kerajaan Persekutuan sebenarnya memberi peruntukan bagi memajukan orang Melayu di negeri itu.

**S: Datuk menyebut tentang kurangnya keutamaan yang diberikan kepada pertanian di Pulau Pinang sebab tidak ada tanah di Pulau Pinang untuk dimajukan. Ada pula setengah-setengah kalangan berpendapat bahawa tujuan sebenar kerajaan negeri memberi keutamaan kepada perindustrian adalah untuk 'menindas' orang Melayu. Sebabnya kebanyakan orang Melayu Pulau Pinang hanya tahu tentang pertanian. Dengan demikian apakah tidak mungkin orang Melayu di Pulau Pinang, sebagai golongan minoriti, akan menjadi seperti orang Melayu di Singapura?**

J: Itu hanya anggapan yang dibuat oleh orang-orang yang melihat perkembangan yang berlaku di Pulau Pinang. Tetapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga adalah kerajaan Barisan Nasional dengan UMNO menganggotainya. Kita tidak akan membenarkan hal ini berlaku. Kita mesti memastikan bahawa orang Melayu akan ada tempat di dalam pembangunan ini. Oleh sebab itulah, perhatian Kerajaan Persekutuan sekarang ini, mengambil langkah yang langsung ke arah memajukan orang Melayu. Satu cawangan khusus mengenainya diadakan di Jabatan Perdana Menteri. Ini adalah satu perkara yang sangat penting. Kita memang mengharapkan bahawa kerajaan negeri yang kita anggotai itu akan dapat benar-benar memahami masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dan perlunya orang-orang Melayu itu diberi tempat dalam pembangunan Pulau Pinang. Kalau tidak, jika orang Melayu terpelanting, tercampak keluar dari arus pembangunan yang sedang berlaku sekarang ini, maka ini akan membawa kepada suatu keadaan yang tidak stabil dalam kehidupan sosial dan politik negeri di Pulau Pinang. Kalau ini berlaku, maka ia akan berupa suatu perkembangan yang tidak sihat.

**S: Kita bincangkan masalah Jabatan Perdana Menteri mengambil perhatian berat terhadap masalah orang Melayu Pulau Pinang. Apakah disebabkan masa depan orang Melayu begitu tersepit oleh kerana kerajaan negeri kurang memberi perhatian kepada orang Melayu?**

J: Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan ini kerana kita tahu bahawasanya orang Melayu yang ada di Pulau Pinang itu perlu diberi bantuan khas. Ini adalah penting kerana kerajaan negeri sendiri pun sangat kurang keupayaan untuk mengadakan rancangan-rancangan yang *special* bagi orang Melayu di Pulau Pinang. Mereka pun ada masalah-masalah yang lain. Dan kita tahu bahawasanya majoriti orang-orang di Pulau Pinang adalah bukan Melayu. Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu memberi perhatian kepada kehendak-kehendak majoriti itu, dan tindakan-tindakan itu mengakibatkan perkembangan dan situasi yang mengancam kedudukan orang Melayu. Dengan demikian, oleh kerana tiada mempunya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga kurang dorongan disebabkan terlalu terlibat dengan kehendak-kehendak majoriti yang bukan Melayu, maka Kerajaan Persekutuan terpaksa mengadakan rancangan-rancangan yang *special*.

**S: Datuk menyebut tentang ketidakupayaan kerajaan negeri mengadakan rancangan untuk orang Melayu. Apakah ini disengajakan atau memang tidak mampu?**

J: Memang tidak upaya.

**S: Sekiranya kerajaan negeri dipegang oleh orang Melayu, apakah keadaan ini akan berlaku?**

J: Tidak upaya juga, kerajaan terpaksa minta bantuan dari Kerajaan Persekutuan.

**S: Menyentuh tentang pertemuan Datuk dan UMNO Pulau Pinang dengan Dr. Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang baru-baru ini, dapat Datuk jelaskan apa sebenarnya yang berlaku dalam pertemuan itu?**

J: Ini suatu pertemuan yang sangat-sangat berhasil, terutama dari segi mewujudkan persefahaman antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan UMNO, berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dan langkah-langkah yang patut diambil: Misalnya, bidang perumahan. Bagaimana caranya kita hendak memajukan kawasan-kawasan orang Melayu, yang sekarang ini merupakan kawasan-kawasan yang miskin. Apakah kemudahan yang patut disediakan untuk orang Melayu bergiat dalam bidang ekonomi? Banyak perkara yang telah kita bincangkan dengan Dr. Lim Chong Eu. Kita mengemukakan pendapat yang kita fikirkan dapat membantu dalam melaksanakan usaha bagi memajukan orang Melayu Pulau Pinang.

**S: Bagaimana dengan sikap orang Melayu Pulau Pinang sendiri, Datuk? Apakah terdapat sebarang perubahan dari, katakanlah, sikap sebagai seorang petani kepada sikap seorang peniaga?**

J: Sekarang ini, umumnyalah, orang Melayu Pulau Pinang mula berubah sikap. Dengan keadaan yang terdesak dengan perkembangan yang mengancam kedudukan sosial dan po-



Kanak-kanak Melayu: Menghadapi masa depan yang tersepit.




Melayu 'tenggelam' di tanahair sendiri.

litik mereka, mereka mula berubah sikap. Lebih berhasrat untuk melibatkan diri dalam kegiatan industri dan perniagaan daripada tinggal tetap bercucuk tanam. Ini sudah ada. Tetapi saki-baki fikiran dan sikap tradisi masih ada. Maklumlah kita ini masih dalam waktu peralihan, dari saki-baki yang tradisi, yang pertanian kepada yang moden, yang menyangkut perusahaan dan perindustrian.

Saya juga nampak sekarang politik orang Melayu Pulau Pinang lebih memperlihatkan kerjasama dan perpaduan dibandingkan beberapa tahun dulu. Saya tidak nampak adanya penjejasan terhadap perpaduan orang Melayu seluruhnya.

**S: Dalam hal ini ertinya orang Melayu perlu memberi perhatian kepada kepentingan bersama dan mengenepikan kepentingan parti.:.**

J: ... saya harap orang Melayu harus mengutamakan kepentingan kumpulan atau kepentingan bersama, kerana kita perlu bersatu-padu untuk mencapai matlamat perjuangan kita. Ini mesti dilakukan kerana kita adalah golongan kecil. Kalau berpecah, kita akan lebih kecil dan lebih lemah. Tetapi kalau golongan kecil itu padu dan padat maka kita tidak ada masalah.

**S: Mengenai masalah tanah terbiar di Pulau Pinang, bagaimanakah cara mengatasinya?**

J: Ada berbagai, kita memulihkannya melalui koperasi, secara individu ataupun secara kelompok. Kerajaan Persekutuan memberi kemudahan. Jabatan Pertanian Negeri membantu dalam hal ini. Kita harap kerajaan akan memberi perhatian yang lebih lagilah dalam bidang pertanian ini. Mudah-mudahan orang-orang dalam sektor pertanian akan menjadi kaya. Sebabnya sektor pertanian ini adalah satu sektor yang di dalamnya terdapat sebilangan besar, boleh dikatakan hampir semua, syarikat Melayu.

**S: Tidak ada kemungkinan menukar corak pertanian, dari tanaman padi kepada kelapa sawit, misalnya, atau apa saja yang menguntungkan?**

J: Bergantung kepada perancangan yang dibuat setelah kajian-kajian dilakukan. Tetapi pokok pangkal, matlamatnya, kita nak jadikan kawasan-kawasan pertanian itu kawasan yang begitu maju, lebih kaya dari sekarang ini, melalui pertanian. Dan ini dijadikan asas untuk membawa mereka dalam bidang baru. Kemudian, masalah hendak memberi keupayaan kepada orang Melayu dalam kegiatan perusahaan dengan menggunakan kemudahan latihan yang ada di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Pusat Daya Pengeluaran Negara. Dengan ini usahawan-usahawan muda Melayu dapat diwujudkan. Satu hal lagi, kita tahu bahawasanya oran' lelayu Pulau Pinang agak susah hendak merebut peluar ,eluang yang ada. Kita terpaksa menggemblengkan tenaga dalam satu organisasi yang boleh mewakili kepentingan mereka dalam perusahaan yang boleh dilaksanakan di Pulau Pinang. UMNO Pulau Pinang telah menaja penubuhan Koperasi Gabungan Negeri yang terkenal dengan nama KGN. Ertinya organisasi ini berjaya mengumpulkan modal yang kecil-kecil itu melalui koperasi yang banyak di Pulau Pinang. Koperasi gabungan ini diambil alih oleh Jabatan Perdana Menteri dan diberi segala kemudahan dan bantuan untuk membolehkannya mengambil peranan yang aktif dan besar dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Ini adalah satu strategi mobilisasi, penggemblengan tenaga orang Melayu beramai-ramai.

UMNO Pulau Pinang juga telah berjaya menaja Yayasan Bumiputera Pulau Pinang untuk tujuan yang sama. Yayasan ini adalah hasil titik peluh orang Melayu dengan duit dan modal yang ada pada orang Melayu sendiri, tanpa melibatkan satu sen pun duit kerajaan ataupun daripada mana-mana punca yang bukan Melayu. Telah terbukti sekali hasilnya. Umpamanya, lot-lot perniagaan di KOMTAR yang tidak dapat dibeli oleh orang Melayu telah dibeli oleh Yayasan Bumiputera Pulau Pinang. Ini satu bukti yang orang Melayu menaja satu organisasi yang mewakili kepentingan mereka. Kita harap mereka akan terus berusaha lebih giat lagi dalam macam-macam kegiatan. Dan penggemblengan tenaga Melayu ini tidak terhad kepada KGN semata-mata. Banyak lagi Koperasi Melayu yang aktif, seperti Koperasi Tunas Muda, Koperasi Orang Melayu Pulau Pinang, Bank Persatuan Syarikat Kerjasama di Seberai Perai Utara yang sekarang ini begitu maju dan telah memasuki bidang perumahan. Ada rancangan bank ini untuk membina rumah-rumah murah di merata-rata tempat, di Pulau Pinang.

**S: Sejauh mana keterlibatan Kerajaan Pulau Pinang sendiri?**

J: Kerajaan Pulau Pinang ada menyediakan kemudahan, tetapi kemudahan yang ada itu tidak sebanyak yang kita harapkan. Bagi saya strategi utama orang Melayu Pulau Pinang yang dapat dilaksanakan oleh UMNO ialah berdikari. Kita tidak boleh maju dengan hanya bergantung nasib untuk menumpang usaha kemudahan dan kekayaan yang didapati oleh orang lain. Kalau kita nak buat rumah murah, kita tidak boleh hanya mengharapkan hendak mengambil bahagian 30 peratus dari usaha dan tenaga pemaju perumahan. Kita tidak boleh begitu.

Kita tidak boleh membawa orang Melayu dalam bidang pembangunan hanya dengan menggantung harapan, menumpang usaha dan tenaga dan kekayaan yang didapati oleh orang-orang bukan Melayu. Kita sendiri mesti mengorak langkah. Kalau kita tidak cukup tenaga, modal, kita terpaksa kumpulkan dalam bentuk syarikat dan koperasi. Di samping itu masalah hendak menuntut hak kita itu kita selesaikan. Ini perkara biasa. Hak dan kemudahan yang telah ditentukan untuk kita mengikut Dasar Ekonomi Baru kita akan kita tentukan. DM

# MUSA: ACCEPT ALL FROM THE OLD UMNO

STAR 8/9/88

## Those in power urged to be 'positive and constructive' in deciding on appointments

KUALA LUMPUR, Thurs. — Datuk Musa Hitam urged Umno Baru leaders today to accept all members of the old Umno, saying it is the only way for the new party to forge unity among the Malays.

He appealed to "all in power and responsible for the formation of Umno Baru" to be "positive and constructive" in deciding on appointments to posts and recruitment of members.

Datuk Musa, the former Umno deputy president, appealed to "both those in power and those seeking alternatives" not to drag the nation's statesmen whom he said should continue to be respected and revered.

He also urged them not to use the palace, saying that this would affect its standing as the symbol of national unity.

This statement is the former Deputy Prime Minister's first since the formation of Umno Baru.

Datuk Musa felt he had to come out with the statement because "what is happening now" was cause for concern.

"I made the assumption based on recent statements propagated by the Umno Baru sponsors through the mass media," he added.

Among things he found "worrying" were the dropping of too many Umno pioneers and veterans, the suggestion that certain posts would not be contested, and the power of the supreme council to determine membership and the setting up of divisions.

It seemed, he said that the criteria for acceptance into Umno Baru and, especially for holding posts in the new party, was whether the people concerned were "our men" or not.

"With the exception of certain individuals, it looks like all those excluded are those that have been categorised as 'not our men'."

He said membership of Umno Baru seemed to be regarded by those in power as an honour and a special privilege from them, and a person accorded this "honour" was supposed to feel thankful to them.

He said this was not the Umno spirit and he drew attention to the meaning ...

*tubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.*

He said this was intended to be an organisation practising political democracy, national ideology and with a purpose of uniting the Malays.

He said it had been shown that democracy was the traditional way of the Malays, where *musyawarah* or consultation was a way of life.

He said that *musyawarah* meant exchanging views, giving advice, criticising and receiving opinions, advice and criticisms in the *muhibbah* spirit.

"It does not mean expulsion of those who criticise ... *musyawarah* is based on the spirit of tolerance," he said.

He said he regretted that while some in the old Umno, Malays and other ...

hopes on the present leadership to search for an appropriate solution, there existed certain groups which offered other alternatives like the reviving of the old Umno through the courts and also through "political gambits" involving several notable statesmen and the palace.

These actions, although democratic and based on certain reasons could lead to confusion when the campaigns to seek influence through distribution of appeal letters, video cassettes and holding of *ceramahs* and gatherings were organised, he said.

This could lead to Malays, especially members of the old Umno, to be further split, he added.

Datuk Musa said his own position was not important. He emphasised that it was Umno's survival and, more to the point, the survival, unity and dignity of the Malays and supremacy of the Malay politics that was of utmost

# 21

## "PEMUDA ERA ANWAR MENENTANG PENYELEWENGAN"

# JANGAN JADI CAKAP TAK SERUPA BIKIN SUDAHLAH!

Negara kita kini sedang beransur-ansur meninggalkan alam peralihan, dari alam remaja menuju ke alam dewasa. Alam remaja sering dihubungkan dengan segala macam pancaroba, onak dan ranjau idealisme. Alam dewasa ialah alam untuk kita mempertahankan segala yang kita bina dari serangan atau ancaman musuh luar dan dalam. Alam ini juga adalah alam untuk kita menentukan pengekalan dan tahap pencapaian yang lebih tinggi dan tahap ke arah pengukuhan peribadi dan identiti. Di antara sifat utama orang yang telah dewasa ialah kematangan dan kesediaan untuk menerima kenyataan dengan mempertahankan prinsip-prinsip murni yang diperjuangkan semasa berada di alam remaja. Di samping tekal (consisitent) dengan idealisme masa remaja, kita sewajarnya menjadi lebih bertanggungjawab, lebih berani dan tegas menghadapi kenyataan; bukannya mengalah khususnya kepada hal-hal yang disebut sebagai kenyataan rasuah dan penyelewengan dalam masyarakat. Bahkan kita kini berhadapan dengan alam yang nyata, yang menuntut segala kekuatan untuk membanteras segala bentuk penyelewengan, rasuah, kepura-puraan dan maksiat.

Kemenangan (al-falah) yang hakiki ialah tekad perjuangan menegakkan yang maaruf dan menentang kemungkaran. Allah berfirman di dalam al-Quran, surah Ali Imran: 104, maksudnya: "Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang maaruf dan mencegah dari yang mungkar; merekalah orang-orang yang beriman." Merenung sejarah bererti menggilap idealisme perjuangan semula dan mempastikan bahawa obornya terus dinyalakan dan disemarakkan. Menghadapi kenyataan bererti kita bertindak dalam rangka melaksanakan cita-cita murni perjuangan; dengan memahami permasalahan baru dan bijaksana dalam memberikan jawapan kepada permasalahan itu. Lantaran itu, meskipun kita akur bahawa proses pembinaan negara membawa kita kepada permasalahan teknologi tinggi dan alam korporat, namun persoalan

---

(Tulisan ini merupakan sedutan ucapan dasar Anwar Ibrahim di Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda Umno Ke-34, pada 26 September 1985)

bahasa, budaya, nilai dan akhlak tidak harus diketepikan kerana faktor-faktor tersebut adalah terlalu penting dalam menjamin pembinaan tamadun bangsa yang lebih kukuh. Proses pendewasaan ini menuntut kita melihat ke dalam diri, mempunyai kesediaan untuk bermuhasabah iaitu menganalisa kelemahan dan kegagalan, kekuatan dan kejayaan kita; mengkritik keburukan-keburukan yang ada di dalam diri sendiri. Janganlah kita terperangkap oleh kemungkinan keburukan itu sehingga diketahui orang, lantas menjadi cemas, lari dan memilih jalan tertentu untuk menutup segala kelemahan supaya ia tidak diketahui orang. Jalan ini akan membawa padah kepada kita sekiranya ada pembongkaran dari luar, sedangkan kita mungkin terlambat dan mungkin tidak cukup kuat untuk bertahan, apatah lagi untuk bersaing.

Secara sepuntas lalu dapat kita senaraikan beberapa masalah, pelbagai penyakit yang nampaknya sedang menyerang dan mengancam keutuhan masyarakat kita terutamanya penyakit atau wabak yang ada hubungannya dengan politik. Kita bertambah insaf bahawa keutuhan tonggak pemerintahan boleh digugat dengan hebatnya dari dalam dan kita juga semakin sedar bahawa sekukuh manapun kekuatan komponen itu, ia masih dapat digugat dan dihancurkan oleh kebodohan dan kebebalan perasaan manusia yang mementingkan diri sendiri. Krisis yang juga hebat dan berlarutan yang dahulunya kelihatan tidak begitu jelas tetapi kini kian menonjol dan menimbulkan krisis dalam parti-parti politik termasuk Umno ialah isu politik wang, mabuk kuasa serta perasaan tamak untuk mencari kekayaan.

Seringkali kita menghubungkan isu perjuangan ini dengan persoalan moral. Justeru kerana sekiranya moral dan akhlak itu diketepikan maka soal perjuangan - dasar penerapan nilai-nilai Islam; soal keadilan dan kesejahteraan soal akan menjadi omong-omongan dan slogan kosong semata-mata. Dan yang lebih asasi lagi ialah dasar yang meletakkan kita sebagai pewaris perjuangan suci untuk menjamin wujudnya politik dan pentadbiran yang bersih akan dipersoalkan. Persoalan inilah yang dihubungkan dengan isu krisis kepercayaan atau krisis keyakinan terhadap pimpinan dan parti. Pimpinan dan parti tegak di atas mandat serta kepercayaan rakyat. Keyakinan ini mudah terhakis sekiranya rakyat mulai sinis atau mencurigai kesungguhan pemerintah dan parti dalam usaha membanteras rasuah.

Terdapat di kalangan orang politik yang tewas ataupun usahawan yang gagal, orang yang bertindak bebal dan berhasrat untuk memusnahkan segala-galanya. Mereka tidak merenung diri sendiri untuk mencari kekurangan dan kecacatan; apakah karier politik mereka terhalang kerana keangkuhan dan kerakusan kuasa? Ataupun, di kalangan usahawan, apakah kegagalan mereka disebabkan oleh sikap tamak atau amalan boros dan membazir dengan suatu bentuk daya nafsu tatkala mempunyai sedikit wang dahulu? Tentunya tidak! Kerana golongan ini lebih senang memilih untuk menyalahkan dasar-dasar yang telah dipersetujui bersama, menyebarkan fitnah dan melemparkan tohmah untuk menutup kelemahan diri. Kita harus insaf bahawa di kalangan tokoh-tokoh politik yang kini masih berjaya sekalipun terdapat gejala membeli undi, menipu, mengugut, hidup dengan sikap berpura-pura; menggunakan jentera kerajaan untuk memelihara kepentingan sukuan, dan menjadi pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja sebagai hulubalang dan askar upahan.

Di kalangan usahawan juga begitu. Kekayaan yang diperolehi hasil daripada dasar parti yang didukung oleh petani dan buruh, dijadikan modal untuk menyogokkan pelbagai macam rasuah bagi mencapai hasrat mereka. Sebarang tender yang dipohon wajib diberikan kerana jika tidak, kekayaan yang di tangan akan digunakan untuk menjatuhkan pemimpin-pemimpin. Lantas muncullah pelbagai kisah menarik dari sedang Jemaah Menteri ke kamar beradu yang diolah dan disebarkan melalui lobi-lobi hotel dan melalui pengarag-pengarang upahan. Insaflah akan amaran Allah (SWT), surah al-Baqarah: 191, maksudnya: "... dan fitnah itu lebih besar bahayanya dari pembunuhan." Apakah memadai sekadar kita mengeluh! Apakah cukup kita berfalsafah; mengingatkan agar politik Melayu jangan hendaknya sinonimus dengan *intrigue* istana pada zaman akhir kesultanan Melayu Melaka; ataupun sekadar memberikan amaran demi amaran.

Kita menuntut agar Biro Pencegah Rasuah diperkukuhkan, dengan tambahan kuasa dan jentera yang cukup terlatih dan berkesan. Tiada ada siapapun yang harus dikecualikan, tidak kira kedudukan, pangkat dan kekayaan sama ada pemimpin politik, pegawai atau pengusaha. Kita sudah jemu dan benci mendengar kisah-kisah sogokan yang dilakukan oleh "ikan besar" dan "ikan kecil" dan kita harus mengejar, menangkap dan menghukum mereka. Kita berperanan untuk mengukuhkan kedudukan pimpinan, agar mereka lebih berani dan tegas bertindak dan mewujudkan pembaharuan-pembaharuan yang diperlukan. Seandainya pucuk pimpinan menyeleweng daripada dasar perjuangan yang telah diwariskan itu, Pemudalah yang akan pertama sekali bangun menentang dengan sekeras-kerasnya. Kita juga menuntut agar tokoh-tokoh politik yang terjebak dengan rasuah politik dan rasuah moral, kemaksiatan dan rendah akhlak disingkir daripada kedudukan mereka. Apakah mampu kita untuk memenuhi aspirasi perjuangan parti, "membina bangsa dan bermaruah" dan "masa yang gemilang", sekiranya pimpinan disemua peringkat tidak padu dan tidak sepakat membina negara yang lebih cemerlang?

Kita tetap menyokong segala usaha untuk memperketatkan disiplin bahkan menyingkir sesiapa sahaja yang didapati bertindak bertentangan dengan hasrat perjuangan parti untuk membela bangsa dan menegakkan cita-cita Islamiah. Kita berikrar untuk tidak akan menjadi munafik, berpura-pura memberi sokongan tetapi membantah di belakang sebaik-baik sahaja kepentingan diri tergugat. Prinsip moral, kebenaran dan kesucian perjuangan mesti mengatasi segala kepentingan lainnya. Ujian terbesar buat kita ialah kesediaan kita, pertamanya, kesediaan untuk mengelakkan diri dari kegiatan curang seperti yang tersebut dan kedua, kesediaan untuk menyingkirkan golongan tersebut daripada kalangan pemuda dan ketiga, kesediaan untuk mempastikan bahawa orang rendah akhlaknya tidak mendapat tempat dalam hiraki pimpinan parti kita. Sekiranya kita sendiri tidak berkeupayaan untuk memperbetulkan gelanggang sendiri, jangan mengharapkan orang lain untuk melakukannya.

Akan tetapi suatu perkembangan yang agak baru ialah keliruan yang ditimbulkan atas nama wadah Islam. Inilah perkara yang berulangkali diingatkan - bahaya slogan-slogan yang diucapkan tetapi tidak disusuli dengan tradisi keilmuan dan amalan yang dituntut oleh agama. Islam adalah agama sejagat dengan risalah yang menjamin rahmat bagi seluruh alam, yang mengatasi batas-batas kaum, daerah atau, faham kepertian yang sempit. Firman Allah (SWT), maksudnya: "Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu, melainkan untuk

(menjadi) rahmat bagi semesta alam." Justeru kerana jahil tentang sejarah ada orang yang berani membuat kenyataan akan kesamaan kedudukan bahasa dan budaya sukuan lainnya di rantau ini. Seseorang hanya sekadar perlu mengkaji sejarah kedatangan Islam di kepulauan Melayu dan mendalami bahasa Melayu untuk meyakini akan kedudukannya yang unik sebagai bahasa dan budaya utama umat Islam di rantau ini. Huraian yang ilmiah dan jelas telahpun dibuat oleh Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib Al Attas dalam bukunya *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Janganlah kita terperangkap oleh jargon-jargon baru yang tidak difahami atau terdorong untuk menonjolkan diri sebagai juara pelbagai kaum semata-mata untuk memancing beberapa undi sahaja. Kita takut kalau-kalau nanti "yang dikejar tidak dapat, yang dikendong keciciran"; atau kerana terdorong untuk menerima tepukan, nanti akibatnya "menang sorak, kampung tergadai".

Kita harus meyakini bahawa dalam konteks pengukuhan negara Malaysia, isu bahasa dan budaya masih merupakan isu pokok. Keghairahan mengenai komputer dan Proton yang dianggap cukup penting tidak pula bermakna kita patut mengabaikan keperibadian bangsa; kerana sesungguhnya kita harus yakin bahawa landasan perjuangan tidak mungkin terlepas daripada sejarah serta usaha meningkatkan mutu bahasa dan budaya ke arah pembinaan tamadun. Dengan kepercayaan bahawa kita akan tetap teguh mewarisi warisan suci perjuangan bangsa sahajalah maka kita memberanikan diri mengajak pemuda-pemuda dari semua komponen Barisan Nasional untuk meneruskan muafakat, menjalin semangat kekeluargaan dan kerukunan hidup antara kaum dan agama. Kita berhasrat untuk meningkatkan kerjasama dan muafakat ke arah tercapai masyarakat Malaysia yang bersatu dan bahagia.

Pada masa sekarang telah ditimbul kembali kesedaran terhadap Islam, kesedaran yang terpancar dari keyakinan menyempurnakan tugas suci sepertimana yang dijelaskan di dalam al-Quranul Karim, maksudnya: "Siapakah yang telah baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang soleh dan berkata: "Sesungguhnya aku termasuk orang-orang (Muslimin) yang menyerah diri?" Maka dalam gelombang kebangkitan Islam hari ini, Islam mestilah dijadikan kekuatan yang secara positif dapat membawa perubahan dan pembaharuan ke arah yang ma'ruf: meneguhkan iman, menambahkan ilmu dan memperbanyakkan amal. Islam dapat menggerakkan umat ke arah keyakinan diri menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang dan menggerakkan umat ke arah amal yang sungguh-sungguh dalam kehidupan mereka. Inilah tugas membina kekuatan ummah yang selaras dengan Hadis Rasullullah (SAW), ertinya: "Orang mukmin yang kuat adalah lebih baik dan dikasihi Allah dari orang mukmin yang lemah." Dalam pada itu, kita harus perihatin terhadap arus kebangkitan Islam yang ditunggangi oleh golongan yang ingin menjadikannya sebagai alat mengukuhkan kedudukan peribadi dan golongan tanpa perencanaan atau kesediaan untuk melakukan pembaharuan. Lantas kita akan terdedah bukan dengan kebangkitan Islam yang sebenar bahkan, suatu aliran *neo-conservative* yang jumud, sinis terhadap daya intelektual dan akan bertungkus-lumus untuk memperkukuhkan kedudukan mereka tanpa usaha gigih untuk menghayati Islam sebagai *ad-din*. Kita bimbang bahawa gejala negatif ini menular dengan pantas di tengah-tengah masyarakat kita, menimbulkan satu kelas *clergy* baru yang akan membantutkan kecerdasan berfikir masyarakat dan memonopolikan ilmu dan kegiatan agama di bawah naungan "para

rahib" baru. Perkembangan ini membawa arus kebangkitan Islam sebagai aliran perkembangan *rituals* dan kerohanian secara sempit ataupun slogan yang dicanangkan secara umum.Penghayataan Islam tidak mungkin terlaksana sekiranya di kalangan yang melaungkan sendiri tidak mempunyai kefahaman yang mantap, keikhlasan membetulkan kelemahan diri dan institusi agama yang mereka wakili ke arah kejayaan dan kecemerlangan.

Kebangkitan Islam yang tidak didukung oleh tradisi *'aqliyyah* tidak mungkin dapat bertahan dalam menghadapi arus pemikiran dan perubahan yang kian mencabar. Apabila arus kebangkitan Islam dikongkong oleh golongan yang menganggap diri mereka sebagai "para rahib" yang seba tahu, maka akibatnya ialah pemikiran menjadi terbantut dan jumud bahkan mungkin menakutkan masyarakat untuk membahaskan sesuatu mengenai Islam. Maka kedengaranlah serangan terhadap ilmu sekular yang muncul dari kalangan yang tidak terdidik atau terbatas ilmunya; atau semboyan antikebendaan di kalangan masyarakat yang umumnya miskin. Pada hal, keadaan yang amat mendesak buat Muslimin dan yang harus menjadi persoalan utama harakah Islamiah ialah menimba ilmu pengetahuan, menganjurkan pembaruan dalam pemikiran (tajdid) dan memperolehi kejayaan ekonomi sebanyak-banyak. Dan ini semuanya harus dilakukan dengan kesedaran beriman dan dalam rangka ibadah kepada Allah 'Azza wa Jalla. Sabda Rasulullah (SAW) bermaksud: "Kamu lebih mengetahui mengenai urusan duniamu." Pembangunan adalah usaha meningkatkan darjat dan martabat manusia melalui gerak daya dan gerakan seluruh potensi dalam rangka kesatuan kerohanian dan kebendaan bagi mencapai kesejahteraan duniawi dan ukhrawi. Ini juga merupakan di antara keutamaan besar dalam strategi perjuangan Pergerakan Pemuda kini iaitu usaha mengembleng tenaga masyarakat muda dan rakyat untuk bergerak, berikhtiar dan pekerja secara bersungguh-sungguh bagi memperjuangkan dan memperbaiki nasib mereka sendiri.

Filasuf Malik Ben Nabi pernah menyebut bahawa dinamisme pembangunan tidak seharusnya menekankan aspek modal akan tetapi sumber dinamisme itu terletak di tangan manusia dan tekad menyedarkan masyarakat dengan keazaman dan ketekalan untuk digarap dan digerakkan bagi menjayakan sesuatu projek melalui azam dan tekad budaya. Azam dan tekad budaya lahir dan kesedaran sejarah, pengenalan hakikat diri dan masyarakat dalam hubungannya dengan hakikat diri dan masyarakat dalam hubungannya dengan hakikat kehidupan yang menyeluruh. Budaya adalah wadah yang mencerna segala ideologi, fahaman, prinsip dan cita-cita menjadi kenyataan. Budaya dapat mempastikan segala kemewahan kebendaan, dan kemajuan teknologi tidak bercanggah dengan prinsip dan cita-cita. Malahan budaya dengan daya fikir dan daya cipta yang dikurniakan oleh Allah (SWT) kepada manusia dapat menyediakan sistem dan kaedah yang berbagai sehingga segala hasrat, harapan dan cita-cita bangsa ummah dapat dipenuhi. Budaya adalah manifestasi prinsip dan identiti kita. Tanpa azam dan hasrat budaya segala idea tidak akan menjadi kenyataan, segala cita-cita akan berakhir dengan kehampaan, segala kebaikan akan menjadi keburukan, segala kebenaran akan menjadi kepalsuan dan segala keindahan akan menjadi kejelekan.

Lebih 60 tahun yang lalu Pendeta Zaaba telah membahaskan soal kemiskinan orang Melayu dalam konteks yang sama. Kemiskinan menurut beliau mencakup kemiskinan keperangaian, kemiskinan keperangaian, kemiskinan ilmu pengetahuan, kemiskinan cita-cita tinggi dan kemahuan untuk maju dan kemiskinan harta dan kekayaan. Persoalan yang

samalah yang kita bicarakan sekarang - kedaifan akhlak, kedaifan ilmu dan kedaifan semangat dan budaya serta kedaifan ekonomi. Kini kita di ambang pelancaran Rancangan Malaysia Kelima, rancangan pembangunan yang kritikal sebelum menjelang tahun 1990. Rancangan ini sewajarnya memberikan gambaran sebenarnya akan tahap pencapaian Dasar Ekonomi Baru yang dijangka akan kurang dari *target* pencapaian sama ada dari segi penguasaan ekuiti di sektor koporat atau aspek yang pada pemuda lebih utama - pembasmian kemiskinan. Kita dapat menerima knyataan tersebut, namun masyarakat berhak mengetahui langkah-langkah tegas yang akan dilakukan seterusnya bagi mempastikan agar tujuan-tujuan yang tertera dilaksanakan dan pelaksanaannya tidak dilengah-lengahkan.

Pergerakan Pemuda juga ingin menyarankan agar strategi pembangunan mengutamakan faktor insan itu sendiri dengan strategi penggemblengan tenaga rakyat memupuk nilai-nilai yang suci, etika kerja yang sesuai dan mempunyai kepakaran yang diperlukan. Aspek pembangunan kemanusiaan juga harus menuju ke arah perubahan struktur di samping keupayaan menerima dan mengubah-suai teknologi. Meskipun pucuk pimpinan sering menekankan aspek penggemblengan tenaga rakyat dengan nilai dan sikap yang baru, dengan "azam dan tekad budaya" namun institusi dan program belum menyusul selaras dengan hasrat tersebut. Persoalan ini ada hubungan dengan strategi membasmi kemiskinan dalam rangka mencapai keadilan sosial. Kita menekankan keperluan perubahan struktur dan penyesuaian institusi dan berkat langkah-langkah yang diambil kadar kemiskinan telah menurun. bahkan kita boleh berbangga dengan kejayaan di bidang fizikal. Akan tetapi untuk menggerakkan masyarakat untuk melahirkan keupayaan membangunkan diri sendiri, merobah sistem nilai yang lebih progresif serta untuk membebaskan diri dari mentaliti bergantung terhadap subsidi dan bantuan, nyatalah kita belum berjaya. Kenyataan di atas tidak bermakna kita harus berpuas hati dengan ikhtiar dan pembelaan yang diberikan terhadap masyarakat miskin. Pergerakan Pemuda mempercayai bahawa masih terdapat kalangan "yang terlalu miskin" (hard core poverty) yang terbiar dan kurang diberikan perhatian. Kita mendesak supaya pertimbangan khusus diberikan untuk menjamin kehidupan yang selesa buat golongan paling miskin ini.

Kita juga telah menekankan bahawa integrasi wilayah haruslah juga dicapai melalui pembangunan yang seimbang. Kecenderungan untuk terus memusatkan perhatian di daerah yang maju dan menangguhkan peruntukan bagi kawasan yang dianggap mundur justeru kerana tidak membawa kelancaran ekonomi yang diharapkan haruslah diperbetulkan. Lebih-lebih lagi kerana masih terdapat kawasan desa dan pedalaman yang belum memperolehi kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, sekolah dan pusat kesihatan kecil. Strategi pembangunan mestilah mencapai keseimbangan yang munasabah di antara wilayah dan negara. Kita juga perlu mengulangi bahawa penubuhan agensi dan jabatan yang bercambah yang tidak dikawal rapi tidak akan memenuhi hasrat dan memanfaatkan kumpulan sasar. Jentera kerajaan harus dihalang dari pembaziran amalan boros dan bermegah-megah dengan keindahan yang tidak membawa faedah kepada rakyat. Prinsip pertanggungjawaban (accountaility) mestilah diutamakan, sepertimana firman Allah (SWT) bermaksud: "Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebih-lebihan, dan tidak (pula) kikir, dan adalah (pembelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian." (Al-Furqaan: 67) Dan, setiap kecuaian atau penyelewengan mesti dianggap sebagai jenayah dan

hukuman setimpal mestilah dikenakan. Sekiranya ini tidak mampu dilakukan, sejarah akan berulang dan kecekapan dalam pentadbiran akan menjadi bahan olok-olok.

MEMBACA

# Anwar Ibrahim: Tokoh Pembaca

**Minat peribadinya yang agak rakus terhadap pembacaan buku mahupun pendorongan rasmi yang diberikannya terhadap penghasilan dan penyebaran buku di kalangan bangsanya itu sesungguhnya lahir daripada kekhuatirannya yang mendalam akan keadaan yang ditanggapnya sebagai kegelapan yang sedang mencengkam cakerawala intelek bangsanya.**

Usaha Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan Malaysia (MKBK) memilih seorang tokoh untuk diumumkan sebagai Tokoh Pembaca tentunya merupakan tugas yang amat sukar, kalaupun tidak mustahil. Apakah kriteria yang akan digunakan untuk menentukan tokoh tersebut? Pembacaan yang meluas lagi mendalam tentunya merupakan syarat yang utama. Tetapi bagaimanakah dapat ditentukan betapa meluas dan mendalamnya pembacaan seseorang itu? Tambahan pula, bilangan buku yang dibaca oleh seseorang, selain sukar dapat diukur dan dipastikan, merupakan kriteria yang tidak memadai. Besarnya bilangan buku yang dibaca, tanpa dapat memanfaatkan pembacaan itu secara intelektual, tidaklah ada faedahnya. Malah, menurut Mortimer Adler, peringkat pembacaan yang paling tinggi ialah pembacaan sintopikal, yakni pembacaan yang bukan sahaja dapat memanfaatkan sebanyak mungkin buku dalam sesuatu atau pelbagai bidang, dengan si pembacanya secara kreatif dapat menerbitkan sintesis yang segar dalam pemikirannya daripada hasil pembacaan buku-buku itu. Ditinjau dari sudut keperluan bimbingan intelektual yang penting bagi sesebuah masyarakat yang sedang membangun seperti masyarakat kita, maka seorang pembaca yang telah mencapai tahap sintopikal itu sebaik-baiknya dapat pula mendorongkan minat terhadap kegiatan intelektual secara umumnya, dan terhadap pembacaan buku-buku secara khususnya, di kalangan para anggota masyarakatnya sendiri.

Tokoh Pembaca yang kita umumkan hari ini – Saudara Anwar Ibrahim – sesungguhnya dapat dikata memenuhi sebahagian besar kriteria itu. Bukanlah tujuan kita untuk membuktikan bahawa tokoh ini merupakan tokoh yang paling banyak membaca, kerana seorang pembaca pruf di sebuah badan penerbitan sudah pasti lebih banyak membaca daripadanya. Akan tetapi, sebagai anggota satu golongan elit politik yang selalunya lebih terkenal kerana kecekatan dalam percaturan politik dan pencapaian dalam lapangan profesional semata-mata, maka tokoh ini menonjol kerana minat dan kepekaan intelektualnya. Oleh itu, keghairahannya tidaklah semata-mata ditumpukan terhadap tindak-tanduk pengurusan dan pentadbiran untuk menegakkan negara ini menjadi sebuah Negara Perindustrian Baru. Malah, visinya lebih tajam dan lebih jauh menjangkau ke arah membina sebuah masyarakat yang secara intelektual dapat melepaskan diri daripada kegelapan dan kejumudan pemikiran. Oleh yang demikian, pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha kemajuan buku di negara ini amatlah berterima kasih kerana visinya itu seringkali diartikulasikannya dengan secara langsung melibatkan buku-buku.

Kedudukan beliau di kalangan elit politik negara ini tidaklah pernah dijadikannya alasan untuk menjauhkan diri daripada buku dan kegiatan intelektual. Malah kedudukannya itu sering pula menjadi rahmat terhadap perkembangan buku di negara ini. Sebagai Menteri Pendidikan Malaysia, nyatalah bahawa Saudara Anwar Ibrahim tidak pernah menanggap peranannya sebagai ketua pengurus sekolah-sekolah dan kilang-kilang sijil serta ijazah semata-mata. Sebaliknya, dia menanggap peranannya sebagai pembawa obor untuk menyuluh alur falsafah yang wajar diikuti oleh sistem pendidikan negara ini, demi melahirkan manusia bijaksana yang seimbang, sebagai para anggota masyarakat Malaysia untuk hari-hari mendatang. Dalam memainkan peranannya itu, peranan buku sentiasa mendapat tempat yang istimewa lagi nyata.

Oleh kerana kecintaannya yang tulen terhadap buku, Saudara Anwar Ibrahim tampaknya merupakan satu-satunya menteri di negara ini telah mengukir reputasi sebagai "menteri pelancar buku". Melihat beliau berucap melancarkan buku-buku yang diterbitkan oleh badan penerbitan pemerintah seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, penerbit-penerbit swasta, institusi-institusi pengajian tinggi, mahupun badan-badan bebas seperti GAPENA, Persatuan Linguistik Malaysia, Yayasan Penataran Ilmu dan sebagainya tidaklah merupakan sesuatu yang luar biasa. Namun demikian, tugas itu sentiasa dilaksanakannya dengan minat dan kesungguhan yang tidak pernah luntur – memuji usaha yang telah dilaksanakan, dan mendorongkan usaha yang seterusnya. Setiap kali, gesaannya ialah supaya pihak-pihak yang berkenaan itu berusaha lebih gigih supaya hasil daya intelek daripada pelbagai tradisi pemikiran dunia dapat terus disalurkan kepada bangsa kita sebagai bekal kita



**Sdr. Anwar Ibrahim tersenyum setelah menerima plak Anugerah Tokoh Pembaca 1988.**

membina tradisi intelek sendiri yang lebih terbuka dan lebih jitu.

Namun demikian, tugas pelancaran buku yang sering dilakukannya itu tidaklah pula dihadapinya dengan sikap rasmi-rasmian semata-mata. Misalnya, sewaktu pelancaran Yayasan Penataran Ilmu yang dilakukannya baru-baru ini, dia dengan sungguh-sungguh memastikan bahawa 14 judul buku hasil terjemahan Yayasan itu telah disampaikan kepadanya terlebih dulu untuk dibaca sebelum dia menyediakan ucapan pelancarannya. Dan sesungguhnya dalam ucapan itu dia telah berusaha mengulas sebahagian daripada buku-buku tersebut. Sebagai seorang menteri dan ahli politik yang terpaksa bergiat cergas dalam zaman dan suasana politik yang penuh pancaroba sekarang, memanglah sukar dapat diduga bagaimana dia dapat meluangkan waktu untuk terus-menerus membaca. Namun demikian, saya kira tidak siapa yang dapat menuduh bahawa judul-judul buku yang disebut-sebut dalam ucapan-ucapannya itu sekadar merupakan upaya menyuguhkan nama semata-mata. Malah, sebaliknya, kita berasa kagum akan keyakinan dirinya memperkatakan karya-karya tersebut di depan para ahli dalam bidang-bidang tertentu. Rasanya, hanya seseorang yang telah benar-benar membaca buku-buku berkenaan yang akan dapat dengan yakinnya memperkatakan Karl Mannheim dan Michel Foucault di depan para ahli sains sosial, memperkatakan Allan Bloom di depan para ahli dan pentadbir pendidikan, memperkatakan gagasan-gagasan *futurist* John Naisbitt di depan para ahli sains, mengemukakan tanggapannya akan karya-karya Arena Wati dan Patrick Suskind di depan para sasterawan dan pengkaji sastera, dan menghuraikan pemikiran para ahli falsafah klasik Islam serta para pemikir semasa seperti Fazlur Rahman dan Ismail Faruqi di depan para sarjana Pengajian Islam. Jika beliau dapat dituduh sebagai hanya terus-menerus "berpura-pura tahu" di depan semua para ahli itu, maka tentunya para ahli itu sendirilah yang perlu kita persoalkan keahlian dan kejituannya.

Kebiasaan menyebut judul-judul buku dan nama-nama pengarang oleh seorang ahli politik yang mendapat pendedahan media yang agak meluas ini, pada hemat saya, telah mendatangkan kesan yang positif terhadap upaya penggalakan pembacaan dalam masyarakat kita, menimbulkan rasa ingin tahu di kalangan orang yang biasanya tidak begitu berminat terhadap karya-karya tersebut dan pemikiran yang terkandung di dalamnya. Misalnya, beberapa bulan yang lalu, setelah membaca resensi-resensi yang banyak terdapat dalam majalah-majalah Barat, saya terpaksa mengeluarkan sejumlah wang yang agak membebankan untuk memesan karya Allan Bloom, *The Closing of the American Mind* dari Amerika Syarikat. Sedemikian besarnya minat yang telah ditimbulkan terhadap buku itu kerana sering disebut-sebut oleh Saudara Anwar Ibrahim, sehingga buku yang telah saya baca itu hingga kini belum pernah sempat tinggal lama dalam perpustakaan peribadi saya di rumah – terus-menerus sahaja dipinjam dan kadang-kadang disalin (secara melanggar undang-undang hakcipta) oleh teman-teman yang antaranya selama ini tidaklah pernah memperlihatkan minat terhadap pembacaan, apatah lagi karya-karya yang seperti itu.

**Dia menganggap peranannya sebagai pembawa obor untuk menyuluh alur falsafah yang wajar diikuti oleh sistem pendidikan negara ini demi melahirkan manusia bijaksana yang seimbang, sebagai para anggota masyarakat Malaysia untuk hari-hari mendatang.**

Saya kira Saudara Anwar memang sentiasa sedar tentang kesan yang dapat ditimbulkannya terhadap pendorongan pembacaan. Oleh kerana itu, dia tidak pernah jemu-jemu menyarankan judul-judul tertentu kepada segala golongan yang berhubungan dengannya dalam kehidupan sehari-hari – daripada para pengikut dan para ahli politik ke para pegawai di kementeriannya, hinggalah kepada para Naib Canselor di universiti-universiti. Malah, beliau sering pula menganjurkan suatu jenis kegiatan yang dinamakannya Wacana Intelektual (Intellectual Discourse) yang disertai oleh para pegawai kanan dan para pentadbiran pendidikan di negara ini. Dalam pertemuan-pertemuan tersebut para peserta didorongkan menyertai perbincangan tentang beberapa persoalan intelektual yang penting dengan dipandu oleh tokoh-tokoh yang diundang khusus, serta buku-buku yang disarankan dan ditentukan.

Sebagaimana yang kita ketahui, alur yang dilalu oleh Saudara Anwar untuk memasuki arena politik negara ini berpunca pada *milieu* kebangkitan kembali Islam di kalangan para pemuda kita pada tahun-tahun 1970-an. Meskipun arah yang diambil oleh kebangkitan itu telah agak sering dikritik oleh para penganalisa sosial tertentu kerana kejumudan dan kemandulan intelektualnya, namun Saudara Anwar sendiri sebagai salah seorang tokoh terpenting yang dilahirkan oleh gerakan sosial itu sejak semula telah menekankan betapa pentingnya gerakan itu mendalami dan menghayati khazanah intelektual Islam yang agung, dan membuka diri seluas mungkin kepada unsur-unsur pemikiran yang positif daripada pelbagai tradisi lainnya, dalam rangka usaha mencari suatu sintesis baru yang segar dan akan memungkinkan masyarakat Islam menjadi pramuka dalam mengharungi gelora zaman abad kedua puluh satu yang penuh pancaroba nanti. Dalam konteks ini, dapatlah kita lihat usahanya yang gigih dalam mendorongkan penerbitan karya-karya para sarjana dan pemikir Islam, baik klasik mahupun semasa, baik dalam rangka kegiatan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) mahupun dalam tindakan-tindakan rasminya setelah zaman itu.

Minat peribadinya yang agak rakus terhadap pembacaan buku mahupun pendorongan rasmi yang diberikannya terhadap penghasilan dan penyebaran buku di kalangan bangsanya itu sesungguhnya lahir daripada kekhuatirannya yang mendalam (dan sering pula diluahkannya dalam ucapan-ucapan) akan keadaan yang ditanggapnya sebagai kejumudan dan kegelapan yang sedang mencengkam cakerawala intelek bangsanya. Hanya penilaian masa depan yang akan dapat memastikan apakah benar atau tidak tanggapannya itu. Jika tanggapannya itu benar, maka kita sepatutnyalah turut serta berasa gusar. Hanya kita mengharapkan – sebagaimana biasanya dalam sejarah intelektual bangsa-bangsa di dunia – bahawa dalam keadaan gelap-gelita yang demikian itu biasanya akan keluarlah daripada gua ilmu burung-burung hantu Minerva mengembangkan sayapnya, melontarkan cahaya penyuluh supaya sirnalah kejahilan dan kebekuan daya berfikir. Demi menjaga reputasi diri saya sendiri yang biasanya bersifat kritis, maka tidaklah saya bermaksud hari ini untuk menjulang tinggi Saudara Anwar Ibrahim dengan menganggapnya sebagai burung hantu Minerva yang bakal menyelamatkan masyarkat kita dari zaman kejahilannya. Namun demikian, dengan kepekaannya yang halus serta kemantapan inteleknya, dengan kecintaannya akan buku dan ilmu, serta kedudukan sosial dan politik yang memungkinkannya berbuat sesuatu, maka kita mengharapkan agar dia *sekurang-kurangnya* tidak akan jemu-jemu mencari burung-burung hantu Minerva itu lalu menggerakkannya agar segera keluar dari gua persemadiannya yang diliputi kebekuan. ●

Pidato penganugerahan Tokoh Pembaca oleh Rustam A. Sani di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 7 Ogos 1988

# Cabaran Selepas 1990



**Peniaga Melayu: Perlu kesungguhan untuk maju.**

Kita semua menyedari bahawa tahun 1990 adalah tahun yang amat penting dengan tamatnya satu pemuafakatan selama 20 tahun antara kaum-kaum negara ini untuk menghasilkan masyarakat adil melalui program pembasmian kemiskinan dan kejuruteraan sosial untuk menghapuskan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi. Tetapi kita tidak boleh menjadikan tamatnya tahun 1990 sebagai berakhirnya komitmen kita terhadap cita-cita murni untuk menghasilkan keadilan sosial. Sebaliknya kita harus mengambil kesempatan ini untuk menggemblengkan tenaga fikir di kalangan cendekiawan kita untuk memberikan arah baru kepada komitmen kita terhadap cita-cita tersebut.

Selama 19 tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, kita telah menyaksikan banyak kejayaan yang telah dicapai dalam usaha-usaha kita untuk membela nasib rakyat dan meningkatkan penyertaan golongan bumiputera ke dalam sektor moden. Tetapi kita berasakan masih banyak yang boleh dilakukan dan kita memang mempunyai keupayaan untuk melaksanakannya untuk membela nasib rakyat terutamanya mereka yang tertinggal arus pembangunan. Adalah satu kewajipan untuk kita memastikan agar tiada golongan yang tercicir dan tenggelam dalam putaran ganas kemiskinan sementara kita berbangga dengan kejayaan kita mencapai hasrat penyusunan semula masyarakat.

Petikan ucapan Sdr. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia sewaktu merasmikan "Simposium – Selepas 1990" anjuran GAPENA, di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1 April 1989, jam 12:30 tengah hari.

Kita berkeyakinan bahawa adalah suatu kemestian moral (moral imperative) bagi dasar dan haluan sosioekonomi kita pada masa depan agar golongan fakir (hardcore poor) dan miskin diberikan pembelaan yang sewajarnya dan program tersebut diberikan keutamaan. Bahkan seluruh gagasan atau visi besar untuk masa depan masyarakat Malaysia akan kehilangan justifikasi moralnya kalau program untuk menyelesaikan persoalan golongan fakir dan miskin ini dijadikan sekadar slogan atau dasar sampingan. Bahkan dalam tradisi pemikiran ekonomi Islam, cara-cara untuk membela nasib golongan fakir dan miskin diberikan keutamaan yang tinggi.

Tanggungjawab moral kita dalam hal ini tidak sekali-kali boleh diwarnai oleh fahaman politik sempit atau perkauman kerana program ini adalah tanggungjawab dan bukan program politik.

Sejak kerajaan mengemukakan rencana untuk membasmi kemiskinan, ia telah menjadi tajuk perbincangan dan perbahasan yang hebat dan kita harus berasa gembira kerana cendekiawan dan pemimpin-pemimpin masyarakat tetap peka dan prihatin terhadap persoalan kemiskinan, walaupun kita tidak dapat menafikan ada golongan yang cuba memberikan gambaran keterlaluan dan tidak munasabah terhadap masalah kemiskinan di Malaysia. Sepertimana kita tidak bersetuju dengan golongan yang menafikan kewujudan gejala miskin termasuk golongan fakir, kita juga tidak dapat bersetuju dengan golongan yang menafikan kejayaan-kejayaan yang telah ditempuh untuk memperbaiki nasib golongan tersebut. Kita juga tidak perlu *apologetic* dengan mengatakan apa yang kita lakukan selama ini telah memadai kerana kita harus sedar bahawa agenda untuk membela nasib golongan yang terkebelakang masih belum selesai.

Menurut kajian Unit Pelaksanaan dan Penyelerasan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri, terdapat sejumlah 25,000 ke-

luarga fakir di Malaysia. Kita percaya angka ini adalah munasabah dan adalah dalam lingkungan kita untuk membela nasib mereka.

Sikap prihatin kita terhadap persoalan kefakiran dan komitmen untuk membela nasib dan menggandakan pendapatan mereka jangan sekali-kali disalah anggap sebagai *welfarism* yang memanjakan golongan miskin sehingga mereka menjadi golongan yang *dependant* atau memaksa mereka menjadi golongan bergantung nasib untuk tujuan politik. Bahkan inilah gambaran yang hendak diberikan oleh setengah-setengah golongan bahawa ia adalah *expedient*, satu kewajaran dalam pertimbangan politik untuk mengekalkan sebahagian masyarakat dalam kefakiran. Sebaliknya hasrat kita untuk membela nasib golongan miskin ialah dengan menyediakan infrastruktur yang membolehkan mereka membaiki nasib seperti kemudahan kredit dan pasaran serta menimbulkan semangat di kalangan golongan fakir untuk bangun dan memperbaiki nasib mereka.

Kita harus melihat tahun-tahun 90-an dengan berani dan realistik kerana sikap ini sahaja yang boleh menjamin bagaimana kita boleh menjawab cabaran zaman selepas 1990 dengan berkesan. Sikap kita dalam merentas tahun-tahun selepas 1990 tentunya tidak boleh sama dengan sikap kolektif masyarakat kita selepas tragedi 13 Mei, iaitu yang muncul dari desakan politik gamat dan cemas, cemas dengan ketidaktentuan masa depan ekonomi dan politik Melayu. Reaksi dari suasana cemas tersebut ialah dirasakan perlu kepada program pengagihan ekonomi dan kekayaan negara yang lebih adil dan saksama.

Senario kita telah jauh berubah yang memerlukan sikap memandang keluar dan bagaimana kita meletakkan negara kita dalam senario baru ini. Adalah tidak wajar kita mengambil sikap yang *extreme* dengan melupakan sama sekali senario baru, kerana sikap ini akan merugikan kita. Senario kita dilihat dalam konteks ekonomi yang berkembang dan terbuka yang memerlukan peranan yang lebih besar daripada pihak swasta sebagai sumber jentera pertumbuhan. Untuk mengelakkan sektor awam daripada menghimpit pertumbuhan sektor swasta dan supaya sektor swasta merealisasikan potensi mereka, maka kerajaan perlu menjalankan program *deregulation* – mengurangkan kawalan yang berlebihan.

Kawalan yang terlalu ketat akan mengecewakan para pelabur dan kemungkinan mereka akan mencari tempat yang boleh meluluskan permohonan mereka dengan lebih cepat. Kita juga menyedari akan keperluan untuk mengawal beban hutang negara ke paras yang munasabah, kerana kalau paras hutang ini tidak dikawal ia akan menghakis pendapatan eksport kita, ini lebih dirasakan sekarang apabila pinjaman yang kita buat adalah dalam mata wang yang mengalami peningkatan nilai. Untuk mengelakkan gejala ini daripada berulang, kerajaan perlu menswastakan agensi-agensi yang bersifat perdagangan untuk memastikan mereka lebih cekap dan lebih teliti dalam pengurusan kewangan, dan mengurangkan keperluan bagi pihak kerajaan untuk membuat atau menjamin pinjaman bagi pihak agensi-agensi berkenaan.

Masa depan ekonomi negara kita juga tidak boleh dipisahkan sama sekali dengan perkembangan dan haluan ekonomi antarabangsa. *Globalisation* dan ketergantungan antara negara dan benua adalah satu hakikat yang tidak boleh dinafikan atau dipandang kecil. Kita mungkin tidak senang dengan gejala turun naik mata wang seperti yen atau dolar yang mempunyai kesan yang begitu mendalam terhadap ekonomi kita, tetapi ini adalah kenyataan yang perlu kita hadapi dengan penuh kecekalan dan kebijaksanaan. Slogan seperti kemerdekaan ekonomi atau *national determination* dalam pengurusan ekonomi memang enak didengar tetapi hanya akan membawa kepada kemunduran dan pemencilan.

*Walaupun kita sedar struktur pasaran yang wujudnya gejala monopoli dan dominasi kumpulan etnik tertentu dalam ekonomi negara sering menyulitkan bumiputera untuk menembusi sektor-sektor tertentu, ini sekali-kali tidak boleh melemahkan daya juang dan daya saing usahawan kita.*

Kita juga harus peka kepada perusahaan-perusahaan yang berlaku di Eropah dan trend ke arah munculnya kawasan ekonomi yang kini disebut sebagai *Pacific Rim*. Kita harus memperkukuhkan *competitive advantage* yang ada pada kita kalau kita tidak mahu tewas dalam persaingan yang hebat di kawasan tersebut. Sebaliknya kalau kita peka dengan trend-trend ini kita boleh menggunakan kesempatan yang ada untuk menyesuaikan sistem pengeluaran kita untuk memenuhi permintaan-permintaan baru dan menyediakan tenaga manusia yang diperlukan untuk menapak ke era NIC pada tahun-tahun 90-an.

Ekonomi kita harus terus berkembang kerana hanya dengan cara ini kita boleh menyediakan pekerjaan kepada belia-belia kita yang memasuki pasaran buruh setiap tahun. Kita tidak boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi yang akhirnya akan menjadikan pengangguran semakin kronis. Kita tidak menafikan sama sekali akan keperluan pengagihan yang adil tetapi kita juga harus insaf bahawa hasrat pengagihan tersebut tidak akan tercapai tanpa pertumbuhan. Oleh itu adalah tidak waras bagi kita mengikut saranan menyekat kemaraan golongan lain sementara kita meningkatkan keupayaan ekonomi kita.

Kita harus ada keyakinan bahawa bumiputera juga boleh bersaing dalam pasaran terbuka, dan ini memang telah terbukti. Walaupun kita sedar struktur pasaran yang wujudnya gejala monopoli dan dominasi kumpulan etnik tertentu dalam ekonomi negara sering menyulitkan bumiputera untuk menembusi sektor-sektor tertentu, ini sekali-kali tidak boleh melemahkan daya juang dan daya saing usahawan kita. Kerajaan akan terus memberikan sokongan kepada bumiputera dalam sektor swasta kerana kita berkeyakinan bumiputera bukan sahaja boleh bersaing dalam bidang-bidang perniagaan yang konvensional tetapi juga menerokai bidang-bidang perniagaan yang baru.

Apabila kita memikirkan bentuk susunan ekonomi selepas 1990, kita juga harus bersikap realistik terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB). Di samping kita akur dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai, kita juga harus bersedia untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan dasar tersebut. Apakah ia hasil daripada penyelewengan atau ketidakmampuan sektor awam untuk mengawasi agensi-agensi yang harus bertindak seperti swasta? Juga amat ketara kegagalan DEB untuk melahirkan usahawan yang berwibawa. Saya melihat kejayaan masa depan penyertaan Melayu dan bu-

miputera dalam sektor industri dan perdagangan adalah amat bergantung pada faktor manusia kerana faktor manusialah yang akhirnya akan menentukan sama ada kemudahan seperti modal dan teknologi dapat digunakan dengan berkesan dan cekap. Saya melihat perlu ada paduan tenaga antara agensi seperti Permodalan Nasional Berhad, universiti dan sistem pendidikan kita untuk melahirkan usahawan yang berwibawa. Dalam hal ini Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan reformasi untuk menyediakan generasi akan datang untuk menghadapi cabaran masyarakat industri.

Prinsip kita apabila melaksanakan reformasi ini adalah untuk mencapai kecemerlangan yang menyeluruh, atau pendemokrasian pendidikan untuk mencapai *meritocracy*, tetapi bukan untuk memberikan peluang untuk mempertahankan *mediocrity*. Saya rasa para sarjana mempunyai peranan yang amat besar untuk menyerapkan *meritocracy* dalam sistem pendidikan tinggi kita, justeru itu mereka harus lebih produktif dalam penyelidikan dan penerbitan.

Sementara kita akur bahawa persoalan kefakiran dan kemiskinan, penggandaan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi adalah menjadi agenda utama dalam penentuan arah masyarakat Malaysia di masa depan dan komitmen untuk membasmi kefakiran harus menjadi suatu muafakat nasional. Kita harus sedar dan insaf terhadap pemikiran pendeta Za'ba bahawa masyarakat kita bukan sahaja harus dibebaskan dari kemiskinan kebendaan bahkan juga dari kemiskinan budaya, akhlak dan pemikiran. Kita bimbang, kalau penumpuan yang terlalu berat terhadap aspek kebendaan, kemungkinan masyarakat kita akan berkembang dalam satu aspek atau menjadi *one-dimensional society*, iaitu masyarakat yang selesa, mewah tetapi hampa daripada nilai-nilai budaya luhur yang dapat memancarkan kekayaan dan kepelbagaian kehidupan itu sendiri.

Dalam dekad-dekad selepas merdeka kerana suasana mendesak untuk membela nasib ekonomi rakyat menyebabkan penumpuan yang berlebihan diberikan terhadap program pembangunan material. Meskipun kita tidak menafikan terdapat institusi untuk perkembangan budaya, ia masih belum begitu memberangsangkan. Perkembangan dunia kreatif kita masih belum dapat dibanggakan terutamanya dalam aspek pemikiran dan esei-esei yang bersifat spekulasi.

Bila kita merenung masa depan, kita melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang *multi-dimensional*, negara yang kukuh ekonominya, terampil dari segi teknologi, malah manusianya dapat menghayati kehidupan budaya tinggi. Ada tokoh-tokoh besar yang boleh menyuarakan hasrat kemanusiaan dengan segala kepelbagaian dan keunikannya dan berakar pula kepada pengalaman setempat. Atas prinsip untuk melahirkan pelbagai pengucapan budaya ini kita mempertahankan kebebasan untuk mengucapkan pengalaman hidup dan berimaginasi, walaupun ada golongan yang curiga berdasarkan kes-kes terpencil dalam pengalaman semasa.

Kita tidak perlu mengambil sikap *apologetic* terhadap kebebasan melahirkan karya kreatif kerana kebebasan itu adalah prasyarat untuk melahirkan karya kreatif. Tidak mungkin dapat dihasilkan karya kreatif kalau tidak ada kebebasan imaginasi. Tetapi jangan sekali-kali kita beranggapan bahawa kebebasan menghasilkan karya imaginasi itu satu perkara yang baru ditemukan oleh manusia di zaman moden ini. Cuma pandangan yang herot sahaja boleh beranggapan bahawa kebebasan imaginasi itu adalah milik zaman ini dan tertumpu di Barat semata-mata.

Walaupun kita mempunyai alasan yang munasabah untuk memberikan perhatian yang penting terhadap nasib dan masa depan bangsa dan negara kita selepas 1990, kita jangan sekali-kali dihantui oleh tahun tersebut seolah-olah ianya melambangkan satu cabaran baru. Sebenarnya cabaran itu memang sudah lama dan sentiasa ada kerana bangsa kita telah lama prihatin tentang *survival* ekonomi, bangsa, ketuanan dan politik mereka dan risau kalau-kalau apa yang kita miliki sekarang akan hilang. Di samping perkara-perkara asas ini kita juga berhadapan dengan kemelut politik kepuakan dan faham politik sempit. Saya yakin sudah sampai masanya untuk kita mematangkan kehidupan politik kita.



**Suasana politik kita yang unik dicemburui oleh negara industri.**

Politik bukan sekadar permainan, kecualilah kita menerima cemuhan politik sebagai *low morale profession*, iaitu permainan mereka yang berjiwa kecil dan hampa dari segi etika, prinsip dan idealisme. Kita bercita-cita untuk menjadikan bangsa kita bangsa yang besar, yang boleh dibanggakan oleh anak-anak kita di masa akan datang. Justeru itu benih-benih kebesaran itu perlu kita tanam dari sekarang, melalui kehidupan politik kita yang subur, sihat dan bermoral; ekonomi yang sentiasa berkembang dan budaya yang kreatif.

Pengalaman Malaysia dalam politik adalah unik dan justeru itu dicemburui oleh negara-negara lain bahkan negara industri yang sombong dengan pengalaman demokrasi yang lebih lama. Negara lain mempunyai masyarakat majmuk tetapi tidak serumit seperti Malaysia. Kalaupun ada yang mempunyai suasana majmuk seperti di Malaysia mereka gagal untuk membendung pelbagai unsur di dalamnya dari meledak menjadi keresahan sosial atau rusuhan. Kita harus sensitif dengan perasaan orang lain ketika membuat tuntutan. Ini adalah prasyarat untuk menjamin keharmonian sosial. Misalnya tuntutan agar lebih banyak peluang di sektor awam dibuka kepada kaum tertentu, ianya juga harus diiringi dengan pembukaan peluang dalam sektor swasta agar komposisinya mencerminkan realiti sosial negara kita. Lebih dari itu harus ada kepekaan kepada keadilan sosial di kalangan semua kaum di negara kita.

Kita yakin mengisi wawasan ini bukan mudah. Ia memerlukan pengorbanan dan kesungguhan. Tetapi kita yakin juga itu bukan mustahil. Pengalaman sejarah kita cukup kaya hasil daripada pertembungan pelbagai kebudayaan dan juga sikap terbuka masyarakat kita untuk menyerap masuk unsur-unsur luaran selagi ianya tidak bertentangan nilai-nilai asas masyarakat tempatan.

Mulai sekarang, harus disuntik satu budaya politik dan ekonomi dengan elemen yang bening, bahawa umat Melayu adalah bangsa tegas, waras, pantas menangani semua jenis cabaran. Budaya ini akan menjadi penyuluh, pembimbing dan juga teras perjuangan masa depan, masa umat Melayu melangkah masuk ke abad ke-21. ●

# Sejarah Bukan Alat Propaganda

**Sewaktu membuat ucapan alu-aluan, Datuk Omar bin Mohd. Hashim, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) antara lain menyebut, "pada tahun ini keseluruhan tenaga, perancangan dan fokus persatuan ialah terhadap kemajuan dan perkembangan PSM secara jangka panjang, supaya persatuan ini dapat memberi satu pengisian yang lebih mantap kepada cita-cita masyarakat dan negara keseluruhannya untuk dekad-dekad yang akan datang ini." Sdr. Anwar Ibrahim pula menegaskan supaya PSM memperluaskan skop kegiatannya. Di bawah ini kami siarkan sepenuhnya ucapan Sdr. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia sewaktu merasmikan Mesyuarat Tahunan Majlis PSM ke-35 pada 10 Jun 1989 di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka.**

Sebenarnya, minat dan kesedaran terhadap sejarah kini semakin meluas. Di kalangan pemikir Barat sendiri pun perkara ini lebih ketara sekarang. Di antara kritikan terhadap sistem pengajian tinggi hari ini di Amerika Syarikat, seperti yang disebut oleh Allan Bloom di dalam *The Closing of the American Mind*, ialah kerana kegagalan sistem pendidikan tinggi menanam semangat kecintaan dan kesedaran yang cukup mengenai sejarah dan falsafah. Mortimer J. Adler, umpamanya, dalam karya-karya beliau *Ten Philosophical Mistakes* dan lain-lain menjelaskan bahawa masyarakat Barat kini gagal dalam banyak usaha justeru kerana mereka kurang memberi perhatian dan kurang mengendahkan sejarah, sejarah bangsa mereka sendiri, sejarah gemilang tamadun mereka dan cuba memutuskan kemajuan dan perkembangan masyarakat kini, budaya ilmu dan tradisi ilmu kini dengan budaya ilmu zaman silam.

Walaupun Adler antara lain lebih cenderung untuk mempertahankan pemikir atau ahli falsafah Yunani, namun pandangan beliau sekurang-kurangnya memberikan bekas dan kesan kepada bukan sahaja ahli sejarah, mahasiswa dan cendekiawan dalam bidang sastera tetapi mendapat sokongan daripada golongan cendekiawan sains sendiri.

Di Malaysia, usaha ini telah ditingkatkan oleh teman-teman di dalam Persatuan Sejarah Malaysia. Di samping itu telah ada keputusan kerajaan seperti yang telah saya umumkan untuk mewajibkan mata pelajaran Sejarah dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Dengan sendirinya, keputusan ini merupakan cabaran baru kepada ahli sejarah dan juga Persatuan Sejarah Malaysia. Kita boleh menanyakan beberapa soalan. Bagaimana boleh kita pastikan bahawa sejarah merupakan mata pelajaran yang menarik dan tidak membosankan atau menyeksa pelajar-pelajar? Bagaimana boleh kita memperluaskan minat masyarakat tentang sejarah?

Di antara usaha yang telah saudara lakukan ialah mengadakan peraduan mengarang cerita sejarah Malaysia. Ini untuk memperluaskan usaha menarik minat yang lebih di kalangan pelajar-pelajar.

Ada perkembangan lain yang juga menarik. Kita boleh melihat beberapa karya yang ditulis oleh sasterawan dan sarjana Barat, sama ada karya yang serius ataupun novel dan lain-lain dengan bersandarkan data-data dan maklumat sejarah. Pengarang Amerika yang terkenal, Gore Vidal, umpamanya, dalam *Washington, Lincoln* dan novel terbaru beliau *Empire*, sebenarnya mengukirkan peristiwa sejarah, tokoh-tokoh besar Amerika Syarikat walaupun dengan sendirinya mengurangkan mitos mengenai tokoh-tokoh tersebut. Nyata, sejarah itu masih menjadi suatu alat propaganda yang kuat dalam sistem pendidikan Amerika Syarikat dan mengukuhkan keyakinan generasi muda tentang kehidupan tokoh-tokoh besar zaman silam.

Sasterawan dan novelis seperti Vidal, di samping mengangkat dan menggambarkan kekuatan tokoh-tokoh ini, nampaknya berjaya juga mengurangkan aspek yang memitoskan tokoh-tokoh tersebut. Novelis Umberto Eco, dari Itali, profesor semiotik dari Bologna dalam *The Name of the Rose* umpamanya, dengan sendirinya membawa kita kepada satu episod sejarah zaman lampau dan mengukir peristiwa yang menunjukkan penguasaan beliau dalam apa yang disebut sebagai *intellectual history* atau *social history* masyarakat, perbahasan dan polemik tentang ilmu, tentang agama, tentang nilai, tentang kepura-puraan dalam masyarakat, tentang aliran pelampau dalam agama Kristian dan juga sikap dalam beberapa sedutan tertentu tokoh-tokoh yang menyebabkan sebahagian besar daripada khazanah ilmu itu dimusnahkan.

Alex Haley dalam novel *Roots* umpamanya, walaupun memikirkan pengalaman sendiri tetapi cuba kembali kepada sejarah dan akar beliau. Yang lain, yang sudah diketahui umum ialah James Michener dengan *Caravan, Afghanistan* dan *Alaska* dan lain-lain. Baru-baru ini saya ikuti karya I. F. Stone, *The Trial of Socrates*, suatu percubaan yang menarik kerana setelah 2,000 tahun, Stone meneruskan perbahasan mengenai *trial* Socrates itu dan mempertahankan keputusan masyarakat Athens menghukum Socrates walaupun beliau tidak menyokong keputusan hukum bunuh itu. Dalam kupasan beliau nyatalah beliau mempertahankan pandangan masyarakat Athens yang pada hemat beliau tinggi dari segi tahap pencapaian ilmu, demokratik walaupun dalam konteks yang terbatas kepada golongan elit dan aristokrat pada masa itu. Tetapi, kata beliau, rumusan beliau ialah ada kebenaran yang muna-

sabahnya untuk masyarakat Athens menolak pandangan serpihan yang dikemukakan oleh Socrates.

Saya sebutkan perkara-perkara ini sebagai contoh bagaimana sejarah itu terus hidup dan menarik. Selain daripada kurikulum dan mata pelajaran sejarah, juga jurnal dan seminar sejarah, bagaimanakah sejarah itu boleh terus hidup dan menarik melalui usaha-usaha yang lebih meluas? Umpamanya orang yang membaca Stone dengan stail dan caranya sendiri tentunya akan lebih berminat untuk mengikuti sejarah Yunani, masyarakat Athens, pandangan Socrates dan *discourse* atau wacana beliau dan pengikut-pengikut beliau seterusnya.

Orang-orang yang membaca Vidal tentu akan berminat untuk menyelami sejarah Washington, Lincoln dan Amerika Syarikat dalam *Empire*.

Di Malaysia, nyatalah banyak yang harus dikerjakan lagi sama ada oleh kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan dan juga jabatan-jabatan sejarah dan persatuan-persatuan sukarela seperti persatuan sejarah. Dan tugas kita mempopularkan sejarah dan mewajibkan mata pelajaran sejarah dalam KBSM itu harus difahami kerana tujuan dan matlamat akhir kita adalah untuk meningkatkan tahap pengetahuan sejarah di kalangan masyarakat walaupun tidak semua mampu melakukannya.

Ini soal budaya ilmu, kita mahu lahirkan *critical masses* maksudnya, masyarakat yang mempunyai pendidikan berupaya membuat penilaian berdasarkan fakta dan keputusan yang dibuat berdasarkan pertimbangan rasional. Tidak disogokkan dengan idea, tidak dipaksa pendapat ke atas mereka dan tidak ditipu oleh golongan kecil yang mempunyai atau menguasai ilmu atau mempunyai kuasa.

Jadi, tujuan kita, seperti juga tujuan kita menerapkan nilai dan meningkatkan mutu pendidikan serta membudayakan ilmu di kalangan masyarakat ialah untuk melahirkan generasi yang dapat menilai secara objektif dan rasional. Rasionalisme, kalau mengikut Collingwood ialah istilah asas, kunci kepada sejarah. Maknanya tujuan kita dalam menghubungkan sejarah dengan masyarakat dan budaya ilmu ialah agar ia memenuhi suatu peranan budaya, *cultural role* sejarah itu. Dan *cultural role* ini di antara lain untuk "membebaskan" kita daripada kongkongan dan ikatan sejarah. Maksud saya, bukan dengan pengertian kita harus melupakan sejarah, tidak mengikat diri kita dengan kenyataan sejarah, tetapi kita harus berupaya membebaskan diri kita daripada kongkongan sejarah. Seperti kalau kita lihat dalam sejarah dan tradisi Islam, bagaimana perjuangan Rasulullah s.a.w. berjaya membebaskan masyarakat Islam daripada kongkongan budaya Jahiliah dan masyarakat Jahiliah yang berjaya diputuskan oleh suatu nilai yang lebih sihat serta prinsip akidah yang lebih kukuh dan mantap.

Tetapi, sejarah tentunya menjadi pengajaran yang perlu diketahui serta dikuasai dan masih tetap menjadi suatu kekuatan yang mempengaruhi beberapa tindakan dan perilaku manusia berikutnya. Jadi, saya tidak bermaksud apabila mengatakan usaha membebaskan diri dari zaman silam itu dalam konteks cuba memadamkan kenyataan sejarah kerana tanpa sejarah kita tidak jadi seperti keadaan kita hari ini dan seluruh dasar dan kekuatan paksi negara ini akan tumbang dan meleset.

Saya gunakan pandangan ini dengan mengukirkan pandangan E. H. Plum, *The Death of the Past* dengan maksud tidak menafikan kepentingan zaman silam dan keperluan kita mengikat diri kita dengan beberapa aspek yang positif dan membina dari zaman silam tetapi jangan menjadikan zaman silam itu suatu yang menakutkan dan mengongkong kita.

Saya kadang-kadang berasa sedikit cemas kerana dalam keghairahan kita untuk merebut kekayaan, membahaskan Dasar Ekonomi Baru selepas 1990, perkembangan industri, pelan induk perindustrian, pelaburan asing yang semuanya penting tetapi semua ini akan menjadi satu perkara yang maju di atas awang-awangan tanpa suatu kekuatan dan akar, tanpa sejarah dan falsafah hidup kita, tanpa budaya yang harus mengikat kita.

Jadi, harus ada satu golongan lain yang harus mengimbangi, sementara kita mendukung hasrat untuk memajukan masyarakat, mengindustrikan negara, mengajak pelabur-pelabur asing menanam modal, memperluaskan pelan induk perindustrian, tetapi harus ada satu minat yang cukup kuat terhadap tamadun bangsa kalau tidak kita tewas dan tenggelam dengan arus perubahan yang begitu mendesak dan kencang ini.

**Sdr. Anwar ketika merasmikan Mesyuarat PSM di DBP.**



Apabila saya sebut rasional, objektif, ini tidak bermakna saya sependapat dengan setengah-setengah ahli sejarah yang mahu membahaskan isu sejarah ini semata-mata dari sudut sejarah yang paling objektif dan rasional sehinggakan soal moral diketepikan. Ada *school of thought* yang seperti ini tetapi tidak mendapat dukungan kita yang kuat. Seperti yang kita tahu, kalau boleh saya ukirkan pendapat Michael Stanford di sini, kita harus hubungkan sejarah secara rasional dan objektif tetapi tentu tidak boleh terlepas dalam beberapa pertimbangan dan pemikiran masyarakat dalam soal nilai kebaikan umpamanya, ada yang disebut sebagai philosophia perennis yang harus mendorong dan membantu beberapa corak panduan kepada hidup manusia dan justeru itu, ahli-ahli sejarah tidak harus terlepas dan bebas daripada apa yang kita ungkapkan sebagai philosophia perennis ini.

Kata Michael Stanford, *Does history show that war is more effective than peace, strife than justice, hatred than love, materialism than idealism?* Jadi tentu sejarah harus membantu kita untuk menjelaskan bahawa ada nilai yang lebih tinggi bagi mempertahankan keamanan, bagi menegakkan keadilan, bagi mendukung hasrat agar masyarakat menunjukkan rasa kasih sayang yang lebih dan supaya seluruh keghairahan kita untuk membangun dan memajukan nilai benda dan materialisme ini tidak menyisihkan, melupakan diri kita daripada hasrat untuk mencapai dan mencari nilai hidup yang ideal dalam masyarakat.




***Ada tokoh-tokoh lama agak cemas kalau dimasukkan beberapa aspek yang menegur dan mengkritik. Tetapi ini harus dilakukan sementara kita boleh mengiktiraf jasa dan sumbangan besar mereka. Jangan sampai mendewakan mereka.***

Oleh itu, saya berpendapat di dalam menyusun kurikulum di peringkat sekolah lagipun, sementara kita harus objektif dan rasional maksud kita bukan propaganda. Kita harus menilai secara kritis walaupun kritisnya kita terhadap perkembangan zaman silam itu tidak dengan maksud menimbulkan rasa benci anak-anak terhadap perkara zaman silam melainkan benci terhadap permusuhan, penyelewengan, dan kezaliman. Sebab itu, kadang-kadang dalam keghairahan kita untuk memberikan gambaran *Malaysia-centric as opposed to Euro-centric outlook*, kita cuba mengurangkan nilai objektif seolah-olah pada zaman silam di Malaysia itu indah semuanya, hebat semuanya, adil semuanya. Anak-anak kita tidak dilatih untuk membuat penilaian secara objektif dan kalau ini disogokkan kepada mereka, mereka tidak dilatih untuk membuat penilaian secara objektif dan tidak boleh memandu hidup dan kehidupan mereka.

Kita mahu sejarah ada pertimbangan moral dan mempunyai keupayaan untuk memandu hidup dan kehidupan mereka. Oleh yang demikian, Sejarah Melayu zaman silam harus diberikan gambaran dari sudut positif dan kekuatannya tetapi jangan cuba dipadamkan kelemahan dan cacat-celanya asalkan kita keterlaluan dan bukan dengan maksud untuk merendah-rendah atau memperkecilkan kekuatan zaman silam.

Sejarah jangan sekali-kali dijadikan alat propaganda yang dangkal sifatnya. Ia harus menjadi kekuatan yang mendorong hidup dan kehidupan kita supaya anak-anak kita tahu bahawa ada yang hebat, ada yang segar, ada yang kuat dalam sejarah tetapi bukan untuk menganggap bahawa semuanya gemilang, indah, hebat dan kuat sehingga tidak ada kekurangan dan cacat-cela atau kealpaan, kecuaian dan kezaliman yang berlaku. Biar mereka tahu bahawa ada ketika-ketika tertentu dalam sejarah, pemimpin-pemimpin kita sendiri membuat kesilapan seperti anak-anak kita nanti harus membuat penilaian tentang apa yang kita lakukan hari ini. Tetapi sebaik sahaja sejarah itu dijadikan suatu alat propaganda yang kuat dan propagandistik sifatnya, ia hilang objektiviti dan pertimbangan rasional.

Jadi, saya harap pandangan saya ini tidak disalahertikan. Ini termasuk sejarah baru kita. Ada orang umpamanya, apabila mengetahui sejarah ditulis, ada tokoh-tokoh lama agak cemas kalau-kalau dimasukkan beberapa aspek yang menegur dan mengkritik. Tetapi ini harus dilakukan sementara kita boleh mengiktiraf kekuatan, jasa dan sumbangan besar mereka. Jangan sampai kita mendewakan mereka. Kita tunjukkan bahawa mereka juga seperti insan biasa, ada ketika-ketika tertentu berlaku kecuaian atau penyelewengan. Dan anak-anak harus melihat kenyataan sejarah ini sebagai suatu ingatan agar ini tidak terus berlaku dan sekurang-kurangnya untuk masa kini jangan dibiarkan berlaku.

Saya mencadangkan supaya Persatuan Sejarah Malaysia memperluaskan skop kegiatan, mengadakan beberapa siri seminar dengan kerjasama jabatan-jabatan sejarah universiti tempatan. Ini termasuk membincangkan tajuk seperti *The Nature of Historical Knowledge* karya Michael Stanford. Kita agak biasa dengan pandangan E.H. Carr dan Collingwood, bahkan Karl Popper dalam *Objective Knowledge* juga mengkritik beberapa aspek pandangan Collingwood, tetapi saya rasa dalam seminar ini kita boleh bahaskan juga aspek-aspek yang saya sebutkan tadi.

Yang penting, ialah satu usaha yang dipimpin oleh tokoh-tokoh persatuan sejarah dan ahli-ahli sejarah di universiti-universiti tempatan untuk membahaskan sejarah, mempopularkan sejarah dan melibatkan lebih ramai anggota masyarakat dalam polemik mengenai sejarah. ●

# 22

# SHAHRIR BUKAN LAGI BUDAK NAKAL

Shahrir Abdul Samad sering digelar "budak nakal" Musa Hitam, tetapi ada pihak lain pula yang merasakan gelaran itu amat tidak sesuai lagi: "Umno memerlukan tokoh muda seperti Shahrir Samad, orang yang tidak boleh dicucuk hidung macam lembu. Shahrir seperti mahu membuktikan tidak semua orang-orang Umno akan mengikut kata saja. Kalau tak betul mana boleh aminkan. Kalau tak kena, mesti tegur. Tak dengar cara halus, godam cukup-cukup. Selepas Anwar Ibrahim yang satu waktu dulu lantang menegur kesalahan pemimpin negara, kini menyepi, saya rasa Shahrir adalah orangnya sekarang untuk terus mengkritik kerajaan."

Nama Shahrir melonjak naik dan meniti dari bibir ke bibir, apabila beliau berjaya menewaskan calon Barisan Nasional, Mas'ud Abdul Rahman, dengan majoriti besar, sebanyak 12,595 undi, dalam pilihanraya kecil Johor Bahru, Ogos 1988. Shahrir mendapat 63.57 peratus undi, sementara calon BN hanya 29.56 peratus, satu kekalahan yang cukup memalukan Dr Mahathir. Calon PSRM, Abdul Razak Ahmad, yang sebelum itu menunjukkan prestasi cemerlang dalam pilihanraya kecil Tanjung Puteri hilang wang pertaruhan. Komposisi pengundi Johor Bahru ialah 48.4 peratus Melayu, 40.1 peratus Cina, 8.5 peratus India dan lain-lain bangsa 3 peratus. Buat pertama kalinya, DAP memberikan sokongan kepada calon "Umno" (Shahrir tentunya mendakwa mewakili Umno tulen, bukan Umno Dr Mahathir), apabila mereka tidak menghantar calon. Ada pemerhati politik menganggarkan, antara 70 peratus hingga 74 peratus pengundi Melayu menyokong Shahrir.

Mesej Shahrir dalam pilihanraya kecil itu jelas, mahu membuktikan rakyat tidak boleh menerima lagi kepimpinan Dr Mahathir menerajui negara dan Umno (baru), di samping menunjukkan - kepada Dr Mahathir - bahawa pengundi Johor Bahru tetap memilihnya walaupun tidak lagi bertanding di bawah simbol BN. Ia mempunyai kaitan dengan kontroversi menapis keahlian Umno (Baru) terhadap orang-orang yang dipertikai kesetiaan mereka terhadap Dr Mahathir; kedudukan Shahrir sebagai bekas Ketua Umno

Bahagian Johor Bahru dinafikan. Johor merupakan wilayah yang berpengaruh bagi Musa Hitam, musuh ketat Dr Mahathir ketika itu, dan tentunya Dr Mahathir berusaha mempastikan kumpulan Musa tidak terus "mengacau" Umno (Baru) ciptaannya. Dalam hal ini, Shahrir boleh membuktikan kesetiaannya kepada Umno apabila dia, sebagai pengarah pilihanraya kecil Tanjung Puteri BN, lima bulan sebelum itu, menunjukkan komitmennya untuk memenangkan calon Umno (Baru), walaupun dengan majoriti tipis, 31 undi, setelah dikira tiga kali. Dan Team B (waktu itu belum ada Semangat 46) tidak pula menghantar calon mereka.

Sesungguhnya pilihanraya kecil Johor Bahru cukup menarik dan mendapat perhatian nasional. Kemenangan Shahrir dianggap sebagai kemenangan seorang wira. Isu-isu yang berkemundang di Johor Bahru, sepanjang kempen yang menenggelamkan calon BN Mas'ud, adalah isu-isu penting yang sewajarnya diperbahaskan dalam kempen-kempen pilihanraya. Dr Mahathir sendiri turun berkempen, dan satu darinya disiarkan sepenuhnya melalui radio. Ghafar Baba mengumumkan projek *causeway* baru ke Singapura, bernilai $230 juta. Bagaimanapun kempen Shahrir, dari rumah ke rumah, begitu berkesan, dibantu oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman yang menyatakan kepada pengundi Johor Bahru, inilah masanya membuat pilihan antara "kediktatoran dan demokrasi". Tengku Razaleigh dan Rais Yatim aktif berkempen, sementara Musa Hitam hanya [illegible]ui video-tape yang mendakwa Dr Mahathir sebagai "*arrogant, domineering, and authoritarian in Cabinet meetings and unwilling to listen to diverse opinions*". Dalam *Malaysia Politicis; The Second Generation* - buku yang meletakkan gambar Shahrir berucap meraikan kemenangannya di Johor Bahru di kulit muka - Gordon P. Means mencatatkan: " *Adopting the symbol of three keys, representing multi-ethnic co-operation, Shahrir solicited support from all communities and effectively utilized his Chinese wife in the campaign. By focusing primarily on corruption, abuse of power, and Dr Mahathir's "style of leadership", his campaign sought to articulate grievances in all communities, but did not attempt to formulate a full range of public policy options for a future alternative government. Much attention was given to the destruction of "old Umno" and the refusal of the goverment to hold discussions on Malay unity. While he did not repudiate the ISA, he criticized its "abuse" and opposed the recent ISA amendments prohibiting any court challenges by detainess. He also called for the release all political detainess and supported the cause of suspended Lord President Salleh Abas dan the five Supreme Court justices, citing Mahathir's actions in those cases as prime examples of the escalating trend toward authoritarian government.*"

Saya sengaja melampirkan wawancara saya dengan Shahrir yang disiarkan dalam *Dunia Islam*, juga pandangan yang dimuatkan dalam majalah *Aliran Monthly* mengenai kemenangan Shahrir di Johor Bahru itu, untuk membantu pembaca merenung kembali rakaman sejarah yang dicatatkan oleh Shahrir. Apakah Shahrir hanya layak digelar "budak nakal" sedangkan, menurut teman-teman, Shahrir berpotensi muncul sebagai pemimpin masa depan. Saya tidak dapat untuk memastikan pendapat tersebut, tetapi saya cukup tertarik dengan sikapnya mengenai isu-isu kehakiman. Contohnya, Shahrir tidak bersedia untuk mengangkat sumpah Ahli Parlimen di hadapan Yang Dipertua Dewan Rakyat, yang merupakan salah seorang anggota Tribunal yang mengusulkan supaya bekas Ketua Hakim

Negara dipecat. Tribunal ini dipengerusikan oleh Tun Hamid Omar. Dalam hal ini, saya tidak malu-malu untuk memberikan sokongan kepada Shahrir. Isu keadilan adalah masalah dasar dalam kehidupan kita. Protes Shahrir tentu bersebab, Tan Sri Mohd Zahir telah lama bersara sebagai hakim Mahkamah Tinggi, dan sebelum menjadi hakim beliau terlibat sepenuh masa dalam politik Umno di Kedah. Jawatannya sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat dipilih oleh Dr Mahathir. Jadi selepas menyedari perkara tersebut, bagaimana dia boleh menerima keanggotaan Tribunal. Selain itu adalah suatu prinsip yang lazim bahawa dalam mana-mana tindakan tatatertib, ahli-ahli badan disiplin itu (seperti juga Tribunal) sepatutnya lebih kanan jawatan mereka daripada orang yang menghadapi tindakan.

Tun Salleh Abas sebagai hakim yang paling kanan patut diadili oleh tribunal yang dianggotai oleh, sekurang-kurangnya, mereka yang setaraf dengannya. Mengenepikan dua orang orang bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamad Azmi dan Tun Mohamad Suffian serta Hakim Besar yang telah bersara, Tan Sri S.S Gill dan juga dua orang lagi Hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Chang Ming Tat dan Tan Sri Agil Barakbah dari menjadi anggota Tribunal jelas menunjukkan prinsip keadilan diketepikan. Mencari alasan bahawa perlantikan itu dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong menampakkan kecetekan ilmu dan kebebalan pemikiran sahaja, memandangkan hakikat bahawa Yang di-Pertuan Agong ialah Raja Berperlembagaan yang dikehendaki oleh Perlembagaan (Perkara 40 dan 125) bertindak atas nasihat Perdana Menteri dan Kabinet. Dalam kes Karam Singh lawan Menteri Dalam Negeri, Hakim Ibrahim Manan merumuskan: "Mengikut kehendak Perkara 40(1) Perlembagaan, Yang di-Pertuan Agong ... bermakna Kabinet." Begitu juga, kedudukan Yang di-Pertuan Agong ini dijelaskan dalam kes Teh Cheng lawan Pendakwaraya dan kes Universiti Merdeka lawan Kerajaan Malaysia. Masakan Tan Sri Zahir tidak arif hal ini!

Mengenai isu kehakiman ini, "cikgu" Shahrir, Musa Hitam dalam kempen pilihanraya kecil Parit Raja mendakwa, apa yang menakutkan para pelabur luar negeri untuk melabur di negara ini ialah kes yang bersangkutan dengan kehakiman. Ia merupakan cabaran yang paling menakutkan kepada sistem demokrasi. "Bahkan orang-orang kampung sendiri pun tahu, sistem kehakiman adalah suatu badan yang tidak boleh disentuh dan ia adalah tempat pergantungan mereka yang terakhir," kata Musa. Dan Shahrir sendiri menyifatkan kemenangannya di Johor Bahru sebagai hadiah hari jadi Tun Salleh Abas. Bagaimanapun kemasukan semula Shahrir ke dalam Umno, sedangkan isu-isu yang diperjuangkannya semasa berkempen dahulu tetap tidak berubah, menjejaskan imej wira Shahrir. "Apa bezanya Anwar? Anwar masuk Umno ketika isu-isu keadilan yang diperjuangkannya tetap tidak dihormati, malah semakin terhakis. Apa yang saya harapkan, Shahrir akan terus bersuara membela keadilan di dalam Umno. Tidak mustahil Shahrir boleh berbuat demikian," ujar seorang pengulas politik tanahair.

Shabery Cheek merumuskan kemasukan semula Shahrir ke dalam Umno: "Alasan kembalinya Datuk Shahrir ke pangkuan Umno bukannya kerana Tun Salleh Abas dikembalikan jawatannya, bukan kerana kebebasan kehakiman kembali terjamin, bukan kerana projek mewah akan dihentikan, bukan kerana rasuah dan penyelewengan akan dihapuskan, bukan kerana OSA dan ISA dimansuhkan, tetapi hanyalah kerana "Resolusi Melayu Johor" yang kononnya akan mengembalikan semua jawatan dan kedudukan mereka

yang tersingkir dahulu. Datuk Shahrir telah berjaya memerangkap semua orang untuk menyokongnya. Dengan mengumumkan perletakan jawatannya di rumah Tan Sri Othman Saat, beliau berjaya menarik sebilangan besar pengaruh golongan tua Umno Johor menyokongnya. Dengan menggunakan isu Semangat 46 beliau telah menarik sokongan, tenaga dan wang ringgit Tengku Razaleigh Hamzah. Manakala isu kediktatoran Dr Mahathir pula, beliau menarik sokongan DAP dan Aliran untuknya. Malah, dengan momentum yang ada beliau telah berjaya mengaktifkan kembali Datuk Musa yang telah mengumumkan "persaraannya" dalam politik dengan merakamkan video untuk menyokong Datuk Shahrir. Semuanya digembleng dan digunakan dengan berkesan yang berkesudahan kemenangan besar buatnya."

S. H. Alattas dalam bukunya, *Perdana Menteri Yang Kelima?* (1984) menjangkakan Shahrir mempunyai masa depan yang cerah. Katanya, ramai yang tidak tahu bahawa ada persamaan antara Shahrir dan Dr Mahathir: "Dr Mahathir Mohamad lahir pada 20-12-1925. Shahrir Samad lahir pada 22-11-1949. Kedua-duanya lahir di Tahun Tikus. ... Pada pendapat saya Shahrir tidak akan jatuh sekiranya Musa jatuh. Buktinya bila Hussein Onn meninggalkan Kabinet, Shahrir melangkah setapak ke depan sedangkan ramai kawan-kawannya yang gugur. Shahrir ada mewarisi ketokohan yang ada pada Allahyarham Tun Dr Ismail. Kepintaran dan keberanian serta jiwa nasionalis yang ada pada Datuk Harun ada pada Shahrir. Shahrir harus berhati-hati jangan banyak main politik. Jangan berpaut pada dahan yang rapuh. Dahan yang sudah diserang anai-anai. ... Selepas bertugas dengan bank Datuk Musa membawa Shahrir menjadi Setiausaha Politiknya, yang kemudian diambil pula oleh Allahyarham Tun Razak dan akhir sekali bertukar tangan kepada Tun Hussein Onn. ... Antara pemimpin pelapis yang dibawa masuk oleh Dr Mahathir dalam Kabinetnya, Shahrir seorang saja yang berani secara terus terang mengecam Jepun dalam Dasar Pandang ke Timur, walaupun lepas itu dia tutup mulut kerana Dr Mahathir tidak suka orang kata kepada Jepun."

Hubungan Shahrir yang intim dengan Musa dilihat antara faktor menyebabkan beliau sukar mendapat tempat dalam Umno, sekiranya Musa diketepikan terus. Walhal Shahrir boleh membina imejnya sendiri, sebagai pemimpin muda yang berani dan bersedia untuk membawa perubahan. Ini dibuktikan dengan kritikannya yang berterusan terhadap kepimpinan Dr Mahathir yang didakwanya mengabaikan kepentingan Melayu dan mengenepikan Dasar Ekonomi Baru. Beliau jelas mempamerkan kekagumannya terhadap gaya pentadbiran Allahyarham Tun Razak yang berusaha mencari pemimpin terbaik untuk menduduki Kabinet walaupun tidak mendapat tempat yang tinggi dalam Umno. Dari segi ini, ada persamaan yang nyata antara Shahrir dengan aspirasi Tengku Razaleigh yang sentiasa menekankan survival Melayu yang semakin terancam. Shahrir terus membidas sikap pilih kasih Dr Mahathir secara terbuka. Dalam *The Star*, 15 Februari 1987, Shahrir mempertegaskan sikapnya mengenai perlantikan seseorang itu ke dalam Jemaah Kabinet berdasarkan sejauh mana kebolehan dan prestasi yang ditunjukkan tentang kerja yang diamanahkan kepadanya "*and not on how well he gets along with the chief executive. I don't think the Cabinet system is based on a personal relationship. The best of friends might disagree and the worst enemies might agree on a point. I am in the Cabinet not because of*

*my personal relationship with party president Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. I am in because of my ability to work."*

Difahamkan Shahrir juga begitu tidak menyenangi Anwar Ibrahim. Katanya, peningkatan Anwar dalam Kabinet tidak membayangkan prestasi kerja yang ditunjukkan oleh Anwar. Dari cakap teman-teman, antara masalah orang-orang Musa, seperti Shahrir ini, ialah imej keislaman mereka tidak begitu menonjol. Ini juga imej Team B satu waktu dulu. Mereka seperti tidak mampu untuk meneruskan rancangan penerapan nilai-nilai Islam dan dilabelkan sebagai pemimpin-pemimpin yang tidak begitu bersih akhlak. Apa yang dimaksudkan "bersih akhlak" itu tidak pula dapat dipastikan mungkin ada hubungan dengan kehidupan sosial mereka - tetapi yang nyata dakwaan ini berterusan. Rasanya Musa tentu menyedari hakikat ini. Peristiwa Memali belum lagi luput dari ingatan umat Islam. Tanggungjawab terhadap tragedi itu diserahkan sepenuhnya kepada Musa. Tempiasnya kepada anak-anak buah Musa tentu tidak dapat dielak, termasuk Shahrir. Saya pernah cuba menduga Shahrir tentang hal ini, bagaimanapun Shahrir mempersoalkan kembali sikap pemimpin yang dikatakan menerapkan nilai-nilai Islam, tetapi bertindak zalim dalam pemerintahan, pecah amanah, menipu rakyat, menyusahkan kehidupan rakyat dengan seribu satu penyelewengan. "Bagaimana mereka ini ingin memohon maaf daripada rakyat yang menerima akibat buruk di bawah pemerintahan mereka? Setidak-tidaknya, bagi mereka yang melakukan kesalahan ke atas diri mereka sendiri, mereka boleh terus memohon keampunan dari Allah," tegas Shahrir.

Walaupun Shahrir hanya mendapat tempat ketiga puluh satu, dengan mendapat 571 undi dalam pemilihan Ahli MKT 1990, namun ramai pihak berpendapat peluangnya terus menyerlah. Dengan ura-ura Musa kembali aktif dalam Umno, pembentukan kumpulan tidak rasmi menentang Anwar Ibrahim, hubungan yang boleh dijalin dengan Abdullah Badawi, dan sikap Shahrir yang konsisten ke atas pentadbiran Dr Mahathir, tidak mustahil Shahrir mampu mengukir namanya dalam pentadbiran kerajaan selepas era Dr Mahathir. Di waktu Dr Mahathir berkuasa, jangan haraplah Shahrir akan diberikan sebarang kedudukan yang istimewa. Shahrir telah memalukan Dr Mahathir di Johor Bharu, malu yang bukan alang kepalang lagi. Sekiranya Ghafar berkuasa, apatah lagi Abdullah Badawi, ramai menjangkakan bahawa mereka tidak akan melupakan Shahrir. "Perkembangan dalaman Umno kini membayangkan Dr Mahathir kembali tidak popular dalam Umno, dengan isu pembangunan yang mengenepikan kepentingan Melayu dan persoalan seumpamanya. Di kala itu ahli-ahli Umno tentu teringat semula sikap tegas Shahrir yang terus menentang Dr Mahathir. Ini suatu kelebihan bagi Shahrir," komen penyokongnya.

 



SHAHRIR SAMAD

# IN SHAPE FOR THE STERNEST TEST

DATUK Shahrir Samad, 40, lounges behind his desk in his campaign headquarters in a suburb of Johore Baru wearing a slightly harassed expression. The former welfare minister has lost weight — 'If you had my kind of schedule you'd lose weight too' — and is greying visibly. And that is sort of ironical given his series of 'youngest' records — the youngest political secretary, the youngest MP, the youngest minister.

On Aug 25, Shahrir Samad faces his sternest political test in the shape of the Johore Baru parliamentary by-election. He hopes to retain the seat he vacated. And he talks about that and other matters with Malaysian Business.

Some excerpts...

**MB: Why did you resign your seat?**

**Shahrir:** I had three options. Join Umno Baru and keep quiet and hope to come up later. Stay out and wait for a general election. I chose the third because I think I have been consistent in my stand. I was chosen on a BN ticket. I'm not sure if my own views now are a reflection of what my voters think. So I have to be affirmed. And that can only be done by the people.

**MB: What is the issue at stake?**

**Shahrir:** It certainly isn't just to choose an MP. That was decided in 1986 and I didn't have to resign. I mean I could have held on till the next general election. The issue isn't the state government either. That was decided at Tanjung Puteri. It's simply this — whether the people accept or reject the leadership. It's a continuation of what happened in 1987 and at that time it was something that could only be done through Umno. It's one of the realities of Malaysian politics that change can only be brought about by Malays. That's what I'm trying to do here in JB. And if I win here it's the beginning of change just as surely as Tambunan was for Sabah.

**If I win here it's the beginning of change just as surely as Tambunan was for Sabah.**

**MB: What makes you think you can bring about change?**

**Shahrir:** If the Malays reject the Barisan Nasional here in Johore Baru they can reject BN anywhere. That's the impact of the change we're talking about. And that will make BN start revising their priorities, to make them, so to speak, see the folly of their ways.

**MB: How do you rate your chances?**

**Shahrir:** In a four cornered fight, it's just between the BN and me I think. The opposition votes will be diluted three ways — between the PSRM, the DAP and me. But committed BN voters will be split between me and BN. It's 50-50 or thereabouts, I figure. But I'm optimistic.

— S Jeyasankaran

Shahrir Samad adalah tokoh muda yang menarik kerana keberaniannya menentang Mahathir.



Sukar bagi Mahathir mengawal gelagat "budak nakal" Shahrir ini, apatah lagi bagi Anwar. Tapi, rasanya Shahrir boleh menerima Ghafar.







Kata orang, Anwar pandai berjenaka tapi Anwar juga bijak mencari musuh. Kelihatan Anwar bersama Musa Hitam.



Anwar bersama Shahrir, Najib dan Ajib. Imej Anwar sebagai orang yang sengaja tunjuk pandai hendaklah dikikis.

Tan Sri Dr Tan Chee Khoon

# The Shahrir Victory



We publish below excerpts from Dr Tan's article on the Johor Baru by-election. The STAR declined to carry the article. Aliran has been constrained by space from carrying the article in full.

– Editor

Not since Independence in 1957 have I seen the Alliance nor Barisan meet with such a defeat. Shahrir has won but his tally of votes have been more than twice the votes obtained by Ma'sud Abdul Rahman.

By this massive victory the voters of Johor Baru have sent a message to the government and people of this country that they do not approve of the ISA detentions and the government's treatment of the Judiciary.

I see that the Barisan is going to hold a post-mortem. I do hope that this proposed post-mortem will not be a whitewash that will find excuses for the Barisan defeat. It should delve into the true cause of the Barisan defeat and the Ruling Party should take remedial measures. These I hope will include immediate action on the deteriorating situation of the Judiciary. If the Barisan delves deeply into the causes of the defeat, high up on the causes would be the fear of the voters of the lack of independence of the Judiciary. The judges look like they are in a hopeless situation and the action on the part of the voters of Johor Baru will, I hope, drive some sense into the Ruling Party.

The victory of Shahrir is a watershed in the history of the Opposition in this country. It is on par with the victory in TAMBUNAN by Datuk Joseph Pairin Kitingan. There Datuk Harris Salleh chose to ignore the feelings of the electorate and was soundly thrashed in the State Election that ensued.

The Barisan Nasional has become too arrogant and cocky and has perhaps lost touch with the feelings of the people, their hopes and aspirations, their needs and perhaps their fear of the arising authoritarianism in this country.

The PSRM should have stayed away for this by-election as they had been advised by some of their friends. If they had stayed away they would have avoided a humiliating defeat and loss of their credibility as well. They had been bouyed up by the support they received in 1986 and in April this year against Datuk Yunos Sulaiman. They had misjudged the mood of the voters of Johor Baru this time. The voters wanted a straight fight between Barisan and Shahrir and resented the intrusion of PSRM. However I am confident PSRM will live to fight another day.

Another heartening feature of this election was the behaviour of the parties and voters. All the three candidates were Malays but the multi-racial electorate perhaps for the first time voted for politics rather than race. I should like to take this opportunity to congratulate all the three candidates for their exemplary behaviour in this election. They all said that they will abide by the verdict of the people, they would continue to work for the people and they did not show any animosity towards each other. Let us hope that there will be such elections as Johor Baru in future!

Datuk Shahrir and his friends must sit down to do some serious thinking of their own future. True they will be busy fighting more by-elections but the important task before them is to draw up a programme to present to the voters and people of this country. They cannot always say that they are out to topple the Barisan. They must show that they are serious about forming an alternate government. They must not be afraid to show they can be the alternate to the Ruling Party. The next few weeks and months will show us what they are capable of doing.

I am thinking of the future of our children and ourselves. We must not allow our country to become like the squalid one-party dictatorships that are around us. We have the opportunity in Malaysia to build a model democracy and we cannot allow the greed and ambitions of our politicians to destroy this dream. In the difficult times ahead, I hope our people will speak up firmly and clearly that we are determined to increase the area of democratic freedoms that have been denied us since Independence.



# SHAHRIR's TRIUMPH MAHATHIR's DEFEAT

Independent candidate Datuk Shahrir Samad's landslide victory in the Johore Baru by-election is clear proof that the rakyat reject the authoritarianism of Dr Mahathir Mohamad. Datuk Shahrir's triumph is Mahathir's defeat. Datuk Shahrir's entire campaign was a passionate plea to Johore Baru voters to repudiate Dr Mahathir's leadership.

Dr Mahathir should realise that Johore Baru voters like other Malaysian citizens, are angry with his decimation of the independence of the Judiciary. More than any of his other actions in recent months, it is Dr Mahathir's removal of the Lord President and the suspension of five Supreme Court Judges which has earned him the people's wrath. The people know that Dr Mahathir's machinations against the Judiciary were motivated by self-interest and nothing else. The sacking of the Lord President in particular, revealed that Dr Mahathir will do anything to preserve and perpetuate his power. Malaysian society – like other civilised communities – has an instinctive revulsion towards leaders who are not restrained in their exercise of power, who have lost their sense of shame.

Dr Mahathir's lack of restraint is apparent from all that he has done since October 27 1987 – including the ISA swoop, the amendments to various laws and the Constitution, and the changes he has wrought to the original UMNO.

After his ignominous defeat in Johore Baru, Dr Mahathir would do well to rectify his mistakes. He should restore independence of the Judiciary by rescinding the amendment to Article 121 of the Constitution. He should find ways and means of reinstating Tun Salleh Abas as Lord President. The suspension order against the five Supreme Court Judges should be revoked immediately. All ISA detainees held since the October swoop should be immediately and unconditionally released. The various amendments he has made to laws affecting fundamental liberties should also be rescinded. The media should be allowed to exercise that modicum of independence it enjoyed before October 27. At the same time, the original UMNO should be re-established as a democratic party and all his so-called foes should be allowed to return to the fold of the organisation.

If Dr Mahathir is not prepared to do all this, he has two choices before him. One, he should go back to the rakyat. He should hold a General Election to prove that he has still got the support of the people. ALIRAN is convinced that he has lost the rakyat's support. Johore Baru, which is one of the most multi-ethnic parliamentary constituencies in the country is a microcosm of Malaysian society. The feelings expressed through the ballot-box on 25 August is a reflection of the sentiments of the general populace. Dr Mahathir should not be afraid to go back to the people since he has always claimed that the people are with him.

Two, if he is afraid to face the people, then he should have the decency to resign as Prime Minister. This is the only honourable course of action open to him. After all, he has often talked of 'honour' and 'dignity'. Now is the time to show that he has some sense of honour and dignity.

Finally, ALIRAN is proud of the people of Johore Baru. They have shown once again that while authoritarian leaders may be able to control the vital institutions of State, like the Judiciary, Parliament, the media and the universities through opportunistic operators and servile stooges, they cannot force the people to surrender their love for freedom and justice. It is significant that every time the ordinary human being is allowed to express his or her true feelings about authoritarian regimes or dictatorial Governments, the verdict is unmistakable. The authoritarian leader is invariably rejected or routed by the people. It has happened in Iran, in Nicaragua, in the Philippines, in South Korea. And now it is happening in Burma. It will happen in Malaysia, if Dr Mahathir does not make amends immediately. The choice is his. ●

26 August 1988

**Chandra Muzaffar**
President

FORUM
NASIONAL

KEPEMIMPINAN UMNO

# Yang Penting Hanya Dr Mahathir

Berikut adalah sedutan wawancara dengan Datuk Shahrir Abd Samad, pada 28 April 1992, di pejabatnya di Medan Damansara. Beliau adalah lulusan ekonomi Universiti Malaya dan menyambungnya di Universiti Imeda, Switzerland peringkat sarjana pentadbiran perniagaan. Datuk Shahrir memulakan kerjaya politiknya dengan menjadi setiausaha politik kepada Tun Dr Ismail, Tun Razak dan Tun Hussein Onn. Pada tahun 1978 beliau menang kerusi Parlimen Johor Bharu, seterusnya dilantik Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Timbalan Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Jawatan terakhirnya ialah Menteri Kebajikan Masyarakat, sebelum itu Menteri Wilayah Persekutuan. Sebelum Umno (asal) diharamkan, Datuk Shahrir antara ahli Majlis Kerja Tertinggi. Beliau kini menjadi Ketua Bahagian Umno Johor Bharu.



***DUNIA ISLAM:* Bagaimana Datuk melihat senario politik Malaysia terutama selepas pemilihan Majlis Kerja Tertinggi Umno 1987. Apakah perbezaan penting dengan keadaan sebelumnya?**

**DATUK SHAHRIR ABD SAMAD: Pertandingan yang berlaku penentangan terhadap pucuk pimpinan itu, pada saya menggambarkan suatu perubahan, dari era Tun Razak, cara dan idealisme Tun Razak, falsafah politik Melayu di bawah Tun Razak, bertukar kepada era Datuk Sri Dr Mahathir. Asas pergolakan itu perlu dilihat dari tahun 1981 lagi. Ketika itu Dr Mahathir dan Datuk Musa baru sahaja mengambil alih kepimpinan negara. Walaupun ada pertandingan merebut jawatan nombor dua dalam parti tetapi ketiga-tiga tokoh ini, Dr Mahathir, Datuk Musa dan Tengku Razaleigh merupakan mereka yang dididik oleh Tun Razak sendiri. Mereka dibimbing dan diketengahkan pada zaman Tun Razak, yang sesuai dengan falsafah dan idealisme Tun Razak.**

Oleh yang demikian, apabila Dr Mahathir dan Datuk Musa menerajui negara, saya rasa bukan sahaja orang Melayu tetapi semua bangsa menyokong penuh kepimpinan mereka. Ini satu peningkatan kepada apa yang telah diilhamkan oleh Tun Razak. Ini kerana kedua-duanya, Dr. Mahathir dan Datuk Musa, merupakan anak buah Tun Razak. Kita harus ingat, kedua-dua tokoh ini adalah orang yang menentang Tunku Abdul Rahman dan kemudiannya dibawa masuk oleh Tun Razak.

Kemunculan mereka dalam politik negara, disambut dengan penuh harapan oleh orang-orang Melayu khususnya. Kepimpinan yang baru ini bagi orang Melayu sebenarnya mengisi wawasan peninggalan Tun Razak. Sambutan dari orang bukan Melayu juga tinggi dan penuh harapan kerana orang-orang bukan Melayu juga dapat menerima apa yang digariskan oleh Tun Razak.

Apa sebenarnya wawasan Tun Razak? Walaupun Tun Razak menyatakan bahawa politik negara ini terasnya adalah Melayu dan sungguhpun orang Melayu menjadi teras politik negara dan sentiasa menjadi dominan dalam politik negara, tetapi datangnya sebagai satu hak kepada negara ini - iaitu ketuanan Melayu - tetapi hak itu datang bersama tanggungjawab. Oleh kerana memerintah negara ini dan Melayu mesti menjadi teras politik negara, kepimpinan Melayu juga mestilah satu kepimpinan yang datangnya dari kumpulan orang Melayu yang tinggi mutunya, berkalibar dan beramanah. Ini kerana jika dibariskan pemimpin-pemimpin Melayu dengan pemimpin bukan Melayu, orang-orang bukan Melayu akan menyatakan orang Melayu memang layak memerintah kerana pemimpin-pemimpin Melayu lebih berkualiti, bermutu dan lebih beramanah daripada pwemimpin bukan Melayu. Dengan cara ini kita menguasai. Kita menjadi dominan kerana kita yang terbaik. Maksud terbaik ialah pemimpin-pemimpin Melayu berkalibar, berkualiti dan beramanah.



Bagaimana UMNO selepas Dr. Mahathir? Mungkinkah perpecahan wujud kembali

Kesemua asas ini sudah kita lihat pada awal kepimpinan Tun Razak dahulu. Umpamanya selepas Mageran, Tun Razak telah memilih pemimpin-pemimpin Melayu yang berkalibar dan menarik mereka masuk ke dalam politik. Walaupun mereka mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kerajaan dan perniagaan, tetapi mereka sanggup berkorban ke kancah politik. Ketika itu orang sudah jelas bahawa arena politik bukan tempat untuk memuaskan hati, memuaskan nafsu, atau mencari kepentingan diri. Ia adalag tapak untuk menabur khidmat bakti kepada masyarakat, negara dan agama. Jelas orang masuk ke dalam politik ketika itu memang sanggup mengorbankan kepentingan diri demi berbakti kepada negara.

Kedua, Tun Razak memang mencari bijak pandai Melayu untuk dibawa masuk ke dalam politik. Dalam masa yang sama juga Tun Razak mengambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin politik yang melakukan rasuah. Ini bermakna adanya proses pembersihan dalam parti dan kerajaan itu sendiri. Menteri besar yang dianggap melakukan rasuah diambil tindakan supaya masyarakat boleh melihat, pemimpin-pemimpin yang ada adalah pemimpin-pemimpin yang bersih dari rasuah dan beramanah.

Ini merupakan syarat orang Melayu memimpin negara mereka sendiri, supaya tidak ada perasaan marah rakyat terhadap pemimpin-pemimpin mereka yang tidak cekap, tidak mampu, apa lagi mereka yang melakukan rasuah. Apabila orang bukan Melayu melihat keadaan ini, mereka akan mengakui orang Melayu memang layak memimpin negara. Jadi, era Tun Razak melalui wawasannya, Melayu sebagai kuasa politik yang dominan dan politik Melayu sebagai teras politik negara dan ini juga membawa maksud bahawa kepimpinan Melayu walaupun mempunyai hak dari segi ketuanan Melayu tetapi juga mempunyai tanggungjawab untuk memberikan kepimpinan yang sebaik-baiknya.

Ditinjau pada tahun 1970 - 1981, Tun Razak mengambil kembali Dr. Mahathir dan Datuk Musa, setelah dibuang dari parti; kalau kita lihat Dr. Mahathir umpamanya, setelah dilantik sebagai senator dan beliau dilantik terus menjadi Menteri Pelajaran. Ketika dilantik menjadi Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir tidak mempunyai apa-apa jawatan dalam parti. Dia tidak menjadi naib presidem parti umpamanya. Tetapi ketika itu orang-orang Umno dan Melayu memahami tujuan Tun Razak iaitu mencari orang-orang Melayu yang mempunyai kebolehan dan perlantikan tersebut tidak menimbulkan masalah. Dengan jawatan yang penting itu -

Menteri Pelajaran - Dr Mahathir bertanding naib presiden dan beliau menang. Tetapi berbeza dengan sekarang, mesti jadi naib presiden dahulu, baru boleh jadi Menteri Pelajaran dan sebagainya.

**Pertandingan 1987 hanya kerana merebut jawatan?**

Pada pendapat saya, sebagai seorang yang terlibat ketika itu, pertandingan tersebut bukan soal merebut jawatan semata-mata, bukan siapa yang patut menjadi menteri, siapa yang hendak jadi Timbalan Perdana Menteri atapun siapa yang layak menjadi Perdana Menteri. Tetapi sebenarnya apa yang ditinggalkan oleh Tun Razak sebagai falsafah politik negara sudah berubah kepada stail kepimpinan Dr Mahathir. Siapa yang paling rapat dengan Dr Mahathir dialah akan dipilih. Tun Daim masuk Kabinet bukan kerana dia orang yang paling pintar dalam hal ekonomi dan kewangan tetapi dia adalah orang yang rapat dengan Dr Mahathir. Siapa yang boleh rapat dengan Dr Mahathir itulah yang boleh diterima menjadi anggota dalam Kabinet dan memenuhi jawatan-jawatan yang penting. Ketika itu sudah berubah dari pakatan satu kumpulan yang berlandaskan kepada apa yang ditinggalkan oleh Tun Razak kepada hanya seorang. Ketika itu juga sudah mula kelihatan bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang ditinggalkan oleh Tun Razak, yang digubal oleh cerdik pandai Melayu, semakin lama semakin diketepikan dengan alasan kemelesetan ekonomi dan sebagainya. Sebenarnya ia diketepikan kerana kepentingan ekonomi dan politik itu sudah bertukar. DEB tidak lagi penting.

**Apakah kerana banyak projek diserahkan kepada kumpulan lain?**

Penentangan terhadap Daya Bumi, Proton Saga, Jambatan Pulau Pinang dan projek penswastaan bukanlah kerana projek itu tidak baik. Yang menjadi soal, selepas dibina jambatan, apa selepas itu? Apakah selepas pembinaan Jambatan Pulau Pinang itu akan melahirkan satu kumpulan kontraktor Melayu dengan kepakaran luar negeri yang boleh membina jambatan yang kedua. Maksudnya ada kesinambungan dari projek yang besar. Waktu itu tidak jelas apa manfaatnya.

Kemasukan Tun Daim dalam Kabinet dengan isu UMBC juga menimbulkan masalah tetapi diketepikan oleh Dr Mahathir kerana Tun Daim rapat dengannya. Ini jelas menampakkan keadaan yang boleh meragukan kita. Penswastaan telah digunakan dengan memberikan tender kepada sesebuah syarikat tanpa menyebutkan tawaran dan tanpa berbincang. Justeru itu saya dan beberapa orang menteri lain semasa dalam Kabinet Dr Mahathir merasakan tidak sesuai sangat cara yang demikian kerana kami juga dipengaruhi oleh idealisme dan falsafah politik Tun Razak dan Dasar Ekonomi Baru. Sebab itulah penentangan pada tahun 1987, penentangan terhadap Dr. Mahathir yang hebat datangnya dari kalangan ahli Umno, 50-50 dari perwakilan yang hadir. Oleh itu secara logiknya penentangan terhadap Dr Mahathir di dalam Umno lebih luas lagi - melebihi 50 peratus. Walaupun Dr Mahathir mempunyai kuasa, tetapi beliau menang cuma satu peratus dari undi perwakilan Umno. Ini sudah pun menggambarkan keperluan kehendak adanya perubahan, bukan bermakna Dr Mahathir turun dan memberi laluan kepada Tengku Razaleigh Hamzah. Tidak. Dr Mahathir mungkin terpaksa menyerahkan kepada Encik Ghafar Baba sebagai timbalannya. Yang penting mesti ada perubahan kepada pucuk pimpinan.

> **Kali ini Umno menang bukan kerana strategi Umno atau strategi BN. Tetapi Umno menang kerana kesilapan langkah Tengku Razaleigh yang menyebabkan orang Melayu keluar mengundi...**

**Dr Mahathir berlembut selepas itu?**

Walaupun orang kata Umno berpecah selepas pertandingan 1987, tetapi andaian itu meleset. Ini kerana selepas pemilihan 1987, berlaku pilihanraya kecil Bukit Tuku, Kelantan. Umno bertanding menentang PAS. Umno menang dengan mudah - tiada masalah. Ini menunjukkan sungguhpun ada pertandingan merebut jawatan dalam pemilihan Umno 1987, dan kami dibuang dari Kabinet, dari segi perpaduan Umno ketika itu tidak ada masalah. Apabila Umno diharamkan di mahkamah, perasaan simpati orang-orang Melayu terhadap Umno tergugat. Ini kerana selepas pengharaman Umno itu, berlaku pilihanraya kecil Tanjung Puteri, di Johor. Dalam pilihanraya itu ramai dari kalangan orang Melayu tidak keluar mengundi. Akibatnya calon Umno cuma menang dengan perbezaan undi yang amat kecil.

Dalam pada itu, Perdana Menteri, Dr Mahathir bertindak membuang pemimpin-pemimpin Umno yang tidak sealiran dengannya. Ia bertujuan



Perwakilan UMNO sedang khusyuk mendengar perbahasan di Persidangan Agung UMNO tahun lalu

membersihkan parti. Bukan dari rasuah dan jenayah tetapi membersihkan parti dari golongan yang tidak menyokongnya. Umpamanya saya telah dilantik menjadi Pengarah Pilihanraya Kecil Tanjung Puteri sedangkan ketika itu saya belum menjadi ahli Umno (Baru). Saya berkempen apa yang termampu. Selepas pilihanraya tersebut, keahlian saya masih tergantung, mungkin diterima, mungkin juga tidak. Mungkin boleh jadi ahli biasa, tidak boleh jadi ketua bahagian. Mengapa tidak boleh? Sedangkan saya adalah ketua bahagian yang dipilih oleh orang ramai. Bila susah, suruh saya mengetuai. Ketika itu sudah nampak, apa yang dibuat oleh Dr Mahathir ialah atas dasar untuk menguatkan dirinya. Dia membuang orang yang menentangnya. Parti mesti ikut cara dia. Hanya orang yang menyokong dan mengaku taat setia padanya sahaja yang boleh jadi ahli parti. Ini semua terbukti dalam surat khabar dan perkembangan yang berlaku ketika itu.

Selepasnya Tun Salleh Abas diseret ke tribunal dengan keadaan yang menyedihkan kerana sudah tidak diterima lagi bahawa mungkin pandangan orang lain juga benar. Yang mendukacitakan kita ialah pemimpin-pemimpin utama Melayu, Dr Mahathir, Yang di-Pertuan Agung, Peguam Negara dan Tun Hamid Omar berpakat bagaimana hendak memecat seorang pemimpin Melayu yang lain. Bukan kerana Tun Salleh Abas seorang penjenayah atau pengedar dadah. Ia mempunyai kedudukan dan pandangan mengikut undang-undang dan keadilan. Tetapi sanggup pemimpin-pemimpin Melayu yang lain berpakat memecatnya. Kalau Tun Salleh Abas seorang penjenayah atau pengedar dadah, wajarlah diambil tindakan. Tetapi orang ramai tahu sifat Tun Salleh Abas, perwatakannya, dan beliau tidak terlibat dengan rasuah.

Ini menyebabkan kemarahan orang ramai kian membara. Kerana itu apabila saya bertanding dalam pilihanraya kecil Johor Bharu 1988, sokongan rakyat pada BN memang habis. Ramai menteri dan timbalan menteri turun ke Johor Bharu, hendak bercakap dengan orang ramai tetapi orang ramai menolak. Bukan sahaja orang-orang dari Johor Bharu, malah dari seluruh tempat datang membantu saya. Ini menunjukkan ada masalah dalam Umno dan perlu dibetulkan. Penentangan ini berterusan hinggalah tercapainya Resolusi Melayu Johor - orang Melayu perlu bersatu padu. Ini dapat meredakan keadaan hinggalah tahun 1990.

**Dalam keadaan itu, BN pimpinan Dr Mahathir masih boleh mencapai majoriti dua pertiga dalam pilihanraya 1991.**

Pilihanraya Umum 1990 juga merupakan satu keadaan yang cemas bagi kepimpinan Dr Mahathir. Ketika itu beliau berhadapan dengan Tengku Razaleigh yang mengetuai Semangat 46 bersama PAS, Hamim dan Berjasa dalam Angkatan Perpaduan Ummah; dengan DAP, Parti Rakyat Malaysia (PRM), dan Parti Progresif India dalam Gagasan Rakyat. Ketika itu ramalan saya BN akan hilang banyak kerusi. Orang Melayu ramai tidak akan keluar mengundi menyebabkan Umno akan kalah. Orang Melayu kalau marah tidak akan mengundi parti pembangkang, sama ada PAS atau DAP. Mereka menunjukkanya dengan tidak keluar mengundi. Yang membentuk senario terakhir pilihanraya 1990 ialah apa yang berlaku di Sabah. Tengku Razaleigh pergi ke Sabah, berpakat dengan PBS dan meninggalkan USNO. Keadaan berubah dengan cepat di Semenanjung, seolah-olah APU dan Gagasan Rakyat mahu menggadaikan kepentingan Melayu. Umum melihat kepentingan Melayu tergugat, ia merugikan Melayu dan Islam di negara ini.

Apabila keputusan pilihanraya diketahui, jelas menunjukkan yang membantu kemenangan Umno dan BN ialah orang Melayu. Ini membawa balik ingatan kita bahawa Melayu adalah teras politik negara. Umno mesti ingat, inilah rahsia kekuatannya. Oleh itu Umno mesti pelihara dan jaga orang Melayu. Kali ini Umno menang bukan kerana strategi Umno atau strategi BN. Tetapi Umno menang kerana kesilapan langkah Tengku Razaleigh yang menyebabkan orang Melayu keluar mengundi. Kerana itu Dr Mahathir tidak mendakwa kemenangan itu adalah kemenangan beliau.

**Dr Mahathir menghargai sokongan orang Melayu itu?**

Apa yang malangnya, selepas pilihanraya umum 1990, tidak ada usaha atau dasar yang datangnya dari kepimpinan Umno untuk menghargai sokongan orang-orang Melayu yang telah menyelamatkan Umno di peringkat Parlimen. Dasar Ekonomi Baru kalau kita lihat sekarang ini kurang diberikan penekanan. Seolah-olah apa yang hendak dipuaskan hati ialah orang bukan Melayu. Seolah-olah pemimpin Umno memberikan amaran kepada pemimpin MCA, MIC, jangan banyak cakap sangat tentang DEB, tapi cakap pasal Malaysia, cakap pasal Wawasan 2020. Seolah-olahnya selama ini orang-orang Melayu yang menyokong Umno sudah tidak penting lagi: "Awak akan sokong juga nanti, sekarang aku hendak jaga orang bukan Melayu."

Begitulah agaknya sikap pemimpin-pemimpin Umno sekarang. Oleh itu kita lihat dalam Kongres Bumiputera Ketiga ditekankan tentang usahasama syarikat Bumiputera dengan syarikat bukan Melayu. Soal ekonomi Melayu, politik Melayu sudah tidak penting lagi. Inilah era Dr Mahathir. Lebih dari itu, Dr Mahathir bertindak



Datuk Harun Idris, antara pemimpin Semangat 46 yang meletakkan jawatan Lumpuhkah Semangat 46

mengikut caranya, ikut apa yang dia hendak buat. Faktor dominan sekarang dalam politik negara ialah satu sahaja - Dr Mahathir. Apa yang berlaku padanya, apa yang difikirkannya, itulah yang menentukan masa depan negara. Tidak ada lagi apa yang dikatakan satu kumpulan di mana Perdana Menteri sebagai bapa. Yang berlaku per-saingan merebut populariti supaya dilantik ke jawatan lebih tinggi oleh PM. Kualiti kepimpinan itu tidak ditingkatkan. Sepatutnya kita cari seberapa banyak bijak pandai Melayu, untuk kuatkan parti. Seka-rang ini lebih kepada bisnes. Sejak 1970 - 1990 dari konsep nasionalisme Melayu, Melayu sebagai teras politik negara sudah hilang.



Dr. Mahathir, Encik Ghafar termenung memikirkan masa depan UMNO.

**Apakah faktor Islam dalam Umno yang ditandai dengan meluasnya pengaruh Anwar Ibrahim dan langkah penerapan nilai-nilai Islam Dr Mahathir menyebabkan konflik dalam Umno semakin tegang?**

Itu tidak benar. Umpamanya Bank Islam, ia bukan dimulakan pada zaman Dr. Mahathir. Ia sudah dirancang dahulu lagi. Apa guna jika ada bank kalau orang Islam tidak kuat, tidak ada harta, tiada perniagaan yang boleh memperkukuhkan bank itu. Kita mahukan bank itu sebagai institusi ekonomi umat Islam yang mantap dan kuat. Tetapi kalau orang Islam tidak kuat dalam ekonomi, bank itu juga tidak kuat. Adakah DEB bertentangan dengan Islam apabila kita menggalakkan orang-orang Melayu berniaga. Bank Islam itu pada zaman Tun Razak pun sudah ada kajian dibuat.

Aspek Islam dalam pemerintahan? Apa Islamnya sangat dalam kepimpinan Dr Mahathir dan Anwar? Orang kata Anwar pemimpin Islam, apa kelebihannya dari segi Islam? Apakah kami yang menentang ini kurang Islam? Dari segi kepimpinan, ia adalah suatu amanah. Seorang individu Islam, yang patut ditakuti hanya dua - dosa kerana melanggar perintah Allah dan menganiaya manusia. Dosa dengan Allah boleh bertaubat tetapi dosa dengan manusia, seperti menzalimi dan menganiayai manusia, kita dituntut memohon maaf kepada manusia. Tapi kalau orang itu menzalimi orang, ambil duit orang, rasuah, tipu orang, itu bukan dosa kecil. Dari segi kepimpinan, kalau pemimpin itu tidak menganiaya orang, tidak rasuah, itu satu aspek Islam yang penting.

**Apakah sokongan kepada BN juga kerana faktor Islam?**

Pada pilihanraya 1990, peratus undi yang diperolehi BN merosot. Orang mengundi ada berbagai sebab, bukan sebab politik sangat. Ada yang mengundi kerana ketakutan dari segi bangsa atau agama seperti apabila berlakunya pakatan Tengku Razaleigh Hamzah dengan Pairin Kitingan. Ada yang mengundi kerana pemimpin tersebut berasal dari negeri yang sama dengannya. Umpamanya undi Umno di Kedah meningkat kerana pemimpin kerajaan pusat berasal dari Kedah. Tetapi saya rasa Pilihanraya Umum 1990, pengundi mengundi BN bukan kerana Dr Mahathir. Orang tidak tengok pada peribadi seseorang tetapi orang Melayu sokong BN kerana orang Melayu rasa terancam dan marah pada sesuatu. Oleh kerana itulah BN menang tetapi dengan peratus undi yang menurun. Kali ini bukan kerana strategi Umno. Semua strategi Umno tidak laku.

**Tidak ada agama yang mensyaratkan berjudi atau minum arak. Tidak disyaratkan untuk menjadi orang Cina yang taatkan kepada kecinaannya mesti berjudi...**

**Dr Mahathir tidak segan silu melakukan apa sahaja, buktinya kes Tun Salleh Abas. Mengapa agaknya Dr Mahathir berani bertindak sedemikian rupa?**

Saya ingat Kabinet tidak terlibat dengan pemecatan Tun Salleh. Semasa kita dalam Kabinet dahulu, soal hakim ini juga ditimbulkan. Kita nasihatkan, *slow down*, jangan lantang sangat. Kami tahulah apa perasaan Dr Mahathir terhadap kehakiman. Tetapi selepas 1988 bukan lagi keputusan Kabinet kerana ketika itu Dr Mahathir yang menentukan semuanya. Tak ada yang menasihatinya. Tambahan pula kami sudah tiada dalam Kabinet. Setahun kemudian Umno (Baru) dibentuk. Tidak semua Ahli Majlis Tertinggi Umno dijemput.

Yang dijemput hanya menteri dan timbalan menteri. Tujuannya jelas, Dr Mahathir tak mahu kami lagi. Ketika itu Dr Mahathir melakukan apa sahaja untuk mengekalkan kuasanya. Kadang-kadang bila orang sudah buat sesuatu yang tidak elok, untuk menutup sesuatu yang tidak elok itu terpaksa buat sesuatu yang tidak elok yang lebih besar lagi.

Berlakunya itu kerana kita lupa asas kepimpinan yang patut diambil ialah pandangan ramai. Kalau kita fikir pandangan kita sahaja yang betul, maka timbullah banyak masalah.

**Bagaimana dengan Semangat 46?**

Masalahnya Semangat 46 hanya bergantung kepada kepimpinan Tengku Razaleigh. Tak ada Tengku Razaleigh tak adalah Semangat 46. Tetapi Umno, jika Dr Mahathir tak ada, Umno tetap ada. Itulah bezanya.

**Lepas Dr Mahathir siapa agaknya?**

Saya rasa semuanya bergantung kepada siapa yang hidup lama. Kalau Dr Mahathir hendak serahkan pada Encik Ghafar seperti Tun Hussein Onn serahkan kuasa pada Dr Mahathir, masih boleh dilakukan lagi. Tetapi saya rasa Dr Mahathir tidak akan berbuat begitu. Perkiraannya, siapa yang umur panjang. Kalau Encik Ghafar pergi dulu, saya rasa akan timbul masalah dalam parti. Kalau Dr Mahathir pergi dulu, timbul juga masalah dalam parti. Akan bergaduh juga. Tanpa kami, tanpa Datuk Musa, tanpa Tengku Razaleigh, masih ada pergolakan besar dalam Umno.

**Adakah seperti tahun 1987?**

Tak tahu. Sebab kali ini apa yang direbut besar-besar belaka. Sekarang ini semua bercakap tentang kemewahan. Sekarang ini siapa yang tidak tahu menteri-menteri dan menteri besar yang kumpul harta. Soalnya, hendak boleh buat atau tak hendak buat sahaja. Kalau ada MB boleh pakai kereta harganya $800,000, mana datang duit itu?

**Ahli-ahli Umno boleh menerima keadaan seperti ini?**

Ahli Umno tidak dibawa memutuskan sesuatu.

**Maksudnya ahli Umno tidak berani membantah?**

Apa yang ahli Umno hendak protes? Saya ingat dalam Umno tidak ada protes. Hendak protes macam mana? Dia protes secara diam sahajalah.

**Dalam suasana begini mungkinkah Datuk Musa akan kembali?**

Saya ingat Datuk Musa tidak akan memunculkan dirinya untuk merebut jawatan dalam parti. Dia sudah cukup memainkan peranannya dalam parti dan kerajaan dan beliau sudah berpuas hati dengan apa yang dia capai dan apa yang dia cuba betulkan keadaan. Sekarang dia tidak memegang apa-apa jawatan.

**Terdapat lompang yang kosong sekarang ini yang memungkinkan Datuk Musa kembali aktif dalam Umno dan berbakti pada negara?**

Sungguhpun kita katakan apa yang kita buat kerana bangsa dan negara tetapi orang yang berkuasa mengatakan tidak. Jadi lebih baik kita serahkan sepenuhnya kepada mereka yang berkuasa sekarang. Tanggungjawab itu adalah tanggungjawab mereka yang memimpin. Saya fikir Datuk Musa tidak akan menonjolkan dirinya dalam politik negara.

**Apa harapan Datuk kepada Umno selepas ini?**

Semuanya bergantung kepada kepimpinan yang menggantikan kepimpinan yang ada sekarang. Kalau kepimpinan itu membawa kepada pakatan yang mewakili semua pihak, kuatlah parti itu. Apa yang menjadi peninggalan Tun Razak masih relevan lagi. Melayu sebagai teras Melayu, Umno mesti mempertahankannya. Walau apapun perubahan dalam masyarakat, ia patut kelihatan dalam Umno dengan tidak ada percanggahan antara kebangkitan Islam di dalam masyarakat Melayu dengan kebangkitan Islam dalam Umno sendiri.

Apa yang dirancang di bawah DEB, sepatutnya dilaksanakan terus kerana bagi saya ia tidak bercanggah dengan Islam. PAS sendiri tidak marah kalau Umno menolong orang-orang Melayu, yang PAS marah ialah Umno tolong Umno sahaja. Jadi di Kelantan, Kerajaan PAS mesti membuktikan ia melayan semua pihak, bukan semata-mata PAS. Masalahnya, kadangkala kita dengar bukan Melayu kritik DEB, kata DEB tak bagus, kita pun percaya.

Sebenarnya syarikat-syarikat bukan Melayu tidak tergugat dengan DEB. Buktinya banyak syarikat bukan Melayu yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur walaupun di Papan Kedua. Saya rasa orang Melayu masih ke-tinggalan dalam ekonomi. Inilah yang perlu difikirkan oleh sesiapa yang mengambil alih kepimpinan negara. Sesiapa yang menerajui negara, harapan saya, mereka mestilah kembali memegang peranan sebagai seorang bapa.

Berpolitik untuk berbakti kepada bangsa, negara dan agama. Kerana itulah orang Melayu suka berpolitik dan bekerja dengan kerajaan kerana dengan jawatan itu mereka boleh berbuat sesuatu untuk bangsa, negara dan agama. Itulah sebabnya menteri-menteri yang dahulu tidak ada yang kaya raya.

**Apakah kepemimpinan Umno akan berubah?**

Susah. Tidak banyak berubahnya. Macam itulah juga. Sebab pemimpin yang naik adalah mereka yang ditonjolkan. Saya kira pemimpin dua di atas dan tiga di bawahnya tidak akan tercabar. Siapa yang hendak mencabarnya? Dia bergaduh sesama dia sahajalah. Saya rasa untuk pemilihan tahun 1993, itulah juga orangnya.

**Pandangan Datuk tentang Kelantan? ....**

Dr Mahathir sendiri memberi jaminan, kalau PAS hendak laksanakan hukum hudud, teruskanlah. PAS patut diberi peluang mentadbir negara untuk melaksanakan apa yang dirancangkan dalam manifestonya. Kalau orang tak suka, PAS akan tumbang. Kalau orang suka, PAS akan kuat. Biasanya yang baik itu ramai akan ikut. Sekiranya PAS melaksanakan dengan adil, dan sebelumnya memberi pe-nerangan yang jelas, masyarakat akan terima. Jangan orang atasan sahaja yang memahaminya. Nanti yang bawahan dizalimi. Bukan senang hendak potong tangan orang, rejam dengan batu. Kadang-kadang akhbar yang memberikan cerita yang tidak betul. Orang-orang bukan Islam, sekiranya faham betul-betul, dia akan terima. Lagipun bukan dia suka, dan bukan kehendak agama dan kepercayaan mereka sendiri, mesti berjudi umpamanya. Tidak ada agama yang mensyaratkan berjudi atau minum arak. Tidak disyaratkan untuk menjadi orang Cina yang taatkan kepada kecinaannya mesti berjudi.

**Banyak kumpulan Islam yang menyokong Anwar Ibrahim sekarang. Dahulu mereka anti-Umno.**

Maknanya, bukan menyokong perjuangan, mereka menyokong individu. Dahulu ABIM kata DEB bertentangan dengan Islam, cakap sahaja banyak. Sekarang diamanahkan memimpin, kita lihatlah. Sekarang laksanakan, tanggungan lebih dahsyat. Saya tidak kisah, sama sahaja ABIM dengan MAYC? Apa kelebihannya, kecuali bercakap dari sudut agama. Cakap satu hal, yang lain bagaimana?

PAS sendiri bukan semuanya kerana agama, politik juga. Umno, bukan semua kerana politik bangsa, kepentingan diri juga. Sekiranya kita jadi pemimpin persatuan Islam, mengambil sikap atau pendirian yang bertentangan, dan kita pula ada kepentingan, sudah ada yang jadi menteri, jawablah nanti. Kita percaya pada Akhirat. Dunia ini sementara, esok kita pastikan dosa dengan Allah dibetulkan. Dosa dengan orang ramai, aniaya dan zalimi orang, ini yang susah.



# Semata-mata Cerita Politik UMNO

Oleh AHMAD LUTFI OTHMAN

Di sebuah hotel terkemuka, menjelang perhimpunan agung UMNO, tiga orang pemerhati politik tanahair bersembang.

I: Agaknya siapa lawan siapa dalam pertandingan naib presiden kali ini?

II: Siapa lagi, kalau bukan Anwar, Muhyidin, Wan Mokhtar, Sanusi, Abdullah Badawi?

I: Orang lain tak ada?

III: UMNO... siapa tak tahu perangai UMNO? Siapa tak tahu perangai Mahathir? Cuba tanya Ku Li atau Datuk Musa.

II: Apa kena mereka berdua lagi, Mahathir dah tamatkan riwayat. Ku Li nasib baik ada 46. Musa... yang sebut nama dia cuma Shahrir.

III: Orang kata peluang Anwar cerah. Hampir semua bahagian calonkan dia. Musuh-musuh politiknya dah ditendang keluar oleh Mahathir. Orang ABIM kata, yang kuning sudah luruh, yang tinggal mula bertukar kehijau-hijauan.

I: Tidak semudah itu, kawan. Anwar mungkin tak dapat undi dari Kelantan. 11 perwakilan dari tiap bahagian pun tak ramai orangnya; pegawai kumpulan A yang sokong dia dah tak dibenarkan jadi perwakilan.

II: Ada orang kuat Anwar di Selangor, bekas pemimpin ABIM tak dapat jadi perwakilan.

I: Lawan Anwar sekarang Sanusi.

II: Bukan Abdullah Badawi?

I: UMNO sudah lupa dia.

III: Tapi aku rasa Dolah Badawi boleh menang.

I: Alasan?

III: Aku rasa macam tu, tengoklah.

II: Kalau dia kalah sekali pun tapi jika undinya banyak dan mendekati pihak yang menang, maknanya perwakilan UMNO undi protes pada Mahathir.

I: Apa Mahathir peduli dengan itu semua; kalau dia sudah tak mahu, apa orang lain boleh kata. Apa Ghafar boleh komplen?

II: Habis, kenapa pula Sanusi?

III: Sanusi musuh utama Anwar sejak ABIM lagi. Lagi pun tokoh yang boleh gugat Anwar hanya Sanusi.

I: Ghafar Baba?

II: Inilah sebabnya Anwar perlu menangkan tokoh yang tidak akan menyusahkannya. Tugas Anwar pastikan mereka itu bukan Sanusi atau Dolah.

III: Orang kata, Wan Mokhtar bekas pengikut Datuk Musa, dah rapat dengan Anwar. Begitu juga dengan Muhyidin.

I: Dengar kata Muhyidin orang Musa... pilihanraya baru ni pun, ramai juga orang Musa di Johor terpilih. Dan aku yakin Ghafar lebih rapat dengan Wan Mokhtar.

II: Katakan yang menang dua lagi itu semua MB, dan katakan pula, Dr Mahathir berhenti, kemudiannya digantikan dengan Ghafar untuk beri peluang dia rasa nikmat jadi PM. Jadi Ghafar terpaksa pilih Anwar, naib presiden yang terbanyak undi dan seorang menteri kanan.

I: Bukankah Ghafar tak berapa suka Anwar?

II: Ramai lagi menteri tak berkenan dengan Anwar. Pasal tu Ghafar mahu menangkan Sanusi, Dolah dan Wan Mokhtar.

I: Atau Mahathir akan pastikan dulu Anwar jadi PM sebelum serah pada Ghafar?

III: Maknanya, Mahathir bukan sahaja tentukan siapa PM selepasnya, tetapi juga siapa PM selepas PM selepasnya. Dan aku rasa Anwar ada bakat ikut *style* Mahathir.

II: *Style* macam mana? Buat apa yang dia rasa ndak buat, walaupun orang lain tak suka. Sekarang pun, dia pijak kepala orang untuk naik cepat.

I: Orang UMNO lain tak mahu laksana Islam.

III: Yusuf Noor pun Anwar tak suka. Agaknya kawan-kawan Anwar, macam Daim dan Rafidah tu mahu Islam!

I: Itu politik...

III: Yang lain-lain bukan politik?

II: Anwar rapat dengan Daim. Dengar kata Sanusi ndak pisahkan mereka. Kalau berjaya teruk juga Anwar. Anwar pula lebih perlukan Daim daripada Daim perlukan Anwar.

III: Memang Sanusi bijak laga-lagakan orang.

II: Dulu pun masa 1987, Sanusi terkeluar dari senarai calon naib presiden team A. Dia terpaksa mengalah dengan MB Perak untuk menangkan Mahathir dan Ghafar.

III: Macam mana agaknya debat pasal raja campur tangan dalam politik.

I: Bukan orang tak tahu pemikiran Mahathir tentang raja. Dah lupa krisis Perlembagaan dulu?

II: Jadi, ia bukan ditujukan pada Sultan Kelantan?

I: Semua raja. Sultan Kelantan tak seberapa...

III: Hei, ini isu sensitif.

I: Siapa tak tahu perangai UMNO! Ya, siapa tak tahu perangai Mahathir!

II: Ada orang kata kalau regu Anwar menang, sekali lagi perhimpunan agung, UMNO akan pecah semula, untuk kali keduanya.

III: Tak habis-habis pasal Anwar.

II: Selagi ada Mahathir....

III: Kalau macam tu Semangat 46 bertambah kuat nanti. Tapi, boleh jadi UMNO selepas pecah kali kedua itu rapat pula dengan PAS, tinggalkan 46.

I: Inilah kempen untuk jatuhkan Anwar. Orang kata Anwar rapat dengan Fadhil Noor.

II: Ya, sekarang orang ABIM buat masalah dengan Anwar, cakap-cakap Anwar rapat dengan PAS pun menyukarkannya.

I: Jadi, Anwar bertanding naib presiden untuk memenangi jawatan presiden! ●

# 23

# YUSOF NOOR BUKAN SETAKAT PENGGANTI WAN MOKHTAR

Apabila Wan Mokhtar yang sudah sekian lama menduduki kerusi Naib Presiden tidak terpilih semula dalam pemilihan 1990, orang mula mempersoalkan, apakah Umno tidak memerlukan lagi seorang ulama menjadi pemimpin kanan mereka dan apakah Umno sanggup melihat sebuah lagi negeri di Pantai Timur jatuh ke tangan PAS? Mengenai soalan pertama, mungkin akan dijawab, ketiga-tiga Naib Presiden Umno yang ada sekarang tidak kurang juga komitmen Islam mereka. Anwar Ibrahim, bekas Presiden ABIM yang berpengaruh itu, dikatakan mempunyai kekuatan dan lebih dikenali, merujuk kepada pembabitannya dengan aktiviti Islam di peringkat antarabangsa, daripada Wan Mokhtar. Abdullah Badawi juga mempunyai latar belakang pengajian Islam. Sanusi Junid pun pernah terlibat dengan ABIM. "Tapi Umno perlukan seorang pemimpin yang khusus mendalami ilmu-ilmu Islam seperti Wan Mokhtar. Cuba kita bayangkan, tidak ada orang seperti Wan Mokhtar di Terengganu, bagaimana Umno mahu menghadapi ulama-ulama utama PAS, yang kini menjadi ADUN, seperti Haji Abdul Hadi Awang dan Haji Harun Taib. Mereka itu berhujah dengan kitab-kitab muktabar, dalam bahasa Arab, Anwar sendiri tidak boleh menangkisnya," jelas seorang penyokong Umno di Kuala Terengganu.

"Bukankah Anwar sudah menunjukkan kemampuannya membalas hujah-hujah pemimpin PAS dalam majlis-majlis forum bersama pemimpin-pemimpin kanan PAS itu? Anwar juga yang memberikan daya penyeri kepada Umno sehingga golongan intelektual Muslim yang amat terpengaruh dengan kebangkitan semula Islam abad ini mengalihkan pandangan, daripada PAS kepada Umno. Kalau tidak ada Anwar dalam Umno, PAS beroleh keuntungan besar," hujah seorang pemimpin muda Umno.

Apa pun yang diperkatakan, ahli-ahli Umno sudah menyedari Umno memerlukan pemimpin-pemimpin yang dilihat mempunyai akhlak luhur, tidak terlibat dengan dosa-dosa besar, mampu bercakap tentang Islam dengan baik, menghormati ulama dan institusi-institusi Islam. Anwar sahaja tidak cukup, Umno juga memerlukan seorang pemimpin

bertaraf ulama bagi menyaingi PAS di bawah kepimpinan Haji Fadzil Mohd Noor - Haji Abdul Hadi Awang - Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Umno sudah cukup kuat dengan pemimpin-pemimpin yang diharapkan untuk memajukan negara, tetapi kemampuan Umno untuk meningkatkan syiar dan syariat Islam di negara ini akan sentiasa boleh dipertikai dan dipersoal. Salah satu puncanya kerana ulama-ulama tidak diberikan tempat sewajarnya dalam kepimpinan Umno. Mereka hanya layak membaca doa dan menjadi imam sembahyang sahaja. Sewajarnya pandangan mereka diminta dalam menentukan dasar-dasar utama negara. Tetapi yang sedihnya, seorang dua ulama-ulama dalam Umno ini tidak pula menunjukkan komitmen mereka untuk membela kepentingan Islam, sikap dan pendirian mereka tidak jauh bezanya dengan pemimpin-pemimpin lain dalam Umno. Begitupun, ia tidak menjejaskan keperluan Umno meramaikan pemimpin-pemimpinnya yang berpengetahuan agama yang cukup mantap di negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah. Buat masa kini hanya Umno Terengganu yang mempunyai kekuatan itu. Mungkin kerana faktor itu, benteng Umno di sana masih belum mampu dirobohkan oleh gandingan Haji Abdul Hadi Awang - Haji Harun Taib.

Seperti yang dihujah sebelum ini, kemungkinan besar gandingan Naib-naib Presiden Umno yang ada akan tergugat. Di samping ada usaha dari tokoh-tokoh yang tidak senang dengan peningkatan Anwar yang begitu drastik dalam Umno dan Kabinet, faktor wilayah juga menjadi pertimbangan semula perwakilan Umno merombak pilihan mereka sebelum ini. Bagaimanapun penonjolan tokoh-tokoh wilayah tengah dan selatan tidak begitu menonjol, kecualilah Musa Hitam mengejutkan suasana yang ada. Muhyidin Yasin, Syed Hamid Albar, Rahim Tamby Chik dan Muhammad Taib disebut-sebut tetapi kemampuan mereka untuk menggugat kedudukan Naib-naib Presiden dari utara dirasakan tidak cukup kuat. Muhammad Taib ada potensi besar, tetapi imejnya telah terjejas dengan teruk dalam hubungannya dengan istana. Tetapi peluangnya masih terbuka luas, begitu juga dengan Muhyidin. Dalam pada itu, seorang lagi nama secara senyap-senyap disebut, bukan sahaja untuk memenuhi faktor wilayah, tetapi juga mengembalikan semula seorang ulama dalam kepimpinan tertinggi Umno. Personalitinya tidak sekuat Naib-naib Presiden yang ada, tetapi beliau sendiri nampaknya sedang menyusun starategi menempatkan dirinya. Seorang teman menggelarkannya sebagai "pemusnah Al-Arqam", iaitu Yusof Noor.

"Aku tak setuju dengan hujah kau itu. Di Terengganu sendiri Yusof Noor tidak begitu berpengaruh. Hubungannya dengan Wan Mokhtar pun tidak bagus. Kalau ada orang berhujah bahawa Yusof Noor diperlukan untuk menawan semula Kelantan, dengan latar belakang pengajian Islamnya yang tinggi itu, aku rasa anggapan itu jauh meleset. Yusuf Noor tidak mempunyai imej seorang ulama. Main bola pun pakai seluar pendek. Selama Yusof Noor pegang Kementerian Perusahaan Awam, apa usaha yang dibuatnya untuk memantapkan syiar Islam di Kementerian itu. Yang aku tahu Yusof Noor sibuk mengatur program demi program, menggunakan platform Mara, dengan bantuan kuat Ibrahim Ali, mengembangkan pengaruhnya," hujah seorang kawan apabila saya mengajukan nama Yusof Noor sebagai gandingan Abdullah Badawi - Sanusi Junid.

"Jadi, di mana kau 'nak letak Anwar Ibrahim?" tanya lagi.

"Ini bukan masalah aku. Aku cuba membaca percaturan yang dibuat oleh kumpulan anti-Anwar. Bukankah Yusof Noor baik dengan Tamrin Ghafar, yang juga bermakna baik dengan Ghafar Baba? Hubungannya dengan Sanusi pun baik. Dan Yusof Noor sejak pegang Pusat Islam sudah tidak rapat dengan Anwar, walaupun mereka sama-sama ditugaskan untuk menjayakan rancangan penerapan nilai-nilai Islam. Anwar secara terus-terang tidak begitu bersetuju dengan usaha yang dibuat oleh Yusof Noor di Pusat Islam dahulu," saya cuba membalas hujahnya, dari perspektif pergolakan dalaman Umno kini.

Menurut Yusof Harun, dalam *Umno Selepas Mahathir*, Yusof Noor memiliki *track-record* yang begitu cemerlang dalam bidang agama. Beliau mendapat pendidikan awal di Kolej Islam, Klang, kemudiannya ke Universiti Al-Azhar, dan mendapat diploma di bidang pendidikan dari Universiti Ein Sham. Yusof Noor kemudian menyambungnya ke peringkat doktor falsafah dari Universiti Cairo. Sebelum dilantik menjadi Timbalan Menteri pada 31 Ogos 1984, Yusof Noor memegang berbagai jawatan pendidikan. Beliau pernah menjadi Dekan Fakulti Pengajian Islam, UKM sebelum dilantik sebagai Tmbalan Naib Canselor.

Meskipun beliau dibawa masuk ke dalam Kabinet oleh Dr Mahathir tanpa membuktikan komitmennya dahulu kepada Umno, tetapi perwakilan-perwakilan Umno nampaknya begitu menyenangi beliau. Undi yang diperolehinya dalam pemilihan Ahli MKT begitu membanggakan, di tempat teratas, 1,279 undi. "Yusof Noor adalah asset yang besar bagi Kumpulan Ghafar Baba - KGB. Meskipun tanpa Anwar, perkembangan Islam tidak akan tergendala kerana adanya orang seperti Yusof Noor dalam KGB. Kalau ada orang berhujah perhubungan antarabangsa Ghafar lemah, Abdullah Badawi boleh membantunya. Sanusi yang mempunyai pengetahuan kewangan yang lebih baik dari Anwar, boleh dilantiknya sebagai Menteri Kewangan," celoteh seorang penyokong Sanusi.

"Ilmu pengetahuan sahaja tidak cukup. Yusof Noor masih punya peluang untuk membuktikan bahawa beliau meletakkan Islam sebagai dasar perjuangannya. Jalannya mudah. Yusof Noor mesti laksanakan projek-projek di kementeriannya dan berusaha membuat beberapa perubahan di Mara dari perspektif Islam. Yusof Noor tidak cukup dengan majlis Tilawah Al-Quran dan program-program Islam yang menjadi hiasan kulit sahaja. Dia mesti berani meneroka ke bidang-bidang yang lebih mencabar, seperti bidang perusahaan awam, yang menjadi tanggungjawabnya sekarang. Yusof Noor mesti jalinkan hubungan yang rapat dengan intelektual Muslim dan para ulama, mencari formula Islam yang tepat untuk pembangunan negara. Sekiranya Yusof Noor benar-benar ikhlas berbuat demikian tidak mustahil dia dapat menyaingi Anwar di bidang tersebut," jelas penyokongnya.

# DARIHAL KLEPTOKRASI DAN KLEPTOMANIA

Oleh Ahmad Shaberi Chik

SAYA kira tidak ramai rakyat Malaysia yang pernah mendengar perkataan Kleptokrasi sebelum ini, hinggalah Tengku Razaleigh Hamzah, menyebutnya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Semangat 46 baru-baru ini.

Seorang kawan dari sebuah universiti tempatan bertanya saya tentang istilah yang digunakan oleh Presiden Semangat 46 itu. Katanya, ia pernah mendengar perkatan kleptomania tetapi tidak pernah mendengar perkataan kleptokratik.

Lantas, saya bertanya kepadanya, "apa yang saudara faham mengenai kleptomania itu"?

Katanya "kleptomania adalah istilah psikologi. Ia merujuk kepada tingkah laku seseorang yang tidak dapat mengawal dirinya dari mencuri barang orang lain. Kebiasaannya orang begini mengalami sakit mental."

Penjelasan kawan saya itu, memudahkan kami merumuskan makna kleptokrasi tadi. Ertinya, kalau kleptomania bermakna tingkahlaku seseorang yang tidak dapat menahan dirinya daripada mencuri, maka kleptokrasi pula merujuk kepada sesebuah negara yang diperintah oleh pemimpin yang tidak dapat menahan dirinya dari mengambil harta rakyat. Samada melalui rasuah atau pun cara-cara lain dengan menggunakan pelbagai helah.

"Namun begitu apa yang dikatakan oleh Ku Li mesti diberi perhatian", tambah saya lagi.

Ertinya kalau kita mendengar rasuah dan pelbagai penyelewengan terus berlaku di segenap bidang kehidupan dan di dalam semua lapisan masyarakat maka inilah buktinya yang kita akan menjadi negara kleptokratik tulen. Sebab, banyak rasuah bermakna banyaklah hak rakyat diambil oleh orang yang melakukannya.

Semasa pilihanraya pula, kalau banyak wang ringgit dicurahkan oleh parti pemerintahan, kita perlu tahu dari mana wang itu datang. Apakah ia datang dari wang anggota parti itu, atau wang rakyat keseluruhannya? Malah kalau rakyat kita pula terdiri daripada mereka yang bersikap tidak apa terhadap rasuah dan penyelewengan, maka sahlah kita menuju kepada negara kleptokrasi tulen.Jadi mari kita periksa satu-persatu apa yang telah briaku di negara kita.

Bila tol dikenakan di Cheras, Sungai Besi, Jalan Pahang dan Jalan Kuching, beratus ribu atau berjuta ringgit wang rakyat dikutip setiap hari. Hasil kutipan itu diberikan kepada syarikat tertentu. Alasannya kerana syarikat itu ditugaskan untuk menyelenggara jejambat (flyover) atau lebuhraya yang baru dibuat.Semua orang tahu, keuntungan kutipan tol itu berlipat ganda berbanding kos membuat jejambat lebuhraya tadi. Yang hairannya kalau dah untung, kenapakah ia tidak dimasukkan ke dalam perbendaharaan negara? Sebaliknya ia diberikan kepada syarikat tertentu saja?

Kegiatan memungut wang rakyat di plaza-plaza tol sekarang, kelihatan hampir sama seperti apa yang berlaku di zaman dahulu kala. Bezanya dulu orang-orang jahat ditugaskan menjaga



MARCOS

tempat-tempat strategik di sungai-sungai tertentu untuk meminta cukai lahuan. Pada hari ini, plaza tol didirikan di semua jalan strategik masuk ke Kuala Lumpur. Bezanya,ia kini dikutip dengan cara yang lebih canggih dan undang-undang dibuat untuk menghalalkannya. Namun, baik dulu mahupun sekarang, tiada siapa pun terlepas dari membayar wang yang dikenakan. Tujuannya sama, iaitu memungut cukai.

Misalnya kalau ada Menteri yang bising mengatakan dialah orang yang paling bersungguh-sungguh nak hapuskan penyelewengan dan pembaziran, maka kita mesti berhati-hati terhadapnya. Mungkin dia ikhlas, atau mungkin dia juga seperti orang tadi, iaitu menggunakan taktik yang sama untuk mengelirukan orang ramai yang dia bukanlah orangnya tetapi hakikat sebenar dia adalah salah seorang dari mereka.

Apa yang penting, kita mesti tengok rekod dia dalam mengotakan apa yang dia kata. Hari ini kita saksikan kejadian yang boleh kita katakan sebagai pembaziran dan penyelewengan terus berlaku. Bagi saya membina padang golf secara besar-besaran adalah pembaziran.

Perarakan bunga-bungaan juga pembaziran. "Insider Trading" dalam institusi kewangan adalah penyelewengan. Kerugian besar BBMB Securities baru-baru ini adalah penyelewengan ketiga dalam masa 10 tahun. Kita tidak tahu sejauh manakah orang yang bising bercakap menentang pembaziran penyelewengan tadi benar-benar bertindak membanteras kesemua perkara tadi.

Banyak masalah yang berlaku dalam negara kita hari ini adalah akibat daripada penyelewengan mereka yang tidak bertanggungjawab. Kemiskinan ada kaitannya dengan penyelewengan dalam pengagihan harta kekayaan rakyat. Contoh, negeri Terengganu adalah negeri terkaya, tetapi kadar kemiskinannya adalah antara yang tertinggi di negara ini.

Kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur semakin tidak terkawal. Ini disebabkan banyak pembangunan di bandaraya itu dibuat tidak mengikut pelan induk yang ada. Projek-projek mewah seperti kondominium, padang golf, bangunan-bangunan besar dibuat tanpa mengambilkira kesannya terhadap kelicinan trafik. Akibatnya jalanraya sesak, rakyat kerugian besar setiap hari kerana membuang masa dan petrol. Sekiranya projek tadi diluluskan kerana orang yang meluluskan itu mendapat komisyen maka mereka bersalah kerana rasuah. Tetapi sekalipun mereka tidak menerima sebarang komisyen mereka tetap bersalah kerana gagal menguruskan negara ini dengan baik bagi menjamin kesejahteraan orang ramai.

Saya teringat kata-kata seorang pemimpin Barisan Nasional ketika berkempen dalam pilihanraya kecil di Pantai Merdeka, dulu. "Tuan-tuan, negara kita sekarang cukup maju. Berkat pemerintahan Barisan Nasional. Kuala Lumpur jem (sesak) Alor Setar jem dan Sungai Petani sudah jem dengan kenderaan. Tuan-tuan, semua ini tidak berlaku di zaman Jepun dulu... Inilah buktinya negara kita maju.

Bila ada pemimpin negara menjadikan kesesakan lalulintas sebagai kayu pengukur kemajuan negara ini, saya tergambar yang wawasan pemimpin kita ialah bagaimana nak jadikan bandar-bandar kita lebih sesak daripada Bangkok, Manila, Sao Poalo dan Mexico City. Kerana padanya semakin sesak sesebuah bandaraya itu, semakin majulah negara itu. Namun, sesebuah negara ini terkenal bukan sahaja kerana kesesakan lalulintas dan pencemaran yang amat dashyat tetapi juga amaran rasuah dan jenayah yang amat tinggi di dunia.

Filipina di bawah Marcos, dan banyak negara-negara di Amerika Latin pernah disifatkan sebagai negara kleptokratik, iaitu negara yang diterajui oleh segelintir puak yang berkuasa. Puak inilah yang menguasai segalanya. Mereka menjadi kaya raya kerana mereka memiliki kekuasaan. Rakyat pula terus tinggal dalam kemiskinan dan kesusahan. Tidak ada pelan dan perencanaan pembangunan negara dapat dijalankan dengan baik kerana setiap program di tentukan oleh sesiapa yang dapat memberi rasuah yang tinggi kepada penguasa tadi.

Mereka yang berkuasa pula tidak ada lain yang terlintas di hati mereka, melainkan cara untuk menambahkan kekayaan mereka dengan menggunakan kekuasaan tadi. Ertinya dengan kuasa mereka menambahkan kekayaan dan dengan kekayaan itu mereka menambahkan kekuasaan tadi. Hinggalah mereka menjadi orang yang paling kaya dan paling berkuasa. Sebab itulah di negara-negara seperti itu, setiap mereka yang mula menikmati kekuasaan, tidak akan melepaskan kekuasaan itu dengan apa cara sekalipun. Sekalipun mereka sedar mereka sudah tidak disukai rakyat. Ataupun mereka terpaksa berlaku kejam terhadap rakyat seagama dan sebangsa dengan mereka sendiri.

Di negara-negara ini, pilihanraya diadakan, tetapi hanya untuk perhiasan sahaja.Soal pilihanraya yang adil: rakyat diberi hak sama untuk mendengar dan didengari, persoalan hak asasi manusia, dan kesemua nilai murni demokrasi lain, adalah di luar perhitungan mereka ini. Itu sahaja yang menjadi falsafah pemerintah negara kleptokratik. Segalanya untuk kuasa dan kekayaan golongan yang berkuasa tadi. Semoga di tahun 2020 nanti kita tidak akan menjadi begitu. Bertindaklah sekarang untuk menyekat dari berlaku.



# Wawasan Terowong

Oleh AHMAD LUTFI OTHMAN

Menjelang tahun 2020, Malaysia dapat menjadi negara yang bersatu, dengan masyarakat Malaysia yang penuh yakin, sebati dengan nilai moral dan etika yang kuat, tinggal di dalam masyarakat yang bersifat demokrasi, liberal dan penuh toleransi, mengambil berat antara satu sama lain, adil dan saksama daripada segi ekonomi, progresif dan makmur, dan mempunyai ekonomi yang berdaya-saing, dinamik, kukuh serta mempunyai daya ketahanan yang tinggi.

Itulah mukadimah kepada Wawasan 2020, yang sering diperkatakan tidak mengira tempat dan masa (meskipun dalam keadaan yang tidak memerlukannya), seolah-olah ia menjadi ideologi negara, yang mesti dipegang oleh setiap warganya. Ciri-ciri negara impian itu tidak penting lagi, malah jarang dihurai dan diberi definasi yang jelas, tepat dan terperinci, yang timbul ialah Malaysia mesti menjadi negara maju. Walaupun ditekankan bahawa maju yang dimaksudkan itu bukan seperti majunya Korea, Jepun, Amerika mahupun Britain, tetapi konsep kemajuan itu nampaknya hanya berlegar sekitar kebendaan sahaja. Sesuatu yang lain darinya hanyalah imej-imej kabur yang tidak pernah terungkap secara jujur atau dijadikan hiasan untuk mendindingi dari kritikan dan kecaman, yang juga tidak pernah dilakukan secara berkesan.

Seorang rakan berhujah: "Wawasan 2020 adalah idea terbaru dari Dr Mahathir yang mengekori beberapa idea-idea sebelumnya: Sogososha, projek-projek Promet untuk Langkawi, kerjasama Selatan-Selatan, pelaburan di negara-negara di kepulauan Maldive, Fiji, Mauritius; EAEG (Kesatuan Ekonomi Asia Timur); membuka *frontier* ekonomi terbaru di Amerika Selatan dan lain-lain yang akan mengikutinya.

"Idea-idea ini digunakan seperti doktor yang sibuk merawati pesakit; percubaan demi percubaan dengan ubat yang digantikan dengan ubat terbaru sehingga dapat beroleh sesuatu yang berkesan. Seperti doktor yang sibuk, Dr Mahathir juga tiada masa untuk mengkaji akar umbi punca penyakit. Seperti doktor juga beliau tidak mengambil kira aspek-aspek lain dalam kehidupan manusia yang membuat seseorang jatuh sakit seperti pencemaran alam yang melahirkan kuman; sebaliknya kumanlah yang dijadikan sasaran kerana dianggap punca penyakit dan bukanlah pencemaran alam itu sendiri. Dalam ertikata lain, ini adalah yang disifatkan sebagai *tunnel vision* (wawasan terowong) - seseorang yang melalui terowong hanya tertumpu pandangannya kepada punca cahaya di hujung terowong, kerana ia dianggap pintu keluar untuknya."

Ada juga orang yang menyifatkan wawasan Dr Mahathir sebagai *cock-eyed vision*. Walaupun seseorang itu bermata dua tetapi kerana tidak menggunakan kedua-duanya itu dengan koordinasi yang betul supaya mendapat pandangan yang luas, sebaliknya terlalu tertumpu kepada satu benda sahaja sehingga kedua-dua matanya seolah-olah menjadi satu dan pandangannya terhadap benda itu pun tidak jelas. Disebabkan tumpuannya yang begitu berlebihan terhadap objek kebendaan menyebabkan pandangannya kepada permasalahan lain yang lebih asas menjadi kabur. Semata-mata untuk menyelamatkan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno, beliau sanggup memecat Ketua Hakim Negara dan dua orang hakim Mahkamah Agung, mengharamkan Umno, meminda akta-akta yang telah sedia mengikat seperti Akta Polis, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Kritikan terhadap Wawasan 2020 tidak boleh dianggap sebagai sikap antipembangunan atau hanya mahu menyalahkan kerajaan semata-mata, khususnya bagi pihak yang amat risau dan bimbang bahawa pembangunan dan kemajuan tidak berteraskan sesuatu yang lebih luhur dari kebendaan dan kebendaan sahaja. Dimensi pembangunan yang lebih luas dari urusan ekonomi sahaja menuntut suatu tindakan yang lebih praktikal dan terkawal; kerajaan sendiri mesti bertanggungjawab sepenuhnya, bukan membiarkan ruang itu hanya diisi oleh golongan saudagar yang rakus, sementara yang lainnya sekadar memerhati dari pinggiran. Contohnya, industri pelancongan, tiada pertimbangan lain untuk memajukannya selain keuntungan dan pulangan kebendaan. Semuanya terarah kepada matlamat tersebut, justeru itu apabila Kerajaan Kelantan berhasrat melaksanakan Islam dan mengenepikan amalan maksiat dalam pelancongan, dilemparkan tohmahan bahawa Kelantan tidak akan dikunjungi lagi. Maknanya, Islam belum dijadikan asas dan teras kepada pembangunan, malah dalam beberapa hal ia dianggap batu penghalang kepada usaha tersebut.

Begitulah juga dengan "Wawasan Terowong" Dr Mahathir ini; segala-galanya mesti dikorbankan untuk mencapat matlamat memajukan Malaysia. Yang di hadapan dan boleh kelihatan melalui "terowong" itu hanyalah "kemajuan", apa yang ada di kiri dan kanannya, tidak lagi diambil peduli. Justeru itu, lahirlah pembangunan dan kemajuan yang menghancurleburkan alam sekitar dan warisan kemurnian turun temurun hanya untuk meletakkan Malaysia dalam peta negara-negara maju. Nanti, pengorbanan rakyat ditagih "demi Wawasan 2020" sedangkan bagi golongan yang sentiasa mengambil peluang untuk mengeksploitasi rakyat, mereka bukannya memikirkan tentang wawasan tadi, yang memenuhi fikiran ialah bagaimana untuk mengaut kekayaan sebanyak mungkin. Lalu, siapa lagi akan peduli tentang nilai moral dan etika, masyarakat demokrasi dan toleransi; dalam suasana sekarang pun nilai-nilai itu menjadi kacau dan keliru, dan kadang-kala diberikan tafsiran baru oleh Dr Mahathir demi kepentingan politiknya. Beliau belum lagi mengumumkan satu wawasan Malaysia sebagai negara umat Islam yang dimajukan dari satu tahap kepada satu tahap yang lebih membanggakan dinilai dari ajaran Islam. Berkaitan dengan Islam, projek-projek yang dilaksanakan hanyalah tempelan sahaja, tidak mengakar dalam pemerintahan, serta dilakukan secara sambil lewa; apabila suara-suara pembangkang Islam dirasakan semakin tergugat barulah ia dijalankan. Walaupun saya tidak bersetuju dengan pandangan bahawa Wawasan 2020 seperti "wawasan dajal" yang dengan mata tunggalnya itu boleh nampak kebendaan sahaja, tetapi ia boleh merangsang pemikiran kita terhadapnya.

# 24

# GHAFAR PERTAHANKAN UMNO (BARU)

Kalau ditinjau di segi Umno, apakah perhimpunan agung pada 24 April itu sah atau tidak? Mengikut pemikiran orang-orang yang sayangkan Umno, perhimpunan itu sah kerana semua cawangan Umno telah ditubuhkan dengan sah oleh bahagian-bahagian mengikut seperti mana yang dikehendaki oleh perlembagaan parti, tapi malangnya ada di antara cawangan-cawangan itu menjadi tidak sah kerana tidak didaftarkan. Pada masa Datuk Sanusi Junid mengambil alih jawatan Setiausaha Agung, beliau telah bersungguh-sungguh berusaha mengarahkan semua cawangan didaftarkan kerana didapati hampir 5,000 buah cawangan belum didaftarkan lagi.

Walaupun begitu gigih usaha dijalankan daripada 8,000 buah cawangan didapati 30 buah cawangan yang tercicir, dan oleh kerana ada pihak yang mengambil kesempatan dengan membawa perkara itu ke mahkamah, maka Umno telah diharamkan. Mereka yang membawa perkara ini ke mahkamah sudah pasti mengetahui natijah yang akan berlaku atas tindakannya itu. Kiranya kumpulan 11 memenangi pemilihan dalam Perhimpunan Agung pada 24 April 1987, apakah mereka akan membawa perkara itu ke mahkamah? Tentulah tidak. Ini menunjukkan bahawa bagi mereka soal mendapat kuasa adalah lebih penting sekalipun Umno terpaksa dikorbankan. Saya yakin Perhimpunan Agung pada 24 April 1987 itu akan ditangguhkan sekiranya masalah cawangan yang tidak berdaftar itu dibangkitkan, Umno dapat diselamatkan. Malang dan hairan mengapa mereka diam membisu, tetapi sebaliknya mereka bertindak seperti kata pepatah "rumah sudah, pahat berbunyi". Hanya dalam tempoh empat hari sahaja kemudiannya, Umno Malaysia ditubuhkan setelah Umno 1946 diharamkan oleh Mahkamah Tinggi. Tidakkah ini bererti tidak mahu lagi mempedulikan nasib Umno asal itu? Tetapi kemudiannya mereka telah berpatah balik merayu ke Mahkamah Agung supaya Umno 1946 dihidupkan semula setelah pendaftaran Umno Malaysia ditolak. Jika benar mahukan Umno 1946 terus hidup mengapa ia dikuburkan? Tidakkah kerja sia-sia namanya.

Satu persoalan lagi. Sekiranya Umno Malaysia berjaya didaftarkan maka apakah mereka akan membuat rayuan juga kepada Mahkamah Agung untuk menghidupkan semula Umno 1946 itu? Saya percaya jawabnya tentulah tidak. Apakah erti semuanya ini? Pada 1 April lalu Umno (baru) pula diseret ke mahkamah. Mereka mahu mahkamah menghalang Umno (baru) mendaftarkan ahli dan cuba menyekat pemindahan harta Umno asal. Sesudah Umno 1946 dikuburkan sekarang Umno (baru) pula hendak digugat. Umno (baru) tidak akan ditubuhkan kiranya Umno 1946 tidak diharamkan. Siapakah yang menyebabkan Umno 1946 itu diharamkan? Pindaan Akta Pertubuhan mengenai harta benda sesebuah pertubuhan yang diharamkan adalah jelas dan adil. Setiap ahli yang telah diharamkan pertubuhannya tetap mempunyai hak ke atas harta-benda yang dimiliki oleh pertubuhan itu. Umno (baru) tidak berhak malah tidak berniat sedikit pun hendak membolot harta kepunyaan ahli Umno asal yang tidak menyertai Umno (baru) tambahan pula ia bercanggah dengan perlembagaan negara. Tetapi mengapa Umno baru diheret ke mahkamah. Tengku Abdul Rahman sebagai Presiden Umno pernah memecat beberapa orang tokoh-tokoh Umno seperti Datuk Panglima Gantang. Tindakannya itu disokong kerana mereka menghalang perjuangan Umno. Pada masa Tun Razak dan Tun Hussein Onn menjadi presiden ada juga ahli-ahli Umno yang telah dipecat. Apakah memecat ahli parti menjadi satu perkara luar biasa?

Tengku juga pernah menyingkirkan beberapa orang menteri kabinetnya. Pada masa Tun Razak berehat di London sebelum kembali ke rahmatullah, saya mengetahui benar-benar cadangan beliau hendak merombak kabinetnya dengan beberapa orang menteri akan digugurkan. Tun Hussein Onn pula dengan tiba-tiba sahaja telah melucutkan serentak enam orang menterinya (tiga orang menteri penuh dan tiga orang timbalan menteri); semuanya berlaku dengan tidak ada sesiapa pun yang menyalahkannya. Oleh yang demikian apakah keganjilannya Dr Mahathir tidak melantik semula lima orang menteri menteri kabinetnya itu. Mengkritik memang tidak dilarang tetapi biarlah berpatutan. Apakah faedahnya mempunyai menteri-menteri yang tidak boleh bekerjasama dengan Perdana Menteri? Bagaimana kerajaan boleh berfungsi dengan berkesan jika kabinetnya simpang perenang. Apakah kita mahu mempunyai sebuah kerajaan yang lemah. Siapakah agaknya dalam dunia ini yang mahu melantik menterinya yang terdiri daripada orang-orang yang terang-terang tidak boleh bekerjasama dengannya. Dengan sebab kerajaan menahan beberapa orang rakyat negara ini dalam bulan Oktober tahun lepas dan tiga buah suratkhabar digantung maka ada pihak menuduh kononnya demokrasi telah mati. Dan Malaysia menjadi "*police state*".

ISA diwujudkan pada masa Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri lagi. Demi keselamatan negara saya menyokong ISA. Pada ketika itu kira-kira 1,600 orang ditahan. Pada masa Tun Razak menjadi Perdana Menteri jumlah tahanan meningkat kepada 1,800 orang dan meningkat lagi menjadi 2,000 pada masa Tun Hussein Onn, tapi pada hari ini hanya tinggal kira-kira 340 sahaja. Memang benar ISA diwujudkan untuk membasmi komunis tapi oleh kerana pergaduhan perkauman adalah lebih besar bahayanya maka ISA masih diperlukan. Sebenarnya demokrasi telah mati di Malaysia ekoran peristiwa 13 Mei 1969 kerana dua tahun lamanya Parlimen digantung tapi pada hari ini Parlimen masih hidup dan bersidang seperti biasa dan pilihanraya baru sahaja selesai diadakan pada tahun 1986.

Alasan apakah yang boleh membuktikan demokrasi telah mati dan Malaysia menjadi *"police state"*? Memang ada eloknya peristiwa 13 Mei itu disebut sekali sekala untuk mengingat dan menginsafkan rakyat tentang betapa buruknya peristiwa itu. Kita tidak mahu peristiwa itu berulang lagi. Ada orang berkata kejadian 13 Mei 1969 tidak merosakkan imej kerajaan. Ini tidak benar. Mereka berpendapat dalam tempoh yang singkat dengan kekuatan tentera dan polis kekacauan yang belaku di ibu kota telah dapat dipatahkan. Oleh itu mereka menuduh tindakan kerajaan yang ada sekarang menahan beberapa orang rakyat di bawah ISA dan menggantung 3 buah akhbar tahun lepas bukan saja tidak perlu bahkan adalah satu kezaliman kerana jika berlaku lagi kekacauan kononnya boleh dipadamkan seperti kejadian yang berlaku pada 13 Mei itu.

Pendapat mereka itu pada fikiran saya adalah salah. Mana kita tahu bahawa jika berlaku kekacauan sekali lagi ia akan terbatas di Kuala Lumpur sahaja? Sebaliknya bolehkah kekacauan dipadamkan dengan segera jika pergaduhan merebak ke seluruh negara? Apakah tidak wajar kerajaan bertindak segera dari awal-awal lagi sebagai langkah berjaga-jaga, mengikut kata pepatah jika bertindak sesudah "nasi menjadi bubur"? Mengambil tindakan segera sebelum nyawa rakyat terkorban adalah tindakan bijak sebuah kerajaan yang bertanggungjawab. Ada pula yang berkata hidupkan NOC (Mageran) jika berlaku pergaduhan sekali lagi. Kita mahu demokrasi bukan NOC. Inilah tekad perjuangan Barisan Nasional.

"Umno itu Melayu dan Melayu itu Umno". Oleh itu kata sesetengah orang semua orang Melayu itu berhak menjadi ahli Umno. Perkataan itu hanya satu slogan sahaja kerana bukan semua orang Melayu mahu menjadi ahli Umno, bahkan yang telah menjadi ahli pun dari zaman Tunku lagi ada yang telah disingkirkan. Adalah menghairankan juga apabila pihak yang membidas kerana Umno (baru) tidak mahu mengambil semua ahli-ahli lama sebaliknya mereka itu juga sedang berkempen sekarang menahan orang ramai supaya jangan menyokong Umno (baru). Orang Melayu tidak harus bimbang apabila segelintir ahli Umno 1946 tidak diterima menjadi ahli Umno (baru) kerana ini tidak menjejaskan walau sedikit pun kebolehan Umno (baru) membela nasib negara. Sebahagian rakyat Melayu menyokong PAS, ini bermakna tidak 100 peratus orang Melayu menyokong Umno. Ini adalah satu bukti yang sangat nyata tentang keupayaan Umno membela nasib bangsa Melayu walaupun sebahagian sahaja orang Melayu yang menganggotainya. Konsep berparti tidak memerlukan ahli yang ramai, yang pentingnya ialah kualiti dan taat setia ahli kepada perjuangan parti. Hanya itu sahaja jalan yang boleh membawa kejayaan.

Umno (baru) adalah warisan kepada perjuangan Umno asal. Perjuangan Umno (baru) tidak harus diragui. Jatuh bangun orang Melayu bergantung kepada perpaduan dan kekuatannya sendiri. Mereka yang menyertai parti semata-mata bertujuan merebut kuasa dan menggunakan parti sebagai "batu loncatan" tidak ada tempat dalam Umno (baru). Umno (baru) tidak mahu mengalami nasib buruk seperti yang menimpa Umno asal itu. Andaikata Umno 1946 dapat dihidupkan semula apakah krisis yang sedang melandanya sekarang ini akan berakhir? Kumpulan Sebelas tidak mahu mengiktiraf Majlis Tertinggi yang dipilih pada 24 April 1987. Jika MT yang dipilih dianggap tidak sah siapakah pula yang akan bertanggungjawab mengendalikan parti? Jika Majlis Tertinggi yang dipilih pada

bulan Jun 1984 pula hendak dihidupkan semula maka akan timbul satu lagi kekecohan kerana Majlis Tertinggi yang dipilih pada tahun 1984 itu juga belum tentu sah atau tidak kerana mungkin lebih banyak lagi cawangan yang tidak didaftarkan pada waktu itu. Apakah akan jadi kepada Umno jika segala-galanya tidak sah? Inilah akibatnya membawa soal politik ke mahkamah.

Jika kita mahu melihat Umno menjadi sebuah parti yang sebersih-bersihnya, maka banyak lagi kesilapan-kesilapan lain yang telah berlaku perlu diperbaiki. Borang-borang permintaan menjadi ahli, umpamanya, tidak ada di dalam simpanan lagi. Mesyuarat jawatankuasa cawangan-cawangan untuk mengesahkan penerimaan menjadi ahli mungkin banyak yang tidak dibuat. Semuanya itu bercanggah dengan perlembagaan. Untuk membetulkan semua perkara-perkara itu sebelum perhimpunan agung Umno dapat diadakan semula akan mengambil masa bertahun-tahun lamanya. Apakah faedah yang boleh didapati oleh bangsa Melayu dengan menghadapi persengketaan yang tidak habis-habis ini? Bagi saya, penubuhan Umno (baru) adalah jalan keluar yang sebaik-baiknya untuk menyelesaikan krisis ini. Apakah ruginya atau apakah salahnya Umno (baru) ditubuhkan bagi menyambung perjuangan Umno tahun 1946 itu.

Saya telah menjadi ahli Umno selama 38 tahun, dan selama itu juga saya memegang berbagai jawatan dalam Umno dengan tidak putus-putus walaupun sehari. Saya juga telah menjadi ahli Majlis Tertinggi selama 30 tahun berturut-turut sejak 1958. Lebih lama lagi daripada Tunku Abdul Rahman sendiri dan menjadi Naib Presiden pula selama 25 tahun. Ini bukti saya menyintai Umno. Jika kasih saya kepada Umno tidak melebihi daripada orang-orang lain tapi tidak kurang daripada sesiapa jua pun. Adalah menjadi cita-cita saya selama ini seperti orang lain juga ingin melihat Umno hidup selama-lamanya tetapi sedih. Oleh kerana berlaku krisis yang tidak sepatutnya berlaku maka Umno yang kita cintakan itu telah terkorban. Orang Melayu berkehendakkan sebuah parti politik yang kuat untuk menyelamatkan mereka. Umno (baru) inilah satu-satunya parti yang sanggup memenuhi hasrat mereka itu. Oleh itu tidakkah wajar Umno (baru) ini disokong? Apalah ada pada nama. Parti hanya satu jentera, boleh ditukar ganti, hanya Allah sahaja yang kekal. Yang pentingnya bagi kita ialah sama ada nasib bangsa Melayu terbela atau tidak.

Perjumpaan majoriti ahli-ahli Dewan Rakyat anjuran BBC (Backbenchers Club) pada 14 Februari 1988 menyokong Dr Mahathir terus menjadi Perdana Menteri dan diikuti pula dengan 142 undi yang diperolehi dalam Dewan kerana menyokong usul pindaan Perlembagaan adalah bukti sokongan total Dewan Rakyat kepadanya, bahkan lebih menguatkan lagi kedudukannya. Maka apakah perlunya beliau disuruh meletakkan jawatan seperti yang disarankan oleh sesetengah pihak? Saya menyeru kepada semua orang-orang Melayu supaya jangan membangkitkan isu-isu yang boleh mengeruhkan suasana kerana itu adalah kerja sia-sia dan merugikan. Islam menegah perbuatan yang sia-sia. Kepentingan diri hendaklah diketepikan. Kita mahu melihat bangsa Melayu bersatu dan maju. Itu saja. Ada kononnya ura-ura sesetengah pihak hendak menubuhkan sebuah parti baru. Tidak ada siapa yang boleh menghalangnya. Tapi patutlah juga penaja-penajanya menyingkap kembali sejarah nasib yang menimpa IMP dan Parti Negara tajaan Datuk Onn dan Parti Perhimpunan Kebangsaan yang telah lenyap itu.

Fasal 3. Perlembagaan Umno (baru) mengenai asas dan tujuan-tujuannya menyebutkan: "Bahawa Umno adalah sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara: 3.1 Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara. 3.2 Mendukung dan mempertahankan perlembagaan negara, perlembagaan negari-negeri dan raja berperlembagaan. 3.3 Menegak, mempertahan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama. 3.4 Mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen serta meninggikan taraf hidup rakyat. 3.5 Mempertahankan kedudukan Bahasa Kebangsaan (bahasa Melayu) sebagai bahasa rasmi yang tunggal dan kebudayaan kebangsaan. 3.6 Mewujudkan kerjasama antara kaum bagi melahirkan satu bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu."

Hasrat Umno (baru) menyokong raja berperlembagaan bukan satu perkara yang pura-pura. Sokongan ini adalah spontan daripada niat yang bersih, ikhlas, jujur dan bertanggungjawab. Sokongan sebuah parti politik lebih-lebih lagi parti politik yang mendukung kerajaan kepada sistem raja berperlembagaan adalah satu kekuatan mutlak jika dibandingkan dengan ucapan taatsetia yang dibuat oleh orang perseorangan, kerana parti politik mewakili sebahagian besar rakyat. Mudah-mudahan institusi raja berpelambagaan akan berkekalan. Di samping itu Umno (baru) akan mempertahankan kedaulatan rakyat, dan keadilan sosial dengan mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Sejak tercapainya kemerdekaan, perlembagaan negara telah menentukan pemerintahan negara diserahkan kepada rakyat melalui dewan undangan negeri dan Dewan Rakyat. Barisan Nasional tidak sekali-kali akan mengecewakan hasrat rakyat supaya demokrasi berkekalan di samping mendukung institusi raja berperlembagaan. Saya menjelaskan asas dan tujuan Umno (baru) ini untuk menjadi pengetahuan umum terutama bagi mereka yang berminat hendak menyertai parti ini.

(Ucapan penuh Ghafar Baba di Majlis Penerangan Umno (baru) di Pusat Dagangan Dunia Putra, pada 1 Mei 1988)

**MALAYSIA 2**

*Succession issue remains constant Malay concern*

# The front runners

If the Umno (Baru)-led National Front coalition notches up another impressive victory in the coming general election, after a tough year-long fight, Prime Minister Datuk Seri Mahathir Mohamad will remain at the Malay political helm for the foreseeable future. However, this will not still the issue of who will eventually replace him, for the assurance of a smooth succession in Umno's leadership is an important stabilising factor to the country's Malays, who need to know their continuing political dominance is guaranteed.

When Mahathir suffered a heart attack and underwent a by-pass operation in 1989, his party colleagues spent months working out succession scenarios should he decide to retire. Mahathir tried to calm the speculation by saying it was normal for a deputy to succeed an incumbent prime minister — but by that time he had recovered and the immediate question of who might succeed him had passed.

Ghafar Baba, who as Umno deputy president is also deputy prime minister, remains Mahathir's natural successor — if only for an interim period. But many political observers believe Mahathir's choice would not be Ghafar. According to some in Umno circles, Mahathir appreciates Ghafar's support as a sound grassroots politician, but feels he does not fully share his vision of an industrialised Malaysia.

So far, the relationship has worked well. Mahathir has concentrated on pushing through major industrial and development projects, whipping up political support at home and maintaining a high foreign-policy profile abroad. Ghafar, on the other hand, has attended to the Malay farmbelt, by-elections and small agro-based industries. Both men are 65 and have undergone coronary by-pass operations. Barring surprises, Ghafar would be ready to retire at about the same time as Mahathir, so even if he did succeed the prime minister it would be for no more than one term.

Until two years ago, the Umno leader widely regarded as a frontrunner to succeed Mahathir was Education Minister Anwar Ibrahim. Now he is not such an obvious choice, as he readily admitted to the REVIEW when he said he thought it was healthier not to have such a high succession profile. Although it is difficult to pin down substantial reasons why Anwar, only 43, has lost a little of his lustre, his name no longer crops up in discussions among political circles with the frequency it once did.

Over the past two years, Anwar's judgment has been questioned when people closely allied to him suffered embarrassment. One was Selangor Chief Minister Datuk Mohamed Taib Mohamed, who incurred the Sultan of Selangor's wrath when he married his daughter without the ruler's consent. He was later forgiven, but there was some indirect damage to Anwar's political status. More recently, Anwar's hand-picked vice-chancellor of the University of Malaya, Syed Hussein Alatas, resigned following a minor uproar among Malay academics and politicians when he promoted a number of non-Malay lecturers as heads of departments.

Anwar is regarded by some party elders as something of a political upstart, having only entered politics in 1982 when Mahathir invited him to join his government. At the time, Anwar was leader of an activist Muslim youth group, Abim, and that factor still makes some in the Chinese community shudder when they view the prospect of him eventually becoming prime minister.



Ghafar, at best, would be an interim leader.

Despite his tarnished status as heir-apparent, Anwar has still gathered an impressive list of opponents within Umno who are united in their shared desire to halt — or at least slow down — his progress to the prime minister's seat.

In his own ministry Anwar is fighting his way out of a self-made quagmire that threatens his proposed overhaul of the Education Act. His proposal drew fire from both Malay and Chinese educationists, alarmed at any tampering with the sensitive racial and language balance in the school system. Anwar has since had to call in a national consultative council to settle differences over the issue before reintroducing the bill to parliament.

Nevertheless, Anwar is still seen as a leader who shares some of Mahathir's vision for Malaysia. He is also regarded by many as an intelligent, moral politician who stands far above many other Mahathir loyalists aspiring to the top job.

"The problem in Umno is one of queueing," commented Datuk Abdullah Ahmad Badawi, one of Umno's three elected vice-presidents and of the same age group as Anwar. Abdullah was once viewed as the unspoken running mate of Mahathir's former deputy prime minister, Datuk Musa Hitam, should he succeed to the top post. But Musa resigned in 1986 citing irreconcilable differences with Mahathir.

For a while Musa linked up with Tunku Razaleigh Hamzah, leading what was dubbed as Umno's "team B" faction opposing Mahathir. He later reconciled himself to a middle-of-the-road position, denying he had any further ambitions. "I am the only politician whom people won't allow to die," Musa, 56, once complained.

When Musa was rehabilitated by Mahathir early this year and made special envoy with ministerial rank to the UN, there was speculation he would return after a year to be reinstated as Mahathir's deputy. One theory is that Musa remains Mahathir's preferred successor, while another is the prime minister cannot forgive Musa's public criticism and will not take him back.

Either way, Musa has lost a great deal of credibility because of his apparent indecisiveness. If he is to make a quick comeback he must almost certainly vie for a vice-president post at the Umno assembly elections later this year. He must also emerge with the highest vote, because as one senior party official said, "if he doesn't he will be finished" since he was deputy president until his resignation. However, the three incumbent vice-presidents are firmly entrenched and are unlikely to make way for him.

Musa has lately dropped broad hints that he has given up politics altogether, and the line put out from his southern home state of Johor is he will not even contest the coming general election. But only Musa's closest allies believe he really wants to quit. "He's too much of a political animal," one cabinet minister said. Musa has habitually tossed wild cards — throwing even his close aides off-balance — and may well do so again.

■ **Suhaini Aznam and Rodney Tasker**

# Umno delegates showed independence at party polls

4/12/90

**Comment**

**V. K. Chin**

WITH the Umno party election out of the way, it is time for the new team to concentrate on the many challenges facing the party.

While there was less tension created this time, compared with 1987, uneasiness existed among some of the candidates due mainly to over-zealous campaigning.

But it is a situation which those involved can easily rectify though they should remember to rein in their supporters in future party elections. It is too much sometimes to expect the victims of personal attacks to behave as if nothing had happened.

However an attempt has still to be made to patch things up quickly as there is so much work ahead. With goodwill and the spirit of co-operation for a common purpose this temporary obstacle can be removed without too much difficulty.

An observation of the result, particularly in the vice-presidential race, showed the independence and maturity of the 1,519 delegates.

The voting trend revealed clearly that the delegates were not prepared to be swayed by pacts or unhealthy campaigning.

Education Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, an earlier favourite, received the highest votes as expected despite a smear campaign to at least reduce his majority or to hurt his chances.

However, the delegates rejected his *running mates*, unofficial of course, Terengganu's Mentri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad and Johor's Mentri Besar Tan Sri Muhyiddin Yassin.

The election showed that the number of nominations received by the candidates need not necessarily be translated into votes as was the case with Tan Sri Muhyiddin, who came out fifth out of six candidates.

Incumbent Datuk Abdullah Badawi was not given much of a chance by many as he has been out of the corridors of power for the past few years. Without a government position, he was unable to match his competitors in spending power or resources.

He did not have a retinue of workers to travel round the country to campaign for re-election. In short, he was neither able to offer patronage nor could he afford to settle the bills of the delegates while they were in Kuala Lumpur for the general assembly.

All these manoeuvrings were definitely too rich for his taste and he left his fate entirely at the mercy of the delegates. This *underdog* image could have gained him sufficient votes to earn him the second spot among the three.

Or the delegates could have been so put off by some of the camapaign tactics used that they decided to cross for him just to teach the others a lesson. Whatever the reason, it was nice of them to remember him and gave hope to others that one need not be a minister to win a senior party position.

Actually an ideal team for the three vice-presidents would be a Minister, an MB and someone not in government. If this should happen, then the intereats of all three would have been represented.

Instead, delegates to the 1990 Umno election opted for two Ministers and a non-government member. Deputy Prime Minister and deputy president was able to retain his VP position during all the years he was out of the government.

His is a special case as he was still actively involved in party activities having served as Barisan Nasional secretary-general as well as a backbencher while he was not holding any government position.

Encik Ghafar's love for Umno had never been questioned and he was always prepared to do anything to help the party. He therefore fully deserved to be appointed to Deputy Prime Minister for such devotion to the party.



# PAS ANGGAP DR.M SINDIR GHAFAR

6/9/91

**Oleh H. A. Hassan**



*Haji Fadzil Noor*

**ALOR SETAR: Haji Fadzil Noor, berkata, pengakuan Perdana Menteri bahawa kemiskinan tidak boleh dibasmi sama sekali boleh dianggap satu sindiran kepada kenyataan Encik Ghafar Baba.**

Katanya, pengakuan itu sekaligus bermakna Perdana Menteri mengakui kebenaran kata-kata Haji Nik Aziz sebelum ini yang menghuraikan kemiskinan memang tidak boleh dihapus sama sekali.

Memetik semula kata-kata Menteri Besar Kelantan itu, Haji Fadzil Noor berkata, kemiskinan memang boleh dikurangkan tapi untuk menghapus secara relatif adalah mustahil kerana sudah ketentuan Allah SWT.

"Dulu, bila ustaz Nik Aziz kata begitu, Dr. Mahathir marah bahkan mengatakan semua itu tak betul, tapi sekarang dia sudah mengakui kata-kata ustaz Nik Aziz."

"Pengakuan ini bermakna satu sindiran kepada pendapat Encik Ghafar Baba sebelum ini bahawa kemiskinan memang boleh diatasi," tegas Yang Dipertua PAS itu.

Jelasnya, dengan mengambil contoh negara Amerika Syarikat yang terkenal kaya, kemiskinan tetap wujud dan tidak boleh diatasi malah di Amerika kini wujud ramai fakir miskin.

Perdana Menteri dalam rancangan Forum "Bersama Perdana Menteri" di TV 1 RTM malam Isnin 3 Ogos lalu, menyatakan, adalah mustahil bagi negara maju sekalipun menghapuskan kemiskinan fakir, apabila golongan-golongan yang dapat dibantu telah berkurangan. Yang akan tinggal ialah kelompok-kelompok daif seperti orang-orang tua, mereka yang cacat, mereka yang jauh di pendalaman dan mereka yang tidak mahu kemajuan atas kedegilan sendiri dan kerajaan tidak dapat berbuat apa-apa bagi mengeluarkan mereka dari kemiskinan.

Inilah pandangan terbaru Perdana Menteri berhubung kemiskinan yang merupakan rentetan daripada pandangan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz dimana menjadi isu hangat suatu ketika.

Encik Ghafar Baba dalam komennya mengenai isu ini mempertikaikan pandangan Haji Nik Aziz kerana berpendapat kemiskinan boleh dibasmi dan bukanlah sesuatu yang sudah ditakdirkan.

# 26

# KEPENTINGAN MENJEJAKI LATAR BELAKANG PEMIMPIN

Watak seseorang agak sukar diubah walaupun berhadapan dengan perubahan masa dan keadaan. Watak itulah yang akan mencernakan tindak-tanduknya, perangainya dan dari situ kita boleh membayangkan kemungkinan-kemungkinan sikapnya dan percaturannya bila menempuh sesuatu keadaan genting atau yang kritikal dalam hidupnya. Seseorang penulis yang dikenali dengan sesuatu watak tertentu tidak boleh lari dari watak tersebut dalam menghasilkan karya-karyanya. Begitu juga dengan seorang pemimpin politik. Kalau dia memang dikenali dengan watak seorang pendendam, watak itulah yang membayangi segala tindakannya semasa memimpin. Kalau seorang pemimpin itu, sejak dari kecil, sukar memaafkan kesalahan orang, dan suka mengungkit-ungkit kesalahan orang itu, kita seperti sudah dapat menjangka bentuk-bentuk tindakan yang akan dilakukannya bila berhadapan dengan masalah. Begitu juga, kalau seseorang pemimpin itu dikenali sebagai orang yang sukar menerima pandangan orang lain, asyik menganggap pandangannya sahajalah yang betul, dia berpotensi besar menjadi seorang diktator. Walaupun tidaklah seperti Hitler, tetapi sudah cukup untuknya menolak konsep syura dan jadilah dia seorang ditator melalui undang-undang. Kalau seseorang itu selalu melaga-lagakan kawan-kawannya supaya beliau lebih tertonjol, tidak mustahil dia akan mengamalkan dasar *pecah dan perintah*, walaupun dia amat membenci penjajah yang mengamalkan dasar itu.

Bagaimanapun untuk mengenal pasti watak-watak asas seseorang pemimpin itu bukanlah mudah. Ia harus diselidiki dari awal lagi, paling baik semasa pemimpin itu belum melangkah masuk ke pentas politik. Ini kerana pada waktu itu segala tindakannya lebih "original" datang dari hati nuraninya, bukan disebabkan kepentingan sekeliling. Sebab itulah barangkali, kuasa-kuasa besar memperuntukkan wang yang banyak bagi kerja-kerja perisikan yang membabitkan perangai seseorang pemimpin negara-negara yang dijangka boleh mendatangkan masalah kepadanya. Dengan itu kuasa-kuasa besar ini boleh menjangka tindakan dan sikap yang boleh diambil oleh pemimpin negara saingannya itu dalam keadaan-keadaan tertentu. Contohnya, perangai Saddam Hussein, Presiden Iraq yang amat

terkenal itu, diselidiki, dikaji dan dianalisa untuk membantu Amerika melancarkan serangan yang paling berkesan ke atas Iraq tempoh hari. Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin Umno yang akan mewarisi takhta Dr Mahathir ini. Apakah perangai sebenar Ghafar Baba, Musa Hitam, Anwar Ibrahim, Abdullah Badawi, Sanusi Junid? Mungkin perangai yang mereka pamerkan di hadapan umum berbeza sekali dengan perangai sebenar yang menyeliputi keperibadian mereka. Tetapi sesiapa yang mengikuti latar belakang tokoh-tokoh ini dari awal dan mengesani setiap keputusan-keputusan penting yang dibuat, akan berjumpa dengan perangai sebenar itu. Ahli-ahli Umno mesti mengambil berat hal ini. Pemimpin-pemimpin yang ingin mereka naikkan atau jatuhkan, dengan izin Allah, hendaklah berdasarkan pertimbangan serius yang menyeluruh, bukannya dicucuk oleh perasaan amarah dan emosi melulu. Dan salah satu dari pertimbangan itu ialah keperibadian atau watak sebenar yang diwarisi sekian lama. Watak itulah yang akan mencernakan dasar yang melandasi kepimpinan tokoh-tokoh itu.

Meskipun segala pertentangan dan pertelagahan antara pemimpin-pemimpin kanan dalam Umno itu berdasarkan isu-isu semasa dan mutakhir, tetapi apabila dijejaki dari awal, kita mungkin dapat berjumpa dengan punca sebenar krisis itu. Tidak pula kita nafikan, kadang-kadang faktor semasa lebih mempengaruhi seseorang itu dalam mengambil tindakan mengatasi krisis. Begitu juga dengan kepentingan terdekat boleh menentukan bentuk-bentuk penyelesaian yang dikira wajar bagi mencapai matlamat tertentu. Bagaimanapun pengaruh latar belakang seseorang itu sukar dielak. Jika seseorang itu memang dikenali sebagai tokoh yang pentingkan diri sendiri, lebih dari segala-galanya, tokoh itu akan berbuat apa sahaja walaupun mungkin mendatangkan masalah besar kepada majoriti masyarakat. Andaikata tokoh itu, memang dikenali sebagai tokoh yang lembut hatinya, sentiasa memikirkan kesan kepada sekelilingnya dan bangsanya, dia tentulah tidak akan terus tergoda dengan kepentingan-kepentingan sampingan yang sentiasa melingkarinya. Sekiranya pemimpin itu popular dengan sikapnya mempergunakan kawan-kawan untuk meloncat naik ke atas, dan kemudian meninggalkan kawan-kawan baiknya bila sudah tercapai hasrat di hati, agak sukar juga dia hendak menghindari sikap buruknya itu dalam mengejar cita-cita yang lebih besar dalam kerjaya politiknya. Seandainya seseorang itu sentiasa dirasuk perasaan iri hati dan hasad dengki sejak kecil lagi sehingga hatinya sentiasa merasa tidak tenteram dengan kejayaan orang lain, perasaan dendam kesumat itu akan mempengaruhi tindakannya kemudian hari nanti, jika tiada usaha dibuat untuk mengikis perasaan buruk itu.

Sebab itulah penting kita kaji latar belakang pemimpin-pemimpin itu, siapa bapanya, siapa ibunya, siapa yang disayanginya di waktu kecil, teman teman rapatnya, di mana dia belajar, apa kegemarannya, apa masalah yang menimpa keluarganya, siapa guru yang diminatinya, siapa bekas kekasihnya, bagaimana keadaan sekitar di kampungnya, apa komentar kawan-kawan baiknya sewaktu belum bersekolah lagi, siapa isterinya dan kalau pernah bercerai siapa pula bekas isterinya, siapa jirannya, siapa pemimpin yang dikaguminya di dalam dan di luar negeri, apa cita-citanya yang selalu diberitahu kepada kawan-kawan terdekat, makanan apa yang digemarinya, apa jenis sukan yang disukainya, pernahkah dia melakukan dosa-dosa besar atau berkekalankah dia melakukan dosa-dosa kecil, siapa musuhnya, apa hobinya, apa tajuk buku yang ditelaahnya, siapa pengarang yang dikaguminya,

bersembahyangkah dia, sukakah dia berbuat janji dan kemudian mengingkarinya, apakah dia telah mengamalkan *politik cantas* yang sesuai dengan keadaan yang dihadapinya, bagaimana dia melihat kesalahan kawannya dan kebaikan musuhnya, benarkah dia sentiasa mengadu-domba antara kawan-kawannya untuk menyelamatkan dirinya. Apa dan siapa itu kadang-kadang memerlukan penjelasan terperinci, bukan hanya diketahui nama sahaja.

Saya tidak dapat membantu banyak pembaca khususnya ahli-ahli Umno untuk mempamerkan segala maklumat penting itu. Saya hanya ingin menekankan perkara itu, supaya ahli-ahli Umno tidak mudah terpengaruh dengan imej-imej yang diprojekkan. Mungkin ramai yang tidak bersetuju pemimpin-pemimpin mereka dibedah atau "ditelanjangi" begitu sekali. Kata mereka, lupakan saja apa yang telah berlaku. Saya akui hakikat ini, kita mesti memaafkan kesalahan orang apabila orang itu menyedari kesalahannya dan memohon maaf, apatah lagi memohon ampun dan bertaubat dari Allah (SWT). Mungkin atas faktor itu, Ahli Parlimen PAS Pengkalan Chepa, Ustaz Nik Abdul Aziz Nik Mat, sekarang Menteri Besar Kelantan, ketika menentang pindaan Akta Pertubuhan, 1981, mengingatkan kerajaan supaya mematuhi prinsip taubat dalam Islam. "Apakah tidak cukup dengan hukuman siksaan yang diberikan oleh kerajaan, maka setelah dibebaskan, seseorang itu hendak dihukum lagi?" tanya beliau apabila mengulas peruntukan yang menyekat seseorang dari memegang sebarang jawatan dalam sesuatu pertubuhan berdaftar, apabila telah dijatuhkan hukuman denda atau penjara tidak kurang satu tahun. Bukan pula tujuan saya mendedahkan aib seseorang pemimpin tetapi pemimpin-pemimpin Umno itu hendaklah disedarkan bahawa segala tingkah laku mereka diperhatikan oleh rakyat, walaupun mereka terkadangnya lupa bahawa segala amal perbuatannya diawasi Yang Maha Melihat. Kelaziman seseorang melakukan perbuatan buruk dan jelik akan membekas kepada hati nuraninya dan kemudian membentuk keperibadiannya, yang selepas itu amat sukar untuk dikikis.

Pemimpin-pemimpin parti politik seharusnya menyedari mereka mendukungi profesion terpenting. Jangan hanya menganggap bila sokongan diberi, kepercayaan diamanahkan, maka bereslah segala-galanya, walhal mereka sepatutnya terus meningkatkan profesionalismenya itu. Dr Kamal Hassan merumuskan asas-asas penting yang harus dijadikan landasan seorang profesional Muslim:

1. Ia berkhidmat untuk kebaikan manusia dengan tujuan mendapat keredhaan dan mengelakkan dari kemurkaan Allah (SWT) yang matlamat pekerjaannya bukan bersifat keduniaan atau kebendaan.

2. Ia berkhidmat sebagai hamba Allah dan Khalifah-Nya dalam apa kapasiti sekalipun. Nilai amanah kepadanya mencakup amanah kepada Allah dan skop amanah termasuk keseluruhan diri, ilmu, harta dan kemahirannya.

3. Ia menjalankan tugasnya atas dasar ibadah kepada Allah di samping menunaikan ibadah-ibadah khusus yang wajib dilakukan. Motivasi bekerja bukan lagi terikat kepada sistem ganjaran dunia sahaja tetapi balasan baik dan buruk di akhirat kelak.

4. Dan rasa tanggungjawabnya bukan sahaja kepada ketuanya, tetapi, yang lebih penting,

kepada Allah di dunia dan di akhirat. Di samping wujudnya sekatan dalam dirinya sendiri untuk mencegahnya dari tindakan-tindakan yang bertentangan dengan undang-undang dan akhlak.

5. Ia mempunyai kod etika yang lebih tinggi, menyeluruh dan tahan uji daripada kod etika dalam profesionnya. Ia mengetahui bahawa musuh dalamannya yang besar ialah hawa nafsunya sendiri dan dorongan kesyaitanan yang sentiasa mencari kesempatannya. Ia sedar bahawa Allah mengetahui segala perbuatannya, yang terbuka dan tersembunyi.

6. Hubungan kemesraan kepada manusia lain tidak akan didasarkan semata-mata kepada pangkat tetapi nilai-nilai kemanusiaan yang mengatasi perbezaan ras, warna, bahasa dan keturunan.

Jadi terpulanglah perwakilan Umno menjejaki kembali siapa sebenarnya pemimpin-pemimpin mereka. Jangan hanya terpukau dengan imejan palsu yang kadang-kadang begitu menyilau.

# Saksi dakwa MB hadapi masalah jelaskan bil

BH 15/6/00

393

Oleh NORMAH HAMID

KUANTAN, Selasa — Seorang pemborong memberitahu Mahkamah Tengah di sini hari ini bahawa bekas Timbalan Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Pahang, Haji Yidris Abdullah memberitahunya Menteri Besar, Datuk Seri Haji Mohd Khalil Yaakob menghadapi masalah untuk menjelaskan bil hotel berjumlah $30,000.

Syed Talib Syed Abdul Rahman, 33, berkata Haji Yidris memberitahunya perkara itu ketika kedua-dua mereka bertemu di Hotel Merlin Kuala Lumpur pada 19 September 1986.

Menurutnya, Haji Yidris berkata, wang itu adalah untuk menjelaskan bil hotel yang didiami oleh perwakilan Pahang yang menghadiri Persidangan Agung Pemuda Umno di Kuala Lumpur pada Oktober 1986.

Dia berkata Haji Yidris kemudian memperkenalkannya kepada Zulkifli Mohd Nasir, 52, yang dikatakan sebagai 'kaki' dan mempunyai hubungan rapat dengan Datuk Seri Khalil.

Berikutan perbincangan dengan Haji Yidris dan Zulkifli, Syed Talib kemudian menelefon bekas rakan kongsi perniagaannya, Syed Abdul Rahman Syed Agil dan menyuruh dia (Syed Abdul Rahman) datang ke hotel itu.

"Saya memberitahunya ada peluang perniagaan yang mungkin diperolehi jika dia sanggup membayar $30,000 dan menyuruhnya datang seorang diri ke hotel itu kerana perkara itu tidak boleh dibincangkan melalui telefon," katanya.

Syed Talib berkata demikian ketika memberi keterangan dalam perbicaraan terhadap Zulkifly Mohd Nasir, 52, yang menghadapi tiga tuduhan menerima rasuah berjumlah $75,000.

## Mempengaruhi

Zulkifly dituduh menerima rasuah $30,000 daripada Pengarah Urusan SAR Sdn Bhd, Syed Abdul Rahman Syed Agil, pada 20 September 1986, di antara jam 2 dan 4 petang di Hotel Merlin Kuala Lumpur.

Wang itu dikatakan sebagai dorongan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Haji Mohd Khalil Yaakob untuk mempengaruhinya meluluskan permohonan kawasan balak di Pahang yang dipohon oleh syarikat itu.

Dalam tuduhan kedua, Zulkifli didakwa menerima rasuah sebanyak $30,000 pada 25 Oktober 1986, kira-kira jam 9 malam di Hotel Regent Kuala Lumpur daripada orang yang sama.

Zulkifly juga dituduh menerima rasuah $15,000 daripada Syed Abdul Rahman pada jam 4 petang, 10 Disember 1986 di pejabat SAR Deveploment Sdn Bnd, Jalan Bukit Ubi di sini.

Wang itu adalah sebagai dorongan mempengaruhi Menteri Besar supaya meluluskan permohonan kawasan pembalakan seluas 1,539 hektar di Mukim Lepar, Maran yang dikemukakan oleh syarikat itu.

Syed Talib berkata, Syed Abdul Rahman datang ke hotel berkenaan seperti yang dijanjikan iaitu selepas waktu Maghrib dan beliau bersetuju membayar bil itu selepas Zulkifli berjanji membantunya untuk mendapatkan konsesi balak.

Ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Encik Abu Bakar Jais, Syed Talib berkata Syed Abdul Rahman bersetuju membayar bil itu pada Isnin, 21 September 1986.

Bagaimanapun, Zulkifly meminta Syed Abdul Rahman membayar bil berkenaan pada 19 September 1986 secara tunai. Syed Abdul Rahman kemudiannya bersetuju membuat pembayaran itu pada 20 September, selepas mendapatkan wang daripada seorang pembeli balak, Chan Yoke Seng di Kuantan.

Hakim Puan Hue Siew King menetapkan perbicaraan disambung semula pada 28, 29 dan 30 November depan. Zulkifli dibenarkan ikat jamin $4,000 oleh dua penjamin.

## Jaga tindak-tanduk jika mahu kekal dalam Barisan

# GHAFAR INGATKAN GERAKAN



DR. GHAFAR BABA

## 'Kejayaan BCA biarlah dinilai oleh rakyat'

**KUALA LUMPUR, 30 Mei. — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Abdul Ghafar Baba, mengingatkan Parti Gerakan supaya menjaga tindak-tanduknya jika parti itu mahu kekal di dalam Barisan Nasional.**

Beliau yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional memberi amaran kepada Parti Gerakan jangan sampai tindak-tanduk parti komponen itu terkeluar dari lunas-lunas Barisan Nasional.

"Jika Parti Gerakan mahu tinggal kekal di dalam Barisan Nasional, ia hendaklah patuh dengan peraturan-peraturan parti," tegasnya kepada para pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Penerapan Nilai-Nilai Islam, di Pusat Islam hari ini.

Dr. Ghafar mengulas laporan sebuah akhbar hari ini yang menyatakan bahawa Parti Gerakan sedang menyusun kerjasama dengan Parti Progresif Rakyat (PPP) yang juga komponen Barisan Nasional bagi merundingkan mengenai peruntukan kerusi pilihanraya.

### Cuba pengaruhi

Kedua-dua parti itu juga dilaporkan cuba mempengaruhi Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Parti BERJASA yang kononnya juga tidak senang dengan peruntukan kerusi pilihanraya antara anggota komponen Barisan Nasional.

Mengulas mengenai cubaan Parti Gerakan untuk mempengaruhi parti-parti komponen lain di dalam Barisan Nasional, Dr. Ghafar berkata, mereka bebas berbuat apa sahaja.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri mengingatkan parti itu supaya jangan cuba menyelesaikan masalah dalaman Barisan Nasional di luar parti.

"Sekiranya masalah dalam parti dibincangkan di luar parti, ia tidak akan dapat membantu menyelesaikan masalah itu, sebaliknya ia akan menjadi bertambah rumit lagi," ujarnya.

Dr. Ghafar memberitahu, perkara itu akan dibawa ke dalam sidang Dewan Tertinggi Barisan Nasional sedikit masa lagi tetapi tarikhnya belum ditetapkan.

Ditanya sama ada Barisan Nasional telah memutuskan mengenai pembahagian kerusi-kerusi pilihanraya, beliau berkata, perkara itu belum diputuskan lagi buat masa ini.

Malam tadi, ketika mengulas kenyataan Presiden Parti Gerakan, Datuk Dr. Lim Kheng Yaik, Dr. Ghafar mengingatkan semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional supaya mengelakkan daripada mengeluarkan kenyataan yang boleh menjejaskan kestabilan parti.

Datuk Dr. Lim, baru-baru ini telah membuat kenyataan bahawa Parti Gerakan mungkin akan menghadapi pilihanraya umum akan datang secara bersendirian jika tuntutan tambahan kerusi pilihanraya dalam Barisan Nasional tidak diberikan pertimbangan.

## Gerakan hanya mahu guna lambang sendiri bukan keluar BN — Kheng Yaik

KOTA BAHARU, 30 Mei — Parti Gerakan mengangkat sekeras-kerasnya segala dakwaan akan keluar dari komponen Barisan Nasional tetapi mengakui akan bertanding atas simbol parti itu dalam pilihanraya umum akan datang sekiranya permohonan untuk menambah kerusi dalam pilihanraya di Pulau Pinang tidak diluluskan oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional.

Presiden Parti Gerakan, Datuk Dr. Lim Kheng Yaik selepas berucap di mesyuarat agung tahunan Parti Gerakan Negeri Kelantan yang dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yaacob di sebuah hotel di sini hari ini.

"Sekiranya beberapa buah parti di Sabah dan Sarawak boleh bertanding atas simbol parti mereka kerana tidak dapat mencari persefahaman dengan anggota parti dalam Barisan Nasional mengapa pula Gerakan tidak boleh berbuat demikian," tegasnya.

Beliau menjelaskan, jika Gerakan tidak diberi kerusi yang adil terutama di Pulau Pinang berdasarkan kepada prestasi Parti Gerakan dalam masa 12 tahun menjadi ahli Barisan Nasional adalah lebih baik kita bertanding menggunakan lambang sendiri.

Cadangan itu katanya sedang alternatif dan amalan ini sudah berlaku di Sabah dan Sarawak bila

LIHAT MUKA 6

KUALA LUMPUR, 30 Mei — Kejayaan Konsep Bersih, Cekap dan Amanah yang didokong oleh kerajaan biarlah dinilai oleh rakyat mengikut sudut pandangan masing-masing yang berlainan, kata Timbalan Perdana Menteri, Dr. Ghafar Baba.

Beliau menegaskan, kerajaan melaksanakan konsep itu bukanlah bermaksud untuk melihat hasilnya dalam satu tempoh yang tertentu sahaja kerana ia merupakan satu proses evolusi yang berterusan sepanjang masa.

"Soal yang utama dalam perkara ini ialah niat baik kerajaan hendak melaksanakannya," tegasnya ketika berucap merasmikan Seminar Kebangsaan Penerapan Nilai-Nilai Islam di dalam pentadbiran, pendidikan dan ekonomi negara, di Pusat Islam hari ini.

Dr. Ghafar berkata, konsep Bersih, Cekap dan Amanah yang menjadi perjuangan kerajaan pada hari ini, bukannya satu slogan kosong tetapi satu hasrat suci kerajaan dan ia pun dituntut oleh agama Islam.

"Pelaksanaan konsep ini tidak akan berjaya jika ia dibuat oleh jemaah menteri sahaja. Ia boleh berjaya sekiranya semua pegawai kerajaan dan orang awam bersama-sama berhasrat untuk mendokongnya," katanya.

Seminar sehari anjuran Syarikat Perunding Pengurusan Ron Nisay Berse-

# Keadaan terkawal di Stadium Jalan Raja Muda

KUALA LUMPUR 17 Okt. — Perhimpunan raksasa umat Melayu anjuran Pergerakan Pemuda UMNO di Stadium Jalan Raja Muda di sini petang ini berjalan dalam keadaan terkawal tanpa mencetuskan sebarang kejadian yang tidak diingini.

Pasukan polis yang ditempatkan di perhimpunan tersebut sejak tengah hari bagi menjaga ketenteraman berjaya mengawal orang ramai yang penuh sesak di stadium itu.

Walaupun pada satu ketika keadaan menjadi tegang oleh semangat yang ditunjukkan oleh ahli - ahli UMNO dan orang ramai yang hadir, tetapi perasaan mereka dapat ditenteramkan.

Berpuluh - puluh anggota polis termasuk Unit Simpanan Persekutuan (FRU), Pasukan Polis Hutan (PPH) dan Polis Trafik yang lengkap dengan senjata telah dikerah mengawal ketenteraman di sepanjang perhimpunan itu yang bermula jam 3 petang.

Semalam, Pasukan Polis Hutan telah mendirikan tiga buah khemah berhampiran stadium tersebut bagi menempatkan anggota - anggotanya sebagai langkah berjaga - jaga menjelang perhimpunan itu petang ini.

Meskipun kawalan terhadap orang ramai tidak begitu ketat di mana mereka bebas keluar masuk stadium tetapi anggota - anggota polis tetap berhati - hati terhadap tindak - tanduk mereka bagi mengelakkan sebarang perbuatan yang tidak diingini.

Setiap bas yang datang ke stadium itu terlebih dahulu diperiksa oleh polis sebelum penumpang - penumpangnya dibenarkan turun.

Di dalam stadium, anggota - anggota Pasukan Polis Hutan berkawal di tengah - tengah orang ramai dan anggota - anggota Cawangan Khas yang tidak beruniform kelihatan bergaul dengan para hadirin.

Anggota - anggota polis tidak berganjak dari padang stadium walaupun hujan turun hampir satu jam, orang ramai juga tidak berganjak dari tempat masing - masing.

Di luar stadium, Polis Trafik mengawal lalulintas yang sesak di sepanjang Jalan Raja Muda dan pada satu ketika lalulintas tidak boleh bergerak langsung.




*PEMANGKU Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Sri Najib Tun Razak melaung - laungkan 'Hidup Melayu! Hidup Melayu' sebaik saja selepas berucap di perhimpunan raksasa umat Melayu di Kuala Lumpur petang semalam.*

Utusan Malaysia, Sabtu 17 Oktober, 1987

17/10/87

## 200 bantah sikap MCA

SEREMBAN 16 Okt. — Lebih 200 anggota Pemuda UMNO bahagian Seremban dan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri (PPPKMNS) mengadakan perhimpunan aman di Wisma UMNO di sini petang ini sebagai membantah sikap MCA mengenai isu kenaikan pangkat guru besar dan penolong kanan sekolah Cina.

Pelbagai jenis sepanduk dan kain pemidang yang antara lain mengecam MCA dan juga mendesak Menteri Buruh Datuk Lee Kim Sai yang juga Timbalan Presiden MCA, meletakkan jawatan dipamerkan.

Beberapa orang pemimpin mereka telah berucap, antaranya Yang Dipertua PPPKMNS, Sheikh Mohd. Sheikh Hussein, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Seremban, Encik Ishak Ismail.



MENTERI Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim berucap kepada kira-kira 2,000 orang yang menyambut kepulangannya dari Jeddah di Lapangan Terbang Subang malam tadi.

## 2,000 sambut kepulangan Anwar

SEBAHAGIAN dari kira - kira 2,000 orang terdiri dari anggota-anggota Pergerakan Pemuda UMNO, Kesatuan Guru-Guru dan Pelajar menyambut kepulangan Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang malam tadi.

Encik Anwar Ibrahim tiba di lapangan terbang di terminal dua kira - kira pukul 8 malam selepas menghadiri satu persidangan Islam Antarabangsa di Jedah telah diiringi oleh 'kumpulan selawat' ke pentas khas di mana beliau berucap kira - kira setengah jam.

Mereka yang berhimpun sejak awal petang tadi di terminal dua itu telah menyanyi lagu Warisan sambil mengibar poster - poster, sepanduk sebaik sahaja Menteri Pendidikan naik ke pentas khas itu.

Turut menyambut Encik Anwar ialah Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Najib Tun Razak, Menteri Kebajikan Masyarakat Encik Mustafa Mohammad dan Timbalan Menteri Kewangan Senator Farid Ariffin.

### "Saya tidak mungkin tunduk pada tekanan"

# Anwar seru ibu bapa terlibat hentikan pemulauan kelas

KUALA LUMPUR 16 Okt. — Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim menyeru semua ibu bapa yang terlibat dalam pemulauan kelas supaya menghentikan tindakan tersebut kerana beliau tidak akan tunduk kepada tekanan itu.

"Saya tidak mungkin tunduk kepada tekanan seperti ini," tegasnya semasa berucap kepada kira - kira 2,000 para pelajar, guru dan anggota UMNO yang menyambut kepulangannya di Lapangan Terbang Subang malam ini.

Encik Anwar juga kesal dengan tindakan pemulauan kelas yang dilakukan oleh sebahagian dari murid - murid sekolah rendah jenis kebangsaan Cina semalam dan hari ini.

Menurut beliau, sepatutnya ibu bapa membincangkan masalah ini terlebih dahulu dengan pegawai - pegawai sekolah atau pegawai - pegawai Kementerian Pendidikan bagi mencari jalan penyelesaian.

Menyentuh soal perlantikan pentadbir - pentadbir sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, Encik Anwar mengulangi pendiriannya bahawa guru - guru yang dilantik tidak akan ditarik balik kerana kementerian tidak mahu menganiaya mereka.

Bagaimanapun, menurutnya, seperti biasa perlantikan mereka mempunyai tempoh percubaan selama tiga bulan dan jika didapati mereka tidak sesuai, guru - guru ini akan dipindahkan.

"Kalau ada masalah yang dibangkitkan mengikut saluran, Lembaga Kenaikan Pangkat akan mengkaji kesesuaian mereka. Ini bermakna ada kemungkinan guru - guru ini dipindahkan, dan ini pernah berlaku sebelum ini," tegas beliau.

Menurutnya, keputusan itu juga telah ditetapkan daripada awal, malah kabinet sendiri mempertahankannya.

Encik Anwar yang terharu dengan sambutan yang diberi oleh para pelajar, ahli - ahli UMNO dan persatuan - persatuan guru pada malam ini, turut menyatakan kesalnya terhadap tindakan MCA dan Gerakan yang bergabung dengan DAP untuk memperjuangkan isu tersebut.

"Saya terharu dengan sokongan yang saudara saudara tunjukkan dan ini menunjukkan saudara - saudara juga ikut perkembangan yang berlaku khususnya dalam Kementerian Pendidikan," tambahnya.

Menurutnya, beliau kesal kerana semasa berunding dengan para pemimpin parti - parti tersebut, mereka menyatakan 'Ya, ya, tetapi apabila berhadapan dengan kaumnya, mereka menentang.

"Ini bukan isu perkauman tetapi golongan ini tidak berani menghadapi kaumnya sendiri," tegas Encik Anwar.

Beliau juga tidak mahu supaya orang - orang lain menganggap UMNO tidak adil dan boleh diuji kemampuannya.

"Politik UMNO sudah kuat, jangan uji kami, nanti tidak teruji," tambahnya.

## Pemindahan FELCRA ke Kementerian Luar Bandar

8/8/87

# GHAFAR MAIN POLITIK?

Oleh: ZABIDI HAJI SAIDI

**PADA 1 Julai lalu, secara rasmi Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dipindahkan dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (KKTKW) ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNDLB).**

Terdahulu dari itu, pada 19 Jun, Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba telah membuat pengumuman mengenai perkara tersebut di majlis perjumpaan hari raya di Lipat Kajang, Merlimau, Melaka.

Menurut Ghafar, pemindahan FELCRA itu telah diluluskan oleh mesyuarat kabinet.

Bagaimanapun, menurut Ketua Setiausaha, KKTKW, Datuk Nasruddin Bahari, pemindahan FELCRA tidak pernah dibincangkan dalam mesyuarat kabinet. Beliau berkata demikian sewaktu dikunjungi buat kali terakhir oleh pegawai-pegawai kanan FELCRA selepas majlis penyerahan alih FELCRA ke KPNDLB pada 1 Julai di pejabatnya.

## MAJU

Sekiranya benar dakwaan itu, mengapakah Ghafar terlalu berminat pada FELCRA? Tentu ada sebab-sebab yang munasabah mengapa beliau berbuat demikian.

Apakah kerana FELCRA dipengerusikan oleh seorang tokoh politik yang dipercayai penyokong kuat team 'B', maka Ghafar berbuat demikian?

Semua orang tahu FELCRA kini dipengerusikan oleh Haji Abdul Rahman Sabri, Timbalan Ketua Bahagian Mersing yang menyokong kuat regu Ku Li-Musa menjelang pemilihan UMNO tempohari. Bekas Exco Kerajaan Negeri Johor itu telah dilantik oleh bekas Menteri KKTKW, Datuk Rais Yatim (1982-84) sebagai pengerusi FELCRA 1984.

Sudah tiga tahun lebih, Haji Abdul Rahman Sabri menjadi pengerusi FELCRA. Sejak itu FELCRA telah berkembang maju di bawah kepimpinannya. Sehingga akhir tahun 1986, FELCRA telah berjaya melaksanakan seluas 167,000 hektar (414,090 ekar) atau hampir setengah juta ekar dalam sedikit masa lagi.

Dari segi peruntukan kewangannya, FELCRA telah mendapat peruntukan sebanyak $787.77 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) dan telah memberi faedah kepada kira-kira 56,000 orang peserta.

Dari segi jumlah kakitangannya pula, FELCRA kini mempunyai seramai 2,906 orang yang mana majoritinya berasal dari negeri Johor (kubu kuat Ku Li-Musa).

Sama ada mereka berkempen untuk team 'B' atau tidak menjelang pemilihan 24 April lalu, tidaklah dapat dipastikan. Akan tetapi sudah tentu mereka tidak dapat melarikan diri mereka dari sentimen kenegerian memandangkan pemimpin mereka, Datuk Musa Hitam juga berasal dari Johor.

Bagaimanakah nasib Haji Rahman Sabri selepas ini, hanya Tuhan sahaja yang tahu! Apakah Ghafar akan mengekalkannya sebagai pengerusi FELCRA? Atau melantik pengerusi yang baru, dari team 'A'?

Satu perkara lagi, apakah FELCRA akan menjadi seperti KEMAS? KEMAS kini mempunyai seramai 14,000 orang anggota yang telah membantu kemenangan Ghafar Baba dalam pertandingan Timbalan Presiden UMNO baru-baru ini.

Pengumuman Ghafar mengenai perlantikan seorang pegawai penyelaras tanah terbiar FELCRA bagi setiap daerah baru-baru ini, mungkin menjelaskan lagi 'motif politik' Ghafar. Pegawai-pegawai FELCRA akan dijadikan seperti pegawai-pegawai KEMAS untuk mengukuhkan lagi kedudukan politik Ghafar.

Dari satu aspek, memanglah sesuai FELCRA diletakkan di bawah KPNDLB kerana kini FELCRA menumpukan fungsinya kepada pemulihan tanah-tanah terbiar milik orang-orang kampung. Zaman membuka tanah-tanah pinggir dan belia seperti yang pernah dilakukan oleh FELCRA pada tahun-tahun enam puluhan dan tujuh puluhan dahulu sudahpun berakhir.

Ia juga dapatlah dianggap sebagai "belut pulang ke lumpur" kerana sejak FELCRA diwujudkan pada tahun 1967, ia pernah berada di bawah KPNDLB selama enam tahun sebelum dipindahkan ke KKTKW pada tahun 1973.

Yang menjadi tandatanya, kenapakah Ghafar pilih FELCRA? Kenapa tidak FELDA atau RISDA? Apakah FELCRA sengaja hendak di'kemas'kan? Hanya waktu yang akan menentukannya.

## MEMBAZIR

Atau apakah FELCRA sebuah agensi yang membazir, maka Ghafar ingin mengawasnya? Bagaimanapun, Ketua Setiausaha, KKTKW, Datuk Nasruddin Bahari menolak dakwaan ini dengan berkata bahawa FELCRA bukanlah sebuah agensi yang bermasalah di majlis penyerahan alih FELCRA ke KPNDLB pada 1 Julai lalu.

Benarkah FELCRA bukan sebuah agensi yang bermasalah? Bagaimana dengan dakwaan ahli Parlimen Kepong, Dr. Tan Seng Giaw di Dewan Rakyat pada tahun lepas yang mengatakan FELCRA telah membelanjakan $30 ribu untuk membina tandas di ibu pejabat FELCRA? Bagaimana pula dengan dakwaan terbaru Naib Presiden DAP itu yang mengatakan FELCRA membelanjakan $3.4 juta untuk membeli 130 Pajero?

Apakah perlunya Pajero, sedangkan Trooper

FELCRA.

dan Jeep sudah banyak terdapat di gugusan-gugusan FELCRA? Kenapa pula RISDA dan FELDA tidak membeli sebegitu banyak Pajero seperti FELCRA?

Inilah persoalan-persoalan yang perlu dijawab untuk membuktikan bahawa FELCRA bukanlah sebuah agensi yang bermasalah. Bagaimanapun ura-ura FELCRA untuk digabungkan dengan RISDA seperti yang diumumkan oleh bekas Menteri KKTKW, Datuk Seri Adib Adam pada tahun lepas tidak menjadi kenyataan. Bertuah juga FELCRA ditukarkan kementerian. Kalau tidak teruk juga, sekiranya gabungan RISDA-FELCRA menjadi kenyataan.

Semoga di bawah kementerian yang baru (bagi FELCRA), sungguhpun ia akan dipolitikkan, FELCRA dapat mengurangkan segala bentuk pembaziran agar setiap sen wang rakyat yang dibelanjakan nanti dapat memberi faedah kepada 56,000 orang peserta di seluruh negara.

Kita tidak mahu FELCRA terus dipertikaikan orang. Kita mahu FELCRA menjadi sebuah agensi yang bersih dan bukannya seperti agensi-agensi lain yang tidak dapat menghantar laporan kewangan tahunan 1979 ke Parlimen. Selamat berpindah, FELCRA!



Anwar bersama Dr Mahathir dan Menteri Besar Kedah mendengar taklimat tentang tragedi kebakaran Sekolah Agama

Di belakang Anwar, yang berkupiah putih ialah Ustaz Fadzil Mohd Noor. Apakah Anwar sudah lupa nasib sekolah-sekolah agama yang begitu uzur sekarang ini?



Dari kiri Kamaruddin Mohd Noor (UMNO), Haji Fadzil Noor (PAS), Anwar Ibrahim (UMNO), Dr Osman Bakar (ASASI) dan Dr Siddiq Fadzil (ABIM).

# Tradisi Ilmu Dan Karya Sastera

*Oleh* Anwar Ibrahim



Dato' Seri Anwar Ibrahim

**❛ Yang akan menentukan sama ada masyarakat itu mampu mengubah, membangun, dan mengangkat darjat, harakat bangsa untuk menjadikannya sebagai satu tamadun yang unggul ialah azam dan tekad budaya – *cultural will* masyarakat bangsanya. ❜**

DUNIA sastera dan budaya tidak harus terpisah daripada kekuatan moral dan rahmat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.. Sebagaimana firman Allah dalam al-Quran yang pernah dikupas oleh salah seorang pemikir Jepun, Toshiku Izutsu, bahawa keistimewaan dan keunikan mesej dan risalah junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. ialah kerana ia memberikan satu asas prinsip moral yang teguh yang harus menjadi kekuatan yang berlanjutan dalam kehidupan manusia, dalam semua karya, semua episod dan babak perjuangan hidup.

Kata Izutsu, masyarakat sebelum Islam yang kita kenali sebagai masyarakat jahiliah memang mempunyai asas moral yang tersendiri. Tidak benar kalau dikatakan bahawa masyarakat jahiliah itu tidak ada peraturan moral. Tetapi, peraturan moral pada ketika itu adalah yang direka oleh manusia mengikut selera pimpinan politiknya, dan boleh diubah mengikut keadaan dan kemahuan serta selera penganutnya. Oleh yang demikian, kekuatan moralnya tidak teguh, tidak kukuh, dan boleh diubah berdasarkan kekuatan wang dan kekuatan kuasa. Buat pertama kalinya dalam sejarah, kata Izutsu, Islam memperkenalkan satu prinsip moral yang hidup yang disebut sebagai *a morally jnstimcnt principle*. Sebab itulah ada bezanya antara kekuatan moral yang kita bahaskan dengan kekuatan moral yang diungkapkan — sama ada pada masa dahulu ataupun sekarang di kalangan sebahagian sarjana atau sasterawan kita, yang boleh berubah-ubah, tidak tetap, dan tidak bersandarkan satu dasar dan prinsip keyakinan yang unggul.

II

Negeri Pulau Pinang ini dari segi budayanya begitu pinggir. Masyarakatnya masyarakat pinggir. Lesu, lemah longlai. Tidak ada satu gesaan kekuatan untuk memberikan satu citra, dan yang lebih penting daripada citra itu ialah *substance* dalam kehidupan masyarakat berbudaya. Oleh yang demikian, setiap orang, bersama-sama dengan rakan-rakan penulis, persatuan-persatuan budaya dan sastera di negeri Pulau Pinang mestilah memikirkan kaedah-kaedah baru, memberikan kekuatan dan memberikan satu gambaran baru Pulau Pinang ini tidak dikenali sebagai pusat pelancongan dan industri yang lesu dari sudut budayanya, atau budaya yang menjadi minat para pelancong semata-mata.

Dengan sokongan para penulis dan budayawan, kita seharusnya berusaha secara bersungguh-sungguh mengubah imej dan gambaran ini, dan tidak membiarkan masyarakat Pulau Pinang hanyut sebagai satu masyarakat pinggir yang tidak ada kekuatan dan tidak menampakkan satu kesungguhan untuk menghidupkan masyarakat yang berbudaya. Kita yakin, seperti yang dijelaskan oleh Almarhum Malik Bennabi bahawa yang akan menentukan sama ada masyarakat itu maju, membangun atau tidak bukan industrinya, bukan wang ringgitnya, bukan prasarana fizikalnya; tetapi yang akan menentukan sama ada masyarakat itu mampu mengubah, membangun, dan mengangkat darjat, harakat bangsa untuk menjadikannya sebagai satu tamadun yang unggul ialah azam dan tekad budaya – *cultural wil* masyarakat bangsanya.

Dan, ini semua boleh dipupuk de ngan satu kesedaran yang dimulai de ngan idea dan dalam konteks perba hasan kita kini ialah wawasan. Ide yapg boleh menjadi pendorong bangun nya bangsa dan tamadun. Idea yang ter ikat pada akar tradisi budaya masya rakatnya, bukan idea yang diciplak dar luar dan disogokkan ke atas rakyat te tapi idea yang dibendong, dan difikirkar bersama. Ia merupakan pancaran hasi daripada kekuatan dalaman masya rakatnya, yang disebut oleh Malik Ben nabi sebagai *inner struggle of conscienc* Ini bermakna terikat dengan keyakinar dengan konsistensi dalam perjuangar

dan keyakinan dalam kekuatan moral yang harus memandu pemikiran, dan amalan masyarakat.

III

Minggu lalu saya menerima karya terbaharu Pak Shahnon Ahmad, *Detik-Detik Diri di Daerah Daif*. Ada kekuatan tersendiri pada novel autobiografi Pak Shahnon Ahmad ini.

Kisahnya ialah kisah daerah daif Banggul Derdap yang mengingatkan kita kepada *Ranjau Sepanjang Jalan*, dan *Tunggul-Tunggul Gerigis*; mengingatkan kita kepada kisah Lahuma, parit dan sungai di Kampung Banggul Derdap, yang tidak banyak bezanya daripada kisah Cerok Tokkon. Mungkin ini satu nostalgia bagi saya. Tetapi, saya tertarik dan terdorong untuk menyebutnya, kerana saya anggap sebagai satu kekuatan. Ia tidak sekadar menceritakan tentang bapanya Ahmad Hassanuddin, ibunya dan Lahuma, Tuk Chik Nik dan teman-teman dengan nama yang pelik-pelik yang menjadi keistimewaan Pak Shahnon Ahmad.

Begitu juga dengan istilah yang sukar difahami. Saya bernasib baik kerana dibesarkan di Cerok Tokkon, kalau tidak saya tidak tahu makna pelbagai istilah yang digunakan oleh Pak Shahnon Ahmad, umpamanya "melanyau" telaga. Jadi, saya cadangkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka supaya karya-karya Pak Shahnon Ahmad yang mempunyai kekuatan dalam menggunakan ratusan kata-kata asli kampung Melayu itu dijadikan sumber untuk menambah perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Tidak ada yang istimewa dari segi ceritanya. Ceritanya ialah tentang sungai, kampung, kisah diterkam dan dimakan harimau, kisah Timah yang hampir dirogol oleh tentera Jepun, kisah sunat, lanyau telaga; tetapi kekuatannya ialah cerita itu bukan sekadar mengingatkan kita tentang kekuatan watak orang Melayu lama, orang Melayu sekitar tahun-tahun 1940-an, malah menimbulkan rasa kasih dan terikatnya kita dengan akar budaya asli kita. Dalam kesibukan dan keghairahan kita membicarakan masa depan, termasuk Wawasan 2020, kita jangan terlupa kepada akar, dalam erti kata yang sungguh-sungguh, lebih daripada sekadar akar nasional, kerana akar nasional itu harus terbina dari akar kita yang sebenarnya. Dan di sinilah pada hemat saya, kekuatan Shahnon Ahmad dalam karya terbarunya, *Detik-Detik Diri di Daerah Daif*.

Saya kira sukar ditandingi oleh seorang pakar antropologi dalam menggambarkan dan mendokumentasikan kisah dengan begitu teliti dan terperinci, bukan sahaja tentang watak-watak manusia, malah alamnya; bukan sahaja tentang watak Melayu, malah alam Melayu, kampung terpencil, daerah daif Banggul Derdap itu. Saya berasa, mungkin tidak ramai anak muda kita kini yang dapat mengikuti, merasakan kekuatan semangat kehidupan watak dan alam kampung Melayu asli itu seperti generasi yang kebanyakannya dilahirkan atau dibesarkan di kampung.




Hari Puisi Nasional ke-11 (1988) di Kuala Terengganu

IV

Tentang soal generasi muda dan karya mereka, dengan keprihatinan yang disuarakan serta kebimbangan yang diluahkan oleh sebahagian rakan dan adik kita; tentang harapan mereka dan sikap institusi dan agensi yang kurang memberikan perhatian sehebat perhatian yang diberikan kepada sasterawan dan pengarang besar, saya kira mereka akan mempunyai ruang dan peluang yang jauh lebih besar daripada yang pernah diberikan kepada pengarang dahulu — bukan sahaja oleh agensi rasmi kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, malah sokongan sektor swasta. Gesaan kita kepada institusi kewangan, bank, dan badan korporat mendapat sambutan yang di luar jangkaan saya. Puluhan yang telah memberi pengakuan untuk mendukungnya, malah ada beberapa kalangan mahu mendukung tiga kali daripada peruntukan minimum yang ditetapkan. Saya katakan, sekitar $40 000 hingga $50 000. Ada yang mengusulkan untuk memberikan $150 000.

Kita akan menggunakan sumber ini semua untuk memastikan agar lebih ramai pengarang mendapat peluang, pendedahan dan dukungan — sama ada dalam bentuk penerbitan buku, jurnal, karya asli dalam bidang-bidang ekonomi, pengurusan, kewangan; atau karya-karya lain dalam bidang politik, sosial, sastera, dan budaya. Sebab itu, saya tidak terlalu bimbang. Cuma, kita harus tekankan perlunya ditingkatkan keupayaan pengarang, penyair dalam penciptaan dan kreativiti mereka, dengan mengukuhkan tradisi ilmu dan memperluas lingkungan perbicaraan pengalaman, pembacaan, kerana akhirnya yang akan menentukan mutu itu ialah khalayak pembaca.

Mutu yang kita maksudkan itu bukan mutu yang ditentukan dalam dua tiga pertandingan, tetapi mutu yang menunjukkan satu kekuatan yang dilihat daripada perspektif yang lebih panjang. Saya yakin, rakan-rakan penulis akan menerima pandangan saya secara terbuka kerana dalam masyarakat yang lebih terbuka 20 atau 30 tahun lagi, dengan penguasaan bahasa di kalangan pembaca, maka persaingannya akan lebih kencang dan hebat. Bentuk penilaian juga tentunya akan ikut berubah. Dan, tentunya kritikan juga akan lebih tajam.

Saya ucapkan tahniah kepada rakan-rakan yang berjaya melahirkan antologi puisi — Awang Abdullah, Lim Swee Tin, Saiee Driss, Zaiton Ajamain dan Marzuki Ali. Tahniah juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang mengadakan satu rancangan khusus untuk memberikan pendedahan dan peluang kepada mereka, dan kepada Gapena yang tidak putus-putus menggunakan medan dan wadah untuk memberikan kesempatan yang luas bukan sahaja kepada sasterawan yang sudah bertapak kukuh, malah memberikan pendedahan yang wajar kepada saudara-saudara yang lebih muda di kalangan penyair.

# The doctor is in

"You either love him or hate him, but no one is neutral about him," an Umno MP once said about his party chief. Prime Minister Datuk Seri Mahathir Mohamad is, without doubt, the most controversial of Malaysia's four prime ministers and has led the country through some of its best years economically, as well as some of its most turbulent moments in terms of basic liberties and judicial independence.

Mahathir is consistent. The views he holds today — shaping the way wealth is distributed among the races under the New Economic Policy, industrialisation goals or foreign policy — are clearly coloured by his past and have swerved little from those expressed in his once-banned book *The Malay Dilemma*, which was criticised for its alleged Malay chauvinist, anti-Chinese sentiments.

A teacher's son, "Che Det" earned extra pocket money as a schoolboy by selling fried bananas at the Sunday market in home-town Alor Star. Years later, having failed to gain admission to read law in Britain, he returned from the University of Malaya (then in Singapore) as one of the country's first Malay doctors and earned the lasting respect of local townsfolk.

His home-grown education made him a nationalist. Like many other Malay youths of the 1940s, he joined Malay literary and politico-cultural groups which were quietly agitating for independence. Mahathir was not alone in harbouring long-held grievances against the British but by virtue of his position, was one of the few who was able to translate his views into policy. His "Buy British Last" dictum in 1982 reflected lingering bitterness over the colonial past.

He has never ceased exhorting Malays to pull themselves up by their bootstraps. He tries to identify with the Malay masses, yet appears to enjoy the trappings of power. Although Mahathir himself was not from the Malay aristocracy courted by the British, he had benefited from the English education system and attended Kedah state's premier secondary school, the Sultan Abdul Hamid College.

Mahathir is a survivor. His opponents call him vindictive and confrontational, a politician with a "killer instinct," according to some whom he has politically emasculated. His critics are amazed at his luck and his knack of keeping juniors squabbling among themselves while being beholden to him. Yet the consensus is that he cares deeply about how history will judge him and certainly will not quit under pressure. Those who have worked with him know him to be stubborn and opinionated. But "he enjoys a good argument," said a cabinet minister. "If you have the facts, he will listen."

His is a driven personality. At 65, despite a heart by-pass operation in 1989, he is still an energetic campaigner and shows little sign of mellowing. Mahathir reputedly feels that he is the best man for almost any job — ranging from closing defence deals to checking the flowers and trees adorning the road to parliament — and delegates little of consequence.

His leadership style is considered bold to the point of dangerous. Mahathir is a past master of brinksmanship, something he has proved time and again in his nine years at the helm: taking on the aristocracy in 1983, detaining 107 people without trial in 1987 and dismissing six judges in 1988.

He has brought his medical training to government. His undisguised contempt for lawyers and the judiciary is only ironic given that it was a profession he once aspired to. His impatience with the lawyers' love for negotiating over abstracts probably stems from the doctors' job of dealing with specific ills.

When a man has cancer, it is worse if you let him die while you dithered on the treatment, than if you operated on him and he died anyway, he once told a group of pressmen. It is a philosophy to which he seems to have consistently adhered, as much as to his vision of Malaysia as an industrialised front-runner among Asian countries.

■ **Suhaini Aznam**





Siapa selepas Dr. Mahathir Mohamad?

# A princely quest

When the late Tun Hussein Onn retired as Malaysia's third prime minister in 1981 he gave his handpicked successor, Datuk Seri Mahathir Mohamad, a piece of advice. He said Mahathir should appoint then finance minister Tunku Razaleigh Hamzah as the deputy prime minister.

Had Mahathir taken Hussein's advice, it would have placed Razaleigh as his natural successor to Malaysia's premiership. Perhaps typically, Mahathir decided to go his own way. Instead of Razaleigh he appointed then education minister Datuk Musa Hitam as his deputy, and sowed the seeds for an eventual Mahathir-Razaleigh confrontation and their now bitter rivalry.

Hussein's point was that Razaleigh, having been appointed to the Umno supreme council as early as 1961, was Mahathir's party senior. Razaleigh also had royal blood, being a prince closely related to the ruling family in northeastern Kelantan state. Umno has maintained close relations with Malaysia's royal courts since the party's inception in 1946. The first three prime ministers after independence — Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak and Hussein — were all noblemen, making Mahathir the first commoner to accede to the post.

As an aristocrat, Razaleigh commands widespread respect among Malays, particularly in his home state, and deep personal loyalty among his political lieutenants. For a politician in the rough-and-tumble of Malay politics, he stands out as being polite and polished, displaying a degree of humility which Malays find particularly endearing in a prince. "He is a very Malay politician . . . I don't think anyone else could have emerged as an alternative Malay leader," one analyst said.

While Razaleigh, 53, may lack Mahathir's political cunning, skills and instincts, he did manage almost single-handedly to unseat the then Parti Islam (Pas) state government which had run

# 26

# PECAH-PECAH DAN PERINTAH

## WARISAN MAHATHIR YANG TERPAKSA DIPERTAHANKAN

Saya sengaja merakamkan semula tulisan Subky Latif mengenai peranan "bapa" dalam Umno semasa pemerintahan Tun Abdul Razak, bukannya untuk membandingkan dengan perlakuan Dr Mahathir tetapi cukup untuk mengingatkan bahawa peranan seorang "bapa" ini mesti dikembalikan segera. Kalau Tun Razak, yang dikagumi gaya pentadbiran politiknya, pun mempunyai kecacatan, yang sewajarnya dihindari, mengapa pula stail politik Dr Mahathir *pecah dan perintah* ingin diteruskan. Kesatuan Umno semakin terburai, dan perlahan-lahan menjadi barah yang amat merbahaya. Pemimpin-pemimpinnya hanya memikirkan nasib juak-juaknya sahaja. Pedulikan ahli-ahli Umno yang lain, dan ia menjadi lebih dahsyat apabila kepentingan rakyat seluruhnya dikesampingkan. Tradisi yang diwariskan oleh Dr Mahathir ini nampaknya akan berjalan terus di celah-celah kemerosotan daya saing orang-orang Melayu yang semakin tertinggal ini. Amat sukar sekali pemimpin-pemimpin utama Umno selepas Dr Mahathir dapat merealisasikan konsep seorang "bapa" kerana perpecahan dalaman Umno kian ketara. Masing-masing ingin cepat naik ke puncak kerana takhta Umno menjanjikan segalanya, kuasa, wang, pengaruh, prestij dan kedudukan. Namun yang lebih membimbangkan dari pergolakan dalaman Umno ialah taktik *pecah dan perintah* ini merebak ke dalam urusan pentadbiran negara.

Semangat 46, yang kebanyakannya berasal dari Team B, menyenaraikan amalan taktik *pecah-pecah perintah* Dr Mahathir ini: "Pemimpin politik, pihak istana, kakitangan kerajaan antara lain dilopak dan diruangkan ke dalam golongan-golongan tertentu mengikut maksud dan matlamat politik cantas. Peristiwa-peristiwa perbalahan politik antara Tengku Razaleigh dan Musa Hitam; dipecahkan pengaruh mereka dan dilagakan antara keduanya. Selain itu, antara projek *melagakan pemimpin* yang disubahati oleh Dr Mahathir ialah: Anwar Ibrahim dengan Abdullah Badawi di Pulau Pinang; Mohamad Rahmat dengan Musa Hitam dan Muhyidin Yasin di Johor; Rais Yatim dan Isa Samad di Negeri Sembilan; Tun Abdul Rahman Yaakub dan Taib Mahmud di Sarawak. Kedua, pergeseran di kalangan para hakim Mahkamah Agung dan mencetuskan krisis kehakiman yang terbesar di dunia

sehingga kewibawaan kehakiman kita terjejas. Ketiga, di kalangan Raja-Raja Melayu pun perpecahan berlaku akibat peranan Dr Mahathir. Dalam zaman dan pengaruh Dr Mahathir, ada beberapa pihak istana yang sudah mula menonjolkan sikap politik yang pro-Umno (baru) sedangkan mereka seharusnya bersikap neutral. Peranan Dr Mahathir dalam tahun 1983 jelas memperkecilkan Raja-Raja Melayu dan di bawah Fasal 66 Perlembagaan Persekutuan, bidangkuasa Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu sudah dihakis. Keempat, orang-orang bawahan Dr Mahathir digalakkan supaya tergolong kepada beberapa kem; kem Dr Mahathir sendiri termasuk Anwar Ibrahim dan Daim Zainuddin. Kelima, kesatuan sekerja dan para peguam juga tidak lepas dari amalan *pecah-pecah perintah*. Apabila MTUC didapati tidak mahu menjadi pak turut kepada falsafah pimpinan Dr Mahathir seperti *in-house union* diwujudkan MLO - Malaysian Labour Organisation yang mana para pemimpinnya bersikap pro-Mahathir. Keenam, Majlis Peguam yang semenjak tersingkirnya Tun Salleh Abas sebagai Ketua Hakim Negara pada bulan Ogos 1988 menampakkan sikap agresif terhadap Dr Mahathir dan pimpinannya yang banyak memperkecilkan kehakiman dan norma-norma Common Law telah disaingkan dengan Pertubuhan Peguam Muslim. Mereka yang menjadi ahli kepada badan peguam yang baru ini diberi bantuan kerja yang banyak dari syarikat-syarikat seperti *United Engineers Malaysia Bhd., Fleet Group, Pernas* dan bank-bank. Mereka tidak lagi menghiraukan tentang keluhuran undang-undang atau *Rule of Law*. Mereka hanya berkepentingan tentang cara-cara mengampu Perdana Menteri di samping mengamalkan prinsip *Rule by Law* iaitu menyokong Dr Mahathir melalui pindaan undang-undang yang bersifat menindas dan menekan rakyat dengan kuasa-kuasa tanpa batas."

Selain itu, Dr Mahathir didakwa mewujudkan sistem anak emas dalam parti dan kerajaan: "Sebelum tahun 1986 anak emas Dr Mahathir ialah Abdullah Badawi tetapi apabila didapatinya Abdullah Badawi terlalu rapat dengan Musa Hitam yang ketika itu Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri, Dr Mahathir lekas-lekas mengasuh Anwar Ibrahim yang dididiknya semenjak tahun 1982. Mulai tahun 1985 sebenarnya Anwar sudah mula beroleh saham politik yang besar dalam bentuk perhatian dan sokongan Dr Mahathir yang nyata, sampailah ke peringkat terlantiknya Anwar sebagai Menteri Pendidikan (dan kini Menteri Kewangan). Dengan cara ini Pulau Pinang berbelah dua kerana kedua-dua pemimpin negeri itu digalakkan berlaga. Dr Mahathir tidak pernah memanggil mana-mana pemimpin yang sudah bertembung taji politik akibat dasar *pecah-pecah perintahnya*." Anwar didakwa, dengan beberapa keistimewaan yang diberikan oleh Dr Mahathir mewujudkan sistem kader melalui perkhidmatan pendidikan. Guru-guru diberi latihan bina insan yang menyelitkan secara jelas kekaguman terhadap Dr Mahathir, dan Anwar sebagai pemimpin penting Malaysia selepas ini. Biro Tata Negara dipergunakan sepenuhnya oleh Anwar untuk kepentingan politiknya dalam Umno. Jawatan-jawatan penting dianugerahkan kepada orang-orang ABIM di samping beberapa orang Pak Lah, yang juga berjawatan penting tetapi tidak begitu berpengaruh. (Perkembangan terbaru memaklumkan Raja Ariffin, timbalan menteri yang dipertanggungjawabkan menguruskan BTN tidak lagi berpihak kepada Anwar, sebaliknya perlahan-lahan menyeberangi ke kem Ghafar Baba. Orang-orang Anwar amat marah dengan perkembangan ini dan mereka berazam untuk menjatuhkan Raja Ariffin di Baling. Raja Ariffin didakwa tidak berusaha melanjutkan kontrak ketua-ketua biro yang terdiri dari aktivis ABIM. Tokoh yang sesuai

berentap dengannya mungkin Ustaz Nakhaei Ahmad, bekas Naib Yang Dipertua PAS).

Dr Mahathir juga dikatakan mematikan tradisi kepimpinan dalam Umno (1946) dengan ertikata seseorang pemimpin itu tidak lagi perlu dilatih dari bawah sebelum dia menjawat jawatan-jawatan penting dalam Kabinet: "Daim Zainuddin, Anwar Ibrahim, Napsiah Omar, Siti Zahrah, Sulaiman Mohamad dan ramai lahi naik ke pentas kuasa secara ini. Hasilnya? Tradisi kepimpinan seperti yang dipupuk selama ini semenjak Merdeka menemui kehancuran, Berlumba-lumba, tikam-menikam untuk mendapatkan kuasa demi kuasa berlaku. Dr Mahathir langsung tidak ambul pusing tentang perkembangan ini. Sistem kader digalakkan melalui latihan di beberapa kem komando Umno (baru) seperti KGB (Kem Ghafar Baba) di Kuala Lumpur." Tidak cukup dengan itu, seperti yang didakwa oleh Semangat 46: "Pihak Menteri Besar di negeri-negeri digalakkan bermusuh-musuhan dengan pihak-pihak tertentu. Nilai mengenang budi dicampakkan melalui jendela politik. Ada Menteri Besar, ahli-ahli exco yang baru berkhidmat setahun jagung sudah menyandang pangkat dan gelaran yang "lebih besar dari badan" hingga mereka tidak tahu bagaimana hendak berkelakuan atau membawa diri. Akibatnya para pemimpin ini besar kepada dan megah tak tentu arah."

Dr Mahathir juga dikatakan membudayakan stail politik baru dalam Umno iaitu mengenepikan nilai budi. Contohnya, dalam majlis Semarak di Perlis pada bulan Oktober 1988, beliau tidak menggalakkan mana-mana pemimpin di beri gelaran *Bapa* itu dan *Bapa* ini - maksudnya gelaran-gelaran seperti Bapa Malaysia (Almarhum Tunku Abdul Rahman), *Bapa Pembangunan* (Allahyarham Tun Razak) dan *Bapa Perpaduan* (Allahyarham Tun Hussein Onn) dinyahkan dari sebutan hari-hari. Mungkin kerana beliau tidak mahu dirinya dikenal sebagai *Bapa Perpecahan*! Dr Mahathir didakwa terlibat dalam usaha "menyekat kenaikan pangkat pegawai-pegawai tertentu terutama mereka yang bersimpati menyokong perubahan: "Datul Alwi Jantan diketepikan pada tahun 1988 untuk menduduki kerusi Ketua Setiausaha Negara (KSN). Tan Sri Sallehuddin ditambah tempoh perkhidmatannya dua tahun. Pada tahun 1990 sekali lagi Alwi Jantan diketepikan, Ahmad Sarji diangkat jadi KSN. Datuk Alwi terkenal sebagai pegawai yang tegas dan nuetral dalam serba serbi tindakannya. Tan Sri Hashim Mohd Alim, ipar Dr Mahathir ditambah tempoh khidmatnya dua tahun lagi sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera. Sepatutnya Leftenan Jeneral Nik Mahmud Fakhruddin yang meninggal dunia pada 31 Januari 1990 dilantik sebagai CAF. Nik orang Kelantan. Dr Mahathir curiga yang Nik Fakharuddin mungkin menyebelahi Semangat 46. Hakikatnya ialah Dr Mahathir mengenepikan pegawai-pegawai yang berkaliber." Gordon P. Means, dalam Malaysian Politic, The Second Generation mencatatkan gaya pentadbiran Dr Mahathir berhadapan dengan krisis Perlembagaan 1983, yang ada kaitan dengan pihak ketenteraan: *Besides the reallocation of political office to the strong defenders of the administration, there was also a curious shake-up in the military. During the crisis, the Chief of the Army, General Mohd. Zain Hashim, was known to be close to the Agong and had apparently been critical of Dr Mahathir's confrontational tactics to redifine the role of the Malay Rulers. Five days after the agreement on the compromise formula was made, the government announced that General Mohd. Zain Hashim had decided on early retirement in order to go into business. This was followed by about 500 other dismissals and "early retirements" from the army."*

Dari segi pengagihan kekayaan, yang sewajarnya dilakukan secara adil dan mengambil kira kepentingan rakyat jelata secara menyeluruh, Dr Mahathir didakwa memilih bulu. Perlantikan Daim sebagai Menteri Kewangan dan kini memegang jawatan-jawatan penting dalam projek yang membabitkan ribuan juta ringgit dikatakan hanya membesarkan tembolok juak-juaknya sahaja. Menurut Semangat 46, persahabatan dan pertalian karib yang luar biasa antara Dr Mahathir dengan *tycoon-tycoon* ciptaannya seperti Vincent Tan (sentiasa mengiringi Dr Mahathir dan kadang-kadang Siti Hasmah ke mana sahaja), Eric Chia, Tan Sri Arumugam, George Tan, Abdullah Ang, Robert Kuok, Presiden Mitsui, Presiden Hyundai dan lain-lain mencetuskan spekulasi rasuah terhadap kepimpinan Melayu. (Tentunya ramai pihak masih ingat dengan gelaran Musa Hitam kepada Dr Mahathir sebagai "Perdana Menteri 10 persen"). Politik Melayu mula dipertikaikan keutuhannya dengan keikraban pucuk pimpinan dengan tokoh-tokoh ekonomi ini. Sebilangan dari kalangan mereka ini boleh keluar masuk pejabat Perdana Menteri tanpa batasan. Siapakah mereka itu? Semangat 46 (1990) menyenaraikan latar belakang *tycoon-tycoon* ciptaan Dr Mahathir ini: "Vincent Tan merupakan kawan baik Daim Zainuddin dan Dr Mahathir. Kepentingan korporat: towkey MacDonald; Pengerusi Eksekutif syarikat *Raleigh* yang dimiliki oleh Daim Zainuddin. Struktur *Raleigh* disusun semula oleh Vincent Tan sehingga berkembang ke bidang-bidang lain termasuk perumahan, perjudiaan dan pembinaan. Dengan pertolongan Daim juga Vincent Tan menguasai *Berjaya Corporation* dan *Sports Toto*. *Berjaya Corporation* merupakan syarikat perjudian terbesar. Dengan pertolongan Daim, ia mendapat lesen judi yang merangkul bidang yang luas sehingga dibenarkan, melalui *Ascot*, menggunakan satelit angkasa lepas untuk memancarkan program judi lumba kuda dan lumba anjing dari Manchester, Britain. Arumugam yang dimaksudkan ialah Timbalan Ketua Pengarah *General Electric (M) Sdn Bhd*. Orang yang bertangungjawab membuat *deal* pembelian Tornado dan alat-alat perang yang bernilaui $4.5 ribu juta dari Britain berserta dengan ufti sejumlah $500 juta bagi mereka yang berkuasa, termasuk tabung Umno (baru). Berita ini tersebar luas di dunia, terutama di Britain dan Eropah. Eric Chia adalah bekas Pengerusi syarikat *United Motor Works (UMW)* yang mengalami kerugian besar pada awal tahun 1983. Bekas Pengerusi EON, syarikat yang membolot keuntungan Proton Saga (sedangkan Syarikat Proton sendiri mengalami kerugian). Kini Pengerusi Eksekutif *Perwaja* di Terengganu atas kemahuan Dr Mahathir yang merujuknya sebagai *"my good friend Eric Chia"*. Kerugian terkumpul Perwaja sebanyak $1.6 bilion. Pada awal Disember 1989 Perwaja tiba-tiba diumum mendapat untung $12 juta! Bagaimana? Rahsianya ialah kerajaan dipaksa mencurahkan tambahan besar kepada modal berbayar *Perwaja* secara jaminan dan secara sumbangan terus. Seorang lagi Rin Kee Mee juga sahabat baik Dr Mahathir. Menjadi penasihat dan pelaksana pelaburan dalam pelbagai projek ekonomi di Kedah, Langkawi termasuk *Kedah Cement*, *Proton Saga* dan lain-lain. Rin Kee Mee lebih banyak berfungsi di belakang tabir tetapi sangat rapat dengan Perdana Menteri. Pernah digelar sebagai EPU (Economic Planning Unit) Dr Mahathir. Sebahagian besar dari skandal ekonomi seperti jualan bijih timah di London Metal Exchange (LME) yang mengakibatkan kerugian lebih M$620 juta melalui transaksi *Maminco* adalah dengan nasihat Rin.

Pembabitan Dr Mahathir dengan syarikat-syarikat korporat terbesar di Malaysia merupakan satu episod yang begitu menarik, bagaimana longgokan khazanah negara dibahagikan menurut selera dan nafsu beliau. Untuk menjelaskannya memerlukan

perbincangan dalam sebuah buku khusus mengenainya. Soalnya, apakah pengganti beliau, terutama Anwar yang kini Menteri Kewangan akan meneruskan karenah yang sama, demi membeli sokongan perwakilan Umno dan mengikat mereka dalam kemnya. Sekali ketidakadilan berlaku dan dibiarkan berleluasa di hadapan Anwar selama ini, tanpa ditegurnya, terlalu sukar gejala buruk dan tercela ini hendak dihapuskan. Dengan itu bukan sahaja golongan yang aktif dalam politik sahaja yang berpecah malahan tokoh korporat yang menjadi sumber kewangan golongan politik akan terbahagi. Tambahan pula harga satu undi dalam pemilihan Umno terlalu mahal. Bayangkanlah, Tengku Razaleigh terlepas peluang menjadi PM, yang menjanjikan segalanya, hanya kerana ada 22 orang perwakilan tertentu yang tidak menyokongnya, sebaliknya memangkah Dr Mahathir. Difahamkan projek-projek penswastaan yang lancar berjalan sekarang ini adalah asset berharga bagi seorang Menteri Kewangan untuk "membeli sokongan".

Kemantapan Umno (baru) semakin dipersoalkan. Kewibawaannya untuk menangani masalah yang mencabar, yang berkaitan dengan kemunduran orang-orang Melayu dalam pembangunan negara, boleh dipertikai. Tiada pemimpin yang benar-benar dapat menyatukan kembali Umno. Semuanya sudah bersiap sedia menghadapi pertarungan yang dikira lebih mencabar. Dan siapa pun yang menang, kemenangan itu bukannya mutlak sebaliknya menyediakan gelanggang yang lebih beronak dan berduri. Kita akan menyaksikan pertikaman dalam gelanggang Umno itu dengan penuh debar. Ingat, harganya terlalu mahal, dan dengan itu kekayaan negara akan terus difaraidkan di kalangan *tycoon-tycoon* ciptaan Umno bagi membiayai mereka melancarkan serangan dan strategi yang lebih canggih. Menteri yang dilantik menganggotai Kabinet bukan lagi yang menunjukkan prestasi cemerlang tetapi mereka yang boleh menjadi pak turut dan mak turut. Maka kritikan Dr Mahathir terhadap Almarhum Tunku Abdul Rahman, seperti yang tertera dalam bukunya Dilema Melayu kini melambangkan Kabinet Dr Mahathir sendiri, dan akan berterusanlah Kabinet seperti itu di bawah penggantinya.

Renunglah dalam-dalam tulisan Dr Mahathir ini: "Sebuah negara yang baru merdeka memerlukan pentadbir yang betul-betul mahir memegang teraju kerajaan. Keputusan hendaklah dibuat tiap-tiap hari, dan keputusan-keputusan ini akan mempengaruhi negara dan rakyat. Menteri-menteri dan ahli-ahli Kabinet diberi kuasa untuk membuat keputusan ini. Oleh itu sudah ternyata bahawa Menteri-menteri dan ahli-ahli Kabinet terdiri dari mereka yang betul-betul berpengalaman dan berkebolehan. Meskipun begitu ... pemilihan ahli-ahli Kabinet ditetapkan sebagai satu ganjaran kepada kesetiaan terhadap ketua-ketua parti dan orang-orang yang diterima oleh Perdana Menteri. Selepas mereka dilantik kalaupun mereka tidak menjalankan tugas dengan sempurna, kedudukan mereka sebagai menteri tidak tergugat. Sebaliknya, kalau pun seorang menteri itu telah menjalankan tugasnya dengan baik tetapi gagal untuk berbaik-baik dengan Perdana Menteri maka akan disingkirkan dari kementeriannya."






• *Kelihatan dalam gambar Menteri Pelajaran sedang menimang cahaya matanya Mohd Ehsah, 8 bulan ketika beliau meraikan*

*para wartawan dalam satu majlis berbuka di kediamannya di Petaling Jaya malam Rabu lalu.*

# KASIH SEORANG AYAH

27/5/86



Suasana gempar menjelang Operasi Lalang 1987. Apakah yang cuba disuarakan oleh Prebet Adam Jaafar itu difahami oleh pemimpin-pemimpin politik negara?



Siapakah yang akan diundi oleh Dr Mahathir kalau berlaku pertandingan Anwar-Dollah?



Telah letih Datuk Sri?
Bila lagi nak beri peluang kepada Ghafar?



Pasangan yang bahagia; tetapi maniskah menari begini di khalayak ramai?
Anwar mungkin boleh jawab.



Rafidah Aziz, ketua Wanita UMNO juga mempunyai pengaruh menentukan kemenangan tokoh-tokoh yang bertanding dalam UMNO.









Pelbagi aksi Ghafar dalam percaturan politik Melayu. Saksikan wajahnya — cukup menarik sekali. Benarkah beliau seorang pemimpin rakyat?

# Will Mohamed Rahmat be MB this time?

By Shah A. Dadameah

A STORY is told of one Umno member in Johore asking another about the possible candidates in the next general election.

Comes the reply: "Why don't you ask Tok Mat? He is preparing the list."

The story, of course, came back to "Tok Mat," the name Johoreans use when they refer to Pulai MP and former Cabinet member, Datuk Mohamed Rahmat.

"I do not understand it. But many people seem to think that I have a say in such matters," he said.

As it was in 1982, when speculation was rife that Datuk Mohamed would be chosen to replace Tan Sri Othman Saat as Johore Mentri Besar, the rumour mill is working overtime, again with him a contender for the same post.

If it comes true, he would replace Datuk Abdul Ajib Ahmad after the next general elections.

"I am aware of such speculations. This is probably why many people have the idea that I dictate who would be contesting," said Datuk Mohamed.

"This is, of course, not true. The prerogative (to pick candidates) is with the Prime Minister.

"As head of the Umno Pulai division, I merely make recommendations for some of my members to be selected."

Nevertheless, speculation has it that he will head the next State Government. The factors said to be in his favour are:

● HIS CLOSE association to the Johore Royalty. He is a member of the Johore Royal Court of Council.

Although he denies suggestions that this has a bearing on his political direction, it is accepted among political circles in the State that the head of the administration must have cordial ties with the palace.

This is not to say that Datuk Ajib lacks the rapport with the State Royalty. But speculation also has it that Datuk Ajib will be taken into the Federal Cabinet, an offer which he is unlikely to reject.

● HIS ACTIVE involvement in party and State affairs.

This is ironic, said a party insider, because one reason said to be privately given to Datuk Mohamed for dropping him from the Cabinet was alleged laziness.

However, his followers in Umno Pulai claim that Datuk Mohamed has made theirs the "most active" of all Umno divisions in the State.

This claim has never been challenged by other Umno divisions.

In State affairs, the 48-year-old politician has said he is committed to make contributions to the State's progress through his involvement in the Tampoi redevelopment plan.

The massive facelift of this suburb of Johore Baru involve investments of more than $1 billion and relocation of thousands of people, hundreds coming from nearby squatter and slum areas.

He has told his constituents that the project was very important to the economy of the State and its political well-being. They were, therefore, duty-bound to give their votes to the ruling party so that the scheme can be carried out without hitches.

● HIS WIDE experience in government affairs, having served as parliamentary secretary, Deputy Minister and Minister in key Ministries such as Finance, Health, Public Enterprises and Information.

As it turned out in 1982, however, Datuk Mohamed was not only sidestepped for the Mentri Besar's post but also sidelined from the Cabinet. He was made Ambassador to Indonesia instead.

But after a while, he was reinstated his Ministerial status on the condition that he complied with the Prime Minister's wish that he took up the Jakarta posting. He quit the post two years ago.

Datuk Mohamed said it does not matter to him if he winds up without any post or status after the coming general elections. If he is chosen again, it would be his fifth term as a *wakil rakyat*, although not necessarily as an MP.







Sejauh mana faktor Mohamad Rahmat dalam UMNO?



Yang Di Pertua PAS Pusat, Ustaz Fadzil Mohd Noor mengimami solat hajat mengenai Bosnia di Dataran Merdeka. Turut serta Presiden PRM, Dr Syed Husin Ali dan Ketua Penerangan Semangat 46, Shabery Chick, Anwar pernah merasmikan Pesta Malaysia di sini.

COVER STORY: COMPANIES 1

*Malaysia's leading party fills its election coffers*

# Umno's money machine

**By Doug Tsuruoka**

Few political parties in Asia have become so closely involved in business as the United Malays National Organisation (Umno), the linchpin of Malaysia's ruling coalition. In less than a decade, it has transformed itself from a passive investor to a huge and active corporate player, with interests spanning the entire economy.

Officially, it owns no shares in any company. But in reality, it exercises proprietorship through trusted individuals who own shares and hold directorships in well over 100 companies.

The total value of shares owned by Umno nominees is about M$4 billion (US$1.48 billion), according to one source close to the party. This includes all shares held by Umno nominees at party headquarters and at state branches. Of the M$4 billion, roughly M$2 billion-worth are listed shares, comprising 2% of the Malaysian stockmarket's overall capitalisation. In addition, the party's property holdings could total billions of ringgit.

The value of Umno's corporate assets, and the way that they are organised were radically altered in April of this year when two of the party's chief companies, Fleet Group and Hatibudi Nominees, were brought under the control of a little-known property company, Renong.

This restructuring will bring under one corporate roof some of the most important firms in Malaysia and will raise M$440 million in cash through Umno nominees. Among the companies in the Renong stable is the country's largest construction firm, United Engineers (Malaysia) — UEM — the contractor and 30-year concessionaire on Malaysia's M$5.7 billion North-South Highway. The possession of the toll rights alone will ensure a steady flow of cash for a generation. When the deal is completed, Renong will also control the largest group of newspapers in Malaysia and the only commercial television station.

With Umno controlling so many businesses, the question remains as to whether they are being run for the sake of the party or for the benefit of all the shareholders. The concentration of so many sensitive assets in the hands of so few people, let alone those so closely associated with the leading partner in government, leaves the party open to charges of conflicts of interest.

This point has become especially pertinent because Prime Minister Datuk Seri Mahathir Mohamad is expected soon to call a general election. If completed by the time of the polls, the Renong exercise will put an unprecedented corporate juggernaut at the ruling party's disposal. Opposition leaders charge that Umno's corporate assets can and will be used to ensure that the party is returned to power.

Some criticisms by political opponents may seem hypocritical. The former Umno treasurer, Tunku Razaleigh Hamzah, who is now Mahathir's leading rival, created Fleet Group and pioneered Umno's involvement in business in order to raise cash for the party. Marina Yusoff, a leading supporter of the former finance minister, says Razaleigh has had a change of heart. He



**Mahathir and Daim: political business.**

now believes "no political party should be directly involved in business," says Marina.

While conglomerates throughout Asia rely on government patronage, no assemblage of companies owned directly by a political party appears to have benefited from government largesse to the same extent as Umno's holdings. Critics charge that UEM has been given the lion's share of all public contracts on the North-South Highway Project because it is owned by Umno. They also argue that Umno ownership helped Fleet to gain a licence to operate Malaysia's only commercial television station.

Key management positions in Umno companies are alleged to have been doled out as a form of patronage, allowing some party functionaries to use their position for self-enrichment. This was done at the expense of shareholders in listed companies and of the party as a whole. Critics also charge that the New Economic Policy (NEP), which is designed to put more corporate assets in the hands of indigenous Malays, has been exploited in Umno's desire to build its own empire.

According to analysts, the NEP has been skilfully used by the party to achieve its own business goals. They say provision for bumiputra ownership made it a relatively simple matter for Umno's nominees to buy into a host of local corporations, while the party's pre-eminent position in the government ensured that its companies receive a steady flow of public works and other contracts. Disgruntled members of Malaysia's Chinese community also say there is a methodical effort under way to sweep the last major independent Chinese-run businesses in Malaysia into an alliance with Umno companies, or to take them over.

"It's an incestuous relationship. It's the result of having no line between politics and business," says Democratic Action Party opposition leader Lim Kit Siang. "A political party should stay away from business completely."

Umno's chief corporate strategist, Datuk Paduka Daim Zainuddin, disagrees. "Umno has been involved in business for a long time," Daim told the Review, because money is needed to run the party and to fight the election.

Daim, who is Umno's treasurer and Malaysia's finance minister, has stood at the centre stage of Umno's business dealings for a decade. Characterised by many analysts as Malaysia's cleverest corporate financier, he has developed a coterie of young, mainly bumiputra executives since taking ministerial office in 1984. Many of them had worked for Daim directly in his previous capacity as chairman of government-owned property concern Peremba.

While not all of these men function as direct party proxies, two clearly do. Halim Saad, the founder of prototypical Umno holding company Halimtan Sdn., is now the executive chairman of Renong as well as the recently appointed chief executive officer of Faber Merlin, a hotel and property concern spun off during the Renong exercise but still beneficially controlled by Umno. Halim holds a 17.7% stake in Renong; together with shares directly held by Umno holding companies Fleet Holdings

and Pacific Fleet, this assures the party control over the corporation (though Pacific Fleet has denied that is acting for Umno).

Anuar Bin Othman plays a similar though somewhat less critical role. He served as a Hatibudi director and shareholder and is a director of Renong. Neither Saad nor Othman agreed to be interviewed.

Other executives who are closely identified with Daim but appear to be rising stars in their own right include General Lumber chief Wan Azmi Wan Hamzah and Inter-Pacific Group chief Vincent Tan. Analysts in Kuala Lumpur often ascribe corporate manoeuvres by these men — and there have been many in recent months — to Daim's desire to accumulate more assets for Umno or for himself, an interpretation which both stiffly deny.

The identification of so many of Kuala Lumpur's key entrepreneurs with Daim and the recent moves by Umno itself appear at the very least to be politicising the Malaysian stockmarket. In the short term, brokers and bankers say the Umno reshuffle has drained liquidity from the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) by unleashing a tidal wave of new share issues. Even before the Renong merger was announced, analysts complained that investors had stampeded to invest in any company rumoured to be the target of Umno interests.

One of the reasons for this politicisation has been Umno's apparent policy of masking its corporate manoeuvres behind a wall of nominees and convoluted share swaps. While Daim asserts that Umno's business activities are carried out in "an open manner," unravelling the skein of party holdings has until the Renong restructuring been a difficult job. Even today, a number of Umno-controlled listed companies — including Faber Merlin, erstwhile tin companies Aokam Tin and Ayer Hitam Tin Dredging, and Roxy Electronics — remain outside the Renong fold.

Nowhere does Umno cover its tracks more thoroughly than when its corporate holdings relate to election fund-raising. While analysts say that Umno is hurriedly raising cash to ensure victory at the polls, actually tracking how it is done remains nearly impossible.

The ruling National Front coalition, of which Umno is the dominant party, is said to have M$1 billion in campaign funds and to be planning to spend anything between M$300 million and M$1.5 billion in order to win. The latter figure is estimated to be more than twice what it spent at the last election in 1986, though Daim, as party treasurer, scoffs at the M$1.5 billion figure, describing it as "crazy." The finance minister, however, declined to provide an estimate of Umno's spending in the forthcoming election.

Some of this money has been collected directly from big business, analysts say, and will not come from the Renong deal. Much of the M$440 million derived from Renong will go towards paying off the debts of the companies it is purchasing.

The restructuring of Renong, however, will give Umno a promising and debt-free group of assets against which it can borrow. The exercise is essentially a reverse takeover that allows the publicly listed Renong to acquire the equity of Fleet and Hatibudi for a total consideration of M$1.23 billion.

The reorganisation will involve eight listed companies and will include the sale of 439.7 million new Renong shares at M$1 each to the company's existing shareholders.

The reshuffling of shares will boost Renong's issued capital by 90% to 1.34 billion shares, giving it a market capitalisation of perhaps M$6-7 billion. This would place it second after the conglomerate Sime Darby in terms of market capitalisation. The second stage of the transaction, a reduction of Fleet and Hatibudi's holdings in Renong to just over 50%, will raise enough money for the shareholders to pay down Fleet's current liabilities, which are estimated at a gross M$600-650 million.

Chamil menghuraikan peristiwa mogok itu dari dua perspektif. Pertama, kebebasan melawan kawalan dan perspektif kedua ialah pertembungan ideologi. Dari perspektif pertama, Chamil merakamkan: "Setelah negara merdeka, para wartawan *Utusan* mendapati bahawa Umno tidak perlu diberi layanan istimewa kerana ia cuma mewakili satu bahagian orang Melayu. Lebih dari itu, mereka melihat kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman itu tidak mempunyai komitmen yang tinggi untuk mendaulatkan bahasa Melayu; tidak ada dasar yang jelas mengenai kebudayaan. Mereka juga melihat bahawa kerajaan Tunku tidak ada bezanya dengan Kerajaan British. ... Selain itu sejajar dengan kebebasan akhbar yang dimiliki, sidang pengarangnya terus memberi tempat kepada suara-suara pembangkang serta pandangan-padangan yang tidak disenangi oleh kerajaan dengan cara yang agak *prominent*."

Peristiwa itu sudah berlalu 30 tahun lalu. Apakah rombakan drastik di peringkat tertinggi jabatan pengarang *Utusan* yang berkuatkuasa November 1992 ini, boleh dihubungkan dengan peristiwa mogok atau sekadar menggambarkan pergolakan dalaman Umno; itu semua tidak sukar untuk dipastikan. Selepas Musa Hitam meletakkan jawatan dan sekali gus dianggap menyerang kepimpinan Dr Mahathir secara terbuka, tiba-tiba Dr Munir Majid yang menjadi Ketua Pengarang New Straits Times tidak lagi menjadi ketua pengarang. Difahamkan dia mendapati surat menamatkan perkhidmatannya bila dia datang ke pejabatnya secara serta merta. Disebarkan berita bahawa Dr Munir mempunyai kecenderungan simpati pada Musa. Dan *Utusan* dikatakan menyokong Musa dalam pertandingannya menentang Tengku Razaleigh. Walaupun jabatan pengarangnya tidak menderhaka kepada Dr Mahathir, namun orang-orang pentingnya dilaporkan lebih menyenangi Ghafar Baba dan Abdullah Badawi, bukannya Anwar Ibrahim. *Utusan* juga dikatakan mempunyai unsur-unsur kemelayuan yang kuat berbanding akhbar harian lain, dan ketika Dr Mahathir bercakap tentang dunia antarabangsa hingga kadang-kadang lupa dengan kampung halaman sendiri, tentulah kecenderungan yang hendak dibawa oleh *Utusan* tidak disenangi.

Dalam soal bahasa Melayu, selain Dr Mahathir yang terkena tamparannya, Anwar Ibrahim yang dikenali di Universiti Malaya, lebih 20 tahun lalu, kerana keberanian memalitkan cat merah pada papan tanda berbahasa Inggeris tentunya beliau pun tidak senang duduk. Apa lagi bila mengingati tulisan Chamil mengenai hikmah sukan berkuda! Dalam pada itu, saya terkenang ucapan Said Zahari, semasa berceramah di Seminar Wartawan Nusantara Kedua, anjuran Persatuan Wartawan Melayu Malaysia, 13 September

1992, yang dirasmikan oleh Ghafar Baba dan ditutup oleh Abdullah Badawi, tetapi tidak disiarkan sebarang berita mengenai seminar tersebut oleh akhbar-akhbar kumpulan *Utusan Melayu* dan *New Straits Times*. Kata Said Zahari: "Negara yang mengaku mengamalkan demokrasi tidak mungkin mahu menafikan kebebasan persuratkhabaran. Kerana, tanpa kebebasan persuratkhabaran, apa ertinya demokrasi itu. Apakah akhbar/wartawan akan membisu sekiranya penindasan, ketidakadilan, kekejaman, diskriminasi terus berlaku dalam negara merdeka? Apakah akhbar/wartawan akan membungkam kalau dasar-dasar pemerintah jelas menyusahkan penghidupan rakyat, pemimpin negara hanya mencari kekayaan dan membelakangi kepentingan rakyat? Apakah akhbar/wartawan akan menutup mata, menyumbat telinga terhadap perbuatan rasuah dan penyelewengan?" Anwar mungkin ada formulanya sendiri dalam hal ini.




Ghafar ketika merasmikan Pertemuan Wartawan Nusantara II. Kumpulan akhbar Utusan Melayu dan New Straits Times tidak menyiarkan langsung berita ini. Abdullah Badawi menutupnya.

# Tak boleh kuasai BM bererti tak taat pada negara — Ghafar

28/10/87 - um

435

KUALA LUMPUR 27 Okt. — Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba hari ini berkata, rakyat yang tidak boleh menguasai bahasa Malaysia terutamanya yang berumur 30 tahun ke bawah boleh diertikan sebagai tidak taat kepada negara.

Tegas beliau, sepatutnya selepas 30 tahun negara mencapai kemerdekaan, sudah tidak ada lagi rakyat Malaysia yang tidak boleh bertutur dalam bahasa kebangsaan.

"Mereka yang berusia 30 tahun ke bawah mesti boleh membaca, menulis dan bertutur dalam bahasa Malaysia, jika tidak, mereka boleh diertikan sebagai tidak memberi taat setia yang sepenuhnya kepada negara," tegas beliau.

## Bahan politik

Berucap merasmikan Persidangan Kebangsaan Bahasa Moden anjuran Persatuan Bahasa Moden di sini pagi ini, Encik Ghafar berkata, beliau mahu rakyat negara ini bukan sahaja menerima, tetapi mengakui dan menggunakan bahasa itu setiap hari.

Katanya, saki baki golongan tua yang tidak boleh berbahasa kebangsaan pun tidak boleh dibiarkan, lebih - lebih lagi sekiranya mereka boleh berbahasa lain selain daripada bahasa asal mereka.

Adalah janggal bagi seseorang warganegara mendakwa fasih berbahasa asing tetapi tidak boleh bertutur dalam bahasa Malaysia, katanya.

Sehubungan dengan itu, ujarnya, kerajaan sedang berusaha untuk menghidupkan semula semangat gerakan bahasa Malaysia melalui minggu bahasa diseluruh negara dengan tujuan menanamkan semangat cintakan bahasa kebangsaan di kalangan rakyat.

Beliau menarik perhatian, sebagai sebuah masyarakat yang berbilang kaum penggunaan bahasa kebangsaan sangat penting sebagai alat perhubungan antara kaum.

Namun begitu, di negara - negara berbilang kaum seperti Malaysia, isu bahasa sering dijadikan bahan politik.

Menurut Encik Ghafar, perkara itu tidak patut berlaku. Pertumbuhan bahasa tidak patut disekat, tetapi bahasa kebangsaan mestilah mendapat keutamaan.

"Apa yang salah ialah, kita memperjuangkan kepentingan bahasa lain tetapi melupakan sama sekali kepentingan bahasa kebangsaan," tegas beliau.

Dalam keghairahan mempelajari bahasa - bahasa lain, janganlah sekali - kali mengabaikan tanggungjawab kita terhadap bahasa Malaysia, ujarnya.

Encik Ghafar bagaimanapun mengingatkan, penguasaan berbagai bahasa lain khususnya bahasa antarabangsa tidak harus dilupakan kerana peranan bahasa sebenarnya mencakupi seluruh aspek kehidupan yang lain termasuk ekonomi dan politik

Beliau menggesa masyarakat supaya mencontohi rakyat di negara - negara maju yang sebilangan besarnya boleh menguasai empat atau lima bahasa dengan baik.

## Pertumbuhan ekonomi

Dari segi perhubungan antarabangsa pula, tambah Encik Ghafar, kedudukan Malaysia amat strategik dan boleh dijadikan pusat pengkajian bahasa - bahasa utama dunia yang lain.

Katanya, perkembangan Malaysia sebagai pusat bahasa - bahasa moden boleh membawa banyak kebaikan kepada negara selain daripada meletakkan dirinya di tempat terkemuka dalam peta dunia, ia boleh juga menarik ramai bijak pandai datang, meningkatkan pertumbuhan ekonomi khususnya mengembangkan industri pelancongan.

436

# WE HAVE FAITH IN JOHORE UMNO: ANWAR

STAR 2-4-86

By SHAH A. DADAMEAH

JOHORE BARU, Tues. — Umno Youth is confident that the party leadership in Johore can help resolve certain issues that Umno is now facing.

Umno Youth president Anwar Ibrahim said the movement's executive council had placed its faith in Mentri Besar and State Umno chief Datuk Abdul Ajib Ahmad and State Umno Youth chief Haji Muhyiddin Yassin in resolving the issues in the most amicable way possible.

He declined to disclose the "issues" but conceded that a key issue discussed with State Umno Youth division leaders here was the resignation of Datuk Musa Hitam from the Cabinet.

"The way has been paved to 'clear the air' in Umno, " he told reporters after meeting the division leaders at Saujana, the Mentri Besar's residence.

It is understood that matters discussed during the four-hour meeting, which ended at 1am today, include:

● ALLEGED improper management at Umno headquarters in Kuala Lumpur;

● SUGGESTIONS that Umno headquarters was "out of bounds;"

● ALLEGED abuse of power and authority by certain Umno leaders in various States; and

● ALLEGED attempts by Umno Youth executive council members to cover acts of corruption by party members.

Encik Anwar said he had told State Umno Youth leaders about the movement's stand as well as that of the party supreme council on various issues.

He said he heard the views expressed by the Johore Umno Youth leaders and, together, had reached a consensus on the issues raised.

State Youth leaders had agreed that once "the air has been cleared," efforts would focus on the coming general election and strengthening the party, he added.

Encik Anwar said some "specific" issues would be taken up by Umno Youth for follow-up action.

He said the meeting was "extremely useful and cordial" and was the third of its sort in recent weeks. Before this, he had held similar meetings with Umno Youth leaders in Kedah and Perlis.



*Encik Anwar . . . 'time to clear the air'*

## Abdullah: There are no factions in Umno

ALOR STAR, Tues. — Umno vice-president Datuk Abdullah Ahmad Badawi is concerned over what he says are attempts by some party members to create factions out of their own imagination when the party faces a problem or crisis.

Such attempts could disunite Umno, he said.

"There are no factions in Umno," he told Alor Star Umno division members here last night.

He said Umno, being a party which practised democracy, would face various problems from within or outside the party. Therefore, Umno members should place party interests first, he added.

He said that to strengthen the party, members should not only ensure unity but also give their full support to the party leadership.

Answering a question from the floor, Datuk Abdullah said he was a "strong supporter" of Umno president Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, and this stand had never wavered.

On the position of Datuk Musa Hitam, Datuk Abdullah said Datuk Musa withdrew his resignation as Umno deputy president following talks with the Umno-appointed delegation recently. — Bernama



Musa Hitam dan isteri sewaktu mengunjungi rumah terbuka sempena Aidilfitri Abdullah Badawi. Musa Hitam pernah menjadi guru politik Pak Lah tetapi sekarang Pak Lah sudah ada identiti tersendiri.



Abdullah Badawi tetap mesra.

# 28

# HASRAT GHAFAR YANG TIDAK TERTUNAI

Buku saya yang pertama mengenai percaturan Umno, *Anwar Lawan Ghafar?*, dan kini sedang anda tatap dalam edisi yang baru, sudah bertukar wajar. Kalau dulu ditumpukan perhatian bersediakah Anwar menentang Ghafar dan segala implikasi yang akan ditempuhnya, kini terbalik. Apa yang dimuatkan dalam media di bawah kawalan Anwar seolah-olah Ghafar yang menentang Anwar. Sekiranya Ghafar tetap berhasrat mempertahankan jawatannya sebagai Timbalan Presiden Umno, Ghafar dilihat seperti menentang arus. Nasihat Musa Hitam kepada bekas Setpolnya, Ruhanie Ahmad: "Jangan menentang arus, nanti karam." Bagaimanapun seorang teman memberi ingatan: "Jangan mengikut arus, nanti hanyut."

Dan seperti yang kita saksikan, Ghafar sudah tidak bermaya lagi, Ghafar sudah beralah. Ghafar sudah tunduk kepada kekuatan Anwar. Ghafar sudah mengaku kalah sebelum masuk ke medan tempur. Ghafar tidak berdaya lagi menghadapi taufan politik wang dalam Umno. Maka menanglah Anwar secara percuma. Tercapailah cita-cita Mahathir supaya jawatan Timbalan Presiden tidak ditandingi. Sekali lagi Ghafar mengabulkan hasrat Mahathir. Bersorak dan gegak gempitalah juak-juak Anwar; habuan sudah di depan mata, nikmat kekayaan negara sudah berada dalam genggaman.

Ghafar sudah seperti kupang tembaga. Sebagai tokoh politik veteran, Ghafar tentunya memahami erti berpolitik dalam Umno, sudah tidak ada lagi segan silu. Ghafar tentu melihat apa yang berlaku kepada Almarhum Tunku Abdul Rahman, dihina, dinista, dicaci di depan umum oleh pemimpin-pemimpin Umno Baru sendiri. Dan Ghafar antara tokoh yang dihantar ke medan depan untuk berdada dengan Almarhum Tunku Abdul Rahman. Ghafarlah antara yang paling lantang menjawab segala kritikan Tunku. Justeru itu, saya pasti Ghafar tidak terkejut dengan apa yang diterimanya hari ini.

Soal Ghafar sudah berkhidmat lama dalam Umno tidak penting lagi. Kebetulan Ghafar dilahirkan dulu, itu saja. Bukan masanya lagi Ghafar merintih minta dikasihani. Ghafar sedang berhadapan dengan anak-anak Melayu Baru. Mereka ini agresif, kasar, tidak teragak-agak untuk berbuat sesuatu, tangkas dan cekap mengeksploitasi apa yang ada demi kerakusan kuasa. Ghafar tidak lagi boleh bersilat dengan kata-kata, dengan kisah-kisah lamanya dalam Umno. Sekarang zaman wawasan, zaman orang bercakap masa depan dengan segala simpang perenangnya. Kalau Ghafar hanya bermodalkan zaman lampau, tidak ada lagi pemimpin-pemimpin Umno yang mahu mendengarnya.

Tidak banyak pilihan yang ada pada Ghafar. Ghafar pernah menegaskan dia akan memastikan Umno tidak diperintah oleh pemimpin yang rasuah dan korup. Itu satu impian Ghafar yang hebat. Hasratnya yang satu ini mesti diteruskan. Ghafar menabur benih, generasi hari esok akan memetiknya. Ia boleh dijadikan agenda perjuangan nombor satu. Ghafar telah merintisnya. Walaupun ramai pihak dalam Umno memperlekehkan kenyataan Ghafar, terutamanya *Team Wawasan*, tapi Ghafar harus ingat tidak semua ahli-ahli Umno menerima saja apa yang dipaksakan ke atas mereka sekarang. Wang tidak boleh selamanya menutup nurani insan yang suci dan kudus itu. Ahli-ahli Umno bukannya tak boleh berfikir, memilih antara kaca dengan permata; ahli-ahli Umno juga matang, tahu menilai baik-buruk pemimpin yang bakal mereka pilih.

Ghafar sudah pun tersingkir. Ghafar memilih untuk tidak bertarung dengan seorang anak muda yang baru 11 tahun masuk Umno. Sama ada keputusan Ghafar itu tepat atau tidak, semua pihak boleh memberi tafsiran. Namun seperti kata Syed Hamid Albar, kita yang muda-muda ini tak payahlah mengajar Ghafar berpolitik. (Bercakap kepada pemberita di Kota Tinggi, pada 3 September 1993, Syed Hamid berkata: "Ghafar bukan orang baru dalam politik. Dia orang lama dan berpengalaman. Kita tidak boleh mengajarnya bagaimana mahu 'baca' dalam politik kerana dia lebih faham.")

Perjuangan Ghafar belum pasti berakhir dengan penarikan dirinya dari mempertahankan jawatan no. 2 parti. Saya yakin, hasratnya supaya Umno tidak dipimpin oleh pemimpin yang rasuah dan korup akan mendapat sambutan. Meskipun Ghafar terpelanting dek taufan perubahan dan permainan politik Anwar yang licik dan menggerunkan itu, pergolakan dalaman Umno akan terus berkocak dengan kadar yang lebih mendebarkan. Ghafar tentunya meninggalkan baka dalam barisan kepemimpinan Umno, walaupun puteranya, Tamrin, lebih membawa masalah kepadanya. Mereka mungkin senyap sekarang, tetapi tidak untuk tiga tahun akan datang.

Harapan Anwar untuk menyatukan kembali Umno banyak bergantung kepada tindakannya selepas ini. Kalau Anwar terus diamuk perasaan amarah dan dendamnya, tidak mustahil 1996 akan mengulangi 1987. Mungkin itu yang dikehendaki oleh penyokong-penyokong Anwar, demi memastikan jawatan-jawatan penting dibolot oleh mereka, setelah sebahagian besar tokoh Umno disingkirkan. Selama 11 tahun Anwar berjaya mengatur strategi politiknya dengan baik sekali, sudah tentu Anwar tidak akan membiarkan sebarang anasir merosakkan segala perancangannya selama ini. Inilah yang kita bimbangkan. Mana tahu Anwar akan bertindak lebih ganas dan keras daripada apa yang dilakukan oleh Mahathir bagi menjamin kerusi PM tidak jatuh ke tangan orang lain.

# 29

# KEPERLUAN *CHECK AND BALANCE* DALAM KABINET ANWAR

Anwar sudah sah menang. Anwar sudah sah jadi Timbalan Presiden Umno. Anwar sudah pasti diangkat sebagai Timbalan Perdana Menteri. Kemungkinan Anwar terus mendaki ke puncak sebagai seorang PM cukup cerah. Perbahasan tentang *Anwar Lawan Ghafar* tidak relevan lagi. Orang tak mahu bincang lagi pasal itu. Buang masa saja. Yang orang nak tahu, apakah semua yang berada dalam klik Anwar boleh menang atau tidak. Dan Anwar nampaknya begitu bersungguh-sungguh memastikan semua anggota kliknya menang, jangan sampai seorang pun tertinggal.

Hebat Anwar; beliau bukan saja mahu memastikan sokongan bulat daripada seluruh ahli-ahli Umno, malah mahu memastikan tidak ada seorang pun tokoh yang tidak sealiran dengannya menduduki kepimpinan tertinggi Umno. Tapi kerja itu bukan mudah. Wang ditabur, janji disembur, hasil belum tahu. Kehebatan Pak Lah dan Sanusi tidak boleh dipandang rendah. Apatah lagi bila istilah *check and balance* dipopularkan oleh penyokong-penyokong Pak Lah. Seperti juga istilah angin perubahan, istilah *check and balance* ini menjadi kata-kata sakti yang boleh meranapkan harapan Anwar. Dilihat dari personaliti Anwar dan caragayanya berpolitik, tidaklah begitu sukar untuk meyakinkan perwakilan Umno mahu *check and balance* ini perlu diwujudkan dalam barisan tertinggi kepemimpinan parti.

"Anwar bukan mahu dengar sangat cakap orang. Dia pandang orang lain tak tahu apa, hanya pandangan dia saja yang betul. Masa dalam ABIM dulu pun macam itu," dakwa seorang bekas penyokong ABIM, tetapi tidak berminat untuk menyertai Umno.

"Anwar adalah seorang makhluk politik yang cukup rakus. Semua mahu dicapainya

dalam masa yang singkat. Siapa saja yang menghalang akan dimusnahkannya. Maaf cakaplah, orang macam Anwar ini, sejak lahir lagi sudah bercita-cita nak jadi PM. Hang pun Lutfi, ingat-ingat sikit, jangan pakai bedal saja Anwar, ke Kemunting nanti," seorang peguam, teman baik saya, memberi nasihat. Malangnya nasihat itu tidak dapat saya praktikkan lagi sekarang.

Dari cakap-cakap dengan orang di luar Umno, ramai merasakan perlunya *check and balance* dalam kepimpinan Umno. Sewaktu pembangkang belum berjaya menafikan majoroti dua pertiga Barisan Nasional di Parlimen, *check and balance* itu sewajarnya datang dari dalam Umno sendiri. Nak harapkan MCA tentu mereka tak berani bersuara. MIC, apatah lagi, semua kecut perut dengan Anwar. Lim Kit Siang? Bolehlah meriahkan persidangan Parlimen, tetapi kesannya tak ada. Semangat 46 dan PAS perlu banyak masa lagi untuk mewujudkan unsur *check and balance* yang berkesan kepada kerajaan.

*Check and balance* ini bukannya akan dipergunakan oleh pembangkang untuk kepentingan mereka. Malahan rakyat awam, ahli-ahli Umno yang masih ikhlas berjuang, individu yang mengharapkan rahmat keadilan, akan beroleh manfaat jika unsur *check and balance* dapat memainkan peranan yang baik dalam Umno. Sekurang-kurangnya semua aliran pandangan dalam Umno akan diwakili di peringkat Majlis Tertinggi. Dengan itu Majlis Tertinggi benar-benar akan menjadi forum yang sesuai untuk semua pihak mengemukakan pandangan, mengeluarkan bantahan, membincangkan idea, secara terbuka dan suasana yang sihat.

Seandainya pandangan dan suara kumpulan yang kalah langsung tidak diwakili di peringkat Majlis Tertinggi, proses demokrasi dalam Umno tidak dapat dijalankan dengan baik. Sesungguhnya pihak yang menang tidak seharusnya membolot segala kesenangan dan peluang, sementara pihak kalah hilang segala-galanya. Pertandingan dalam Umno adalah pertandingan keluarga, bukannya pertandingan antara parti pemerintah dengan parti pembangkang. Jadi apa yang ditakutkan sangat dengan pandangan yang tidak sealiran dengan pandangan Timbalan Presiden.

Lagipun, bukankah yang memerintah negara ini Mahathir? Bukankah yang menjadi Timbalan Presiden adalah Mahathir? Bukankah yang mengetuai Kabinet adalah Mahathir? Bukankah yang berkuasa melantik mana-mana menteri yang disukai adalah Mahathir? Anwar belum jadi PM. Anwar belum jadi Presiden parti. Anwar belum jadi Pengerusi Barisan Nasional. Oleh itu pertimbangan sekarang ialah siapa yang boleh bekerja dengan Mahathir, bukannya siapa yang boleh bersekongkol dengan Anwar. Heiii ... Anwar belum jadi PM-lah. Apa yang sibuk-sibuk sangat tentang Pak Lah dan Sanusi tak boleh ngam dengan Anwar. Mahathir belum berhenti lagilah. Mahathir masih orang no. 1 di Malaysia.

Bukankah tugas Naib-naib Presiden Umno adalah untuk membantu Presiden parti, iaitu Mahathir, bukannya Anwar sebagai Timbalan Presiden Umno? Apakah kalau terlantik Pak Lah atau/dan Sanusi, Presiden Umno tidak mendapat sokongan bulat dari mereka? Kalau juak-juak Umno mempertikai kenapa perlu *check and balance* bagi mengawasi kerja-kerja Presiden, kita juga boleh bertanya, kenapa perlu dibentuk klik yang boleh bekerja dengan Anwar, sedangkan yang mahu dibantu ialah Mahathir, bukannya Anwar? Apakah nanti

Malaysia akan diperintah oleh Mahathir-Anwar, mengulangi pentadbiran Mahathir-Musa yang akhirnya tidak sehaluan itu? Apakah kesetiaan nantinya akan sepenuhnya tertumpah kepada Anwar, bukannya Mahathir?

Istilah *check and balance* hanya timbul selepas dipopularkan istilah angin perubahan dan Anwar membentuk klik *Team Wawasan*. Ia bukan bertujuan mewujudkan kumpulan pengawas kepada Presiden parti, Mahathir. Ia difokuskan kepada Anwar, yang sudah pasti menjadi Timbalan Presiden selepas ini, dan selang tidak beberapa lama nanti sebagai Presiden. Dan kempen *Team Wawasan* seolah-olah menunjukkan Presiden Umno sudah pun Anwar Ibrahim. Jika Anwar tidak membentuk klik, rasanya tidak timbul istilah *check and balance*. *Check and balance* timbul bila dilihat Anwar sudah naik tocang, hanya mahu orang-orang tertentu menjadi regunya, dan menampakkan ciri-ciri seorang diktator. Tapi bukankah *check and balance*, jika diamalkan dengan baik, dalam semua keadaan ia akan menjadi faktor yang cukup positif? Mengapa takut dengan kritikan? Mengapa gentar dengan nasihat? Mengapa gerun dengan teguran?

Pening kepala Anwar dengan angin *check and balance* ini. Deru ombak *check and balance* boleh mengatasi taufan angin perubahan. Makna angin perubahan sukar untuk ditafsirkan seperti mudahnya penerimaan *check and balance*. Orang ramai perlu disyarahkan definisi angin perubahan selama dua atau tiga jam. Anwar, Najib, Muhd Taib, Muhyidin dan Rahim perlu keliling Malaysia berkempen menjelaskan apa itu angin perubahan, tetapi sekali disebut *check and balance* kita boleh faham apa maknanya. Angin perubahan? Apa yang mahu diubah? Kenapa perlu diubah? Bukankah Mahathir masih ada? Apakah Wawasan 2020 tajaan Mahathir tidak diperlukan lagi. Kalau setakat mendokong Wawasan 2020, seperti yang tertonjol pada gelaran *Team Wawasan*, ia tidak sesuai digelar angin perubahan, itu hanya satu kesinambungan. Menggantikan Ghafar dengan Anwar bukannya satu perubahan besar. Sebaliknya menggantikan Mahathir dengan Anwar barulah boleh disebut perubahan yang dinanti-nantikan itu.

*Check and balance* tidak bermakna menjemput unsur pertelagahan, pertengkaran, dendam kesumat bersarang dalam Majlis Tertinggi. *Check and balance* hanya mahu memastikan setiap pandangan dari pelbagai kumpulan diwakili. Menyapu sampah ke bawah karpet bukannya tindakan yang bijaksana. Begitu juga dengan kepelbagaian idea dalam Umno, ia harus dikumpulkan, dimatangkan, dibahaskan, dimasakkan, bukannya dipendamkan begitu sahaja. Nanti ia bertukar menjadi seperti api dalam sekam. Bila ahli-ahli Umno memprotes secara senyap dari bawah kerana suara mereka tidak diwakili di peringkat Majlis Tertinggi, suasana ketika itu akan menjadi lebih tidak stabil.

Menolak unsur *check and balance* hanya menunjukkan ego yang tinggi pada Anwar. Anwar seharusnya mengalu-alukan sesiapa saja yang menang dalam pertandingan Naib Presiden Umno nanti. Malangnya Anwar sebagai bakal PM sendiri yang mempelopori klik, satu istilah yang tidak digemari dalam politik Umno. Anwar wajar bertindak sebagai seorang bapa, bukannya seperti seekor helang atau ular, macam yang dibayangkan dalam Seminar Melayu Baru tajaan Muhd Taib. Ini tidak, Anwar nampaknya tidak dapat menerima orang-orang kanannya, selain Muhd Taib, Najib, Muhyidin dan Rahim. Bagaimana kalau Pak Lah

menang? Bagaimana kalau Sanusi berjaya mempertahankan jawatan? Takkan kacau nanti dibuatnya sebab Anwar sudah siang-siang lagi menolak mereka sebagai regunya.

Anwar harus menjadi pendamai. Mereka yang kalah dan menang dalam pertandingan jawatan Naib Presiden semuanya pemimpin-pemimpin Umno yang telah menabur bakti kepada parti; sebahagiannya menyumbang jasa, lama sebelum Anwar masuk Umno. Anwar mesti menghormati mereka semua. Anwar harus mengenang jasa setiap antara mereka. Jalan yang paling baik Anwar buat ialah berkecuali, memberikan peluang seluas-luasnya kepada semua tokoh yang bertanding. Anwar tidak wajar bergelut dalam kancah pertarungan peringkat Naib Presiden, biarkanlah Najib, Muhd Taib mahupun Muhyidin bertanding: "pandai-pandai engkaulah." Mereka pun bukannya kecik-kecik anak, masing-masing ada bakat, ada potensi, ada peluang, ada duit, ada kedudukan, ada pengaruh tersendiri.

Anwar nampaknya berjudi dengan strateginya sendiri. Bayangkan kalau Pak Lah menang, kalau Sanusi menang, tentunya gabungan Kabinet nanti menjadi tempang. Tapi ia bukan salah Pak Lah atau Sanusi. Anwar sendiri awal-awal lagi menolak mereka, menyifatkan mereka sebagai pengacau, yang tidak boleh digolongkan dalam *Team Wawasan*, yang tidak mahu menerima angin perubahan. Sepatutnya *Team Wawasan* itu adalah seluruh anggota Kabinet Mahathir, Pak Lah masing mendapat kepercayaan Mahathir. Sanusi pun apa kurangnya. Semuanya pernah rapat dengan Mahathir, lama sebelum Anwar masuk Umno.

Kalau Pak Lah dapat pertahankan jawatannya sebagai Naib Presiden Umno tentunya Pak Lah akan diberikan jawatan kanan dalam Kabinet. Begitu juga dengan Sanusi. Tapi disebabkan Anwar sudah menggolongkan mereka bukan dalam *Team Wawasan*, sudah pasti Anwar akan melobi Mahathir supaya tidak memilih Pak Lah dan Sanusi ke jawatan kanan. Umum mengetahui bahawa lobi Anwar cukup kuat pengaruhnya. Mahathir terpaksa menerima apa saja nasihat dan tekanan dari Anwar. Mampukah Sanusi dan Pak Lah kekal di posisi sekarang? Atau mungkinkah Sanusi akan tersingkir terus? Bukan kita tak tahu apa sikap Anwar terhadap Sanusi, begitu juga sebaliknya. Ini akan membuatkan perasaan tak puas hati itu menjadi barah dan sedikit demi sedikit Umno akan menerima bahananya. Mungkin di kala itu Anwar akan menyalahkan Sanusi atau Pak Lah, yang dikatakan tidak dapat memberi kerjasama yang penuh. Pak Lah dan Sanusi akan ditohmahkan sebagai gunting dalam lipatan. Walhal yang mula menimbulkan perpecahan ini ialah Anwar bila dia mempelopori klik *Team Wawasan*.

Asyik mendengar leteran saya pun tak sedap juga, cuba kita lihat idea orang-orang Anwar yang menolak unsur *check and balance* dalam kepimpinan tertinggi Umno, tulisan Ruhanie Ahmad, bekas orang kanan Musa, yang kini beralih angin ke kem Anwar:

"Pucuk kepemimpinan Umno sewajarnya terdiri daripada pejuang yang sehati dan sejiwa, yang senada dan seirama, yang sederap dan selangkah, umpama aur dengan tebing, gunung sama didaki, lurah sama dituruni. Amat rugi jika Umno diberi jemaah kepemimpinan tertinggi yang tempang dan pincang akidah perjuangannya, cemburu mencemburui antara satu sama lain, bersikap gunting dalam lipatan, bersifat talam dua muka, berperilaku baling batu sembunyi tagan ataupun berprinsip pagar memakan padi.

"Hakikat keserasian ini wajar dititikberatkan supaya Umno yang akan melangkah ke dekad 21 jadi lebih kuat, bertenaga dan progresif. Ini juga penting untuk mengelakkan ahli-ahli Umno daripada dikelirukan supaya memilih golongan yang bertelagah sikap, pendirian dan pandangan.

"Kini memang tersebar dakyah kononnya sesuatu barisan kepemimpinan yang sehaluan dan sehati sejiwa akan melemahkan Umno. Barisan seperti ini kononnya akan menyelewengkan perjuangan parti. Barisan sebegini juga kononnya akan memungkinkan amalan pilih kasih, neopotisme, pecah amanah atau kesambilewaan yang boleh menjejaskan parti. Mereka mengatakan bahawa pucuk kepemimpinan tertinggi parti mesti mempunyai golongan *check and balance* kononnya untuk mengawasi sebarang penyelewengan dan kemunafikan.

"Perkataan *check and balance* adalah satu *jargon* yang popular dalam politik. Istilah ini mudah mencetuskan emosi. Ia sering digunakan untuk mengabsahkan atau menghalalkan wujudnya golongan yang bertelagah. Istilah ini didakyahkan sebagai bermaksud bahawa sesebuah organisasi mestilah mempunyai kumpulan pengawas kononnya supaya perjalanan parti tidak akan tergelincir daripada matlamat asalnya.

"Umno tidak memerlukan *check and balance* dalam bentuk kehadiran pemimpin yang berfikiran dan berpendirian kontra dengan majoriti angkatan kepemimpinan parti seluruhnya. Umno yang akan memasuki episod perjuangan yang kritikal pada masa akan datang tidak memerlukan golongan yang seolah-olah mahu mewujudkan parti dalam parti. Apakah akan terjadi kepada Umno jika barisan kepemimpinan tertingginya terdiri daripada pasukan pejuang yang akan diganggu-gugat oleh segelintir pemimpin yang mementingkan *check and balance*?

# 30

# MENJEJAKI PERLETAKAN JAWATAN MUSA HITAM

Sudah dua orang Timbalan Perdana Menteri di bawah Mahathir Mohamad meletakkan jawatan. Pertama, Musa Hitam. Kedua, Ghafar Baba. Kata seorang teman, dalam penerbangan dari Pulau Pinang ke Subang, pemimpin sebuah parti pembangkang, 16 Oktober 1992, jam 9.45 pagi: "Tidak mustahil menyusul yang ketiga pula?"

"Sebelum Mahathir membuatkan timbalannya yang ketiga letak jawatan, timbalannya itu sendiri yang akan memaksanya meletakkan jawatan. Mahathir pun dah tua," celah saya.

Musa banyak cacat celanya. Ghafar banyak kelemahannya. Mahathir pun apa kurang. Tapi bila kedua-dua timbalannya letak jawatan, tanda tidak lagi boleh bekerja dengannya, tentulah ada sesuatu yang menarik dengan Mahathir.

Mahathir bukan sahaja bijaksana memaksa dalam diam timbalannya meletakkan jawatan, malahan kebolehan Mahathir yang lebih hebat ialah memaksa, pertama secara terang, kedua secara gelap, dua orang Perdana Menteri meletakkan jawatan. Pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Kedua, Almarhum Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia yang ketiga.

Misinya yang pertama, mengetepikan Almarhum Tunku Abdul Rahman, dibantu dengan jayanya oleh Anwar Ibrahim. Misinya yang kedua, mengetepikan Almarhum Tun Hussein Onn, dikatakan dibantu secara diam-diam oleh Sanusi Junid dan Abdullah Ahmad Badawi. Ketiga-tiga tokoh yang membantu Mahathir itu ialah Naib-naib Presiden Umno 1990-93.

Mahathir telah menunjukkan dengan jelas kepada umum, jasa Anwar telah dibalasnya. Namun, penyokong Sanusi dan Pak Lah, tentunya amat tidak puas hati dengan layanan Mahathir terhadap Sanusi dan Pak Lah selepas kehadiran Anwar.

Apa pun, itu semua cerita lama. Orang tak mahu dengar kisah-kisah purbawara lagi. Orang sekarang mahu angan-angan, mahu wawasan; kalaulah Mat Jenin masih ada, tentulah orang-orang Umno terpukau dengannya.

"Bukankah orang yang paling hebat angan-angannya sekarang ialah Sanusi? Cuba kaji idea-ideanya, tak terfikir oleh kita. Sedih juga kalau Sanusi tersingkir nanti," kata seorang sahabat, juga penulis buku-buku politik.

Kita belum nampak apa alasan Ghafar, apa isi kandungan surat perletakan jawatan Ghafar. Tapi kita tentu belum lupa apa isi surat letak jawatan Musa Hitam. Elok juga, kita membaca kembali surat Musa itu, untuk *relax*kan otak dalam musim pertandingan cacamarba ini, bertarikh 27 Februari 1986:

"Seperti Saudara YAB sedia termaklum, saya telah menyatakan hasrat saya meletak jawatan di dalam percakapan kita pada 27 Januari 1986, iaitu sebelum saya bertolak ke Davos, Switzerland.

"Sekarang, setelah menggunakan waktu cuti saya dengan fikiran yang tenang, waras serta penuh keinsafan, saya dengan ini mengambil keputusan muktamad meletakkan jawatan saya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan semua jawatan yang berkaitan dengannya, iaitu termasuk Menteri Dalam Negeri, berkuatkuasa daripada 16 Mac 1986. Surat rasmi saya disampaikan berasingan.

"Saya menulis surat ini kepada Saudara selaku Presiden Umno berkaitan dengan jawatan saya selaku Timbalan Presiden.

"Berlanjutan daripada perletakan jawatan saya selaku Timbalan Perdana Menteri, saya dengan ini juga meletak jawatan saya selaku Timbalan Presiden Umno dan semua jawatan berkaitan dengannya, iaitu berkuatkuasa daripada 16 Mac 1986.

"Sungguhpun saya tidak menghuraikan sebab-sebab saya meletak jawatan-jawatan berkenaan dalam surat rasmi saya kepada Saudara selaku Perdana Menteri, saya fikir perlu saya jelaskannya dalam surat saya ini kepada Saudara selaku Presiden Umno.

"Saudara tentu ingat bahawa pada malam sebelum Perhimpunan Agung Ummo tahun lalu, Saudara telah membangkitkan soal bagaimana ada di kalangan ahli-ahli Majlis Tertinggi yang kesetiaannya kepada Saudara dipersoalkan.

"Bukan itu sahaja, berbagai-bagai cakap negatif dan tohmah telah, dikatakan oleh Saudara, menimbulkan keadaan tidak sihat dan berpotensi perpecahan di kalangan parti kita Umno sendiri.

"Kata-kata Saudara begitu serius dan tegas, lebih-lebih lagi apabila Saudara meminta ahli-ahli Majlis Tertinggi membuat kenyataan taat setia, hinggakan suasana begitu tegang dan resah di kalanmgan para anggota Majlis.

"Boleh dikatakan semua ahli tertanya-tanya siapakah yang dimaksudkan oleh Saudara. Saya sendiri begitu juga dan cuba meramalkan siapakah yang dimaksudkan oleh Saudara, dengan tidak terlintas langsung di hati saya penglibatan diri saya sendiri, berasas kepada perhubungan kita berdua yang saya percaya waktu itu begitu baik dan rapi.

"Maka, berasas kepada keadaan sedemikianlah, apabila saya diberi peluang berucap di Perhimpunan Agung yang berkenaan, saya memutuskan bahawa perlu saya bantu Saudara dengan kenyataan sokongan penuh saya sendiri, Majlis Tertinggi dan para perwakilan ke atas kepimpinan Saudara selaku Presiden dan Perdana Menteri.

"Kenyataan ini saya buat dengan spontan, ikhlas dan penuh kepercayaan diri sendiri atas sokongan saya kepada Saudara.

"Pada 15 Januari 1986, dalam mesyuarat Majlis Tertinggi, sungguhpun sudah begitu larut malam, Saudara telah sekali lagi menimbulkan keadaan dan suasana resah dan tandatanya di kalangan ahli-ahli Majlis apabila Saudara membangkitkan soal berbagai-bagai tohmah ke atas diri Saudara selaku Perdana Menteri.

"Saudara telah lebih serius, tegas dan khusus lagi kali ini dibandingkan dengan kali dahulu.

"Dalam kenyataan-kenyataan Saudara, serta setelah ditanya oleh beberapa orang ahli, Saudara menjelaskan bahawa, di antaranya:

1. Tohmah-tohmah ini menyatakan kononnya Saudara adalah seorang Perdan Menteri yang diktator, korup dan terkaya sekali di dunia.

2. Tohmah-tohamh ini merupakan tekanan yang begitu berat ke atas Saudara hingga ia menjejaskan kemampuan Saudara dalam menjalankan tugas-tugas rasmi Saudara yang lebih besar dan penting lagi memerlukan perhatian.

(Begitu serius hingga pada esok harinya Saudara memberitahu saya bahawa pada malam itu juga *"I was determined to resign."*)

3. Tohmah-tohman ini kuat berbau politik dan bertujuan menjatuhkan Saudara.

4. Dan, tohmah-tohmah ini datang dari kalangan orang-orang kanan dalam parti danb kerajaan yang tidak sabar hendak mengambil alih tempat Saudara.

"Selama ini saya penuh kepercayaan bahawa hubungan kita berdua begitu *relax*, rapat dan mesra seolah-olah adik beradik. Sungguhpun pada awal-awal waktu kita berdua bertanggungjawab selaku Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri hinggalah akhir-akhir ini, saya berasa begitu mesra tiap-tiap kali selepas Saudara menunjuk ajar atau menegur saya dalam berbagai-bagai hal baik rasmi mahupun peribadi.

"Apabila saya mendengar semua kenyataan-kenyataan Saudara di malam 15 Januari itu, dengan begitu teliti, saya lebih lagi tertanya-tanya malam itu juga atas siapakah yang dimaksudkan.

"Pada keesokan harinya bertanyalah saya pada Saudara sama ada saya sendiri terlibat.

"Kesimpulan jawab Saudara ialah "ya".

"Saya pada mulanya berasa sangat-sangat tersinggung, kecewa dan terperanjat serta tidak percara mendengarnya. Dalam percakapan kita pada pagi itu yang agak hangat, saya telah menafikan sekeras-kerasnya tohmah-tohmah Saudara ke atas diri saya itu.

"Malangnya, tiap-tiap kali saya membuat penafian dalam percakapan itu, Saudara

berkali-kali juga menyatakan bahawa "begitu banyak pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan wartawan-wartawan telah melaporkannya. (*"Too many senior Government officalis and jounalists ...."*)

"Implikasinya ialah bahawa saya terlibat dalam satu pergerakan bertujuan menjatuhkan Saudara seperti dihuraikan oleh Saudara dalam mesyuarat Majlis Tertinggi itu.

"Memandangkan kenyataan di atas, tentulah Saudara sendiri dan, saya percaya, ahli-ahli Majlis Tertinggi bersependapat dengan saya bahawa saya tidak ada pilihan lain melainkan mengundur diri supaya meringankan beban tekanan-tekanan yang begitu serius ke atas diri Saudara.

"Ini juga akan membolehkan Saudara mentadbirkan parti dan negara kita atas nama seluruh anggota parti dan rakyat jelata dengan lebih berkesan lagi dalam keadaan pemikiran Saudara yang tenang dan tidak diganggu-gugat oleh sesiapa juga, khususnya orang nombor dua Saudara sendiri.

"Soal pokok di sini ialah soal kesetiaan dan kepercayaan. Pastilah bahawa Saudara mempersoalkan kesetiaan saya dan kepercayaan Saudara atas diri saya menimbulkan tandatanya pula. Sepertimana Saudara mementingkan kesetiaan dan kepercayaan ini, saya juga sependapat dengan Saudara.

"Perlu juga saya sebutkan di sini - sungguhpun sekarang merupakan sejarah - bahawa saya berasa sangat-sangat megah di atas apa yang saya sangka sebagai hubungan rapi kita berdua sebelum timbul tohmah-mentohmah ini.

"Tiap-tiap kali disebut atau dipersoalkan oleh sesiapa pun hubungan kita - lebih-lebih lagi bila khabar-khabar angin begitu kencang menyatakan kita sudah renggang dan berbalah - saya sentiasa menafikannya serta menyatakan: "*Alhamdulillah*, Perdana Menteri dan saya begitu rapi hubungannya." (*Thank God PM and I are very close in our relationship.*)

"Percakapan kita pada pagi sebelum saya bertolak ke Davos, iaitu 27 Januari 1976, lebih tegang dan merenggangkan serta menekan kepada saya.

"Saudara telah membangkitkan begitu banyak lagi perkara-perkara yang Saudara mengkritik saya. Khususnya, di antara lain, beberapa orang yang saya rekomen begitu buruk *perfomance*nya, (prestasinya).

"Budak-budak" saya, (*my boys*) begitu banyak mencemarkan nama Saudara, dan lain-lain lagi.

"Saya sengaja tidak menjawab oleh sebab ini akan cuma lebih memburukkan suasana dan perasaan negatif Saudara atas diri saya.

"Cuma saya mengambil kesempatan di sini mengingatkan kembali bahawa waktu kita berdua terkeluar daripada kerajaan/parti selepas 13 Mei 1969 dahulu, di antara faktor-faktor penting menyebabkannya ialah "budak-budak dia", walaupun sekarang kita pasti bahawa Perdana Menteri waktu itu tidak tahu-menahu mengenainya.

"Sepanjang masa saya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, saya mengaku memanglah ada beberapa dasar serta cara-cara perlaksanaan dasar atas nama kerajaan

pimpinan Saudara yang saya sendiri persoalkan.

"Tetapi, banyak daripadanya saya beritahu kepada Saudara sendiri dalam pertemuan-pertemuan yang begitu kerap kita adakan. Pada dasarnya, saya menerima hakikat bahawa Saudaralah Perdana Menteri dan lagi, prinsip tanggungjawab bersama atau *collective responsibility* saya terima.

"Saudara juga telah saya maklumkan beberapa kali bagaimana saya ingin bersara oleh kerana saya bosan dengan politik wang (di mana saya mengatakan saya tidak mampu bertanding lagi) dan penyalahgunaan kuasa bagi kepentingan politik dan sebagainya.

"Permintaan saya bersara Saudara minta tangguhkan dan saya menghormatinya.

"Walau bagaimanapun, nampaknya Saudara lebih menjangka saya bermain politik bertujuan menjatuhkan Saudara daripada benar-benar mahu bersara.

"Tohmah Saudara ke atas diri saya merupakan tamparan yang begitu hebat kepada maruah dan kredibiliti saya, lebih-lebih lagi selama ini saya sangka Saudara sendiri menerima peranan saya sebagai orang sokongan kedua kepada Saudara.

"Adakah perletakan jawatan saya ini merupakan *sabotage* kepada Saudara atau parti? Adakah ianya merupakan *excuse* saya berhenti? Terpulanglah kepada kematangan sesiapa yang memikir atau membincangkannya.

"Tetapi, walau apa pun dikatakan nanti, saya fikir perlu saya huraikan sebab-sebab saya memutuskan meletak jawatan sekarang juga. Antara yang penting ialah:

1. Prinsip saya berkhidmat dan menjalankan tugas berasas kepada kepercayaan penuh (*faith*), komitmen dan dengan sukacita hati saya sendiri. Komitmen sudah merosot kerana tidak dipercayai dan sukacita hati sudah menjadi duka.

2. Walaupun saya buat sesuatu dengan cara apa pun, saya akan berbuatnya dengan takut-takut ditohmah atas motif kepentingan politik saya sendiri.

Kenyataan-kenyataan umum beberapa orang Menteri, (saya percaya kebanyakan mereka cuba membantu Saudara) dan Saudara sendiri atas "pihak-pihak tertentu" yang cuba "memecah-belah", "menjatuhkan kerajaan" serta "kita tahu siapa dia di dalam dan di luar parti" yange mencemarkan nama baik Saudara sebagai Perdana Menteri dan kata-kata khusus bahawa *"Doc cannot work together with Musa naymore but cannot do anything because Musa is to powerful now ...." Semua ini menekan fikiran saya.*

Tambah lagi aktiviti-aktiviti "komando-komando" dengan rancangan khusus mereka merisau fikiran saya atas potensi dan bahaya kita berpecah-belah dan saya dilibatkan.

4. Selagi lama saya terus memegang jawatan, selagi hebat tohmah-mentohmah berterusan. Kalau saya terus bekerja kuat, ini akan disalah-tafsir; kalau sebaliknya lebihlah lagi.

Sebenarnya saya bercadang meletak jawatan sebaik sahaja pulang dari Davos. Tetapi, saya telahpun meminta supaya lawatan Saudara ke Johor pada 20 dan 21 Februari 1986 disambut secara besar-besaran dan dijayakan.

5. Dengan saya meletakkan jawatan sekarang, ini akan membolehkan Saudara memilih

orang yang Saudara percaya penuh bagi membantu Saudara berhadapan dengan rakyat nanti.

"Ini akan mengekalkan juga perpaduan parti dengan saya sendiri tidak menentang Saudara atau mengecam Saudara.

"Dalam keadaan sebegini, saya ada dua pilihan, iaitu:

i. Berdiam diri dan bersabar (ini sudah dijawab di (4) di atas); atau,

ii. Beralah.

"Saya memilih (ii) sebab ianya sebaik-sebaik untuk parti kita.

*"Saya sedar dan insaf ahli-ahli parti, lebih-lebih lagi yang memang menentang saya, akan mengecam saya menyatakan saya* sabotage, *tak sayang parti dan sebagainya.*

"Tetapi pada hemat saya, kalaulah saya hendak disalahkan, kesalahan saya hanyalah bahawa saya sedia mengorbankan diri saya bagi membuktikan bahawa saya beralah dan tidak mahu difitnah mengancam kedudukan Saudara.

"Untuk membuktikan saya tidak ada tujuan "bermain politik" atau terus membebankan Saudara, saya akan berada di luar negeri sebaik sahaja saya serahkan surat ini.

"Ini ialah bagi mengelakkan diri saya daripada ditanya atau dipujuk rayu orang orang-orang atau budak-budak saya. Orang-orang atau budak-budak saya ini semua pula tentulah akan kecewa dengan saya. Tetapi, inilah nasib politik saya yang saya terpaksa hadapi sendiri.

"Ketiadaan saya dalam negeri juga akan mengurangkan perlunya saya sendiri terlibat dalam perbincangan umum atas soal perletakan jawatan saya ini dan dengan itu mengelakkan kekeruhan suasana.

"Saya serahkan baik buruk nama saya kepada kebijaksanaan Saudara sendiri dan rakan-rakan lagi. Cuma saya berdoa ke hadrat Ilahi, janganlah hendaknya saya difitnah atau dicari-cari salah pula nanti.

"Saya, dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, mengundur diri dengan rela hati.

"Moga-moga Allah tenangkan hati Saudara, kukuhkan iman Saudara suoaya dapat Saudara terus memimpin parti dan negara kita yang kita cintai ini.

"Saya akan sentiasa berdoa supaya niat baik Saudara hendak memimpin negara kita ke arah satu negara yang maju dan bermaruah akan tercapai.

"Akhir sekali, mengikut adat Melayu dan ajaran agama suci kita, saya menuntut maaf di atas apa-apa jua yang tersalah silap saya lakukan kepada Saudara sendiri, semua ahli-ahli Majlis Tertinggi dan seluruh anggota parti sepanjang masa saya berkhidmat.

"Selamat berkhidmat dan selamat maju jaya."

Dalam satu kenyataan akhbar, yang dibacakan oleh ketua delegasi yang berusaha memujuk Musa menarik balik surat perletakan jawatannya, Wan Mokhtar Ahmad, sekembalinya dari London, pada 14 Mac 1986, Musa menyatakan:

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Majlis Tertinggi Umno, Jawatankuasa Perhubungan Umno negeri Johor serta seluruh ahli-ahli Umno yang telah memandang berat di atas perletakan jawatan saya daripada jawatan-jawatan dalam kerajaan dan parti baru-baru ini.

"Kepada Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Perhubungan Umno negeri Johor khususnya, saya sampaikan ucapan terima kasih di atas kesudiaan mereke bertemu saya dan dengan bersungguh-sungguh dan sabar bertukar-tukar fikiran dan pendapat dengan jujur dan ikhlas.

"Hasil daripada pertemuan-pertemuan itu, saya suka membuat kenyataan berikut:

"Saya tidak pernah merajuk dalam hal ini. Oleh itu, tidak perlulah saya dipujuk.

"Soal pokok ialah soal kesetiaan dan kepercayaan. Sebenarnya, pada hemat saya, kedua-dua Perdana Menteri dan saya, bersependapat di sini.

"Prinsip sistem demokrasi berparlimen hendaklah difaham sedalam-dalamnya dan diterima. Perdana Menteri hendaklah diberi kebebasan menubuh pasukan Kabinetnya yang dia sendiri berkepercayaan penuh. Lebih-lebih lagi orang nombor duanya.

"Tujuan saya meletakkan jawatan ialah untuk memberi jalan dan peluang kepada Perdana Menteri, berasas kepada prinsip ini.

"Saya mengaku ada juga dasar dan pelaksanaannya yang selama saya dalam kerajaan, yang saya tidak bersetuju dengannya. Tetapi, ini tidak menjadi masalah berasaskan kepada prinsip demokrasi berparlimen di mana tanggungjawab bersama saya terima dengan senang hati dan sabar.

"Soal perletakan jawatan-jawatan saya ini tidak boleh dianggap personal oleh sebab yang terlibat ialah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri negara kita.

"Saya memberi notis 16 Mac 1986 untuk memberi masa kepada Perdana Menteri (itu pun pendek) memilih ganti saya. Tidak ada tujuan lain.

"Soal kena atau tidak masanya tidak dapat saya elak menghadapinya oleh sebab saya diberitahu atas kedudukan saya hanya waktu ini.

"Kedua-dua rombongan Majlis Tertinggi dan Perhubungan Johor telah menyampaikan rayuan ahli-ahli Umno supaya saya menarik balik perletakan jawatan semua jawatan-jawatan saya dalam parti dan kerajaan.

"Saya diberitahu bahawa Umno sedang bergelora dan parti kita terancam. Saya juga dinasihatkan supaya dari sudut kepentiungan perpaduan parti, sebaik-baiknyalah saya sekurang-kurangnya menarik-balik perletakan jawatan saya sebagai Timbalan Presiden.

"Nasihat ini saya terima sebagai ikhlas dan saya dengan ikhlas juga dengan ini, setelah berbincang, dan berpandukan serahan diri saya kepada takdir Ilahi, menarik balik perletakan jawatan saya sebagai Timbalan Presiden Umno.

"Saya suka menegaskan bahawa saya tidak pernah merancang menjatuhkan YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sebaliknya, rekod saya boleh membuktikan bahawa saya telah bekerja bersungguh-sungguh cuba mempastikan kekesanan kepimpinannya.

"Dengan keputusan saya menarik-balik perletakan jawatan saya sebagai Timbalan Presiden Umno ini, saya suka menyeru kepada semua ahli-ahli Umno - yang bersimpati kepada saya ataupun sebaliknya - memberhentikan apa-apa juga aktiviti kecam-mengecam dan sebagainya dan mengetepikan apa juga perbezaan pendapat.

"Kita semua hendaklah merapatkan barisan kita menghadapi cabaran-cabaran masa kini, khususnya dalam konteks pilihanraya umum akan datang.

"Saya sendiri juga akan cuba berbuat semikian sejauh mana yang saya mampu, insya-Allah.

Bersatu, Bersetia, Berkhidmat!

Hidup Malaya

Merdeka.

# 31

# MELAYU BARU HANYA DALIH UNTUK KETEPIKAN GHAFAR?

Melayu Baru? Apa yang barunya? Apakah ia bermaksud berani mengetepikan orang-orang tua? Apakah ia bermakna Melayu yang tidak lagi hormatkan pemimpin-pemimpin lama? Apakah ia bererti mampu berbuat apa saja demi ketamakan kuasa dan kerakusan jawatan tinggi? Apakah ia ditandai dengan hilangnya semangat permuafakatan dalam memilih ketua, bermata duitan, pijak kepala orang untuk naik ke atas?

"Aku rasa konsep Melayu Baru hanyalah helah untuk membuang pemimpin-pemimpin veteran dalam Umno. Kalau tidak ada slogan itu, tentunya ahli-ahli Umno akan mempersoalkan sikap pemimpin-pemimpin muda Umno yang ternyata gelojoh dan pelahap sekali. Sekarang, istilah Melayu Baru dijadikan alasannya," kata seorang pemimpin muda, yang simpati dengan nasib malang Ghafar.

"Melayu Lama tidak akan sanggup memperlakukan pemimpin yang banyak jasanya pada Umno dan negara, seperti yang diperlakukan oleh Anwar, Najib, Muhammad Muhd Taib dan rakan-rakannya yang lain. Melayu Lama menghormati pemimpin yang tua dan mereka akan memberikan ruang yang selesa kepada pemimpin tersebut untuk menghabiskan sisa-sisa waktunya bagi menabur jasa. Melayu Lama lebih sabar, sentiasa tenang dan tidak gopoh dan mudah melatah," rakannya menambah.

Seorang rakan yang lain, turut memberi komentar: "Melayu Baru lebih dahsyat daripada slogan yang dikemukakan oleh Musa Hitam dulu, iaitu Melayu mesti bersikap kurang ajar. Melayu Baru yang ada di depan kita ialah Melayu yang sanggup menabur duit membeli undi, Melayu yang tamakkan wang ringgit dan kemewahan dunia, Melayu yang hanya berpakaian baju Melayu tetapi nuraninya seperti Jepun yang tamakkan wang."

Semasa mengikuti Simposium Melayu Baru, anjuran bersama Perangsang dan Gapena,

pada 25 September 1993, di Shah Alam, seorang teman penyokong kuat Sanusi membisik ke telinga saya: "Apakah patut Melayu Baru mahu disamakan dengan burung garuda? Pernah kau tengok garuda, Lutfi?"

Saya hanya menggelang kepala, sambil menjawab, juga dengan nada bisikan: "Dalam filem Jins Shamsudin adalah."

"Itu semua dongeng. Garuda hanya khayalan, tidak wujud di alam kenyataan. Apakah Melayu Baru mahu berkhayal? Lagipun imej garuda adalah imej pemusnah bukannya imej pelindung. Jadi, apakah konsep Melayu Baru bermakna pemusnah, rakus, tamak, mementingkan diri sendiri, seperti yang dilambangkan oleh garuda," hebat juga teman saya ini berceloteh, mengulas secara langsung kertas kerja Tan Sri Azmi Wan Hamzah, Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, yang dibentangkan oleh setiausahanya.

Dan bila Baha Zain, seorang penyair dan usahawan, mengemukakan kertas kerjanya bertajuk "Melayu Baru; Mengisi Impian Melayu Baru dengan kesedaran Baru dan Hati Nurani Baru" sekali lagi teman saya itu mengomel.

Baha Zain mengambil hujah Sun Tzu untuk menunjukkan sebahagian ciri Melayu Baru, dalam tulisannya tentang Seni Peperangan China. Kata Sun Tzu, pemimpin harus *flexible* dan mempunyai naluri (instinct) ular - kala dipijak ekor, kepalanya mematuk; kalau dipijak kepala, ekornya akan membelit. Kalau dipijak di tengah-tengah badannya kedua-dua kepala dan ekornya akan mematuk dan membelit sekaligus. Oleh itu ikutlah resmi ular bagi menghadapi segala kemungkinan.

"Tadi Melayu Baru ala-garuda, sekarang sudah bertukar jadi ular pula. Apa nak jadi ni Lutfi. Melayu Baru sudah jadi macam binatang. Ini sudah banyak mengarut," dia terus berceloteh.

Saya tidak membantah dan tidak juga mengiakan. Masing-masing bebas memberi sebarang tafsiran. Ini kerana konsep Melayu Baru bukannya milik Muhammad Muhd Taib saja atau milik pemimpin Umno Baru saja. Oleh kerana ia melibatkan bangsa Melayu maka definisinya harus diisi oleh bangsa Melayu itu sendiri.

"Apa salahnya Melayu Lama? Apakah hanya kerana menghadapi pemilihan Umno, dan berbetulan dengan slogan angin perubahan maka terpaksa didengungkan dengan gema yang lebih kuat tentang konsep Melayu Baru? Melayu, tidak kira lama atau baru, pertamanya mesti kembali kepada ajaran agama Islam yang murni. Jangan cakap banyaklah, tidak jadi masalah kalau nak tiru Jepun, nak tiru Korea, nak saingi Singapura, atau apa saja, yang penting jangan tinggalkan tuntutan agama. Kalau agama suruh, buat sajalah. Kalau agama larang, tinggal terus, jangan cari alasan lagi. Itu yang asasnya," seorang yang agak berumur seperti memberi pesan kepada saya, semasa menjamah juadah di Simposium Melayu Baru itu.

Seorang rakan, dari Shah Alam, turut sama berhujah, sambil menunjuk kepada seorang peserta wanita: "Itukah ciri-ciri Melayu Baru, wanita yang memakai baju kurung, berselendang di dada, dengan rambut terdedah?"

Dalam wawancara dengan Dinsman dan Sutung Umar RS, wakil *Dewan Masyarakat*, Muhammad Muhd Taib memberikan definisi Melayu Baru secara tidak langsung. Katanya:

"Orang Melayu mestilah bersama-sama pemimpin negara mewujudkan golongan perniagaan, profesional dan korporat Melayu yang sanggup bukan sahaja bersaing di dalam negeri, tetapi juga di pentas dunia yang lebih besar. Mereka mesti keluar dan bersaing dengan para usahawan di seluruh Asia - Jepun, Korea, Taiwan, Hong Kong, Singapura, Negara Thai, dan sekarang Vietnam dan Selatan China pula baru muncul. Kalau kita tidak meningkatkan kecekapan dan kegigihan, tanpa nilai-nilai murni untuk ditanamkan ke dalam diri kita, maka kita pasti akan ketinggalan."

Seterusnya calon Naib Presiden Umno itu berhujah: "Itulah agenda penting bagi orang Melayu hari ini. Umno harus menonjolkan soal-soal ini. Kita telah berjaya memasukkan orang Melayu ke institusi pengajian tinggi dan keluar bekerja sebagai pegawai kerajaan, pengusaha dan sebagainya. Sekarang kita hendak orang-orang ini bukan hanya muncul sebagai pegawai dan pengusaha dalam negeri, tetapi berperanan di peringkat antarabangsa. Kalau Jepun boleh pergi ke luar, kita pun boleh pergi ke luar. Takkanlah kita akan terus menerima sahaja para pelabur dari Jepun, Korea dan Taiwan ke negara kita, tanpa kemampuan untuk bersaing dengan mereka di dalam dan di luar negara. Kalau begitu, kita seolah-olah diperalatkan sahaja. Kita, sebagai Melayu Baru, mesti mampu bersaing di peringkat antarabangsa, dalam pasaran dunia yang begitu luas. Jadi untuk mewujudkan Melayu Baru yang berfikiran dan bertaraf antarabangsa ini adalah agenda baru kepada Umno dan bangsa Melayu."

Muhammad menegaskan, untuk mewujudkan Melayu Baru, Umno mesti ke depan: "Mesti ada agendanya, mesti ada penggemblengan usaha, mesti ada program untuk menjayakannya. Kita tak boleh mengharapkan Melayu Baru ini, orang seperti Tan Sri Shamsuddin, tumbuh dengan sendiri, walhal orang lain di Jepun dan Korea misalnya mendapat bantuan, *full backing*, daripada kerajaan. Jadi kita harus ada program khusus untuk membantu peniaga dan pengusaha Melayu keluar bersaing di arena antarabangsa. Umno mesti memainkan peranan untuk melaksanakan program-program khusus secara lebih berkesan."

Bila saya unjukkan kandungan wawancara itu kepada seorang rakan, sepantas kilat dia mendengus: "Semuanya bercakap tentang ekonomi, seolah-olah kita ini, Melayu Baru ini, haiwan ekonomi. Apakah ini maju menurut acuan sendiri? Apa bezanya dengan acuan Barat? Apa bezanya dengan acuan Jepun? Apa bezanya dengan acuan Singapura? Apa bezanya dengan acuan Sweden? Siapa lagi mahu bercakap, mahu memikirkan dan mahu menangani soal akhlak yang semakin teruk, aqidah umat yang dipesongkan, keadilan yang makin pupus, kebenaran yang mudah dibeli dengan wang, kesetiaan yang cepat beralih kerana sogokan projek."

"Itu terlalu abstrak," kata saya. "Kau tak boleh salahkan orang jika tidak fikirkan masalah itu. Orang sekarang hanya mahu hidupnya makin mewah, boleh bertukar kereta baru dan beli banglo besar. Orang sekarang hanya bising kalau saham jatuh menjunam. Soal keadilan mereka tak faham. Di kampung-kampung mereka cukup puas kalau cukup makan, cukup pakai, cukup belanja anak ke sekolah. Mana mereka fikir tentang ISA, tentang Akta Mesin Cetak, tentang berapa orang tahanan dalam kem Kemunting. Budak universiti pun tak tahu apa ke bendanya Akta Universiti. Editor-editor suratkhabar pun tak merungut lagi pasal Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Yang kau sibuk-sibuk kenapa?" Tutup cerita. Titik.

"Okey, aku lebih realistik sekarang. Tapi aku mahu bukti. Aku mahu bukti pemimpin yang bercakap tentang Melayu Baru, tentang angin perubahan, menunjukkan mereka ikhlas berjuang untuk mengangkat martabat bangsa, bukannya untuk memenuhkan tembolok sendiri dan tembolok penyokong yang bermata duitan. Kalau dalam berkempen, duit ditabur berjuta-juta, fitnah disebarkan merata-rata, tak guna cakaplah. Dan berilah perwakilan Umno kebebasan untuk memilih. Jangan main ugut. Lawanlah cara anak jantan, senjata biar setanding, jangan meriam buluh nak dilawan dengan *Scud*," teman saya itu kembali tenang.

"Bukankah Mahathir sendiri ajar, walaupun musuh sekecil nyamuk tapi musnahkannya dengan sebesar-besar meriam. Biar hancur luluh. Jadi Anwar sekarang ikut cara itulah. Walaupun Ghafar sudah terduduk melutut, Anwar tetap tak puas hati. Anwar mahu kemenangan yang total, tanpa sebarang keraguan lagi. Anwar mahu cipta sejarah sebagai Timbalan Presiden yang mendapat dokongan sepenuhnya dari ahli-ahli Umno, termasuk perwakilan dari Jasin, Jerlun-Langkawi, Kepala Batas, Segamat dan juga Johor Baharu," saya memberi komentar ringkas.

Dan pandangan seorang peserta Simposium Melayu Baru, Haji Shaarani, tuan punya Shahpadu, cukup menarik untuk dibincangkan secara lebih mendalam. Beliau tidak bersetuju dengan istilah Melayu Baru. Katanya, istilah yang lebih sesuai ialah Melayu Bersih. Ini kerana Melayu Baru tidak semestinya Melayu yang bersih dan murni akhlaknya. Rasanya banyak juga sesuatu yang baru itu lebih jelik, lebih buruk, lebih kurang ajar, lebih tidak bersopan daripada yang lama. Yang lama tidak semestinya membawa makna usang atau kuno.

Ada pertautan yang erat antara konsep Melayu Baru, Wawasan 2020 dan istilah angin perubahan. Ia dipergunakan oleh *Team Wawasan* untuk "memukul mati" Ghafar dan mereka yang dekat dengannya. Saya merakamkan pandangan Ghafar tentang angin perubahan dalam buku terdahulu *Operasi Nyah 2*, antara lain maksudnya, kalau mahu membuat perubahan, seharusnya kepemimpinan tertinggi yang ditukar. Dan, lagi pula, apa sebenarnya definisi perubahan yang dimaksudkan Anwar.

Seperti kata Muhammad Abu Bakar: "Perubahan tanpa batas, perubahan yang tidak berlandaskan prinsip, dan perubahan yang tidak bermatlamat, adalah perkembangan yang tidak bererti dari segi kemajuan insan dan kebangunan kehidupan bertamadun. Perubahan seperti ini boleh bertukar menjadi suatu kegilaan, dan gejala-gejala seperti ini ternyata telahpun menguasai sebahagian daripada masyarakat Barat."

Sanusi Junid pernah mengulas hal perubahan ini: "Kalau mahu membuat perubahan tunjukkanlah perubahan positif di kementerian masing-masing ataupun bagi Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri di negeri masing-masing." Ya, kita ingin mengetahui apa perubahan yang dilakukan oleh Anwar di Pusat Islam, Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian, Kementerian Pendidikan dan kini Kementerian Kewangan. Apa yang Najib ubah di Kementerian Pertahanan, begitu juga dengan Sanusi di Kementerian Pertanian dan Pak Lah di Kementerian Luar. Khususnya bagi *Team Wawasan* dipersilakan menghuraikan perubahan yang dibawa oleh mereka.

Namun bagi Rustam A. Sani, Melayu Baru merupakan konsep yang penting lagi menarik. Di sebalik konsep ini tersirat suatu gagasan tentang perubahan atau transformasi menyeluruh - melibatkan bidang-bidang politik, ekonomi, budaya dan sebagainya yang perlu

dialami oleh orang Melayu dalam persediaannya untuk memasuki abad kedua puluh satu. Rustam kemudiannya memetik pandangan Mahathir yang mahukan bangsa Melayu merebut tempatnya yang sah bukan saja sebagai peserta, malah sebagai kelompok pentakrif, dalam rangka pembentukan bangsa Malaysia, dengan syarat orang Melayu mestilah ditrasformasikan menjadi bangsa Melayu Baru. Konsep Melayu Baru ini melibatkan perubahan menyeluruh terhadap segala aspek budaya orang Melayu, dan didefinisikan sebagai: "Bangsa yang mempunyai budaya yang sesuai dengan aliran zaman, yang sanggup menghadapi segala cabaran, yang dapat bersaing tanpa bantuan, yang terpelajar dan berilmu, canggih, jujur, berdisiplin, amanah, dan cekap."

Bagi Rustam, persoalan penerusan politik dan pembentukan bangsa yang realistik dan relevan bagi orang Melayu di negara ini adalah persoalan memastikan bahawa orang Melayu (sebagai pribumi) akan menjadi *bangsa pentakrif* bagi keperibadian negara-bangsa Malaysia.

Katanya: "Jika kita mahu menyimpulkan agenda sosio-politik orang Melayu dalam era pasca-kolonial negara ini, maka agenda itu adalah:

1. Memantapkan kedudukan ekonomi orang Melayu supaya setaraf dan setanding dengan kelompok-kelompok lainnya dalam negara-bangsa yang berbilang etnik sifatnya itu; dan

2. Memastikan bahawa keperibadian negara-bangsa tersebut ditakrof dan ditentukan berasaskan parameter sosio-budaya orang Melayu sebagai kelompok peribumi negara ini.

"Kedua-dua unsur agenda ini perlulah dicapai serentak, kedua-duanya harus menjadi semacam "dwi-tunggal" dalam persepsi dan visi politik orang Melayu memasuki dunia moden sebagai peserta dan anggota sebuah negara-bangsa moden. Akan tetapi, kerana penekanan keterlaluan yang diberikan sejak akhir-akhir ini terhadap satu aspek sahaja daripada agenda tersebut, maka terdapatlah semacam pengabaian yang mungkin tidak disengajakan terhadap aspek yang satu lagi, yang tidak kurang pentingnya juga.

"Timbullah semacam anggapan bahawa pemantapan ekonomi itulah satu-satunya kunci bagi kekuatan politik Melayu. Malah selanjutnya diyakini bahawa jika kemunduran ekonomi orang Melayu telah diatasi, maka sehala aspek lainnya akan turut selesai dengan sendirinya. Soalnya ialah: Apakah benar bahawa dengan majunya ekonomi Melayu, aspek-aspek sosio-budayanya akan turut maju dengan sendirinya."

Laporan Baharom Mahusin, wartawan *Utusan Malaysia* mengenai *Seminar Melayu Baru: Menangani Cabaran Abad ke-21* menarik untuk diteliti: "Tan Sri Dr Awang Had Salleh mencadangkan supaya istilah Melayu Baru digantikan dengan istilah "Melayu pada era baru". Katanya, jika istilah Melayu Baru dikekalkan ia boleh menjadi "senjata yang kuat" oleh golongan lama yang ingin mempertahankan *status quo*. Tan Sri Ghazali Shafie, yang menceritakan panjang lebar tentang makna bangsa Melayu dan sejarahnya sejak zaman Parameswara, pula menekankan pentingnya dicari satu istilah yang tepat serta mekanisme yang sesuai untuk membincangkan Melayu Baru, iaitu satu reformasi sosial yang sepatutnya menjadi gerakan massa. Jika istilah dan mekanisme itu tidak dicari banyak masa akan dihabiskan semata-mata membincangkan makna Melayu Baru, dan ia mungkin membawa

kepada perbezaan pendapat yang ketara di kalangan beberapa kelompok dalam masyarakat. Selain itu disarankan supaya gagasan Melayu Baru tidak dijadikan suatu idea tentang bangsa yang eksklusif.

"Prof Dr Ishak Shari dari UKM kelihatan agak bimbang apabila dia menyatakan jika Wawasan 2020 gagal dicapai, orang Melayu yang miskin akan terpinggir daripada arus perdana Malaysia pada abad akan datang. Dr Ishak juga mendedahkan mungkin wujud fenomena di mana ahli-ahli politik Melayu pada abad ke-21 tidak lagi menyertai politik kerana dorongan idealisme perjuangan bangsa, tetapi kerana kerana untuk memperoleh kekuasaan dan kekayaan. Johan Jaafar, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu menyentuh tentang masalah dan konflik yang mungkin berlaku dalam masyarakat berikutan kelahiran Melayu Baru. Johan mengingatkan kealpaan akibat kemewahan ekonomi ini boleh membentuk satu konflik dalam masyarakat. Jika hal ini tidak diambil berat, orang Melayu mungkin terpaksa menghadapi permasalahan masyarakat yang kompleks atau *backlash* yang dahsyat," laporan Mahusin dipetik.

Dilaporkan juga, dalam seminar yang sama, Datuk Khalid Abdullah mencadangkan konsep Melayu Baru itu ditukar kepada Melayu Kamil kerana istilah Kamil lebih jelas. "Orang Melayu sekarang telahpun *moneytised* menjadikan mereka lebih berkira. Berhadapan dengan fenomena baru dalam masyarakat Melayu hari ini, apakah etika dan nilai baru yang perlu dikekalkan dalam pembaharuan sosial ke arah menjadi Melayu Baru itu?" katanya. Pengurus Besar Institut Pengurusan Melaka, Zainal Abidin Ahmad mempersoalkan: "Dengan budaya baru - kurang membaca, terpengaruh dengan budaya *rockers* dan *rappers* - bagaimanakah kita boleh menerapkan konsep Melayu Baru itu pada generasi baru?"

Rustam mengusik minda kita apabila mempersoalkan: "Jika orang Melayu tidak mampu memasuki dunia moden dengan bahasa dan keperibadiannya sendiri, maka bagaimanakah pula mungkin dia, sebagai orang Melayu, menjadi kelompok pentakrif keperibadian *bangsa Malaysia* moden?

Bila berbincang hal ini dengan seorang teman sepejabat, dia mengulas pendek: "Jadilah Melayu Baru atau Melayu Lama, aku tak kisah. Yang penting jangan jadi Melayu Barua sudah!"

"Ya, jangan jadi Melayu yang lupakan Tuhan dan tak pernah cukup tunaikan sembahyang. Zakat pula jangan lupa. Kerja biar amanah, jangan makan suap. Nanti disambat api neraka. Anak bini kena ikut perintah agama. Fakir miskin jenguk-jenguk sama. Itu saja, buat apa bincang panjang-panjang," sambut seorang lagi.

"Melayu Baru dan budaya korporat dalam Umno seperti sedaging. Orang Melayu selepas ini boleh berangan-angan menjadi jutawan, tanpa terikat lagi dengan sebarang etika dan panduan akhlak. Boleh rasuah untuk dapat kuasa. Kemudian kuasa itu diperalatkan untuk mengaut kemewahan sebanyak mungkin. Semua boleh dibeli sekarang," sinis saja dia menyambung.

Manakan tidak, Anwar Ibrahim yang menguasai klik *Team Wawasan* pun tidak berani lagi bercakap soal rasuah politik. Anwar hanya mempersoalkan kenapa tuduhan itu digemakan sekarang, menjelang pemilihan, bukannya menafikan bahawa dia dan teman-temannya mengamalkan politik wang. Mungkin ini satu lagi ciri-ciri Melayu Baru, berani memberi dan

menerima rasuah demi teraju kekuasaan tidak terjatuh ke tangan orang lain.

Lupakah Anwar, Najib, Muhammad Taib, Muhyidin dan Rahim nasihat Mahathir dua tahun lalu: "Menerima sedikit rasuah mungkin dianggap perkara ringan. Tetapi percayalah kesan buruk rasuah tidak bergantung kepada kecil atau besar jumlahnya. Jika rasuah dalam berbagai-bagai bentuk sudah menjadi tabiat, lambat laun bangsa akan lumpuh. Jika kita ingin menjadi bangsa yang mulia, bermaruah dan berjaya, elakkanlah diri daripada apa jua jenis rasuah, termasuk penyalahgunaan kuasa mengundi, sogokan wang dan sogokan sokongan. Rasuah adalah kotor dan jijik dan akan membawa kecelakaan kepada bangsa, agama dan negara."

"Alah ... bercakap sapa pun boleh. Kalau soal menentang rasuah, menentang pilih kasih, menentang pembaziran, menentang projek mewah, menentang penyalahgunaan kuasa, cakap dan madah Anwar legi hebat dari Mahathir. Anwar ketawa besar membaca ucapan Mahathir itu. Mahathir apa kurangnya?" dakwa seorang penyokong Semangat 46.

# 32

# RENCANA M.G.G PILLAI YANG KONTROVERSI BUKTI JUAK-JUAK ANWAR MELATAH BILA DIUSIK

Menteri Kewangan Malaysia, Anwar Ibrahim secara mengejut mendapat kelebihan pencalonan 20 kali ganda bagi jawatan Timbalan Presiden Umno Baru berbanding Timbalan Perdana Menteri, Abdul Ghafar Baba yang mempertahankan jawatan tersebut. Setelah 145 daripada 153 bahagian membuat pencalonan, Anwar mendapat 138 manakala Ghafar, tujuh. Ini menjanjikan satu kemenangan kepada Anwar kerana setiap pencalonan membawa 10 undi bonus, walaupun Ghafar mendapat undi majoriti dari para perwakilan dalam pilihanraya parti November ini. Apa yang agak membimbangkan calon ialah dakwaan wujudnya amalan-amalan yang tidak demokratik.

Tumpuan dan perancangan cita-cita Anwar Ibrahim terbukti semasa masih menuntut di Universiti Malaya dan terbabit dalam politik Islam. Ia begitu jelas walaupun sebelum beliau menyertai Umno Baru pada 1982. Ahli Parlimen PAS, Ahmad Sabu mendakwa dalam sesi Parlimen Julai lalu, Anwar Ibrahim memberitahu pemimpin-pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), selepas beliau menyertai Umno bahawa beliau akan menjadi Perdana Menteri dalam masa 9 tahun. Sikap tidak sabar Anwar, menurut sesetengah pihak ialah kerana beliau telah melangkaui dua tahun dari *dateline* yang ditetapkannya.

Dalam usia 46 tahun, Anwar adalah seorang pemimpin semua zaman. Sejak dua dekad lepas, namanya terus naik, dari seorang pelajar *anti-establisment* yang memijak bendera Umno, ke tahanan politik di bawah ISA, kepada seorang ahli politik berpakaian suit Itali serba mahal. Malah kedudukannya dalam politik Pemuda adalah amat selesa. Penentang-penentang Anwar tidak menyangka kesungguhannya. Ramai yang menyokongnya semasa beliau mula naik kini tidak bersamanya lagi, dan beliau bukanlah seorang yang mudah membuat kawan. Permusuhan beliau dengan Menteri Pertanian, Sanusi Junid yang juga senior beliau semasa di Maktab Melayu Kuala Kangsar, bermula sejak mereka sama-sama terbabit dalam ABIM pada awal 1970-an.

Apa yang membimbangkan rakyat Malaysia, bukan sahaja orang Melayu ialah sikap fasis Anwar. Dalam masa 11 tahun, beliau telah mengubah Pemuda Umno dan ABIM menjadi *stormtroopers* (askar-askar penggempurnya). Beliau juga mengumpulkan orang-orang dan organisasi-organisasi melalui kata-kata manis serta tindakan-tindakan tegas bagi menyokong usaha-usahanya. Beliau tidak terganggu dengan dakwaan-dakwaan yang menyatakan banyak wang telah digunakan dan peraturan-perturan serta prosedur-prosedur dilanggar untuk mengelakkan musuhnya Ghafar dari dicalonkan; dan di kalangan ahli-ahli politik dan perniagaan, wujud perasaan takut sekiranya mereka tidak menyertai kem Anwar.

Beberapa orang calon pilihannya agak kurang bernasib baik kerana turut dikaitkan dengan beberapa dakwaan rasuah baru-baru ini. Ketua Menteri Melaka, Rahim Tamby Chik yang akan bertanding jawatan Ketua Pemuda Umno, dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Mohamed Taib sebagai salah seorang calonnya bagi merebut satu daripada tiga jawatan Naib Presiden.

Sesiapa di dalam teamnya yang memalukan beliau boleh digugurkan - kemudian - tetapi sekarang beliau memerlukan mereka. Tidak ramai yang tahu mengenai rancangan-rancangan atau polisi-polisi beliau. Anwar mempunyai ramai pengikut yang bercakap mewakilinya. Manakala beliau sendiri tidak banyak bersuara, cuma sesekali apabila mahu membersihkan imejnya. Secara senyap-senyap dan terancang, beliau berjaya menguasai ketiga-tiga rangkaian televisyen, serta kumpulan akhbar The New Straits Times dan Utusan Melayu. Hampir kesemua suratkhabar dan majalah pula terhutang budi kepadanya. Sebaliknya kempen Ghafar kelihatan tidak bermaya, tidak mendapat perhatian dan gagal. Antara sebabnya ialah beliau tidak mendapat liputan akhbar dan televisyen.

Anwar kekal sebagai satu enigma seperti Lee Kuan Yew, bekas Perdana Menteri Singapura dan kini menteri kanan. Terdapat banyak persamaan mengenai cara kedua-duanya naik ke puncak. Tetapi kenaikannya sama seperti Presiden Bill Clinton yang menempah karier politik beliau dengan kesungguhan yang serupa. Sekiranya Anwar mempunyai separuh kebijaksanaan Lee, beliau boleh kekal di atas selama mana yang beliau mahu. Pada awal pemerintahan Lee, ramai yang tidak bersetuju dengan perubahan-perubahan yang dilakukannya, terutama terhadap politik negara itu.

Orang biasanya menentang perubahan dan perubahan yang cepat atau dramatik terhadap polisi boleh menghalang kelancaran pentadbiran. Penentangan Umno Baru, terutama di kalangan ahli-ahli lama terhadap Anwar berpunca dari situ. Perpecahan Umno pada 1987, menyebabkan pemimpin-pemimpin generasi kedua yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah, membentuk sebuah parti politik baru, Semangat 46. Apabila ditinjau kembali, beliaulah penggerak utama perpecahan tersebut. Umno yang dipimpin oleh Perdana Menteri, Mahathir Mohamed menjadi Presiden Umno baru, dan mendominasi Barisan Nasional, yang memegang tampuk pemerintahan.

Soalan yang masih tidak terjawab mengenai masa silam dan kedudukannya kini ialah pembabitan beliau dengan fundamentalisme Islam. Beliau masih tidak menampakkan kecenderungan tersebut secara terbuka, tetapi hubungan rapatnya dengan pemimpin fundamentalis Islam Sudan, Hassan el-Tourabi dan kumpulan yang diasaskan oleh Dr. Ismail Farouqi, seorang profesor di Universiti Temple, Pennsylvania, yang dijumpai terbunuh

bersama isterinya di Washington pada 1986, adalah meragukan. Beliau masih dihormati dalam Pertubuhan Belia Islam Antarabangsa (WAMY), sebuah organisasi yang dibiayai oleh kerajaan Saudi, dan beliau pernah menjadi Setiausaha Agongnya. Kini jawatan pentingnya dipegang oleh Dr Abdul Hamid Abou Sulaiman, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Kuala Lumpur sekarang. Anwar juga mempunyai kaitan dengan Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam, sebuah lagi organisasi yang dibiayai oleh Saudi.

Pada awal hidupnya, karier politiknya agak samar. Beliau merupakan seorang penuntut sederhana yang memasuki Universiti Malaya dengan kelayakan minima. Beliau gagal setahun pengajian, begitu berminat dengan bahasa Melayu, terbabit dalam politik pelajar, dan akhirnya tamat pengajian dengan mendapat Ijazah Pertama dalam Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Beliau menubuhkan Yayasan Anda, sebuah sekolah persendirian untuk membantu pelajar-pelajar Islam yang terkandas. Sekolah tersebut amat berjaya dan apabila beliau terbabit dalam ABIM, sekolah tersebut turut dijalankan oleh pertubuhan tersebut. ABIM-lah yang menjadi penggeraknya dalam politik. Sementara Institut Kajian Dasar, dijalankan oleh teman rapatnya, Kamaruddin Jaffar, bekas setiausaha politik Ghafar. ABIM kini diketuai oleh Dr. Mohamed Nor Manuty, manakala Kamaruddin Mat Nor adalah Setiausaha Agung WAMY.

ABIM sebagai sebuah kumpulan pendesak Islam, mendapat sokongan dari sebahagian ahli-ahli Umno, ahli-ahli PAS, intelektual Melayu dan sebagainya. Bagaimanapun pertubuhan itu berpecah mengikut parti setelah Anwar menyertai Umno. Ustaz Fadhil Nor dan Abdul Halim Arshad, Presiden dan Setiausaha Agung PAS masih mempunyai hubungan baik dengan beliau. Tetapi pemimpin-pemimpin PAS yang tidak menyertai ABIM - contohnya Menteri Besar Kelantan, Ustaz Mik Aziz Nik Mat - melihat Anwar dengan curiga. Ramai yang percaya jika Umno Baru dan PAS boleh bekerjasama, besar kemungkinan ia boleh berlaku semasa Umno berada di bawah Anwar, bukan pemimpin-pemimpin lain.

Secara peribadi, beliau menyatakan beliau ingin berpindah ke Kementerian Dalam Negeri setelah tiga tahun menjadi Menteri Kewangan. Beliau juga mahu ketiga-tiga pemimpin generasi kedua memberi laluan kepadanya.

---

Artikel ini adalah terjemahan bebas rencana kontroversi M.G.G. Pillai, yang disiarkan oleh sebuah akhbar Indonesia, The Jakarta Post, bertarikh 6 Oktober 1993, dengan tajuk asal *"Anwar Ibrahim rising star in KL's politics"*. Terjemahan dilakukan oleh teman sepejabat.

# 33

# SELAMAT TINGGAL GHAFAR

Dia pernah menjadi seorang pemungut bola tenis kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan tetapi 25 tahun kemudian, mereka duduk sebelah menyebelah pada Persidangan Majlis Raja-Raja.

Jika ini tidak cukup mengagumkan, bagaimana dengan yang ini - semasa kanak-kanak dia pernah dihalau ketika mencari kayu api di ladang getah milik Inggeris. Satu masa kemudian, dia datang untuk berbincang tentang pengambil-alihan syarikat perladangan berkenaan.

Mungkin sukar untuk dipercayai, tetapi itulah hakikat pendakian hidup yang dilalui Ghafar Baba.

Hidup sebagai pemungut bola tenis yang dibayar 15 sen bagi satu permainan itu dirasainya dalam usia 10 tahun pada pertengahan 1930-an. Bagaimanapun pada 1959 beliau menghadiri Persidangan Majlis Raja-Raja sebagai Ketua Menteri Melaka manakala Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan selaku Yang di-Pertuan Agong.

Ghafar sendiri mungkin tidak terfikir semasa kecilnya bahawa satu hari nanti beliau akan menggemparkan sektor korporat di Rngland berikutan usahanya memgambil alih Dunlop Holdings, antara syarikat gergasi dunia, pada 1980.

Begitu juga semasa beliau memikul kayu-kayu golf untuk para pegawai kanan Inggeris, sudah pasti tidak terlintas pada fikirannya bahawa satu hari nanti beliau akan terlibat secara langsung dalam permainan itu - sebagai Presiden Persatuan Pemain Golf Profesional Malaysia.

Selain daripada itu, beliau juga mampu mereka beberapa padang golf di negara ini

termasuk di Kelab Golf Ayer Keroh, Melaka dan kelab Rahman Putra di Sungai Buloh, Selangor.

Begitulah hakikatnya keadaan hidup Ghafar, yang dipenuhi dengan pelbagai kisah menarik sejak dilahirkan pada 18 Februari 1925 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Anak kepada seorang pekebun kecil yang berasal dari Melaka, Ghafar seorang lulusan Maktab Perguruan Perguruan Sultan Idris (kini institut pendidikan) Tanjung Malim, mempunyai lapan orang adik beradik.

Bagaimanapun kehidupannya semasa kecil begitu getir kerana ibu baoanya meninggal dunia ketika beliau baru belajar membaca dan menulis di sebuah sekolah kampung.

Keadaan itu menyebabkan beliau terpaksa menamatkan persekolahan menengahnya ketika berumur 15 tahun. Pada waktu itu juga beliau menyertai Kesatuan Melayu Muda. Bagaimanapun pada 1942, beliau sempat memasuki maktab perguruan walaupun terlewat dua tahun akibat perang dunia.

Selepas Perang Dunia Kedua, Ghafar menyertai Parti Nasionalis Melayu (PNM) di bawah pimpinan Dr Burhanuddin Helmi, yang kemudian menubuhkan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Ghafar bergiat cergas dalam PNM hingga tahun 1948 apabila kerajaan Inggeris mengharamkan parti itu kerana disyaki mempunyai hubungan dengan komunis.

Pengharaman itu memaksa Ghafar berhenti daripada kegiatan politik buat seketika tetapi kemudian bergerak cergas dalam kesatuan sekerja pula. Ketika berkhidmat sebagai guru, Ghafar bergiat cergas dalam Persatuan Guru Melayu Melaka sebagai anggota jawatankuasa dan menjadi Setiausaha Tabung Pelajaran persatuan itu.

Penglibatan aktif Ghafar dalam politik bermula apabila beliau memegang jawatan Setiausaha Umno Melaka dari 1951 hingga 1955 dan beliau ialah antara pengasas Umno Melaka sebelum dipilih sebagai pengerusi sehingga 1974. Dalam pilihanraya umum yang pertama pada 1955, Ghafar memenangi kerusi kawasan Melaka Luar atas tiket Perikatan dan menganggotai Majlis Mesyuarat Persekutuan selama empat tahun. Ghafar mendapat 22,000 undi manakala lawannya, Jaafar Tan dari Parti Negara mendapat 2,200.

Bagaimanapun tidak ramai yang tahu bahawa pada mulanya Ghafar menolak permintaan Tun Abdul Razak untuk bertanding atas alasan tidak mempunyai pendidikan tinggi dan tidak mampu mengeluarkan wang untuk keperluan kawasan kerana sebagai guru sekolah Melayu, harta beliau ketika itu hanyalah sebuah basikal.

Pada pilihanraya umum kedua pada 1959 beliau memenangi kerusi Dewan Negeri Tanjung Keling dan dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka hingga 1967. Beliau meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri Melaka pada Ogos 1967 kerana mahu memberi tumpuan terhadap tanggungjawabnya sebagai Pengerusi pertama Majlis Amanah Rakyat (Mara), yang menjadi agensi utama kerajaan bagi membantu Bumiputera dalam bidang ekonomi.

Ghafar kemudian dilantik sebagai Senator dan pada bulan Mac 1968 menjadi Menteri Tak Berjabatan dan seterusnya Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Beliau meletakkan jawatan Pengerusi Mara dan FAMA pada Mac 1969.

Pada Mei 1969, Ghafar dilantik menjadi Menteri Pembangunan Negara dan Luar

Bandar setelah memenangi kerusi Parlimen Melaka Utara dalam pilihanraya umum. Beliau bertanding dan menang sekali lagi di kawasan Parlimen Alor Gajah sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihanraya umum Ogos 1974 dan dilantik sebagai Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Pada tahun yang sama, Ghafar dilantik sebagai Setiausaha Agung BN kerana mempunyai ketokohan dan kebolehan sebagai pendamai di kalangan parti-parti komponen. Beliau juga dilantik sebagai Pengarah Pilihanraya BN pada tahun itu dan kejayaan besar komponen itu dalam pilihanraya umum membuktikan keupayaannya.

Ghafar kemudian diberikan dua jawatan penting Kabinet iaitu menerajui Kementerian Pertanian dan Pembangunan Tanah dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Bagaimanapun pada 1976 beliau meninggalkan Kabinet setelah Perdana Menteri ketika itu, Datuk Hussein Onn membuat rombakan Kabinet dengan melantik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (ketika itu Menteri Pelajaran) sebagai timbalannya.

Tetapi Ghafar mengekalkan kedudukannya sebagai Anggota Parlimen dan Setiausaha Agung BN. Setelah keluar dari Kabinet, Ghafar melibatkan diri dengan aktif dalam perniagaan dan penglibatannya memuncak pada tahun 1980, apabila syarikat Pegi Malaysia Berhad, yang beliau menjadi Pengerusinya, cuba mengambil alih syarikat Dunlop Holdings.

Percubaan itu menggoncang dunia korporat London menyebabkan perubahan ketara dalam urusniaga sahamnya, terutama berkaitan pembelian saham melalui syarikat nominee. Dunlop Holdings pada masa itu menguasai dua syarikat - syarikat berasaskan perladangan, Dunlop Estates dan pembuat tayar Dunlop Malaysian Industries.

Penglibatan Ghafar ialah melalui sebuah syarikat Bumiputera, Goodyeild Plaza yang ditubuhkannya bersama beberapa rakan niaga. beliau menguasai 51 peratus saham dalam Goodyield Plaza yang pada masa itu ialah pemegang saham terbesar Pegi.

Ghafar juga menjadi Pengerusi Eksekutif Kompleks Kewangan Malaysia Berhad, Pegi Malaysia Berhad dan Dunlop Estates Berhad. Beliau juga ialah rakyat Malaysia yang pertama menjadi anggota Lembaga Pengarah Dunlop di London dari 1983 hingga 1984.

Daripada segi politik, Ghafar kekal sebagai Anggota Parlimen kawasan Jasin setelah memenangi pilihanraya umum 1978 dan pada bulan September tahun yang sama dipilih menjadi Naib Presiden Umno. Pada Oktober 1980, beliau dilantik sebagai pengerusi Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan dan dipilih semula sebagai Naib Presiden Umno pada pemilihan 26 Jun 1981.

Dalam pilihanraya umum 1982 beliau dipilih semula sebagai Anggota Parlimen Jasin dan sebagai Naib Presiden Umno pada pemilihan tahun 1984.

Apabila Datuk Musa Hitam meninggalkan Kabinet pada tahun 1986, Perdana Menteri, Mahathir Mohamad melantik Ghafar sebagai timbalannya pada 7 Mei 1986 - 10 tahun selepas beliau meninggalkan Kabinet - pada usia 61 tahun. Beliau juga dilantik sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Pada 3 Ogos 1986, Ghafar sekali lagi memenangi kerusi Parlimen jasin pada pilihanraya umum dan dalam rombakan Kabinet 11 Ogos 1986, dilantik sebagai Menteri Perumahan dan

Kerajaan Tempatan di samping Timbalan Perdana Menteri.

Dalam pemilihan Umno pada April 1987, Ghafar mengalahkan Musa Hitam dengan kelebihan 40 undi bagi jawatan Timbalan Presiden Umno apabila mendapat 739 undi. Beliau dikekalkan sebagai Timbalan Perdana Menteri serta dilantik semula sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perlantikan Kabinet pada 20 Mei 1987.

Apabila Umno diharamkan pada tahun 1988, Ghafar dilantik sebagai Timbalan Presiden Jawatankuasa Penaja Umno (Baru). Pada pilihanraya Oktober 1990, Ghafar mempertahankan kerusi Parlimen Jasin pada pilihanraya umum kesembilan dan menjadikan beliau sebagai satu-satunya ahli politik yang tidak pernah kalah sejak pilihanraya 1955.

Beliau kemudian kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 26 Oktober 1990 dan seterusnya menang tanpa bertnding jawatan Timbalan Presiden Umno pada 1990.

Pada Februari 1991, beliau dilantik sebagai ketua Perhubungan Umno Sabah dan paa Oktober tahun yang sama sebagai seorang daripada Pemegang Amanah Umno, menggantikan Musa.

Ghafar juga turut terbabit ketika kerajaan meminda Perlembagaan Negara sebanyak dua kali membabitkan kedudukan raja-raja pada 1983 dan tahun ini. - ***Bernama***

# 34

# CARA UMNO TANGANI MASALAH PERPADUAN

Saya tidak ada kisah menarik tentang hubungan antara Ghafar dengan Tengku Razaleigh Hamzah, Presiden Semangat 46, yang hanya tewas 43 undi kepada Mahathir pada pemilihan 1987. Bagaimanapun ada banyak juga idea yang sama antara kedua-dua pemimpin Melayu ini. Kegusaran dan kebimbangan Ghafar bahawa Umno akan menjadi parti tauke sebenarnya telah didahului oleh Ku Li. Walaupun Ku Li orang korporat, tetapi beliau sering meluahkan rasa bimbang jika negara ini tidak lagi dipimpin oleh pemimpin-pemimpin politik, sebaliknya ditentukan oleh tokoh-tokoh korporat.

Dikatakan juga, antara sebab Mahathir tidak begitu sukakan Ghafar menggantikannya kerana bimbang Ghafar akan menjemput Ku Li ke dalam Umno dan memberinya jawatan penting. Menurut Ketua Penerangan Semangat 46, Ahmad Shabery Cheek, sewaktu debat mengenai skandal kewangan zaman Anwar, anjuran Pemuda PAS Kuala Lumpur, beliau didatangi oleh beberapa orang penyokong kuat Ghafar dari Kelantan meminta beliau (Shabery) memujuk Ku Li supaya menasihati perwakilan Umno Kelantan mencalonkan Ghafar sebagai Timbalan Presiden Umno. Mereka (penyokong Ghafar) mendakwa jika Ghafar menang, Ku Li akan mendapat manfaat politik dari kemenangan itu. Bagaimanapun Shabery menolak hasrat tersebut.

Dalam buku ini juga, di bab 9, saya meletakkan tajuk "Ghafar akan laksanakan dasar ekonomi Tengku Razaleigh". Ini kerana Mahathir, melalui ucapannya tentang ekonomi dan pengurusan kekayaan negara seakan mengabaikan kepentingan orang-orang Melayu. Wawasan 2020 juga mengetepikan kepentingan orang-orang Malayu, sebaliknya Ghafar dan Ku Li masih kukuh dengan perjuangan mengangkat martabat ekonomi orang-orang Melayu, yang diwarisi dari Dasar Ekonomi Baru tajaan Tun Abdul Razak. Penulis kontoversi, M.G.G Pillai juga pernah menyentuh faktor Ku Li dalam Umno, cuba lihat halaman 330. Dan semasa

kempen pemilihan 1993 berjalan hangat, Ku Li menafikan beliau ada bertemu dengan Ghafar. Dan diberitakan Ku Li menyambut baik sekiranya Ghafar berhasrat menyertai Semangat 46 selepas diketepikan oleh Umno.

Namun apa yang hendak saya tunjukkan dalam bab ini ialah ura-ura penganugerahan yang sewajarnya diberikan kepada Ghafar, sebagai menghargai jasa-jasanya selama ini, walaupun Ghafar sendiri ada menyatakan: "Kalau Umno nak sembeli saya, terserah!" Ramai juga yang pemimpin-pemimpin Umno mencadangkan Ghafar diberikan jawatan Menteri Kanan setelah dia "disembelih", dikata-nista, didedahkan segala kelemahan dan keaiban. Yang lain mencadangkan Ghafar dilantik sebagai Gabenor Melaka. Ghafar masih belum membuat sebarang kenyataan mengenai perkara tersebut; mungkin ia tiada relevan lagi, khususnya selepas Ghafar meletakkan semua jawatan Kabinet dan tidak bertanding jawatan no. 2 parti.

Dan tentunya peminat politik masih belum lupa bahawa Mahathir sendiri pernah menghantar surat menawarkan jawatan Menteri Tak Berpotfolio kepada Ku Li ketika isu perpaduan Melayu heboh diperkatakan. Memang tidak sama nasib yang diterima Ku Li dengan Ghafar, tetapi saya paparkan kisah ini untuk melihat logika pemikiran pemimpin Umno terhadap masalah perpaduan. Selepas dilanyak, dimaki hamun, ditelanjangkan segala keaiban, barulah salam dihulur. Buat apa lagi? Ya, sekali lagi kita renungkan cerita-cerita lama, kerana darinya banyak manfaat yang boleh dipungut. Berikut adalah isi kandungan surat jawapan Ku Li yang ditujukan kepada Mahathir, bertarikh 20 November 1988:

"Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana kesudian Yang Amat Berhormat menawarkan jawatan Menteri Tanpa Potfolio kepada saya seperti yang terkandung dalam surat YAB bertarikh 3 November 1988. Saya memohon maaf kerana lambat menjawab surat YAB. Oleh kerana perkara ini saya anggap sebagai perkara serius, lebih-lebih lagi kerana YAB menghubungkannya dengan maksud untuk mewujudkan perpaduan bangsa Melayu, maka saya sengaja menunggu sebelum memberikan sebarang reaksi sehingga mendapat tawaran tersebut secara bertulis daripada YAB.

"Saya bersyukur dan bergembira kerana akhirnya YAB telah sedar dan turut sama merasa bimbang menmgenai perpecahan yang berlaku di kalangan bangsa Melayu sekarang, dan berikutan dengan itu akhirnya YAB juga telah turut sama menyedari tentang betapa perlunya perpaduan dipulihkan kembali.

"Bagi mengelakkan berlakunya perpecahan di kalangan kita, maka sebaik sahaja keputusan pemilihan jawatan Presiden Umno diumumkan secara rasmi pada pagi 25 April 1987, saya dengan serta-merta naik ke pentas untuk bersalam dan mengucapkan tahniah kepada YAB. Saya berbuat demikian dengan harapan supaya setelah pertandingan selesai dan proses demokrasi terlaksana, maka tugas kita selanjutnya ialah untuk memperkukuhkan kembali perpaduan parti.

"Saya menerima pencalonan untuk jawatan Presiden partiu dalam pemilihan bulan April 1987 itu dengan keyakinan bahawa sistem politik kita sudah cukup matang untuk mengamalkan demokrasi secara sihat. Sesuai dengan itu, maka rakyat jelata wajarnlah diberi hak dan peluang untuk memilih alternatif lain terhadap kepimpinan yang sudah tidak mereka

yakini lagi. Saya dan rakan-rakan mendapati bahawa kepimpinan YAB telah menghadapi satu krisis keyakinan dan ini telah saya huraikan dengan panjang lebar dalam ucapan dasar saya sebagai calon Presiden parti di Hotel Regent pada 19 April 1987 yang lalu. Saya dan rakan-rakan yakin bahawa pandangan dan huraian yang dikemukakan dalam ucaoan tersebut adalah merupakan hasrat dan suara hati sebahagian besar rakyat jelata terutama keluarga Umno. Berasaskan itulah kami menawarkan diri bertanding untuk memberikan kepimpinan alternatif. Bila saya mendapat hampir 50 peratus undi dalam pertandingan tersebut, terbuktilah bahawa bilangan ahli-ahli Umno yang ingin mengubah kepimpinan memang cukup besar. Tetapi walaupun YAB hanya mendapat kelebihan sebanyak 43 undi, mengikut peratuyran dan amalan biasa, YAB kekal sebagai Presiden parti. Namun demikian isu-isu yang dibangkitkan dalam proses pemilihan itu dengan dada yang lapang dan fikiran yang terbuka dan bersedia mengambil isyarat bahawa sikap, corak dan gaya serta arah dan matlamat kepimpinan YAB perlulah dirubah dan diperbaiki. Itulah antara semangat dan falsafah demokrasi yang mesti diberi perhatian.

"Ertinya, pertandingan merebut berbagai-bagai jawatan dalam parti, termasuk jawatan Presiden, mestilah dianggap sebagai satu proses demokrasi yang sihat; dan bila proses tersebut sudah selesai, kita masing-mamsing mestilah peka terhadap suara-suara yang menuntut perubahan dan sifat yang *magnanimous* serta sikap yang matang dalam amalan demokrasi itu dengan mengelakkan tindakan-tindakan membalas dendam yang akan mengakibatkan persengketaan dan perpecahan yang berlarut-larutan. Tetapi YAB telah gagal menunjukkan sifat yang *democratic* dan *magnanimous* itu.

"Sebaliknya YAB telah melakukan tindakan yang mendendam dan tidak adil sehingga ramai daripada ahli dan penyokong Umno yang tidak bersetuju dengan YAB telah menjadi mangsa "politik cantas" dan "politik opresif". Ini telah memberi kesan menular kepada para penyokong YAB di peringkat yang lebih rendah sehingga tindakan membalas dendam dan perbuatan yang tidak adil itu telah menjadi semakin meluas dan berlarut-larutan.

"Secara ringkas, itulah latar belakang perpecahan di kalangan bangsa Melayu yang perlu difahami. Dan kalaulah YAB benar-benar ikhlas hendak mengatasi dan menyelesaikan masalah perpecahan tersebut, hakikat ini haruslah diterima dan difahami terlebih dahulu.

"Kerana jawatan Menteri Tanpa Potfolio itu ditawarkan kepada saya dalam konteks usaha memulihkan kembali perpaduan di kalangan bangsa Melayu, maka saya ingin memberi *response* terhadap tawaran itu dalam konteks yang sama. Berpunca daripada kegagalan YAB bersikap toleransi, demokratik dan *magnanimous* seperti yang dinayatakan di atas, masalah perpecahan di kalangan bangsa Melayu sekarang melibatkan banyak isu dan telah menimbulkan suasana yang penuh dengan kekeliruan dan salah faham. Oleh kerana itu kita tidak boleh mengharapkan penyelesaian serta merta atau secara otomatik tanpa mengambil kira berbagai-bagai isu yang terlibat.

"Suasana yang penuh dengan kekeliruan dan salah faham itu mestilah terlebih dahulu diperbaiki agar masyarakat seluruhnya bebas daripada tanggapan negatif dan buruk sangka. Hal ini adalah penting kerana sebab-sebab berikut.

"YAB mengumumkan tawaran jawatan Menteri Tanpa Potfolio tersebut kepada YB Datuk Musa Hitam dan saya di akhir Perhimpunan Agung Umno (Baru) di PWTC pada hari

Ahad, 30 Oktober yang lalu. Sebelum itu, selama tiga hari berturut-turut, YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, YB Datuk Musa Hitam dan saya serta rakan-rakan yang lain telah menjadi sasaran kecaman, fitnah dan maki hamun yang tidak mengenal batas. Kami telah lumus dihujani oleh tohmah dan kata-kata nista yang kesat. Malah setengah-setengah perwakilan yang bercakap mengenai kami, di samping menghina dan memfitnah, juga telah memperlihatkan kecenderungan yang ganas dan zalim, melampaui batas-batas adab sopan bangsa Melayu dan tatasusila kemanusiaan. Yang lebih menyedihkan, terdapat kalangan yang mencerca kami itu mereka yang pernah di suatu masa dahulu menghina Umno, baik secara lisan mahupun dengan perbuatan, malah ada yang pernah memihak-mijak bendera Umno. Semua peristiwa ini sungguh pahit dan mengguris jiwa dan hati kami.

"Semua itu berlaku berikutan dengan *cue* atau lampu hijau untuk membuat kecaman tanpa batas yang diberikan oleh YAB dalam ucapan pembukaan sebagai Presiden Umno (Baru) pada 28 Oktober 1988. Jadi, apabila diakhiri persidangan itu YAB, selaku Perdana Menteri, menawrkan jawatan Menteri Tanpa Potfolio itu kepada YB Datuk Musa Hitam dan saya, tentulah ramai orang yang hairan dan tertanya-tanya tentang niat tawaran itu dibuat.

"Suasana permusuhan yang diwujudkan serta kata-kata zalim dan ganas yang diketengahkan dalam Persidangan Umno (Baru) itu telah semakin memualkan bila ditambah dengan laporan media massa yang berat sebelah dan penuh dengan *inuendo* dan sindiran-sindiran yang terlalu memburuk-burukkan orang-orang tua dan beberapa tokoh veteran Umno yang telah begitu banyak berjasa kepada bangsa dan negara. Sudha tentu sahaja semuanya ini semakin memperburuk suasana dan semakin mengancam perpaduan yang diharap-harapkan itu. Dalam keadaan gambaran dan tanggapan yang ditonjolkan oleh media massa yang begitu negatif dan penuh permusuhan terhadap kami, sudah tentu sahaja matlamat kemasukan saya ke dalam Kabinet seperti yang ditawarkan itu sukar untuk dicapai. Di samping itu, bagaimanakah YAB hendak menjelaskan kelayakan atau kesesuaian kami untuk menjadi Menteri dalam Kabinet YAB setelah kami difitnah dan ditohmah tanpa batas dalam Persidangan Umno (Baru) itu?

"Saya percaya YAB masih ingat bahawa saya telah meletakkan jawatan sebagai Menteri pada 29 April 1987, atas prinsip perjuangan. Ertinya, bagi saya dan rakan-rakan berkenaan, kedudukan atau jawatan sebagai Menteri bukanlah soal utama. Di samping itu, patutlah juga disedari bahawa kemasukan dua orang pemimpin ke dalam Kabinet tidak mungkin dapat mententeramkan keresahan dan kegelisahan rakyat yang merasa teraniaya dan dipermain-mainkan. Yang lebih penting diberikan perhatian ialah sebab musabab keresahan dan kegelisahan pemimpin yang berkuasa memberikan pimpinan yang berkesan dan dihormati.

"Oleh kerana itu, pada hemat saya, perkara yang patut diberikan perhatian utama pada masa sekarangf ialah menghentikan suasana persengketaan melalui media massa serta kegiatan-kegiatan lain dan serentak dengan itu memberi peluang yang adil kepada segenap lapisan masyarakat Melayu untuk mengetahui dan memahami keadaan yang sebenarnya dari kedua-dua belah pihak agar gambaran dan tanggapan negatif yang ditonjolkan oleh media massa mengenai kami dapat dibetulkan.

"Dalam menawarkan jawatan Menteri Tanpa Potfolio itu, YAB mengandaikan kononnya kemasukan Datuk Musa dan saya ke dalam Kabinet akan mewujudkan perpaduan dan menyelesaikan masalah perpecahan yang dihadapi oleh bangsa Melayu sekarang. Andaian ini

perlu diteliti dengan sungguh-sungguh dan dipersoalkan secara mendalam. Selain daripada amat diragukan kebenarannya, ia juga boleh menimbulkan berbagai-bagai salah anggapan dan salah tafsiran. Antara lain, tawaran tersebut dengan mudah akan disalahtafsirkan sebagai satu sogokan atau korupsi politik dan amatlah tidak manis dari segi sopan santun dan adat resam bangsa Melayu.

"Jika apa yang dilahirkan dengan perkataan tidak bercanggah dengan apa yang diyakini di dalam hati YAB, maka saya ingin mengsyorkan supaya dalam usaha memulihkan perpaduan bangsa Melayu ini, YAB menetapkan atau menyusun *priority* secara teratur. Untuk masa ini, proses yang lebih penting didahulukan dan diberi keutamaan ialah menginsafi kesan-kesan buruk daripada "politik cantas" dan "politik opresif" yang sedang diamalkan oleh YAB dan orang-orang di bawah kekuasaan YAB, yang antara lain melibatkan pemecatan hakim, penghulu, penggawa dan lain-lain serta yang melibatkan arahan-araha pertukaran yang dikenakan kepada kakitangan awam kerajaan, penarikan biasiswa, diskriminasi bantuan yang dikenakan kepada para petani, serta penganiyaan ekonomi terhadap usahawan-usahawan Melayu yang baharu hendak bertunas. Lebih membimbangkan adalah perbuatan yang mengheret agensi-agensi keselamatan dan institusi perundangan terlibat dalam kancah dan permainan politik hingga telah menimbulkan keraguan umum terhadap peranan, objektif dan profesional agensi-agensi tersebut.

"Yang lebih melukakan perasaan dan menyayat hati orang-orang Melayu, khususnya ahli-ahli Umno, ialah cara YAB bertindak dalam menghadapi kes Umno di mahkamah. YAB telah tergamak hati melalui peguam yang mewakili Umno meminta supaya Mahkamah Tinggi mengiystiharkan seluruh parti Umno tidak sah. Apabila dikemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu ke Mahkamah Agung, sekali lagi peguam Umno telah, bukan sahaja meminta supaya Umno kekal diisytiharkan tidak sah, malah beliau turut meminta Mahkamah Agung mengetepikan keputusan bertulis Yang Arif Hakim Datuk Harun Hashim yang telah memutuskan bahawa kepimpinan Umno hendaklah diserahkan kembali kepada Majlis Tertinggi yang dipilih dalam tahun 1984. YAB menuduh kononnya sayalah yang menjadi dalang sehingga mengakibatkan Umno diisytiharkan tidak sah. Inilah satu penyelewengan fakta yang menyebabkan perpecahan semakin meruncing. Semua ini membawa kesan-kesan buruk yang wajib diinsafi dan dibetulkan.

"Menginsafi kesan-kesan buruk daripada semuanya itu, YAB patutlah mengambil langkah-langkah yang wajar dan berani untuk membetulkan dalam usaha memulihkan perpaduan di kalangan bangsa Melayu sekarang. Serantak dengan itu, yang tidak kurang pentingnya, ialah usaha-usaha ke arah pemulihan kembali sevara *intact* Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau Umno yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946 itu. Langkah ini lebih merupakan ikhtiar yang nyata dan konkrit ke arah perpaduan bangsa Melayu oleh kerana sekali gus ia akan mengembalikan maruah, hak-hak dan kedudukan setiap ahli di bawah perlembagaan parti Umno yang asal.

"Sekali lagi saya suka menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kesudiaan YAB menawarkan jawatan menteri Tanpa Potfolio kepada saya. Tetapi sebagaimana pandangan-pandangan yang dapat saya bentangkan dengan serba ringkas dalam surat ini, dukacita saya tidak dapat bersama dalam Kabinet YAB.

"Akhirnya, marilah sama-sama kita berdoa semoga Allah menginsafkan masing-masing kita daripada sebarang kekhilafan dan kesalahan, dan semoga kita diberi petunjuk agar kembali ke pangkal jalan untuk meneruskan perjuangan yang suci seperti yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya kepada Allah kita mengabdi serta memohon taufik dan hidayah, dan kepada rakyat jelata kita serahkan amal bakti sedaya upaya."

# 35

# APA SALAHNYA UMNO SEBAGAI PARTI KAMPUNG

Jika Ghafar tidak ditentang oleh Anwar, tentulah kenyataannya mengenai Umno sebagai sebuah parti kampung tidak akan ditafsir dan disorot dengan begitu rupa oleh suratkhabar. Dan sudah pasti ia tidak akan disiarkan sebagai tujuk utama.

*Utusan Malaysia*, Rabu, 18 Ogos 1993, seminggu sebelum pengumuman Anwar bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno memetik kenyataan Ghafar di Bota, Perak, sebagai tajuk utama, iaitu "Ghafar mahu Umno kekal parti kampung". Sudah pasti tujuannya untuk merendah-rendahkan pemikiran kekampungan Ghafar, di tengah-tengah kepesatan pembangunan negara dan lonjakan tokoh-tokoh korporat dalam Umno.

Akhbar itu melaporkan: "Timbalan Presiden Umno, Ghafar Baba mahu parti itu mengekalkan sifatnya sebagai parti kampung dan memastikan ia tidak ditembusi oleh mereka yang datang dari kalangan korporat. Katanya, bentuk asal Umno itu yang didokong oleh orang kampung yang terdiri daripada petani, penternak, nelayan dan guru perlu dipertahankan bagi mengelakkan parti itu menjadi bahan dagangan oleh golongan korporat yang kini mahu menguasai Umno. Golongan ini menurutnya hanya berminat untuk mendapatkan undi orang kampung untuk berkuasa dan demi mencapai kepentingan mereka. Walaupun Umno mahukan orang Melayu maju dan kaya tetapi bukan untuk menghapuskan semangat perjuangan Umno yang berteraskan semangat kekampungan."

Sekali pandang tidak ada cacat celanya kenyataan Ghafar itu, malah ia sememangnya sentiasa dipertegaskan oleh pemimpin-pemimpin Umno, bahawa kekuatan mereka berada di kampung. Ya, siapakah di antara pemimpin-pemimpin Umno yang berani bertanding di bandar-bandar besar dalam pilihanraya umum.

"Ada," kata seorang teman.

"Siapa dia?" tanya saya untuk mengetahui siapakah pemimpin Umno yang berani melepaskan kawasan di kampung untuk bertanding di bandar.

"Datuk Najib ... Najib bertanding di Pekan, Pahang," jawabnya sambil berseloroh.

"Pekan di Pahang tidak membawa makna bandar. Pekan di situ penuh dengan hutan," sambut seorang teman yang lain. Masing-masing ketawa panjang.

Saya teringat ucapan Yang Dipertua PAS Pusat, Ustaz Fadzil Mohd Noor, ketika berceramah di Taman Melewar, Gombak. Beliau menegaskan Umno itu adalah parti kampung kerana apabila sampai pilihanraya umum semua pemimpin-pemimpin utamanya bertanding di kampung. Katanya, Menteri Kewangan yang dikelilingi tokoh-tokoh korporat pun bertanding di kampung, di Permatang Pauh.

"Kalau berani bertandinglah di Jelutong, di tengah-tengah bandar, sudah pasti jawatan Menteri Kewangannya pun terlepas," kata Ustaz Fadzil.

Sebulan sebelum Ghafar membuat kenyataan di Bota itu, Mahathir sewaktu lawatannya ke Perak juga, menyeru agar nilai-nilai positif yang terdapat dalam kehidupan masyarakat kampung dikekalkan sebagai asas kehidupan sosial kita dalam masyarakat industri yang benar-benar maju pada tahun 2020 nanti. Tetapi oleh kerana Mahathir masih disenangi media, maka ucapannya diulas dan diberikan tajuk dengan baik.

Ulasan Ketua Editor majalah-majalah Dewan Bahasa dan Pustaka, Sutung Umar RS mengenai kenyataan Ghafar tentang Umno sebagai parti kampung terlalu sinis, dan tentunya tidak akan disiarkan sekiranya Anwar tidak berhasrat untuk mengetepikan Ghafar. Ghafar diperlekehkan sebegitu rupa dan dibawa misalan yang tidak relevan dengan topik yang dibincangkan.

"Adakah parti kampung memerlukan bangunan pejabat yang sehebat PWTC? Adakah parti kampung memerlukan wakil-wakil rakyatnya bermesyuarat di dewan-dewan yang mewah dalam bilik yang berhawa dingin dan mempunyai rumah macam istana? Perlukan wakil rakyat parti kampung menggunakan kereta mewah untuk kegunaannya," tulisan Sutung dipetik.

Saya tidak berhasrat menyokong seratus peratus kenyataan Ghafar dan menolak sepenuhnya kritikan yang ditujukan kepada Ghafar. Yang kita mahu dengar dan baca ialah analisis yang jujur, ditangani secara bersopan, didasarkan kepada kebenaran, bukannya pandangan yang disemangati sentimen politik kepuakan yang tebal.

Sebenarnya persoalan sama ada Umno itu parti kampung atau parti milik tauke/tokoh-tokoh korporat cukup menarik untuk dianalisis. Ataupun seperti kata Ghafar, rasanya beliau tidaklah berhasrat menjadikan Umno sebagai parti kampungan, tetapi mahu mengekalkan sifat Umno sebagai parti kampung, iaitu tidak jauh bezanya dengan hasrat PM sendiri, tentang nilai-nilai kampung yang perlu dikekalkan walaupun Melaysia sudah mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 nanti.

Rustam A. Sani mengulas kenyataan PM itu: "... terdapat pula sifat-sifat positif dalam nilai-nilai kampung itu - yakni nilai-nilai yang bukan sahaja harus dipertahankan, malah boleh dijadikan asas bagi pembentukan sebuah masyarakat industri yang moden. Lebih-lebih lagi

jika masyarakat maju yang kita impikan itu tidak akan merupakan masyarakat tiruan atau salinan masyarakat-masyarakat maju lain yang ada sekarang. Masyarakat maju yang kita impikan adalah masyarakat penyayang, dan bukannya masyarakat atau negara "kebajikan" yang dibina atas asas kemampuan ekonomi negara untuk melindungi kebajikan setiapa warganya. Masyarakat penyayang itu lebih manusiawi sifatnya, dan dapat dibina atas asas hubungan yang mesra di kalangan para anggotanya - seperti keadaan yang terdapat dalam masyarakat desa tradisional kita."

Menurut PM, pada tahun 2020 nanti dijangka 95 peratus penduduk negara ini akan menganggotai masyarakat kota. Masyarakat desa dalam bentuknya yang ada sekarang hampir-hampir telah hapus pada waktu itu kelak. Dan menurut Rustam, dilihat dari sudut pandangan yang teretntu dalam ilmu sosial, harapan Mahathir untuk melihat nilai murni kampung/tradisional itu dipertahankan dalam suasana sosial bandaran yang baru mungkin merupakan sesuatu yang mustahil. Jalinan sosial yang mesra yang terdapat dalam masyarakat desa tradisional itu hanya mungkin dilahirkan oleh sistem ekonomi dan sosial yang berasaskan kegiatan tani dalam masyarakat tersebut. Bila sistem sosial dan ekonominya telah berubah seperti yang terdapat di bandar, maka bentuk hubungan sosialnya juga pastilah akan berubah.

"Oleh yang demikian," kata Rustam, "satu cadangan alternatif ialah supaya kita mendekati persoalan ini dari sudut yang lain. Tugas kita kini bukanlah sekadar memastikan bahawa nilai-nilai kampung itu dipertahankan atau dilahirkan kembali dalam suasana sosial bandaran, tetapi mengusahakan agar perancangan bandar yang sesuai dilaksanakan. Tujuannya ialah supaya kita dapat melahirkan masyarakat bandar yang lebih berasaskan komuniti dan lebih manusiawi sifatnya. ... Keseluruhan lojik pemikiran dan pendekatan kita dalam perancangan bandar pada masa hadapan perlulah dioreintasi kembali. Dalam pendekatan perancangan bandar ini, pertimbangan unsur-unsur bukan ekonomi - seperti unsur-unsur komuniti, nilai, kesenian, kehidupan intelektual dan sebagainya - sekurang-kurangnya haruslah diberi penekanan yang sama pentingnya dengan pertimbangan terhadap unsur-unsur ekonomi."

Balik semula kepada persoalan Umno sebagai parti kampung atau parti yang telah dikuasai, mungkin secara tidak sedar, oleh taukeh-tauke korporat (tidak semestinya tauke Melayu, tapi yang banyaknya tauke bukan Melayu), yang sesetengahnya berperangai seperti keparat!

Dilaporkan oleh media, Pengerusi RISDA, Datuk Alias Ali dalam satu pertemuan tertutup dengan kira-kira 450 pemaju masyarakat pekebun seluruh negara pada 18 Ogos 1993, juga bercakap tentang bandar dan kampung. Saya petik sebahagian kenyataannya dari *Mingguan Malaysia*, Ahad 5 September untuk menungan bersama:

"Orang yang berjiwa luar bandar dalam kerajaan sekarang tak ramai. Saya nampak yang sungguh-sungguh berjiwa luar bandar, semangat luar bandar, tak luntur daripada hati dia, daripada awal hinga akhir hari ini ialah Ghafar Baba. Dia tidur pun mimpi luar bandar.

"Selain daripada Encik Ghafar, yang saya nampak ada semangat luar bandar sikit, Datuk Seri Sanusi Junid. Jadi kita tak ramai orang dalam kerajaan yang ada semangat luar bandar.

"Encik Ghafar ni jadi Menteri Luar Bandar sebenarnya atas pilihan dia sendiri, bukan

Perdana Menteri suruh.

"Kalau dulu Datuk Musa Hitam diberi pilihan waktu dia jadi Timbalan Perdana Menteri, dia pilih Kementerian Dalam Negeri. Tak dipilihnya luar bandar. Sebab Datuk Musa tak ada semangat luar bandar. Bukan saya nak mengata dia, saya pun kenal Datuk Musa .... Dia tak ada semangat luar bandar. Semangat dia ada di bandar. Dia suka duduk di bandar dan kerja di bandar dan selalu suka duduk, pergi ke luar negeri dan buat kerja luar negeri. Itu stail dia.

"Dr Mahathir asyik pergi ke luar negeri, berjalan ke luar negeri, perkenal Malaysia di luar negeri, menarik penanaman modal daripada luar negeri dan sebagainya. Datuk Musa pun berlumba-lumba dengan Dr Mahathir. Pada masa itu Datuk Musa tak pernah pergi, jarang pergi ke luar bandar.

"Siapa yang peduli hal luar bandar pada masa itu? Tak ada. Siapa yang peduli hal potong getah? Tak ada? Siapa yang peduli hal kita ada jalanraya atau tidak? Jalan kita berlumpur atau berselut? Siapa kisah?

"Dan siapa masa itu yang ambil peduli tentang hal-hal parti. Kalau parti nak krisis, krisislah. Nak tunggang balik, tunggang baliklah. Itu sebabnya, pada masa itulah segala macam karenah timbul dalam Umno. Sebab tak ada siapa yang nak pedulikan Umno.

"Masing-masing nak kejar sektor bandar. Sektor bandar ada *glamour*. Bila ada *glamour* semua nak pergi ke situ."

Perihal pemimpin-pemimpin kerajaan hari ini sudah lupakan kampung bukan satu rahsia lagi. Masing-masing berkejar ke bandar-bandar besar, bertumpu ke Kuala Lumpur. Yang diutamakan ialah pembangunan bandar, pembukaan kilang-kilang perindustrian, sementara bidang pertanian disudutkan, hanya disebut demi kepentingan politik tanpa pembuktian tindakan yang praktikal bagi memecah kebuntuan keluarga tani, nelayan dan penternak. Tengoklah apa yang berlaku kepada peneroka Felda. Mereka dihimpit kemiskinan, dan ramai di antaranya yang jatuh papa kedana.

Bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah menyelar Dasar Pembangunan Nasional yang mengabaikan sektor pertanian hingga mengakibatkan kebanyakan orang-orang Melayu semakin tertinggal. Nasib mereka bertambah malang apabila tanah-tanah mereka dijadikan sasaran utama pengambilan tanah oleh syarikat-syarikat besar sejak Akta Pengambilan Tanah dipinda. Di rancangan Felda, peneroka yang miskin itu, terus menanggung beban hutang sepanjang hidupnya, tetapi yang anehnya hutang-hutang yang ditanggung oleh syarikat-syarikat besar seperti Perwaja dan Proton dilangsaikan walaupun ia berjumlah beribu-ribu juta ringgit.

Tengku Razaleigh, kemudiannya dalam ceramah perdana anjuran Semangat 46 meminta pemimpin-pemimpin Semangat 46 turun ke bawah, ke kawasan-kawasan pendalaman, ke rumah-rumah setinggan: "Mari kita tujukkan punca sebenar masalah yang mereka hadapi. Marikita buktikan bahawa punca kelemahan dan kemunduran orang Melayu bukannya kerana negara kita miskin tetapi kerana kekayaan yang ada sedang diurus oleh mereka yang tidak bertanggungjawab."

Seterusnya Ku Li menegaskan: "Mari kita celikkan mereka bahawa negara ini sebenarnya

kaya raya. Hasil minyak, getah, kelapa sawit dan kemajuan perindustrian kita cukup membantu mereka melepaskan diri dari derita kemiskinan. Kekayaan yang kita miliki sepatutnya sudah lama dapat mengatasi masalah kekurangan zat makanan, kekurangan rawatan perubatan dan kelemahan sistem pendidikan. Wang yang ada itu sepatutnya sudah lama dapat membiayai kos mengganti gobok-gobok buruk yang didiami oleh orang Melayu termiskin di Kedah dan Terengganu dengan tempat kediaman yang lebih sempurna. Kekayaan yang kita miliki sepatutnya sudah lama dapat mengatasi masalah kadar kematian bayi yang tertinggal di kalangan orang Melayu. Hasil mahsul yang Tuhan berikan sepatutnya sudah lama dapat digunakan untuk menyediakan bekalan elektrik dan air yang murah ke seluruh negeri Johor, Pahang dan Perak. Sepatutnya bilik darjah sekolah-sekolah di kampung tidak lagi sesak dengan bilangan murid yang terlalu ramai dan dibakar banag panas kerana ketiadaan kipas angin yang sempurna."

Namun, Datuk Musa, yang dikatakan oleh Alias Ali tadi sebagai tokoh yang mengetepikan masyarakat desa, tetap yakin bahawa kekuatan Umno adalah di kampung. Katanya: "Tidak harus kita merasa malu atau segan apabila saya mengatakan Umno itu bercorak kekampungan ataupun Umno itu adalah parti kampung. Saya sifatkan Umno itu sebagai satu parti kampung kerana sebilangan besar cawangan Umno adalah di kampung-kampung. Orang-orang kampunglah yang mempunyai minat yang besar terhadap Umno serta memberi sokongan yang jitu kepada Umno.

"Walaupun hari ini Umno mempunyai sebuah bangunan pencakar langit yang indah tersergam sebagai ibu pejabatnya saya harap konsep, falsafah serta corak perjuangan parti kita ini tidak berubah, dari corak kekampungannya, tetapi kekal dengan ciri-ciri progresif, dinamis lagi pragmatis. Corak kekampungan Umno bukan bermakna kekolotan, bukan bermakna sesuatu yang kuno, bukan pula berkaitan dengan unsur-unsur kemunduran."

Datuk Musa seterusnya mengingatkan Pemuda Umno, tujuh tahun lalu, tetapi tetap, malah semakin revelan dengan budaya Umno kini: "Kalau hari ini sebilangan besar saudara-saudara berjuang dengan lagak mewah ala-elitis, maka akan terbentuklah satu parti Umno yang berimej mewah dan terpisah dari rakyat jelata dan sebilangan besar penyokong-penyokong Umno di luar bandar di masa akan datang. Kalau hari ini saudara-saudari mengambil satu tekad untuk perjuangan secara korup, maka akan lahirlah pemimpin yang rasuah dan Umno yang rasuah coraknya di masa akan datang. Kalau hari ini saudara-saudari memilih corak perjuangan ala-askar upahan ataupun mercenaries, maka akan lahirlah pemimpin ala-mercenaries di mana komitmen dan kesetiaan perjuangannya adalah kepada orang yang mampu menawarkan ganjaran, upahan yang paling mahal, bukan komitmen kepada Umno, bangsa Melayu ataupun rakyat jelata seluruhnya."

Dan semasa bercakap kepada Kelab Wartawan Asing di Hong Kong, Musa mengkritik hebat cara gaya kepimpinan Mahathir dan menghubungkannya dengan masalah luar bandar: *"The problem with Dr Mahathir is he is crass, rough and hard. This man pushes things down your throat. And the Malaysian public seems not to be able to accept that or swallow that. When you talk about other things, we're a very rich country. But the trouble with what's going on is simply this: what Dr Mahathir wants, Dr Mahathir gets. What does that mean? It actually means one-man rule. ... Then of course, to me personally, the emphasis should be on the rural areas. This is me. I've had aruguments over it with the prime minister. I've said, 'look, you*

*spend billions, give me 400 million. I will make the village folk happy'."*

Tapi, siapalah lagi yang akan dengar cakap Musa selain Shahrir Samad dan Ajib Ahmad. Musa sudah dilupakan, seperti juga Ghafar. Dan berbetulan, ada beberapa persamaan idea di antara Ku Li, Musa dan Ghafar sekarang, tokoh-tokoh yang terpelanting dari arus utama Umno. Masing-masing sudah bercakap tentang politik wang, Umno yang mahu dijual kepada tauke-tauke korporat dan pengabaian terhadap masyarakat luar bandar.

Rais Yatim (1992) juga bercakap dalam nada yang sama: "Kerajaan sekarang sudah merupakan syarikat. Matlamatnya keuntungan. Derita rakyat akibat dasar syarikat besar ini tidak diendahkan. Kadar tol boleh naik lagi dan akan dinaikkan 50 peratus mulaia Januari 1993. Sementara itu cukai jalan atau *road tax* masih dibayar. Cukai VAT khabarnya sedang dikaji untuk dilaksana. Menurut kajian kilat yang diadakan di Kuala Lumpur oleh satu kumpulan akademik, dari 15,000 unit kondominium yang telah dijual, hanya lapan peratus yang dimiliki oleh Bumiputera. DEB sudah mati, dasar NDP pula dimajukan. Melayu sudah jadi terhimpit pergi, terpijak pulang. Pencapaian korporat Melayu masih di bawah 20 peratus. Yang pesat bandar dan pekan. Kampung masih dalam keadaan dhaif. Bukan hanya setakat kuasa sudah tiada. Telinga, hidung dan mulut turut disumbat sama."

Begitu juga dengan sikap pemimpin PAS. Yang Dipertuanya, Ustaz Fadzil Mohd Noor (1993) mempersoalkan sebuah parti politik (tentunya Umno) "yang satu masa dulu begitu ghairah dan bersemangat kononnya memperjuangkan kebangsaan Melayu, sudah tidak sepanas dahulu lagi. Sekarang apa yang ditonjolkan pula ialah perjuangan untuk membina kekayaan dan mahligai atas nama pembangunan dan kemajuan bangsa Melayu. Dakwaan untuk kemajuan bangsa Melayu ini pun tidak lebih dari alasan rapuh untuk golongan tertentu meraih kekayaan peribadi."

Ustaz Fadzil seterusnya berkata: "Hal ini terbukti bilamana Dasar Ekonomi Baru yang kononnya untuk menyusun semula masyarakat gagal mencapai sasarannya mengikut masa yang ditetapkan. Masyarakat bawahan masih berada di tahap yang jauh di belakang jika dibandingkan dengan tokoh-tokoh yang memperjuangkan hak mereka. Para pimpinan mereka di semua peringkat lebih merupakan pendokong korporat dan usahawan daripada pendokong perjuangan kebangsaan yang merupakan asas perjuangan awal mereka. Kedaulatan dan kepentingan bangsa Melayu sudah tidak kedengaran lagi. Bahkan telatah dan rentak gaya mereka menggambarkan bahawa bangsa Melayu yang dahulu sudah tidak sesuai lagi, maka dengan sebab itu mereka mula memperkenalkan Melayu Baru pula."

Tengku Razaleigh dalam nada yang lebih keras, mempersoalkan fenomena yang berlaku sekarang: "Siapakah sebenarnya yang memerintah negara? Tokoh-tokoh politik atau tauke-tauke besar?"

Beliau menjawab sendiri soalannya: "Kuasa politik kita bukannya di Parlimen tetapi kuasa politik kita terletak di tangan tauke-tauke yang kaya dan berpengaruh. Segala-galanya bergantung kepada tauke-tauke ini. Projek pembangunan hanya boleh dilaksanakan sekiranya ada tauke yang berminat."

Penyertaan golongan korporat yang benar-benar jujur untuk mengangkat martabat bangsa Melayu dan umat Islam di negara ini seharusnya diraikan malah digalakkan. Kita tidak

mahu golongan korporat terus hanyut dengan arus kebendaan semata-mata. Mereka wajib turut sama membantu golongan yang tertindas, golongan yang selama ini diketepikan, golongan yang dipinggirkan. Tetapi tokoh-tokoh korporat ini dibimbangi akan menggunakan kuasa wang untuk mengabui mata umum. Dan lebih parah, mereka akan menggunakan kedudukan dalam parti politik untuk terus memeras, mendapatkan kontrak secara tidak adil, membeli undi perwakilan, atau menaja tokoh-tokoh tertentu menjelang pemilihan Umno. Wang yang mereka laburkan tentulah mengharapkan balasan. Seringgit yang ditabur, tidak akan dibiarkan sia-sia malah mereka mengharapkan pulangan yang beratus kali ganda. Dan di kala itu benar atau palsu ditentukan oleh wang ringgit dan kuasa, bukan lagi berdasarkan rujukan agama dan kemuliaan adab.

Bukannya rahsia lagi ramai tokoh-tokoh korporat mengaut kemewahan bukannya di atas usaha gigih mereka tetapi disebabkan hubungan intim dengan pihak berkuasa. Seperti kata Ku Li: "Kita bimbang tidak ramai daripada mereka yang menjadi kaya hasil dari keusahawanan yang tulen. Apa yang berlaku pada multi-bilioner seperti Maxwell di Britain dan Alan Bond di Australia yang menjadi kaya raya hasil penipuan akan menimpa mereka yang berkelakuan sama di sini."

# 36

# HEBATNYA PENGARUH KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI SELEPAS MUHD TAIB, SALAMON MB SELANGOR?

Selain sokongan media yang meluas terhadap hasrat Anwar untuk mencabar Ghafar, satu lagi sokongan yang cukup bermakna buat Anwar ialah dokongan sebulat suara daripada semua Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri Umno. Kalau untuk mendapatkan sokongan media Anwar terpaksa menaja pembelian NST dan "mengancam" Mohamad Rahmat, kita tak pasti pula bagaimana Anwar boleh mendapat sokongan bulat ketua-ketua perhubungan Umno negeri-negeri itu.

Manakala di pihak Ghafar, tidak ada seorang pun Menteri-menteri Besar itu yang berada di belakangnya, walaupun pada mulanya difahamkan Isa Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan adalah orang Ghafar. Isa tidak menikam Ghafar dari belakang, seperti yang dilakukan oleh Mohamad Rahmat; beliau sememangnya tidak ada pilihan melainkan terpaksa memberi sokongan separuh hati kepada Anwar. Sementalahan pula Isa adalah calon Ketua Pemuda Umno, dan tentunya tidak ada sebarang keuntungan dan manfaat politik sekiranya Isa dilabelkan sebagai orang Ghafar menentang Rahim Tamby Chik yang sememangnya dimasukkan dalam *Team Wawasan*, satu klik tajaan Anwar.

Tapi kita juga jangan lupa, Ghafar adalah ketua perhubungan bagi Umno Wilayah Persekutuan dan Umno Sabah. Malangnya, dari 28 bahagian Umno di bawahnya, Ghafar hanya mendapat satu sokongan. Maknanya Ghafar tidak beroleh manfaat politik dari jawatannya sebagai ketua perhubungan Umno untuk 28 bahagian itu. Malangnya orang yang bernama Ghafar Baba ini. Lebih memedihkan bila di Sabah Ghafar diketepikan secara terbuka, sehingga membuatkan dia meletakkan jawatan. Di Kuala Lumpur, Azman Attar dan Suleiman Mohamad buat kacau, memberi tamparan hebat kepada kewibawaan Ghafar. Begitu dahsyat taufan perubahan melanda Ghafar hingga terpelanting dibuatnya.

Sesungguhnya sokongan daripada ketua-ketua perhubungan negeri amat penting untuk

mengatur kempen. Lihatlah, bagaimana gagahnya *Team Wawasan*, klik yang dipopularkan oleh bakal PM, Anwar Ibrahim, berkempen ke segenap ceruk rantau. Semuanya dibantu dengan begitu hebat, dengan segala kelengkapan dan keperluan, bagi menjayakan kempen menyingkirkan Ghafar Baba, Pak Lah dan Sanusi Junid. Saya menyifatkan usaha yang terancang ini sebagai **Operasi Nyah 2**.

Kelihatan setiap hari, di dada-dada akhbar, liputan yang positif terhadap kemunculan klik baru ini, *Team Wawasan*. Terasa seolah-olah, di pihak yang satu lagi, iaitu Ghafar, Pak Lah dan Sanusi Junid hanya menyerah pada takdir. Saya sendiri tertanya-tanya, ke mana menghilangnya Ghafar, Pak Lah dan Sanusi Junid. Pak Lah sibuk menghadiri persidangan antarabangsa, mengiringi Mahathir di forum-forum antarabangsa. Sanusi Junid pula bercuti panjang. Ghafar, alahai, apalah yang ada lagi padanya selepas Ghafar meletakkan jawatan sebagai TPM.

"Tak seronoklah pertandingan tahun ini. Tak seimbang. Apatah lagi bila Ghafar dan Syed Hamid tarik diri," ucap seorang kawan lama.

"Apalah yang ditakutkan Anwar dan gengnya hingga terpaksa kempen ke seluruh negara. Apakah Anwar tidak yakin dengan sokongannya selama ini? Mungkin ini satu petanda bahawa sokongan yang diperolehi Anwar tempoh hari untuk mencalonkannya menentang Ghafar tidak datang secara ikhlas, ada imbuhan di sebaliknya," beliau nampaknya mendakwa Anwar berlaku serong semasa kempen bagi mendapatkan pencalonan yang banyak.

"Betul, apa yang berlaku di bahagian-bahagian Umno bukannya undi bonus tapi **bila undi dapat bonus**," saya sekadar mengiakan.

Melencong ke tempat lain pula perbincangan kita. Yang hendak saya tunjukkan dalam bab ini ialah kepentingan seseorang tokoh yang mahu meningkat naik dalam Umno menawan hati seramai mungkin ketua-ketua perhubungan Umno negeri. Jangan hanya tertumpu kepada menteri-menteri Kabinet, mereka bukannya ada pengaruh sangat. Hatta Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar pun terpaksa mengemis sokongan. (Bagaimanapun Ghafar menafikan laporan akhbar *Utusan Malaysia*, 5 September 1993, yang mendakwa Ghafar meminta belas kasihan ahli-ahli Umno supaya mengekalkannya sebagai Timbalan Presiden Umno, semasa pertemuannya dengan ahli-ahli Umno Rantau Panjang).

Baiklah, kalau tak percaya cuba bandingkan sokongan antara tokoh-tokoh ini, yang datang dari negeri yang sama: Antara Muhammad Muhd Taib sebagai Menteri Besar dan Ketua Perhubungan Umno Selangor dengan Abu Hassan Omar; antara Osman Arof sebagai Menteri Besar dan Ketua Perhubungan Umno Kedah dengan Sanusi Junid; antara Ramli Ngah Talib sebagai Menteri Besar dan Ketua Perhubungan Umno Perak dengan Megat Junid Megat Ayob; antara Muhyidin Yassin sebagai Menteri Besar dan Ketua Perhubungan Umno Johor dengan Mohamad Rahmat; antara Wan Mokhtar Ahmad sebagai Menteri Besar dan Ketua Perhubungan Umno Terengganu dengan Yusof Noor; antara Khalil Yaakob, Menteri Besar dan Ketua Perhubungan Pahang dengan Najib Tun Razak; antara Isa Samad sebagai Menteri Besar dan ketua Perhubungan Umno Negeri Sembilan dengan Khalid Yunus; antara Rahim Tamby Chik sebagai Ketua Menteri dan Ketua Perhubungan Umno Melaka dengan Ghafar

Baba; antara Anwar Ibrahim sebagai Ketua Perhubungan Umno Pulau Pinang dan Menteri Kewangan Malaysia dengan Abdullah Ahmad Badawi; antara Tun Mustapha Datu Harun sebagai Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah dengan Sakaran Dandai.

Rasanya tidaklah sesukar mana untuk memberi jawapan yang tulus ikhlas mengenai soalan di atas. Yang agak berbeza mungkin di Pahang, iaitu pengaruh Najib Tun Razak lebih meluas dari Ketua Perhubungan Umno Pahang, Khalil Yaakob. Itu pun belum dipastikan sejauh mana hebatnya Najib kalau Khalil mahu beradu tenaga. Lagipun pengaruh Najib lebih dibayangi oleh kewibawaan almarhum ayahandanya, Tun Razak. Najib juga pernah diamanahkan sebagai Menteri Besar Pahang. Begitu juga dengan suasana yang berlaku di Sabah. Entah apa bahananya, hinggakan Tun Mustapha, bapa kemerdekaan Sabah, bekas Ketua Menteri Sabah, dan kini Menteri Hal-Ehwal Sabah diketepikan, dan tempatnya digantikan dengan Sakaran Dandai, anak didiknya. Dalam hal ini, harus diingat, yang bersaing dengan Tun Mustapha, bukannya Sakaran tetapi Anwar sendiri. Berdasarkan perkiraan atas kertas nampaknya Anwar menang, tapi jika berlaku pengundian dan pungutan suara di kalangan ahli-ahli Umno Sabah, belum pasti Tun Mustapha ditolak dengan begitu mudah.

Bayangkanlah, di negerinya sendiri, Melaka, Ghafar selaku Timbalan Perdana Menteri tersungkur kepada Rahim Tamby Chik, yang sudah sepuluh tahun menjadi Ketua Menteri Melaka. Tidak dapat dipastikan jawapannya sekiranya perwakilan Umno negeri Johor diberi pilihan, apakah mereka mahu memilih Musa Hitam ataupun Muhyidin Yassin? Tapi dari masa ke semasa nampaknya pengaruh Muhyidin semakin mencengkam dan bayang-bayang Musa semakin tipis, apatah lagi bila Musa sendiri mengisytiharkan sokongan kepada Muhyidin. Dan pengaruh dan kewibawaan Osman Arof di Kedah sebenarnya dibayangi kehebatan Mahathir.

Selain dapat menawarkan kelengkapan dan persediaan untuk berkempen, ketua-ketua perhubungan Umno negeri, yang kebanyakannya menjadi Menteri Besar dan Ketua Menteri, mempunyai peluang yang terbuka untuk mencari dana kempen. Kalau tak percaya tanyalah Muhd Taib, Rahim Tamby Chik, Muhyidin Yassin, Ramli Ngah Talib, dan apa kurangnya Khalil Yaakob. Khalil Yaakob adalah Menteri Besar yang paling aktif menyusun program kempen untuk *Team Wawasan* dan paling lantang menyokong Anwar di peringkat awal lagi.

Kuasa Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri bagi mendapatkan wang sebanyak mungkin untuk tujuan kempen tidak terdaya untuk disaingi oleh menteri-menteri Kabinet. Kalau tak percaya tanyalah Sanusi Junid, menteri orang-orang miskin itu dan Pak Lah sebagai Menteri Luar, yang tidak ada apa-apa untuk ditabur.

Tengok sajalah harta benda Rahim Tamby Chik, menimbun-nimbun, melimpah-limpah. Cubalah selidik harta dan wang tunai Muhd Taib, dari mana dia boleh selesaikan kes perceraiannya dengan anak raja Selangor. Tak tahulah berapa banyak komisen dari pelabur-pelabur asing ataupun pengusaha kilang haram di Selangor? Selidiklah cara hidup Osman Arof dan keluarganya di Kedah. Kalah perbelanjaan seharian Sultan Kedah. Kereta anak Osman Arof jauh lebih mewah dari kereta puteri Sultan Abdul Halim, yang hanya memakai Proton Saga. Sebab itu Osman Arof tak berani muka mulut dalam isu pindaan melupuskan imuniti raja dulu. Jenguklah kehidupan Muhyidin dan Ramli Ngah Talib, tak terlawan menteri-menteri Kabinet, kecuali menteri yang "ada sesuatu" seperti Samy Vellu.

Dalam zaman politik wang menjadi budaya kempen pemilihan Umno, kedudukan kewangan yang mantap dan teguh amat membantu calon. Dan posisi sebagai Menteri Besar dan Ketua Menteri tidak akan dilepaskan begitu sahaja bagi mengaut sebanyak mungkin wang. Justeru itu, setiap calon yang bercita-cita untuk bertanding, tidak dapat tidak, harus berbaik-baik dengan mereka, atau paling kurang jangan bermusuh dengan ketua-ketua perhubungan Umno negeri. Kalau tidak, alamat kena uruslah sendiri segala bentuk kempen, tanpa dibantu oleh orang no. 1 di negeri-negeri. Tengoklah Syed Hamid, walaupun datang dari Johor, sokongan terhadapnya untuk bertanding jawatan Ketua Pemuda tidak bulat. Akhirnya tarik diri, dengan membiarkan Ketua Perhubungan Umno Melaka, Rahim berentap dengan Ketua Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Isa Samad.

Fenomena inilah yang menguntungkan Anwar. Hatta juak-juak Anwar mengatakan, Anwar tidak berhasrat untuk bertanding menentang Ghafar, tetapi Anwar juga tidak terdaya untuk menolak hasrat ketua-ketua perhubungan Umno negeri - yang tentunya mewakili ahli-ahli Umno negeri tersebut. Anwar bolehlah temberang besar, sedangkan juak-juak Anwar telah melancarkan kempen dan menjalankan strategi secara senyap-senyap mulai selepas perhimpunan Umno 1990 lagi. Dan bila ditanya kemungkinan Umno akan berpecah sekiranya beliau mencabar Ghafar - pada hari pengumumannya bersedia untuk dicalonkan - Anwar menjawab dia yakin ketua-ketua perhubungan Umno negeri akan memastikan perpecahan tidak akan berlaku.

Seterusnya yang menjadi buruan akhbar-akhbar hari itu ialah Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri, bukannya menteri-menteri Kabinet. Suara menteri-menteri Kabinet hanya dianggap suara dirinya secara personal, sementara suara Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri dikatakan mewakili Umno negeri masing-masing. Jadi, apalah ada pada Syed Hamid sebagai Menteri Undang-undang, Yusof Noor sebagai Menteri Perusahaan Awam, Rafidah Aziz sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri (tapi kedudukaanya sebagai Ketua Wanita lebih dihargai), Napsiah Omar sebagai Menteri Kebajikan Masyarakat, Sabaruddin Chik sebagai Menteri Kebudayaan, Pelancongan dan Kesenian, Najib Tun Razak sebagai Menteri Pertahanan (tetapi suaranya sebagai Ketua Menteri dihormati), Abu Hassan Omar sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Sanusi Junid sebagai Menteri Pertanian, Abdullah Ahmad Badawi sebagai Menteri Luar dan Anuar Musa sebagai Menteri Belia dan Sukan (namun kedudukannya sebagai Timbalan Ketua Perhubungan Umno Kelantan dikehendaki).

Berbekalkan pengalaman amat berguna ini, Anwar dijangka sudah mempersiapkan tokoh-tokoh yang akan menduduki kerusi Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri selepas pilihanraya umum akan datang, dan tidak mustahil ada rombakan Kabinet besar-besaran selepas pemilihan 4 November 1993. Anwar tentunya akan memastikan setiap calon MB dan KM itu akan berpihak kepadanya sekiranya berlaku sesuatu yang tidak dijangka pada tahun 1996 nanti. Asas kekuatan bagi mendapatkan pencalonan itu tidak boleh disia-siakan. Tidak boleh diletakkan tokoh-tokoh yang berpotensi untuk menentangnya balik.

Difahamkan Muhd Taib, yang terus bermasalah dengan Sultan Selangor, begitu juga dengan Muhyidin Yassin yang tidak sanggup lagi berhadapan dengan karenah Sultan Johor akan ke Pusat. Ini termasuk sekali Rahim Tamby Chik, Ketua Menteri Melaka dan Khalil Yaakob, Menteri Besar Pahang. Nasib Wan Mokhtar dan Isa Samad cukup genting; kedua-

dianya boleh ditukar atau ditamatkan saja kerjaya politik masing-masing. Kedudukan Osman Arof pun cukup goyang; ahli-ahli Umno Kedah tidak sabar-sabar lagi untuk mendapat Menteri Besar yang baru. Sementara Menteri Besar Perlis, Dr Hamid Pawanteh dari awal-awal lagi mengumumkan akan berundur untuk memberikan tokoh-tokoh muda Perlis kesempatan mengendalikan negeri itu. Yang agak sukar ditelah ialah nasib Ramli Ngah Talib, yang dikatakan memihak kepada Anwar di saat-saat akhir.

Siapa yang akan tersingkir dari Kabinet tidak susah untuk diramal; yang penting Anwar akan mengisi posisi MB dan KM dengan tokoh-tokoh kepercayaannya, walaupun mereka masih baru dalam politik. Muhd Taib membuktikan, tanpa pengalaman sebagai anggota exco, beliau dilihat berjaya mentadbir Selangor dan sedang berusaha mendekatkan tarikh Selangor menjadi negeri maju, sebelum tahun 2020. Sama ada beliau bermasalah dengan Sultan atau menggadai tanah-tanah negeri Selangor kepada orang asing suatu perkara yang tidak menjadi isu lagi. Begitu juga dengan pengalaman Rahim Tamby Chik di Melaka.

Mungkin Anwar akan memberikan tumpuan kepada negeri-negeri yang agak maju, yang mampu menentukan dana kempennya nanti dan mempunyai jumlah perwakilan Umno yang ramai. Pertama, Selangor, diikuti Johor, dan seterusnya Perak dan Sabah. Bagaimanapun Anwar tentunya arif tentang kedudukan Umno di Sabah; jadi Anwar tidak perlulah memikirkan siapa calon Ketua Menteri Sabah. Cukuplah dengan dikawal Sakaran Dandai, Setiausaha dan Bendahari Perhubungan Umno Sabah. Sememangnya peluang Anwar terbuka di Sabah bermula dengan perlantikan bendahari Umno Sabah yang memihak kepadanya.

*Asiaweek*, keluaran 13 Oktober 1993, dalam ruangan "*Virtual Reality* merakamkan sesuatu yang cukup relevan dengan apa yang kita perkatakan, dengan tajuk "*Two Birds: Anwar Wields a Useful Stone*". Kita ikuti sedutan sepenuhnya tulisan tersebut: *Malaysian political-watchers — which is another way of saying everyone in the country — are still buzzing about the rise and rise of Anwar Ibrahim. Among the finance minister's numerous triumphs in his current campaign for the deputy leadership of the dominant party Umno was the outcome of a nifty little race in Shah Alam, capital of Selangor state next to Kuala Lumpur. Anwar's political secretary, Salamon Selamat, beat Deputy Chief Minister Muhammad Taib, a staunch Anwar loyalist who is running for an Umno vice-presidency in the November polls. So what? Well, if Muhammad wins, he's expected to gon into the federal cabinet. Then, come next election, Salamon is a good bet to win a state assembly seat and replace Muhammad as chief minister. Result: the canny Anwar has Good Friend No. 1 on the side in cabinet and Good Friend No. 2 running the pivotal state of Selangor.*

Bagaimanapun teman-teman yang rapat dengan jentera kempen Anwar menafikan kemungkinan Anwar akan memilih Salamon sebagai Menteri Besar Selangor penggal depan: "Anwar masih memerlukan Salamon sebagai pembantunya. Tidak secepat itu Salamon, bekas tokoh korporat, mendaki kerjaya politiknya. Anwar tidak akan melakukan perubahan secara drastik sehingga membawa kesan buruk kepadanya nanti. Anwar cukup berhati-hati mengatur strategi politiknya. Walaupun bekas Setpolnya yang lepas, Ibrahim Saad dan Sarit Yusof dilihat pantas berlari, tetapi ia tidak semestinya berulang kepada Salamon. Salamon memerlukan lebih masa."

Teman yang lain menyambut: "Anwar tidak boleh tunggu lagi. Pilihanraya akan datang akan merombak segala-galanya. Anwar mesti lakukan semasa dia kelihatan kuat dan

digeruni. Soal masih baru tak timbul sekiranya Salamon ada keupayaan. Anwar boleh membantunya secara langsung, begitu juga Muhd Taib. Lagipun di Selangor, tidak tertonjol tokoh-tokoh yang lebih berwibawa dan yang lebih penting, tidak ada tokoh Umno yang intim dengan Anwar seperti Salamon."

Anwar juga dijangka akan memastikan tokoh-tokoh Umno yang berkeupayaan dan mempunyai hubungan dengan ABIM dapat dilonjakkan. Tidak mustahil anggota *Team Wawasan* yang didakwa korup, khususnya Rahim Tamby Chik tidak akan diberi jawatan penting. Dan kita akan melihat siapakah tokoh yang akan menerajui Umno Melaka nanti; apakah tokoh tersebut dipilih dari muka baru ataupun yang kuat hubungan dengan Rahim, sekiranya Rahim dipindah ke Pusat?

# 37

# SAMAD ISMAIL CADANG TUN MUSTAPHA KETUAI UMNO SABAH

Selain masalah politik wang yang terlalu dahsyat di Sabah - tentunya melebihi apa yang dilakukan sendiri olehnya satu waktu dulu - faktor utama yang menyebabkan Tun Mustapha ingin meletakkan jawatan Kabinet dan Timbalan Ketua Umno Sabah ialah rasa tidak puas hatinya dengan perlantikan Sakaran Dandai sebagai Ketua Umno Sabah menggantikan Ghafar. Masakan Tun Mustapha, tokoh veteran politik Sabah dan bapa kemerdekaan Sabah akan duduk di bawah telunjuk anak didiknya sendiri. Melantik Sakaran sebagai Ketua Umno Sabah bererti mengetepikan Tun Mustapha dan jasa-jasanya selama ini terhadap pengukuhan Umno di Sabah.

Sakaran telah mengetuai 19 ketua-ketua bahagian Umno Sabah menghantar memorendum supaya Ghafar dilucutkan jawatannya sebagai Ketua Umno Sabah. Sedangkan Mustapha adalah satu-satunya ketua bahagian yang menyokong Ghafar. Tidak syak lagi, hanya kerana Tun Mustapha tidak menyokong Anwar dan mengeluarkan kenyataan yang mengkritik hebat kumpulan Anwar, terutama dalam isu politik wang, menyebabkan Tun tidak terpilih menggantikan Ghafar. Tentulah ganjil seorang yang diamanahkan sebagai Menteri Hal-Ehwal Sabah, yang diamanahkan untuk memastikan Sabah dikuasai oleh Umno selepas ini, tidak dilantik ke jawatan yang begitu penting.

Sebelum mengulas implikasi terhadap politik Sabah dari langkah mengetepikan Tun Mustapha, menarik juga kita perhatikan analisis Pak Samad Ismail dalam *Berita Harian* - sebuah akhbar milik kumpulan Anwar Ibrahim - Sabtu, 22 Mei 1993. Tajuk yang diberikan ialah **"Mustapha patut pimpin Umno Sabah"**, di bawah kolumnya, *Bila Sauh Dilabuh*: "Berita Tun Datu Mustapha, 75, dilantik sebagai Menteri Hal-Ehwal Sabah kelmarin menarik hati. Tidak ada tanda-tanda bahawa sesuatu keputusan sepenting itu akan dibuat oleh Kabinet walaupun menurut Mustapha, khabar-khabar angin di Kota Kinabalu menyebut bahawa

beliau akan dilantik sebagai Menteri Kerajaan Pusat.

"Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlantikan itu ialah kerana Kerajaan Pusat berasa perlu memberikan perhatian khas kepada Sabah yang mempunyai banyak masalah. Kata Perdana Menteri lagi, Sabah memerlukan seorang tokoh dari negeri itu sendiri untuk menyelesaikan masalah yang timbul.

"Tugas beliau ialah memberi perhatian kepada masalah di negeri itu di samping mengemukakan syor kepada Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan masalah di sana.

"Mustapha adalah tokoh politik veteran Sabah dan beliau mengetahui selok belok dan situasi politik di negeri itu.

"Perdana Menteri menambah: "Sebagai Menteri, Mustapha akan dapat memberi perhatian yang lebih terhadap perkembangan di sana. Sebagai Menteri, beliau akan lebih berpengaruh di Sabah. Sebab itulah beliau dilantik," tegas Perdana Menteri.

"Perlantikan Mustapha disambut baik oleh tokoh-tokoh Umno Sabah dan teman-teman dalam Barisan di negeri itu. Di pihak Mustapha, beliau berjanji akan "memastikan rakyat Sabah mendapat hak mereka yang sebenarnya dan tidak terus hanyut dengan propaganda yang ditanam oleh parti PBS untuk memusuhi Kerajaan Pusat dan rakyat Malaysia di Semenanjung. Saya akan cuba membangunkan kawasan-kawasan yang diabaikan oleh PBS dan memastikan agar Umno Sabah terus kukuh dengan pertambahan ahli dan perpaduan di kalangan ahli dan pemimpinnya."

"Perlantikan sebagai seorang menteri yang khusus diamanahkan untuk mengendalikan segala sesuatu mengenai Sabah, Mustapha tentu akan berkedudukan lebih kukuh untuk mengambil inisiatif dan menggunakan budi bicaranya sendiri mengurus Umno Sabah.

"Perlantikannya sebagai menteri dimaksudkan untuk memperkukuh kedudukannya sebagai pemimpin Umno Sabah. Mustapha selama ini adalah Timbalan Ketua Umno Sabah. Dengan perlantikan Mustapha, Sabah kini mempunyai dua orang menteri dalam Kabinet. Seorang lagi ialah Tan Sri Sakaran Dandai. Tetapi bidang kuasa Mustapha adalah khusus kepada Sabah.

"Sabah menjadi tanggungjawab Mustapha dan keputusan Kabinet itu menunjukkan bahawa mulai sekarang Sabah akan menerima perhatian khas daripada pusat dari segi pembangunan.

"Adakah perlantikan Mustapha ada kaitannya dengan khabar angin mengenai kemungkinan pilihanraya negeri akan diadakan oleh Datuk Pairin Kitingan, bahawa perlantikan Mustapha berupa satu persiapan kerajaan Barisan Nasional menghadapi kemungkinan itu?

"Tidak syak sebagai seorang Menteri Hal-Ehwal Sabah, Mustapha kelak mempunyai kuasa dan wibawa untuk membuat keputusan terutama mengenai masalah pembangunan negeri itu. Selama ini keputusan-keputusan itu dibuat oleh menteri-menteri Pusat yang datang sesekali ke Sabah membuat pengumuman Kementerian masing-masing mengenai sesuatu projek pusat di negeri itu. Mulai sekarang projek-projek Pusat di Sabah akan disalurkan melalui Menteri Hal-Ehwal Sabah sendiri iaitu Mustapha.

"Adakah perlantikan Mustapha sebagai Menteri Hal-Ehwal Sabah akan membawa perubahan pula kepada kedudukannya dalam kepemimpinan Umno Sabah?

"Ketua Umno Sabah sekarang ialah Ghafar Baba. Timbalannya ialah Mustapha. Adakah kemungkinan Mustapha akan mengambil alih jawatan Ghafar? **Adakah perlantikan Mustapha adalah satu titik permulaan daripada rancangan Majlis Kerja Tertinggi Umno untuk menyerahkan segala urusan Umno Sabah kepada orang Sabah?**

**"Adalah lojik juga kalau Mustapha memimpin Umno Sabah kerana beliau bukanlah orang baru dalam politik. Cuma umurnya agak lanjut tetapi sekiranya beliau dianggap masih mampu memikul tanggungjawab seorang menteri, tentu beliau mampu juga mengendali sebuah parti.**

"Saya kira perlantikan Mustapha sebagai Menteri ada kaitannya dengan perkembangan politik Sabah baru-baru ini iaitu penyertaan Umno Sabah dalam kerajaan campuran PBS. Kerajaan Pusat perlu membuat sesuatu keputusan yang tegas dan berani untuk menentang propaganda lawan selama ini bahawa Pusat begitu kecewa lalu memutuskan untuk menyertai PBS membentuk sebuah kerajaan campuran.

"Sabah memang tersisih dari arus pembangunan akibat keretakan hubungan kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Perlantikan seorang menteri khususnya untuk Sabah bererti Pusat bertekad membangunkan Sabah dengan gagasannya sendiri.

"Pairin ketika mengulas perlantikan Mustapha menyatakan bahawa perlantikan itu harus disambut secara positif. Katanya, "Kami mengharapkan melalui perlantikan itu sesuatu yang positif akan lahir daripadanya, tidak saja dari segi pembangunan tetapi dari segi pengertian yang lebih baik."

"Kita juga berharap bahawa terlepas dari kepentingan politik, perlantikan Mustapha sebagai Menteri Hal-Ehwal Sabah mudah-mudahan akan membawa kebaikan kepada seluruh rakyat negeri itu. Mudah-mudahan perlantikan itu menjadi titik permulaan satu babak baru dalam proses pembangunan Sabah di setiap bidang."

# 38

# KISAH *THE SUN*, *THE OBSERVER*, *THE LEADER*, *MALAYSIAN INDUSTRY* DAN KARTUN LAYANG

Entah apa malangnya penulis bebas M.G.G. Pillai. Sudahlah tulisannya dalam suratkhabar Indonesia menimbulkan keributan, ditambah pula dengan rencananya dalam sebuah majalah bisnes tempatan, *Malaysian Industry* boleh mengakibatkan dirinya diambil tindakan mahkamah.

Diberitakan dua bekas wartawan *New Straits Times*, Frankie D'Cruz dan R. Nadeswaran akan mengambil tindakan terhadap Pillai berhubung satu rencana yang mendakwa mereka telah dipecat oleh NST. Kedua-dua wartawan itu kini menjadi pengarang dan pengarang pengeluaran akhbar mingguan yang diedarkan percuma, *The Leader*. Menurut Nadeswaran: "Saya meninggalkan NST secara baik selepas memberi notis sebulan." Beliau menafikan mereka telah dipecat.

Bagi saya, kemungkinan Pillai akan diambil tindakan mahkamah adalah satu isu yang kurang menarik jika dibandingkan dengan kandungan rencananya, terutama berkaitan dengan perhimpunan agung Umno 1993. Yang dinafikan hanyalah cerita mengenai D'Cruz dan Nadeswaran. Yang lain tiada siapa pun yang mahu membantah.

Sekali lagi, disahkan bahawa semua akhbar-akhbar utama dikuasai oleh individu atau kumpulan yang menyokong Anwar, malahan menurut Pillai (dan ianya tidak dibantah atau dinafikan oleh sesiapa) TV1, TV2 dan Radio Malaysia telah memberhentikan laporan yang agak seimbang terhadap pemilihan Umno 1993 apabila Menteri Penerangan, Mohamad Rahmat, yang dahulunya dari kem Ghafar beralih menyokong Anwar Ibrahim, melebihi penyokong setia Anwar sendiri.

Untuk kepuasan pembaca, saya nukilkan semula rencana Pillai itu dalam bahasa asal, dan fikirkanlah tentang kebebasan akhbar di negara ini:

*The upcoming Umno elections are hitting peak visibility now in the run up to the November 4 gathering. At the same time, corporate and political manoeuvres have turned the Malaysian media into a publicity machine that provides slavish support for whoever, directly or indirectly, controls it. The mainline newspapers -* The New Straits Times, Berita Harian, The Star *and* Utusan Malaysia *- and private broadcasting network TV3 are controlled backing the finance minister, Datuk Seri Anwar Ibrahim.*

Even government-owned TV1, TV2 and Radio Malaysia stopped providing neutral coverage when its minister, Datuk Mohamad Rahmat, switched sides in the current battle between Ghafar Baba and Anwar. There is no doubt, despite his earlier denials , that Anwar was indeed behind the RM800 million takeover bid the New Straits Times Press, and this is paying hefty dividends in the election mania sweeping Umno.

*Other corporate figures acquire media organisations to further theri own interest. Launched with great fanfare,* The Sun *faded swiftly, becoming a vehicle for furthering the interests of its principal backer, Tan Sri Vincent Tan of the Berjaya Group. The paper [illegible] with great promise, printing political gossip and news that teh other newspapers ignored. But the notion that it would be an alternative voice was quickly disabused.*

*P. Tamilmani, the fiery editor of a Tamil weekly,* Thootha, *went on a hunger strike in July to protest the Anti-Corruption Agenncy's (ACA) results in the investigation of Datuk Seri S. Samy Vellu.* The Sun *stood alone in reporting this incident. Following that, Tan Sri Vincent Tan called another meeting of his editorial staff and complained that the paper was preventing him from getting government contracts since approval for some of his projects had to come from Samy Vellu.*

*Vincent warned thet Vellu was not to be criticed anymore. As a result,* The Sun *was reduced to being an in-house paper for the Berjaya Group. Vincent's insistence that the paper "not criticise his friends or praise his enemies" saw four senior members of the editorial staff resigning in protest: A. Samad Mahdi, editorial advisor; Cheam Toon Lee, editor; Yeoh Guan Jin, associate editor; and Laura Lee, head of the business desk. Recently, the editor of Berjaya-controlled Corporate World, Lim Siong Hoon, also resigned.*

*Another English-language newspaper,* The Observer, *was supposed to be launched at about the same time as* The Sun. *However, the putative editor of the paper, a journalist with the The New Straits Time, unwisely typed out his staff positions on the office computer system. Somehow, this data found its way into the editor's terminals and the journalist was sacked. Two other senior journalist, Frankie D'Cruz and R. Nadeswaran, were sacked after serving notice because they were leaving to edit Utusan's free newspaper,* The Leader.

*Due to political pressure, the Malay political weeklies which once provided the fairest coverage by default have all fallen meekly into line. The editor of* Watan, *Zainal Epi, formerly with* The Star, *was demoted to an administrative position because he was inimical to the finance minister's interest. These developments have demonstrated vividly the most newspapers have lost sight of objectivity in the covering the Umno nominations.*

The Prime Minister, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, publicly expressed his support at least seven times for the deputy prime minister, Ghafar Baba, in Ghafar's bid for the Umno deputy presidency. Not one mainline newspaper or radio or television station reported this.

Frustration with the media has brought about a profusion of 'surat layang' and its variant 'kartun layang'. The most widespread refer to two cases: Tan Sri Muhammad Taib's alleged Hollywood-style divorce settlement and the pointed kartun layang which depicts Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik paying RM24 million for the hotel resort in Malacca.

Both men, along with another Umno leader, Senator Azman Attar, now assist the ACA with ist inquires into these charges. Observes keenly following the Umno elections say it is truly a sign of the times that the press has declined to report these development.

# 39

# KORPORAT YANG BUKAN KEPARAT

Istilah korporat menjadi begitu popular sekali khususnya apabila ia dikaitkan dengan pemilihan Umno 1993. Akhbar-akhbar di bawah kawalan mutlak Anwar Ibrahim memberikan gambaran seolah-olah kumpulan Ghafar (siapa lagi yang bersedia bersama Ghafar?) anti golongan korporat. Golongan korporat seperti dilihat sebagai pemusnah perjuangan Umno. Sebaliknya Team Wawasan, klik yang dipelopori oleh Anwar, melihat golongan korporat harus bersama memadu tenaga dengan kelompok yang sedia ada dalam Umno. Tapi saya tidak yakin kumpulan Ghafar (yang hanya tinggal Sanusi Junid saja lagi) beranggapan begitu. Sanusi pernah dilatih dalam kelompok korporat, masakan beliau memusuhi teman-teman lamanya.

Walau bagaimanapun teman rapat Anwar, Siddiq Fadhil telah menulis dengan agak baik perihal korporat ini. Saya cuba mengutip pandangannya, supaya kita dapat membuat pertimbangan yang lebih wajar terhadap dunia korporat.

Mula-mula kita selak pemikiran Siddiq Fadhil: "Tragedi 13 Mei 1969 telah membawa arah baru dalam sejarah nasionalismes Melayu. Maka bermulalah apa yang dinamakan nasionalisme ekonomi yang melahirkan Dasar Ekonomi Baru dan usaha membina kelompok usahawan Melayu. Sekali lagi masalah pencarian nilai dan gaya hidup telah timbul. Memang mereka tergolong dalam kelompok kelas menengah, tetapi mereka bukan golongan pentadbir. Dalam ungkapan lain para usahawan adalah golongan kelas menengah baru yang memerlukan set nilai baru yang sesuai dengan dunia keusahawanan. Dalam konteks pencarian nilai-nilai budaya keusahawanan itu lahirnya buku *Revolusi Mental* pada tahun 70-an. Buku yang dihasilkan oleh elit cendekiawan Melayu beroreintasi Barat itu menggagaskan budaya keusahawanan yang berintikan semangat kapitalistik-permisif Barat. Para usahawan Melayu disaran meneladani "wira-wira" kapitalis yang dianggap berprestasi cemerlang seperti

## [illegible]

[illegible] merupakan [illegible] sejarah kebangkitan [illegible]. Budaya [illegible] merupakan sama [illegible] kemajuan negara. Dalam konteks [illegible] sama budaya [illegible] polemik-polemik kebudayaan yang terjadi pada awal abad ini di pelbagai rantau dunia Islam termasuk di Asia Barat dan di rantau Melayu. Ketika itu kebudayaan Barat sedang mengalami zaman jayanya dan kerana itu ia telah memukau sebilangan pemimpin dan cendekiawan dunia Islam. Sikap mengagumi kebudayaan Barat telah semakin luntur. Kemunculan Jepun sebagai kuasa ekonomi telah mengalih pandangan banyak pihak dari kebudayaan Barat kepada kebudayaan Jepun. Yang menarik gejala meniru Jepun wujud juga di Amerika, saingan ketatnya dalam perang ekonomi dewasa ini. Gejala inilah yang menimbulkan keprihatinan sebuah institut penyelidikan di New York: *"American companies searching for quality have been jumping on the Japanese bandwagon without investigating wether Japanese management and work methods suit the American culture."*

Selanjutnya Siddiq Fadhil menyimpulkan: "Budaya korporat Melayu harus dibina di atas nilai-nilai *indigenous*, nilai-nilai Islam yang telah menyerap dan mengakar dalam budaya Melayu. Yang dimaksudkan dengan budaya korporat ialah seperangkat nilai-nilai yang dibudayakan dalam konteks sesuatu perusahaan. Nilai-nilai yang disepakati dan dihayati bersama itulah yang menjadi teras budaya korporat, lalu membentuk sikap dan perilaku yang unik dan tersendiri, berbeza dari korporat lain, terutama korporat saingannya. Nilai-nilai tersebut terus menerus dipertahankan dan diwariskan kepada generasi pelanjut kerana nilai-nilai itulah yang dianggap faktor utama kejayaan korporat.

"Kajian-kajian dalam bidang psikologi sosial membuktikan bahawa agama, kepercayaan dan nilai-nilai tradisional merupakan kekuatan-kekuatan maknawi yang mampu memecut kemajuan ekonomi. Demikianlah halnya dengan kebangkitan ekonomi Asia Timur yang dihubungkan dengan Zen Buddhism, Konfusianisme dan Tokugawa. Dalam kaitan ini umat Melayu harus mampu memanfaatkan nilai-nilai, etos dan etika agamanya untuk membina budaya korporat dan tradisi keusahawanan yang dinamik.

"Islam dapat memberikan etos kerja yang berupa motivasi dan nilai sakral (kudus) kepada kegiatan ekonomi, sikap positif terhadap dunia dan harta, semangat dan daya saing, menghargai ilmu dan daya cipta, kualiti dan kecemerlangan. **Di samping itu Islam juga memberikan nilai-nilai moral dan etika yang mengawal sifat kebinatangan ekonomi.** Watak dan citra usahawan Melayu seharusnya menepati maksud ayat 37, surah an-Nur: *"Orang-orang yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan jual-beli dari mengingati Allah."* Dalam konteks keusahawanan *mengingati Allah* dapat diertikan sebagai keterikatan dengan prinsip-prinsip dan nilai-nilai ketuhanan termasuk hukum halal-haram dan tanggungjawab sosial, pemerataan dan pendemokrasian ekonomi.

"Kajian-kajian futurologis meramalkan bahawa pada abad mendatang akan berlaku peralihan dari perang ketenteraan kepada persaingan ekonomi. Dalam kaitan ini Stan Davis dan Bill Davidson dalam bukunya *2020 Vision* mengatakan: *"The years ahead seem to promise a shift from the arms race to a commercial technology rivalry."* Sebelum ini Soedjatmoko ilmuan terkemuka dari Indonesia juga menyebut hal yang sama. Menurut beliau

keunggulan sesebuah negara di masa mendatang tidak lagi bergantung kepada kekuatan angkatan bersenjatanya, tetapi akan lebih banyak ditentukan oleh kekuatan ekonominya. Selaras dengan perkembangan tersebut jihad dalam Islam harus pula mengambil bentuk dan orientasi baru dengan menekankan dimensi ekonomi. Memang bila-bila pun jihad itu mempunyai dimensi-dimensi *al-amwal wa 'l-anfus* (harta benda dan jiwa raga). Andainya pembangunan ekonomi itu diletakkan dalam konteks tersebut maka penampilan warga korporat Melayu adalah bercitra dari konotasi jihad - perjuangan suci menggunggulkan agama, mengangkat martabat umat."

Terima kasih Dr Siddiq, semoga teman anda, Anwar Ibrahim akan mengambil banyak manfaat dari nasihat anda itu. Lepas ini kita tak mahu lagi dengar Anwar beli orang dengan projek, jawatan dan imbuhan kebendaan. Anwar mesti dengar nasihat teman-teman lamanya, dalam perjuangan tidak boleh dicampuradukkan antara kebenaran dengan kebatilan, antara yang hak dan mungkar.

Sebelum mengakhiri bab ini saya rasa pandangan Sanusi Junid, seperti yang dikemukakannya pada 14 Ogos 1993 lalu, di PWTC, mengenai kejutan duit, baik untuk ditatap bersama. Tokoh-tokoh Umno yang lain bercakap benda-benda yang besar-besar tapi Sanusi memberikan contoh misalan yang amat berkesan. Ya, kita tak mahu dengan lahirnya korporat Melayu yang begitu ramai nanti, yang rapat dengan pemimpin-pemimpin Umno, hinggakan wang ditabur di mana-mana untuk mendapatkan sokongan. Benar, jangan jadi macam ikan Vietnam. Ikuti cerita Sanusi:

"Saya dah pernah cerita kepada peladang, penternak dan nelayan satu kisah di Vietnam. Saya ulangi sekali lagi kisah ikan di Vietnam. Semasa saya pergi ke Vietnam dulu, saya dibawa ke satu kolam ikan di depan rumah Ho Chi Minh, bapa kemerdekaan Vietnam.

"Saya disuruh oleh pemandu pelancong untuk tepuk tangan. Saya tepuk dan ikan dalam kolam pun lompat. Pemandu pelancong suruh saya tepuk lebih kuat, dan ikan pun lompat lebih kuat. Mula-mula ikan di depan yang lompat kemudian ikan di belakang turut lompat sama.

"Saya hairan, saya fikir macam mana ikan boleh tahu saya Menteri Pertanian Malaysia. Lepas itu dia suruh *bodyguard* saya tepuk.

"*Bodyguard* pun tepuk, pemandu turut tepuk, tepuk dan ikan lompat terus. Memanglah, kadang-kadang pemandu dan bodyguard pun berlagak macam Menteri. Memanglah kadang-kadang Menteri pun berlagak macam Perdana Menteri.

"Itu biasa.

"Tetapi soalnya ialah kenapa ikan lompat. Kenapa bila kita tepuk ilan lompat. Jawabnya kerana ajaran Ho Chi Minh. Waktu Ho Chin Minh masih hidup dia selalu pergi ke tepi kolam, sebelum dia bagi makan dia tepuk dulu. Lepas dia tepuk baru dia tabur makanan ke dalam kolam. Dia tepuk dia tabur makanan. Lama-lama ikan tahu.

"Bila ikan dengar tepukan ikan tahu makanan nak datang. Bila ikan tahu makanan nak datang ikan mesti lompat.

"Kemudian emak dan bapak ikan bagi tahu kepada anak-anak ikan: "Bila kau dengar tepukan kau mesti lompat." Dia tak cerita mengenai bab makanan. Lama kelamaan emakn

ikan dan bapak ikan mati dan tinggalkan anak ilan dengan tabiat bila terdengar tepukan dia pasti akan lompat, soal makanan tidak timbul.

"Saya pergi ke Vietnam dalam tahun 1989. Ho Chi Minh mati pada tahun 1969. Berertilah ikan yang Ho Chi Minh latih sudah mati, tetapi cucu cicit piut ikan semuanya sudah diajar budaya lompat, kalau orang tepuk.

"Sekarang ini, jika pelancong pergi ke Vietnam, orang nak tangkap ikan tak payah ada umpan. Tepuk saja ikan pasti lompat, kita tunggu dengan sauk dan kita tangkap ikan itu, kita siangkan, dan lepas itu masukkan dalam kuali.

"Itu ikan.

"Melayu pun boleh dilatih macam itu. Kita umpan, kita tepuk, kita tepuk, kita umpan, lama-lama orang tepuk Melayu lompat. Bila kita lompat, leher kita dipotong.

"Kita mesti jaga supaya kita tidak lompat bila orang tepuk, kita mesti jaga maruah bangsa kita."

# 40

# ISYARAT ANWAR BUAT RAFIDAH SIKAP BERKECUALI PUN ANWAR TAK SUKA!

Rafidah Aziz bukanlah saingan Anwar. Sehebat mana pun Rafidah, dalam kecenderungan politik yang ada, ia tidak mampu lagi mendaki kerjaya politik yang lebih tinggi. Bukan tingkat jawatan Timbalan Presiden Umno, malah untuk menapak satu lagi anak tangga, iaitu jawatan Naib Presiden Umno pun, tiada masa depan untuk Rafidah.

Jadi apabila Rafidah tidak hadir dalam majlis pengumuman Anwar bertanding Timbalan Presiden di PWTC, Ogos 1993, hanya diwakili oleh naibnya dalam Pergerakan Wanita Umno, keadaan itu bukannya sesuatu yang pelik. Kebetulan Rafidah ada kerja lain yang lebih mustahak. Tidak timbul sama ada Rafidah sokong Anwar atau tidak. Yalah, apa kena mengena Wanita Umno dan Rafidah dengan hasrat Anwar bertanding menentang Ghafar. Kalau nak lawan, lawanlah, apa gaduh-gaduh dengan orang lain. Mungkin itu rasa hati Rafidah waktu itu, ya, siapa tahu?

Tapi, ini era Anwar. Bagi Anwar berkecuali itu - selain Mahathir bermakna menyokong Ghafar. Anwar mahu semua orang ikut dia, tak boleh berkecuali atau duduk atas pagar. Itulah malangnya Rafidah. Kerana tidak menunjukkan sokongannya secara terbuka pada Anwar, dan tidak pula pernah menemani Anwar di majlis-majlis ceramah anjuran *Team Wawasan* - road-show - *maka Rafidah sudah dilabelkan sebagai orang Ghafar. Atau, kalau tidak pun Rafidah bukannya orang Anwar. Yang dilihat selalu bersama Anwar ialah Zaleha Ismail, Timbalan Menteri Pengangkutan, seteru politik Rafidah.*

Walaupun Anwar selalu sebut, beliau tidak mahu sokongan terhadapnya dibuat kerana terpaksa dan didorong rasa takut, namun yang sebenarnya tidak begitu. (Semasa berceramah di Taiping, 17 September, 1993, Anwar berkata: "Bahagian-bahagian Umno sepatutnya mencalon dan mengundinya berdasarkan prinsip perjuangan parti dan bukannya kerana takut, semata-mata mahukan sesuatu projek ataupun mengikut fesyen.") Bukan rahsia lagi Anwar

menggunakan pelbagai taktik untuk menarik sokongan. Tak boleh cara lembut, cara kasar digunakan.

*Tengoklah nasib Rafidah, hanya kerana tidak bermati-matian menyokong Anwar, beliau menerima bahana. Juak-juak Anwar sudah mengetepikan Rafidah. Kalaulah Rafidah bertanding MT, belum pasti menang, disebabkan undi blok yang akan memastikan tokoh-tokoh yang tidak sebulu dengan Anwar tersisih. Rafidah sewajarnya boleh digolongkan dalam* Team Wawasan *berdasarkan prestasi kerjanya selama ini. Mahathir pun suka kelicinannya membantu menjayakan Wawasan 2020.*

"Sukar bagi Umno melahirkan pemimpin yang sehebat Rafidah, yang boleh beraksi di mana-mana saja, termasuk pentas-pentas antarabangsa," kata penyokongnya.

Ura-ura Rafidah dicabar oleh Ketua Wanita Bahagian Seputeh, Azizah Samad, yang mendapat pencalonan dari bahagian Pensiangan dan Kinabalu, disifatkan oleh pemerhati politik sebagai isyarat awal bahawa Rafidah akan dijatuhkan jika dia terus menyepi diri dengan tidak menyokong Anwar. Memang tepat dugaan itu, sehari selepas berita kemungkinan Rafidah akan dicabar disiarkan oleh akhbar-akhbar utama milik kumpulan Anwar, Rafidah terus saja membuat sokongan penuh - dari Singapura - kepada Anwar bertanding jawatan Timbalan Presiden parti.

*Tidak cukup dengan itu,* Utusan Malaysia, *11 Oktober 1993, di muka depan memilih tajuk "Lima negeri sokong tokoh cabar Rafidah". "Dahsyatnya permainan media untuk jatuhkan siapa saja yang tak menyokong Anwar," kata seorang kawan.*

Laporan akhbar itu hanya bersumberkan seorang tokoh Wanita veteran, yang namanya tidak muncul, entah ada atau rekaan tak tahulah. Bayangkan bagaimana berita dari sumber seperti itu memetik kenyataan tokoh Wanita veteran hingga sepanjang 13 perenggan. Saya petik antara laporan berita tersebut:

"Beliau (tokoh Wanita veteran) beranggapan ada semacam keresahan di kalangan anggota pergerakan tersebut pada masa ini yang melihat Wanita dikuasai oleh suara persendirian dan bukan aspirasi majoriti.

"Menurut beliau, ada petanda bahawa pimpinan Wanita pada masa ini mengambil mudah "suara majoriti yang menahan rasa" ini.

"Jangan salah faham," ujarnya. "Saya tidak menganggap Wanita dipimpin oleh seorang diktator. Proses demokrasi dan suasana musyawarah memang menjadi amalan pergerakan itu."

"Beliau hanya merasakan "pendirian individu tertentu terlalu banyak menguasai keputusan pucuk pimpinan."

"Beliau tidak nampak sebarang alasan untuk mengatakan tidak ada sebab kerusi Rafidah harus dibiarkan tidak ditentang. "Wanita juga harus sentiasa dinamis," tegasnya. "Ia suara yang besar, oleh yang demikian pengaruh dan kepentingannya jangan diperkecilkan."

"Beliau berpendapat sudah sampai masanya Wanita menentukan hala caranya yang baru. Pergerakan Wanita Umno harus menentukan agenda masa depan Umno secara berani dan lantang. "Ia harus menjadi rekevan dan memberikan sumbangan yang lebih bermakna

pada Umno. Dalam keadaan sekarang, ia hanya dapat meneruskan apa yang sepatutnya dan mampu dibuat selama ini, tidak lebih daripada itu. Wanita harus bersedia menangani perubahan yang lebih besar dan mencabar."

Difahamkan antara sebab yang membuatkan juak-juak klik Pak Syeikh sakit hati dengan Rafidah ialah kenyataan Rafidah yang menyifatkan negara ini sekarang mempunyai dua pemimpin yang lekeh, iaitu Timbalan Perdana Menteri yang lekeh dan Menteri Kewangan yang lekeh. Rafidah membuat kenyataan seperti itu merujuk kepada kempen yang memburuk-burukkan Ghafar dan Anwar, yang boleh menjejaskan nama baik negara. Rafidah mahu dihentikan kempen seumpama itu kerana yang Umno hadapi ialah pertandingan sesama keluarga bukannya pilihanraya umum. Cakap macam itu pun menimbulkan kemarahan juak Anwar, tak tahulah ....

*Dalam wawancara* Berita Harian *dengan Rafidah, yang disiarkan pada 23 Ogos 1993, ada beberapa kenyataannya yang boleh menyinggung Anwar dan kumpulannya. Sebelum itu Rafidah menasihatkan pemimpin-pemimpin Pemuda Umno - yang galak bercakap menasihati Ghafar supaya berundur - supaya menghormati Ghafar, tokoh yang telahpun menabur sumbangan kepada Umno sebelum pemimpin-pemimpin Pemuda itu lahir. Dan dalam kenyataannya kepada* Berita Harian, *bila disoal tentang kemungkinan beliau dicabar, Rafidah menjawab: "Terpulanglah kepada Wanita untuk menilai sensidi sama ada memerlukan perubahan dalam pucuk pimpinan pergerakan atau tidak. Bukan saya yang menentukan.* ***Saya jadi ketua dulu pun bukan dengan cara menjatuhkan orang tetapi tempat itu (Ketua Wanita) kosong dahulu. Kalau saya menjatuhkan orang mungkinlah saya akan pegang jawatan ini sampai mati."***

Rafidah juga mengiakan wujudnya politik wang dalam pemilihan Umno: "Saya dapat maklum balas daripada cawangan, penyokong dan pencadang dibayar RM50 seorang dan menaja kehadiran mereka di mana-mana majlis."

Selain itu Rafidah menjelaskan dia tidak bersetuju dengan cara sokongan terbuka terhadap mana-mana calon yang bertanding dalam pemilihan Umno. Katanya, Wanita Umno tidak mahu membuat sokongan terbuka: "Jika kita melahirkan sokongan kepada A, pihak B akan berkecil hati. ... Kalau kita buat keputusan pun, ia tidak akan diumumkan." Nampaknya hasrat murni Rafidah itu tidak dapat ditunaikan. Kerana desakan, dan untuk menyelamatkan daripada karam ditelan arus perubahan, lebih baik Rafidah memilih hanyut dibawa arus!

*Walaupun Azizah Samad menarik diri tetapi Rafidah telah mendapat mesej yang jelas dari Anwar: "duduk baik-baik, jangan cuba lawan tauke!" Tidak dapat dipastikan bagaimana masa depan Rafidah selepas ini, di waktu Anwar berkuasa nanti. Apakah Rafidah akan berjaya dilunakkan oleh Anwar atau akan terus tersisih secara perlahan-lahan daripada* Team Wawasan.

*Wawancara majalah* Woman Now *menarik perhatian, bila Rafidah menjawab persoalan tentang prinsip yang dipegangnya:* "To me, integrity is paramount. Then you must be able to hold very strongly the trust that has been given to you. There are no compromises as far as integrity and trustworthiness is concern. You must also do as much good as you can avoid doing the wrong things. You have to live a positive life and avoid being a hypocrite. I hate hypocrisy." *Cuma ... bagaimana penghayatan Islam Rafidah ... rambut pun masih terdedah!*

# 41

## SYED HAMID: ANTARA GANTUNG DIRI DENGAN TARIK DIRI JAWATAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO BERTUKAR TANGAN KE MANA TOK MAT SELEPAS BERJASA KEPADA ANWAR?

Peristiwa Ghafar Baba letak jawatan TPM tidak sangat menarik perhatian orang. Cuma, bila Ghafar menolak pencalonan jawatan Timbalan Presiden Umno yang hanya berjumlah tujuh itu, ramai juga yang terkejut. Ada pihak merasakan Ghafar tak patut tarik diri kerana tak ada apa lagi yang tinggal. Nama baiknya (kalau baiklah) telah diinjak-injak, kelemahannya dibongkar dan dijaja ke merata tempat.

Bagaimanapun bila Syed Hamid Albar, yang mendapat 30 pencalonan bagi jawatan Ketua Pemuda Umno turut tarik diri, "apa sudah jadi?" Ramai orang terkejut. Saya sendiri terkejut: "Takkanlah semua orang dalam Umno kena beli. Hebat sangatkah Anwar Ibrahim yang kini nampaknya sudah jadi macam maharaja lagaknya."

Sayuti Omar, penulis buku *Siapa Ketua Pemuda ke-10*, ketika saya menghubunginya, jam 7.15 pagi, Jumaat, 22 September 1993 mengulas pendek: "Daripada Syed Hamid tarik diri lebih baik gantung diri."

Seorang teman, juga seorang wartawan di sebuah akhbar nyamuk yang tak berbisa lagi mendengus: "Penakut! Ini bukan anak jantan. Syed Hamid bukan seperti anak Almarhum Tan Sri Jaafar Albar. Pak Albar, singa Umno, kalau masih ada, tentu sedih dengan perangai anaknya ini."

Teman lama di kampus dulu, yang tidak banyak bercakap, tiba-tiba saja seperti naik marah, bila saya menelefonnya, minta pandangan tentang pandangan terbaru Umno: "Kalau Ghafar tarik diri aku tak kisah, cuma aku terkilan tak dapat tengok berapa undi yang Ghafar terima semasa pengundian 4 November. Yang aku sakit hati ni pasal Syed Hamid. Entah apa yang disogokkan Anwar kepadanya. Hai ... apa nak jadi tak tahulah, semuanya mahu jadi pak turut."

"Jangan tuduh macam itu Man. Mungkin Syed Hamid ada strategi lain. Kalau bertanding dah tentu kalah buat apa. Dalam politik nafas mesti panjang, jangan pakai redah saja," saya cuba membela Syed Hamid.

"Kalau tak nak bertanding, buatlah cara tak mahu bertanding. Jangan hampakan hasrat penyokong. Betullah kamu tu pemimpin, tidak semestinya ikut cakap penyokong, tapi pemimpin yang baik kena hormati pandangan penyokong. Tak ada pemimpin kalau tak ada penyokong. Janganlah sampai saat-saat akhir baru nak tolak pencalonan. Penyokong dah penat kempen, dan banyak habis duit, habis tenaga, habis masa, tiba-tiba awak sedap-sedap pusing. Mana boleh jadi macam ni?" makin teruk dia membebel. Terkejut juga saya dengan sikap teman lama ini. Selalunya dia pendiam, bercakap yang perlu saja, tapi hari itu bukan main menyinga bila anak Singa Umno sudah angkat bendera putih.

Seorang peminat Syed Hamid Albar, yang mendakwa telah membaca habis buku saya *Anwar Salah Pilih* memberikan komen yang berbeza: "Nampak gaya Syed Hamid dah mula nak tiru politik Musa Hitam, politik ular air. Syed Hamid mesti ingat, dia naik kerana sokongan, jadi kalau dia tak hormati sokongan, buruk padahnya. Tak tahulah ... saya dengar kata PM sendiri tak bagi Syed Hamid bertanding walaupun Pemuda Umno bahagian Kubang Pasu mencalonkan Syed Hamid. PM tawarkan jawatan Setiausaha Agung Umno pada Syed Hamid, gantikan Mat Bulat. Syed Hamid, walaupun bekas orang kuat Musa, dia takkan tolak nasihat Mahathir."

Saya menjawab: "Dari dulu lagi saya dengar Syed Hamid ditawarkan jawatan Setiausaha Agung ... tapi yang menawarkan itu, Anwar sendiri. Syed Hamid tolak. Ya, apalah ada pada jawatan Setiausaha Agung dibandingkan jawatan Ketua Pemuda. Mungkin Anwar lobi Mahathir supaya tekan Syed Hamid tarik diri dari bertanding. Kalau Syed Hamid lawan, peluangnya cerah. Imejnya bersih, paling kurang lebih bersih dari Rahim Tamby Chik, regu Anwar yang terpalit dengan dakwaan rasuah dan kaki betina itu."

Seorang kawan yang turut sama dalam sembang-sembang kosong itu menyampuk: "Saya tak pasti yang mana kaedah yang digunakan oleh Anwar. Kaedah ugutan atau tawaran. Ugutan maksudnya, mungkin Anwar mengugut jikalau Syed Hamid menang sekalipun, Syed Hamid tidak akan diberi sebarang jawatan dalam Kabinet, apatah lagi kalah. Orang macam Anwar boleh buat perangai macam itu. Dan tawaran pula bermaksud Syed Hamid dijanjikan sesuatu yang lebih menarik. Contohnya, ditawarkan jawatan Setiausaha Agung Umno. Mungkin dengan jawatan itu, Syed Hamid nampak banyak manfaat politik darinya."

"Apalah yang ada pada jawatan Setiausaha Agung Umno?" saya ingin melihat ideanya.

"Cuba tengok Tok Mat, walaupun dulu dia orang Ghafar, tapi bila dia menyeberang ke kem Anwar, banyak yang ditolongnya Anwar dengan jawatan Setiausaha Agung Umno. Dia menggunakan kuasanya untuk memanggil semua pemimpin-pemimpin Umno ke majlis khas, yang sebenarnya adalah majlis pengumuman Anwar bertanding jawatan Timbalan Presiden. Majlis 23 Ogos itu besar maknanya pada Anwar. Ia banyak membantu ... membantu secara berkesan. Kalau Tok Mat ikut pendirian Mahathir, iaitu berkecuali, keadaan yang berlaku mungkin berbeza," sambutnya dengan pantas dan penuh yakin.

Penyokong Syed Hamid yang pada awalnya hanya mendengar saja menambah: "Tidak

mustahil bila Syed Hamid jadi Setiausaha Agung nanti, orang-orang seperti Musa Hitam, Pak Lah dan Sanusi Junid boleh cari peluang yang lebih luas untuk bertempur dengan Anwar."

"Itulah yang Anwar tak suka dengan orang yang bukan dalam *Team Wawasan*, **nak** cari pasal saja," saya mengusiknya. Sekali pandang nampaknya jawatan Setiausaha Agung parti tidak sangat membantu meningkatkan kerjaya pemegang jawatan itu sendiri - malahan mengakibatkan natijah buruk - tetapi dapat memberikan ruang yang lebih selesa kepada tokoh-tokoh yang rapat dengannya.

Bagaimanapun kenyataan Syed Hamid ketika mengumumkan beliau menarik diri, seolah-olah menunjukkan dia berpihak kepada Anwar: "Setelah mendapatkan petunjuk-petunjuk politik, saya penuh yakin bahawa tawaran saya bagi jawatan Ketua Pemuda perlu ditimbangkan semula, setelah mengambil kira kehendak dan permintaan serta semangat setiakawan bagi memudahkan penubuhan satu pasukan yang dikehendaki."

Apa maknanya ucapan Syed Hamid ini: "Memudahkan penubuhan satu pasukan yang dikehendaki." Apakah ia bermaksud Syed Hamid sudah terjerumus ke dalam *Team Wawasan*? Tapi sebelum ini pun Syed Hamid tidak digolongkan dalam kem Ghafar. Isa Samad lebih dekat dengan Ghafar, walaupun Isa berulang kali membuat kenyataan bahawa dia akan bersama *Team Wawasan* jika menang Ketua Pemuda. Itu baru betul: Bentuk *team* selepas menang, untuk bekerja sebagai satu pasukan, bukannya bentuk klik seperti satu komplot untuk menjatuhkan orang lain! Tabik buat Isa Samad.

Dalam buku *Anwar Salah Pilih* saya memberi tahniah kepada Isa kerana kenyataannya: "Saya percaya bahawa jika kita mahu memilih pemimpin, kita tidak boleh pilih secara pakej, kelong atau rakit. Kita mesti memilih siapa yang terbaik dan bukan semuanya boleh terpilih. Kita bukan memilih durian. Kalau kita beli pakai pakej maknanya kita beli longgok, belum tentu semua baik.... kalau kita nak makan durian yang baik, kita kena pilih satu-satu dan bukan cara longgok. Tengok yang terbaik daripada durian-durian yang baik. Apatah lagi kalau dipilih daripada durian-durian yang tidak baik."

Kalau betul Syed Hamid akan dipilih menjadi Setiausaha Agung Umno - berbetulan dengan dirinya bekas seorang peguam yang mana pentadbiran parti kini banyak digoncang dengan isu undang-undang ke mana perginya Tok Mat? Apakah Tok Mat yang banyak jasanya pada Anwar - setelah merasa dirinya tersepit dengan hal-hal tertentu di RTM, hingga BPR sudah jeling mata - akan diketepikan begitu saja? Anwar tentunya akan cuba membalas "budi" Tok Mat; tapi tak tahulah bagaimana caranya Anwar membalas budi? Takkan Tok Mat tidak terpilih lagi sebagai menteri selepas ini? Yang agak pasti Tok Mat akan ditukar ke kementerian lain, mungkin menggantikan Ghafar Baba di Kementerian Pembangunan Luar Bandar ataupun menggantikan Sanusi Junid di Kementerian Pertanian.

# 42

# MENGAPA PM TIDAK SABARKAN USAHA SINGKIRKAN GHAFAR? SEPATUTNYA BERILAH PELUANG GHAFAR BERSARA DENGAN BAIK

Perletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri dari Kabinet bukan sekadar tidak memeranjatkan Perdana Menteri, malah sekalian penduduk Asia Tenggara khususnya di Malaysia langsung tidak terperanjat. Jika pun ada yang memeranjatkan semua pihak ialah betapa tidak terperanjatnya atas perletakan jawatan itu.

Encik Ghafar Baba sesungguhnya tidak terburu-buru meletakkan jawatan itu - perletakan jawatan politik yang ketiga dilakukannya dalam masa dua minggu. Yang pertama dan yang kedua ialah dari jawatan Ketua Perhubungan Umno Sabah dan Pengerusi Barisan Nasional Sabah.

Sesiapa juga yang berada dalam situasinya dan menghadapi penghinaan politik sepertinya dari kalangan rakan-rakan dengannya, yang ada sedikit sebanyak maruah politik, wajar mengambil tindakan meletakkan jawatan. Pertama, Ghafar bukan sekadar secara zahir ditolak oleh bahagian-bahagian Umno dari meneruskan khidmat melalui jawatan yang disandangnya, dan kedua, dia dipermainkan oleh pimpinan parti dan kerajaan yang beliau sebahagian daripadanya.

NAtijah perkembangan itu beliau tidak lagi menjadi Timbalan Perdana Menteri yang berkesan. Dan kepimpinannya pun mulai tidak berkesan.

Semua suara dari Umno yang memintanya supaya tidak mempertahankan jawatan yang disandangnya dalam Umno atas apa jua alasan sesungguhnya adalah suara yang mahu menghambatnya dari kerajaan dan kepimpinan Umno. Ia bukan sekadar suara budak-budak muda Umno, malah ia suatu yang dikehendaki oleh pemimpin Umno.

Presiden Umno yang juga Perdana Menteri tidak berbuat apa-apa untuk meredakan keadaan. Dia bukan sekadar cuba dikalahkan dalam pertandingan mempertahankan jawatannya,

malah kedudukannya sebagai ketua parti peringkat negeri Sabah yang dijawatnya atas mandat dan kepercayaan Presiden parti ikut digulingkan padahal tempoh pimpinan itu sepatutnya berakhir apabila tamat perhimpunan agungnya November 1993.

Jika Presiden Umno tinggi *wisdom* sesuai dengan wawasan yang dikatakan ada padanya, mengapa tindakan menghina politik timbalannya tidak cuba disabarkan supaya kelaknya beliau akan bersara dari politik yang aktif dengan cara yang terhormat. Waktu pemergian itu bukannya lama lagi sekadar sekitar kurang dari sebulan saja lagi.

Perletakan tadi adalah yang terbaik baginya dan sekurang-kurangnya ia meninggalkan kesan dan gambaran bahawa tidaklah mudah bagi seseorang bekerja atau berketuakan Dr Mahathir. Ia sekaligus menyerlahkan bahawa Dr Mahathir mungkin satu-satunya Perdana Menteri yang berjaya melihat dua orang Timbalan Presiden parti yang dipimpinnya kalah dalam pertandingan mempertahankan jawatan.

Kita mengakui Encik Ghafar dengan politik makiavelinya berjaya menjadi tokoh Umno yang paling lama bekerja dan memimpin parti itu. Sepatutnya dia dihormati dan dibersarakan secara mulia. Tetapi Umno memilih untuk menyingkirkannya. Beliau dipisahkan dari golongan pembuat dasar parti secara tidak normal. Dia dengan ini menerima nasib seperti Datuk Onn Jaafar, mati di luar Umno. Tunku Abdul Rahman Putera yang menjadi bapa kemerdekaan disingkirkan dari kerajaan dan pimpinan parti menjelang waktu yang beliau hendak bersara dari politik yang aktif. Tun Hussein Onn terpaksa menggunakan alasan kesihatan untuk mengosongkan jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno.

Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam adalah tokoh penting dalam Kabinet Dr Mahathir yang terkaluar dari barisan kepimpinan secara tidak normal juga. Encik Ghafar adalah yang terakhir dari mereka yang malang itu.

Nampaknya tokoh-tokoh Umno terpaksa menjalani sejarah kabur mengakhiri perkhidmatan sebagai pimpinan Umno. Mungkin imbasannya seperti sekalian pimpinan Parti Komunis Kerajaan Soviet.

Hampir setiap orang selepas Lenin di masukkan ke bakul sampah sejarah. Stalin dicerca selepas mati. Malinko dan Bulganin disingkir dari jawatan Perdana Menteri. Nikita Khruschev digulingkan dari jawatan Setiausaha Agung parti komunis dan Perdana Menteri. Leonid Breznev mati sebagai Setiausaha Agung parti tetapi namanya tidak cemerlang selepas mati. Yang terakhir tersingkir ialah Gorbachev.

Ghafar berhenti tanpa berunding dengan Dr Mahathir. Dia tidak bertemu dengannya ibarat lari malam.

---

Rencana ini dipetik dari lidah pengarang *Harakah*, Jumaat, 22 Oktober 1993

# 43

# 1996: NAJIB LAWAN ANWAR?

Yang membawa cerita bahawa, sekiranya Najib menang jawatan Naib Presiden Umno beliau dilihat sebagai cabaran utama kepada Anwar, bukanlah dibawa oleh penyokong Sanusi atau Pak Lah, tetapi dari tenaga kempen *Team Wawasan*. Bagi mereka, Najib adalah tokoh yang paling berpotensi untuk menggugat Anwar dalam pemilihan akan datang.

Walaupun dari satu segi andaian ini agak melucukan. Manakan tidak, jika Najib menang pun, takkanlah hanya dalam satu penggal menjadi Naib Presiden, dia sudah mau lawan tauke. Orang yang bercita-cita besar (ada yang kata bernafsu besar) seperti Anwar pun menunggu masa dua penggal selepas dipilih menjadi Naib Presiden sebelum mencabar jawatan Timbalan Presiden. Itu pun Anwar telah melalui tiga kali pertandingan merebut jawatan Ketua Pemuda. Sedangkan Najib hanya dianugerahkan jawatan itu, tanpa perlu bertanding, kerana beralih sokongan dari Team B kepada Team A, pada tahun 1987 lalu. Ini bermakna kekuatan Najib belum teruji. Lagi pula kepemimpinannya dalam Pemuda Umno disifatkan sebagai mandul dan gersang sama ada dari segi tindakan ataupun pemikiran.

"Dalam politik Umno apa saja boleh berlaku. Jangan pandang rendah kehebatan Najib. Najib ada empayar pengaruhnya yang tersendiri. Najib ada jentera kempennya yang baik dan tersendiri. Kalau tak ada *Team Wawasan* pun Najib boleh menanglah, insya-Allah," kata salah seorang penyokong *Team Wawasan*. Bagaimanapun dia lebih banyak membantu Muhd Taib dan Muhyidin Yassin.

"Betullah tu ... dalam politik Umno yang caca-marba ini macam-macam boleh berlaku. Tapi mesti ada rasionalnya, ada logiknya. Macam Anwar lawan Ghafar juga, ada logiknya, ada asasnya. Sebab itu aku berani tulis buku *Anwar Lawan Ghafar?*, sepuluh bulan sebelum Anwar isytihar bertanding. Alih-alih menang percuma pula. Ini ... Najib nak lawan Anwar? Apa alasannya?" Saya cuba mencari jawapan dari teman lama itu.

"Lutfi, hang pun yang bagitau aku, dan hang tulis dalam buku *Operasi Nyah 2*, kata kalau Najib dan Muhd Taib menang, Anwar lebih suka pilih Muhd Taib atau Muhyidin sebagai orang no. 2. Muhd Taib lebih lemah dari Najib. Muhd Taib tak banyak pengaruh selain dari sekitar negeri Selangor. Begitu juga Muhyidin. Dan Anwar tidak mahu orang kanannya yang kuat macam Najib ...."

"Apalah yang kuatnya Najib tu?" saya memintas.

"Dibanding dengan Muhd Taib, Muhyidin dan juga Rahim, aku yakin Najib yang terkuat. Jumlah pencalonan jawatan Naib Presiden membuktikan ...."

"Dulu apa kurangnya jumlah pencalonan Muhyidin, akhirnya tertiarap juga," saya mengingatkannya.

"Begini, kalau benar Anwar mahu ketepikan Najib, apa kau fikir Najib boleh terima begitu sahaja. Nafsu Najib pun besar. Najib pun nak jadi PM juga."

"Tapi kawan, tiga tahun lagi Mahathir akan berhenti. Kalau dia tak berhenti pun, mungkin Mahathir akan diberhentikan. Jadi Anwar sudah melompat satu lagi anak tangga, ke jawatan Presiden parti. Habis, perlu apa Najib lawan Anwar? Bukankah peluangnya lebih cerah untuk jawatan Naib Presiden? Dibandingkan dengan Muhd Taib atau Muhyidin, Najib lebih senior. Najib sudah jadi Naib Presiden (Ketua Pemuda) selama dua penggal," saya yakin dia tak puas hati. Teman saya itu berubah tempat duduk, mencari posisi yang lebih selesa untuk terus berhujah.

"Betoi juga cakap hang tu. Buat apa Najib perjudikan masa depan politiknya. Ikut sajalah Anwar, jangan buat pandai-pandai. Memang, Anwar bukannya suka anak buahnya tunjuk pandai, buruk akibatnya nanti. Najib masih muda, bukan tak boleh sabar sikit."

"Tentang hal itu, aku tak setuju. Macam Anwarlah, kalau fikir dari segi muda, buat apa dia cabar Ghafar, sampai lingkup orang tua itu dibuatnya. Memang Anwar masih muda, jadi tunggulah dua tiga tahun lagi, masanya akan sampai. Tapi sebagai *political animal* Anwar tidak boleh tunggu kerana risiko lain menunggu juga. Mana tahu kalau Mahathir jalan dulu, Ghafar jadi PM, dilantiknya Sanusi atau Pak Lah, mati tak tutup mata Anwar. Anwar pun sedar dia bukannya kuat sangat. Dia kelihatan kuat kerana media di belakangnya dan jawatan keramat Menteri Kewangan itu. Kalau Ghafar lantik Anwar jadi Menteri Kebajikan Masyarakat, apa lagi yang ada pada Anwar," saya nampak teman saya itu mula menganggukkan kepalanya.

Najib hanya muda enam tahun dari Anwar, dalam politik boleh dikatakan sebaya. Najib boleh jadi orang no. 2 kepada Anwar, tetapi ia memakan masa yang cukup lama untuk menunggu Anwar berundur. Rasa-rasanya Najib tak sabar nak menunggu, ibarat menunggu buah tak jatuh. Tapi, Muhd Taib lebih tua daripada Anwar, macam mana pula ni? Mungkin nafsu Muhd Taib tak sebegitu besar nafsu Anwar dan Najib. Kalau nak tahu lebih lanjut, tanyalah Ku Yah!

"Maksud kau Lutfi ... Najib takut Anwar beri sokongan pada Muhd Taib atau Muhyidin?"

"Dasar pecah dan perintah. Itu semua kena ingat, tak kira Najib, Muhyidin ataupun Muhd Taib. Anwar akan pastikan orang-orang di bawahnya tidak sehati. Anwar akan

wujudkan perasaan curiga-mencurigai antara naib-naib presiden dari teamnya. Lagi pula rekod Najib tunjukkan dirinya yang boleh melompat kem, ini bahaya bagi Anwar. Dan dengar kata Najib hadapi sedikit masalah di Johor. Kononnya masa pertandingan 1990 dulu, Najib arahkan perwakilan Pemuda ke perhimpunan agung supaya tidak menyokong Muhyidin. Najib mahu mereka sokong Wan Mokhtar supaya bila Wan Mokhtar berundur, Najib ada peluang."

"Kalau macam itu, tidak mustahil Najib akan join dengan Pak Lah ... itu pun kalau Pak Lah menang. Dan jika Sanusi pun menang sama, kacau dibuatnya Anwar."

"Tapi dilihat rekod antara mereka, Anwar lebih bijak, lebih licik, lebih hebat tipu muslihatnya, tahulah apa yang akan dirancangnya nanti ... jangan sampai ada tokoh yang berani mencabarnya," saya mencelah.

"Lawan mesti lawan. Paling kurang di peringkat pencalonan, barulah duit masuk. Orang Umno tahu, kalau tak ada pertandingan, mereka tak boleh rasa nikmatnya makan dan tidur di hotel, melancong ke luar negara secara percuma, dan duit panas dalam sampul yang cantik-cantik."

# 44

# CIA RESTUI ANWAR?

Benarkah CIA restui Anwar menjadi PM negara ini selepas Mahathir? Kalau benar kenapa? Apa istimewanya Anwar sehingga agensi perisikan Amerika itu berkenan pada Anwar? Apakah hanya Anwar dapat menjamin kepentingan Amerika di rantau sebelah sini?

Soalan-soalan di atas memang berbentuk provokasi. Kita tidak pasti sejauh mana berperanannya kuasa-kuasa besar terutamanya Amerika menjalankan jarumnya di negara ini. Tentunya tidak ada bukti yang nyata dan jelas pambabitan Amerika dalam percaturan politik Umno sebelum ini, bermula zaman Tunku Abdul Rahman hinggalah ke Mahathir Mohamad. Kata seorang kawan, penyingkiran Aziz Ishak zaman Tunku dulu mungkin ada difaktorkan juga oleh kepentingan British.

Tapi kedudukan Malaysia cukup strategik. Amerika tidak memandang Malaysia hanya dengan sebelah mata. Amerika sudah pasti berminat dengan perkembangan mutakhir politik negara, apatah lagi pertumbuhan ekonomi Malaysia begitu membanggakan.

Manusia yang bernama Anwar Ibrahim ini memang menarik perhatian siapa saja. Waktu dia jadi budak U dulu pun ramai peminat. Ditambah lagi bila jadi Presiden ABIM, karenah Anwar cukup memeningkan pemerintah waktu itu. Ya, Anwar dikenali kerana keradikalan dan kelantangannya bersuara. Anwar berjaya meniupkan semangat anak-anak muda Islam untuk menentang sebarang ketidakadilan dan penyelewengan. Saya yakin, Amerika sejak dari itu telah memberi tumpuan kepada Anwar, anak muda yang akan menjadi tokoh ternama satu hari nanti.

Sikap dan aksi Anwar semasa menerajui kepimpinan pelajar tentunya belum dapat dilupakan. Polisi Anwar ketika itu ialah: "Zaman tolak ansur sudah mati! Zaman diskusias sudah mati! Sudah kita kuburkan bersama-sama keranda jingga yang berbalut dengan se

janji dan kepalsuan manusia."

Bagaimanapun ramai juga bekas-bekas pelajar UM yang mendakwa Anwar bukannya hebat sangat sebagai pemimpin pelajar merujuk kepada penentangannya terhadap kuasa-kuasa besar. Aksi-aksi protes pemimpin-pemimpin pelajar yang berlatarbelakangkan sosialis, seperti Syed Hamid Ali, jauh lebih menonjol. Anwar hanya garang dalam kempen menentang Almarhum Tunku Abdul Rahman dan geraknya masih terikat sebagai seorang nasionalis. Mesyuarat Agung Tergempar Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) di bawah kepimpinan Anwar telah mengambil keputusan tidak percaya kepada Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia dan dengan itu Tunku hendaklah meletakkan jawatannya. Demonstrasi dianjurkan, surat terbuka Dr Mahathir dilayangkan. Antara cogankata yang dipamerkan ialah "Regim Tunku Imperialis dan Feudalis." Hanya setakat itu perjuangan Anwar di kampus, kata mereka. Tetapi ia tidak pula menafikan pembabitan Anwar yang berkesan dalam perjuangan pelajar sehingga walaupun Anwar telah keluar dari kampus, pengaruhnya tetap hebat di kalangan pelajar.

Sekali pandang, orang seperti Anwar, yang sering menganjurkan demonstrasi menentang neo-imperialisme kuasa-kuasa besar, khususnya Amerika, digeruni Amerika. Amerika sewajarnya menghalang kenaikan Anwar dengan menggunakan apa saja cara. Mana tahu, anak muda yang pernah menjamkan jalan-jalan raya sekitar Kuala Lumpur dengan aksi-aksi protesnya terhadap Amerika, boleh menyebabkan Amerika mendapat susah di rantau sebelah ini. Amerika semestinya "menyembelih" Anwar, lama sebelum Ghafar "disembelih" Umno. Anak muda yang pernah bertemu Khomeini di peringkat awal penubuhan Revolusi Islam Iran ini mesti disekat kerana mungkin dia akan menimbulkan banyak masalah kepada Amerika.

Tapi, kalau itu keadaannya, bagaimana orang boleh tuduh CIA restui Anwar menjadi PM selepas Mahathir? CIA yang cukup hebat pemusuhannya dengan Islam, takkan sanggup merestui Anwar, bekas Presiden ABIM yang lantang dan pernah bersikap anti-Amerika itu. Kenapa CIA tak pilih Ghafar, atau Tengku Razaleigh? Ataupun CIA tidak ada pilihan lain. Tentunya CIA mustahil menaikkan Ghafar yang telahpun ditolak dan "disembelih" Umno. CIA tidak boleh masuk terlalu jauh dalam pergolakan dalaman Umno dan proses pertukaran kepimpinan negara ini. Yang pasti, CIA memang tidak ada pilihan lain. CIA tidak mampu menolak Anwar dan tidak ada sebab untuknya menolak Anwar. Anwar sudah lama dijinakkan, semenjak dalam ABIM lagi, menjelang kemasukannya dalam Umno.

CIA menjerat Anwar melalui dalangnya, iaitu Arab Saudi. Semua orang tahu bagaimana akrabnya hubungan Arab Saudi dengan Amerika, seperti ramai juga orang tahu intimnya hubungan Anwar dengan Arab Saudi. Anwar pernah minta dihapuskan beribu-ribu majalah yang diterbitkan oleh seorang bekas teman karibnya kerana antara isi kandungan majalah itu menyelar Arab Saudi. Sewaktu dalam ABIM lagi, mulut Anwar terkunci dari memperkatakan segala penyelewengan dan kezaliman yang dilakukan oleh Arab Saudi. Hubungannya dengan Arab Saudi mencakupi bantuan kewangan yang bukan sedikit kepada ABIM, IIFSO dan WAMY, yang mana Anwar ada kepentingan besar di dalamnya.

Maknanya CIA memasukkan jarumnya secara tidak langsung, iaitu melalui Arab Saudi, yang mana hubungan Anwar dengan Arab Saudi terus terjalin dengan baiknya. Begitu juga dengan sikap ABIM pasca-Anwar, hubungan Arab Saudi berjalan dengan penuh mesra,

walaupun banyak juga tindak-tanduk Saudi yang menyakitkan mata, khususnya dalam isu Perang Iraq - Amerika dulu.

Ada pihak berhujah, Amerika mahukan Malaysia terus stabil, makmur dan maju, asalkan jangan sampai menjolok matanya dan menjejaskan kepentingannya. Banyak manfaat yang Amerika boleh dapat sekiranya Malaysia terus stabil dan kukuh ekonominya. Dalam pada itu Amerika tidak mahu kebangkitan apa yang digelarnya fundamentalis di negara ini. Golongan "fundamentalis" sebenarnya ingin terus, malah memantap dan memperkembangkan pertumbuhan ekonomi negara, dengan syarat Islam tidak dipinggirkan. Malah Islamlah yang akan memacu pertumbuhan ekonomi dan memastikan ianya diagih secara adil dan harmonis.

Mungkin bagi pandangan Amerika, Ghafar bukannya pemimpin yang kuat. Ghafar sudah tua, tidak bertenaga dan tidak cukup kuat untuk memimpin Malaysia, sebuah negara yang mudah digoyangkan kestabilannya. Anwar walaupun mempunyai rekod buruk pada Amerika, tetapi ia seorang pemimpin muda dan sekarang dilihat mempunyai penyokong yang ramai. Demi kuasa Anwar akan meleburkan segala pegangannya selama ini, jika dilihat pegangannya itu boleh melucutkan kuasanya. Amerika tidak perlu bimbang kerana Anwar tidak akan memperjudikan kedudukannya sebagai PM hanya untuk mempertahankan prinsip tertentu. Anwar sudah membayar harga yang terlalu mahal untuk menjadi PM, tentulah dia tidak mudah melepaskannya hanya kerana sebab yang kecil.

Di bawah pentadbiran Anwar, Amerika merasakan Malaysia terus stabil dan kebal dalam membentengi pengaruh gerakan Islam yang sentiasa mencabar Amerika, seperti PAS. Anwar ada kekuatan untuk berhadapan dengan PAS; sama ada memastikan PAS terus lemah dan hanya bergerak di pinggiran, ataupun menjinakkan PAS seperti pertubuhan-pertubuhan Islam lainnya. Amerika tentunya tak mahu PAS kuat. Dan mungkin Amerika merasakan, jika negara ini tidak stabil, merosot pertumbuhan ekonominya, meningkatnya kadar pengangguran - di bawah pentadbiran tokoh seperti Ghafar - rakyat lebih mudah menyokong parti Islam. Dalam zaman tiada lagi pengaruh sosialis, rakyat akan tertarik dengan Islam. Jika keadaan itu berlaku, ianya pasti tidak menggembirakan Amerika.

PAS sudahpun menawan sebuah negeri. PBS menakluki Sabah. Terengganu dalam keadaan tidak stabil bagi BN. Dalam keadaan sekarang hanya BN dapat dipercayai oleh Amerika. Tengku Razaleigh, yang dulunya - dalam kempen pertandingan no.2 Umno - dikatakan boleh bertolak ansur dengan kuasa luar, kini mungkin lebih digeruni Amerika daripada Mahathir. Ku Li yang banyak bercakap soal demokrasi, soal keadilan, soal bahayanya dibuka peluang tanpa had kepada pelabur-pelabur asing, soal pengagihan ekonomi yang adil dan merata, sudah pasti tidak digemari Amerika. Apatah lagi Ku Li semakin rapat dengan PAS dan membentuk kerajaan bersama di Kelantan.

Sememangnya Amerika tidak ada pilihan. Hanya Anwar dapat menyekat pengaruh PAS. Hanya Anwar yang diharapkan untuk menawan kembali Kelantan; ini diakui sendiri oleh Timbalan Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Annuar Musa. Anwar boleh memukau golongan yang rapat dengan agama. Anwar dijangka dapat memainkan peranan yang berkesan membantu Umno di Kelantan, Terengganu dan Kedah, lebih daripada apa yang boleh dilakukannya di Johor, Selangor, Perak, Pulau Pinang mahupun Melaka.

Jadi tidak hairanlah kalau Anwar mendapat sokongan tidak langsung, tetapi jelas

menonjol, dari tokoh-tokoh kongres Amerika. Yang paling menakjubkan ialah sokongan dan pujian yang begitu hebat dari bekas Perdana Menteri Britain, Lady Margaret Thatcher. Semasa kunjungannya ke negara ini, 3 September 1993, Thatcher berkata: "Jikalau Menteri Kewangan (Anwar) boleh dijual beli sebagaimana bintang bolasepak, saya percaya beberapa negara lebih kaya akan sanggup membayar yuran yang mahal untuk mendapatkannya." Thatcher turut memuji Anwar kerana mengamalkan dasar kewangan dan fiskal yang berhati-hati serta menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan terbuka.

"Apa nak dihairankan pujian Thatcher kepada Anwar itu? Bukankah Anwar menyelamatkan ekonomi Britain yang hampir runtuh dua tahun lalu, bila Bank Negara membeli pound sterling hampir 50 bilion," ujar seorang teman, seorang penyokong PAS.

"Cuba kau bayangkan Lutfi, tentu ada sesuatu yang tak kena pada Anwar dari segi perjuangan Islam, hingga dia begitu digemari Amerika dan Britain. Selalunya pemimpin yang berjiwa Islam tidak mendapat layanan yang begitu dari mereka. Tengoklah apa yang berlaku dengan Sudan, yang baru hendak melaksanakan Syariah. Apa lagi layanan kepada Iran dan Saddam. Di Pakistan sendiri CIA sokong Benazir," sambungnya.

Ada juga teman-teman yang melihat, apa yang berlaku semua ini berasaskan kepada perancangan Barat untuk menghalang kebangkitan Islam di Malaysia. Anwar telah membuktikan kepada dunia bahawa dia berjaya meranapkan impian PAS bila Anwar menyertai Umno sebelas tahun lalu. Ketika itu PAS bersemangat baru, di bawah kepimpinannya yang baru, di tengah-tengah semaraknya sokongan umat Islam kepada perjuangan Islam. Kini, Anwar ditugaskan dalam misi yang lebih hebat, memastikan Kelantan ditawan semula Umno dan kemaraan PAS di Terengganu disekat.

"Itu semua teori kosong penyokong PAS. Manalah CIA fikir sampai ke situ. Percayalah, siapa pun yang memerintah Malaysia tidak akan berani mengubah dasar yang ada, terutama berkaitan dengan dasar luar, secara drastik," tangkis seorang penyokong Anwar.

# 45

# SIAPA ANWAR AKAN LANTIK JADI MENTERI KEWANGAN? KENAPA PILIHANRAYA UMUM AKAN DIPERCEPAT?

Seorang profesor ekonomi memberitahu saya, agenda Anwar selepas memenangi jawatan Timbalan Presiden Umno, seterusnya TPM ialah menggesa Mahathir supaya mengadakan pilihanraya umum dalam tempoh yang lebih awal. Tujuannya untuk membersihkan segala anasir-anasir yang boleh membawa masalah kepadanya atau pun yang boleh melambatkan pencapaian secara total cita-citanya.

Di samping itu, juak-juak Anwar sudah tidak sabar lagi mengecap segala nikmat kemenangan Anwar. Bukan kita tak tahu, kebanyakan mereka pelahap mereka. Ada yang sudah mimpi-mimpi mahu jadi menteri, menteri besar, timbalan menteri, setiausaha parlimen, pengerusi badan-badan berkanun dan korporat dan seumpamanya. Anwar sudah ada satu set kepimpinan yang lengkap bagi menggantikan atau paling kurang merombak barisan yang ada; sebab itulah klik Anwar amat bangga sekali dengan istilah angin perubahan. Ya, perubahan demi kepentingan masing-masing, bukannya diasaskan kepada kepentingan umat dan negara.

Hanya dengan adanya pilihanraya barulah segala wakil rakyat di peringkat Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen, anggota-anggota exco dan Kabinet yang tidak serasi dengan klik Anwar dapat ditukar. Begitu juga dengan perlantikan Senator di Dewan Negara. Anwar mesti tunaikan janjinya semasa berkempen. Bukan sedikit yang dijanjikan jawatan yang boleh membawa pulangan kebendaan yang mewah dan mengasyikkan.

Tokoh-tokoh yang terlambat menyeberang kem mungkin akan digugurkan. Anwar bukannya tak tahu siapa yang menyokongnya kerana terpaksa atau kerana tidak ada pilihan lagi. Anwar bukannya buta melihat mereka yangh beria-ia mengampunya hanya selepas melihat kekuatannya, bukan dari awal bersusah payah bersama-sama merintis jalan ke Seri Perdana.

Tapi, mungkinkah dengan pilihanraya cepat ia akan menguntungkan pembangkang bila tokoh-tokoh yang tersisih dari kepimpinan Umno akan join pembangkang? Saya rasa tidak. Sekarang tidak ada isu besar ayng menyebelahi pembangkang. Tambahan pula ketiga-tiga pilihanraya kecil di Bukit Payong, Batu Talam dan Kampung Raja menyaksikan sokongan yang meningkat kepada Umno. Di kampus-kampus pula mahasiswa sudah beralih selera, dari menyokong kumpulan pelajar yang rapat dengan pembangkang kepada kumpulan yang rapat dengan klik Anwar. Apatah lagi kedudukan ekonomi negara nampaknya cukup baik walaupun masih ramai rakyat yang merintih dalam kemiskinan. Dan gabungan pembangkang masih tidak terurus dengan baik. PAS dan DAP belum dapat melakukan apa-apa perubahan yang positif ke arah permuafakatan politik pembangkang yang padu. Selagi mana PAS dan DAP bertelagah, BN tak perlu risau majoriti dua pertiganya akan dinafikan di Parlimen.

Saya menjangkakan jika berlaku rombakan Kabinet selepas pemilihan nanti, Anwar akan memastikan kementerian yang begitu penting kepada kecenderungan pengundian tiga tahun lagi akan berada di bawah teman-teman akrabnya, yang amat dipercayai tanpa keraguan. Namun Kementerian Pendidikan, antara kementerian yang terkanan, hanya akan diberikan kepada Naib Presiden Umno jika ia diwakili oleh anggota kliknya. Kalau tidak lebih baik dikekalkan kepada tokoh-tokoh Melayu luar Umno, yang tidak akan mem... saingan kepadanya, macam Sulaiman Daud sekarang.

Sepatutnya Kementerian Pendidikan diketuai oleh pemimpin-pemimpin kanan Umno seperti yang dibuktikan oleh Mahathir Mohamad, Musa Hitam, Abdullah Badawi dan Anwar sendiri. Selepas Anwar dipindahkan ke Kementerian Kewangan, sudah semestinya dipilih pengganti daripada naib-naib presiden yang ada ketika itu, iaitu antara Pak Lah dan Sanusi. Katalah Pak Lah mempunyai rekod yang agak gelap, kenapa tidak boleh diamanahkan kepada Sanusi? Ramai pihak percaya, Anwarlah yang melobi Mahathir agar jangan melantik mereka, sebaliknya memberinya semula kepada Sulaiman Daud yang sering sakit ketika itu. Bukan orang tak tahu apa yang Anwar buat di Kementerian Pendidikan demi kepentingan politiknya. Habis orang-orang Pak Lah ditukar untuk tujuan itu. Anwar tahu Kementerian Pendidikan dapat memberi kelebihan kepada mana-mana tokoh Umno yang mahu naik ke atas, walaupun ia tidaklah sebegitu hebat macam Kementerian Kewangan.

Timbul satu lagi isu, apakah Anwar akan mengosongkan jawatan Menteri Kewangan selepas dilantik menjadi TPM? Apakah benar Anwar mengidam jawatan Menteri Keselamatan Dalam Negeri pula, dan meninggalkan jawatan keramat Menteri Kewangan kepada tokoh bukan politik, seperti Mahathir pernah melantik Daim Zainuddin dulu. Sekiranya jawatan Menteri Kewangan terlepas ke tangan seteru politiknya ataupun tokoh yang berpotensi menentangnya balik, Anwar akan menyesal tak sudah. Tapi takkan Anwar nak pegang dua jawatan yang cukup berat, TPM dan Menteri Kewangan? Nanti nampak mecam tak percaya pada orang lain pula. Ahhh ... persetankan semua itu. Dulupun ada juak-juak Anwar dari Kelantan beritahu saya, Mahathir akan lantik Anwar pegang dua jawatan sekaligus, iaitu sebagai Menteri Kewangan dan Menteri Pendidikan.

Pilihan terbaik Anwar ialah terus memegang jawatan itu hinggalah dapat dicari tokoh-tokoh korporat yang sesuai. Anwar rasanya akan memastikan jawatan Menteri Kewangan tidak disandang oleh bukan tokoh politik untuk menjamin masa depannya. Tak tahulah kalau Anwar sengaja mahu buat kejutan, melakukan sesuatu yang tidak terfikir oleh orang b... Anwar akan berbuat begitu.